berlaku termasuklah dalam industri¹¹. Terdapat pelbagai jenis risiko yang perlu diuruskan dalam industri takaful merangkumi risk operasi, risiko pengunderaitan, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan serta risiko perundangan dan risiko syariah¹².

Secara dasarnya, insiden risiko syariah telah berlaku dalam industri kewangan Islam di peringkat global. Keadaan ini memberi imej negatif kepada industri kewangan Islam di peringkat global dan menyebabkan pasaran berhati-hati untuk memilih kontrak kewangan Islam. Terdapat kes yang melibatkan pertikaian mengenai ketidakpatuhan Syariah yang berlaku dalam seperti kes *Investment Dar, a Kuwaiti investment company*¹³. Kes Berkaitan Pelaburan *The Investment Dar (TID) Company K.S.C.C (Kuwait) Lawan Blom Development Bank (Blom) S.A.L (Lebanon)*¹⁴ yang memberi impak yang besar kepada industri kewangan Islam. Pertikaian ini melibatkan kredibiliti produk patuh Syariah dan kontrak *Master Wakala* yang diguna pakai dalam perjanjian tersebut di peringkat awal kontrak. Akibat kegagalan *TID* menguruskan dana tersebut menyebabkan Penasihat Syariah *TID* bertindak membatalkan status patuh syariah kontrak *Master Wakala* tersebut dan menyebabkan kes ini dibawa ke mahkamah.

Dalam sektor pasaran modal Islam juga turut mengalami insiden risiko syariah contohnya pada penghujung tahun 2007. Sheikh Taqi Usmani menyatakan sebanyak 85% terbitan sukuk berdasarkan perjanjian pembelian balik yang tidak mematuhi syariah kerana dianggap telah meniru produk sekuriti hutang konvensional¹⁵. Impak daripada kritikan mengenai sukuk pada 2007, jumlah terbitan sukuk mengalami kejatuhan pada tahun 2008¹⁶. Kenyataan Sheikh Taqi Uthmani ini turut menyebabkan kemerosotan pasaran

¹¹ Skipper H. D. dan Kwon W.J., *Risk Management and Insurance: Perspective in a Global Economy* Boston: John Wiley-Blackwell Publishing, 2007), 290.

¹² Islamic Financial Services Board (IFSB), Standard on Risk Management For Takāful (Islamic Insurance) Undertakings (Kuala Lumpur: IFSB, 2013),8-15.

¹³ Raphael Wong, “Kuwait - A dark day for Sukuk”, *Islamic Finance News* 6, no. 19 (15 May 2009), 13.

¹⁴ The Investment Dar Company KSCC v. Blom Developments Bank Sal (2009) CH/2009/PTA/0455.

¹⁵ Wafica Ali Ghoul, “The Dilemma Facing Islamic Finance and Lessons Learned from the Global Financial Crisis”, *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 60 (7), no. 1, (Jan-Mar 2011), 57-76.

¹⁶ *Ibid.*

sukuk pada penghujung pada tahun 2007. Tambahan lagi, jumlah terbitan sukuk mengalami penyusutan lagi pada 2008 sebanyak 40% berbanding tahun 2007¹⁷. Impak kenyataan Sheikh Taqi Usmani yang menyatakan bahawa sukuk tidak patuh syariah turut menyebabkan ketidakstabilan pasaran modal Islam pada tahun 2008. Insiden risiko syariah ini telah menimbulkan kesedaran di kalangan para pelabur dan pemain industri kewangan bahawa terdapat risiko tambahan dalam kewangan Islam iaitu risiko syariah yang telah menyebabkan kesan negatif terhadap pasaran sukuk¹⁸.

Selanjutnya, risiko syariah turut berlaku dalam perbankan Islam di Malaysia dalam bentuk pertikaian terhadap kontrak-kontrak perbankan Islam sehingga menyebabkan pertikaian tersebut dibicarakan di mahkamah. Berikut adalah beberapa kes perbankan Islam dan kewangan Islam yang berlaku bermula 1994-2002¹⁹.

Jadual 1.3: Kes-kes Pertikaian di Mahkamah dalam IKI (Ruziah Markom et al., 2011²⁰)

Fasa 1:1994-2002						
Nama Kes	Tarikh Keputusan	Nama Hakim		Kontrak yang digunakan.		
Tinta Press v Bank Islam Malaysia Berhad	13 Mei 1986 (1987) 2 MLJ 192	Salleh L.P.,Syed Barakbah & Hamzah, S.C.J.J	Abbas, Agil Wan	Ijarah Sewaan)	(kontrak	
Bank Islam Malaysia Berhad v Adnan Omar	18 July 1994 (1994) 3 CLJ 735	Dato' Hussein JC	Ranita	Al-Bay' Ajil (BBA) dengan bayaran tertanggung)	Bithaman	
Dato' Haji Nik Mahmud Daud v Bank Islam Malaysia Berhad	27 September 1995 (1996) 4 MLJ 295	Dato' Yusoff J	Haji Idris	BBA		
Bank Islam Malaysia Berhad v Dato' Haji Nik Mahmud Bin Daud	25 Februari 1997 (1998)3 MLJ 393	NH Abdul Ahmad, JJCA	Chan, Siti Yaakop, Malek	BBA		

¹⁷ Tahmoures A. Afshar, "Compare and Contrast Sukuk (Islamic Bonds) with Conventional Bonds, Are they Compatible?", *The Journal of Global Business Management* 9, no. 1 (February 2013), 47-58.

¹⁸ Zhamal K Nanaeva, "How risky sukuk are: comparative analysis of risks associated with sukuk and conventional bonds", (Disertasi Sarjana, The British University in Dubai, Dubai, 2010), 27-29.

¹⁹ Ruziah Markom et al., "Adjunction of Islamic Banking and Finance Cases in the Civil Courts of Malaysia," *European Journal of Law and Economics* (April 2011), 1-14.

²⁰ *Ibid.*

Jadual 1.3, sambungan.

Fasa 2: 2003-2007				
Nama Kes	Tarikh Keputusan	Nama Hakim	Kontrak	yang digunakan.
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd v Emcee Corporation Sdn Bhd	28 January 2003 (2003) 2 MLJ 408	Abdul Hamid, Richard Malajun & Ariffin Zakaria, JJCA	BBA	
Tahan Steel Corporation Sdn Bhd v Bank Islam Malaysia Berhad	23 Februari 2004 2(2004)6 CLJ 25	Abdul Malik & Ishak, J	<i>Al-Istisna'</i>	
Bank Islam Malaysia Berhad v Pasarraya Peladang	7 April 2004 (2004) MLJ 355	Zainal Adzam, PK	BBA	
Arab Mercant Bank Berhad v Silver Concept Sdn Bhd	30 Jun 2005 (2005) 5 MLJ 210	Suriyadi Halim Omar J	BBA	
Affin Bank v Zulkifli Abdullah	29 December 2005 (2006)3 MLJ 67	Abdul Wahab Patail J	BBA	
Malayan Banking Bhd v Marilyn Ho Siok Lin	8 Jun 2006 (2006) 7 MLJ 249	David Wong Dak Wah JC	BBA	
Malayan Banking Bhd v Ya'kup Oje & Anor	30 Ogos 2007 (2007)6 MLJ 389	Hamid Sultan Abu Backer, JC	BBA	
Bank Muamalat Malaysia Berhad v Suhaimi Bin Md Hashim	(2007) 1 MLJ 275	Abdul Wahab Patail J	BBA	
Bank Kerjasama Rakyat Berhad v PSC Naval Dockyard Sdn Bhd	14 December 2007 (2008) 1 CLJ 784	Rohana Yusuf, JC	<i>Bay' al-Inah</i>	

Jadual 1.3, sambungan.

Fasa 3: 2008 dan ke atas				
Nama Kes	Tarikh Keputusan	Nama Hakim	Kontrak yang digunakan.	
Arab-Malaysian Finance Berhad v Taman Ihsan Jaya & Ors (Koperasi Seri Kota Bukit Cerakah, Third Party)	18 Julai 2008 (2008)5 MLJ 631	Abdul Wahab Patail J	BBA	
Sea Oil Mill (1979) Sdn Bhd v Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	28 Ogos 2008 (2010) 1 CLJ 793	James Foong, Zaleha Zahari & KN Segar, JJCA	<i>Bay' al-Inah</i>	
Majlis Amanah Rakyat v Bass Bin Lai	10 Februari 2009 (2009)2 CLJ 433	Hamid Sultan Abu Backer, JC	<i>Bay' al-Inah</i>	
Light Style Sdn Bhd v KFH Ijarah House (Malaysia Sdn Bhd)	6 Mac 2009 (2009) 3 CLJ 370	Rohana Yusuf, J	<i>Murabahah</i>	
Tan Sri Abdul Khalid Bin Ibrahim v Bank Islam Malaysia Berhad dan lain-lain.	21 Ogos 2009 (2009) 6 MLJ 416	Rohana Yusuf, J	BBA	
Bank Islam Malaysia Berhad v Lim Kok Hoe & Anor dan lain-lain rayuan	26 Ogos 2009 (2009) 6 MLJ 839	Raus Sharif, Abdul Hamid Embong dan Ahmad Maarop, JJCA	BBA	
Bank Islam Malaysia Berhad v Azhar dan 3 lagi	28 Januari 2010	Rohana Yusuf, J	BBA	

Berdasarkan jadual 1.3, Ruziah Markom et al., mendapati bahawa isu perbankan dan kewangan Islam dibawa ke mahkamah disebabkan beberapa faktor antaranya perundangan dalam perbankan Islam tidak diteliti sepenuhnya memastikan dokumen tersebut bertepatan dengan syariah. Seterusnya, pertikaian kontrak perbankan Islam turut disebabkan perbezaan keputusan perundangan daripada Badan Penasihat Syariah institusi kewangan

Islam yang berlainan²¹. Malahan, Bälz perlu mengkritik aspek patuh syariah dalam kewangan Islam dengan berpandangan bahawa pematuhan syariah dalam kewangan Islam tidak membantu melindungi pihak-pihak yang berkontrak untuk memenuhi liabiliti kontrak kewangan Islam tersebut. Tetapi, pematuhan syariah ini bertujuan mengambil kesempatan terhadap kelemahan status patuh syariah yang menyebabkan pertikaian demi pertikaian terhadap status patuh syariah sesuatu kontrak sehingga menghilangkan hak-hak pihak yang berkontrak²².

Secara khusus, terdapat sebuah SPT di Pakistan telah berhadapan dengan kerugian setelah didenda kerana brosur pemasaran yang dianggap mengelirukan dan maklumat yang tidak jelas. *The Securities and Exchange Commission of Pakistan (SECP)* mengarahkan SPT Pak-Qatar Family Takaful dan Ketua Pengarah Operasinya untuk membayar masing-masing sebanyak 800 000 Pakistan Rupee dan 300 000 Pakistan Rupee kerana memaparkan brosur pemasaran yang mengelirukan dan tidak jelas kepada pasaran melalui salah satu agen korporatnya yakni BankIslami Pakistan²³. Walaupun kesalahan tidak menyatakan maklumat jelas dalam brosur pemasaran ini tidak dinyatakan secara langsung adalah insiden risiko syariah. Akan tetapi, tindakan SPT Pak-Qatar Family Takaful tidak memaparkan maklumat yang jelas dalam brosur pemasaran menyebabkan adanya elemen-elemen tidak patuh syariah iaitu *gharar* atau ketidakpastian dan ini turut menunjukkan keterdedahan untuk terjadi insiden risiko syariah serta akibatnya jelas menyebabkan kerugian kewangan dalam SPT tersebut.

Setakat ini, industri takaful di Malaysia belum berhadapan dengan insiden risiko syariah yang besar yang menyebabkan implikasi negatif dalam industri kewangan Islam

²¹ *Ibid.*, 22-23.

²² Bälz, K., "Shari'ah Risk? How Islamic Finance Has Transformed Islamic Contract Law", *Occasional Publications* 9, Islamic Legal Studies Program (Cambridge, MA, Harvard Law School, 2008), 25.

²³ The Express Tribune, "SECP fines Pak-Qatar Family Takaful For Deceptive Marketing, 2 March 2013", laman sesawang *The Express Tribune*, dicapai pada 6 Julai 2013, <http://tribune.com.pk/story/514520/secp-fines-pak-qatar-family-takaful-for-deceptive-marketing/>

sepertimana isu sukuk pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, terdapat isu-isu tertentu yang telah mula berlaku yang turut mendedahkan SPT untuk berlakunya risiko syariah. Contohnya dalam kes *Teng Gia Hwa & 1 or v Syarikat Takaful Malaysia Bhd*²⁴. Keputusan penghakiman telah menggunakan faedah tambahan 4% dan 8% daripada jumlah bayaran tuntutan yang dibuat yang menimbulkan isu syariah dalam kes tersebut berikutan bayaran denda tersebut dikatakan mirip kepada transaksi riba²⁵. Selain itu, pematuhan syariah berasaskan kepada resolusi syariah MPS BNM yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, resolusi syariah MPS BNM ini agak terbuka untuk kepelbagaian praktis dan interpretasi untuk disesuaikan dengan amalan di SPT masing-masing. Hasil keputusan dan resolusi MPS BNM diguna pakai terhadap praktis operasi dan aktiviti dalam industri takaful turut terdedah kepada kepelbagaian interpretasi dan pandangan daripada kepakaran syariah. Akibatnya, kepelbagaian interpretasi dan pandangan daripada kepakaran syariah mengenai resolusi dan keputusan syariah ini akan menyebabkan pertikaian dan konflik antara peruntukkan perundangan dan interpretasi kepakaran syariah disebabkan ketiadaan standard pematuhan syariah yang digazetkan dengan jelas²⁶.

Sementara itu, Abdullah Haron dan Dawood Taylor menjelaskan bahawa SPT terdedah kepada risiko tambahan iaitu risiko berkaitan pematuhan syariah atau dikenali sebagai risiko syariah. SPT akan terdedah kepada insiden risiko syariah sekiranya SPT gagal dalam memastikan setiap operasi takaful mematuhi syariah termasuk pengunderaitan, pelaburan, dana-dana pelaburan dan menggelakkan penerimaan urus niaga yang dilarang dalam kontrak takaful. Kegagalan menguruskan ketidak patuhan syariah akan

²⁴ Sabah Law Courts, “Teng Gia Hwa@Gary Teng, Jean-Francois Cormerais VS Syarikat Takaful Malaysia Berhad,” laman sesawang *Sabah Law Court*, dicapai 7 Mac 2013, http://www.highcourt.sabah.sarawak.gov.my/apps/highcourt/sabah/modules/highcourt_cap/components/publishing/index3_judgment_list.php?offset=10&judge

²⁵ Salman Lambak dan Izah Mohd Tahir, “Juristic Analysis on the Applications of Common Law in Malaysia Takaful Act 1984 Based on Doctrine *al-‘Urf*,” *Asian Social Science* 9, no. 9 (2013), 262-269. Lihat ulasan lanjut dalam, Mohd Faiz Mohamed Yusof et al., Tadbir Urus Syariah dalam Industri Takaful di Malaysia: Implikasi Pra dan Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. *Sains Humanika* 5, no.1, 77-85.

²⁶ Madzlan Mohamad Hussain, “Legal Issues in Takaful,” dalam *Takaful Islamic Insurance: Concept and Regulatory Issues*, ed. Simon Acher, Rifaat Ahmed Abdul Karim dan Volker Nienhaus (Singapore: Wiley and Sons (Asia) Pte. Ltd, 2009), 72.

mendorongkan kepada berlaku insiden risiko Syariah dan memberi reputasi negatif kepada SPT. Ini akan menyebabkan kesan negatif berikutan kegagalan pihak peserta yang telah diterima untuk memperbaharui sumbangan takaful mereka. Dalam masa yang sama, ini menyebabkan kesukaran kepada bakal peserta baru untuk menyertai kontrak takaful akibat hilang kepercayaan bakal para peserta terhadap kemampuan SPT untuk menjalankan kontrak takaful berdasarkan pematuhan syariah²⁷. Penurunan dalam penyertaan kontrak takaful turut menjejaskan dana *tabaruq*' seterusnya memberikan kesan terhadap kemampuan industri takaful memenuhi liabiliti kontrak takaful dan turut mengurangkan jumlah keuntungan SPT²⁸. Selain itu, kegagalan SPT menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT menyebabkan SPT berhadapan dengan tindakan undang-undang seperti denda dan hukuman penjara.

Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menganalisis keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia untuk mengukuhkan tahap kesiap siagaan (*awareness*) SPT-SPT untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah tersebut dan juga bertujuan mengelakan terjadi insiden-insiden risiko syariah dalam SPT di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan membincangkan lima persoalan berdasarkan kepada permasalahan kajian.

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1.4.1 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep keterdedahan risiko syariah?

²⁷ Abdullah Haron dan Dawood Taylor, "Risk Management in Takaful" dalam *Takaful Islamic Insurance: Concept and Regulatory Issues*, ed. Simon Archer, Rifaat Ahmed Abdel Karim dan Volker Nienhaus (Singapura: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd, 2009), 171.

²⁸ Asyraf Wajdi Dusuki, Mohammad Mahbubi Ali dan Lokmanulhakim Hussain, "A Framework For Islamic Financial Institutions to Deal with Shari'ah Non-Compliant Transactions," *ISRA Research Paper* 42 (2012), 27-32.

- 1.4.2 Bagaimana perundangan pematuhan syariah semasa Akta Takaful 1984 dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 diguna pakai dan perundangan dalam industri takaful selepas APKI 2013 digazetkan?
- 1.4.3 Apakah keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT?
- 1.4.4 Bagaimanakan pendekatan yang digunakan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT?
- 1.4.5 Apakah implikasi dasar yang boleh dimanfaatkan oleh industri takaful dalam menguruskan risiko syariah?

1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang dikenalpasti oleh penulis di dalam kajian ini terutamanya:

- 1.5.1 Menjelaskan konsep keterdedahan risiko syariah dalam kewangan Islam.
- 1.5.2 Membandingkan pematuhan syariah industri takaful semasa pra dan pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- 1.5.3 Mengenal pasti isu-isu keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia.
- 1.5.4 Menganalisis pendekatan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia
- 1.5.5 Merangka rumusan dan implikasi dasar yang bersesuaian dengan pengurusan keterdedahan risiko syariah industri takaful di Malaysia.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini meneliti secara mendalam mengenai keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Keterdedahan risiko syariah yang diteliti dalam kajian ini meliputi keseluruhan operasi SPT termasuklah pelaburan dana, aktiviti pemasaran, penerimaan risiko takaful am dan keluarga, kakitangan dan agen SPT dan pelbagai lagi. Hasil dapatan

kajian untuk membantu para pengamal dalam industri takaful memberikan awasan dan persediaan bagi menguruskan potensi risiko syariah dalam operasi SPT takaful. Bagi pihak bakal peserta dan peserta Muslim pula, kajian ini akan menunjukkan secara terperinci mengenai bagaimanakah pendekatan yang digunakan untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah bagi mengukuhkan keyakinan status patuh syariah dalam industri takaful. Bagi pihak bakal peserta dan peserta bukan Muslim pula, kajian ini akan menjelaskan mengenai keterdedahan risiko syariah dan pendekatan pengurusan risiko syariah yang bukan hanya menyentuh mengenai halal dan haram semata-mata. Tetapi, status patuh syariah ini turut bertujuan memastikan kontrak takaful dapat memenuhi setiap liabiliti kontrak takaful dan turut melindungi serta memastikan perlindungan terhadap hak-hak peserta takaful.

Kajian ini berpotensi memaklumkan kepada para peserta dan para pemegang saham mengenai apakah keterdedahan risiko syariah yang dihadapi dalam operasi dan aktiviti SPT di Malaysia²⁹. Ini berikutan penyata laporan kewangan tahunan SPT hanya menyatakan secara umum sahaja bahawa segala operasi dan aktiviti dalam SPT adalah patuh syariah contohnya; *“Any Shariah non-compliance events occurred during the financial year were reported to Bank Negara Malaysia and rectified accordingly; and All earnings from sources or by means prohibited by the Shariah were considered for disposal to charitable causes³⁰.”*

Penyataan di atas merupakan salah satu contoh yang menunjukkan terdapat keterdedahan risiko syariah dalam operasi SPT. Namun begitu, laporan tahunan SPT hanya menyatakan secara umum tanpa memperincikan laporan mengenai keterdedahan risiko syariah yang dihadapi oleh SPT sepanjang tahun berkaitan. Oleh hal yang demikian, ketelusan dan

²⁹ Sheila Ainon Yussof, Prospects of A Sharī'ah Audit Framework For Islamic Financial Institutions In Malaysia, *Islam and Civilisational Renewal* 4, no. 1 (Januari 2013), 99.


³⁰ Syarikat Takaful Malaysia Berhad, *Laporan Tahunan 2015* (Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Berhad, 2015), 78.

maklumat mengenai keterdedahan-keterdedahan risiko syariah ini penting untuk memberi keyakinan kepada pasaran atau bakal peserta untuk mengetahui bahawa SPT-SPT telah melakukan usaha yang komprehensif untuk memastikan kontrak takaful yang disertai oleh para peserta adalah patuh syariah dan dalam masa yang sama mampu memenuhi setiap liabiliti yang dipersetujui dalam kontrak takaful.

Kajian ini juga berpotensi untuk dijadikan rujukan mengenai pendekatan pengurusan risiko syariah dalam operasi SPT di Malaysia agar pihak pengawal selia yakni BNM dapat mengeluarkan respon balas mengenai kekurangan dan kelemahan dalam pengurusan risiko syariah seperti pengeluaran notis, garis panduan, rangka kerja, standard pematuhan syariah atau apa-apa maklumat yang berterusan bagi menambah baik proses pengurusan risiko syariah dalam industri takaful. Ini selaras dengan dasar kerajaan Malaysia menjadikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam antarabangsa. Akhir sekali, kajian ini turut bertujuan untuk mengisi jurang kesusasteraan yang berkaitan keterdedahan risiko syariah khususnya dalam SPT di Malaysia.

1.7 Skop Kajian dan Limitasi Kajian

Kajian ini memfokuskan penjelasan dengan mendalam mengenai keterdedahan risiko syariah dan proses pengurusan risiko syariah dalam industri takaful. Tumpuan penjelasan dalam kajian ini merangkumi tiga aspek seperti dalam rajah 1.4:



Rajah 1.1: Skop Kajian dan Limitasi Kajian

Pertama, kajian ini menumpukan kepada keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT di Malaysia. Bagaimanapun, maklumat mengenai keterdedahan risiko syariah dalam realiti sebenar operasi dan aktiviti SPT bergantung sepenuhnya kepada informan yang ditemu bual. Ini kerana tidak terdapat dokumen yang jelas untuk maklumat awam yang menyatakan maklumat keterdedahan risiko syariah dalam SPT termasuklah laporan tahunan SPT

Kedua, kajian ini diskopkan kepada konsep pengurusan risiko syariah secara kualitatif sahaja. Oleh yang demikian, metode pengurusan risiko secara kuantitatif tidak dibincangkan dalam kajian ini. Ketiga, kajian ini berdasarkan data kajian kualitatif daripada informan-informan yang ditemu bual. Ini bererti, data kajian berkaitan keterdedahan risiko syariah dan proses pengurusan risiko syariah terhad kepada maklumat yang diberikan oleh informan-informan yang ditemubual. Walau bagaimanapun, pengkaji akan cuba sebaik mungkin untuk mendapatkan hasil temu bual yang mendalam dan jelas untuk mencapai objektif kajian ini. Keempat, kajian ini menfokuskan kepada SPT yang beroperasi di Malaysia. Oleh itu, segala perundangan, garis panduan, rangka kerja dan lain-lain dokumen

dalam kajian ini adalah berdasarkan konteks industri takaful di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya oleh informan-informan berkaitan.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji sebagai manual atau alat untuk memastikan pencapaian objektif kajian secara sistematik. Setiap kajian perlu mempunyai metodologi yang jelas untuk mengenalpasti keadaan dan keperluan sebenar kajian tetapi memerlukan pengamatan yang dalam pelbagai perspektif dan dimensi³¹. Istilah metode ini turut bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya³². Ahmad Mahdzan Ayob pula mendefinisikan metodologi kajian sebagai satu proses bagaimana sesuatu perkara dikaji dan dirungkai secara sistematik dan telus untuk melihat hasil dan kebenarannya³³. Metodologi kajian di bahagian ini hanya memberi gambaran awal kajian sahaja. Perincian mengenai metodologi kajian dihuraikan dalam bab 4.

1.9 Sorotan Literatur

Sorotan literatur merupakan kajian-kajian lepas yang digunakan sebagai asas kerangka kajian ini. Berikut adalah sorotan literatur bagi kajian ini.

1.9.1 Teori dan Konsep Pengurusan Risiko

Terdapat pelbagai teori dan konsep pengurusan risiko yang dikemukakan termasuklah dalam pengurusan risiko konvensional. Lim Chee Chee³⁴ menjelaskan proses pengurusan risiko secara konvensional dan memberi penekanan yang lebih kepada proses

³¹ Idris Awang, "Penyelidikan Ilmiah dan Keperluannya Dalam Penentuan Semula Hukum," dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, ed Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari (Shah Alam: Khairom Ilmu Enterprise, 1999), 47-48.

³² Noresah Baharom, *Kamus Dewan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 887.

³³ Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, ed. ke-5 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 48.

³⁴ Lim Chee Chee, *Pengurusan Risiko Dan Insurans* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2003), 41-50.

mengenalpasti dan menganalisis risiko yang mungkin dihadapi. Terdapat empat langkah utama yang biasa digunakan dalam pengurusan iaitu mengenal pasti risiko yang mungkin dihadapi, menilai risiko yang dikenal pasti, memilih teknik-teknik pengendalian risiko yang sesuai dan melaksanakan pengurusan risiko yang telah dipilih. Selanjutnya, George E. Redja³⁵, Priscilla Burnaby dan Susan Hass³⁶ telah membincangkan *enterprise-wide risk management* (ERM) yang merupakan teknik pengurusan risiko yang terkini. Objektif *enterprise-wide risk management* (ERM), rangka kerja ERM oleh Committee of Sponsoring Organizations (COSO) dan metod untuk melaksanakan ERM dalam organisasi. *enterprise-wide risk management* (ERM), ini menggariskan 10 langkah yang boleh digunakan dalam pengurusan risiko iaitu mewujudkan sistem *enterprise-wide risk management* atau ERM untuk berdaya saing dalam pengurusan risiko bagi mana-mana organisasi. Rangka kerja secara umum dalam kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti, mengawal dan mengurus risiko untuk memastikan organisasi mencapai objektif yang dikehendaki. Rangka kerja teoritikal dalam sistem *enterprise-wide risk management* boleh dijadikan panduan pembentukan fundamental dalam sistem pengurusan risiko syariah industri kewangan Islam yang komprehensif.

Islamic Financial Services Board IFSB³⁷ merupakan badan penyelidikan kewangan Islam yang berpangkalan di Malaysia turut mencadangkan garis panduan dalam menguruskan risiko kontrak takaful. Panduan ini bukanlah kewajipan perundangan untuk SPT mematuhi tetapi lebih berbentuk cadangan menunjukkan garis panduan minimum yang perlu dilakukan oleh SPT. Garis panduan ini menjelaskan risiko-risiko berkaitan yang berlaku dalam industri takaful. Dalam aspek pengurusan risiko, garis panduan ini turut mencadangkan *Enterprise Risk Management*. Namun, kajian ini hanya menjelaskan

³⁵ George E. Redja, *Risk Management and Insurance*. Ed. ke-10 (USA: Pearson Education Inc, 2000), v-xix.

³⁶ Priscilla Burnaby dan Susan Hass, "Ten Step to Enterprise-Wide Risk Management," *Corporate Governance* 9, no. 5 (2009), 549.

³⁷ Islamic Financial Services Board (IFSB), *Standard on Risk Management For Takāful (Islamic Insurance) Undertakings* (Kuala Lumpur: IFSB, 2013), i-39.

teoritikal dalam pengurusan risiko. Kajian seterusnya perlu dilakukan oleh mengkaji praktis terkini dan sebenar dalam menguruskan risiko Syariah industri takaful. Vicky Kubitscheck³⁸ membincangkan secara teoritikal berkaitan pengurusan risiko perundangan yang juga mirip kepada risiko syariah. Kajian ini berpendapat aspek perundangan bukan suatu perkara menyukarkan tetapi perundangan bertujuan mencapai matlamat pengurusan risiko sesuatu oragansasi contohnya Financial Services Authority (FSA) di United Kingdom (UK). Kajian ini berpendapat pengurusan risiko perlu melibatkan keseluruhan kakitangan sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat pentadbiran bagi pengurusan risiko dalam keseluruhan organisasi.

Fraser, J.R.S³⁹ membincangkan metodologi profil risiko Hydro OneNetwork Inc menggunakan metod senarai 10 teratas (*Top Ten List*). Kajian ini menjelaskan metod senarai 10 teratas yang mengumpulkan data melalui temubual berstruktur. Dapatan kajian mendapati penyediaan profil risiko dalam *Enterprise Risk Management* (ERM) merupakan pengurusan risiko yang praktikal bagi sesebuah organisasi yang melibatkan kefahaman objektif organisasi dan perancangan strategik serta rangka kerja pengurusan risiko yang konsisten. Kajian ini begitu jelas membincangkan pemprofil risiko menggunakan metod senarai 10 teratas. Namun, tumpuan kajian lebih kepada risiko keseluruhan syarikat Hydro One Inc yang merupakan syarikat pembekal tenaga. Metodologi pengumpulan data melalui temubual berstruktur boleh dijadikan panduan dalam mendapatkan maklumat dan menganalisis profil risiko syariah SPT.

³⁸ Vicky Kubitscheck, "Risk Management: Finding the Value Within," *Balance Sheet* 8, no. 5 (2000),: 38-41.

³⁹ Fraser, John. R.S., "How to Prepare a Risk Profile," dalam *Enterprise Risk Management: Today's Leading Research and Best Practices*, ed. Fraser, J dan Simkins, B.J. (New Jersey: John Wiley & Sons, Inc., 2010), 171-178.

Shekir, W.G., Barton, T.L., dan Walker P.L.⁴⁰ mengkaji aspek pengurusan risiko dengan menilai proses *enterprise risk management* (ERM). Kajian menekankan aspek penetapan objektif dan langkah-langkah pengurusan risiko seperti pengenalpastian risiko, penilaian risiko, tindakan balas terhadap risiko dan pemantauan risiko. Seterusnya, kajian ini turut menganalisis aspek lain dalam pengurusan risiko termasuklah perancangan strategik dan ERM serta aplikasi kad skorimbangan (*The Balanced Scorecard*) dan ERM. Walaupun kajian ini menumpukan pengurusan risiko keseluruhan organisasi. Metodologi yang digunakan boleh dipertimbangkan dalam memperbaiki pengurusan risiko Syariah. Metodologi yang digunakan bersifat menyeluruh dan membangunkan praktis pengurusan risiko.

Aabo, T., Fraser, J.R.S., dan Simkins, B.J.,⁴¹ menggunakan kajian kes Hydro One dengan menggunakan aplikasi kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini turut menganalisis profil risiko korporat dengan menggunakan metodologi tertentu iaitu toleransi risiko, skala penarafan risiko dan pemetaan risiko. Dapatan kajian menunjukkan keperluan terhadap evolusi dalam pengurusan risiko yang melibatkan ketua pengurusan risiko dan kakitangan organisasi yang lain secara keseluruhan untuk meningkatkan tahap kesediaan berhadapan dengan jangkaan berlaku risiko.

Nooraslinda Abdul Aris, Roszana Tapsir dan Mohammad Kamil Abu Talib⁴² menjelaskan bahawa amalan pengurusan risiko pengendali takaful sepatutnya lebih baik berbanding syarikat insurans konvensional. Ini berikut konsep takaful dan ruang lingkup perundangan Shariah yang lebih jelas dan teratur. Perlindungan yang selaras dengan

⁴⁰ Shekir, W.G., Barton, T.L., dan Walker P.L., "Enterprise Risk Management: Lesson From The Field," dalam *Enterprise Risk Management: Today's Leading Research and Best Practices*, ed. Fraser, J dan Simkins, B.J. (New Jersey: John Wiley & Sons, Inc., 2010), 443-444.

⁴¹ Aabo, T., Fraser, J.R.S., dan Simkins, B.J., "The Rise and Evolution of the Chief Risk Officer: Enterprise Risk Management at Hydro One," dalam *Enterprise Risk Management: Today's Leading Research and Best Practices*, ed. Fraser, J dan Simkins, B.J. (New Jersey: John Wiley & Sons, Inc., 2010), 171-178.

⁴² Nooraslinda Abdul Aris, Roszana Tapsir dan Mohammad Kamil Abu Talib, "Risk and Risk Management of Takaful Industry," *Journal of Global Business and Economics* 4, no. 1 (January 2012), 36-37.: 29-39.

Maqasid Shariah mestilah dihubungkan ke dalam aktiviti kewangan Islam. Setiap pengendali takaful disarankan lebih proaktif dalam tadbir urus dan kod amalan terbaik dalam pengurusan risiko. Ini bererti setiap Pengendali Takaful mesti mengukuhkan aspek perundangan dalaman berbanding kebergantungan terhadap perundangan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Pelbagai kajian perlu dijalankan kerana bentuk-bentuk risiko sentiasa berubah mengikut perubahan masa dan tempat. Ini bertujuan memastikan amalan pengurusan risiko takaful sentiasa mematuhi ruang lingkup Syariah dan berkesan dalam mengurus risiko yang sentiasa mengalami perubahan. Kajian ini hanya membincangkan secara teoritikal yang umum dalam pengurusan risiko industri takaful dan mencadangkan kajian khusus berkaitan pengurusan risiko Syariah dalam industri takaful.

Hameeda Abu Hussain dan Jasim al-Ajmi⁴³ mengkaji praktis pengurusan risiko dalam perbankan konvensional dan perbankan Islam di Bahrain. Kajian ini menggunakan metod kajiselidik yang menilai tujuh pembolehubah dalam amalan pengurusan risiko iaitu praktis pengurusan risiko, kefahaman dalam pengurusan risiko, mengenalpasti risiko, penilaian dan menganalisis risiko, memantau kemungkinan risiko, penilaian berkaitan risiko kredit, penentuan jenis-jenis risiko berkaitan perbankan konvensional dan perbankan Islam. Kajian ini menggunakan analisis varians (*analysis of variance*) dalam 7 aspek praktis dalam pengurusan risiko. Kajian ini mendapati tiada perbezaan dalam aspek pengurusan risiko dalam perbankan Islam dan perbankan konvensional.

Abul Hassan⁴⁴ pula mengkaji praktis pengurusan risiko perbankan Islam di Brunei. Kajian ini menggunakan metode soalselidik di tiga institusi perbankan Islam yang ada pada ketika itu iaitu Tabung Amanah Islam Brunei, Islamic Bank Brunei (IBB) dan Islamic

⁴³ Hameeda Abu Hussain, "Risk Management Practices of Conventional and Islamic Banks in Bahrain," *The Journal of Risk Finance* 13, no 3 (2012), 235-239, : 215-239.

⁴⁴ Abul Hassan, "Risk management Practices of Islamic Bank of Brunei Darussalam," *The Journal of Risk Finance* 10, no. 1 (2009), 23-37.

Development Bank Berhad. Soalselidik menggunakan bentuk soalan yang telah dibuat oleh Al-Tamimi dan Al-Mazrooei (2007). Kajian ini diedarkan kepada semua staf di cawangan utama ketiga-tiga jenis perbankan Islam ini. Terdapat enam aspek dinilai dalam soalan ini iaitu praktis pengurusan risiko, kefahaman risiko dan pengurusan risiko, pengenalpastian risiko, penilaian dan analisis risiko serta analisis risiko credit. Kajian ini menggunakan kuasa dua terkecil atau *ordinary least square* (OLS) untuk melihat hubungan pembolehubah-pembolehubah di atas. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa semua pembolehubah mempunyai hubungan dengan praktis pengurusan risiko. Pengenalpastian risiko serta penilaian dan analisis risiko mempunyai pembolehubah yang sangat mempengaruhi dalam pengurusan risiko. Ini bermaksud bahawa perbankan Islam di Brunei perlu memberikan lebih perhatian dalam pengenalpastian risiko serta penilaian dan analisis risiko.

Sania Khalis dan Shehla Amjad⁴⁵ mengkaji praktis pengurusan risiko perbankan Islam di Pakistan sebanyak 6 institusi perbankan Islam di kawasan Abbottabad, Manshera, Islamabad dan Rawalpindi. Soalselidik ini diedarkan sebanyak 135 kepada staf senior yang berkhidmat di perbankan Islam dan respon diterima yang boleh digunakan sebanyak 92 sahaja. Kajian ini mengambilkira praktis pengurusan risiko sebagai pembolehubah bersandar manakala kefahaman risiko dan pengurusan risiko, pengenalpastian risiko, penilaian dan analisis risiko serta analisis risiko credit adalah pembolehubah tidak bersandar. Kajian ini menggunakan kuasa dua terkecil atau *ordinary least square* (OLS) untuk melihat hubungan pembolehubah-pembolehubah. Regresi peningkatan digunakan untuk mengeluarkan pembolehubah tidak bersandar satu persatu untuk melihat kesan terhadap R^2 . Kajian ini mendapati semua aspek dalam praktis pengurusan risiko mempunyai hubungan positif dalam pengurusan risiko. Aspek pemantauan risiko serta

⁴⁵Sania Khalis dan Shehla Amjad, "Risk Management Practices in Islamic Bank of Pakistan", *The Journal of Risk Risk Finance* 13, no. 2 (2012), 148-159.

kefahaman risiko dan pengurusan risiko merupakan aspek yang paling mempengaruhi dalam pengurusan risiko.

Hussein A. Hassan Al-Tamimi dan Faris Mohammed Al-Mazrooei⁴⁶ mengkaji perbezaan dalam praktis pengurusan risiko perbankan di UAE dan bank asing di UAE. Kajian ini menggunakan metod soalselidik yang diambil daripada sampel 8 perbankan Konvensional, 5 bank konvensional asing yang terbesar dan 4 institusi perbankan Islam. Sejumlah responden iaitu pegawai bank yang terlibat ialah 319 orang dan data yang boleh digunakan sebanyak 157 iaitu sekitar 49%. Analisis regresi dan Anova digunakan untuk melihat hipotesis kajian. Kajian ini mendapati bahawa 3 risiko yang paling terdedah ialah risiko pertukaran matawang, risiko kredit dan risiko operasi. Bank tempatan UAE juga efisien dalam penilaian dan analisis risiko, pemantauan risiko dan pengenalpastian risiko. Kajian ini juga mendapati metode pengenalpastian risiko berdasarkan 90% pandangan responden ialah pemeriksaan daripada pengurus risiko bank, melalui audit dan pemeriksaan secara fizikal, analisis penyata kewangan dan soalselidik risiko. Berdasarkan kajian ini juga menunjukkan tiada perbezaan antara praktis pengurusan risiko bank tempatan UAE dan bank asing UAE.

Azlin Alisa Ahmad dan Salmy Edawati Yaacob⁴⁷ menjelaskan pengurusan risiko daripada perspektif Syariah termasuklah prinsip keadilan, ketelusan, tiada elemen riba, tiada elemen *gharar* dan tiada mengandungi elemen-elemen lain yang dilarang. Seterusnya, artikel ini membincangkan kepentingan pengurusan risiko daripada aspek Al-Quran, Al-Sunnah serta hubungan *Maqasid Syariah* dalam pengurusan risiko. Artikel ini menjelaskan

⁴⁶ Hussein A. Hassan Al-Tamimi dan Faris Mohammed Al-Mazrooei, "Bank's Risk Management: A Comparison Study of UAE National dan Foreign Banks", *The Journal of Risk Finance* 8, no. 4, (2007) 394-409.

⁴⁷ Azlin Alisa Ahmad dan Salmy Edawati Yaacob, "The Principle of Risk Management: *Sharia* Perspective," *Journal of Applied Sciences Research* 8, no. 7(2012), 3335-3343.

asas pengurusan risiko berdasarkan aspek syariah tetapi tidak mengkhususkan aspek pengurusan dalam mana-mana organisasi termasuk institusi kewangan Islam.

1.9.2 Pendekatan dalam Pengurusan Risiko Syariah

BNM⁴⁸ telah mengemukakan rangka kerja awal dalam pengurusan risiko syariah institusi kewangan Islam dengan mengenalpasti (*identify*), mengukur (*measure*), memantau (*monitor*) dan mengawal (*control*) daripada berlaku apa sahaja elemen yang tidak mematuhi Syariah. Namun begitu, rangka kerja ini hanya sekadar panduan secara dan memerlukan pelbagai kajian dan penambahbaik untuk menguruskan risiko syariah dalam sebenar dalam industri kewangan Islam. Terdapat kajian-kajian yang telah mengemukakan pandangan mengenai pengurusan risiko syariah secara keseluruhan tanpa menumpukan kepada sektor-sektor industri kewangan Islam tertentu misalnya DeLorenzo⁴⁹ telah mengemukakan bahawa aspek pengurusan risiko syariah yang penting bergantung kepada dua perkara iaitu pertama, pihak yang mengeluarkan fatwa pematuhan syariah itu sendiri dan kedua, keputusan fatwa yang dikeluarkan. Kedua-dua perkara ini merupakan aspek penting perlu diberi perhatian bagi memastikan fatwa-fatwa yang diputuskan diyakini dan dipatuhi oleh pengamal industri kewangan Islam dan memenuhi kehendak pasaran Muslim bagi mengelakkan sebarang insiden risiko syariah. Karim Ginena⁵⁰ turut menjelaskan bahawa faktor insiden risiko syariah bergantung kepada tadbir urus dalam institusi kewangan Islam termasuklah JKS, Lembaga Pengarah dan Pegawai-Pegawai institusi yang terlibat dalam pematuhan syariah. Kajian turut memperincikan bahawa insiden risiko syariah banyak melibatkan perkara teknikal seperti kesalahan dalam interpretasi keputusan resolusi syariah, ketiadaan sistem penyaringan syariah, kecuaiannya kakitangan yang terlibat,

⁴⁸ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institution*. (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2011), 26.

⁴⁹ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," *Chicago Journal of International Law*, no. 7 (2007), 397- 408.

⁵⁰ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance Of Islamic Banks," *Corporate Governance* 14, no.1 (2014), 86-103.

ketiadaan rekod maklumat keputusan syariah yang telah dibincangkan dan lain-lain yang diperjelaskan dalam kajian. Namun begitu, kedua-ke dua kajian ini hanya mengulaskan risiko syariah dalam institusi kewangan di peringkat global dan tanpa mengambilkira situasi industri kewangan Islam secara khusus di Malaysia.

Achene Lahsasna⁵¹ pula menjelaskan kepelbagaian secara teoritik faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan keterdedahan risiko syariah. Akan tetapi, analisis dan dapatan kajian ini hanya menumpukan aspek dokumentasi perundangan kontrak produk kewangan Islam bagi menguruskan risiko syariah secara khusus dalam perbankan Islam. Dapatan kajian mendapati aspek teknikal dalam pembentukan dokumentasi kontrak perundangan seperti penggunaan istilah perundangan yang betul dan tepat merupakan aspek utama dalam bagi memastikan pihak yang berkontrak memenuhi liabiliti kontrak dan mengelak sebarang pertikaian yang menyebabkan terjadi insiden risiko syariah.

Muhammad Ibrahim⁵² turut mengulas risiko syariah kebiasaanya berlaku disebabkan dua keadaan iaitu ketika proses pembangunan produk dan dalam aspek pelaburan. Risiko Syariah dalam pembangunan produk adalah merujuk kepada kegagalan untuk menstruktur produk menurut kehendak prinsip Syariah, kegagalan dalam proses mengimplementasikan produk di pasaran dan juga kelemahan dan kegagalan pihak yang terlibat dalam proses membangunkan sesuatu produk itu diluluskan untuk dipasarkan kepada pelanggan. Manakala, risiko syariah dalam pelaburan merujuk kepada kegagalan untuk membuat penilaian secara berterusan bagi menentukan sama ada sesuatu aktiviti atau pelaburan yang dianggap sebagai mematuhi kehendak Syariah atau tidak. Bagaimanapun, ulasan Muhammad Ismail hanya secara ringkas tanpa mengambilkira risiko syariah dalam

⁵¹ Achene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: Wiley Finance Series, 2014), 24.

⁵² Managing Shariah Risk through Shariah Governance, dipetik daripada teks ucapan pembukaan oleh Dato' Muhammad Bin Ibrahim di "A joint Conference between International Shariah Research academy for Islamic Finance (ISRA) together with Institute of Islamic Banking and Insurance London (IIBI) dan Thomson Reuters" pada 10 Ogos 2009.

praktis sebenar industri kewangan Islam. Begitu juga Hylmun Izhar⁵³ yang mengemukakan kegagalan institusi kewangan Islam mematuhi pematuhan syariah yang ditetapkan oleh Badan Penasihat Syariah menyebabkan berlaku risiko syariah. Risiko syariah memberi impak negatif terhadap operasi institusi kewangan Islam menyebabkan transaksi kewangan terpaksa dibatalkan dan sebarang pendapatan dan kerugian dalam transaksi tidak akan diambilkira.

Scott R. Anderson⁵⁴ pula menjelaskan bahawa operasi kewangan Islam memerlukan satu standard praktis yang jelas dalam pasaran. Ini bertujuan mengurangkan kepelbagaian praktis bagi mengelakkan sebarang pertikaian dan berlakunya insiden risiko syariah. Walaubagaimanapun, standard pematuhan syariah ini mesti dilaksanakan dalam keadaan tempoh masa yang sesuai bagi mengelakkan terjadi isu risiko syariah secara serta-merta misalnya dalam kes sukuk pada tahun 2007. Dalam industri takaful, Ahmed⁵⁵ mengulas bahagian penting dalam pengurusan risiko syariah dalam takaful ialah pematuhan syariah dalam pengurusan pelaburan dan sumber manusia. Namun begitu, antara faktor kesukaran dan kekangan untuk menguruskan risiko syariah ialah portfolio untuk pelaburan syariah yang terhad dan juga masalah untuk mendapat sumber manusia yang mempunyai kepakaran dalam bidang syariah dan takaful. Bagaimanapun, kajian ini hanya mengenai situasi industri takaful secara umum di peringkat global sahaja tanpa mengambilkira secara khusus situasi industri takaful di peringkat tempatan.

Aida Othman⁵⁶ menjelaskan contoh risiko akibat ketidakpatuhan syariah iaitu struktur produk, syarat dalam kontrak dan dokumen perundangan yang tidak mematuhi

⁵³ Hylmun Izhar, "Identifying Operational Risk Exposures in Islamic Banking", *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 3, no. 2 (March 2010), 17-53

⁵⁴ Scott R. Anderson, "Forthcoming Changes in the Shari'ah Compliance Regime for Islamic Finance," *The Yale Journal of International Law* 35 (2010), 239-240.

⁵⁵ P. Ahmaed, "Risk Management in Takaful: What Makes the Difference?" (Fifth Annual World Takaful Conference, Dusit Thani Dubai UAE, 12-13 April 2010). 3-5.

⁵⁶ Aida Othman, "End-To-End Shariah Operational Risk Management in Islamic Financial Institutions", laman sesawang *FT Business*, dicapai 25 Disember 2012, <http://www.ftbusiness.com/islamicfinance2011/images/contentpage/aidaothmanoperationalriskmanagement.pdf>.

syariah. Seterusnya, pelaksanaan semasa dan selepas sesuatu kontrak tidak mematuhi syariah, isu dalam pelaburan yang diuruskan institusi kewangan Islam tidak mematuhi syariah, pengiraan jumlah dan agihan zakat tidak diuruskan dengan sempurna, prosuder dan manual mempunyai maklumat yang salah dan bahan dan alatan pemasaran mempunyai maklumat yang salah dan tidak tepat. Aida Othman mencadangkan panduan IFSB dan BNM dijadikan panduan dalam pengurusan risiko syariah serta mencadangkan aplikasi “*Shariah Risk Matrix*” dan “*Risk Impact Defined*” dalam pengurusan risiko syariah. Hasna Lumpingan Lidasan⁵⁷ menjalankan soalselidik mengenai pengurusan risiko syariah di kalangan kakitangan perbankan Islam. Dapatan mendapati pengetahuan kakitangan operasi mengenai pematuhan syariah sangat mempengaruhi proses pengurusan risiko syariah secara keseluruhannya. Kajian ini juga mendapati penting bagi institusi kewangan Islam untuk memperluas dan menyelaraskan proses pengurusan risiko syariah melalui pemahaman tentang risiko syariah, pengenpastian dan pemantauan terhadap kemungkinan risiko dan memantau semua produk dan perkhidmatan untuk mengawal ketidakpatuhan syariah.

1.9.3 Keterdedahan Risiko Syariah dalam Kewangan Islam

Karim Ginena⁵⁸ dan Madzlan Mohamad Hussain⁵⁹ berpendapat ketidakjelasan dalam prosuder pematuhan syariah menyebabkan potensi keterdedahan kepada insiden risiko syariah dalam kewangan Islam. Ruziah Markom et al.,⁶⁰ membincangkan isu-isu insiden risiko syariah sehingga dibicarakan di mahkamah disebabkan rangka perundangan yang tidak mencukupi, bidang kuasa perundangan Badan Penasihat Syariah tidak jelas,

⁵⁷ Hasna Lumpingan Lidasan, “Shariah Risk Management Practices Of Islamic Banks In Malaysia” (Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia, 2015), 83-87.

⁵⁸ Karim Ginena, “Shari‘ah Risk and Corporate Governance of Islamic Banks,” 93-94.

⁵⁹ Madzlan Mohamad Hussain, “Legal Issues in Takaful,” dalam *Takaful Islamic Insurance: Concept and Regulatory Issues*, ed. Simon Acher, Rifaat Ahmed Abdul Karim dan Volker Nienhaus (Singapore: Wiley and Sons (Asia) Pte. Ltd, 2009), 72.

⁶⁰ Ruziah Markom et al., “Adjudication of Islamic Banking and Finance Cases in the Civil Courts of Malaysia,” *European Journal of Law and Economics* (April 2011), 1-34.

perbezaan perundangan dan pandangan yang diputuskan oleh Badan Penasihat Syariah dan masalah dokumen perundangan dalam tidak selaras dengan kehendak asas parameter pematuhan syariah.

Ketidakjelasan dalam prosedur pematuhan syariah menyebabkan kepelbagaian praktis operasi dalam industri takaful di Malaysia. Kepelbagaian praktis dalam industri takaful ini berlaku contohnya dalam penerimaan risiko dalam kontrak takaful. Tobias Frenz dan Younes Soulhi⁶¹ menjelaskan terdapat kepelbagaian antara SPT mengenai penerimaan risiko dalam kontrak takaful seperti risiko syarikat yang terlibat urusan bercampur halal dan haram, risiko yang melibatkan hak bukan muslim, risiko urusan yang melibatkan persepsi negatif dan risiko melibatkan individu yang mempunyai pendapatan tidak halal. Terdapat SPT yang mungkin menolak risiko tersebut tetapi ada SPT lain yang akan menerima risiko tersebut.

Muhammad Ali Jinnah Ahmad dan Ashraf Md Hashim⁶² pada 2011 telah mengulas bahawa sebelum tahun 2011, tidak terdapat sebarang panduan jelas mengenai apakah risiko yang boleh diterima oleh SPT yang mematuhi pematuhan syariah. Ini berikutan tiada kajian yang dijalankan mengenai penerimaan risiko oleh SPT pada ketika itu dan kebanyakan hanya sekitar mengenai konsep dan kontrak takaful secara fundamental semata-mata. Oleh yang demikian, pada 2014, Muhammad Ali Jinnah Ahmad dan Ashraf Md Hashim⁶³ telah mengeluarkan cadangan parameter risiko dalam takaful. Cadangan parameter penerimaan risiko ini merupakan cadangan penerimaan risiko dalam takaful yang terkini yang boleh dijadikan rujukan. Namun begitu, cadangan ini masih baru dan memerlukan kajian lanjut semasa SPT menilai penerimaan risiko dalam kontrak takaful. Ini berikutan kebanyakan

⁶¹ Tobias Frenz dan Younes Soulhi, *Takaful & Retakaful: Advanced Principles and Practices*. Ed ke-2 (Kuala Lumpur: IBFIM and Munich RE, 2010), 251-252.

⁶² Muhammad Ali Jinnah Ahmad dan Ashraf Md Hashim, "The Parameter of Permissible Risks in Takaful," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 3, no. 2 (2011), 159-160.

⁶³ Muhammad Ali Jinnah Ahmad dan Ashraf Md Hashim, "The Parameter of Permissible Risk in Takaful," *ISRA Research Paper* no. 67 (2014), 1-27

situasi risiko pada hari ini bersifat kompleks dan memerlukan kajian mendalam sebelum menerima atau menolak risiko tersebut dengan mengambilkira berdasarkan pematuhan syariah dan juga kehendak daripada para pemegang syer SPT.

Pertikaian dan penolakan terhadap keputusan resolusi syariah merupakan salah satu faktor terjadi risiko syariah dalam kewangan Islam⁶⁴. Terdapat resolusi syariah dalam kewangan Islam yang telah dikeluarkan oleh BNM sebagai penanda aras pematuhan syariah industri takaful di Malaysia. Namun begitu, masih terdapat pertikaian demi pertikaian terhadap pematuhan syariah ini. Misalnya Roslinah Daud⁶⁵ mempertikaikan proses pengunderaitan dalam kontrak takaful oleh SPT. Salah satu yang menjadi amalan SPT untuk proses pengunderitan ialah ujian kesihatan yang dilihat tidak selari dengan prinsip *ta'awun* atau saling bantu-membantu. Roslinah Daud mengulas bahawa praktik pengunderaitan yang dilakukan oleh SPT diambil dan diadaptasi daripada praktik insurans konvensional yang menyebabkan persoalan ketidakadilan dalam insurans konvensional turut timbul dalam kontrak takaful dan bertentangan dengan kontrak takaful yang menekankan kepada aspek kesaksamaan dan keadilan. Sheila Nu Nu Htay dan Muhammad Khalid Jawahir⁶⁶ turut mempertikaikan kepakaran syariah dalam membenarkan proses pengunderaitan dalam industri takaful. Sheila Nu Nu Htay dan Muhammad Khalid Jawahir berpendapat bahawa JKS SPT tidak mempunyai pendedahan yang mendalam berkaitan praktik pengunderaitan dan *risk rating*. Selain itu, hasil kajian ini menunjukkan terdapat sebilangan ahli JKS masih belum berpuas hati dan bersetuju sepenuhnya terhadap pelaksanaan proses pengunderaitan dalam takaful pada hari ini.

⁶⁴ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 402.

⁶⁵ Daud, R, *Underwriting Family Takaful Scheme*. ICMIF: ICMIF Takaful, September 2009), 22.

⁶⁶ Sheila Nu Nu Htay, Muhammad Khalid Jawahir dan Syed Ahmed Salman, "Shariah Scholar's Viewpoints on the Practice of Underwriting and Risk Rating for Individual Participants in Family Takaful," *Asian Social Science* 9, no. 9 (2013), 280-286.

Ruzian Markom dan Noor Inayah Yaakub⁶⁷ menyatakan bahawa terdapat usaha ligitasi untuk menyelesaikan pertikaian dalam kewangan Islam. Masalah utama pertikaian dalam kewangan Islam dan mendedahkan kepada risiko syariah disebabkan masalah pentaksiran dan aplikasi sebenar produk kewangan Islam. Oleh yang demikian, pandangan Badan Penasihat Syariah perlu diterima pakai walaupun belum mempunyai bidang kuasa perundangan yang jelas. Abdullah @ Alwi Haji Hassan⁶⁸ telah mengulas bahawa peruntukkan perundangan berkaitan pematuhan syariah semasa Akta Takaful 1984 adalah tidak jelas dan mempunyai banyak kekurangan atau lakuna. Misalnya unsur patuh syariah dan tidak patuh syariah tidak jelas, tiada bidang kuasa jelas mengenai kuasa Badan Penasihat Syariah dan masih perlu bergantung kepada Akta Insurans 1996. Salman Lambak dan Izah Mohd Tahir⁶⁹ turut bersetuju Akta Takaful 1984 mempunyai banyak kelemahan dan perlu bergantung kepada *English Common Law* dengan menyamakan doktrin *al-Urf* dalam pendekatan ijtihad untuk diaplikasikan dalam kes-kes pertikaian yang melibatkan industri takaful. Namun, kajian ini tidak membincangkan mengenai isu-isu syariah yang akan timbul sekiranya pergantungan industri takaful terhadap *English Common Law* dan ini turut mendedahkan kepada insiden risiko syariah. Selanjutnya, Trakic, A.⁷⁰ mendapati bahawa keputusan pertikaian mahkamah kontrak kewangan Islam di Malaysia adalah lebih baik berbanding di United Kingdom dan negara-negara barat yang lain. Ini berikutan kes mahkamah di Malaysia berdasarkan Akta Bank Negara 2009 yang mana mahkamah merujuk kepada MPS BNM. Manakala, kebanyakan negara barat lain, kes pertikaian di Mahkamah bergantung kepada Undang-Undang Inggeris yang menyebabkan pelbagai isu-isu syariah.

⁶⁷ Ruzian Markom dan Noor Inayah Yaakub, "Litigation as Dispute Resolution Mechanism in Islamic Finance: Malaysian Experience," *European Journal of Law and Economics* (2012), 3-7.

⁶⁸ Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Akta Takaful 1984: Satu Analisis," dalam *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, eds. Asmak Ab Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya), 103-117.

⁶⁹ Salman Lambak dan Izah Mohd Tahir, "Juristic Analysis on the Applications of Common Law in Malaysia Takaful Act 1984 Based on Doctrine *al-Urf*," *Asian Social Science* 9, no. 9 (2013), 262-269.

⁷⁰ Trakic, A., "The Adjudication of Shari'ah Issues in Islamic Financial Contracts: Is Malaysia Islamic Finance Litigation a Solution?," *Humanomics* 29, no. 4 (2013), 260-275.

Namun begitu, terdapat kes mahkamah iaitu kes Teng Gia Hwa & 1 or v Syarikat Takaful Malaysia Bhd⁷¹ yang tidak merujuk kepada MPS BNM sebelum membuat sebarang keputusan sepertimana seksyen 56(1)(b) Akta Bank Negara Malaysia 2009 walaupun pertikaian tersebut melibatkan transaksi dalam kewangan Islam. Perkara berkaitan prosiding dan pertikaian di mahkamah dinyatakan turut dalam seksyen 56 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Keputusan kes ini menimbulkan isu pematuhan syariah kerana keputusan penghakiman yang menggunakan faedah tambahan 4% dan 8% daripada jumlah bayaran tuntutan yang dibuat. Ahmad B. Hassanat, Ghada Awad Al tarawneh⁷² pula telah mengemukakan idea yang agak asing dalam kewangan Islam. kajian ini cuba menggunakan pendekatan yang ganjil dalam kewangan Islam iaitu “gambling-free lottery” atau loteri bebas judi. Kontrak takaful misalnya para peserta dianggap membeli sekeping tiket loteri dengan perlu membayar caj-caj pentadbiran kepada SPT. Pembayaran caj-caj ini dianggap lebih disukai untuk dibayar oleh para peserta kerana jumlah yang kecil disebabkan perkongsian ramai peserta berbanding membayar kepada orang yang menang dalam loteri semata-mata. Pendekatan tiket loteri bebas judi menerima persetujuan yang baik di kalangan responden tetapi menerima banyak teguran dan penambahbaikan daripada kepakaran syariah. Penggunaan istilah tiket loteri tanpa judi menimbulkan potensi risiko syariah kerana penggunaan istilah yang standard yang jelas dalam dokumentasi akad kontrak merupakan sebahagian daripada pematuhan syariah.

Rashidah Abdul Rahman, Fauziah Hanim Tafri dan Yaseen Al-Janadi⁷³ mengkaji risiko-risiko yang terdapat dalam institusi kewangan Islam iaitu perbankan Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa institusi kewangan Islam mempunyai keistimewaan dalam

⁷¹ Sabah Law Courts, “Teng Gia Hwa@Gary Teng, Jean-Francois Cormerais VS Syarikat Takaful Malaysia Berhad,” laman sesawang *Sabah Law Court*, dicapai 7 Mac 2013, http://www.highcourt.sabah.sarawak.gov.my/apps/highcourt/sabah/modules/highcourt_cap/components/publishing/index3_judgment_list.php?offset=10&judge

⁷² Ahmad B. Hassanat dan Ghada Awad Al tarawneh, “Gambling-Free Lottery, A New Islamic Lending Ticket,” *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 6, no. 1, 42 – 54.

⁷³ Rashidah Abdul Rahman, Fauziah Hanim Tafri dan Yaseen Al-Janadi, “Instrument and Risks in Islamic Financial Institutions,” *Malaysian Accounting Review, Special Issues* 9, no. 2 (2010), 17-20.: 11-21.

pengurusan risiko iaitu perlu memastikan produk kewangan mematuhi keperluan Syariah. Perkembangan yang rancak dalam pembangunan produk kewangan Islam menyebabkan institusi kewangan Islam menghadapi pelbagai cabaran dalam pengurusan risiko termasuklah risiko syariah. Kajian ini turut menyatakan keperluan pengurusan risiko syariah meliputi pemantauan terhadap kekurangan rangka perundangan iaitu pertindihan perundangan konvensional dan perundangan Islam serta konflik antara peraturan syariah dan keputusan perundangan atau mahkamah.

Surianom Miskom dan Muhammad Amrullah Nasrul⁷⁴ dan Safinar Salleh, Uzaimah Ibrahim dan Mahdi Zahraa⁷⁵ berpandangan bahawa Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) mampu mendepani cabaran perundangan dalam kewangan Islam sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. APKI 2013 mengukuhkan keyakinan para pemegang saham terhadap lanskap perundangan kewangan Islam di Malaysia. Bagaimanapun, Salman Lambak, Mohd Shukri Jusoh dan Hartini Abd Ghani⁷⁶ masih lagi berpandangan APKI 2013 mempunyai banyak kekurangan dan lakuna dalam perundangan dan mencadangkan aplikasi *English Common Law*. Namun begitu, kajian ini tidak memperincikan aspek kekurangan dalam APKI 2013 menyebabkan tiada keperluan untuk menggunakan *English Common Law* dalam kewangan Islam.

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif dan Ruzian Markom⁷⁷ mengulas peranan dan kedudukan MPS dalam institusi kewangan Islam terutamanya melibatkan kes-kes pertikaian yang diputuskan di Mahkamah. Kajian ini turut mencadangkan Mahkamah-

⁷⁴ Surianom Miskom dan Muhammad Amrullah Nasrul, "Shariah Governance in Islamic Finance: The Effects of The Islamic Financial Services Act 2013," (Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge (WCIK 2013), Langkawi, Malaysia, 25-26 November 2013), 455-463.

⁷⁵ Safinar Salleh, Uzaimah Ibrahim dan Mahdi Zahraa, "The Future of Takaful (Islamic Insurance) Business in Malaysia under the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013," *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 8, no. 15 (2014), 391-395.

⁷⁶ Salman Lambak, Mohd Shukri Jusoh dan Hartini Abd Ghani, "Legitimacy of Adapting Common Law in Islamic Financial Services Act 2013," *International Journal of Business and Social Science* 5, no. 9 (Ogos 2014), 234- 237.

⁷⁷ Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif dan Ruzian Markom, "Peranan dan Kedudukan Majlis Penasihat Syariah untuk Memperkasakan Sistem Kewangan Islam di Malaysia," *Jurnal Pengurusan* 38 (2013), 127-132.

Mahkamah sivil perlu benar-benar mengaplikasikan prinsip-prinsip Syariah dan bukannya *English Common Law* dalam kes-kes pertikaian berkaitan institusi kewangan Islam. Kajian ini penting dalam menjelaskan peranan kepakaran Syariah dalam menguruskan risiko Syariah terutamanya risiko Syariah yang disebabkan oleh faktor perundangan seperti kes pertikaian di Mahkamah.

Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013), Rusni Hassan dan Safinar Salleh⁷⁸ turut mempertikaikan perundangan takaful dalam APKI 2013. Contoh isu yang dibangkitkan mengenai isu adakah penyaluran dana pemegang saham kepada dana risiko peserta melalui kontrak *al-Qard* dalam menangani defisit dana risiko peserta dilihat bertentangan dengan konsep sebenar takaful yang saling tolong-menolong di kalangan para peserta. Rusni Hassan dan Safinar Salleh turut mempertikaikan hibah yang dipraktikkan dalam penamaan manfaat takaful pada masa kini tidak menepati *hibah ruqba'* yang sebenar. Begitu juga berkaitan isu, adakah hanya keputusan MPS BNM diterima sebagai patuh syariah ini telah menyekat kebebasan ijtihad di kalangan ahli-ahli JKS SPT turut ditimbulkan dalam kajian ini. Pertikaian-pertikaian ini memerlukan penjelasan yang terbaik sebelum berhadapan dengan impak yang lebih besar lagi seperti penolakan resolusi syariah yang telah diputuskan MPS BNM.

Terdapat pelbagai kajian-kajian yang mengemukakan pandangan mengenai pengurusan risiko syariah. Terdapat pengkaji berpendapat audit pematuhan syariah merupakan sebahagian teknik dalam menguruskan risiko syariah. Zurina Shafii, Supiah Salleh dan Syahidawati Hj Shahwan⁷⁹ berpendapat bahawa pengurusan risiko syariah dapat dilakukan melalui pengauditan pematuhan Syariah. Kajian ini turut mendapati JKS

⁷⁸ Rusni Hassan dan Safinar Salleh, "Pematuhan Syariah Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 Dan Cabaran Semasa Dalam Operasi Takaful," (Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali Ke-9, 11th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2014, Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre10 November 2014), 1-11.

⁷⁹ Zurina Shafii, Supiah Salleh dan Syahidawati Hj Shahwan, "Management of Shariah Non-Compliance Audit Risk in the Islamic Financial Institution via the Development of Shariah Compliance Audit Framework and Shariah Audit Programme," *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 3-2 (March 2010), 3-16.

bertanggungjawab untuk memastikan seluruh operasi institusi kewangan Islam dijalankan mengikut pematuhan Syariah yang ditetapkan melalui proses pengauditan syariah. Namun begitu, pengauditan syariah ini hanya mengenal pasti ketidakpatuhan syariah selepas perkara tersebut berlaku dan melalui proses pengauditan. Walaubagaimanapun, Hisham Yaacob⁸⁰ berpendapat pengauditan syariah tidak akan mencapai objektif pematuhan syariah kerana pergantungan terhadap Jawatankuasa Dalaman. Kajian ini berpendapat proses pengauditan syariah sepatutnya bebas daripada penglibatan JKS dalaman sama ada pengauditan dalaman mahupun luaran. Nawal Kasim, Shahul Hameed Mohamad Ibrahim dan Maliah Sulaiman⁸¹ pula mendapati pihak auditor mempunyai pergantungan yang tinggi terhadap pegawai syariah dalaman dan bukannya JKS. Ini berikutan kekurangan kepakaran syariah di kalangan auditor dan terpaksa bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman pegawai syariah dalaman institusi kewangan Islam.

Selain itu, terdapat kajian-kajian mencadangkan mewujudkan standard pematuhan syariah yang jelas bagi menguruskan risiko syariah antaranya Mohamad Abdul Hamid, Nor Inayah Ya'akub dan Nik Mutasim Nik Ab. Rahman⁸² yang mencadangkan perseragaman pematuhan syariah dalam operasi SPT di Malaysia. Perseragaman operasi SPT ini mestilah berdasarkan justifikasi syariah yang jelas bagi menyokong perkembangan dan pembangunan industri takaful di Malaysia. W. Jean Kwon⁸³ mencadangkan keperluan perundangan dan pengawalseliaan pematuhan syariah pasaran takaful di peringkat antarabangsa. Pematuhan syariah dalam produk takaful perlu memberi fokus dalam kualiti memberi perlindungan serta tawaran caruman yang kompetitif kepada para peserta untuk

⁸⁰ Hisham Yaacob, "Issues and Challenges of Shari'ah Audit In Islamic Financial Institutions: A Contemporary View" (3rd International Conference On Business And Economic Research (3rd Icerber 2012) Proceeding, Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia, 12 - 13 Mac 2012), 2673-2674.

⁸¹ Nawal Kasim, Shahul Hameed Mohamad Ibrahim dan Maliah Sulaiman, "Shari'ah auditing in Islamic financial institutions: Exploring the gap between the 'Desired' and the 'Actual'," *Global Economy & Finance Journal* 2, no.2 (2009), 127-137.

⁸² Mohamad Abdul Hamid, Nor Inayah Ya'akub dan Nik Mutasim Nik Ab. Rahman, "Operational Issues and Shariah Harmonisation Towards the Development of Corporate Takaful Business: Conventional Debt Financing and Reinsurans Mechanism," *Jurnal Muamalat* 3 (2010), 151-152.

⁸³ Kwon, W. J., "Islamic Principle and Takaful Insurance: Re-evaluation," *Journal of Insurance Regulation*, 79-80.

bersaing dengan syarikat insurans konvensional di pasaran global. Zulkifli Hasan⁸⁴ turut mencadangkan standard pematuhan syariah tetapi melalui standard tadbir urus oleh AAOIFI dan IFSB sebagai panduan pematuhan syariah di peringkat antarabangsa. Kajian ini mencadangkan pihak IKI menggabungkan kepakaran syariah tempatan dan antarabangsa untuk menguruskan institusi kewangan Islam. Wafik Grais dan Matteo Pellegrini⁸⁵ turut bersetuju penggabungan kepakaran syariah tempatan dan antarabangsa terutamanya bagi negara-negara bukan Islam yang mempunyai kepakaran syariah yang terhad dalam membangun produk kewangan Islam di negara-negara bukan Islam. Ini berikutan kebanyakan negara-negara bukan Islam berhadapan masalah dalam memutuskan pematuhan syariah yang tidak konsisten dan berbeza antara satu sama lain. Penggabungan kepakaran syariah tempatan dan antarabangsa serta meningkatkan lagi keyakinan pasaran pengguna mengenai produk kewangan Islam yang mematuhi syariah.

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibincang, terdapat jurang maklumat dalam pengurusan risiko syariah khususnya dalam konteks industri takaful Malaysia. Secara umum, industri takaful mempunyai bidang pengurusan risiko syariah yang hampir sama dengan industri kewangan Islam yang lain misalnya aspek pelaburan, pembayaran zakat dan penyaringan pendapatan tidak halal. Namun begitu, terdapat perbezaan tertentu melibatkan pengurusan risiko syariah industri takaful misalnya daripada aspek penerimaan risiko yang dibenarkan oleh syariah, kontrak hibah dalam takaful, aplikasi kontrak *al-Qard* dan lain-lain operasi yang melibatkan operasi SPT sahaja.

⁸⁴Zulkifli Hasan, "A Survey on Shari'ah Governance Practices in Malaysia, GCC Countries and the UK: Critical Appraisal," *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 4, no. 19 (2011), 48-51.

⁸⁵ Wafik Grais dan Matteo Pellegrini, "Corporate Governance and Shariah Compliance in Institution Offering Islamic Financial Services," *World Bank Policy Research Working Paper* 4054 (November 2006), 20-21.

1.10 Definisi Operasional

Kajian ini melibatkan beberapa kata kunci untuk memahami kaedah operational. Kata kunci tersebut ialah pengurusan risiko, risiko syariah dan industri takaful. Definisi operational setiap kata kunci adalah seperti berikut:

1.10.1 Keterdedahan risiko syariah dalam kajian ini bermaksud situasi atau keadaan atau ruang lingkup aspek yang boleh menyebabkan berlaku perkara pertikaian mengenai status patuh syariah atau insiden tidak patuh syariah.

1.10.2 Risiko syariah dikenali juga sebagai risiko ketidakpatuhan syariah (*Shariah non-compliance risk*). risiko pematuhan Syariah⁸⁶ dan risiko operasi⁸⁷. Kajian ini akan diselaraskan dengan penggunaan istilah risiko syariah sahaja. Risiko syariah bererti terjadi insiden atau perkara-perkara tidak patuh syariah yang menyebabkan kerugian kepada institusi kewangan Islam (IKI).

1.10.3 Syarikat Pengendali Takaful (SPT) ialah syarikat yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjalankan perniagaan takaful sama ada lesen komposit iaitu lesen pengendali takaful am dan takaful keluarga ataupun lesen pengendali takaful keluarga sahaja. Jumlah keseluruhan SPT di Malaysia ialah 11 SPT.

1.11 Organisasi Kajian

Penulisan kajian ini akan dibuat dalam enam bab yang disusun mengikut aliran kajian. Bab pertama akan menjelaskan mengenai kerangka asas kajian merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi operational, organisasi kajian dan kesimpulan bab satu. Selain itu, sorotan literatur kajian-

⁸⁶ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," *Chicago Journal of International Law*, no. 7 (2007), 397:397-408. Artikel ini menggunakan istilah *Shari'ah Compliance Risk*.

⁸⁷ Abdullah Haron dan Dawood Taylor, "Risk Management in Takaful", 171.

kajian lepas untuk mengukuhkan pembentukan kerangka teoritikal kajian. Bab ini merupakan bab pendahuluan yang memberi gambaran secara umum akan dijelaskan berkaitan kajian ini.

Bab kedua pula merupakan kerangka teori kepada kajian yang dijalankan. Bab ini menjelaskan mengenai pendefinisian risiko syariah, keterdedahan risiko syariah dan pendekatan pengurusan risiko syariah dalam kewangan Islam. Kemudian diikuti bab ketiga kajian ini yang menjelaskan mengenai pematuhan syariah dalam industri takaful semasa pra dan pasca APKI 2013 khususnya peruntukan perundangan yang melindungi industri takaful daripada keterdedahan risiko syariah.

Bab keempat menghuraikan secara terperinci metodologi kajian lapangan secara temu bual yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini merangkumi bagaimana prosedur kajian dilakukan bermula daripada falsafah kajian, pendekatan kajian, strategi kajian, metode temubual, metode deduktif, pengendalian pengumpulan data, penilaian dokumen, observasi. Seterusnya, bab ini akan menjelaskan metode analisis data menggunakan program analisis data kualitatif berkomputer yakni *Atlas.ti 7*.

Bab kelima akan menganalisis data kualitatif hasil temu bual informan-informan kajian. Dapatan analisis data akan ditunjukkan melalui gambaran grafik *Atlas.ti 7*. Bab ini turut menunjukkan dapatan Analisis Silang Data Jumlah Petikan (*Quotation*) Berdasarkan Jadual Kod Dan Primer Data.

Bab keenam menjelaskan rumusan secara keseluruhan bagi bab-bab terdahulu. Berdasarkan rumusan dan hasil kajian yang diperolehi, bahagian bab ini turut mengemukakan beberapa industri ke arah membentuk cadangan praktik yang baik dalam proses pengurusan risiko syariah SPT di Malaysia.

1.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini memberi gambaran awal mengenai kerangka kajian. Industri kewangan Islam seperti sukuk dan perbankan Islam telah mengalami insiden risiko syariah apabila berlaku pertikaian mengenai status patuh syariah terhadap kontrak yang digunakan dalam kedua-dua industri tersebut. Industri takaful juga merupakan sebahagian daripada institusi kewangan yang perlu memenuhi keperluan aspek pematuhan syariah. Keadaan ini menyebabkan SPT turut terdedah kepada risiko syariah sekiranya berlaku sebarang operasi dan aktiviti yang tidak patuh syariah. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengkaji dan menganalisis keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia dan juga pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia.

BAB 2: KETERDEDAHAN RISIKO SYARIAH DAN PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO SYARIAH DALAM KEWANGAN ISLAM

2.1 Pengenalan

Institusi kewangan Islam (IKI) dan institusi kewangan konvensional mempunyai perbezaan yang paling utama yakni keperluan patuh syariah. Dengan keperluan patuh syariah, IKI berhadapan dengan keterdedahan dalam risiko tambahan yang dikenali sebagai risiko syariah. Risiko syariah secara mudah merupakan risiko kerugian disebabkan pembatalan kontrak atau pendapatan tidak diiktirafkan atau sebarang bentuk kerugian disebabkan IKI tersebut tidak mematuhi keperluan patuh syariah. Bab ini akan menghuraikan mengenai konsep keterdedahan risiko syariah dalam kewangan Islam. Selanjutnya, bab ini juga turut meneliti beberapa pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah khususnya dalam SPT di Malaysia.

2.2 Risiko Syariah

Daripada aspek penggunaan istilah, terdapat istilah berbeza yang digunakan iaitu risiko Syariah¹, risiko ketidakpatuhan Syariah², risiko pematuhan Syariah³ dan risiko operasi syariah⁴. Kajian ini akan menyelaraskan istilah dengan menggunakan istilah “risiko syariah” sahaja⁵. Bagaimanapun, terdapat dua istilah lain yang perlu difahami dalam risiko syariah. Pertama, “potensi risiko syariah” bermaksud isu syariah dalam operasi SPT yang belum diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah SPT (JKS SPT) disebabkan

¹ Karim Ginena, “Shari’ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks,” 95-96. Kajian ini menggunakan istilah *Shari’ah Risk*.

² Achene Lahsasna, *Shari’ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 22. Menggunakan istilah *Shari’ah Non-compliance Risk*.

³ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, “Shari’ah Compliance Risk,” *Chicago Journal of International Law*, no. 7 (2007), 397:397-408. Artikel ini menggunakan istilah *Shari’ah Compliance Risk*.

⁴ Abdullah Haron dan Dawood Taylor, “Risk Management in Takaful”, 171.

⁵ Risiko syariah atau Shari’ah Risk. Lihat Karim Ginena, “Shari’ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks,” 95-96. Lihat juga Hennie van Greuning dan Zamir Iqbal, *Risk Analysis for Islamic Banks* (Washington DC: The World Bank, 2008), 181.

memerlukan kajian dan pertimbangan yang selanjutnya. Potensi risiko syariah ini perlu dilaporkan kepada BNM. Kedua, “insiden risiko syariah” bermaksud insiden tidak patuh syariah yang benar-benar telah berlaku. Insiden risiko syariah telah dipersetujui oleh JKS SPT sebagai tidak patuh syariah. Insiden risiko syariah seperti ini juga perlu dilaporkan oleh BNM⁶.

Umumnya, kajian ini mengumpulkan data kualitatif temubual berdasarkan pengetahuan dan pengalaman informan yang bertanggungjawab dalam pematuhan syariah SPT. Kebanyakan keterdedahan risiko syariah telah mendapat keputusan daripada JKS SPT masing-masing sama ada potensi atau insiden risiko syariah yang sebenar. Oleh yang demikian, kajian ini mengandaikan data-data yang dinyatakan oleh informan sebagai keterdedahan risiko syariah tanpa terikat dengan maksud potensi risiko syariah dan insiden risiko syariah yang memerlukan potensi dan insiden tersebut dilaporkan secara rasmi kepada BNM.

2.2.1 Pendefinisian Risiko Syariah

DeLorenzo mendefinisikan risiko syariah ialah kebarangkalian produk atau perkhidmatan kewangan tidak mematuhi atau akan berlaku tidak patuh syariah pada masa hadapan⁷. Manakala, Acher dan Haron pula mendefinisikan risiko syariah sebagai risiko ketidakpatuhan syariah disebabkan oleh sistem dalaman IKI dan juga kakitangan yang terlibat dalam operasi dan urusan kewangan Islam⁸. Seterusnya, Ibn Dawiyah mengulas pengertian risiko syariah bermaksud ketidakpastian mengenai sesuatu perkara akan menyebabkan berlaku pertikaian dan mendedahkan kepada risiko ketidakpatuhan

⁶ Achene Lahasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 159-160.

⁷DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, “Shari'ah Compliance Risk”, 397.

⁸ Archer, S. dan Haron, A., “Operational Risk Exposures of Islamic Banks”, dalam *Islamic Finance: The Regulatory Challenge*, ed. Archer, S. and Abdel Karim, R. (Singapore: John Wiley & Sons, 2007), 124.

syariah⁹. Begitu juga Bälz yang mendefinisikan risiko syariah sebagai kebarangkalian transaksi kewangan Islam dipertikaikan sebagai tidak patuh syariah¹⁰. Karim Ginena telah menggunakan istilah *Shari'ah risk* dalam risiko operasi dan mendefinisikan risiko syariah ini sebagai risiko kerugian kewangan disebabkan berlaku insiden tidak patuh syariah dalam operasi IKI sepertimana yang ditetapkan oleh JKS atau pihak-pihak lain yang bertanggungjawab mengenai pematuhan syariah. Bagaimanapun, Karim Ginena telah mengeneppikan aspek kerugian bukan kewangan sebagai sebahagian risiko Syariah¹¹. Sebaliknya, Rusnah Muhammad berpendapat risiko syariah turut melibatkan kerugian bukan kewangan yakni kerugian sekiranya masyarakat Muslim tidak mematuhi perundangan syariah yang merupakan perintah Allah S.W.T¹². Kegagalan mengikut dan mentaati perintah Allah S.W.T bererti tiada keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T¹³. Ini akan memberikan kesan yang besar terhadap kedudukan kewangan dalam IKI itu sendiri¹⁴.

Islamic Financial Services Board (IFSB) menggunakan istilah *shariah non compliance risk* atau risiko ketidakpatuhan syariah. Risiko syariah adalah sebahagian daripada risiko operasi yang perlu menjalani proses mengenal pasti keterdedahan terhadap ketidakpatuhan syariah yang diikuti tindak untuk mengawal daripada berlaku insiden ketidakpatuhan syariah tersebut. Umumnya, terdapat keterdedahan kepada insiden risiko syariah dalam industri takaful. Misalnya, produk pelan takaful keluarga

⁹ Ibn Dawiyan, Ibrahim Ibn Muhammad, *Manār al-Sabīl Fi Sharh al-Dalīl* (al-Mansurah: Dar al-Yaqin, 2004), 30.

¹⁰ Bälz, K., "Shari'ah Risk? How Islamic Finance Has Transformed Islamic Contract Law", *Occasional Publications* 9, Islamic Legal Studies Program (Cambridge, MA, Harvard Law School, 2008), 23.

¹¹ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance Of Islamic Banks," 90.

¹² Rusnah Muhamad, "Market Segmentation And The Shari'ah Compliancy Process In Islamic Banking Institutions", *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance Research Paper* 21 (2011), 12.

¹³ Mohd Nazri Chik, Shariah Framework & Governance In Bank Islam, laman sesawang *Bank Islam*, di dicapai 7 Oktober 2014, <http://www.bankislam.com.my/en/Documents/cinfo/VisitationICDIF-LPPI-Indonesia-240613.pdf>

¹⁴ Rusnah Muhamad, (2011), "Market Segmentation And The Shari'ah Compliancy Process In Islamic Banking Institutions", 12.

berkaitan pelaburan memerlukan pemilihan portfolio pelaburan daripada SPT. SPT telah secara sengaja atau tidak telah memilih portfolio yang sedia maklum tidak patuh syariah untuk melaburkan dana pelaburan peserta tersebut. Situasi ini menyebabkan berlaku insiden risiko syariah dalam operasi SPT tersebut¹⁵. Kejadian insiden risiko syariah ini menyebabkan terdapat pendapatan tidak diiktiraf syariah dalam keuntungan SPT¹⁶. Oleh sebab itu, SPT perlu mengasingkan pendapatan tidak diiktiraf syariah tersebut kemudian dilupuskan melalui pemberian kepada badan-badan kebajikan¹⁷ sepertimana yang dipersetujui oleh JKS SPT masing-masing. Ini bermaksud jumlah pendapatan keuntungan SPT akan berkurangan dan berlakunya kerugian. Ini merupakan gambaran awal yang menjelaskan impak risiko syariah dalam SPT.

Berdasarkan huraian pendefinisian risiko syariah, risiko syariah boleh disimpulkan sebagai risiko berlaku kerugian sama ada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan yang disebabkan pertikaian atau potensi ataupun insiden sebenar tidak patuh syariah dalam operasi dan urusan niaga IKI. Manakala, terdapat dua aspek pendefinisian keterdedahan risiko syariah. Pertama, suatu insiden yang berpotensi atau telah jelas telah berlaku ketidakpatuhan syariah berdasarkan manual syariah atau resolusi yang telah diputuskan oleh pihak yang bertanggungjawab¹⁸. Kedua, keterdedahan risiko syariah melibatkan faktor-faktor yang menyebabkan insiden risiko syariah berlaku sama ada melibatkan sumber manusia, sistem, operasi atau perkara luaran¹⁹.

¹⁵ IFSB, *Explosure Draft 14: Standard on Risk Management for Takaful (Islamic Insurance) Undertaking*, 9.

¹⁶ Tobiaz Frenz dan Younes Soualhi, *Takaful and Retakaful: Advanced Principles and Practices*, 218.


¹⁷ Asyraf Wajdi Dusuki, Mohammad Mahbubi Ali dan Lokmanulhakim Hussain, "A Framework For Islamic Financial Institutions To Deal With Sharōñah Non-Compliant Transactions," *ISRA Research Paper* 42 (2012), 27-32.

¹⁸ Lihat suptopik 2.3 "Unsur-Unsur Utama yang Menyebabkan Risiko Syariah".

¹⁹ Lihat suptopik 2.5 "Faktor-Faktor Keterdedahan Risiko Syariah dalam Institusi Kewangan Islam (IKI)".

2.3 Unsur-Unsur Utama yang Menyebabkan Risiko Syariah

Terdapat unsur-unsur utama yang menyebabkan risiko syariah dalam kewangan Islam termasuklah dalam SPT. Antara unsur-unsur utama yang menyebabkan risiko syariah dalam kewangan Islam ialah riba, *gharar*, judi, penipuan, salah tanggapan dan pengurangan. Elemen-elemen tidak patuh syariah tidak boleh berlaku secara langsung ataupun tidak langsung dalam operasi dan aktiviti SPT. Berikut adalah elemen-elemen utama yang secara langsung menyebabkan berlaku insiden risiko syariah dalam SPT.



Rajah 2.1: Elemen-Elemen Utama Menyebabkan Risiko Syariah

2.3.1 Riba

Riba secara literal bermaksud pertambahan²⁰, lebihan, peningkatan dan pertumbuhan. Walau bagaimanapun, bukan semua pertambahan dilarang oleh perundangan syariah. Pertambahan dalam perkara-perkara kemaslahatan sangat digalakkan oleh perundangan syariah contohnya pertambahan keuntungan dalam jual beli, pertambahan perkongsian untung mudarabah²¹ dan pertambahan dalam perkara-perkara kebajikan seperti sedekah

²⁰ Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram, *Lisān al-`Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1990), 14: 304-305.

²¹ Istilah mudarabah telah didaftarkan dalam Bahasa Melayu berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, "mudarabah", laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai 11 Oktober 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=mudarabah>

dan wakaf. Riba secara jelas telah diharamkan oleh perundangan syariah berdasarkan dalil berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ۝١٣٠

Ali 'Imran 3: 130

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ۝٢٧٥

Al-Baqarah 2: 275

Terjemahan: Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata, sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.

Selain itu, terdapat hadis yang turut menjelaskan mengenai larangan riba. Hadis daripada

Abu Hurairah RA;

«اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ» قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا هِيَ؟ قَالَ: «الشِّرْكَ بِاللَّهِ، وَالشُّحُّ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ،

وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ
 الْمُحْصَنَاتِ الْعَافِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ»

Terjemahan: Jauhilah tujuh jenis dosa besar, bertanya mereka; Apakah itu Ya Rasulullah. Rasulullah menjawab: Syirik kepada Allah, sihir, membunuh tanpa hak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan peperangan kerana takut, dan menuduh wanita yang suci dengan zina (tanpa saksi)²²

Daripada Jabir ra berkata:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الصَّبَّاحِ وَزُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ وَعُثْمَانُ بْنُ أَبِي
 شَيْبَةَ قَالُوا حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ أَخْبَرَنَا أَبُو الزُّبَيْرِ عَنْ جَابِرٍ قَالَ لَعَنَ
 رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكِلَ الرِّبَا وَمُؤَكَّلَهُ وَكَاتِبَهُ
 وَشَاهِدِيهِ وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ

Terjemahan “Bahawa Rasulullah SAW melaknat pengambil dan pemberi riba, penulis yang mencatat transaksi riba dan saksi-saksi kedua-duanya dan Rasulullah SAW mengatakan mereka semua adalah sama²³.”

Umumnya, terdapat dua bentuk riba. Pertama, riba berkaitan hutang. Riba ini adalah merupakan jumlah tambahan kepada hutang disebabkan tempoh pembayaran yang berlanjutan²⁴. Riba dalam transaksi kewangan masa kini ialah sejumlah wang bayaran tambahan yang dikenakan ke atas peminjam yang mesti dibayar kepada pemiutang sebagai pulangan terhadap pinjaman yang telah diberikan berdasarkan tempoh masa bayaran dibuat. Bayaran wang tambahan yang dikenakan ke atas pinjaman yang telah diberikan merupakan transaksi riba²⁵. Riba berkaitan hutang wang ialah terdapat

²² Muhammad Ibn Ismāil Abu Abd Allah al-Bukhārī Al-Ja’fi, *al-Jami’ al-Musnad al-Ṣohih al-Mukhtaṣar min Umūri Rasūlullah S.A.W Wa Sunanhu Waa’yāmuhū (Ṣahīh Bukhārī)*, Kitab al-Waṣoyā, Inna Allazīnā Yakkūluna Amwala al-Yatāma Zulman, Innama Yakkūluna fi Buthūnihim Naran Wasayaslauna sairān (al-Nisa:10), no. hadith 2766. cet.1 (Damsyik: Darul Tuq al-Najat, 1422H), 4: 10. Ditaḥqīq oleh Muhammad Zahir Nasir al-Nasir.

²³ Muslim Ibn al-Hajjaj Abū al-Hasan al-Qusyairi al-Naysāburi, *Ṣahīh Muslim*, taḥqīq Ahmad Fuad Abd al-Baqi, Kitab al-Talāk, Bab La’ni Akili al-Riba’ wa Mu’kilihi, no. hadith 1598 (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t), 3: 1219.

²⁴ Al-Mawdudi, Abu al-A’la, *al-Riba* (Jeddah: Dar al-Sa’udiyyah, 1987), 107.

²⁵ Ibn Hajar al-Makki al-Haythāmi, *Al-Zawajir ‘an Iqtiraf al-Kabā’ir* (al-Qahirah: Dar al-Hadith, 2002), 1: 222.

pertambahan jumlah bayaran hutang pinjaman sama ada disyaratkan oleh pemiutang atau dijanjikan oleh peminjam tersebut berdasarkan tempoh masa pinjaman hutang tersebut dijelaskan. Lebih bayaran terhadap pinjaman tersebut disebut sebagai riba²⁶.

Kedua, riba melibatkan jualan barangan tertentu. Transaksi riba melibatkan jualan barangan tertentu ialah apabila terdapat lebihan pada satu pihak semasa pertukaran barangan tertentu contohnya tamar. Riba berlaku disebabkan perbezaan kuantiti antara pertukaran dua jenis tamar tersebut atau pertukaran yang tertangguh yakni pada waktu yang berbeza. Penjelasan mengenai barangan-barangan ribawi ini turut dijelaskan melalui hadis Rasulullah SAW seperti berikut:

Diriwayatkan daripada ‘Ubādah bin Şamit daripada Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

الدَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ
بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلِ سَوَاءٍ بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ
هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

Terjemahan: “emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar dan garam dengan garam hendaklah sama pada harga dan kuantiti, dan transaksi berlaku pada masa majlis akad itu, sekiranya jenis barang yang berbeza antara satu sama lain, maka jual lah mengikut kehendak kamu dengan syarat transaksi berlaku dalam majlis akad²⁷”.

الدَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَرِزًا بِرِزٍّ مِثْلًا بِمِثْلِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَرِزًا بِرِزٍّ
مِثْلًا بِمِثْلِ فَمَنْ زَادَ أَوْ اسْتَزَادَ فَهُوَ رِبًا

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Muslim Ibn al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qusyairī al-Naysaburi, *Sahīh Muslim*, tahqīq Ahmad Fuad Abd al-Baqī, Kitāb al-Talak, Bāb al-Sarfī wa Bay‘i al-Dhahabi bi al-Waraqī Naqdan, no.hadith 1587 (Bayrut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 3: 1210.

Terjemahan: “Emas dengan emas, setimbang dan semisal; perak dengan perak, setimbang dan semisal; barang siapa yang menambah atau meminta tambahan, maka (tambahannya) itu adalah riba²⁸”.

Transaksi riba secara jelas dilarang oleh perundangan syariah disebabkan transaksi riba ini tidak mendapatkan kebaikan di sisi Allah S.W.T. seperti dalil daripada Al-Quran:

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لَّيْرُبُوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ
مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ^{٣٩}

Al-Rum 30:
39

Terjemahan: Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan) dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan kerediaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.

Malahan, tanggungan dosa akibat transaksi riba adalah berat sepertimana hadis berikut:

دِرْهَمٌ رِّبَاً يَأْكُلُهُ الرَّجُلُ وَهُوَ يَعْلَمُ أَشَدُّ مِنْ سِتِّ وَثَلَاثِينَ زِنِيَةً

Terjemahan: “Satu dirham riba yang dimakan seseorang, dan dia mengetahui (bahwa itu adalah riba), maka itu lebih berat daripada enam puluh kali zina²⁹”.

Berdasarkan dalil daripada Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW mengenai larangan transaksi riba menunjukkan bahawa transaksi riba merupakan salah satu elemen-elemen utama yang dilarang dalam kewangan Islam termasuklah dalam operasi dan aktiviti SPT.

Sarjana-sarjana Islam terdahulu turut mengemukakan pandangan mengenai transaksi riba. Ibn Taymiyah berpandangan bahawa riba merupakan salah satu daripada bentuk

²⁸ *Ibid.*, 3, 1212.

²⁹ Abu ‘Abdullāh Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal Bin Hilal Bin Asad al-Syaybani, *Musnād Imam Ahmad Bin Hanbal*, tāhqiḳ Syu‘ab al-Arna‘ut, Kitab Tatimmāh Musnād al-Ansār, Bab Hadīth ‘Abdullah Bin Hanzalah Ibn al-Rahib Abi ‘Amir al-Ghasil Ghasil al-Mala‘ikah, cet 1, no. hadith 21957 (t.tp: Muassasah al-Risalah, 2001), 36: 288. Hadith ini dihukum sebagai da‘if marfu‘. Tidak sah ia daripada Nabi SAW. Namun al-Albani menghukum ia sebagai sahih mawqufan. Ia sahih daripada sahabat. Lihat Muhammad Nasir al-Din al-Albani, *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*, cet. 1, no hadith 1033 (t.tp: Maktabah al-Ma‘arif, t.t), 3: 51.

penganiayaan yang dilakukan oleh pemberi hutang kepada orang yang berhutang³⁰. Transaksi riba mewujudkan sikap tamak, mementingkan diri sendiri, kejam dan tidak bertimbang rasa kepada golongan memerlukan serta dapat memusnahkan semangat persahabatan dan kerjasama. Elemen riba juga merupakan salah satu unsur yang menyebabkan insurans konvensional dikategori sebagai tidak patuh syariah. Contoh transaksi riba dalam insurans konvensional berlaku apabila syarikat insurans membayar kepada orang yang dilindungi insurans lebih daripada duit yang dibayar oleh pemegang polisi insurans merupakan *riba al-fadl*³¹. Misalnya, pihak A membayar caruman sebanyak RM 100 sebulan bersamaan RM 1200 selama setahun. Akan tetapi, pihak A memperolehi jumlah perlindungan yang lebih besar iaitu RM 100 000. Perbezaan jumlah bayaran caruman dan lebihan dalam pembayaran perlindungan manfaat insurans merupakan bentuk transaksi riba *al-fadhl*. Riba *al-fadhl* bermaksud melebihi iaitu berlaku pertambahan pada salah satu tukaran bagi jual beli barangan *ribawi*³² dalam insurans konvensional iaitu pertukaran wang premium insurans dengan jumlah wang manfaat insurans yang lebih banyak.

Selain itu, bayaran manfaat yang dibayar oleh syarikat insurans kepada orang yang dilindungi ditanggungkan untuk suatu tempoh yang akan datang dikategorikan sebagai *riba al-nasiah*³³. Riba *al-nasiah* yang bermaksud jual beli bertanggung iaitu barangan atau perkhidmatan diperolehi tidak secara tunai³⁴. Pihak yang mengambil insurans konvensional membayar sejumlah wang pada masa kini tetapi manfaat insurans akan diperolehi pada masa hadapan apabila berlaku musibah atau kerugian seperti yang dipersetujui dalam kontrak insurans konvensional. Kedua-dua unsur *riba al-fadhl* dan

³⁰ Ibn Taymiah, Ahmad ibn `Abd al-Halim, *al-Fatawa al-Kubra* (Bayrut: Dār al-Ma`rifah, 1988), 3: 7.

³¹ Mohd Ma'sum Billah, *Islamic Insurance (Takaful)* (Petaling Jaya: Ilmiah Publisher Sdn Bhd, 2003), 57.

³² Muhammad Solah al-Sowi, *Musykilah al-Istithmār fi al-Bunuk al-Islāmiyyah wa-kayfa `ālahā al-Islām* (Jiddah: Dar al-Mujtama`, 1990), 333-354.

³³ Mohd Ma'sum Billah, *Islamic Insurance (Takaful)*, 57.

³⁴ *Ibid.*,

riba nasi'ah dalam insurans konvensional³⁵ ini yang menyebabkan insurans konvensional diputuskan sebagai tidak patuh syariah berdasarkan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam³⁶.

Berdasarkan penjelasan ini dapat disimpulkan bahawa transaksi riba merupakan salah satu unsur-unsur utama yang dilarang oleh syariah. Larangan riba ini disebabkan unsur-unsur riba itu sendiri yang mengakibatkan penindasan, kezaliman, tamak dan bertentangan dengan semangat kerjasama dan tolong-menolong yang menjadikan teras utama dalam kontrak takaful. Justeru, transaksi riba ini merupakan unsur-unsur utama yang menyebabkan tidak patuh syariah dalam kewangan Islam. Dengan erti kata yang lain, elemen riba mendedahkan kepada berlaku insiden risiko syariah dalam takaful. Secara dasarnya, aktiviti dan operasi takaful adalah bebas daripada sebarang elemen berkaitan riba. Namun, elemen riba boleh wujud sekiranya terdapat beberapa tindakan salah daripada pihak-pihak yang berkontrak dalam takaful. Contohnya, agen atau wakil SPT mengatakan kepada bakal peserta A bahawa kontrak takaful berkaitan pelaburan akan memperolehi pulangan tetap sebanyak 5% setahun. Bagaimanapun, ini adalah satu contoh sahaja dan situasi sebenar keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT akan dikenal pasti dalam bab 5 kajian ini.

2.3.2 Gharar

Istilah *gharar* bermaksud bahaya, bencana, risiko³⁷ atau ketidak pastian³⁸. Dari sudut syariah dalam kewangan Islam, *gharar* merupakan unsur yang dilarang yang

³⁵ Huraian lanjut mengenai riba dalam kontrak insurans konvensional. Lihat Wan Marhaini Wan Ahmad et al., "Elemen Riba dan Gharar dalam Insurans", dalam *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, ed. Asmak Ab Rahman et al., (Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya, 2008), 7-9.

³⁶ Majlis Fatwa Kebangsaan, "Pengharaman Insurans Konvensional", laman sesawang e-fatwa portal rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 13 November 2012, http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=96.

³⁷ Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab*, 5: 11-2.

³⁸ Al-Qaradhawi, Yusuf, *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā' kama Tajriyyatu al-Maṣārif al-Islāmiyyah Dirāsatan fī Ḍū al-Nuṣūṣ wa al-Qawā'id al-Shar'iyyah* (Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 2001), 27.

menyebabkan tidak patuh syariah. Ini kerana *gharar* adalah unsur-unsur ketidak pastian ataupun keraguan yang boleh menyebabkan pertikaian antara pihak-pihak yang berkontrak. Terdapat dalil mengenai larangan terhadap unsur *gharar* dalam transaksi urusniaga dan sebagainya seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

٢٩

Al-Nisa' 4: 29

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ۝ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ۚ وَإِذَا كَالُوهُمْ
أَوْ وُزَنُوا لَهُمْ يُخْسِرُونَ ۚ

al-Mutaffifin 83: 1-3

Terjemahan: Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.

Penjelasan mengenai larangan terhadap *gharar* turut dinyatakan melalui hadis Rasulullah SAW.

وَحَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ إِدْرِيسَ، وَيَحْيَى
بْنُ سَعِيدٍ، وَأَبُو أُسَامَةَ، عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ، ح وَحَدَّثَنِي زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ،
وَاللَّفْظُ لَهُ، حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ، عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ، حَدَّثَنِي أَبُو

الزَّيَّادِ، عَنِ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: «نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ، وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ»

Yang bermaksud: “Rasulullah SAW melarang jual beli al-hasat (yang ditentukan melalui balingan batu) dan jual beli *gharar*”.³⁹

Terdapat pelbagai pandangan sarjana-sarjana terdahulu mengenai definisi *gharar*. Ibn Taimiyyah berpandangan *gharar* merupakan kontrak urusanniaga yang tidak mempunyai kepastian mengenai hasil kontrak tersebut⁴⁰. Imam Malik pula berpendapat *gharar* sebagai satu transaksi yang tidak disengajakan atau mengandungi unsur kebetulan kerana melibatkan objek yang tidak diketahui kualitinya oleh pembeli kerana objek tersebut tidak wujud semasa transaksi sedang dilakukan⁴¹. Al-Sarakhsi daripada mazhab Hanafi mendefinisikan *gharar* sebagai sesuatu yang tidak diketahui kesan dan akibatnya. Ini bererti *gharar* ini turut merujuk kepada *jahālah* yang membawa erti tidak mengetahui mengenai barang jualan tersebut⁴². Selain itu, al-Kasani pula berpendapat *gharar* merupakan satu keadaan ragu-ragu dan tidak pasti yang merupakan risiko dihadapi oleh pembeli berikutan pembeli belum lagi melihat barangan yang ingin dibeli tersebut⁴³.

Sarjana-sarjana Islam kontemporari turut membincangkan *gharar* secara khusus. Al-Zarqa berpandangan *gharar* ialah jualan sesuatu barangan yang tidak jelas dan samar-samar sama ada wujud atau sebaliknya tidak wujud. Al-Zarqa berpandangan *gharar* dalam jualan disebabkan ketiadaan spesifikasi yang jelas seperti kuantiti, jumlah dan berat yang boleh menyebabkan kemungkinan berlaku penipuan dalam jual

³⁹ Muslim Ibn al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qusyairī al-Naysaburi, *Musnad ṣohih Al-Muḥtaṣor Binaqlu Al-Adl Ayn Al-Adl Ila Rasulallah S.A.W (Ṣahīh Muslim)*, Kitab al-Ṭolaq, Bāb Baṭlan Bay al-Ḥaṣāt wa al-Bay alladhī fihī al-Gharār, no. Hadīth 1513 (Beirut: Darul Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1955), 3: 1153. Ditahqiq oleh Muhammad Fuad `Abdul al-Baqi.

⁴⁰ Ibn Taymiyyah, Abi al-`Abbas Taqī al-Din Ahmad ibn `Abd al-Halim, *al-Fatawā al-Kubra* (Bayrut: Dar al-Ma`rifah, 1988), 4: 16.

⁴¹ Malik Ibn Anas, *al-Muwatta'*, Edisi Yahya Ibn Yahya al-Laythi (Bayrut: t.p., 1979), 554-555.

⁴² Al-Sarkhasi, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad, *al-Mabsūt* (Bayrut: Dar al-Ma`rifah, 1978), 2: 194.

⁴³ Al-Kasani, `Ala al-Din Abi Bakr ibn Su`ud, *Badā'i' al-Sanā'i' fi Tartīb al-Sharā'i'*. Ed ke-2 (Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1998), 5: 42.

beli tersebut⁴⁴. Al-Zuhaili berpendapat *gharar* merupakan jualan yang mendatangkan bahaya atau mudarat kepada salah satu pihak yang berkontrak dalam bentuk kehilangan atau kerugian harta-benda. Kemudaratan tersebut disebabkan salah satu pihak yang berkontrak menanggung kerugian manakala pihak yang satu lagi memperolehi keuntungan dengan cara yang salah. Walaupun terdapat pihak yang mendapatkan manfaat dan keuntungan dengan cara yang salah tetapi al-Zuhaili berpandangan kedua-dua pihak berkontrak mendapatkan kemudaratan dan kerugian sama ada kerugian dalam harta-benda di dunia dan kerugian di akhirat akibat daripada mendapatkan keuntungan dengan cara yang salah⁴⁵.

Gharar dalam konteks kontrak jual beli tersebut adalah dalam keadaan yang tidak selamat, tidak diketahui harganya atau barangnya atau keselamatannya dan bila waktu akan diperolehi barangan tersebut⁴⁶. *Gharar* merupakan salah satu unsur yang menyebabkan insurans konvensional difatwakan haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan⁴⁷. Ini berikutan tiada kepastian mengenai bila pemegang polisi insurans akan dapat menggunakan manfaat insurans konvensional yang telah dibelinya. Sekiranya para pemegang polisi insurans tidak mengalami sebarang musibah, bagaimanakah mengenai situasi wang caruman pemegang polisi insurans tersebut. Adakah wang tersebut menjadi milik pemegang polisi insurans atau menjadi milik syarikat insurans tersebut⁴⁸. Walaupun kontrak takaful secara umumnya adalah jelas dan nyata serba bebas daripada sebarang unsur *gharar*. Namun begitu, terdapat kemungkinan-kemungkinan wujud *gharar* dalam kontrak takaful misalnya sekiranya

⁴⁴ Dinyatakan oleh Wahbāh Al-Zuhāili, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatūhu*. Cet ke-3 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1989), 5: 437.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Muhammad Nasri Md Hussain dan Mohd Nizam Hanafiah, *Pengantar Perniagaan Islam* (Kuala Lumpur: Univision, 2001), 84.

⁴⁷ Majlis Fatwa Kebangsaan, "Pengharaman Insurans Konvensional", laman sesawang *E-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 13 November 2012, http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=96.

⁴⁸ Lihat Wan Marhaini Wan Ahmad et al., "Elemen Riba dan Gharar dalam Insurans", 9-13.

agen syarikat takaful gagal menyatakan dengan jelas jumlah perlindungan keseluruhan perlindungan takaful atau jumlah manfaat-manfaat takaful yang berkaitan ataupun agen tersebut gagal menyatakan dengan jelas berapakah jumlah caruman yang perlu dibayar oleh bakal peserta takaful sebelum menyertai kontrak. Ketiadaan maklumat-maklumat dalam kontrak takaful secara terang dan jelas mengenai jumlah caruman, fee wakalah⁴⁹ dan jumlah perlindungan manfaat mendedahkan elemen *gharar* dalam operasi dan aktiviti SPT. Bagaimanapun, sejauhmana elemen-elemen *gharar* ini berlaku dalam operasi dan aktiviti SPT akan dijelaskan dalam bab 5 yakni dapatan keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia.

2.3.3 Perjudian (*Maysir*)

Perjudian atau *maysir* secara literal bererti sebagai *qimar* iaitu sesuatu yang banyak disertai dengan daya dan tipu helah. Judi atau disebut sebagai *al-maysir* atau *al-qimar* bermaksud apa sahaja aktiviti yang melibatkan pertaruhan. Pihak yang memenangi pertaruhan akan memperolehi semua nilai pertaruhan manakala pihak yang kalah akan hilang pertaruhannya.

Judi merupakan elemen yang jelas mempunyai larangan berdasarkan Al-Quran.

Berikut adalah dalil daripada Al-Quran:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ
وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ
يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ١١٩

Al-Baqarah 2: 219

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi.
Katakanlah: "Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa

⁴⁹Istilah wakalah telah didaftarkan dalam Bahasa Melayu berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka, "wakalah", laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai 11 Oktober 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=wakalah>

manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya". Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: "Yang lebih dari keperluan." Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu supaya kamu berfikir.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ^{٩٠}

Surah al-Maidah 5:

90

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Dalil daripada ayat-ayat Al-Quran menunjukkan bahawa judi merupakan elemen yang dilarang dalam kehidupan masyarakat Muslim termasuklah dalam transaksi kewangan Islam. Selain itu, terdapat fuqaha yang berpandangan elemen perjudian ini juga mempunyai hubungan langsung dengan *gharar*⁵⁰. Misalnya kontrak insurans mempunyai elemen *gharar* kerana tidak mempunyai kepastian bilakah manfaat insurans tersebut akan diperolehi. Ketidakpastian bilakah manfaat insurans akan diperolehi turut menyebabkan adanya elemen perjudian yang wujud secara langsung kerana insurans seperti bentuk perjudian ataupun pertaruhan yang mana pihak mengambil insurans tidak pasti akan memperoleh pampasan insurans atau tidak. Sekiranya orang yang diinsuranskan mendapat musibah seperti kemalangan, sakit atau kematian, orang yang diinsuranskan atau penama pampasan insurans akan mendapatkan hasil insurans tersebut dan syarikat insurans akan menanggung kerugian. Namun, sekiranya tiada sebarang tuntutan insurans dibuat, orang yang diinsurans tidak mendapatkan sebarang pampasan dan syarikat insurans akan mendapatkan keuntungan kerana memperoleh premium insurans tanpa perlu membayar sebarang pampasan kepada orang yang diinsuranskan.

⁵⁰ al-Saddiq, Muhammad al-Amin Darir. *Al-Gharar in Contracts And Its Effects on Contemporary Transactions*. (Jiddah: Islamic Research and Training Institute, 1997), 585-586.

Situasi ini menunjukkan terdapat elemen-elemen pertaruhan atau perjudian yang menyebabkan insurans konvensional telah diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan⁵¹. Unsur perjudian merupakan salah satu sebab insurans konvensional difatwakan haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Ini kerana terdapat unsur yang menyebabkan para pemegang polisi insurans konvensional berharap akan memperolehi jumlah keuntungan yang besar manfaat insurans setelah membayar sejumlah kecil wang untuk mendapatkan polisi insurans tersebut⁵². Ini seperti aktiviti judi yang mana pihak yang berjudi akan mempertaruhkan sejumlah kecil wang atau barangan pertaruhan dengan tujuan untuk mendapatkan lebih banyak keuntungan⁵³.

Ahmad Shah Wali Allah al-Dihlawi mengulas bahawa perjudian tidak mendatangkan sebarang manfaat dalam aktiviti manusia termasuklah dalam urusan perniagaan. Ini menyebabkan kesemua transaksi melibatkan pertaruhan dan perjudian adalah dilarang dalam Islam⁵⁴. Abdullah Yusuf Ali pula berpandangan semua perkara yang berdasarkan kepada nasib dan peluang semata-mata adalah dilarang. Ini sepertimana aktiviti judi merupakan satu situasi yang mana individu atau sekumpulan pihak mempertaruhkan sesuatu yang bernilai hanya bergantung kepada nasib semata-mata sama ada akan mendatangkan keuntungan atau mengalami kerugian⁵⁵. Walaupun perjudian merupakan salah satu unsur yang menyebabkan insurans konvensional difatwakan haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan⁵⁶. Namun, kontrak takaful telah diperakui sebagai patuh syariah dan bebas daripada sebarang elemen tidak patuh syariah

⁵¹ Majlis Fatwa Kebangsaan, "Pengharaman Insurans Konvensional", http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=96.

⁵² Mohd Ma'sum Billah, *Islamic Insurance (Takaful)*, 57

⁵³ Muslehuddin, *Insurance and Islamic Law*. Ed ke. 3 (Lahore: Islamic Publication Ltd, 1979), 143.

⁵⁴ Ahmad Shah Wali Allah ibn `Abd al-Rahim al-Dihlawi, *Hujjat Allah al-Bālighah* (Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 2001), 2:108.

⁵⁵ Abdullah Yusuf Ali, *The Glorious Quran: Text, Translation and Commentary* (Leicester: The Islamic Foundation, 1975), 86.

⁵⁶ Majlis Fatwa Kebangsaan, "Pengharaman Insurans Konvensional", laman sesawang *e-fatwa portal rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 13 November 2012, http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=96.

termasuklah perjudian. Oleh yang demikian, para peserta yang menyertai kontrak takaful perlu memahami operasi kontrak takaful secara asas yang baik. Ini kerana kontrak takaful diasaskan oleh saling tolong-menolong dan kerjasama. Para peserta takaful telah berkontrak untuk menyerahkan sebahagian jumlah caruman untuk membantu mana-mana peserta takaful yang memerlukan bantuan apabila ditimpa musibah tertentu sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak takaful.

Para peserta takaful perlu mengelakkan salah faham bahawa mereka membayar caruman takaful yang sedikit untuk mendapatkan manfaat takaful yang lebih besar. Ini berikutan salah faham para peserta takaful untuk membayar sejumlah sedikit dengan harapan atau jangkaan untuk mendapatkan pampasan manfaat takaful yang besar akan menyebabkan keterdedahan kontrak takaful terhadap elemen perjudian atau pertaruhan yang tidak patuh syariah sepertimana insurans konvensional⁵⁷.

2.3.4 Tipu Helah (*Taghrīr*)

Taghrīr merupakan salah satu unsur-unsur yang menyebabkan risiko syariah dalam kewangan Islam. *Taghrīr* juga bererti satu bentuk tipu helah atau pujukan untuk menyebabkan satu pihak menjalankan kontrak dengan menganggap bahawa kontrak tersebut memberikan manfaat keuntungan⁵⁸. Contohnya tipu helah ialah aktiviti melibatkan apabila satu salah pihak mempengaruhi pihak yang berkontrak lain dengan fakta atau maklumat yang tidak benar bertujuan agar pihak tersebut bersetuju untuk terlibat dalam kontrak tersebut⁵⁹ sama ada jual beli, pinjaman, gadaian, takaful dan lain-lain. Dengan erti kata lain, *taghrīr* ialah tindakan menipu daya seseorang agar bersetuju

⁵⁷ Muhammad Hisyam Mohamad, "Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans", dalam Asmak Abd Rahman et al., *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-isu Kontemporari* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 33. Lihat juga, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *Buku Panduan Asas Takaful*. (Kuala Lumpur: IBFIM, 2007), 54.

⁵⁸ Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, 4: 221.

⁵⁹ Al-Khafif, 'Ali. *Ahkam al-Mu`amalāt al-Shar`īyah* (Kuwayt: Dar al-Fikr al-`Arabi, 1985), 356.

menyertai kontrak tersebut sedangkan pihak tersebut tidak mendapat manfaat yang diperolehinya semasa menyertai kontrak tersebut.

Taghrīr ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu *taghrīr* dalam pernyataan dan *taghrīr* dalam perbuatan. *Taghrīr* dalam pernyataan ialah tindakan salah satu pihak yang berkontrak atau wakil memujuk salah satu pihak yang lain untuk bersetuju dengan kontrak tersebut walaupun terdapat ketidakadilan dalam kontrak. *Taghrīr* dalam perbuatan pula ialah tindakan dalam bentuk perbuatan terhadap barang jualan dengan menunjukkan keadaan yang sebaliknya dengan keadaan sebenar barang jualan⁶⁰. Contohnya, pihak A menjual kasut terpakai tetapi membungkuskan semula kasut tersebut agar kelihatan seperti baru untuk dijual kepada pihak B. Kedua-dua jenis *taghrīr* ini adalah dilarang oleh syariah. Dalam praktis transaksi kewangan, terdapat aktiviti *taghrīr* yang berlaku contohnya produk dan perkhidmatan telah salah dibentangkan kepada pelanggan atau bakal pelanggan sama ada dalam perkataan ataupun bentuk tindakan. Keputusan untuk melaksanakan kontrak tersebut adalah berdasarkan pembentangan produk dan perkhidmatan yang salah tadi. Sekiranya pihak berkontrak telah mengetahui bahawa dia telah ditipu semasa pembentangan produk dan perkhidmatan kewangan. Maka, pihak tersebut boleh mengambil tindakan perundangan termasuklah membatalkan kontrak atau membawa kes tersebut kepada mahkamah.

2.3.5 Ghalat

Ghalat atau kesilapan ialah salah tanggapan mengenai sesuatu perkara⁶¹. Dengan erti kata yang lain, sesuatu anggapan yang berbeza dengan realiti tanpa disedari oleh pihak berkontrak. Contoh *ghalat* dalam kontrak jual beli ialah *ghalat* berlaku apabila

⁶⁰ Dinyatakan sebagai sebahagian daripada gharar. Ibn Rushd, Abi Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad, *Bidāyat al-Mujtahid wa-Nihāyat al-Muqtasid* (Bayrut: Dar Ibn Hazm, 2006), 4: 534.

⁶¹ Al-Khafif, *Ahkam al-Mu`amalāt al-Shar`īyah*, 227.

tanggapan pihak pembeli tidak berlaku sepertimana yang dikehendaki oleh pembeli tersebut. Ini kerana pihak pembeli tersebut telah membeli barangan tersebut disebabkan tanggapannya terhadap barangan itu⁶².

Ghalaṭ boleh dibahagikan kepada dua iaitu *ghalaṭ 'āqid* dan *ghalaṭ wadhīh*. Contoh *ghalaṭ 'āqid* atau *ghalaṭ* tidak nyata⁶³ dalam kontrak takaful misalnya seorang peserta takaful menyertai kontrak takaful berkaitan pelaburan dengan anggapan bahawa harga-harga unit saham takaful berkaitan pelaburan akan meningkat dan memberi pulangan yang baik. Walaubagaimanapun, harga unit saham takaful berkaitan pelaburan tersebut menurun setelah peserta tersebut menyertai kontrak takaful. Situasi ini merupakan *ghalaṭ 'āqid* dan akad ini tidak mempunyai unsur *gharar* dan situasi ini merupakan perkara normal yang berlaku dalam pelaburan unit-unit saham produk takaful berkaitan pelaburan. *Ghalaṭ wadhīh* ialah kesilapan yang berlaku secara jelas dan nyata⁶⁴. Kesilapan yang nyata ini boleh berlaku dalam dua keadaan sama ada secara jelas berlainan dengan kehendak pihak berkontrak sepertimana telah dipersetujui ataupun berdasarkan bukti-bukti tertentu yang menunjukkan kesalahan pihak penjual dan bukannya pembeli⁶⁵.

2.3.6 Paksaan (*Ikrāh*)

Ikrāh atau paksaan bermaksud memaksa seseorang untuk melakukan perkara yang tidak dikehendakinya. Akan tetapi, untuk mengelakkan terjadinya kemudaratannya lebih buruk. Pihak tersebut tetap melakukan perkara tersebut walaupun dalam keadaan terpaksa⁶⁶.

Ikrāh atau paksaan ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu separa paksaan dan

⁶² Mustafa Ahmad al-Zarqa', *al-Madkhal ila Nazarīyat al-iltizam al-`ammah fi al-Fiqh al-Islāmi* (Dimashq: Dar al-Qalam, 1999), 1: 390.

⁶³ Hussin Salamon, "Perkembangan Pasaran Modal Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Negara," *Jurnal Teknologi* 50 (Jun 2009), 9.

⁶⁴ Mustafa Ahmad al-Zarqa', *al-Madkhal ila Nazarīyat al-iltizam al-`ammah fi al-Fiqh al-Islāmi*, 1: 390.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ 'Abd Karīm Zaydān, *Al-Madkhal Li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah* (Baghdad: Matba'at al-`Ani, 1969), 361.

paksaan penuh. Paksaan penuh contohnya terdapat ancaman untuk melakukan pembunuhan atau bunuh diri atau mencederakan organ-organ utama yang boleh menyebabkan kematian ataupun ancaman untuk memusnahkan keseluruhan harta-benda individu dan pihak tertentu. Ini bererti *ikrāh* atau paksaan penuh ini menyebabkan kemudharatan yang besar yang melibatkan nyawa, harta-benda, maruah dan pelbagai lagi bergantung situasi yang dihadapi. Manakala, separa paksaan pula ancaman dalam situasi kurang daripada paksaan penuh contohnya memberi ancaman dalam bentuk mencederakan secara ringan atau memusnahkan sebahagian kecil harta benda⁶⁷. Ibn Qudamah menjelaskan elemen paksaan ini dianggap tidak mempunyai kesan dari aspek kontrak⁶⁸ berdasarkan dalil Al-Quran seperti berikut:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ
وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ
عَظِيمٌ^{١٠٦}

Surah al-Nahl 16: 106

Terjemahan: Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah dia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah dan mereka pula beroleh azab yang besar.

Bagaimanapun, paksaan turut dibahagikan kepada paksaan yang dibenarkan dan paksaan yang dilarang. Paksaan yang diiktiraf ialah paksaan melakukan sesuatu berdasarkan keputusan hakim atas tindakan yang dilakukan pelaku tersebut. Contohnya, apabila hakim mengarahkan seorang penghutang membayar hutang kepada pemiutang ataupun hakim mengarahkan pelaku membayar ganti rugi kerana menyebabkan kecederaan kepada seseorang. Paksaan hakim agar individu itu membayar hutang

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din `Abd Allah ibn Ahmad, *al-Mughnī* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1983), 7: 118.

sebagai ganti rugi tersebut merupakan paksaan yang dibenarkan⁶⁹. Paksaan yang dilarang pula ialah paksaan yang dilakukan secara salah dan bertentangan dengan perundangan syariah mahupun perundangan sivil tanpa justifikasi-justifikasi tertentu⁷⁰. Umumnya, elemen paksaan dalam kontrak menyebabkan kontrak tersebut tidak sah. Ini bererti elemen paksaan ini menyebabkan ketidakpatuhan syariah dalam kewangan Islam termasuklah dalam kontrak takaful.

2.3.7 Pengurangan (*Ghubn*)

Ghubn turut merupakan salah satu daripada unsur-unsur risiko syariah dalam kewangan Islam. Secara literalnya *ghubn* bermaksud penurunan atau pengurangan⁷¹. Ibn Manzur mendefinisikan *ghubn* sebagai kurang atau bukan dalam nilai yang sepatutnya dalam jualan. Dengan erti kata yang lain, *ghubn* bermaksud penipuan dengan cara menyembunyikan perkara yang sebenar⁷². *Ghubn* turut dikatakan sebagai kerugian yang mana bayaran yang diterima oleh salah satu pihak yang berkontrak adalah tidak setara atau tidak sepatutnya dengan jumlah nilai bayaran atau barangan atau manfaat yang diterima oleh pihak lain yang berkontrak satu lagi dan begitu juga sebaliknya⁷³. Kerugian ini berlaku sama ada pengurangan atau pertambahan harga ataupun pengurangan dalam kualiti atau kuantiti barangan antara pihak-pihak yang berkontrak. Ini bermaksud berlaku perbezaan harga dan kualiti serta kuantiti barangan yang tidak setara atau tidak sepatutnya.

Ibn Rushd mengulas bahawa *ghubn* ialah nilai yang tidak sama antara dua barangan pertukaran dalam kontrak semasa berakad. Keadaan ini bermaksud nilai

⁶⁹ Imran Ahsan Khan Nyazee, *Islamic Jurisprudence (usul al-fiqh)* (New Delhi: Adam Publication, 2006), 136.

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ Al-Khafif, *Ahkam al-Mu`amalāt al-Shar`īyah*, 356.

⁷² Ibn Manzur, *Lisān al-`Arab*, 3: 308.

⁷³ Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, 4: 221.

ukuran contoh wang tidak sama dengan barang yang dibeli⁷⁴. Sarjana kontemporari Wahbah Al-Zuhaili pula berpandangan *ghubn* bermaksud nilai salah satu antara dua barangan pertukaran tidak setara sama ada salah satu barangan tersebut lebih rendah atau lebih tinggi⁷⁵. Bagaimanapun, elemen *ghubn* ini hanya wujud sekiranya salah satu pihak berkontrak tidak mengetahui bahawa terhadap kekurangan pada nilai atau barangan pertukaran. Sekiranya pihak-pihak yang berkontrak mengetahui mengenai kekurangan nilai atau barangan. Maka, elemen *ghubn* tersebut tidak wujud kerana pihak-pihak yang berkontrak telah bersetuju dengan transaksi yang tidak sama atau tidak setara tersebut.

Ghubn dalam kewangan Islam berlaku apabila berlaku ketidakadilan dalam harga dan subjek transaksi sama ada pengurangan atau penambahan dalam harga dan subjek transaksi. Perbezaan harga dan subjek transaksi ini tidak diketahui oleh salah satu pihak berkontrak semasa kontrak transaksi dipersetujui⁷⁶. Ini bererti *ghubn* ini merupakan kesalahan apabila dilakukan oleh salah satu pihak yang berkontrak secara sengaja. Namun begitu, sekiranya pengurangan harga atau subjek transaksi sama ada barangan atau perkhidmatan disebabkan proses permintaan dan penawaran dalam pasaran. Maka, *ghubn* ini tidak dianggap sebagai satu kesalahan⁷⁷. Elemen *ghubn* atau kerugian ini turut merupakan elemen utama yang boleh menyebabkan ketidakpatuhan syariah dalam kewangan Islam.

Elemen-elemen seperti riba, *gharar*, perjudian, *ghubn*, paksaan, *taghrīr* dan *ghalat* merupakan elemen-elemen utama yang menyebabkan ketidakpatuhan syariah. Namun begitu, elemen-elemen ketidakpatuhan syariah tidak hanya terhad kepada elemen-elemen ini sahaja. MPS BNM boleh mengeluarkan garis panduan dan resolusi

⁷⁴ Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid wa-Nihāyat al-Muqtasid*, 2: 131.

⁷⁵ Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, 4: 222.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Hussin Salamon, Perkembangan Pasaran Modal Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Negara, *Jurnal Teknologi* 50, (2009), 8.

syariah dari masa ke semasa berkaitan elemen-elemen lain mengenai ketidakpatuhan syariah terutamanya elemen-elemen yang menyebabkan kemudaratan dan kezaliman sama ada kepada para peserta takaful mahupun pihak SPT. Ini kerana MPS merupakan pihak yang berkuasa berkaitan tadbir urus syariah melibatkan industri perbankan Islam dan takaful. Resolusi syariah MPS BNM diterima sebagai pandangan *ijmak* yang perlu dipatuhi oleh semua IKI berdasarkan perundangan syariah dan diiktiraf melalui perundangan sivil melalui APKI 2013.

2.4 Faktor-Faktor Keterdedahan Risiko Syariah dalam Institusi Kewangan Islam (IKI)

Terdapat pelbagai faktor-faktor yang menyebabkan keterdedahan risiko syariah dalam IKI. Faktor-faktor keterdedahan risiko syariah ini merangkumi faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran yang menyebabkan keterdedahan risiko dalam IKI⁷⁸. Teoritikal faktor-faktor keterdedahan risiko syariah dalam IKI dirangka berdasarkan DeLorenzo⁷⁹, Achene Lahsasna⁸⁰, Karim Ginena⁸¹ serta Iqbal dan Mirakhor⁸². Berikut adalah penjelasan secara terperinci mengenai factor-faktor insiden risiko syariah dalam kewangan Islam.

2.4.1 Faktor-Faktor Dalaman Keterdedahan Risiko Syariah

Insiden risiko syariah berlaku disebabkan dalaman IKI itu sendiri yakni melibatkan kakitangan, proses dalaman dan sistem IKI.

⁷⁸ Rujuk lampiran C1: Faktor-Faktor Keterdedahan Risiko Syariah dalam IKI.

⁷⁹ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 402-407.

⁸⁰ Achene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 68-71.

⁸¹ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 92-96.

⁸² Iqbal, Z. dan Mirakhor, A, *An Introduction to Islamic Finance: Theory and Practices* (Singapore: John Wiley and Sons (Asia) Pte. Ltd., 2007), 245.

2.4.1.1 Faktor-Faktor Keterdedahan Dalam Risiko Syariah Berkaitan Kakitangan IKI

Faktor-faktor keterdedahan risiko syariah melibatkan kelemahan kakitangan IKI itu sendiri. Istilah kakitangan ini melibatkan semua sumber manusia yang terlibat dalam operasi IKI bermula daripada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Pihak Pengurusan Kanan sehingga kakitangan operasi seperti Bahagian Pemasaran, Bahagian Pengurusan Risiko, Bahagian Pembangunan Produk, Bahagian Syariah dan semua kakitangan yang menjalankan operasi dan aktiviti dalam IKI.

Keterdedahan risiko syariah ini melibatkan elemen utama iaitu pematuhan syariah. Oleh yang demikian, keterdedahan risiko syariah melibatkan perkara berkaitan keputusan resolusi syariah, kesilapan maklumat berkaitan pematuhan syariah, pelanggaran resolusi dan keputusan syariah, kekurangan pengetahuan berkaitan pematuhan syariah, tiada pengasingan tugas mengawal seliaan pematuhan syariah dan juga kehilangan kepakaran syariah dalam IKI.

2.4.1.1.1 Kelemahan Kakitangan Berkaitan Keputusan Resolusi Syariah

Keterdedahan risiko syariah dalam IKI disebabkan kelemahan kakitangan yang gagal memutuskan resolusi syariah yang tepat menggunakan proses ijtihad yang terbaik. Resolusi syariah dalaman IKI diputuskan oleh pengawal selia dalaman iaitu Jawatankuasa Syariah. Keterdedahan risiko syariah ini berlaku apabila JKS tidak mengeluarkan keputusan yang terbaik dalam permasalahan dan isu syariah yang berlaku dalam kewangan Islam. Terdapat permasalahan berlaku setelah resolusi syariah diputuskan oleh JKS contohnya fatwa yang salah atau tidak tepat, fatwa yang tidak jelas ataupun fatwa yang sukar dilaksanakan dalam keadaan realiti sebenar kewangan Islam⁸³.

⁸³ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 403-404.

Dalam situasi semasa, JKS perlu merujuk kepada pelbagai pihak sebelum resolusi syariah mengenai sesuatu isu syariah diputuskan misalnya Bahagian Perundangan IKI untuk memastikan bahawa produk berdasarkan resolusi syariah turut sah dalam perundangan sivil sebelum produk kewangan Islam tersebut ditawarkan dalam pasaran.

Selain itu, keputusan resolusi syariah juga bergantung kepada sejauh mana maklumat yang diberikan oleh Bahagian Penyelidikan Syariah IKI tersebut. Maklumat yang sedikit dan tidak memberi gambaran penuh mengenai permasalahan syariah yang dihadapi menyebabkan keputusan dan resolusi syariah tersebut tidak tepat dalam menyelesaikan isu syariah yang dihadapi. Ahli-ahli JKS majoriti mempunyai kemahiran dalam fiqh muamalat⁸⁴ dan usul al-fiqh⁸⁵ bagi melakukan proses ijtihad terhadap isu syariah yang dihadapi⁸⁶. Bagaimanapun, JKS perlu memahami secara mendalam mengenai operasi sebenar IKI termasuklah melibatkan pemasaran, pelaburan dan pengurusan risiko. Sekiranya JKS gagal memahami dan menguasai isu syariah berdasarkan penerangan dan penjelasan kakitangan pelaburan atau pemasaran IKI, ini mungkin menyebabkan keputusan dan resolusi syariah tidak tepat.

Seterusnya, kakitangan bahagian operasi SPT juga berhadapan dengan kesukaran untuk memahami keputusan dan resolusi syariah secara mendalam terutamanya melibatkan istilah-istilah fiqh seperti *riba*, *gharar*, *tabarru'*, *mudarabah* dan *wakalah*. Terdapat kakitangan IKI yang tidak memahami istilah-istilah fiqh ini menyebabkan

⁸⁴ Istilah “muamalat” dalam Bahasa Melayu berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, “muamalat”, laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai 11 Oktober 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=muamalat>

⁸⁵ Istilah “Usul al-fiqh” dalam Bahasa Melayu berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, “Usul al-fiqh”, laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai 11 Oktober 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Usul+al-fiqh>

⁸⁶ Kepakaran majoriti ahli-ahli Jawatankuasa Syariah SPT di Malaysia adalah berkaitan *fiqh* dan *usul al-fiqh* serta *fiqh al-muamalat*. Hanya minoriti sekitar 3 orang ahli-ahli Jawatankuasa Syariah SPT yang mempunyai kepakaran-kepakaran berkaitan operasi SPT seperti perakaunan dan pengurusan risiko. Lihat Mohd Faiz Mohamed Yusof, Nurhanani Romli dan Joni Tamkin Borhan, “Kepakaran dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah Dalam Menguruskan Risiko Ketidapatuhan Syariah: Tinjauan Awal Terhadap Industri Takaful Di Malaysia”, *ESTEEM Academic Journal* 10, no. 2 (December 2014), 38.

kesukaran mengimplementasikan resolusi syariah dalam operasi IKI⁸⁷. Apabila kakitangan gagal memahami resolusi syariah, maka kakitangan tersebut terdedah untuk melakukan kesalahan dan kesilapan yang menyebabkan berlakunya insiden risiko syariah⁸⁸. Hammad mengulas lanjutnya bahawa sekiranya kesilapan resolusi syariah IKI disebabkan kelemahan kecuaiian JKS. Maka, JKS yang melakukan kecuaiian tersebut perlu bertanggungjawab atas kesilapan dalam memutuskan resolusi syariah⁸⁹.

2.4.1.1.2 Kesilapan Kakitangan Menggunakan Sistem Maklumat

Kesilapan kakitangan memasukkan maklumat berkaitan kontrak kewangan Islam boleh menyebabkan berlaku risiko syariah. Kesilapan ini berlaku apabila kakitangan tidak memasukkan maklumat dengan betul dan tepat yang menyebabkan kegagalan sistem menyaring elemen-elemen tidak patuh syariah atau tidak mengikut standard operasi IKI⁹⁰.

Kesilapan ini boleh berlaku contohnya dalam situasi kakitangan dengan sengaja atau tidak telah melakukan kesilapan memasukkan maklumat pelanggan contohnya maklumat mengenai pihak atau barangan dan perkhidmatan yang dilindungi kontrak takaful, sumber pendapatan pemohon khususnya melibatkan syarikat bercampur halal haram yang menyebabkan elemen-elemen tidak patuh syariah dalam kontrak takaful sekaligus memberi kesan ketidakpatuhan syariah daripada pendapatan yang diperolehi. Contoh lain pula ialah sekiranya kakitangan tidak menggunakan sistem dengan baik bagi mengasingkan dana-dana takaful mengikut jumlah yang dipersetujui menyebabkan lebih pengambilan caj wakalah oleh SPT⁹¹.

⁸⁷ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance Of Islamic Banks," 92-93.

⁸⁸ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 403-404.

⁸⁹ Hammad, N., *Contemporary Islamic Jurisprudence on Monetary and Banking Transactions*, (Damascus: Dar Al-Qalam, 2007), 16.

⁹⁰ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 93.

⁹¹ Ini merupakan contoh kebarangkalian berlaku dalam kesilapan kakitangan memasukkan maklumat pelanggan atau peserta takaful. Situasi sebenar kesalahan memasukkan maklumat oleh kakitangan dibincangkan dalam bab 5 mengenai dapatan kajian.

2.4.1.1.3 Kakitangan IKI Tidak Mengikuti Standard Prosedur Operasi IKI

Semua kakitangan IKI perlu mengikuti standard prosedur operasi termasuklah dalam pematuhan syariah. Ini bermaksud setiap kelulusan produk, transaksi kewangan urus niaga dan kontrak dokumen perundangan kewangan Islam mestilah melalui proses kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah, Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai-Pegawai Kanan, Bahagian Perundangan atau mana-mana pihak dalam IKI yang berkaitan dalam kelulusan produk, transaksi kewangan urus niaga dan kontrak dokumen perundangan. Ini telah diperuntukkan secara jelas dalam seksyen 29 (3) yang menyatakan Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai dan JKS bertanggungjawab terhadap pematuhan syariah IKI⁹². Apabila kakitangan gagal merujuk mengikuti standard prosedur operasi melalui proses kelulusan daripada pihak-pihak tersebut, ini mendedahkan aktiviti dan operasi IKI untuk berlaku risiko syariah⁹³.

2.4.1.1.4 Kakitangan Tidak Mempunyai Pengetahuan Syariah

Ketiadaan atau kekurangan pengetahuan berkaitan syariah merupakan isu besar dalam IKI. Sekiranya kakitangan IKI yang bertanggungjawab menjalankan operasi IKI tidak mempunyai pengetahuan syariah yang secukup berdasarkan bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing, ianya akan mendedahkan kakitangan IKI tersebut untuk melakukan kesalahan dan kesilapan melibatkan pematuhan syariah yang mendedahkan untuk berlakunya insiden risiko syariah⁹⁴. Oleh sebab itu, kakitangan IKI memerlukan pengetahuan syariah yang mencukupi termasuklah mendapatkan sijil berkaitan kewangan Islam seperti *Chartered Islamic Finance Professional, Shariah Registered Financial Planner* atau lain-lain sijil berkaitan kewangan Islam bagi memastikan

⁹² Seksyen 29 (3) APKI 2013

⁹³ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 93.

⁹⁴ Ahcene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 68.

kakitangan tersebut kompeten bagi menjalankan peranan dan kerja seharian mereka dalam IKI yang patuh syariah. Sekiranya kakitangan IKI tidak mempunyai pengetahuan syariah sepatutnya, maka kakitangan tersebut dianggap tidak kompeten untuk menjalankan kerja seharian dalam IKI⁹⁵.

Salah satu contoh ketiadaan kakitangan yang kompeten menjalankan pengauditan syariah. Kebanyakan auditor dalaman mempunyai kepakaran menjalankan audit kewangan dan operasi tetapi tidak mempunyai kakitangan yang kompeten menjalankan audit syariah. Ini salah satu keterdedahan untuk berlaku insiden risiko syariah⁹⁶. Ini kerana pengauditan syariah merupakan salah satu aspek dalam pengurusan risiko syariah IKI. Proses pengauditan syariah penting untuk memastikan jurang atau “*gap*” antara keputusan resolusi syariah dan implementasi produk kewangan Islam di pasaran dapat dipenuhi melalui penambah baik dan menguruskan elemen-elemen tidak patuh syariah⁹⁷. Oleh sebab itu, kakitangan IKI yang tidak mempunyai pengetahuan perundangan syariah dalam kewangan Islam mendedahkan operasi dan aktiviti IKI kepada insiden risiko syariah. Malahan, situasi ini bertambah buruk sekiranya pihak IKI sendiri tidak memberi latihan pematuhan syariah kepada kakitangan IKI dari semasa ke semasa.

2.4.1.1.5 Ketiadaan Latihan Pematuhan Syariah kepada Kakitangan IKI

Pengetahuan syariah yang diperolehi melalui institusi pengajian tinggi sahaja tidak mencukupi bagi memastikan kakitangan IKI mampu menjalankan tugas dan kerja seharian dalam pematuhan syariah. Ini kerana isu-isu syariah, produk dan perkhidmatan kewangan Islam sentiasa berubah dan berkembang dengan cepat bersesuaian dengan

⁹⁵ Karim Ginena, “Shari’ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks,” 93.

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ Zurina Shafii, Supiah Salleh dan Syahidawati Hj Shahwan, “Management of Shariah Non-Compliance Audit Risk in the Islamic Financial Institutions via the Development of Shariah Compliance Audit Framework and Shariah Audit Programme,” 8.

keperluan pasaran kewangan semasa. Oleh sebab itu, kakitangan IKI perlu diberikan latihan dari semasa ke semasa untuk meningkat dan pengukuhan pengetahuan dan kompetensi kakitangan IKI mengenai pematuhan syariah dalam kewangan Islam semasa. Latihan dan tunjuk ajar mengenai pematuhan syariah dalam IKI semasa oleh dijalankan secara berkala oleh kakitangan senior dan berpengalaman dalam kewangan Islam bagi memastikan kakitangan IKI mempunyai skil dan kompetensi yang tinggi bagi menjalankan tugas seharian dalam operasi IKI⁹⁸.

2.4.1.1.6 Ketiadaan Pengasingan Tugas Kakitangan IKI

Pihak IKI bertanggungjawab mengasingkan tugas dan tanggungjawab setiap kakitangan misalnya JKS yang dilantik IKI contohnya mestilah di kalangan individu yang tidak mempunyai kepentingan secara langsung dengan IKI. Tujuannya untuk memastikan setiap keputusan adalah berdasarkan penilaian daripada perspektif syariah untuk mengekalkan pematuhan syariah dan reputasi IKI di pasaran. Contoh lain pula misalnya kakitangan bahagian operasi, pengurusan risiko dan perundangan mestilah berasingan dengan kakitangan bahagian pengauditan untuk memastikan ketelusan proses pengauditan seterusnya mengelakkan berlaku terdapat bias apabila berlaku kelemahan dalam operasi atau pengurusan risiko. Selanjutnya, Bahagian Syariah dan Pihak Auditor Syariah mesti diasingkan dalam menjalankan proses pengauditan syariah bertujuan mengelak pihak pengauditan menutup kesilapan atau kelemahan Bahagian Syariah. Begitu juga, bahagian pengunderaitan mestilah berasingan dengan bahagian pemasaran untuk memastikan risiko yang yang melepasi proses pengunderaitan dan patuh syariah sahaja diterima dalam kontrak takaful. Ini kerana Bahagian Pemasaran bermatlamatkan untuk mendapatkan sebanyak mungkin caruman daripada peserta takaful manakala

⁹⁸ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 93. Lihat juga, Ahcene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 68.

Bahagian Pengunderaitan bertanggungjawab memilih risiko-risiko terpilih⁹⁹ sahaja untuk dilindungi dalam kontrak takaful¹⁰⁰.

2.4.1.1.7 Kehilangan Individu Berkepakaran Syariah dan Ketiadaan Rekod Data Berkaitan Syariah

Kekurangan kepakaran syariah menyebabkan kebanyakan IKI hanya bergantung kepada individu tertentu sahaja dalam menguruskan pematuhan syariah. Apabila individu tersebut berpindah ke IKI yang lain atau telah meletakkan jawatan, maka IKI tersebut akan terdedah semula dengan insiden risiko syariah. Keadaan ini menjadi lebih sukar sekiranya data berkaitan syariah seperti minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah, resolusi keputusan Jawatan Syariah, manual pematuhan syariah dan lain-lain dokumen pematuhan syariah tidak direkodkan dan disimpan dengan baik. Ini kerana rekod data maklumat tersebut hanya dalam pengetahuan individu tersebut sahaja. Apabila kakitangan tersebut meninggalkan SPT tersebut, maka kakitangan yang lain mungkin akan mengeluarkan keputusan resolusi yang berbeza dan seterusnya menyebabkan mendedahkan kepada insiden risiko Syariah¹⁰¹.

2.4.1.2 Operasi Dalaman

Faktor-faktor berlaku insiden risiko syariah disebabkan proses dalaman operasi IKI. Berikut ialah penjelasan faktor-faktor insiden risiko syariah disebabkan proses dalaman institusi kewangan Islam itu sendiri.

⁹⁹ Risiko-risiko disaring berdasarkan jantina, umur, tahap kesihatan, jenis risiko dan sebagainya. Proses pengunderaitan mungkin berbeza antara satu SPT dengan SPT yang lain. Lihat Ashraf Md Hashim dan Muhammad Ali Jinnah Muhammad, "The Parameters of Permissible Risk in Takaful," *ISRA Research Paper* 67 (2014), 1-27. Lihat juga Aisyah Mustafa dan Asmak Ab Rahman, "Pengunderaitan dalam Produk Takaful Keluarga daripada Perspektif Syariah," *Jurnal Syariah* 23, no. 2 (2015), 235-237.

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 93-94.

2.4.1.2.1 Polisi, Prosedur dan Bidang Tanggungjawab yang Tidak Jelas.

Praktis industri yang sering berubah dan berbeza berkaitan polisi, prosedur dan bidang tanggungjawab akan menyebabkan potensi keterdedahan risiko Syariah. Perubahan dan perbezaan dalam polisi, prosedur dan bidang tanggungjawab ini menyebabkan ketiadaan standard yang jelas untuk diikuti oleh kakitangan atau pihak yang berkaitan. Contohnya dalam aspek syariah, terdapat isu-isu baru yang memerlukan penelitian semula oleh JKS yang turut menyebabkan perubahan terhadap polisi dan proseder pematuhan syariah¹⁰². Ini bermaksud sekiranya berlaku sebarang perubahan, setiap standard prosedur operasi yang ditetapkan turut perlu dipinda selaras dengan perubahan resolusi keputusan Syariah yang ditetapkan sama ada oleh JKS dalaman SPT atau di peringkat Persekutuan oleh MPS BNM. Iqbal dan Mirakhor mengulas lagi bahawa ketiadaan standard amalan dalam industri kewangan Islam turut menyebabkan keterdedahan risiko syariah, di samping keterdedahan risiko syariah yang disebabkan operasi-operasi IKI yang tidak mematuhi syariah¹⁰³.

2.4.1.2.2 Ketidalcukupan Tadbir Urus Syariah

Kegagalan IKI bagi menyediakan sistem tadbir urus syariah akan menyebabkan kelemahan dalam pengawalan pematuhan Syariah. Kekurangan dalam aspek tadbir urus syariah di peringkat dalaman institusi ini akan menyebabkan potensi keterdedahan risiko Syariah¹⁰⁴. Umumnya, pengawalselia industri kewangan Islam telah menyediakan sistem tadbir urus syariah secara luaran melalui MPS BNM di samping turut memastikan

¹⁰² *Ibid.*, 94.

¹⁰³ Iqbal, Z. dan Mirakhor, A, *An Introduction to Islamic Finance: Theory and Practices*, 245.

¹⁰⁴ *Ibid.*

IKI membentuk sistem tadbir urus dalaman yang baik dan cekap untuk mengatasi sebarang kelemahan dalam tadbir urus Syariah di peringkat dalaman institusi¹⁰⁵.

2.4.1.2.3 Pendedahan dan Ketelusan yang tidak mencukupi.

Kekurangan dalam aspek pendedahan dan ketelusan maklumat berkaitan operasi IKI akan menyebabkan para pemegang saham dan bahagian pematuhan syariah tidak mengetahui sekiranya berlaku ketidakpatuhan Syariah. Oleh yang demikian, insiden ketidakpatuhan Syariah ini hanya akan diketahui sekiranya elemen ketidakpatuhan Syariah yang telah jelas dan terbongkar serta telah menyebabkan impak-impak risiko ketidakpatuhan Syariah berlaku. Zulkifli Hasan menyatakan bahawa laporan tahunan IKI telah gagal mendedahkan sesetengah perkara-perkara yang utama contohnya jumlah mesyuarat yang diadakan, resolusi syariah yang diluluskan, produk-produk yang diluluskan dan sebagainya¹⁰⁶. Manakala, Roszaini Haniffa dan Mohammad Hudaib pula mendapati bahawa daripada 7 buah bank Islam daripada tempoh 2002 hingga 2004, hanya 1 bank Islam sahaja yang melaporkan jumlah bayaran JKS dalam laporan tahunan kewangan¹⁰⁷.

Maali et al., pula berpendapat IKI perlu mendedahkan maklumat perincian setiap transaksi yang tidak mematuhi Syariah seperti sebab ketidakpatuhan Syariah berlaku, jumlah amaun yang terlibat serta bagaimana pendapatan tidak patuh Syariah diuruskan¹⁰⁸. Kebanyakan IKI hanya melaporkan secara umum contohnya pendapatan tidak patuh Syariah didermakan kepada badan kebajikan sedangkan terdapat

¹⁰⁵ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2011). 1-43. Lihat juga Zulkifli Hasan, *Shari'ah Governance in Islamic Banks* (Edinburgh University Press: Edinburgh, 2012), 109-110.

¹⁰⁶ *Ibid.*, 200-201.

¹⁰⁷ Roszaini Haniffa dan Mohammad Hudaib, "Exploring The Ethical Identity Of Islamic Banks Via Communication In Annual Reports", *Journal of Business Ethics* 76, no.1(2007), 108: 97-116.

¹⁰⁸ Maali, B., Casson, P. dan Napier, C., "Social Reporting By Islamic Banks", *Abacus* 42, no. 2 (2006): 266-289.

kepelbagaian metodologi dalam menguruskan pendapatan tidak patuh Syariah IKI¹⁰⁹. Maali et al., turut menjelaskan bahawa pendedahan maklumat tidak patuh syariah juga perlu menjelaskan pembetulan yang dilakukan untuk mengelakkan insiden ketidakpatuhan Syariah berulang lagi¹¹⁰. Nor Aziah Abu Kasim pula menjelaskan pendedahan pematuhan Syariah SPT dalam laporan tahunan 2008/2009 sebanyak 7 buah SPT terlalu umum dan hanya sekadar memenuhi syarat minimum yang ditetapkan oleh BNM¹¹¹. Wan Amalina Wan Abdullah, Majella Percy dan Jenny Stewart turut mendapati tahap pendedahan Bank Islam di Indonesia berkaitan JKS dan zakat sangat terhad dengan hanya 4 buah bank Islam sahaja yang mendedahkan lebih daripada 50 peratus dalam indeks pendedahan¹¹².

IKI perlu bersifat lebih telus terutamanya terhadap pihak yang berkepentingan dalam IKI seperti para pemegang saham dan para pelanggan untuk mengetahui fatwa dan resolusi yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah. Zulkifli Hasan mengulas lagi pendapatnya bahawa kebanyakan resolusi hanya mempunyai keputusan tetapi tidak disertai oleh hujah dan bukti yang berkaitan¹¹³. Bakal pelanggan dan pihak-pihak yang berkaitan sepatutnya akan meminta pembuktian kelulusan patuh Syariah daripada JKS sebelum melakukan urusan dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Kebanyakan IKI tidak melakukan pemberitahuan dokumen berkaitan keputusan fatwa dalam media masa seperti melalui cetakan atau laman sesawang. Keadaan ini menyebabkan masyarakat awam beranggapan IKI menyembunyikan sesuatu seterusnya

¹⁰⁹ Mohammad Mahbubi Ali, Lokmanulhakim Hussain dan Asyraf Wajdi Dusuki, "A Framework of Income Purification for Islamic Financial Institutions" (Proceeding of Sharia Economics Conference, Hannover Germany, 9 February 2013), 108-117

¹¹⁰ Maali, B., Casson, P. dan Napier, C., "Social Reporting By Islamic Banks," 266-289.

¹¹¹ Nor Aziah Abu Kasim, "Disclosure of Shariah Compliance by Malaysian Takaful Companies," *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 3, no. 1(2012), 20-38, 35.

¹¹² Wan Amalina Wan Abdullah, Majella Percy dan Jenny Stewart, "Shari'ah Disclosures In Malaysian And Indonesian Islamic Banks: The Shari'ah Governance System," *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 4, no.2 (2013), 102:100-131.

¹¹³ Zulkifli Hasan, *Shari'ah Governance in Islamic Banks*, 217-218.

menambahkan lagi isu tidak jelas di kalangan masyarakat awam mengenai IKI¹¹⁴. Aspek ketelusan maklumat yang baik akan menambahbaik terhadap tadbir urus syariah. Pihak bertanggungjawab seperti JKS atau Lembaga Pengarah IKI dapat memperoleh maklumat yang jelas dan mencukupi untuk membaiki kesalahan dalam tadbir urus termasuk tadbir urus Syariah supaya menjadi lebih cekap¹¹⁵. Pendedahan maklumat mengenai aspek syariah membolehkan penilaian terhadap tadbir urus syariah dalam keseluruhan industri kewangan Islam ke arah disiplin pasaran yang lebih baik untuk bersaing mendapatkan permintaan pasaran.

2.4.1.2.4 Kesalahan Pengurusan Dana Tidak Patuh Syariah

Dana tidak patuh Syariah perlu diasingkan daripada dana-dana lain dalam IKI. Kebanyakan IKI menjelaskan melalui laporan tahunan bahawa dana tidak patuh syariah didermakan untuk tujuan kebajikan. Contohnya ialah berdasarkan Badan Penasihat Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad menyatakan sepertimana berikut: “...*The Company during the financial year under review has tracked the non-halal income and disposed to charity upon obtaining approval from the SAB...*¹¹⁶” dan diikuti “...*4. All earnings that were realised from sources or by means prohibited by the Shariah were considered for disposal to charitable causes; and...*¹¹⁷”.

Pengasingan dana tidak patuh syariah yang diperolehi oleh IKI kepada dana kebajikan disebabkan insiden risiko syariah dalam IKI yang melibatkan pendapatan tidak patuh syariah. Karim Ginena menjelaskan pihak audit perlu memastikan pergerakan dana kebajikan tidak patuh Syariah kerana terdapat isu berlaku peningkatan

¹¹⁴ Roszaini Haniffa dan Mohammad Hudaib, “Exploring The Ethical Identity of Islamic Banks Via Communication In Annual Reports,” 108.

¹¹⁵ Basel Committee on Banking Supervision (BCBS), *Enhancing Corporate Governance For Banking Organizations*, (Switzerland:BCBS, 2006), 15.

¹¹⁶ Setiausaha Syarikat Takaful Malaysia Berhad, “Report Of The Shariah Advisory Body”, dalam Annual Report 2011, 86.

¹¹⁷ *Ibid.*

sehingga jutaan ringgit terhadap dana kebajikan tersebut. Dana kebajikan tidak boleh digunakan sama sekali untuk pelaburan kemudian diagihkan keuntungan kepada IKI. Dana kebajikan tersebut turut tidak boleh diserahkan kepada institusi kewangan konvensional khususnya dalam kes institusi kewangan yang mempunyai institusi kewangan konvensional untuk dilaburkan semula kemudian diagihkan keuntungan kepada IKI. Ini jelas menyebabkan potensi keterdedahan risiko Syariah dalam IKI yang disebabkan kegagalan dalam menguruskan dana tidak patuh syariah¹¹⁸.

2.4.1.3 Sistem Dalaman

Sistem dalaman bermaksud sistem teknologi maklumat yang digunakan untuk merekodkan dan memantau setiap operasi termasuklah transaksi kewangan IKI. Ini berbeza dengan proses dalaman yang melibatkan polisi dan prosedur dalam operasi IKI. Terdapat faktor-faktor insiden risiko syariah yang berlaku disebabkan sistem dalaman IKI.

2.4.1.3.1 Sistem Dalaman Yang Tidak Selari Pematuhan Syariah

Sistem dalaman meliputi sistem yang merekodkan dan menganalisis setiap transaksi dalam institusi kewangan termasuklah SPT. Ini bererti rekod dalam sistem dalaman institusi kewangan Islam akan merangkumi aspek perakaunan dalam SPT. Oleh itu, IKI perlu memastikan sistem dalaman adalah berdasarkan manual operasi syarikat termasuklah manual pematuhan syariah¹¹⁹. Bahagian syariah IKI bertanggungjawab memastikan sistem dalaman mempunyai keselarian daripada aspek pematuhan syariah. Ahli-ahli JKS yang mempunyai kepakaran dalam bidang perakaunan¹²⁰ mempunyai

¹¹⁸ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 94.

¹¹⁹ *Ibid.*, 95.

¹²⁰ Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah boleh terdiri daripada latarbelakang pendidikan yang pelbagai contohnya undang-undang dan kewangan. Ini bertujuan supaya Jawatankuasa Syariah mempunyai maklumat yang mendalam mengenai isu untuk dibincangkan dalam pematuhan syariah. Namun, latarbelakang pendidikan selain daripada *usul al-fiqh* atau *fiqh muamalat* tidak boleh menjadi ahli

kebolehan untuk mengenal pasti sebarang elemen mendedahkan kepada risiko syariah. Walaubagaimanapun, terdapat kesukaran dalam mengesan potensi keterdedahan risiko syariah sekiranya IKI tidak mempunyai sistem dalaman tertentu untuk merekodkan transaksi. Ini akan membuka ruang kecuaiian sama ada berlaku penipuan atau kesilapan semasa merekodkan transaksi dalam IKI. Berdasarkan ini, IKI perlu mendapatkan pandangan JKS untuk memastikan sistem dalaman yang digunakan berdasarkan manual pematuhan syariah yang ditetapkan.

2.4.1.3.2 Masalah dalam Sistem Dalaman

Terdapat 4 masalah dalam sistem dalaman yang dihadapi oleh IKI. Pertama, pengubal sistem yang tidak berpengalaman berkaitan pematuhan syariah dalam kewangan Islam. Kedua, sistem yang tidak mempunyai pemantauan secara berkala. Ketiga, sistem yang tidak mesra pengguna. Keempat, sistem yang melakukan kesilapan atau *error*.

Pengubal sistem dalaman kebiasaannya hanya berpengalaman dalam menggubal sistem kewangan konvensional sahaja. Oleh sebab itu, sistem dalaman tersebut hanya dibina berdasarkan keperluan institusi kewangan konvensional sahaja tanpa mengambilkira aspek pematuhan syariah. Ini menyebabkan sistem yang dibina tidak berdasarkan modul produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang memerlukan kelulusan patuh syariah. Tanpa kelulusan patuh syariah, sistem ini menyebabkan keterdedahan terhadap risiko Syariah dalam IKI. Selain itu, pengubal sistem dalaman perlu bertanggungjawab dalam penyeliaan sistem secara berlaku supaya sistem dalaman sentiasa pada tahap terbaik. Di samping itu juga, kakitangan institusi kewangan mestilah diberi latihan berkaitan dan sistem yang digubal perlu mesra pengguna untuk membantu kakitangan dalam menguruskan setiap transaksi IKI. Sistem tersebut mestilah bebas

majoriti dalam Jawatankuasa Syariah. Lihat Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, 30.

daripada kesilapan kerana setiap kesalahan yang disebabkan oleh sistem dalaman akan menyebabkan keterdedahan terhadap risiko Syariah¹²¹.

2.4.2 Faktor-Faktor Luaran Keterdedahan Risiko Syariah

Faktor luaran bermaksud faktor luaran boleh menyebabkan kerugian atau kehilangan sesuatu disebabkan keterdedahan risiko Syariah.

2.4.2.1 Risiko Penolakan Luaran Terhadap Resolusi Syariah

Perbezaan daripada risiko fatwa dalaman yang disebabkan JKS dalaman institusi itu sendiri. Risiko penolakan fatwa daripada faktor luaran berlaku sekiranya IKI tidak mempunyai JKS yang dilantik sendiri tetapi mendapatkan perkhidmatan JKS daripada institusi luar. Namun begitu, situasi ini tidak relevan dalam konteks industri kewangan Islam di Malaysia. Ini disebabkan kesemua IKI melantik individu dalam JKS secara kontrak dan ahli-ahli tersebut hanya boleh mempunyai keahlian satu sahaja bagi industri yang sama¹²².

Risiko penolakan resolusi syariah turut disebabkan terdapat penolakan terhadap keputusan pengubal resolusi syariah. DeLorenzo menjelaskan terdapat tiga sebab penolakan terdapat resolusi syariah daripada luaran. Pertama, perbezaan keputusan disebabkan perbezaan mazhab atau pengambilan mazhab yang minoriti. Kedua, kekurangan aspek ketelusan dan pendedahan keputusan resolusi syariah secara terperinci kepada para pelabur dan JKS dalaman. Ketiga, penolakan resolusi syariah daripada para pelanggan kerana para pelanggan berpendapat keputusan resolusi syariah tidak mencukupi dalam mematuhi keperluan terhadap agama¹²³. Manakala, satu sebab

¹²¹ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 95.

¹²² Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah tidak boleh mempunyai dua atau lebih keahlian dalam industri yang sama. Lihat Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, 32.

¹²³ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 402.

penolakkan resolusi syariah disebabkan faktor dalaman iaitu kegagalan JKS dalaman untuk memahami dan menerima struktur dan operasi patuh Syariah yang diputuskan oleh fatwa atau JKS dalaman tidak menerima hujah, *ijtihad* atau metodologi yang digunakan untuk mendapatkan keputusan resolusi syariah. Isu ini telah diperincikan dalam subtopik penolakkan fatwa atas sebab dalaman.

Penolakkan terhadap resolusi syariah turut boleh berlaku daripada penolakkan individu atau kumpulan sarjana Syariah yang berpengaruh dan bebas daripada Majlis Fatwa atau JKS dalaman seperti *mufti*, *imam* atau pemimpin masyarakat atau sebagainya yang menyebabkan penolakkan fatwa oleh masyarakat umum¹²⁴. Bahkan penolakkan terhadap fatwa ini juga disebabkan konflik antara fatwa institusi fatwa kebangsaan dengan fatwa institusi fatwa negeri dan juga konflik melibatkan fatwa institusi fatwa negeri dengan fatwa institusi fatwa negeri lain. Keadaan ini bertambah rumit apabila penolakkan resolusi ini turut melibatkan institusi fatwa dengan fatwa persendirian yang dikeluarkan oleh individu tertentu dan konflik antara fatwa persendirian seorang individu yang berpengetahuan dengan fatwa persendirian oleh individu berpengetahuan yang lain¹²⁵. Penolakkan terhadap fatwa menyebabkan IKI tidak dapat mengeluarkan produk dan kewangan Islam kepada pasaran masyarakat tersebut. Sekiranya produk kewangan Islam tersebut telah berada di pasaran, ini akan terjadi pertikaian dan menyebabkan keterdedahan terhadap risiko syariah¹²⁶. Begitu juga terdapat pertentangan awal mengenai keputusan dan resolusi MPS dan industri kewangan Islam. Terdapat situasi penolakkan terhadap resolusi syariah contohnya Tun Arifin Zakaria

¹²⁴ Terdapat isu penolakkan fatwa oleh masyarakat timbul disebabkan terdapat keputusan status patuh Syariah yang berbeza antara Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Suruhanjaya Sekuriti. Lihat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, "Kenyataan Media Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Mengenai Isu Tuntutan Comango Dan Pelaburan ASN Dan ASB", laman sesawang *e-Fatwa*, dicapai 28 Mac 2014, http://www.e-fatwa.gov.my/sites/default/files/kenyataan_media-comango_dan_asn-asb-pdf

¹²⁵ 8u

¹²⁶ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 403-404.

menyatakan kritikan bahawa tidak terdapat ruang lingkup perundangan untuk mengusul sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh MPS¹²⁷.

2.4.2.2 Konflik dalam Pengauditan, *review* dan Pematuhan Syariah

Faktor-faktor luaran yang menyebabkan potensi risiko syariah berlaku semasa konflik dalam proses pengauditan, penilaian semula dan pematuhan syariah. Sekiranya, ketiga-tiga proses yang berbeza dilakukan oleh individu yang sama mungkin menyebabkan bias semasa proses-proses tersebut dijalankan¹²⁸.

2.4.2.3 Jawatankuasa Syariah atau pihak yang Bertanggungjawab Kurang Berpengalaman

Dalam situasi tertentu, pemilihan kepakaran syariah yang kurang berpengalaman dan tiada rekod tertentu secara langsung dalam IKI akan menyebabkan kesilapan dalam pematuhan syariah¹²⁹. Dalam situasi yang lain, terdapat kepakaran syariah yang mengeluarkan fatwa tertentu bertujuan untuk mengatasi masalah tertentu contohnya dalam kes Kes Berkaitan Pelaburan The Investment Dar (TID) Company K.S.C.C (Kuwait) Lawan Blom Development Bank (Blom) S.A.L (Lebanon)¹³⁰.

2.4.2.4 Kekurangan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah daripada Pengawalselia

Pengawalselia perlu memastikan peranan tadbir urus syariah kerana kegagalan tadbir urus syariah akan mengakibatkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah¹³¹.

Pengawalselia sepatutnya bertanggungjawab mensyaratkan kepada IKI untuk

¹²⁷ Tun Arifin Zakaria, "A Judicial Perspective on Islamic Finance Litigation In Malaysia," *IJUM Law Journal* 21 (2013), 175.

¹²⁸ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 95.

¹²⁹ *Ibid.*

¹³⁰ SNR Denton & Co, "TID v. Blom: Development of the Shari'ah in English courts," laman sesawang *Iktissad Events*, dicapai 5 Jun 2013, <http://www.iktissadevents.com/files/events/bfif/1/presentations/bfif-1-session-iv-chedid.pdf>.

¹³¹ Habib Ahmad, "Shari'ah Governance Regimes For Islamic Finance: Types And Appraisal," *Journal of Institute of International Economics* 44, no. 4 (2011), 393-411.

memastikan IKI mempunyai tadbir urus syariah dalaman yang kompeten untuk menguruskan risiko ketidakpatuhan Syariah¹³². Sekiranya tidak terdapat apa-apa syarat atau perundangan atau hukuman berkaitan tadbir urus syariah. IKI akan cenderung untuk berlaku kecuiaan khususnya berkaitan pematuhan Syariah dan menyebabkan risiko ketidakpatuhan Syariah¹³³.

2.5 Pendekatan Menguruskan Keterdedahan Risiko Syariah


Pengurusan risiko syariah merupakan salah satu daripada empat bahagian tadbir urus syariah dalam kewangan Islam. Tadbir urus syariah dalam kewangan Islam melibatkan empat bahagian utama iaitu pengurusan risiko syariah, *review* syariah, penyelidikan syariah dan audit syariah¹³⁴. BNM telah mengeluarkan *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* sebagai rangka kerja dan panduan asas dalam menguruskan risiko syariah dalam kewangan Islam. Pengurusan risiko syariah bertujuan menjalankan proses menguruskan risiko secara sistematik melalui pengenalan, pengukuran, pemantauan dan kawalan terhadap sebarang risiko tidak patuh syariah. Pendekatan menguruskan risiko syariah ini bertujuan IKI boleh meneruskan operasi dan aktiviti tanpa terdedah kepada tahap risiko syariah yang berimpak besar yang tidak dijangka¹³⁵.

¹³² Islamic Financial Services Board (2007a), *Guidance on Key Elements in the Supervisory Review Process of Institutions Offering Islamic Financial Services* (IFSB, Kuala Lumpur, 2007), 10.

¹³³ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 95-96.

¹³⁴ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* BNM/RH/GL_012_3 (Kuala Lumpur:Bank Negara Malaysia, 2011), 8.

¹³⁵ *Ibid.*, 25.



Rajah 2.2: Pengurusan Risiko Syariah dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM (Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM, 2011)¹³⁶

Terdapat pelbagai pendefinisan pengurusan risiko yang lain seperti MIDF Islamic Finance menyatakan pengurusan risiko syariah merujuk kepada proses pengurusan sebarang keterdedahan terhadap risiko syariah untuk mengenalpasti risiko kebarangkalian berlaku ketidakpatuhan syariah dan langkah-langkah penambaan serta pengukuran untuk mengurangkan risiko ini daripada terjadi¹³⁷. Mohamad Akram Ladin menjelaskan pengurusan risiko merupakan proses daripada keterdedahan risiko yang melibatkan proses pengenalpastian, pengukuran atau penilaian, pengelakkan dan¹³⁸ kawalan risiko, dan seterusnya melaporkan dan pemantauan risiko.

Rangka kerja tadbir urus syariah BNM memberikan panduan asas bahawa bahagian pengurusan risiko Syariah melibatkan proses mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah untuk mengurangkan sebarang

¹³⁶ *Ibid.*, 8.

¹³⁷ MIDF Islamic Finance, “Shariah Compliance Function”, laman sesawang *MIDF Islamic Finance*, dicapai 1 September 2013, <http://www.midf.com.my/profile/shariah-governance-control/shariah-compliance-function>

¹³⁸ Mohamad Akram Ladin, “Risk Management in Islamic Finance”, laman sesawang AAOIFI, dicapai 2 Mac 2013., <http://www.iefpedia.com/english/wp-content/uploads/2013/02/Dr-Akram-ISRA-Risk-Management-in-Islamic-Finance-Shariah-NonCompliance-Risk-Latest-AAOIFI-1.pdf>

ketidapatuhan Syariah, bagi membolehkan IKI untuk menjalankan operasi dan aktiviti-aktiviti dengan berkesan tanpa mendedahkan tahap yang risiko yang tidak dijangka¹³⁹.

Rangka kerja tadbir urus syariah BNM merupakan antara garis panduan rangka kerja yang dikeluarkan oleh pengawal selia yakni BNM. Oleh yang demikian, IKI termasuklah SPT tertakluk untuk mengikut rangka kerja ini seksyen 59 Akta Bank Negara Malaysia 2009 sepertimana berikut¹⁴⁰:

Bank hendaklah mengeluarkan pekeliling, garis panduan, dsb., mengenai perkara Syariah

59. (1) Bank boleh mengeluarkan apa-apa pekeliling, garis panduan atau notis bertulis mengenai apa-apa perkara Syariah yang berhubungan dengan perniagaan kewangan Islam yang dijalankan oleh mana-mana institusi kewangan Islam mengikut nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah.

(2) Sesuatu institusi kewangan Islam hendaklah mematuhi mana-mana pekeliling, garis panduan atau notis bertulis yang dikeluarkan oleh Bank di bawah subseksyen (1) dan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam pekeliling, garis panduan atau notis itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana pekeliling, garis panduan atau notis yang dikeluarkan oleh Bank di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Walau bagaimanapun, rangka kerja tadbir urus syariah ini tidak mengikat secara mutlak proses pengurusan risiko syariah dalam SPT. SPT boleh menstruktur dan membangunkan proses pengurusan risiko syariah mengikut kreativiti dan usaha dalaman SPT masing-masing. Tambahan lagi, sehingga kini belum terdapat model pengurusan risiko syariah untuk IKI khususnya dalam operasi SPT. Berbanding dengan risiko-risiko lain seperti risiko kredit, risiko pelaburan, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko pulangan, risiko-risiko ini boleh diukur menggunakan model pengurusan risiko yang

¹³⁹ Bank Negara Malaysia, Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions BNM/RH/GL_012_3 (Kuala Lumpur:Bank Negara Malaysia, 2011), 6.

¹⁴⁰ Seksyen 59, Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701).

telah dibangunkan. Manakala, risiko syariah merupakan risiko yang sukar dijangka dan diuruskan disebabkan tiada model pengurusan risiko syariah yang telah dibangunkan¹⁴¹. Oleh sebab itu, IFSB melalui *Guiding Principle on Risk Management (IFSB-1)* menjelaskan bahawa risiko syariah merupakan sebahagian daripada risiko operasi yang diuruskan melalui sistem tadbir urus syariah yang kompeten.

2.5.1 Penetapan Objektif Pengurusan Risiko Syariah daripada Perspektif *Maqāṣid al-Sharīah*¹⁴²

Pengurusan risiko syariah SPT secara dasarnya mempunyai objektif untuk memastikan keseluruhan operasi dan aktiviti SPT adalah patuh syariah. Bagaimanapun, interpretasi patuh syariah mungkin berbeza antara satu SPT dengan SPT yang lain. Oleh yang demikian, pendekatan yang perlu digunakan dalam penetapan objektif pengurusan risiko syariah SPT adalah berdasarkan *Maqāṣid al-Sharīah*.

Kontrak takaful sendiri secara dasar bertujuan melindungi nyawa dan kehidupan manusia. Perlindungan nyawa¹⁴³ ini melibatkan orang yang dilindungi, para peserta, ahli-ahli keluarga malahan merangkumi mana-mana pihak yang menerima pembayaran manfaat takaful sama ada melalui faraid, wasiat ataupun hibah bersyarat. Kontrak takaful turut bertujuan melindungi harta-benda yang merupakan salah satu kepentingan hidup yang utama¹⁴⁴. Kontrak takaful misalnya kontrak takaful am melindungi harta-benda sekiranya berhadapan dengan musibah seperti kemalangan kenderaan, tempat tinggal mengalami kebakaran atau kerosakkan barangan semasa dalam pengangkutan.

¹⁴¹ Zulkifli Hasan, *Shariah Governance in Islamic Banks*, 55.

¹⁴² Mohd Arif Kassim, Asmah Abdul Aziz dan Isahak Kasim, *Enterprise Risk Management (ERM) in Malaysia: A Study of the Status of Implementation, the Roles of Internal Audit and the Impact on Organisational Performance* (Saarbrücken, Germany: LAP LAMBERT Academic Publishing, 2011), 108-109.

¹⁴³ Perlindungan nyawa merupakan salah satu kepentingan hidup yang asas atau *al-dharurīyyat* dalam *Maqasid Syariah*. Lihat Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa, *al-Muwāfaqāt fi Usūl al-Sharī'ah* (Mesir: al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, t.t), 2: 8.

¹⁴⁴ *Ibid.*

Dengan erti kata lain, kontrak takaful melindungi nilai barangan tersebut dan mengelakkan mangsa mengalami kerugian yang maksimum sehingga mendatangkan kemudaratan¹⁴⁵. Antara objektif pengurusan risiko syariah dalam SPT ialah menghindari sebarang elemen riba, perjudian, *gharar*, *taghrīr*, *ghalaṭ* dan *ghubn* dalam operasi dan aktiviti SPT. Elemen-elemen tidak patuh syariah seperti riba, perjudian, *gharar*, *taghrīr*, *ghalaṭ* dan *ghubn* perlu diuruskan dengan baik supaya keseluruhan aktiviti dan operasi SPT bebas daripada elemen-elemen tidak patuh syariah tersebut.

Pendekatan *Maqāṣid al-Sharīah* dalam objektif pengurusan risiko syariah bermaksud resolusi dan keputusan berkaitan pematuhan syariah dalam operasi dan aktiviti SPT mestilah merangkumi kemaslahatan dan kebajikan sekumpulan besar manusia dan lain-lain termasuklah alam sekitar, haiwan, tumbuhan dan seluruh makhluk di dunia ini. Dalam konteks di Malaysia, suasana persaingan pasaran ekonomi melibatkan kewangan Islam dan konvensional perlu diberi perhatian dalam menetapkan objektif pengurusan risiko syariah. Matlamat atau objektif pengurusan risiko syariah mestilah berasaskan matlamat menghilangkan elemen riba, perjudian dan *gharar* dalam transaksi kewangan khususnya bagi umat Islam. Dalam pada masa yang sama, pasaran kewangan masyarakat bukan Muslim juga perlu juga diberi perhatian memandangkan pasaran kewangan di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk, bukan sahaja golongan Muslim malahan bukan Muslim. Oleh yang demikian, pembentuk produk kewangan takaful perlu menumpukan perhatian memberi kebajikan dan kemaslahatan bagi seluruh masyarakat Muslim dan bukan Muslim. Pendekatan *Maqāṣid al-Sharīah* turut diadaptasi dalam keputusan dan resolusi syariah di peringkat MPS BNM contoh membenarkan aplikasi penamaan manfaat takaful benefisiari kepada mana-mana pihak yang dikehendaki oleh peserta. Secara kesimpulannya, objektif dalam pengurusan risiko

¹⁴⁵ Ahcene Lahsasna, *Maqasid Al-Shariah in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2013), 177-179.

syariah bergantung kepada tadbir urus syariah di peringkat dalaman SPT masing-masing yang melibatkan JKS SPT, Pihak Pengurusan, Bahagian Syariah dan lain-lain kakitangan yang terlibat dalam operasi SPT. Tiada objektif pengurusan yang rigid yang ditetapkan oleh pengawal selia iaitu BNM dalam isu objektif pengurusan risiko syariah. Selagimana pematuhan syariah dalam operasi SPT diperakui dan disahkan oleh JKS SPT dan MPS SPT sebagai patuh syariah. Maka, operasi dan aktiviti SPT tersebut telah mencapai objektif dalam pengurusan risiko syariah.

Majoriti perbezaan interpretasi pematuhan syariah adalah disebabkan perbezaan keputusan dan resolusi syariah di peringkat Jawatankusa Syariah SPT masing-masing. Namun begitu, setiap keputusan dan resolusi syariah yang dikeluarkan oleh JKS SPT mempunyai justifikasi berdasarkan proses ijtihad yang telah dilakukan sebelum sesuatu keputusan dan resolusi syariah diputuskan. Objektif pengurusan risiko syariah yang utama adalah mengelakkan sebarang elemen-elemen tidak patuh syariah seperti *riba*, *gharar*, judi, *taghrīr*, *ghalaṭ* dan *ghubn*. Selain itu juga, objektif pematuhan syariah ini perlu dilihat bukan sekadar menghindari elemen-elemen tidak patuh syariah sahaja tetapi objektif pengurusan risiko syariah bertujuan memastikan pihak-pihak yang berkontrak sama ada SPT, para peserta takaful, penerima manfaat takaful dan lain-lain pihak yang terlibat dalam transaksi takaful memenuhi liabiliti-liabiliti seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak takaful. Dengan erti kata yang lain, objektif pengurusan risiko syariah bukan sekadar halal dan haram semata-mata malahan lebih mendalam daripada itu. Objektif pengurusan risiko syariah bertujuan memberi kemaslahatan dan kebajikan kepada masyarakat umum atau sekumpulan besar masyarakat.

2.5.2 Pengenal pastian Risiko Syariah

Proses pertama dalam pengurusan risiko ialah proses mengenal pasti keterdedahan terhadap kerugian sama ada besar atau kecil. Langkah ini termasuklah menganalisis secara terperinci semua potensi berlaku kerugian¹⁴⁶. Dalam konteks risiko syariah syariah SPT, potensi kerugian disebabkan pelanggaran terhadap pematuhan syariah perlu dikenal pasti dalam proses menguruskan risiko syariah. Kerugian dalam konteks risiko syariah bukan hanya kerugian kewangan. Malahan, kerugian disebabkan risiko syariah turut melibatkan kerugian bukan kewangan iaitu tidak patuh terhadap perundangan syariah melibatkan pelanggaran hukum yang diperintahkan Allah SWT.

Risiko adalah sesuatu yang tidak pasti. Begitu juga risiko syariah dalam SPT turut melibatkan kepelbagai keterdedahan risiko syariah¹⁴⁷. Ini bermaksud keterdedahan risiko syariah sukar dijangka dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Oleh sebab itu, langkah utama yang penting dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah ialah proses pengenal pastian risiko syariah. Setelah isu-isu keterdedahan risiko syariah dikenal pasti, barulah isu-isu keterdedahan risiko syariah tersebut akan diselesaikan berdasarkan situasi dan permasalahan yang dihadapi¹⁴⁸.

2.5.2.1 Resolusi Majlis Penasihat Syariah BNM (MPS BNM)

MPS BNM ini adalah sekumpulan kepakaran syariah berkaitan kewangan Islam. MPS adalah merupakan badan yang mengawal selia berkaitan pematuhan syariah di bawah BNM. Secara dasarnya, MPS BNM mengeluarkan resolusi dan keputusan berkaitan pematuhan syariah yang perlu dipatuhi dan dijadikan garis panduan untuk memastikan

¹⁴⁶ Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid, *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006), 31.

¹⁴⁷ Isu-isu keterdedahan risiko syariah telah dibincangkan dalam bab 5 kajian ini.

¹⁴⁸ Yusuf Talal DeLorenzo, "Shari'ah Compliance Risk", *Chicago Journal of International Law* 7, no. 2 (2007), 339.


pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam termasuklah SPT. Tadbir urus syariah yang berkaitan MPS BNM secara khusus akan diperincikan melalui peruntukan undang-undang yang dijelaskan dalam subtopik berkaitan implikasi Akta Bank Negara Malaysia 2003 dan APKI 2013¹⁴⁹.

Resolusi syariah BNM telah merupakan hasil keputusan MPS BNM daripada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan untuk membuat keputusan berkaitan perkara-perkara pematuhan syariah dalam kewangan Islam¹⁵⁰. Resolusi syariah ini juga telah diperakuikan oleh perundangan di Malaysia melalui Akta Bank Negara Malaysia 2008 dan APKI 2013. Dalam masa yang sama, sebarang pelanggaran terhadap resolusi syariah ini menyebabkan terjadinya risiko syariah. Ini bererti pelanggaran terhadap resolusi syariah menyebabkan dua kesan iaitu tidak patuh syariah dan sekaligus berlaku pelanggaran terhadap undang-undang sivil di Malaysia yang boleh dikenakan hukuman seperti dalam peruntukkan.

Kebanyakan kepakaran syariah dalam industri takaful berpandangan resolusi syariah merupakan garis panduan terhadap pematuhan syariah industri takaful. Resolusi syariah ini dijadikan penanda aras atau pematuhan syariah yang paling minimum dalam kewangan Islam termasuklah industri takaful. Dalam erti kata yang lain, pematuhan syariah dalam industri takaful mestilah paling minimum berdasarkan resolusi syariah ini. Manakala, pematuhan syariah yang lebih ketat atau lebih tinggi berbanding apa yang dinyatakan dalam resolusi syariah adalah dibenarkan dan masih diterima sebagai patuh syariah. Berikut adalah beberapa pandangan kepakaran syariah berkaitan resolusi syariah BNM.

¹⁴⁹ Sheila Nu Nu Htay et al., *Accounting, Auditing and Governance For Takaful Operations* (Singapore: John Wiley & Sons Pte. Ltd, 2013), 8-9.

¹⁵⁰ Achene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: Wiley Finance Series, 2014), 77.



Rajah 2.3: Dapatan Temu Bual Informan Kajian Mengenai Resolusi Syariah MPS BNM (Hasil Temubual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁵¹)

Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulas mengenai resolusi syariah bahawa "...SAC (MPS BNM) dah ditetapkan pematuhan, lepas itu SC (JKS SPT) lain akan ikut lah. Ini sebenarnya bermaksud tidak boleh melebihi. Itu adalah konsepnya. SAC memang perlu untuk satu-satu situasi untuk letakkan minimum standard, yang ini paling minimum.." ¹⁵². Mohd Hafizal Elias pula berpandangan resolusi syariah MPS BNM diperlukan untuk menentukan pematuhan syariah dalam kewangan Islam termasuklah takaful dengan menyatakan "...apa yang SAC (resolusi syariah) letakkan sebagai *safeguard* (melindungi) untuk Bank Negara dan *Shariah Committee* (daripada pertikaian pematuhan syariah)..." ¹⁵³. Walaupun terdapat pandangan bahawa resolusi syariah BNM ini menghadkan kebebasan berijtihad ¹⁵⁴. Namun begitu, Mohamed Hadi Abdul Hamid

¹⁵¹ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui Resolusi Syariah MPS BNM. Lihat lampiran B7.1 dan B.7.2

¹⁵² Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis, 12 Jun 2015.

¹⁵³ Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis, 11 September 2015.

¹⁵⁴ Rusni Hassan dan Safinar Salleh, Pematuhan Syariah Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 Dan Cabaran Semasa Dalam Operasi Takaful (Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan

menafikan situasi ini dengan menyatakan "...keputusan SAC Bank Negara (resolusi syariah) sebagai patuh syariah tidak menyekat ijihad tapi satu bentuk syiling atau penanda aras dalam pematuhan syariah industri takaful. SAC Bank Negara (resolusi syariah) masih meraikan kepelbagaian pendapat tapi mesti ada had minimum..."¹⁵⁵. Muhamad Faisal Ashaari turut bersetuju bahawa resolusi syariah masih membenarkan proses ijihad di peringkat JKS SPT dengan menyatakan:

"...Dan proses ijihad di peringkat *internal shariah* (Jawatankuasa Syariah) masih dibenarkan dalam banyak perkara pun. Walau pun ada orang pertikai macam-macam. Tapi SAC (resolusi syariah) yang kita pakai ikut *law* (perundangan) lah. Sebab ijihad sapa-sapa pun boleh buat. Tapi kesan kita tak tau. Jadi bila SAC (resolusi syariah) telah membuat keputusan dan keputusan itu adalah adil untuk semua pihak..."¹⁵⁶.

Malahan, Mohd Hafizal Elias mengulas bahawa ada terdapat SPT yang mengaplikasi keputusan yang lebih ketat dalam pematuhan syariah dan ini diterima sebagai patuh syariah dengan menyatakan:

"... Berat daripada SAC (resolusi syariah) maknanya patuh syariah dari lah. Contoh SAC (resolusi syariah) kata 30 peratus *investment* masih halal. Tapi contoh dia (JKS SPT) kata 5 peratus dah kira haram. Itu tak pa (patuh syariah). Begitu juga kalau contohnya *tawidh* SAC letakkan 1 peratus kemudian *SC* kata 0.5 peratus. Jadi ini boleh lah (patuh syariah)..."¹⁵⁷.

Mohd Hafizal Elias turut mengulas bahawa keputusan pematuhan syariah lebih rendah berbanding resolusi syariah BNM adalah dianggap tidak patuh syariah. Beliau menyatakan:

"...Tapi sebab kadang-kadang ada juga keputusan daripada *internal takaful operator* terlalu ringan dan longgar dari SAC. So apa yang ringan daripada SAC maknanya tak patuh syariah. Contoh

Islam Kali Ke-9, 11th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2014, Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre, 4 November 2014), 4.

¹⁵⁵ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

¹⁵⁶ Muhamad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 24 Jun 2015.

¹⁵⁷ Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad).

lebih ringan, SAC kata 30 peratus investment (yang bercampur dengan tidak patuh syariah) masih halal (masih halal). Tiba-tiba dia (JKS SPT) kata 35 peratus (yang bercampur dengan tidak patuh syariah) masih halal. Jadi lebih ringan. Itu tak boleh (tidak patuh syariah)¹⁵⁸.

Muhamad Faisal Ashaari menambah lagi bahawa resolusi syariah yang dikeluarkan ini bersifat praktikal dan mampu dilaksanakan oleh semua SPT dengan menyatakan:

Rasanya pun SAC (resolusi syariah) ini pun tidaklah keputusan terlalu *rigid* sangat. Biasanya keputusannya agak longgar sedikit, tidaklah terlalu longgar ataupun terlalu ketat sangat sampai susah untuk kita buat. Walau pun ada orang pertikai macam-macam. Tapi SAC (resolusi syariah) yang kita pakai ikut law lah. Sebab ijthid sapa-sapa pun boleh buat. Tapi kesan kita tak tau. Jadi bila SAC telah membuat keputusan dan keputusan itu adalah adil untuk semua pihak¹⁵⁹.

Mohd Hafizal Elias turut berpandangan resolusi syariah BNM mampu dilaksanakan oleh IKI termasuklah SPT kerana resolusi syariah agak ringan kerana kelonggaran ini diperlukan untuk memenuhi kehendak pasaran dan persaingan dengan produk konvensional khususnya untuk pasaran di Malaysia. Beliau menyatakan:

Sebab kita *tolerate* terlalu tinggi sangat. Tapi untuk *current structure* dengan keadaan yang kita perlu *compete* dengan dua *system*. Kita patut terima. Melainkan macam kontrak yang terlalu ringan macam *bay inah*. Macam yang lain-lain itu mungkin kita boleh toleransi lagi. Sebab kita perlu berusaha untuk kuasai market...¹⁶⁰.

Berdasarkan beberapa pandangan Pegawai Syariah dalam industri takaful menggambarkan bahawa resolusi syariah BNM merupakan indikator utama bagi menentukan status pematuhan syariah dalam industri takaful. Tambahan lagi, resolusi syariah ini telah mengambilkira semua aspek dalam berijtihad termasuk *Maqāṣid al-Sharīah* dan kesesuaian dalam pasaran kewangan Islam di Malaysia. Oleh yang

¹⁵⁸ *Ibid.*,

¹⁵⁹ Muhamad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia),

¹⁶⁰ Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad).

demikian, resolusi syariah perlu diterima oleh semua pihak dalam industri takaful untuk diterima sebagai panduan standard dalam pematuhan syariah.

2.5.2.2 Peranan Jawatankuasa Syariah SPT (JKS SPT)

JKS SPT boleh didefinisikan sebagai juri yang dikhususkan fiqah muamalat dan kewangan Islam yang sangat dipercayai untuk mengawal selia berkaitan dengan kewangan Islam untuk memastikan kewangan Islam mematuhi prinsip dan perundangan Syariah¹⁶¹. Seksyen 51 Akta Bank Negara 2009 pula menyatakan, JKS hendaklah menjadi pihak berkuasa bagi menentukan hukum syarak bagi maksud perniagaan kewangan Islam¹⁶². Hammad pula mendefinisikan JKS sebagai badan yang menjaga dan memastikan keseluruhan aktiviti beroperasi berdasarkan pematuhan syariah sama ada dalam muamalat, perkhidmatan yang diberikan dan transaksi dengan institusi kewangan lain untuk mendapatkan keuntungan dan pelaburan¹⁶³.

Setiap operasi IKI mestilah berdasarkan kepada prinsip Syariah. JKS mempunyai peranan yang khusus untuk memastikan dan memantau IKI. Peranan utama JKS adalah tertumpu kepada perkara-perkara berikut. Pertama, menasihati IKI berkaitan pematuhan Syariah termasuk konsep, struktur dan perkhidmatan produk kewangan Islam yang baru atau sedia ada. Kedua, untuk memastikan setiap dokumen yang digunakan oleh IKI bertepatan dengan keperluan Syariah, Ketiga, untuk membantu pihak berkaitan yang memerlukan pandangan berkaitan Syariah sama ada bergantung kepada permintaan atau apa sahaja yang dirujuk kepada Jawatankuasa Syariah. Keempat, untuk menasihati IKI

¹⁶¹ Ahcene Lahsasna, *Introduction to Fatwa, Syariah Supervision & Governance in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: CERT Publication, 2010), 211.

¹⁶² Seksyen 51 Akta Bank Negara 2009.

¹⁶³ Hammad, Hamzah `Abd al-Karim Muhammad, *Al-Raqābah al-Syar'īyyah fī al-Masārif al-Islāmiyyah* ('Amman: Darun Nafa'is, 2006), 29.

berkaitan operasi urusniaga bertujuan memastikan setiap urusniaga mematuhi Syariah serta lain-lain tugas umum¹⁶⁴.

Dalam pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah, JKS bertanggungjawab menyatakan pandangan berkaitan dengan isu yang khusus atau umum mengenai kepatuhan syariah. Ini secara langsung memerlukan JKS untuk menumpukan aspek berikut: Pertama, sifat dan tahap risiko Syariah, Kedua, berkaitan polisi dan prosuder yang perlu disediakan oleh IKI untuk menguruskan risiko Syariah. Seterusnya, setelah menyediakan polisi dan prosedur tertentu, JKS bertanggungjawab menjalankan penilaian setiap polisi dan prosedur yang telah diaplikasi dalam pengurusan risiko Syariah¹⁶⁵. Peranan JKS SPT secara praktis sebenar akan dibincangkan dalam bab 5 mengenai “Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Dan Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Dalam SPT¹⁶⁶”.

Dalam aspek kepakaran ahli JKS, peranan utama JKS adalah memastikan operasi SPT adalah patuh Syariah. Dalam situasi keadaan pasaran kewangan Islam yang terbuka dan mencabar, Kepakaran JKS dalam bidang fiqah¹⁶⁷ dan usul al-fiqh atau fiqah muamalat adalah satu kemestian bagi memenuhi keperluan pasaran produk kewangan patuh syariah. Oleh itu, kajian ini mencadangkan SPT menekankan kepakaran fiqah dan usul al-fiqh dalam ahli JKS bagi menghadapi persoalan, isu, pertikaian yang timbul dalam pasaran kewangan Islam berkaitan pematuhan Syariah. Ini kerana aspek pematuhan Syariah merupakan permintaan yang utama khususnya oleh pasaran umat Islam. Pematuhan Syariah merupakan suatu keunikan dalam kewangan Islam yang


¹⁶⁴ Zulkifle Hasan, “The Roles and Responsibilities of the Shariah Committee of the Islamic Financial Institution in Malaysia.” *Shariah Journal* 14, no.11 (2006), 77-91.

¹⁶⁵ Islamic Financial Services Board (IFSB), *Standard on Risk Management For Takāful (Islamic Insurance) Undertakings* (Kuala Lumpur: IFSB, 2013), 22.

¹⁶⁶ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Jawatankuasa Syariah SPT. Lihat lampiran B14.1, B14.2 dan B14.3.

¹⁶⁷ Istilah “fiqah” ini didaftarkan secara rasmi dalam Bahasa Melayu dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, “Istilah Fiqah”, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai 11 Oktober 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=fiqah>

membezakannya dengan kewangan konvensional. Manakala, kepakaran ahli JKS dalam bidang-bidang lain seperti analisis pengurusan risiko kewangan Islam, ekonomi Islam, tadbir urus IKI, perakaunan Islam, etika urusan niaga Islam, tanggungjawab sosial korporat Islam, perundangan perbandingan, pasaran modal Islam dan bidang-bidang dalam pengajian Islam merupakan nilai tambah dalam kepakaran kepada industri takaful untuk bersaing dengan produk konvensional yang ada di pasaran. Selain itu, kepakaran JKS dalam aspek pengurusan risiko merupakan nilai tambah kepada kepakaran JKS tetapi masih memerlukan sokongan daripada kepakaran khusus dalam bidang pengurusan risiko¹⁶⁸. Rajah 2.4 menunjukkan gambaran hubungan antara JKS SPT dan MPS BNM.



Rajah 2.4: Hubungan Jawatankuasa Syariah SPT dan Majlis Penasihat Syariah BNM (Grassa, 2013¹⁶⁹)

Rajah 2.4 menunjukkan hubungan antara MPS BNM dan JKS SPT. Kedua-dua badan pengawal selia dalam tadbir urus syariah ini pada dasarnya bertujuan untuk memastikan keseluruhan operasi SPT adalah mematuhi perundangan syariah dalam kewangan Islam. IKI di Malaysia termasuklah SPT melakukan proses tadbir urus syariah

¹⁶⁸ Ulasan lanjut lihat Mohd Faiz Mohamed Yusof, Joni Tamkin Borhan dan Nurhanani Romli, "Kepakaran Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah Dalam Menguruskan Risiko Ketidapatuhan Syariah: Tinjauan Awal Terhadap Industri Takaful Di Malaysia", *ESTEEM Academic Journal* 10, no. 2 (December 2014), 31-43.

¹⁶⁹ Grassa, Rihab., "New Issues and Challenges: A Comparative Analysis Between Southeast Asia Models and GCC Models," *Humanomics* 29, no. 4 (2013), 335-336.

secara berpusat yakni terdapat satu badan pengawal selia syariah di peringkat kebangsaan iaitu MPS BNM sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara-perkara Syariah di peringkat makro industri kewangan Islam di Malaysia dan JKS sebagai pengawal selia pematuhan syariah mikro di peringkat SPT masing-masing. MPS BNM telah diberi mandat dan kuasa untuk menentukan perundangan syariah dalam IKI di Malaysia termasuklah SPT. Dengan erti kata yang lain, MPS BNM merupakan badan rujukan dan penasihat BNM khususnya dalam aspek-aspek pematuhan syariah dalam kewangan Islam.

Secara dasarnya, JKS SPT bertanggungjawab memastikan pematuhan syariah di peringkat dalaman SPT termasuklah memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Pengarah SPT mengenai pematuhan syariah dalam operasi SPT. Selain itu, JKS SPT akan mengeluarkan manual syariah berdasarkan resolusi-resolusi syariah yang telah diputuskan dalam mesyuarat dan perbincangan JKS SPT untuk diimplementasikan dalam operasi dan aktiviti SPT. JKS SPT juga berperanan mengesahkan dan memperakui dokumen-dokumen dalam operasi SPT seperti borang permohonan, borang penamaan, dokumen kontrak perundangan, brosur pemasaran dan pengiklanan, dan manual produk. Di samping itu, JKS SPT perlu memberi pandangan dan khidmat nasihat kepada pihak tertentu seperti pihak auditor dan pihak perundangan sekiranya pihak-pihak tersebut memerlukan pandangan daripada perspektif patuh syariah. Kemudian, JKS SPT turut menjalankan peranan di peringkat dalaman SPT dengan memberi pandangan secara bertulis kepada BNM sekiranya terdapat permohonan produk takaful yang baru oleh SPT tersebut.

2.5.2.3 Kedudukan Majlis Penasihat Syariah BNM Dan Jawatankuasa Syariah SPT Dalam Ijtihad Berkaitan Kewangan Islam

Mohammad Azam Hussain, Rusni Hassan dan Aznan Hassan menjelaskan bahawa resolusi dan keputusan MPS dianggap sebagai ijtihad secara kolektif¹⁷⁰. Bagaimanapun, resolusi dan keputusan MPS BNM bukan merupakan fatwa dalam pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Ini berikutan fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan fatwa-fatwa yang diputuskan ini perlu digazetkan terlebih dahulu sebelum dikuatkuasakan¹⁷¹. MPS BNM terdiri daripada 11 ahli-ahli yang dilantik berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam bidang kewangan Islam oleh BNM¹⁷². Kepakaran MPS BNM turut dibantu oleh JKS di peringkat SPT dalam membuat resolusi dan keputusan mengenai pematuhan syariah dalam kewangan Islam. Oleh yang demikian, resolusi, keputusan dan pandangan yang dikeluarkan boleh dianggap sebagai ijmak ulama berkaitan penentuan hukum dalam kewangan Islam. Perkara ini selaras dengan definisi ijmak ulama yang memberi maksud persepakatan para mujtahid selepas kewafatan Rasulullah SAW pada suatu masa dalam suatu perkara¹⁷³. Ini adalah bertepatan dengan peranan MPS BNM dan JKS SPT yang bertanggungjawab dalam menentukan hukum atau berijtihad mengenai permasalahan kewangan Islam.

¹⁷⁰ Mohammad Azam Hussain, Rusni Hassan dan Aznan Hassan, Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang. *KANUN* 2, no. 2 (2013), 234.

¹⁷¹ *Ibid.*, 236

¹⁷² Bank Negara Malaysia. "Majlis Penasihat Syariah", laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai 21 Disember 2013, http://www.bnm.gov.my/?ch=bnm_about&pg=bnm_thebank&ac=803&lang=bnm

¹⁷³ Al-Shawkani, Muhammad ibn `Ali ibn Muhammad, *Irshād al-fuhūl ila tahqīq `ilm al-usūl* (Bayrut: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyah, 1995), 63. Lihat juga, Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazzali, *al-Mustasfa min `ilm al-usul* (Bayrut: Dar Sadir, 2010), 1:110.

Menurut Zaydan, *ijmak* ulama adalah sumber fiqah yang diperakui kesahihannya dan wajib diterima sebagai hukum¹⁷⁴. Proses *ijmak* ulama dalam penentuan hukum ini diperlukan untuk menentukan hukum-hukum dalam permasalahan syariah pada masa kini. Keperluan terhadap penentuan hukum oleh MPS BNM dan JKS SPT disebabkan isu-isu permasalahan syariah semasa yang timbul dalam industri kewangan Islam memerlukan resolusi dan keputusan syariah. Dalam realiti perundangan semasa, keputusan MPS BNM juga telah diterima dalam kes *Mohd Alias Ibrahim v RHB Bank Berhad & Anor* [2011]¹⁷⁵ sebagai pendapat pakar. Kedudukan keputusan MPS BNM diterima sebagai pendapat pakar dalam pematuhan syariah kewangan Islam sepertimana pemakaian seksyen 45 Akta Keterangan 1950¹⁷⁶ yang membenarkan mahkamah menerima pakai pandangan pakar dalam memutuskan sesuatu perkara. Justeru, keputusan MPS BNM dan JKS SPT diterima sebagai keputusan *ijmak* atau pandangan yang disepakati yang wajib dipatuhi oleh setiap pihak yang menjalankan sebarang operasi, urusniaga dan hal ehwal berkaitan kewangan Islam. Sebarang perlakuan atau tindakan yang melanggar resolusi, keputusan atau pandangan MPS BNM dan JKS SPT dianggap tidak mematuhi syariah dalam konteks hukum Islam itu sendiri.

2.5.3 Pendekatan Penyaringan Patuh Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Proses Penyaringan Patuh Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC) ini telah dibangunkan pada penghujung 1995. Panduan ini dibangunkan untuk menentukan status sekuriti tersebut sama ada patuh syariah atau tidak patuh syariah.

¹⁷⁴ Zaydan, 'Abd al-Karim, *Madkhal li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*. (Baghdad: Matba'ah al-'Ani, 1969), 198.

¹⁷⁵ *Mohd Alias Ibrahim v RHB Bank Berhad & Anor* [2011] 4 CLJ 654.

¹⁷⁶ Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

2.5.3.1 Kategori Pertama

Kategori pertama yang digunakan oleh menentukan status sekuriti patuh syariah ialah kriteria syariah bergantung kepada aktiviti utama sesebuah syarikat daripada sudut barangan atau perkhidmatan yang dihasilkan untuk mendapatkan keuntungan. Kriteria sekuriti tersebut perlu dipastikan sama ada menjalankan aktiviti utama patuh syariah atau tidak patuh syariah. Berikut adalah empat kriteria aktiviti utama syarikat yang dikategorikan sebagai tidak patuh syariah:

Kriteria Pertama: Aktiviti utama syarikat berteraskan transaksi riba seperti yang dijalankan oleh institusi kewangan konvensional termasuk bank perdagangan, bank saudagar, syarikat kewangan dan lain-lain¹⁷⁷.

Kriteria Kedua: Aktiviti utama syarikat ialah kegiatan judi seperti kasino, nombor ekor dan yang seumpamanya¹⁷⁸.

Kriteria Ketiga: Aktiviti utama syarikat adalah pengeluaran dan penjualan barangan dan perkhidmatan yang diharamkan dalam Islam. Ini meliputi (1) memproses, mengeluarkan dan memasarkan minuman keras, (2) membekalkan daging yang tidak halal seperti daging babi dan sebagainya dan (3) Memberi perkhidmatan tidak bermoral seperti pelacuran, pub, disko dan seumpamanya¹⁷⁹. Penghujahan mengenai pengharaman arak dalam Al-Quran;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَاللَّأْنَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ^{١٠}

¹⁷⁷ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti* (Suruhanjaya Sekuriti: Kuala Lumpur, 2006), 159-160. Lihat penjelasan elemen utama yang menyebabkan ketidakpatuhan syariah, suptopik riba.

¹⁷⁸ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 160-161. Lihat penjelasan elemen utama yang menyebabkan ketidakpatuhan syariah, suptopik perjudian.

¹⁷⁹ *Ibid.*, 161-163.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Selanjutnya, Al-Quran turut menyatakan beberapa perkara yang diharamkan secara jelas melalui ayat berikut;

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ
وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ
وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ... ٢

Surah al-Maidah 5: 3

Terjemahan: Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir) dan daging babi (termasuk semuanya) dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi dan yang mati ditanduk dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya) dan yang disembelih atas nama berhala dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ١٦٨

Surah al-Baqarah 2: 168

Terjemahan: Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.

Bagi aktiviti utama syarikat melibatkan memberi perkhidmatan tidak bermoral seperti pelacuran, pub, disko dan seumpamanya dikategorikan sebagai tidak patuh syariah. Ini melalui dalil Al-Quran seperti berikut;

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّيْنَةَ إِنَّهُوَ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ۚ

Surah al-Isra' 17: 32

Terjemahan: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerusakan).

Larangan mengenai aktiviti tidak bermoral seperti pelacuran dan minuman arak turut dijelaskan melalui hadis Rasulullah S.A.W.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنِ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ، وَمَهْرِ الْبَغِيِّ، وَحُلْوَانِ الْكَاهِنِ»

Terjemahan: “Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang (memanfaatkan) hasil penjualan anjing, hasil pelacuran dan mengupah tukang tilik.”¹⁸⁰

روى أحمد عن أبي هريرة قال: قدم رسول الله صلى الله عليه وسلم المدينة وهم يشربون الخمر ويأكلون الميسر، فسألوا رسول الله صلى الله عليه وسلم عنهما فنزلت الآية فقال الناس: ما حرم علينا، إنما قال: إثم كبير، وكانوا يشربون الخمر حتى كان يوم صلى رجل من المهاجرين وأمّ الناس في المغرب فخلط في قراءته، فأنزل الله آية أغلظ منها «يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرُبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى حَتَّى تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ» ثم نزلت آية أغلظ من ذلك «يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ» إلى قوله: «فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُوْنَ» قالوا انتهينا ربنا

Terjemahan: “Terjemahan: Ahmad telah meriwayatkan dari Abu Hurairah, beliau berkata: Rasulullah s.a.w. mendatangi kota Madinah

¹⁸⁰ Muhammad Ibn Isma‘il Abu ‘Abdullah al-Bukhari al-Ja‘fi, *al-Jami’ al-Musnad al-Sohih al-Mukhtasor min Umuri Rasulullah S.A.W Wasunanuhu Waaiyamuhu (Sahih al-Bukhari)*, Kitab al-Buyu’, Bab thamanil kalbi. no. Hadith 2766. cet. 1 (Damsyik: Darul Tuq al-Najat, 1422H), 3: 84. Ditahqiq oleh Muhammad Zahir Nasir al-Nasir.

sedangkan mereka (penduduk Madinah) dalam keadaan meminum minuman arak dan memakan hasil judi, lantas mereka menanyakan perihal kedua perkara ini kepada Rasulullah s.a.w. maka turunlah ayat tersebut. Lalu mereka berkata: “Hal itu tidak diharamkan kepada kita”, Ia sesungguhnya berfirman “(adalah) dosa yang besar”, dan mereka pun meminum arak hingga suatu ketika salah satu kaum muhajirin solat dan mengimami sholat maghrib lalu berbuat kesalahan dalam bacaan solatnya, maka Allah s.w.t. menurunkan ayat yang lebih tegas dari sebelumnya yaitu:

يا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرُبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى حَتَّى تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ

kemudian turunlah ayat lain yang lebih keras darinya yakni ayat:

يا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ

hingga ayat فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ mereka pun berkata: “Tuhan kita (sungguh) telah melarang kita¹⁸¹”.

Berdasarkan penghujahan yang ditunjukkan melalui Al-Quran dan hadis menjelaskan bahawa syarikat dan menjalankan aktiviti utama berdasarkan perkara-perkara haram seperti arak, daging babi, pub, pelacuran, disco dan seumpama dengannya dikategorikan sebagai tidak patuh syariah.

Kriteria Keempat: Aktiviti utama syarikat bersifat *gharar* (ketidakpastian) seperti perniagaan insurans konvensional¹⁸².

¹⁸¹ Abu ‘Abdullah Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal Bin Hilal Bin Asad al-Syaybani, *Musnad Imam Ahmad Bin Hanbal*, tahqiq Syu‘ab al-Arna‘ut, Kitab al-Mukthirin Min al-Sahabah, Bab Musnad ‘Abdullah Bin Mas‘ud, cet 1, no hadith 8620 (t.tp: Muassasah al-Risalah, 2001), 14: 268. Hadith ini dihukum sebagai da‘if. Lihat Muhammad Bin Muhammad Bin Sulayman Bin al-Fasi, *Jam‘u al-Fawaid Min Jami‘ al-Usul wa Majma‘ al-Zawa‘id*, tahqiq Abu ‘Ali Sulayman, Kitab al-Asyribah, al-Khumur wa al-Anbazah, cet 1, no hadith 5626 (Kuwait: Maktabah Ibn Kathir, 1998), 2: 380.

¹⁸² Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti* (Suruhanjaya Sekuriti: Kuala Lumpur, 2006), 163-164. Lihat Elemen-Elemen yang Menyebabkan Ketidapatuhan Syariah, suptopik *gharar*.

Kriteria Kelima: Pengeluaran Atau Penjualan Barangan Yang Berasaskan Tembakau Atau Barangan Yang Berkaitan¹⁸³.

Kriteria Keenam: Pembrokeran Atau Jual Beli Sekuriti Tidak Patuh Syariah¹⁸⁴.

2.5.3.2 Kategori Kedua

Kategori kedua merupakan panduan bagi syarikat yang menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang bercampur dari aspek patuh syariah dan tidak patuh. Oleh yang demikian, terdapat tiga garis panduan untuk menentukan status patuh syariah. Garis panduan mengenai syarikat atau urusniaga bercampur ini mula diperkenalkan pada 1997¹⁸⁵.

Panduan Pertama

Garis panduan pertama untuk menentukan sekuriti patuh syariah ialah syarikat atau perusahaan tersebut tidak menghasilkan barangan atau perkhidmatan utama yang bertentangan syariah sepertimana yang telah dihuraikan dalam kategori pertama proses penyaringan patuh syariah SC dan perniagaan tidak patuh syariah adalah sangat kecil berbanding perusahaan utama¹⁸⁶. Kadar perusahaan tidak patuh syariah sangat kecil akan dibincangkan dalam subtopik penanda aras patuh syariah.

¹⁸³ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah membincangkan hukum merokok dari pandangan Islam dan memutuskan bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Merokok Dari Pandangan Islam," laman sesawang *e-fatwa* <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/merokok-dari-pandangan-islam> , dicapai 2 Jun 2014.

¹⁸⁴ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 164.

¹⁸⁵ *Ibid.*, 166-179. Lihat juga, Mohd Yahya Mohd Hussin, "Hubungan Kemeruapan Antara Pembolehubah Makroekonomi, Pasaran Saham Islam dan Konvensional di Malaysia", *Jurnal Syariah* 11, no 2 (2003), 1-10.

¹⁸⁶ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 165.

Panduan Kedua

Garis panduan kedua yang mesti diambil kira dalam menentukan status patuh syariah ialah pandangan masyarakat umum tentang imej syarikat berkenaan mestilah baik¹⁸⁷. Panduan kedua ini mementingkan bagaimana pandangan atau penerimaan masyarakat awam khususnya masyarakat Muslim mengenai aktiviti dan perusahaan syarikat tersebut. Jika masyarakat menerima perusahaan itu sebagai yang baik. Maka, syarikat itu diterima sebagai kategori patuh syariah. Sekiranya masyarakat memandangkan perusahaan atau perniagaan sebagai buruk, tidak baik atau negatif. Maka, syarikat tersebut dikategori sebagai tidak patuh syariah. Terdapat tiga perkara utama yang diambil kira dalam mengklasifikasikan sebagai patuh syariah.

Imej Yang Berasaskan Masalahah *Rājiḥah*

Maslahah *Rājiḥah* bermaksud kebaikan yang jelas. Perusahaan atau urusniaga yang bercampur antara patuh syariah dengan aktiviti yang tidak patuh syariah. Perusahaan ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat tetapi berlaku sedikit transaksi tidak patuh syariah. Walaubagaimanapun, jumlah sedikit tidak patuh syariah dimaafkan dan dibenarkan disebabkan masyarakat memerlukan perkhidmatan dan barangan yang dihasilkan seperti perhotelan. MPS SC telah memutuskan penanda aras untuk operasi berkaitan perhotelan adalah 25 %¹⁸⁸.

Imej Yang Berasaskan Kepada *Sadd al-Dhari'ah*

Sadd al-Dhari'ah mempunyai dua istilah utama yakni “*Sadd*” yang bermaksud menghalang atau mengelak. Manakala, “*al-Dhari'ah*” bermaksud jalan atau cara untuk mendekatkan. Kamil Musa menyatakan “*al-Dhari'ah*” adalah suatu jalan yang

¹⁸⁷ *Ibid.*, 166.

¹⁸⁸ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 181.

membawa berlaku perkara yang dilarang yang menyebabkan kemudaratan¹⁸⁹. Dengan erti kata yang lain, *Sadd al-Dhari'ah* bertujuan menutup ruang-ruang untuk terjadi perkara-perkara kerosakkan¹⁹⁰. Keadaan ini berlaku dalam syarikat yang menjalankan barangan atau perkhidmatan yang baik tetapi kegunaan barangan atau perkhidmatan tersebut boleh menimbulkan prasangka buruk masyarakat dan juga mendatangkan impak buruk. Perusahaan yang pada dasar adalah baik tetapi mempunyai tanggapan buruk ialah syarikat yang menghasilkan kondom. Ini berikutan masyarakat umumnya beranggapan kondom digunakan untuk aktiviti tidak bermoral seperti perzinaan dan pelacuran. Oleh sebab itu, aktiviti syarikat berkaitan kondom berdasarkan penanda aras tahap 5 %¹⁹¹.

Imej Yang Berasaskan Di Antara Masalah Dan *Sadd al-Dhari'ah*

Terdapat beberapa situasi syarikat yang bermasalah dari segi imej tetapi tidak mempunyai tanda aras yang ditetapkan secara kuantitatif oleh MPS Suruhanjaya Sekuriti. Oleh yang demikian, MPS SC perlu menilai situasi syarikat-syarikat berkaitan secara kualitatif dan disaring secara kes satu per satu mengikut ijtihad MPS Suruhanjaya Sekuriti. Situasi syarikat atau perusahaan yang bermasalah dari segi imej tetapi tidak mempunyai tanda aras ialah (1) penyediaan minuman keras dalam pengangkutan awam (2) perniagaan berkaitan babi, (3) penjualan minuman keras di restoran, (4) pengambilalihan syarikat kasino, (5) pengiklanan minuman keras, dan pemegangan syarikat tersenarai yang tidak patuh syariah¹⁹².

¹⁸⁹ Kamil Musa, *al-Madkhal ila al-Tashrī' al-Islāmī* (Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 1989), 214.

¹⁹⁰ Muhammad Abu Zahrah, *Usūl al-Fiqh* (al-Qahirah: Dar al-Fikr al-`Arabi, 2006), 288.

¹⁹¹ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 182.

¹⁹² *Ibid.*

2.5.3.3 Penentuan Dasar Penerimaan Bagi Syarikat Bercampur

MPS SC Malaysia telah mempertimbangkan beberapa urus rujuk sebagai kadar atau peratus yang boleh dianggap sebagai *ihtiyāt* bermaksud berwaspada menghukum perkara yang bercampur halal dan haram sebagai haram. Ini kerana perkara bercampur halal dan haram tidaklah semesti menjadi haram. Walaupun terdapat kaedah, “sekiranya berlaku percampuran antara halal dan haram, maka perkara tersebut akan menjadi haram”. Akan tetapi kaedah ini mempunyai terdapat perbincangan dan pengecualian terhadap kaedah ini. Pengecualian kaedah ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW seperti berikut.¹⁹³

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ، عَنْ أَبِي أَفْلَحَ الْهَمْدَانِيِّ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زُرَيْرٍ يَعْنِي الْعَافِقِيَّ، أَنَّهُ سَمِعَ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: إِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَخَذَ حَرِيرًا فَجَعَلَهُ فِي يَمِينِهِ، وَأَخَذَ ذَهَبًا فَجَعَلَهُ فِي شِمَالِهِ ثُمَّ قَالَ: «إِنَّ هَذَيْنِ حَرَامٌ عَلَى ذُكُورِ أُمَّتِي»

Terjemahan: “Rasulullah SAW mengambil sutera, ia meletakkan di sebelah kanannya, dan ia mengambil emas kemudian kemudian diletakkan disebelah kirinya, lantas Baginda bersabda: Kedua-dua barang ini haram bagi orang lelaki di kalangan umatku dan halal bagi perempuannya.”¹⁹⁴

Hadis di atas menunjukkan contoh sutera dan emas yang dilarang pemakaian oleh golongan lelaki. Namun begitu, dalam permasalahan pemakaian sutera oleh lelaki. Sekiranya sutera tersebut dicampur dengan kain jenis selain sutera sama ada kurang atau sama banyak iaitu 50 %. Maka, pemakaian sutera yang dicampur dengan kain jenis selain sutera adalah dibenarkan. Sekiranya kain sutera melebihi kain jenis selain sutera,

¹⁹³ Abu Sulāyman bin al-As’af ābu Dāwud al-Sājasātnī al-Azdī, *Sunan Abī Daud*, Kitab al-Libās, Bab fi Al-Harir lil-Nisai’, no. hadith. 4057 (Beirut: Maktabah Asriyah, t.th), 50. Ditahqiq Muhammad Muhyiddin Abd Hamid.

¹³⁹ Abu Daud Sulaiman ibn Al-Ash’as Ibn Ishak Ibn Basyir Ibn Syidad Ibn A’mru Al-Azadi Allasa Jassatāni, *Sunan Abī Daud*, Kitab Al-Libās, Bab fi Al-Harir lil-Nisai’, no.hadith 4057. (Beirut: Maktabah Asriyah, t.t), 4: 50. Ditahqiq Muhammad Muhyiddin Abd Hamid.

maka pemakaian kain bercampur yang mengandungi lebih daripada separuh sutera itu haram dipakai oleh golongan lelaki. Dengan erti kata yang lain, percampuran kain sutera sebanyak 50% atau kurang dengan kain jenis lain sutera adalah dibenarkan untuk dipakai oleh golongan lelaki. Manakala, percampuran sutera melebihi 50 % atau lebih berbanding kain jenis selain sutera adalah diharamkan pemakaiannya bagi golongan lelaki.

Walau bagaimanapun, terdapat isu yang timbul sama ada situasi percampuran kain sutera dengan kain jenis selain sutera ini dapat disamakan dengan situasi sekuriti bercampur. Sekiranya dilihat dari segi sifat, situasi percampuran kain sutera dan sekuriti bercampur mempunyai persamaan kerana kedua-dua situasi adalah tidak haram pada fizikalnya. Namun begitu, kadar satu per dua ataupun 50% adalah jumlah yang agak besar dan agak sukar untuk diterima oleh MPS Suruhanjaya Sekuriti. Oleh yang demikian, MPS SC telah lebih cenderung lalu memutuskan dua pendekatan untuk mengharuskan sekuriti bercampur ini iaitu pertama, menggunakan ukur rujuk satu per tiga ataupun 33.33% dan kedua, menggunakan pendekatan ukur rujuk *ghubn fāhish*¹⁹⁵.

Pertama, pendekatan ukur rujuk satu per tiga atau 33.33% diambil daripada asas hadis Rasulullah SAW yang mengatakan bahawa jumlah satu per tiga adalah sudah cukup banyak sepertimana berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكُ، عَنِ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ
عَامِرِ بْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ، عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كَانَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُنِي عَامَ حَجَّةِ الْوَدَاعِ مِنْ وَجَعٍ
اشْتَدَّ بِي، فَقُلْتُ: إِنِّي قَدْ بَلَغَ بِي مِنَ الْوَجَعِ وَأَنَا ذُو مَالٍ، وَلَا يَرِثُنِي

¹⁹⁵ *Ghubn* merujuk kepada keuntungan yang berlaku dalam sesuatu akad pertukaran. Ianya terbahagi kepada 2 iaitu *ghubn fāhish* yakni melampau dan *ghabn yasīr* yakni sedikit. Suruhanjaya Sekuriti, Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, 170-175.

إِلَّا ابْنَةً، أَفَأَتَصَدَّقُ بِثُلُثِي مَالِي؟ قَالَ: «لَا» فَقُلْتُ: بِالشَّطْرِ؟ فَقَالَ:
«لَا» ثُمَّ قَالَ: «الثُّلُثُ وَالثُّلُثُ كَبِيرٌ - أَوْ كَثِيرٌ - إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ
وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ، خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ

“Suatu hari Rasulullah SAW menziarahi Sa’ad Bin Abi Waqas yang sedang sakit, Sa’ad menyatakan kepada Rasulullah SAW bahawa dia merasakan sakitnya telah sampai ke penghujungnya dan saat kematian telah hampir, dia meminta pendapat dari Rasulullah SAW untuk mendedekahkan hartanya kerana pewaris hartanya hanya seorang anak perempuan, jadi diam mahu mendedekahkan 2/3 daripada hartanya. Namun Rasulullah SAW menegahnya. Kemudian Sa’ad mahu mendedekahkan 1/2 hartanya. Namun Rasulullah SAW masih menegahnya. Kemudian Rasulullah bersabda: 1/3 sudah memadai itu pun terlalu banyak, sesungguhnya engkau meninggalkan warismu dalam keadaan kaya (berharta) lebih baik dari meninggalkannya dalam keadaan hina dan meminta-minta belas kasihan orang ramai.”¹⁹⁶

Berdasarkan hadis ini menggambarkan nilai satu per tiga itu adalah nilai yang “sudah memadai, itu pun terlalu banyak” dalam situasi Sa’ad Bin Abi Waqas ingin mendermakan hartanya kepada bukan ahli waris. Akan tetapi, timbul persoalan juga adakah nilai satu per tiga ini boleh diaplikasi dalam konteks sekuriti bercampur. MPS SC mengambil keputusan bahawa ukur rujuk satu per tiga ini dianggap sebagai nilai percampuran yang paling maksimum dalam konteks sekuriti bercampur. Ini bererti sekiranya nilai percampuran melebihi satu per tiga atau 33.33%. Maka, percampuran tersebut adalah keterlaluhan dan tidak dibenarkan berasaskan gambaran Rasulullah SAW bahawa nilai satu per tiga itu “sudah memadai, itu pun terlalu banyak”¹⁹⁷.

Kedua, pendekatan ukur rujuk yang diaplikasikan ialah *ghabn fahisy*. *Ghabn* bermaksud keuntungan melampaui harga pasaran. Istilah *ghubn fāhish* membawa erti mendapat keuntungan yang keterlaluhan melalui penipuan harga sebenar pasaran. Jumhur

¹⁹⁶ Muhammad Ibn Ismā’il Abu Abdullah al- Bukhāri al-Ja’fi, *al-Jami’ al-Musnad al-Sohih al-Mukhtasor min Umuri Rasulallah S.A.W Wa Sunanhu Waaiyamuhu (Sahih al-Bukhārī)*, Kitab Al-Janaiz, Bab Risai an-Nabiu S.A.W Saad ibn Khaulah. No. hadith 2766. cet. 1 (Damsyik: Dar Tuq al-Najat, 1422H), 2: 81. Ditahqiq oleh Muhammad Zahir Nasir al-Nasir

¹⁹⁷ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 177-178

ulama fuqaha Maliki, Syafie dan Hambali adalah bersetuju sepakat mengatakan bahawa perbuatan *tanajusy* atau memanipulasi jika disertai elemen-elemen *ghabn fahisy*. Maka, pembeli berhak untuk membatalkan kontrak yang telah dipersetujui¹⁹⁸. Ini bererti keuntungan yang melampau atau *ghubn fāhish* melalui tindakan memanipulasi ataupun dikenali sebagai *tanājusy* adalah dilarang dan haram dipraktiskan dalam pasaran. Namun begitu, MPS SC memberi kelonggaran dan dimaafkan sekiranya keuntungan *ghubn fāhish* di bawah kadar tanda aras yang ditetapkan. Tanda aras ini adalah berasaskan fuqaha' Hanafi yang menyatakan had maksimum bagi *ghubn fāhish* adalah sepertimana berikut yakni, 5% bagi barangan biasa; 10% bagi binatang termasuk tunggangan atau kenderaan dan 20% bagi aset tetap¹⁹⁹.

2.5.3.4 Parameter Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Secara dasarnya, parameter MPS SC mengalami beberapa perubahan dari semasa ke semasa mengikut hasil resolusi syariah dan ijtihad ahli-ahli MPS SC. Yang terkini pada 27 November 2015, penanda aras yang dipraktiskan oleh MPS SC. Terdapat dua pendekatan penanda aras yang digunapakai dalam menentukan status patuh syariah sekuriti-sekuriti. Pertama, pendekatan berdasarkan kadar nisbah aktiviti perusahaan atau perniagaan. Yang kedua, berdasarkan pendekatan kadar nisbah kewangan.

Pendekatan Berdasarkan Kadar Nisbah Aktiviti Perusahaan

Pendekatan berdasarkan kadar nisbah aktiviti perusahaan ialah berdasarkan pengiraan jumlah keseluruhan hasil pendapatan sebelum cukai sesebuah kumpulan syarikat tersebut yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah yang telah disenaraikan mengikut penanda aras tertentu. Hasil pengiraan jumlah pendapatan

¹⁹⁸ Al-Zarqa', *al-Madkhal ila Nazarīyat al-iltizam al-`ammah fi al-Fiqh al-Islāmi*, 378

¹⁹⁹ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 178-179

sebelum cukai ini akan dibandingkan dengan penanda aras aktiviti perusahaan yang berkaitan sepertimana berikut:

2.5.3.4.1 Tanda Aras Lima Peratus

Penanda aras 5% ini adalah penanda aras bagi aktiviti perusahaan atau perniagaan yang telah jelas status haramnya. Tanda aras 5% adalah berdasarkan kepada jumlah *ghubn fāhish* yang dimaafkan dan diberi kelonggaran bagi kes barangan biasa. Penanda aras ini juga adalah berdasarkan kepada faktor ‘*umūm al-balwā*’ yakni “kerumitan meluas yang berlaku dalam masyarakat yang sukar untuk dielakkan”²⁰⁰, *Maṣāliḥ ḍarūriyyah*²⁰¹ merujuk kepada lima kepentingan utama yang amat diperlukan oleh manusia iaitu pemeliharaan terhadap agama, diri, akal, zuriat dan harta diikuti mengiktirafkan hak-hak golongan bukan Muslim, *fasād al-zamān*²⁰², ‘*urf*’²⁰³ serta *asālib iqtisādiah*²⁰⁴. Ini bererti jumlah pendapatan sebelum cukai daripada pendapatan tidak patuh syariah tidak boleh melebihi penanda aras 5% untuk mendapatkan sekuriti berstatus patuh syariah. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah jelas status haram yang tidak boleh melebihi penanda aras 5% yakni perbankan konvensional, insurans konvensional, perjudian, arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya, babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya, hiburan yang tidak patuh syariah, tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya, pendapatan faedah-faedah daripada akaun dan instrumen konvensional termasuklah

²⁰⁰ Al-Suyuti, Jalal al-Din `Abd al-Rahman ibn Abi Bakr, *al-Ashbāh wa-al-nazā'ir fi qawā'id wa-furū' fiqh al-Shāfi'iyah* (Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 1998), 77-78. Lihat juga Fatimah Saad et al., *Glosari Mualamat* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009), 74.

²⁰¹ *Al-Masalih al-Dharuriyyah* merujuk kepada lima kepentingan utama yang amat diperlukan oleh manusia iaitu pemeliharaan terhadap agama, diri, akal, zuriat dan harta. Lihat Al-Shatibi, *al-Muwāfaqāt fi Usūl al-Sharī'ah*, 2: 8-10

²⁰² Berkurangnya amalan mulia pada suatu zaman.

²⁰³ *Uruf* atau adat didefinisikan oleh *fuqaha* sebagai sesuatu perkara yang menjadi rutin atau kebiasaannya dalam kehidupan masyarakat. Lihat `Abd Karīm Zaydān, *al-Wajiz fi Usūl al-Fiqh* (Beirut: Mua'assasah al-Risālah, 2011), 252; Muhammad Abu Zahrah, *Usūl al-Fiqh* (al-Qahirah: Dar al-Fikr al-`Arabi, 2006), 273.

²⁰⁴ Perubahan yang berlaku dalam sistem ekonomi yang mengakibatkan berlakunya perubahan hukum agar selaras dengan perkembangan semasa contohnya mengambil upah mengajar al-Quran. Al-Sawi, Ahmad Ibn Muhammad, *Bulghat al-Sālik li Aqrab al-Masālik ila madhhab al-Imam Malik* (Kaherah: Mustafa al-Bābi al-Halabi, 1952), 2: 265.

pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara dan dividen-dividen daripada pelaburan tidak patuh syariah dan aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah. Oleh sebab itu, hasil jumlah pendapatan sebelum cukai melibatkan aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah seperti yang telah disenaraikan di atas mestilah kurang daripada 5%²⁰⁵.

2.5.3.4.2 Tanda Aras Dua Puluh Peratus

Terdapat perubahan dalam penanda aras aktiviti tidak patuh syariah. Sebelum ini terdapat penanda aras 10% bagi aktiviti bank konvensional dan tembakau, penanda aras 20 % bagi penerimaan sewa premis untuk aktiviti tidak patuh syariah seperti arak dan perjudian serta penanda aras 25 % bagi aktiviti pengoperasian hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham dan pembrokeran saham yang merupakan aktiviti yang bermanfaat pada masyarakat tetapi berkemungkinan menjalankan aktiviti tidak patuh syariah²⁰⁶. Namun penanda aras sebelum ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan penanda aras 5% seperti yang telah dihuraikan di atas dan penanda aras 20% dalam aktiviti-aktiviti yakni operasi hotel dan rumah peranginan, jual beli saham, pembrokeran saham, sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah, aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.

Secara keseluruhannya, penanda aras terkini yang ini bertujuan memberi kemaafan atau kelonggaran bagi sekuriti bercampur bagi mendapatkan status patuh syariah. Dalam masa yang sama, penanda aras bertujuan agar syarikat yang menjalankan aktiviti atau perusahaan yang bercampur dengan aktiviti tidak patuh syariah dapat meminimumkan penglibatan dengan aktiviti perusahaan tidak patuh syariah. Jika

²⁰⁵ Suruhanjaya Sekuriti, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti), 3-4.

²⁰⁶ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2008), 178-179.

dibandingkan penanda aras terdahulu dengan penanda aras terkini yang dikeluarkan pada mesyuarat ke 130 MPS SC pada 28 Mac 2012 menunjukkan terdapat perusahaan tidak patuh syariah yang telah direndahkan kadar nisbah penanda aras contohnya perbankan konvensional dan tembakau daripada 10 % kepada 5%. Begitu juga, penanda aras 25 % telah diturunkan kepada penanda aras 20% bagi aktiviti tidak patuh syariah seperti pengoperasian hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham dan pembrokeran saham²⁰⁷. Penurunan kadar nisbah penanda aras ini menunjukkan usaha dan komitmen MPS SC menambah baik perkembangan pasaran sekuriti patuh syariah dalam industri pasaran modal di Malaysia. Bagi menjelaskan proses menguruskan dana-dana pelaburan SPT telah dibincangkan dengan mendalam dalam Bab 5 subtopik 5.3 Keterdedahan Risiko Syariah dalam Pelaburan SPT.

2.5.3.5 Pendekatan Saringan Syariah Melalui Penyata Kewangan Dan Perakaunan

Akaun kewangan merupakan instrumen utama yang digunakan untuk mengenalpasti sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan syariah dalam SPT. Contoh maklumat yang penting ialah data kewangan, imbalan duga SPT dan lain-lain. Melalui akaun, sebarang elemen-elemen ketidakpatuhan syariah dapat dikenal pasti dengan mudah dan segera. Pengenalpasti risiko syariah melalui akaun kewangan meliputi pertama, akaun yang merujuk kepada data rasmi transaksi kewangan SPT yang dapat mengesan sebarang pergerakan dan transaksi aset serta jenis pembayaran pada setiap peringkat transaksi. Kedua, akaun kewangan dapat mengesan dan merekodkan semua aktiviti dan operasi SPT yang sah mengikut undang-undang. Ketiga, akaun kewangan dapat mengasingkan antara kontrak dan keuntungan yang sah dengan pendapatan yang melibatkan riba dan kontrak yang ketidakpastian (*gharār*). Ketiga, imbalan duga akaun kewangan menunjukkan aset dan liabiliti pihak-pihak yang berkontrak dan mengelaskan mengikut

²⁰⁷ Securities Commission Malaysia, *Resolutions of the Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia (2012–2014)* (Kuala Lumpur: Security Commission Malaysia, 2014), 39-20.

kategori transaksi kewangan dan bukan kewangan berdasarkan sumber-sumber dana bagi membolehkan proses penilaian berkaitan dana-dana kewangan²⁰⁸.

Terdapat pelbagai lagi pendekatan pematuhan syariah di peringkat antarabangsa contohnya *International Fiqh Academy* dan *Standard Syariah AAOIFI*. Bagaimanapun, pematuhan syariah di peringkat global hanya dijadikan rujukan alternatif dalam membantu JKS SPT atau MPS BNM dalam memutuskan resolusi mengenai sebarang isu syariah yang berlaku. Namun, tiada apa-apa peruntukkan yang mewajibkan pemakaian standard pematuhan syariah di peringkat antarabangsa ini dalam SPT atau mana-mana IKI yang beroperasi di Malaysia. Pendekatan pematuhan syariah masih lagi tertakluk dengan keputusan MPS BNM dan JKS SPT.

Umumnya, MPS SC Malaysia juga telah mengeluarkan penanda aras berdasarkan nisbah kewangan yang berdasarkan laporan kewangan syariah. MPS SC Malaysia berdasarkan dua pendekatan iaitu pertama, berdasarkan tunai ke atas jumlah aset dan kedua, hutang ke atas jumlah aset.

2.5.3.5.1 Pendekatan Tunai ke atas Jumlah Aset

Tunai ke atas jumlah aset bermaksud jumlah tunai dalam akaun perbankan konvensional dan apa-apa instrumen kewangan konvensional yang melibatkan transaksi riba iaitu transaksi tidak patuh syariah berbanding jumlah keseluruhan aset syarikat. Jumlah tunai berkaitan akaun dan instrumen kewangan berasaskan konvensional mesti kurang daripada 33 peratus berbanding jumlah seluruh aset sepertimana yang diputuskan oleh MPS SC Malaysia. Jumlah tunai dalam akaun dan instrumen kewangan konvensional

²⁰⁸ Achene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 73.

bererti jumlah tunai setelah ditolak jumlah tunai dalam akaun dan intrumen kewangan Islam²⁰⁹.

2.5.3.5.2 Pendekatan Hutang ke atas Jumlah Aset

Hutang ke atas jumlah aset yang dikira berdasarkan jumlah aset ialah hutang dalam pembiayaan konvensional yang melibatkan transaksi riba. Ini bererti hutang dalam pembiayaan konvensional perlu kurang daripada 33% daripada jumlah keseluruhan aset syarikat. Jumlah hutang melibatkan pembiayaan konvensional sahaja yang diambil kira manakala pembiayaan secara Islam meliputi *sukūk* dan lain-lain tidak diambil kira dalam pendekatan ini²¹⁰. Di samping kriteria kuantitatif dua pendekatan yang telah dihuraikan di atas, MPS SC Malaysia juga mengambil kira aspek kualitatif yang melibatkan persepsi masyarakat umum atau imej aktiviti syarikat dari perspektif pengajaran Islam²¹¹.

2.6 Alat Pengenalpastian Risiko.

Kefahaman yang mendalam mengenai firma dan operasinya serta penggunaan beberapa alat (*tool*) boleh memastikan pendedahan penting tidak terlepas daripada perhatian sewajarnya. Alat pengenalpastian risiko boleh digunakan antaranya ialah soal selidik analisis risiko, senarai semak pendedahan, senarai semak insurans dan profil tahap risiko mikro makro.

2.6.1 Soal Selidik Analisis Risiko.

Soal selidik risiko mengemukakan soalan-soalan yang mendalam dan bersifat *penetrating* bermaksud jawapan yang diberikan akan memberi penunjuk kepada

²⁰⁹ Security Commission, *Resolutions Of The Shariah Advisory Council Of The Securities Commission Malaysia (2012–2014)* (Kuala Lumpur: Security Commission), 40.

²¹⁰ *Ibid.*, 41.

²¹¹ *Ibid.*

kehadiran bahaya (*hazard*) dan keadaan yang boleh menimbulkan risiko. Soal selidik ini dirangka untuk mengenalpasti risiko yang boleh diinsuranskan dan yang tidak boleh diinsuranskan. Maklumat yang diberikan oleh responden dalam soal selidik yang telah dilengkapkan diperoleh daripada analisis dokumen, rekod, pemeriksaan tapak dan temubual²¹². Maklumat yang lengkap ini juga digunakan untuk mengkategorikan risiko sama ada persendirian, harta-benda, perundangan dan risiko pendapatan²¹³.

2.6.2 Senarai Semak Pendedahan

Senarai semak pendedahan adalah merupakan satu senarai pendedahan yang biasa. Senarai ini menyenaraikan pelbagai kerugian yang berpotensi berlaku daripada kemusnahan aset fizikal atau tidak fizikal hinggalah kepada liabiliti undang-undang²¹⁴. Senarai semak pendedahan adalah pemeriksaan akhir untuk mengurangkan kebarangkalian terlepas pengetahuan mengenai keterdedahan risiko. Ini membolehkan risiko disusun mengikut format supaya senarai semak pendedahan digunakan secara bantuan sebelum kaedah pemeriksaan tapak dijalankan. Setelah proses mengenalpastian risiko selesai, pengurus risiko menilai pelbagai alternatif untuk mengendalikan risiko tersebut²¹⁵. Berikut jadual 2.1 adalah contoh senarai semak keterdedahan risiko syariah bagi IKI termasuklah SPT.

²¹² Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid, *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006), 35-36.

²¹³ Zuriah Abdul Rahman et al., *Risk Management*. Ed. Ke-2 (Shah Alam, Selangor: McGraw Hill, 2011), 48.

²¹⁴ Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid, *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*, 36.

²¹⁵ Zuriah Abdul Rahman et al., *Risk Management*, 49.

Jadual 2.1: Senarai Semak Risiko Syariah SPT (Ahcene Lahsasna²¹⁶, 2013 dan Hasil Temu Bual Informan-Informan Kajian)

Bil.	Bahagian Risiko
1.	Penyata Kewangan
	Pendapatan tidak syariah tidak diasingkan dan diagihkan kepada kerja-kerja kebajikan.
	Zakat tidak dibayar secukupnya dan tidak diagihkan kepada asnaf yang layak.
	Perkongsiian <i>Mudarabah/ Surplus</i> tidak diagihkan mengikut persetujuan kontrak.
2.	Struktur Organisasi, Kakitangan, Proses, Teknologi Maklumat
	Kelemahan komunikasi Jawatankuasa Syariah dan Pengurusan cenderung menyebabkan insiden sebenar risiko syariah.
	Kegagalan memaklumkan insiden tidak patuh syariah kepada Jawatankuasa Syariah.
	Caj atau yuran wakalah produk kewangan Islam tidak berdasarkan perundangan syariah.
	Jumlah caruman atau jumlah perlindungan atau manfaat tambahan berkaitan produk takaful tidak jelas (<i>gharar</i>).
	Pengiklanan, ilustrasi, bahan material, boring dan lain-lain dokumen yang digunakan dalam produk takaful tidak jelas (<i>gharar</i>).
	Penerimaan caruman/ penyertaan/ risiko daripada syarikat/ organisasi/ individu tidak patuh syariah.
	Perlindungan risiko barangan dan perkhidmatan yang tidak patuh syariah.
	Susun atur kontrak tidak memenuhi kriteria pematuhan syariah.
	Kesalahan penggunaan istilah dan terminalogi kewangan Islam.
	Penggabungan produk kewangan Islam dengan produk kewangan konvensional. (contoh perlindungan Pelan Gadai Janji Takaful bagi pembiayaan Perumahan konvensional)
	Kegagalan sistem teknologi untuk mengikut keperluan syariah.
3	Kecukupan Tadbir Urus Syariah
	Tidak mematuhi resolusi syariah BNM
	Kegagalan mengenal pasti keterdedahan risiko syariah dalam institusi kewangan Islam.
	Ketiadaan Bahagian Penyelidikan Syariah menjalankan penyelidikan sebelum dibincangkan oleh Jawatankuasa Syariah.
	Ketiadaan Urus Setia Syariah bagi memastikan resolusi Jawatankuasa Syariah didokumenkan.
	Kekurangan berkaitan pembayaran dan kebajikan Jawatankuasa Syariah menyebabkan kesukaran mendapatkan Sarjana yang berkepakaran dalam pematuhan syariah.

²¹⁶ Achene Lahsasna, Shari'ah Non Compliance Risk Management and Legal Documentation in Islamic Finance. Senarai semak risiko syariah dikemukakan Achene Lahsasna adalah umum untuk semua institusi kewangan Islam. Bagaimanapun, senarai semak risiko syariah ini diubah suai mengikut panduan dan maklum balas informan-informan kajian yang telah ditemubual. Setiap SPT mempunyai semarai semak yang berbeza bergantung hasil kerjasama dan perbincangan dengan Bahagian Pengurusan Risiko SPT masing-masing. Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Ikhlas Berhad merupakan SPT yang telah menyediakan senarai semak yang jelas namun masih dalam proses penambahbaikan. Begitu juga, SPT-SPT lain di Malaysia masih dalam proses menstruktur dan menambah baik system pengurusan risiko syariah di SPT masing-masing.

Jadual 2.1, sambungan

Bil.	Bahagian Risiko
	<p>Ketiadaan maklumat yang didokumentasi menyokong resolusi Jawatankuasa Syariah.</p> <p>Ketiadaan manual pematuhan syariah untuk membantu kakitangan memastikan pematuhan syariah.</p> <p>Kegagalan pihak pengurusan institusi kewangan Islam mengenal pasti dan merujuk isu syariah kepada Jawatankuasa Syariah untuk mendapatkan pandangan dan keputusan mengenai isu syariah tersebut.</p>
4.	Pengesahan Produk Patuh Syariah
	Kegagalan memastikan produk kewangan Islam melalui proses penyaringan patuh syariah.
	Produk kewangan yang baru, garis panduan, promosi, kempen pemasaran tidak diperakui oleh Jawatankuasa Syariah.
	Ciri-ciri produk tidak mematuhi syariah.
	Kegagalan memastikan produk mematuhi resolusi syariah BNM.
	Kekurangan proses kajian dan penilaian berkaitan produk kewangan yang baru sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah.
	Kekurangan dokumentasi mengenai kajian yang dijalankan sebelum pengesahan produk kewangan baru contoh seperti kajian daripada perspektif fiqh dan usul al-fiqh, dalil-dalil berkaitan dan hasil serta proses ijtihad.
	Dokumentasi Berkaitan Pematuhan Syariah
	Kesalahan penggunaan istilah dan terminalogi kewangan Islam.
	Penggabungan produk konvensional dengan produk kewangan Islam
	Tidak memenuhi liabiliti akad kontrak
	Kesalahan maklumat dan data seperti harga, fee, jumlah perlindungan dalam akad kontrak.
	Kegagalan menggunakan klausa kontrak yang sepatutnya dalam akad kontrak seperti wakalah dan mudarabah.
	Operasi berkaitan Pematuhan Syariah
	Kegagalan dalam pengagihan dana-dan kontrak
	Yuran yang dikenakan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan Islam tidak memenuhi pematuhan syariah.
	Tiada kadar jelas (<i>gharar</i>) dalam harga, jumlah caruman, jumlah perlindungan, yuran produk kewangan Islam.
	Elemen tidak patuh syariah dalam pengiklanan, ilustrasi produk, bahan-bahan dan material, boring dan dokumentasi dalam menawarkan produk kewangan Islam.
	Kegagalan merujuk insiden tidak patuh syariah kepada Jawatankuasa Syariah.
	Penerimaan deposit/risiko daripada sumber/syarikat tidak patuh syariah.
	Pertikaian terhadap proses/keputusan khidmat nasihat berkaitan syariah. (contoh pertikaian terhadap jumlah zakat).
	Tidak menyediakan akad penamaan seperti hibah bersyarat, wasi atau pemegang amanah.
	Kegagalan mengenal pasti dan mengasingkan pendapatan tidak patuh syariah untuk didermakan kepada badan kebajikan yang diluluskan.
	Kegagalan mengimplementasikan/ melaksanakan keputusan dan resolusi Jawatankuasa Syariah.

Jadual 2.1, sambungan

Bil.	Bahagian Risiko
	Kegagalan mengimplementasikan/ melaksanakan keputusan dan resolusi syariah BNM.
6.	Reputasi berkaitan Syariah
	Kekurangan pengetahuan syariah di kalangan kakitangan mengenai produk dan perkhidmatan kewangan Islam.
	Kekurangan penjelasan dan ketelusan mengenai produk seperti ciri-ciri, manfaat, dokumentasi dan material pemasaran.
	Caj berlebihan dalam produk kewangan Islam.
	Persepsi pelanggan produk kewangan Islam terhadap imej, pemakaian kakitangan institusi kewangan Islam.
	Elemen tidak patuh syariah dalam material pemasaran menyebabkan persepsi negative bakal pelanggan kewangan Islam.
	Produk dan perkhidmatan kewangan Islam tidak diterima di peringkat global.
7.	Sistem Berkaitan Pematuhan Syariah
	Kegagalan mengatur mengikut pematuhan syariah contohnya jumlah caj wakalah berlebihan.
	Kegagalan mengesan elemen tidak patuh syariah contoh kewangan daripada syarikat tidak patuh syariah.
8	Pelaburan berkaitan Syariah
	Kegagalan mengikut perubahan senarai sekuriti patuh syariah terkini dalam tempoh 6 bulan.
	Kegagalan mengikut garis panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkaitan isu sekuriti dinyah senarai.

2.7 Profil Tahap Risiko Dalam dan Luaran²¹⁷.

Keadaan luaran dan dalaman operasi firma perlu dianalisis untuk mengenal pasti risiko. Keadaan luaran mungkin berlaku perubahan dengan perubahan masa sepertimana berikut: Pertama, Keadaan sosio-ekonomi dan politik. Keadaan ini menunjukkan sumber risiko disebabkan keadaan perubahan demografi populasi penduduk, pendapatan dan status kewangan. Selain itu, keadaan politik tempatan turut akan menentukan bagaimana firma mengendalikan urusan pada masa hadapan.

Kedua, keadaan undang-undang dan peraturan. Firma mesti mematuhi perundangan dalam industri contohnya industri takaful. Kegagalan untuk mematuhi undang-undang akan menyebabkan penalti, risiko pertikaian dan sebagainya. Ketiga,

²¹⁷ Zuriah Abdul Rahman et al., *Risk Management*, 48.

perubahan keadaan operasi. Keadaan ini merujuk kepada perubahan teknologi, persaingan daripada kemasukan baru dalam pasaran, perubahan buruk dalam kadar faedah dan perantarabangsaan operasi. Perubahan ini memerlukan perubahan dalam mengendalikan risiko.

Keempat, keadaan perubahan iklim dan fizikal. Ancaman bahaya iklim dan fizikal termasuklah pemanasan global, bahaya semulajadi seperti tsunami dan gempa bumi, bahaya tindakan manusia seperti aktiviti penganas, peperangan dan pelanunan. Keadaan ini akan mempengaruhi bagaimana urusan niaga akan dijalankan. Pengenalpastian risiko juga boleh disebabkan keadaan dalaman. Maklumat berkaitan risiko boleh dikumpulkan daripada segala aktiviti dan operasi berkaitan firma. Pelbagai alat yang digunakan untuk membantu proses mengeluarkan maklumat yang diperlukan oleh pengurus risiko. Dokumen yang digunakan untuk mengumpulkan data primer ialah soal selidik, senarai periksa dan manual operasi. Manakala, data sekunder pula diperolehi daripada dokumen kerajaan, laman sesawang, jangkaan industri dan sebagainya.

Pengenalpastian risiko merupakan proses kualitatif yang memerlukan SPT mempertimbangkan segala kesalahan yang berlaku yang berkaitan operasi SPT. Pengenalpastian risiko mungkin didapati daripada pelbagai sumber. Penyelarasan terhadap proses pengurusan risiko bergantung kepada tanggungjawab fungsi risiko tertentu. Proses pengenalpastian risiko melibatkan pandangan pihak yang terlibat menguruskan pelbagai urusan niaga dengan mendapatkan maklumat berkaitan risiko berdasarkan pengalaman terkini dan yang lepas. Proses pengenalpastian risiko ini perlu dilakukan dengan teliti dan profesional termasuklah mengambilkira segala halangan akan datang dan kesan-kesannya sama ada secara langsung atau tidak langsung²¹⁸.

²¹⁸IFSB, *Exposure Draft 14: Standard on Risk Management for Takaful (Islamic Insurance) Undertaking*, 16.

Pihak yang bertanggungjawab berkaitan pengawalselia seperti pematuhan Syariah, perundangan, aktuari, audit dalaman, komplain dan lain-lain perlu mengetahui risiko sedia ada dan risiko baru yang mungkin berlaku. Pihak luaran seperti persatuan berkaitan industri takaful, broker dan pengawalselia industri turut menjadi sumber maklumat untuk mengenalpasti risiko baru²¹⁹.

2.8 Pengukuran Risiko Syariah

Pengukuran risiko adalah proses menilai kemungkinan atau kebarangkalian dan tahap atau magnitud risiko. Pengukuran risiko akan membantu organisasi untuk mengurangkan kos dan mengikut jadual yang ditetapkan semasa proses pengurangan. Pihak yang bertanggungjawab menguruskan risiko mestilah mampu menentukan kedudukan risiko dan mampu untuk memutuskan metode dan teknik yang terbaik semasa mengimplementasi proses pengurangan risiko. Tujuan utama pengukuran risiko ialah menentukan kedudukan atau mengelaskan risiko. Terdapat 2 aspek yang perlu diukur untuk mengelaskan risiko ialah tahap risiko kerugian yang mungkin berlaku dan kemungkinan kebarangkalian risiko kerugian²²⁰.

2.8.1 Ukuran ketenatan

Tahap kerugian yang mungkin berlaku dalam tempoh tertentu merujuk kepada ketenatan risiko yang boleh ditentukan dengan ukuran ketenatan.

Terdapat 2 perkara yang perlu dipertimbangkan iaitu kekerapan dan ketenatan kerugian. Namun, ketenatan kerugian perlu diberi perhatian berbanding kekerapan kerugian kerana satu kerugian katastrofi²²¹ yang berlaku mungkin boleh memusnahkan terus sesebuah firma. Pengurus risiko perlu menganggar dua ukuran ketenatan kerugian

²¹⁹ *Ibid.*

²²⁰ Zuriah Abdul Rahman et al., *Risk Management*, 56.

²²¹ bencana dahsyat yang banyak mengorbankan nyawa dan menyebabkan kerugian.

iaitu kerugian maksimum munasabah (*maximum possible loss*) dan kerugian maksimum mungkin (*maximum possible loss*). Kerugian maksimum munasabah adalah kerugian yang paling besar yang boleh terjadi kepada firma sepanjang operasi dalam keadaan yang paling teruk. Kerugian maksimum mungkin bermaksud kerugian paling besar yang mungkin dihadapi oleh firma dalam keadaan biasa²²².

2.8.2 Unit Kerugian

Kemungkinan kebarangkalian risiko kerugian merujuk kepada kekerapan kerugian yang ditentukan dengan unit kerugian.

Unit kerugian merujuk kepada jumlah semua kerugian kewangan yang boleh ditimbulkan oleh sesuatu kejadian tertentu. Jumlah ini termasuk kerugian langsung harta, kerugian tuntutan, kehilangan pendapatan dan sebagainya disebabkan sesuatu berlaku contohnya bencana alam. Bagi mendapatkan nilai unit kerugian, kerugian maksimum munasabah bagi setiap pendedahan perlu dikira dahulu. Kemudian, kerugian maksimum munasabah dijumlahkan untuk mendapatkan nilai unit kerugian. Firma mungkin mampu menanggung kerugian maksimum munasabah secara individu daripada mana-mana pendedahan tetapi tiada jaminan kerugian hanya akan berlaku secara individu. Unit kerugian bertujuan untuk memberikan peringatan kepada pihak pengurusan mengenai potensi katastrofi yang boleh dihadapi oleh firmanya dalam keadaan paling teruk iaitu jika berlaku kerugian yang tenat secara serentak²²³.

2.8.3 Pengukuran Risiko Menggunakan Penarafan

Satu kaedah pengukuran yang seringkali digunakan ialah penarafan risiko berdasarkan tahap kegentingan (*criticality*). Sesetengah risiko bersifat kritikal dan perlu diuruskan

²²² Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid, *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*, 37.

²²³ *Ibid.*, 37-38.

sebelum menjadi terlalu merugikan. Aspek yang dipertimbangkan dalam penarafan risiko ialah ketenatan kerugian berpotensi dan kekerapan atau kebarangkalian kerugian berpotensi berlaku. Dua penarafan keutamaan (*priority ranking*) boleh dibentuk iaitu berdasarkan ketenatan dan berdasarkan kekerapan kerugian²²⁴.

2.8.3.1 Penarafan Keutamaan Berdasarkan Ketenatan²²⁵

Penarafan keutamaan merupakan kriteria utama yang digunakan memberi tumpuan kepada kesan kewangan yang ditimbulkan oleh risiko. Penarafan ini dibuatkan berdasarkan ketenatan kerugian berpotensi. Oleh itu, sekiranya julat saiz kerugian yang boleh berlaku amat besar. Maka, risiko dan pendedahan perlulah diberi penarafan berdasarkan kegentingannya. Sesetengah risiko mungkin mengakibatkan ketenatan kerugian yang tinggi yang boleh menjejaskan firma. Oleh itu, risiko tersebut perlu diberi perhatian segera berbanding dengan risiko yang lain. Kategori penarafan keutamaan berdasarkan ketenatan sepertimana berikut:

1. Risiko kritikal (*critical risk*) – semua pendedahan terhadap kerugian yang magnitudnya boleh menyebabkan kebangkrapan.
2. Risiko penting (*important risk*) – semua pendedahan dengan kerugian berpotensi yang mungkin tidak menyebabkan kebangkrapan tetapi menyebabkan firma perlu mendapatkan sumber dana dari luar contohnya mendapatkan pinjaman untuk menruskan operasi firma.
3. Risiko tidak penting (*unimportant risk*) – semua pendedahan yang menyebabkan kerugian boleh dibiayai oleh aset atau pendapatan semasa tanpa menimbulkan beban kewangan yang keterlaluan.

²²⁴*Ibid.*, 38.

²²⁵*Ibid.*, 38-39.

Pendedahan kerugian perlu dibahagikan berdasarkan penarafan risiko yang telah dinyatakan. Pengurus risiko perlu menganggarkan jumlah amaun kerugian berpotensi yang boleh timbul akibat pendedahan tersebut.

2.8.3.2 Penarafan Keutamaan Berdasarkan Kebarangkalian²²⁶

Seterusnya, selepas penarafan berdasarkan ketenatan. Penarafan berdasarkan kekerapan atau kebarangkalian turut perlu diberi perhatian terutamanya untuk membezakan kalangan pendedahan yang mempunyai ketenatan berpotensi yang hampir serupa. Oleh itu, pendedahan yang bercirikan kekerapan yang tinggi wajar diberi perhatian yang lebih perhatian berbanding pendedahan kekerapan yang rendah. Kriteria pengelasan penarafan berdasarkan kebarangkalian yang sering digunakan adalah seperti yang berikut:

1. Hampir kosong (*almost nil*) – mengikut pendapat pengurus risiko, kejadian atau peril ataupun kerugian mungkin tidak akan berlaku contohnya risiko kemusnahan bangunan dan premis akibat rebut salji mempunyai kebarangkalian hampir kosong untuk berlaku di Malaysia.
2. Sedikit (*slight*)- kejadian mungkin boleh berlaku, namun ia belum pernah berlaku serta dijangka tidak akan berlaku contohnya risiko gempa bumi di Malaysia mempunyai kebarangkalian sedikit.
3. Sederhana (*moderate*) – kejadian pernah berlaku sekali-sekala pada masa lepas dan dijangka akan berlaku pada masa hadapan contohnya risiko tuntutan liabiliti pengguna bagi sebuah firma mungkin dalam kategori sederhana.

²²⁶ *Ibid.*, 39.

4. Pasti (*definite*) – kejadian memang sering berlaku pada masa lepas dan dijangka akan berlaku lagi pada masa depan contoh fizikal pada kenderaan milik firma adalah dalam kategori pasti.

Jadual 2.2: Petunjuk Kategori dan tahap Kebarangkalian Kekerapan Risiko (Toneguzzo, 2010²²⁷)

Kategori Kekerapan	Jangkaan terhadap kekerapan risiko dalam tempoh tahun tersebut.	Jangkaan terhadap kekerapan risiko dalam tempoh mana-mana berikut.	Jangkaan dalam tahun perancangan akan datang (5 Tahun)
Sangat Kerap	> 1 daripada 2	> 0.45	> 95 %
Kerap	1 daripada 2 hingga 1 daripada 5	0.45 hingga 0.19	95% hingga 65%
Pertengahan	1 daripada 5 hingga 1 daripada 20	0.19 hingga 0.05	65% hingga 25%
Tidak Kerap	1 daripada 20 hingga 1 daripada 100	0.05 hingga 0.011	25% hingga 5%
Sangat Tidak Kerap	< 1 daripada 100	< 0.011	< 5%

Bagaimanapun, penentuan kekerapan risiko syariah dalam SPT ditentukan oleh pihak bertanggungjawab seperti Pegawai Bahagian Syariah SPT dan Pegawai Bahagian Pengurusan Risiko Syariah SPT. Kebanyakan informan kajian menyatakan bahawa keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT adalah sukar dijangka dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Tambahan lagi, model pengurusan risiko syariah belum lagi dibangunkan sepenuhnya oleh SPT. Bagaimanapun, terdapat SPT yang mula membangunkan pengurusan risiko syariah di peringkat dalaman SPT²²⁸. Menurut rangka kerja tadbir urus syariah BNM, pengurusan risiko syariah mesti melibatkan pegawai Bahagian Pengurusan Risiko yang mempunyai pengetahuan dan

²²⁷ Toneguzzo, J.P., "How to Allocate Resources Based on Risk," dalam *Enterprise Risk Management: Today's Leading Research and Best Practices*, ed. Fraser, J dan Simkins, B.J. (New Jersey: John Wiley & Sons, Inc., 2010), 198.

²²⁸ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui Peranan Bahagian Pengurusan Risiko SPT. Lihat lampiran B6.

kemahiran teknikal dalam menguruskan risiko termasuklah risiko syariah²²⁹. Berdasarkan indikator ini, usaha membangunkan model pengurusan risiko syariah dikenal pasti dalam 3 SPT berdasarkan maklumat informan terdapat kerjasama langsung dengan pegawai Bahagian Pengurusan Risiko. Mohd Ridwan Roslan mengatakan;

“Dekat sini untuk *shariah risk*, kita akan melibatkan *risk management*. Tambah lagi. *Head risk management* ada *master Islamic Finance*. So, faham lah. Dan satu lagi, *risk management* dengan kita *shariah* bergabung. Kita akan *collaborate*. So maknanya bukan dia seorang buat. Kita pun buat sekali. Contohnya, *shariah risk* dia akan *description* macam ini, macam ini. Makna dia akan *finalize* untuk *shariah risk*. So kita akan duduk sekali dengan dia. Untuk bincang *shariah possible issues* ini. So antara-antara yang kita buat. So apa yang melibatkan *shariah risk* kita akan lihat pada tiga perkara. *Governance, Competency, transactional*. *Transactional* dari segi transaksi itu macam mana. *Governance, competency and transactional* ada kaitan dengan Bank Negara. *IFSA* dan standard-standard yang lain. *Competency* ini *staff* itu sendiri. *Human error*. Dia faham ke tidak. Ada masalah ke tak. Dia pernah datang *training* ke tak. *Governance* ini *of course* lah tentang *guideline*. So itu berkaitan dengan *governance*. Ada tiga *area* ini dia ada skop lagi. Dia ada dia punya detail lagi. Ini dah skopkan jadi macam ini. Dia ada banyak. Sebenarnya *risk management* ini dia ada banyak *measurement*. Ada *list*. Kita *tick-tick* lah. Dia ada empat lah. Kita ada *research, shariah research*, lepas tu ada *risk*, ada *review, review* inipun *schedule* baru *effective 2017*²³⁰.”

Pengurusan risiko syariah yang dibangunkan dalam SPT terbabit dilakukan dengan penglibatan dua bahagian yakni Bahagian Syariah SPT dan Bahagian Pengurusan Risiko SPT yang turut mempunyai pengetahuan berkaitan kewangan Islam. Tumpuan pengurusan syariah ini masih lagi mengenai tadbir urus SPT, transaksi kewangan dan urusanniaga serta berkaitan kompetensi kakitangan. Namun begitu, penelitian berkaitan pengurusan risiko syariah masih lagi seakan-akan menyerupai cadangan rangka kerja tadbir urus syariah BNM melibatkan *review* syariah, penyelidikan syariah kemudian diikuti oleh pengurusan risiko syariah. Informan juga tidak memperinci secara

²²⁹Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, 25.

²³⁰ Mohd Ridwan Roslan, Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad.

mendalam berikutan model pengurusan risiko masih baru dan sedang ditambah baik dari semasa ke semasa. Omar Mohamed berkata;

“Kita akan ikut pada SOP. Kita akan *review SOP* adakah perlu hantar pada syariah ke tidak. Kalau tak ada dalam SOP itu. Kita akan pastikan mereka ikut *SOP* dengan masukkan *SOP* untuk *screening syariah*. Tapi ini kebanyakan nya melibatkan *staff* baru lah. Maknanya *awareness* dekat situ. Yang baru ini tak *awareness*. Itu yang kena *ongoing monitor* sentiasa the proses. Ini bagaimana kita control pertama *management, marketing, underwriting* lah. *And then , second line of defense*. Kita lah. Bahagian *risk, syariah risk and risk management. Third lines of defense. Audit*. Maknanya audit sebagai *assurance* atau memastikan *syariah compliant*. Dia orang lebih tengok. Kalau audit tengok *syariah requirement and the hold context*. Ini untuk *the hold risk management framework*. *Shariah kira under risk management*. Kita bahagian *syariah, syariah division* jaga. Tapi kita akan *report* juga pada *risk management*. So, dia akan bawa ke *board risk committee*. So, ini lah bagaimana kita menguruskan *syariah risk* sini²³¹.”

Kenyataan di atas pula menunjukkan Bahagian Syariah SPT diletakkan di bawah Bahagian Pengurusan Risiko SPT. Ini bererti setiap apa sahaja berlaku berkaitan ketidak patuhan syariah dilaporkan terus kepada Bahagian Pengurusan Risiko SPT tersebut. Namun begitu, informan tidak mengemukakan model pengurusan risiko syariah yang telah dibangunkan. Begitu juga Ulanddy Uyob turut menyatakan sebarang insiden risiko syariah turut dilaporkan kepada Bahagian Pengurusan Risiko SPT tersebut yakni *Board of Audit and Risk Management Committee*.

“*Monitoring* setakat ini *internally* macam itu lah. Sekiranya ada *issue* kita akan *ORION* dan lain-lain. Itu kita dah ada proses semua dah. Tapi kalau macam *Shariah Committee* pun akan di beritahu. *Even* untuk *syariah risk* khasnya kita akan *report* kepada *Board of Audit and Risk Management Committee* dekat sini lah. Lembaga pengarah juga lah. Biasanya lah tapi *monitoring* dia akan ke bawah balik. Kita akan *mitigate, how to close the gaps*. Kalau ada berlaku juga kan. *Close the gaps* dengan cara *action plan, dateline, follow up with the respective department need to be done* lah. Memang kena buat benda itu. Sebab bila berlakunya *breach*. Sebab *breach* bila berlaku. Berlaku, dah berlaku tak ada isu. *Is already happen. Action plan must be prepared and area, timeline* kena area. Lepas

²³¹ Omar Mohamed, (Ketua Bahagian Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

itu yang paling penting *follow up* lah. Mungkin *risk management*²³².”

Beliau mengatakan lagi bahawa pengurusan risiko syariah masih dibangunkan di peringkat asas dan belum ada sebarang model pengurusan risiko syariah yang jelas.

Proses pengurusan risiko syariah banyak bergantung kepada *review* syariah.

“Dulu pernah sebelum saya masuk *shariah department*. Saya buat *shariah risk*. Di sini lah tapi sikit-sikit lah. Baru belajar sikit-sikit. Di sini *managing shariah risk* saya tak cakap terbaik lah di sini tapi kita dah *on the way* untuk *develop* benda itu. Dah ada *basic*, dah ada *foundation*. Kita *still develop the bridge to art work*. Nak kata *complete* itu tidak lah. Saya masa mula-mula buat itu pun. Saya tak tahu apa-apa lagi. *So from totally from stretch, develop from* buat dia punya *ground*. Kita *try to manage*. Apa *element-element of shariah risk. Here and they*. Dia punya *quardron*. Ok, untuk ini biasa saya sekarang ini. Saya cuba nak menjalankan proses *shariah risk* ini lebih kepada *montly review* ataupun sebenarnya dia macam ini²³³.”

Hasil dapatan temu bual menunjukkan SPT di Malaysia belum mempunyai model pengurusan risiko syariah yang telah betul-betul kompeten untuk dilaksanakan. Kebanyakan SPT masih lagi di peringkat membangunkan model pengurusan risiko dari semasa ke semasa.

2.9 Pemantauan Risiko Syariah

Pemantauan merupakan proses yang berterusan dan menggunakan pelbagai mekanisme antaranya ialah proses pemantauan rutin, penilaian dalaman dan penilaian luaran.

Pemantauan secara rutin dilakukan oleh pengurusan risiko yang melibatkan penilaian dalam setiap aspek termasuk pengenpastian, penilaian risiko dan tindakbalas risiko²³⁴.

Selain itu, pemantauan secara berkala oleh bahagian pengurusan dilakukan untuk memastikan keberkesanan implementasi rangkakerja pengurusan risiko dalam setiap

²³² Ulanddy Uyob, (Pemangku Ketua Syariah, AmMetlife Takaful Berhad).

²³³ *Ibid.*

²³⁴ Mohd Arif Kassim, Asmah Abdul Aziz dan Isahak Kasim, *Enterprise Risk Management (ERM) in Malaysia: A Study of the Status of Implementation, the Roles of Internal Audit and the Impact on Organisational Performance* (Saarbrucken, Germany: LAP LAMBERT Academic Publishing, 2011), 116-118

firma. Pemantauan daripada auditor dalaman dan luaran turut membantu pihak pengurusan firma untuk mendapatkan pandangan yang bebas dan tidak bias dalam pengurusan risiko terutamanya dalam ERM²³⁵.

Pihak pengurusan memantau keberkesanan pengurusan risiko dan proses-proses yang terlibat melalui pemantauan harian dan pemantauan berasingan. Pemantauan harian yang berterusan dilakukan dalam aktiviti rutin firma yang melibatkan urusan kewangan dan sebagainya. Manakala, pemantauan berasingan dalam pengurusan risiko berdasarkan kepada pemantauan berkala yang telah dirancang atau pemantauan susulan daripada masalah yang timbul daripada pemantauan harian. Pihak audit dalaman biasanya lebih memilih menjalankan penilaian berasingan dalam pengurusan risiko untuk memastikan kajian, penilaian risiko dan laporan yang diperolehi lebih telus dan bebas²³⁶.

Pemantauan risiko dijalankan untuk memastikan tidak berlaku masalah setelah ditangani dengan baik. Pemantauan ini juga bertujuan memastikan pengurusan risiko mematuhi panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh firma. Ini kerana pengurusan risiko adalah sesuatu yang kritikal terutamanya dalam jangka masa panjang. Firma mesti memastikan program pengurusan risiko adalah efektif dalam tempoh jangka masa yang lebih lama²³⁷.

Kurt et al. menjelaskan 5 persoalan asas untuk menilai secara kritikal proses pemantauan risiko. Persoalannya ialah pertama, apakah yang cuba dicapai oleh firma seperti objektif atau sebagainya. Kedua, apakah yang menghalang untuk mencapai

²³⁵ COSO, *Enterprise Risk Management –Integrated Framework-Executive Summary* (New Jersey: The Committee of Sponsoring of Sponsoring of the Treadway Commission, 2004), 16.

²³⁶ Mohd Arif Kassim, Asmah Abdul Aziz dan Isahak Kasim, *Enterprise Risk Management (ERM) in Malaysia: A Study of the Status of Implementation, the Roles of Internal Audit and the Impact on Organisational Performance*, 116.

²³⁷ Joseph Eby Ruin, *Enterprise Wide Risk Management Made Easy*, Ed. Ke-3 (Petaling Jaya, Selangor: Leeds Publications (M) Sdn. Bhd., 2010), 37.

objektif tersebut seperti risiko, bagaimanakah kesan risiko dan bagaimana boleh terjadi. Ketiga, apakah yang boleh dilakukan untuk memastikan halangan tersebut tidak berlaku seperti pengurusan risiko dan tindak balas yang boleh dilakukan. Keempat, adakah firma mempunyai kemampuan untuk menghalang risiko tersebut seperti rancangan untuk kawalan aktiviti. Kelima, bagaimanakah untuk mengetahui bahawa kita telah mencapai objektif yang telah ditetapkan seperti maklumat, komunikasi dan pemantauan prestasi²³⁸. Bagaimanapun, dalam konteks pengurusan risiko syariah, proses pemantauan keterdedahan risiko syariah bergantung kepada proses tadbir urus syariah khususnya *review* syariah²³⁹.

2.10 Melaporkan Risiko Syariah

Melaporkan risiko merupakan tindakan susulan dalam pengurusan risiko. Pihak pengurusan perlu memastikan tiada kekurangan atau kelalaian oleh pihak yang bertanggungjawab semasa menguruskan risiko tertentu. Laporan mengenai penyelewengan dan ketidakpatuhan terhadap rangka kerja pengurusan risiko perlu dibuat kepada pihak pengurusan tertinggi firma. Kegagalan untuk menyediakan laporan kepada pihak pengurusan tertinggi firma akan menyebabkan banyak perkara dilenyapkan dan terdapat kelemahan tertentu yang tidak diketahui dan tidak diambil tindakan segera. Seterusnya, ini akan menyebabkan peningkatan kebarangkalian berlaku risiko yang seterusnya akan memberi impak buruk terhadap firma²⁴⁰.

2.10.1 Laporan Tidak Patuh Syariah Dalam SPT


Dalam topik ini, kajian ini menggunakan istilah “potensi tidak patuh syariah” dan “insiden sebenar tidak patuh syariah” serta tidak menggunakan istilah “risiko syariah”.

²³⁸ Kurt, F.R et al, *Internal Auditing: Assurance and Consulting Services* (Florida: IIA Research Foudation, 2007), 26.

²³⁹ Lihat subtopik 2.5.6.1 *Review* syariah.

²⁴⁰ Joseph Eby Ruin, *Enterprise Wide Risk Management Made Easy*, 37.

Terdapat perbezaan mengenai istilah “potensi tidak patuh syariah” dan “insiden sebenar tidak patuh syariah” dengan “risiko syariah”.



Rajah 2.5: Gambaran Pendefinisian Keterdedahan Risiko Syariah, Isu Tidak Patuh Syariah, Laporan Potensi Tidak Patuh Syariah, Laporan Insiden Sebenar Risiko Syariah dan Insiden Risiko Syariah.

Pekeliling mengenai laporan tidak patuh syariah melibatkan semua IKI dikeluarkan BNM pada 15 Mac 2013 dan berkuatkuasa 1 Mei 2013²⁴¹. Laporan ini meliputi semua IKI yang dilesenkan sebagai IKI oleh BNM. Namun begitu, konteks kajian akan menfokuskan secara sepeksifik kepada SPT sama ada lesen komposit dan lesen takaful keluarga sahaja. Pematuhan syariah merupakan perkara utama yang membezakan SPT dengan syarikat insurans konvensional yang beroperasi di Malaysia. Oleh yang demikian, BNM telah mengeluarkan pekeling mengenai rangka kerja tadbir urus syariah mengenai peranan dan tanggungjawab SPT dalam menguruskan pematuhan

²⁴¹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Non-Compliant Reporting* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 15 Mac 2013). Pekeling ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2013.

syariah. Dalam isu-isu tidak patuh syariah yang berlaku dalam operasi dan aktiviti SPT, kakitangan SPT yang bertanggungjawab perlu memaklumkan kepada Lembaga Pengarah SPT, JKS SPT dan BNM mengenai pelan tindakan yang akan dilakukan sekiranya terdapat perkara tidak patuh syariah dalam operasi SPT sepertimana yang dinyatakan dalam pekeliling rangka kerja tadbir urus syariah IKI oleh BNM pada 2010²⁴².

2.17 In the event the management becomes aware that certain operations are found to be carrying out business(es) which is(are) not in compliance with Shariah, or against the advice of its Shariah Committee or the rulings of the SAC, the management shall:

- (i) immediately notify the board and Shariah Committee as well as the Bank of the fact;*
- (ii) immediately cease to take on any new business related to the Shariah non-compliant business; and*
- (iii) within thirty (30) days of becoming aware of such non-compliance or such further period as may be permitted by the Bank, furnish a plan to rectify the state of non-compliance with the Shariah, to be duly approved by the board and endorsed by the Shariah Committee.*

Berdasarkan rangka kerja tadbir urus syariah IKI yang dikeluarkan oleh BNM, SPT perlu memaklumkan sebarang perkara tidak patuh syariah dalam operasi dan aktiviti SPT kepada BNM. Dalam masa yang sama, SPT turut perlu menyediakan dan membangunkan metode laporan tidak patuh syariah yang membantu BNM memantau pematuhan syariah dalam operasi dan aktiviti SPT. Pekeliling laporan tidak patuh yang dikeluarkan oleh BNM bertujuan untuk memudahkan SPT memenuhi keperluan dan syarat yang telah ditetapkan oleh BNM. Pekeliling laporan tidak patuh syariah ini turut bertujuan menyediakan mekanisme laporan syariah yang standard bagi semua IKI termasuklah SPT untuk melaporkan potensi dan insiden sebenar tidak patuh syariah secara menyeluruh dari semasa ke semasa. Dalam masa yang sama, pekeliling laporan tidak patuh syariah ini juga turut menyediakan garis panduan kepada SPT untuk melaporkan mengenai tidak patuh syariah secara berkala. Pekeliling laporan tidak patuh

²⁴² Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, 13-14.

syariah yang dikeluarkan ini perlu disertakan dengan pekeliling, rangka kerja, garis panduan dan perundangan dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa.

Pekeliling laporan tidak patuh syariah ini telah dikeluarkan BNM pada 15 Mac 2013 iaitu hanya 7 hari lebih awal sebelum APKI 2013 digazetkan pada 22 Mac 2013. Ini bererti semasa pekeliling laporan tidak patuh syariah dikeluarkan masih lagi tertakluk kepada pendefinisian IKI perundangan terdahulu iaitu pertama, perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Kedua, semua SPT dan syarikat retakaful yang didaftar di bawah Akta Takaful 1984. Ketiga, mana-mana institusi perbankan yang menjalankan perniagaan Akta Perbankan dan Kewangan 1989 BAFIA. Keempat, mana-mana institusi pembangunan kewangan yang dikategorikan di bawah Akta Institusi Pembangunan Kewangan 2002 yang menjalankan urusan perbankan Islam dan perniagaan kewangan Islam.

Kemudian, APKI 2013 telah digazetkan pada 22 Mac 2013 dan dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013 sekaligus memansuhkan Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984. Objektif utama APKI 2013 bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan Syariah dalam industri kewangan Islam di Malaysia. Tambahan lagi, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz menyatakan APKI 2013 ini bukan sahaja telah memansuhkan Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 malahan telah menambahbaik peruntukkan berkaitan kewangan Islam. APKI 2013 akan menggabungkan enam statut yang sedia ada, iaitu Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Insurans 1996, Akta Sistem Pembayaran (*Payment Systems Act 2003*, PSA) dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (*Exchange Control Act 1953*, ECA), serta Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984²⁴³. Ini bermaksud pekeliling laporan tidak patuh syariah ini tertakluk kepada semua IKI meliputi

²⁴³ Ezry Fahmi Eddy Yusoff, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013", *Dewan Ekonomi*, Ogos 2013, 19.

perbankan Islam, SPT, perbankan Islam antarabangsa, syarikat pengendali takaful antarabangsa, pengendali sistem pembayaran pemindahan dana antara akaun perbankan Islam atau yang membolehkan pembayaran dibuat daripada perbankan Islam, pihak yang menerbitkan instrumen pembayaran berkaitan kewangan Islam, broker dalam perniagaan takaful dan penasihat kewangan Islam. Seksyen 28 (3) APKI 2013 menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai tindakan sekiranya berlaku tidak patuh syariah dalam IKI termasuklah SPT.

(3) Jika suatu institusi menyedari bahawa ia menjalankan apa-apa perniagaan, hal ehwal dan aktiviti dengan cara yang tidak mematuhi Shariah atau nasihat jawatankuasa Shariahnya atau nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Shariah, institusi itu hendaklah—

(a) dengan serta-merta memberitahu Bank dan jawatankuasa Shariahnya mengenai hakikat itu;

(b) dengan serta-merta berhenti daripada menjalankan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti itu dan daripada mengambil apa-apa perniagaan, hal ehwal atau aktiviti lain yang serupa; dan

(c) dalam tempoh tiga puluh hari setelah menyedari ketidakpatuhan atau apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, mengemukakan kepada Bank suatu rancangan mengenai pembetulan ketidakpatuhan itu.

(4) Bank boleh menjalankan suatu penilaian yang ia fikirkan perlu untuk memutuskan sama ada institusi itu telah membetulkan ketidakpatuhan yang disebutkan dalam subseksyen (3).²⁴⁴

2.10.2 Situasi Laporan Tidak Patuh Syariah

IKI termasuklah SPT perlu menghantar laporan kepada BNM dalam 3 situasi. Pertama, laporan apabila terdapat potensi tidak syariah. Kedua, menghantar laporan sekiranya terdapat insiden sebenar tidak patuh syariah. Ketiga, laporan berkala secara bulanan untuk melaporkan ketiadaan potensi atau insiden sebenar tidak patuh syariah dalam operasi dan aktiviti SPT. Oleh sebab itu, sekiranya SPT mengetahui bahawa terdapat apa-apa elemen atau isu yang berkaitan dengan tidak patuh syariah dalam operasi dan aktiviti SPT. SPT perlu memberi perhatian dan membawa isu syariah untuk perhatian dan perbincangan daripada JKS SPT tersebut dalam masa terdekat. Mesyuarat JKS SPT

²⁴⁴ Seksyen 28 (3) APKI 2013

ini bertujuan agar JKS SPT dapat membuat penilaian sama ada kejadian itu dikategori sebagai potensi ataupun insiden sebenar tidak patuh syariah.

Sekiranya JKS telah membuat kepastian bahawa kejadian tersebut merupakan insiden sebenar tidak patuh syariah. SPT hendaklah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan SPT dengan maklumat dan data yang mencukupi mengenai insiden sebenar risiko syariah yang telah berlaku. Selanjutnya, pihak SPT juga perlu menyediakan pelan pembetulan yang telah diperakui oleh Lembaga Pengarah bagi menyelesaikan kejadian insiden risiko syariah yang berlaku. Selanjutnya, dalam situasi tertentu, isu syariah yang berlaku dikategorikan sebagai potensi risiko syariah. Potensi tidak patuh syariah ini bermaksud JKS SPT masih belum memutuskan sebarang keputusan mengenai isu tidak patuh syariah dibincangkan dalam mesyuarat JKS yang diadakan. Ini berikutan JKS memerlukan kajian dan perbincangan lanjut mengenai isu syariah yang telah dibangkitkan. Walaupun potensi tidak patuh syariah ini bukanlah merupakan insiden sebenar tidak patuh syariah, SPT perlu melaporkan potensi risiko syariah ini kepada BNM sebagai langkah awasan sekiranya potensi risiko syariah tersebut boleh berlaku insiden sebenar risiko syariah atau menyebabkan risiko lain seperti risiko reputasi, risiko perundangan dan risiko operasi terutamanya melibatkan melibatkan isu-isu yang berlaku berulang kali dalam industri takaful khususnya. Ini juga bertujuan memastikan persaingan yang adil dalam menguruskan risiko syariah dalam industri yang sama seperti industri takaful.

Kategori potensi tidak patuh syariah dan insiden sebenar tidak patuh syariah mungkin berbeza antara satu SPT dengan SPT yang lain. Sebagai contoh, JKS SPT A telah membuat keputusan bahawa isu pelaburan tidak patuh syariah disebabkan terdapat kaunter-kaunter yang dinyah senarai daripada senarai patuh syariah SC Malaysia adalah dikategori sebagai insiden tidak patuh syariah yang memerlukan pengasingan

pendapatan sekiranya terdapat keuntungan pendapatan diperolehi. Manakala, SPT B mengkategorikan isu pelaburan tidak patuh syariah disebabkan terdapat kaunter-kaunter yang dinyah senarai daripada senarai patuh syariah SC Malaysia sebagai potensi risiko syariah kerana ini berlaku di luar kawalan dan bidang kuasa SPT. Perbezaan laporan tidak patuh syariah sama ada potensi atau insiden sebenar ini berlaku disebabkan terdapat perbezaan interpretasi dan ijhtihad JKS SPT masing-masing²⁴⁵. Oleh yang demikian, pihak SPT perlu melaporkan semua potensi atau insiden sebenar tidak patuh syariah dalam operasi dan aktiviti SPT bagi memastikan semua elemen, kejadian, isu ataupun perkara-perkara berkaitan pematuhan dalam pengawalseliaan dan pemantauan BNM.

2.10.3 Laporan Terhadap Potensi Tidak Patuh Syariah

Sekiranya mana-mana kakitangan, agen, broker atau mana pihak yang terlibat dalam operasi SPT mengetahui terdapat apa-apa perkara dan isu yang boleh menyebabkan tidak patuh syariah. Isu syariah tersebut perlu dibawa untuk perhatian oleh Bahagian Syariah SPT. Bahagian Syariah SPT selanjutnya akan mengambil tindakan segera untuk membawa isu syariah berkenaan dalam mesyuarat JKS yang paling hampir untuk mendapatkan keputusan daripada JKS SPT tersebut. Mana-mana isu syariah yang belum diberi keputusan oleh JKS SPT yang memerlukan tempoh masa untuk penyelidikan dan perbincangan lanjut perlu dikategorikan sebagai potensi tidak patuh syariah. Oleh yang demikian, isu syariah tersebut perlu dilaporkan sebagai potensi tidak patuh syariah kepada BNM. Ini bererti apa sahaja isu syariah yang telah dikenalpasti dalam operasi dan aktiviti SPT tetapi belum mendapat sebarang keputusan daripada JKS perlu diberi perhatian sebagai potensi tidak patuh syariah.

²⁴⁵ Lihat Bab 5 suptopik “Keterdedahan risiko syariah dalam Pelaburan SPT”.

Laporan potensi tidak patuh syariah perlu dilaporkan kepada BNM secara bulanan berdasarkan calendar tahunan iaitu tidak lewat 2 minggu daripada tarikh akhir bulan tersebut. Namun begitu, Omar Mohamed yang merupakan penolong pengurusan, bahagian pengurusan risiko syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad menyatakan:

“Kalau BNM punya *requirement potential*, kalau katakan lah *I jumpa potential* memang kena *reporting* setiap bulan lah. Contoh bulan lepas kita tak jumpa. Tak ada *report* kat situ menunjukkan tak ada isu *potential shariah risk*. Sebelum *ORION* ini, memang Bank Negara wajibkan setiap *Islamic Financial Institution* ini untuk *report* setiap bulan. *Even* tak berlaku sebarang *potential* pun mesti *report*. *Report* saja, macam tapi bila dah sekarang ini *effect 2014*. Yang *ORION since 2014*, tak perlu buat setiap bulan. Bila ada nampak *potential* isu, kita *report*. *Potential* ini sebelum keputusan *Shariah Committee* dibuat. *Potential* bila jumpa kena *report*²⁴⁶. ”

Kenyataan Omar Mohamed menunjukkan bahawa terdapat perubahan mengenai prosedur melaporkan potensi ketidakpatuhan syariah dalam SPT. Bagaimanapun, Abdul Hadi Mohamed, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Etiqa Takaful Berhad menyatakan bahawa laporan mengenai potensi risiko syariah perlu dihantar secara bulanan kepada BNM sama ada berlaku potensi atau tidak. Sekiranya tiada sebarang potensi risiko syariah berlaku, maka kakitangan bertanggungjawab perlu melaporkan bahawa tiada sebarang potensi atau insiden risiko syariah yang berlaku sepanjang bulan tersebut. Mohamed Hadi Abd Hamid menyatakan:


Dia panggil *ORION*, *Operational Risk Integrated Online Network (ORION)*. Tiap-tiap bulan kita hantar laporan kepada Bank Negara. Tak ada *shariah breach* pun kena *report* bagitahu tak ada *breach*²⁴⁷.

Berikut rajah 2.6 adalah carta aliran masa laporan potensi tidak patuh syariah kepada BNM.

²⁴⁶ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad) dalam temubual dengan penulis, 26 November 2015.

²⁴⁷ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Etiqa Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2015.

Illustrasi Laporan Potensi Ketidapatuhan Syariah



Rajah 2.6: Illustrasi Laporan Potensi Tidak Patuh Syariah²⁴⁸ (BNM, 2013²⁴⁹)

Rajah 2.6 memberi contoh situasi proses melaporkan potensi tidak patuh syariah dalam SPT. Contoh sekiranya kakitangan SPT mengetahui terdapat isu tidak patuh syariah dalam operasi atau aktiviti SPT pada 1 Januari 2013. Tindakan selanjutnya ialah Bahagian Syariah SPT perlu menjalankan tanggungjawab dengan melakukan penyaringan dan kenalpasti isu-isu tidak patuh syariah yang telah berlaku termasuklah mengumpulkan seberapa banyak data dan maklumat untuk dibawa semasa mesyuarat JKS SPT yang perlu diadakan masa terdekat. Kemudian, misalnya mesyuarat JKS SPT telah diadakan pada 5 Januari 2013 iaitu hari keempat setelah isu tidak patuh syariah diketahui. Namun begitu, disebabkan terdapat masalah dan kekurangan maklumat, kajian dan data mengenai isu syariah tersebut, JKS SPT tidak dapat mengeluarkan sebarang keputusan mengenai isu tidak patuh syariah tersebut dan menangguhkan

²⁴⁸ Rujuk Lampiran D1: Illustrasi Laporan Potensi Tidak Patuh Syariah.

²⁴⁹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Non-Compliant Reporting*.


keputusan mengenai isu tidak patuh syariah ini. Apabila terdapat penangguhan atau tiada keputusan yang dikeluarkan terhadap sesuatu isu tidak patuh syariah, ini perlu dikategorikan sebagai potensi tidak patuh syariah. Oleh sebab tiada keputusan daripada JKS SPT mengenai isu tidak patuh syariah ini, pihak SPT perlu melaporkan isu tidak patuh syariah ini sebagai potensi tidak patuh syariah dalam laporan di akhir bulan tersebut contohnya 31 Januari 2013 dalam konteks rajah 2.6. JKS SPT seterusnya masih perlu memutuskan potensi tidak patuh syariah yang belum memutuskan sebarang keputusan. Oleh yang demikian, mesyuarat JKS SPT yang berikutnya perlu diadakan untuk mendapatkan keputusan bagi isu tidak patuh syariah yang masih belum selesai misalnya pada 6 Februari 2013 sepertimana dalam rajah 2.6. Setelah keputusan JKS SPT diputuskan pada mesyuarat 6 Februari 2013, SPT perlu melaporkan kepada BNM keputusan Isu tidak patuh syariah tersebut dalam tempoh masa terdekat yang munasabah iaitu bermula 7 Februari 2013 sehingga hari ketiga iaitu 9 Februari 2013. Sekiranya keputusan JKS SPT mendapati bahawa isu tidak patuh syariah tersebut adalah insiden sebenar tidak patuh syariah, pihak SPT perlu mengambil tindakan seperti insiden sebenar tidak patuh syariah yang dijelaskan dalam suptopik berikutnya. Manakala sekiranya isu tidak patuh syariah itu dikategori sebagai potensi tidak patuh syariah. SPT perlu melaporkan tiada sebarang insiden sebenar tidak patuh syariah. Namun begitu, Lembaga Pengarah SPT perlu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan pelan tindakan terhadap potensi risiko syariah yang berlaku. Walaupun tiada insiden tidak patuh syariah berlaku mengikut keputusan JKS SPT. Akan tetapi terdapat kelompongan atau kekurangan mengenai sesuatu perkara berkaitan syariah menyebabkan berlaku potensi tidak patuh syariah. Contohnya terdapat potensi tidak patuh syariah berlaku di SPT A. Potensi tidak patuh syariah ini disebabkan masih terdapat agen takaful SPT A yang menggunakan akaun perbankan konvensional untuk menerima pembayaran komisen sebagai wakil SPT A sedangkan resolusi syariah telah mewajibkan penggunaan akaun perbankan Islam dan

telah memberi tempoh penukaran akaun untuk pembayaran komisen berakhir 31 Disember 2012. Namun begitu, masih terdapat sebilangan agen yang masih menggunakan akaun perbankan konvensional untuk menerima pembayaran komisen daripada SPT A. Bahagian Syariah SPT A mendapati bahawa wujud isu tidak patuh syariah dalam isu ini dan membawa isu tidak patuh syariah ini dalam mesyuarat JKS SPT A untuk menentukan status isu tidak patuh syariah ini. Hasil keputusan JKS SPT menyatakan ini bukanlah insiden sebenar tidak patuh syariah dan bersetuju memberi tempoh masa tambahan untuk agen-agen SPT menukarkan akaun pembayaran komisen daripada perbankan konvensional kepada perbankan Islam. Hasil keputusan ini dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah SPT dan bersetuju untuk mengarahkan semua agen-agen SPT perlu menukarkan akaun perbankan konvensional kepada perbankan Islam sebelum tempoh masa yang telah diberikan. Pelan tindakan ini juga perlu dilaporkan kepada BNM sebelum hari ke-30 setelah keputusan JKS SPT dibuat untuk memutuskan mengenai potensi tidak patuh syariah misalnya sebelum 5 Mac 2013 dalam konteks rajah 2.6. Selanjutnya adalah laporan insiden sebenar tidak patuh syariah dalam SPT.

2.10.4 Laporan Terhadap Insiden Sebenar Risiko Syariah

Laporan mengenai insiden sebenar tidak patuh syariah yang telah berlaku mestilah dilaporkan kepada BNM. Insiden sebenar tidak patuh syariah merupakan isu tidak patuh syariah yang dikenalpasti dan kemudiannya telah diistiharkan sebagai tidak patuh syariah oleh JKS SPT selepas mesyuarat perbincangan diadakan. Laporan mengenai insiden sebenar risiko syariah mesti dilaporkan sekiranya berlaku dan dilaporkan dengan kadar segera kepada BNM. Laporan insiden risiko syariah dengan kadar segera bererti mesti dilaporkan kepada BNM dalam tempoh 14 hari setelah insiden risiko syariah diputuskan sebagai insiden risiko syariah oleh JKS SPT. Dalam masa yang sama, kakitangan yang bertanggungjawab di SPT perlu menyediakan pelan pembedahan

insiden risiko syariah yang telah diperakui oleh Lembaga Pengarah SPT dan JKS SPT dalam tempoh 30 hari. Laporan mengenai insiden sebenar risiko syariah merupakan perkara yang sangat penting dan diberi keutamaan. Semua pihak termasuklah pemegang saham IKI termasuklah SPT perlu memastikan semua tindakan melibatkan pengaturan koordinasi yang efisien yang menguruskan insiden sebenar tidak patuh syariah. Proses menguruskan insiden sebenar tidak patuh syariah yang berlaku perlu melibatkan JKS dan Lembaga Pengarah SPT itu sendiri bagi memastikan setiap prosedur dan tindakan melaporkan insiden risiko syariah adalah menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh BNM. Berikut adalah ilustrasi laporan insiden sebenar tidak patuh syariah dalam SPT.



Rajah 2.7: Ilustrasi Laporan Insiden Tidak Patuh Syariah²⁵⁰ (BNM, 2013²⁵¹)

Rajah 2.7 merupakan gambaran ilustrasi laporan insiden tidak patuh syariah dalam SPT. Contohnya terdapat kakitangan di Bahagian Kewangan SPT A telah menyedari terdapat isu caj wakalah berlebihan dalam dalam beberapa kontrak takaful keluarga pada 1

²⁵⁰ Rujuk Lampiran D2: Ilustrasi Laporan Insiden Tidak Patuh Syariah.


²⁵¹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Non-Compliant Reporting*.

Januari 2013. Bahagian Kewangan SPT A akan memaklumkan serta-merta mengenai isu caj wakalah berlebihan kepada Bahagian Syariah SPT dengan data dan maklumat berkaitan termasuk rekod kewangan transaksi kontrak takaful keluarga yang terlibat. Bahagian Syariah SPT A tersebut kemudiannya akan membawa isu caj wakalah berlebihan dalam mesyuarat JKS SPT A yang diadakan dalam tempoh masa terhampir bagi membincangkan mengenai isu caj wakalah berlebihan dalam beberapa sijil takaful keluarga yang terlibat contohnya pada 5 Januari 2013. Hasil keputusan mesyuarat JKS SPT A mendapati isu caj wakalah berlebihan dalam beberapa sijil takaful keluarga adalah insiden sebenar tidak patuh syariah. Pada hari berikutnya setelah keputusan JKS dibuat iaitu pada 6 Januari 2013 sehingga 9 Januari 2013. Kakitangan SPT A yang bertanggungjawab perlu melaporkan secara rasmi kepada BNM mengenai insiden sebenar tidak patuh syariah yang telah berlaku. Dalam tempoh 30 hari setelah JKS SPT A membuat keputusan, Lembaga Pengarah SPT A perlu mengadakan mesyuarat untuk membincangkan pelan tindakan pembetulan serta mengesahkan pelan tindakan tersebut untuk dikemukakan dalam laporan rasmi kepada BNM. Pelan tindakan mungkin berbeza mengikut pandangan JKS dan Lembaga Pengarah SPT masing-masing. Contohnya pelan tindakan SPT A mengenai isu caj wakalah berlebihan beberapa sijil takaful keluarga ialah mengasingkan pendapat caj berlebihan tersebut kemudiannya diagihkan untuk kerja-kerja kebajikan seperti pembinaan tandas dan membaik pulih taman permainan awam. Pihak-pihak kebajikan yang penerimaan pendapatan tidak patuh syariah ini perlu diperakui oleh JKS SPT A. Selanjutnya, pelan tindakan pembetulan insiden sebenar tidak patuh syariah ini perlu dilaporkan kepada BNM sebelum hari atau pada hari ke 30 iaitu 5 Februari 2013. Selanjutnya mengenai bagaimanakah keperluan laporan sekiranya tiada apa-apa isu tidak patuh syariah yang diketahui dalam SPT .

2.10.5 Laporan Mengenai Ketiadaan Isu Tidak Patuh Syariah

Sekiranya tidak berlaku apa-apa ketidakpatuhan syariah dalam tempoh masa tertentu, pihak IKI termasuklah SPT perlu menghantar laporan kepada BNM secara bulanan sebagai pengistiharan rasmi bahawa tiada sebarang ketidakpatuhan syariah dalam institusi kewangan tersebut. Laporan potensi atau insiden risiko mesti berdasarkan tempoh masa yang telah diperincikan dalam pekeliling *Shariah Non-Compliance Reporting* yang telah dikeluarkan oleh BNM pada 15 Mac 2013 dan perlu dikuatkuasakan pada 1 May 2013. Berikut adalah aliran laporan potensi atau insiden risiko syariah kepada BNM²⁵².

²⁵²Achene Lahasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 162.



Rajah 2.8: Carta Aliran Proses Laporan Isu Tidak Patuh Syariah

Penghantaran laporan kepada BNM dianggap sebagai laporan rasmi berdasarkan aktiviti dan operasi yang dijalankan oleh SPT. Kakitangan yang bertanggungjawab perlu bersedia untuk memberi sebarang maklum balas apabila terdapat sebarang pertanyaan dan respons daripada BNM. Berdasarkan rajah 2.8 turut menunjukkan proses aliran laporan risiko syariah melalui tiga fasa penyaringan. Fasa pertama ialah proses penyaringan daripada bahagian syariah SPT. Fasa kedua pula pihak JKS SPT akan membuatkan

keputusan sama ada potensi atau insiden risiko syariah seterusnya dilaporkan secara rasmi kepada BNM. Peringkat fasa terakhir ialah proses membuat kebetulan atau pemulihan sekiranya terdapat insiden risiko yang memerlukan pengesahan daripada Lembaga Pengarah dan JKS SPT yang terlibat²⁵³. Kebiasaannya, isu syariah yang berlaku diketahui di peringkat operasi SPT oleh kakitangan yang mengruskan bahagian operasi misalnya agen pemasaran, kakitangan bahagian pengunderaitan atau pengurus dana pelaburan SPT. Kemudian, isu keterdedahan risiko syariah ini akan dibawa untuk makluman pihak Bahagian Syariah SPT.

Bahagian Syariah SPT akan mengumpulkan maklumat berkaitan diikuti mengatur mesyuarat JKS SPT dalam tempoh masa terhampir. Selanjutnya, JKS SPT akan memutuskan status isu syariah yang telah dibawa dalam mesyuarat JKS SPT. Sekiranya, JKS SPT memutuskan isu syariah tersebut adalah insiden sebenar tidak patuh syariah. Tindakan pembetulan selanjutnya akan dilakukan sama ada melibatkan impak kewangan ataupun bukan kewangan yang telah dihuraikan dengan lebih lanjut dalam subtopik impak risiko syariah dalam SPT. Sekiranya isu syariah tersebut hanya merupakan potensi, tindakan lanjut juga akan dijalankan sama ada dikeluarkan daripada senarai isu syariah ataupun turut diputuskan sebagai insiden sebenar tidak patuh syariah.

2.11 Pengurusan Risiko Syariah Melalui Proses Tadbir Urus Syariah

Proses pengurusan risiko syariah dalam SPT masih bergantung kepada proses tadbir urus syariah merangkumi *review* syariah dan audit syariah. Proses tadbir urus syariah khususnya *review* syariah dan audit syariah diguna pakai berikutan ketiadaan model pengurusan risiko syariah yang benar-benar komprehensif²⁵⁴. Berikut hasil dapatan temubual informan kajian mengenai pendekatan *review* syariah dan audit syariah yang

²⁵³ Achene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*, 162-163.

²⁵⁴ Zulkifli Hasan, *Shariah Governance in Islamic Banks*, 55.

digunakan untuk menguruskan sebarang keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT.

2.11.1 Review Syariah

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM telah memberikan garis panduan asas mengenai proses *review* syariah dalam operasi IKI termasuklah SPT. Kajian semula syariah merujuk kepada proses penilaian secara berkala mengenai aspek patuh syariah dalam seluruh operasi dan aktiviti SPT²⁵⁵. Kajian semula syariah dijalankan oleh Pegawai atau Kakitangan SPT yang mempunyai kelayakkan dalam bidang syariah yakni paling minimum mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang syariah khususnya usul al-fiqh dan fiqh muamalat²⁵⁶. Skop kajian semula syariah mestilah merangkumi keseluruhan operasi dan aktiviti SPT yakni bermula daripada proses membangunkan atau membuat produk sehingga produk tersebut diimplementasikan dalam pasaran.

Umumnya, proses *review* syariah merangkumi empat langkah utama. Pertama, merancang program *review* syariah meliputi objektif, skop, laporan, langkah pembetulan dan tindakan susulan yang perlu dilakukan dalam menjalankan proses *review* syariah. Kedua, merekodkan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam proses *review* syariah. Ketiga, memaklumkan hasil dan dapatan penilaian syariah yang telah dijalankan dan merujuk mengenai apa-apa perkara ketidak patuhan syariah kepada JKS SPT dan Pihak Pengurusan SPT. Keempat, memperbaiki apa-apa aspek tidak patuh syariah untuk mengelakkan ketidak patuhan syariah tersebut daripada berulang²⁵⁷.

²⁵⁵ Bank Negara Malaysia, Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions, 22.

²⁵⁶ *Ibid.*

²⁵⁷ Mustafa Mohd Haniffa et al., *Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institution* (Bandar Baru Nilai: USIM Publisher, 2012), 138-139.

2.11.1.1 Proses *Review Syariah*

Secara dasarnya, empat proses utama dalam *review syariah* melibatkan perancangan, merekodkan, melaporkan dan tindakan susulan hasil *review syariah*. Bagaimanapun, terdapat aspek-aspek yang perlu diperincikan dalam melakukan *review syariah* merangkumi menformulasikan Pelan Tahunan *Review Syariah* atau *Shariah Review Annual Plan* (SRAP) yakni aspek-aspek atau bahagian yang memerlukan *review syariah* berdasarkan keperluan pematuhan syariah. Proses *review syariah* ini turut perlu dinilai sama ada mencukupi dan memenuhi keperluan patuh syariah dalam SPT atau sebaliknya.

Kajian ini tidak bertujuan memperinci bagaimana proses *review syariah* dijalankan dalam SPT di Malaysia. Namun begitu, kajian ini meneliti sejauhmanakah pendekatan *review syariah* ini digunakan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia.

Mohd Hafizal Elias menjelaskan bahawa *review syariah* di SPT beliau bertugas mempunyai dua peringkat utama yakni peringkat *review syariah* memastikan apa keputusan, resolusi ataupun manual syariah yang telah dikeluarkan oleh JKS SPT dilaksanakan dalam praktis sebenar SPT. Manakala, peringkat kedua *review syariah* dilakukan melibatkan seluruh operasi SPT seperti pemasaran, tuntutan manfaat takaful, sijil takaful dan lain-lain. Beliau menjelaskan *review syariah* secara menyeluruh ini bertujuan mengenal pasti dan menambah baik kelemahan-kelemahan dalam seluruh operasi SPT. Beliau turut menyatakan satu contoh dapatan *review syariah* di peringkat seluruh operasi SPT yang mana terdapat isu sijil takaful membayar nilai kurang disebabkan ketidak selarasan penggunaan kad kredit dan umur orang yang dilindungi yang menyebabkan dana *tabarru'* atau dana perkongsian risiko tidak diperolehi secukupnya bagi sijil takaful tersebut. Beliau mengulas lagi bahawa *review syariah*

dilakukan sebelum dan selepas produk takaful diimplemen dalam pasaran mengikut garis panduan BNM. Bagaimanapun, SPT secara dalaman melakukan *review* syariah dalam seluruh operasi SPT dan sebarang dapatan *review* syariah yang menunjukkan kelemahan SPT khususnya dalam aspek patuh syariah akan diambilkan tindakan susulan dengan memperbetulkan dan menambah baik kelemahan tersebut²⁵⁸.

Sementara itu, Abdul Hakim Johari turut memperincikan bagaimana proses *review* syariah di SPT beliau bertugas. Beliau menjelaskan bahawa Pelan Tahunan *Review* Syariah akan diperakui sah oleh JKS SPT. Kemudian, *review* syariah akan dijalankan seperti yang direkodkan dalam Pelan Tahunan Penilaian Syariah. Abdul Hakim Johari memberi contoh *review* syariah mendapati terdapat kesalahan dalam brosur pemasaran semasa *review* syariah dijalankan iaitu jumlah perkongsian mudarabah dalam dipersetujui dalam kontrak takaful berkaitan pelaburan ialah 80 peratus untuk pemodal (peserta takaful) manakala 20 peratus untuk pengusaha (pihak SPT). Bagaimanapun, brosur pemasaran tersebut telah salah mempamerkan jumlah perkongsian *mudhārabāh* dengan menyatakan perkongsian tersebut ialah 70 peratus untuk pemodal (peserta takaful) manakala 230 peratus untuk pengusaha (pihak SPT). Hasil *review* syariah tersebut akan dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu dalam isu ini ialah Bahagian Penjenamaan dan Komunikasi SPT. Pihak *review* syariah SPT akan meminta Bahagian Penjenamaan dan Komunikasi SPT untuk membaiki kesalahan dan mencetak semula brosur pemasaran tersebut dalam tempoh 3 bulan. Kemudian, selepas tempoh 3 bulan, pihak *review* syariah perlu memeriksa semula akan tindakan susulan telah diambil oleh Bahagian Penjenamaan dan Komunikasi SPT untuk membetulkan kesalahan brosur pemasaran tersebut. Setelah hasil *review* syariah ditambah baik dan diperbetulkan, barulah proses *review* syariah dianggap selesai. Beliau

²⁵⁸ Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad).

turut menyatakan *review* syariah ini melibatkan seluruh operasi SPT termasuklah pengurusan dana-dana takaful²⁵⁹.

Ismanizam Ismail pula menjelaskan *review* syariah dilakukan untuk memastikan seluruh operasi SPT mengikut keputusan resolusi syariah yang telah dikeluarkan oleh JKS di peringkat SPT dan juga MPS BNM²⁶⁰. Selanjutnya, Mohd Ridwan Roslan mengulas proses *review* syariah dalam operasi SPT bahawa secara dasarnya, proses *review* syariah berasaskan Pelan Tahunan *Review Syariah* atau *Shariah Review Annual Plan*. *Review* syariah di SPT beliau bertugas dijalankan secara bulanan, suku tahunan dan di peringkat cawangan-cawangan SPT di seluruh Malaysia. *Review* syariah di peringkat cawangan-cawangan SPT disebabkan sejumlah besar permohonan kontrak takaful diperolehi daripada cawangan-cawangan SPT khususnya kontrak takaful am. Ini bagi memastikan seluruh operasi khususnya di peringkat cawangan-cawangan SPT adalah patuh syariah. Selain itu juga, *review* syariah dilakukan secara berkala di peringkat operasi dan aktiviti SPT secara bulanan dan suku tahunan. Kekerapan dalam proses *review* syariah ini bagi memastikan keseluruhan yakni di peringkat mikro sehingga perkara-perkara makro mencapai patuh syariah yang sepatutnya berdasarkan resolusi JKS SPT. Proses *review* syariah dijalankan untuk menilai semula setiap operasi SPT agar sentiasa mematuhi syariah. Beliau menyatakan contoh *review* syariah dijalankan melalui senarai semak atau *checklist* mengenai elemen-elemen tidak patuh syariah seperti arak, perjudian dan transaksi riba. Salah satu senarai semak menunjukkan ada elemen arak yang diterima dalam takaful am yang memerlukan penelitian lanjut pihak *review* syariah. Namun, hasil dapatan *review* syariah menunjukkan risiko tersebut

²⁵⁹ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, *Review* dan Penyelidikan Syariah, Risiko, Syariah dan Tadbir Urus. Prudential BSN Takaful Berhad).

²⁶⁰ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Jabatan Syariah MAA Takaful Berhad).

diterima dalam kontrak takaful am adalah sangat kecil dan melepaskan penanda aras yang dipersetujui oleh JKS SPT²⁶¹.

Mohd Ridwan Roslan menambah lagi bahawa *review* syariah bukan sekadar mengenai elemen tidak patuh syariah seperti arak, judi ataupun riba semata-mata malahan meliputi keseluruhan operasi SPT contohnya *review* syariah akan menilai semula adakah SPT mematuhi tempoh masa ditetapkan atau dikenali sebagai *Turnaround Times*. Beliau menyatakan contoh bahawa SPT perlu membayar tuntutan manfaat takaful sebelum tempoh 60 hari setelah tuntutan manfaat takaful tersebut dibuat. Oleh itu, *review* syariah akan menilai semula adakah prosedur tempoh masa pembayaran manfaat takaful sebelum 60 hari tersebut dipatuhi dalam operasi SPT. Beliau mengulas lanjut bahawa proses *review* syariah bermula pada bulan April secara bulanan. Kemudian, dilakukan *review* syariah secara suku tahunan untuk mengesahkan proses *review* syariah secara bulanan. Mohd Ridwan Roslan turut memaklum bahawa *review* syariah ini bertujuan untuk mengawal sebarang isu-isu tidak patuh syariah daripada berulang berlaku dalam operasi SPT²⁶².

Selain itu, Omar Mohamed menjelaskan bahawa *review* syariah bertujuan untuk memastikan produk dan perkhimatan SPT diimplementasikan berdasarkan manual syariah yang telah diputuskan oleh JKS SPT. Beliau memaklumkan bahawa *review* syariah akan meminta dokumen-dokumen yang berkaitan daripada bahagian-bahagian operasi dalam SPT merangkumi yuran-yuran wakalah, pengurusan dana takaful, tuntutan manfaat takaful, sistem maklumat, penyata kewangan dan lain-lain. Menurut Omar Mohamed lagi, *review* syariah yang dijalankan sebelum telah mengenal pasti bahawa terdapat dana pelaburan yang telah berubah status kepada tidak patuh syariah

²⁶¹ Mohd Ridwan Roslan (Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

²⁶² *Ibid.*

tidak dijual mengikut garis panduan SC Malaysia yang menyebabkan JKS memutuskan kes tersebut sebagai insiden risiko syariah²⁶³.

Sementara itu, Muhammad Ilyas Mohd Mydin menjelaskan pengalaman beliau dalam menjalankan *review* syariah SPT. Menurut beliau, *review* syariah dilakukan secara komprehensif bagi mengurangkan kebarangkalian berlaku insiden risiko syariah dalam SPT. Beliau mengulas lanjut bahawa *review* syariah dijalankan mengikut Pelan Tahunan *Review* Syariah sama ada secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan ataupun secara tahunan sahaja. Aspek yang dilakukan *review* syariah secara kerap bergantung kepada keadaan semasa, dan beliau menjelaskan bahawa aspek pelaburan merupakan aspek yang dijalankan secara bulanan buat masa ini kerana terdapat isu-isu risiko syariah yang sering berlaku. Beliau menambah lagi bahawa pendekatan *review* syariah merupakan pendekatan utama yang digunakan untuk menguruskan risiko syariah dalam SPT²⁶⁴.

Najihah Ali pula mengemukakan pandangan bahawa *review* syariah perlu dilakukan di peringkat awal bagi mengelakkan kesalahan atau yang berpanjangan yang menyebabkan sukar diperbetulkan. Beliau menyatakan contoh bahawa terdapat kesalahan lebih caj wakalah dikenal pasti melalui *review* syariah. Akan tetapi, lebih caj wakalah ini telah berlaku dalam tempoh yang lama menyebabkan implikasi negatif kepada dana-dana takaful yang lain. Menurut beliau, lebih wakalah menyebabkan kekurangan dana risiko peserta dan akhirnya menyebabkan tiada surplus yang diperolehi oleh para peserta takaful dan SPT. Beliau turut mencadangkan bahawa setiap pegawai yang menjalankan *review* syariah perlu diberikan latihan dan silibus untuk memastikan kompetensi pegawai syariah tersebut semasa menjalankan proses *review* syariah²⁶⁵.

²⁶³ Omar Mohamed (Ketua, Bahagian Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

²⁶⁴ Muhammad Ilyas Mohd Mydin (Ketua Bahagian Syariah Hong Leong MSIG Takaful).

²⁶⁵ Najihah Ali (Pegawai Eksekutif Syariah *Review* Sunlife Malaysia Takaful).

Dapatan analisis data temu bual menunjukkan 18 petikan daripada temubual informan kajian yang menyatakan pendekatan *review* syariah dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia²⁶⁶. Ini menunjukkan *review* syariah digunakan untuk dua proses iaitu pertama, untuk mengenal pasti sebarang elemen-elemen atau isu-isu ketidak patuhan syariah dalam operasi SPT dan kedua, untuk mengawal dan mengelakkan sebarang isu-isu keterdedahan risiko syariah daripada berlaku berulang-ulang. Selanjutnya, proses tadbir urus syariah yang digunapakai untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah ialah audit syariah.

2.11.2 Pengauditan Syariah

Rangka kerja tadbir urus syariah BNM menjelaskan bahawa audit syariah merujuk kepada penilaian secara berkala yang dilakukan dari semasa ke semasa. Audit syariah dijalankan secara penilaian bebas (*independent*) bermatlamatkan untuk menambah baik dan mengukuhkan sistem kawalan syariah²⁶⁷. Audit syariah perlu dijalankan secara minimum setahun sekali untuk mengesahkan fungsi operasi SPT adalah selaras dengan pematuhan syariah. Rangka kerja tadbir urus syariah BNM juga menunjukkan rang kerja asas dalam audit syariah iaitu pertama, audit syariah perlu memastikan pengukuhan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman pematuhan syariah. Kedua, auditor syariah perlu menilai kecukupan proses tadbir urus syariah dalam seluruh operasi dan aktiviti SPT. Ketiga, auditor syariah perlu menjalankan audit pematuhan dalam struktur organisasi, kakitangan dan aplikasi sistem teknologi maklumat dan yang terpenting ialah audit terhadap penyata kewangan SPT²⁶⁸.

²⁶⁶ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui *Review* Syariah. Lihat lampiran B10.1, B10.2, B10.3 dan B10.4.

²⁶⁷ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institution*, 23.

²⁶⁸ *Ibid.*

2.11.2.1 Objektif dan Kriteria Audit Syariah

Review syariah dan audit adalah dua proses tadbir urus syariah yang berbeza. *Review* syariah yang dijalankan oleh pegawai syariah SPT hanya menumpukan penilaian terhadap patuh syariah. Manakala, audit syariah menilai sejauhmanakah kebenaran dan kesaksamaan khususnya dalam perakaunan dan penyataan kewangan mengenai pematuhan syariah. Dengan erti kata yang lain, audit syariah untuk memastikan aktiviti dan laporan kewangan SPT adalah mematuhi keperluan pematuhan syariah. Perenggan 2 Auditing Standard for Islamic Financial Institutions (ASIFI) menyatakan;

“The objective of an audit of financial statement is to enable the auditor to express an opinion as to wheather the financial statements are prepared, in all material respects, in accordance with the Shariah rules and principles, the accounting standards of the Accounting and Auditing Organization of Islamic Financial Institutions and relevant national accounting standards and practices in the country in which the financial institution operates.”

Pematuhan syariah dalam SPT berdasarkan resolusi syariah JKS SPT dan MPS BNM. Standard perakaunan dan laporan kewangan adalah berbeza antara satu Negara dengan Negara yang lain. Terdapat standard perakaunan dan laporan kewangan di peringkat global contohnya AAOIFI yang memperincikan mengenai keperluan laporan kewangan IKI. Bagaimanapun, The Malaysian Institute of Accountants (MIA) turut mengeluarkan garis panduan audit dalaman sebagai rujukan dan panduan auditor dalaman bagi mana-mana syarikat dan organisasi termasuklah IKI. Disebabkan ketiadaan garis panduan yang jelas mengenai audit syariah dalam IKI, proses audit syariah dalam SPT bergantung kepada auditor syariah yang dilantik SPT masing-masing.

2.11.2.2 Metodologi dan Rangka Kerja Audit Syariah

Proses audit syariah berdasarkan rangka kerja tadbir urus syariah BNM²⁶⁹ dan *Guidelines on Internal Audit Function of Licensed Institution* BNM²⁷⁰. Metodologi audit syariah merangkumi pertama, memahami dan mendalami operasi urusniaga SPT dan skop audit syariah dalam SPT. Kedua, mengenal pasti elemen-elemen risiko syariah yang terdapat dalam operasi SPT. Ketiga, membangunkan prosedur pelan shariah audit. Keempat, membangunkan sampel audit dan polisi pengujian dan kelima, melaporkan dapatan audit syariah dan penarafan audit syariah²⁷¹.

2.11.2.3 Kategori Audit Syariah

Audit syariah boleh dilakukan mengikut kategori tertentu atau digabungkan dengan pelbagai kategori. Antara kategori atau jenis audit syariah seperti berikut:

Pertama, audit Syariah berdasarkan Bahagian atau Jabatan tertentu. Audit syariah boleh dijalankan dengan mengkhususkan kepada bahagian tertentu contohnya menjalankan audit syariah kepada bahagian pelaburan. Auditor syariah akan mengenai hal ehwal aspek pelaburan dalam SPT sahaja untuk tempoh audit syariah tersebut²⁷².

Kedua, audit syariah terhadap pembangunan atau pra pelancaran produk kewangan. Audit syariah boleh menjalankan audit syariah khususnya sebelum produk takaful tersebut ditawarkan dalam pasaran. Audit syariah ini meliputi reka bentuk dan proses pembangunan produk yakni proses penilaian pembentukan produk sebelum

²⁶⁹ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institution*, 23-25.

²⁷⁰ Bank Negara Malaysia, *Guidelines on Minimum Audit Standards for Internal Auditor of Financial Institutions*. (Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, 2003), 1-64.

²⁷¹ Achene Lahsasna, *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance* 149.

²⁷² *Ibid.*

ditawarkan dalam pasaran dan penilaian perakuan daripada JKS sebelum berada dalam pasaran²⁷³.

Ketiga, audit syariah pasca pelaksanaan produk. Audit syariah ini dilakukan untuk menilai sejauhmana pelaksanaan dan implementasi produk takaful dalam pasaran setelah disertai oleh peserta takaful sama ada telah dijalankan mengikut aspek pematuhan syariah. Penilaian audit syariah ini contohnya bagaimanakah pelaksanaan akad kontrak yang telah dipersetujui dalam pasaran dan adakah pelaksanaan kontrak takaful tersebut memenuhi keperluan pematuhan syariah²⁷⁴.

2.11.2.4 Proses Pengauditan Syariah

Proses audit syariah melibatkan beberapa langkah yang utama meliputi perancangan dan dokumentasi audit syariah, meneliti dan menilai hasil *review* syariah, melaporkan hasil audit syariah dan tindakan susulan. Proses merancang dan dokumentasi audit syariah merupakan langkah pertama dalam pengauditan syariah dengan menjelaskan objektif dan skop audit syariah. Pihak auditor syariah perlu mengumpulkan dokumen-dokumen berkaitan audit syariah seperti resolusi syariah Jawatankuasa Syariah, hasil *review* syariah terdahulu dan kini, manual syariah dan apa sahaja dokumen melibatkan pematuhan syariah dalam SPT. Pihak auditor syariah turut perlu menentukan apakah keperluan-keperluan untuk menjalankan audit syariah. Bagi memudahkan proses audit syariah, pihak auditor boleh mendapatkan maklumat dan kerjasama daripada Pegawai Syariah SPT yang menjalankan *review* syariah sebelum ini. Pihak auditor juga boleh menjalankan penyelidikan awal dengan menemu bual dan menjalankan soal selidik untuk mendapatkan maklumat aspek-aspek yang terdedah kepada ketidak patuhan syariah. Setelah maklumat, dokumen dan data-data asas ini diperolehi, barulah pihak

²⁷³ *Ibid.*, 150.

²⁷⁴ *Ibid.*

auditor syariah boleh memulakan audit syariah ini secara sepenuhnya. Selain itu, pihak auditor perlu memaklum kategori atau ruang lingkup audit syariah yang dijalankan dan perlu mendapatkan kelulusan daripada JKS SPT²⁷⁵.

Seterusnya, pihak auditor syariah juga perlu menilai hasil *review* syariah yang telah dijalankan sebelum audit syariah ini. Pihak auditor perlu mengumpulkan maklumat seperti dokumen, menjalankan pemerhatian dalam operasi sebenar SPT, meneliti hasil *review* syariah terdahulu, merujuk dan menjalankan soal selidik kepada kakitangan bahagian operasi dan membincangkan hasil audit syariah ini dengan pihak pengurusan SPT sendiri. Kesemua maklumat semas proses audit syariah perlu dikumpulkan dengan baik sebagai pembuktian dapatan hasil audit syariah yang dilakukan. Auditor syariah turut perlu menyediakan kertas kerja yang bagi memaparkan dan membentangkan hasil dapatan auditor syariah. Hasil auditor syariah ini perlu dinilai dan dibincangkan untuk memastikan agar hasil dapatan audit syariah telah benar-benar mencapai objektif audit syariah²⁷⁶.

Proses audit syariah yang selanjutnya ialah melaporkan hasil audit syariah. Hasil laporan audit syariah perlu diserahkan kepada pihak-pihak tertentu yakni Lembaga Pengarah SPT, JKS dan Pihak Pengurusan SPT. Pihak auditor akan membuat perbincangan secara terperinci dengan ketua dan ahli-ahli auditor syariah bagi memastikan dapatan audit syariah benar-benar memenuhi objektif audit syariah. Audit syariah ini turut perlu menjelaskan kesimpulan dan cadangan membetulkan atau menambah baik hasil dapatan audit syariah. Secara asasnya, laporan audit syariah perlu merangkumi objektif, skop, dapatan, pandangan dan cadangan pihak auditor, tindakan pembetulan atau penambahbaikan pihak yang telah diaudit dan maklum balas daripada

²⁷⁵ Zurina Shafii, Supiah Salleh dan Syahidawati Hj Shahwan, "Management of Shariah Non-Compliance Audit Risk in the Islamic Financial Institution via the Development of Shariah Compliance Audit Framework and Shariah Audit Programme," *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 3-2 (March 2010), 13.

²⁷⁶ *Ibid.*, 13-14.

pihak yang diaudit. Sekiranya terdapat keraguan atau ketidak jelasan terutamanya mengenai tafsiran aspek-aspek pematuhan syariah, pihak auditor perlu mendapatkan penjelasan dan khidmat nasihat daripada JKS SPT. Proses audit syariah yang terakhir ialah menjalankan tindakan susulan atau penyelidikan lanjut yakni pihak audit syariah akan menjalankan penelitian semula khususnya aspek-aspek yang ditumpukan dalam dapatan audit syariah bagi memastikan pihak yang diaudit melakukan respon atau maklum balas mengenai perkara yang telah diaudit sekali gus mengelakkan daripada isu-isu ketidak patuhan syariah atau kekurangan dalam aspek pematuhan syariah tidak berlaku semula²⁷⁷.

Secara keseluruhannya, audit syariah dalam SPT di Malaysia masih di peringkat awal dan pembangunan sedikit demi sedikit. BNM melalui rangka kerja tadbir urus syariah hanya menunjukkan garis panduan asas sahaja mengenai audit syariah dalam IKI. Oleh hal yang demikian, SPT sebagai salah sebuah IKI di Malaysia, perlu membangunkan struktur audit syariah mengikut kreativiti dan kebijaksanaan SPT masing-masing bagi memastikan audit syariah ini boleh menggunakan sebagai salah satu alat menangani keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT²⁷⁸.

Dalam realiti praktis audit syariah dalam operasi SPT, Muhamad Faisal Ashaari memaklumkan pendekatan audit syariah digunakan untuk mengenal pasti sebarang kelemahan aspek patuh yang menyebabkan keterdedahan untuk terjadi insiden risiko syariah. Bagaimanapun, beliau mengulas bahawa dapatan audit syariah kebiasaannya tidak melibatkan implikasi yang besar contohnya hanya sekadar isu-isu yang minor seperti kesalahan perterjemahan dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dan menambah baik aspek pematuhan syariah yang lain dan isu terdapat kakitangan yang

²⁷⁷ *Ibid.*, 14.

²⁷⁸ Sheila Aion Yussof, Prospects Of A Shari'ah Audit Framework For Islamic Financial Institutions In Malaysia, *Islam and Civilisational Renewal* 4, no. 1 (Januari 2013), 97-98.

tidak mengikut prosedur standard operasi semasa menjalankan tugas mereka menyebabkan terdedahan untuk berlaku kesalahan berkaitan pematuhan syariah²⁷⁹. Ismanizam Ismail turut menerangkan praktis audit syariah dalam SPT dengan menyatakan bahawa audit syariah merupakan salah satu daripada audit tahunan yang dijalankan di SPT yang melibatkan pemerhatian dokumen dan segala operasi dalam SPT. Hasil audit syariah ini akan digunakan untuk menambah baik pematuhan syariah contohnya beliau menjelaskan bahawa hasil audit syariah terkini akan dibandingkan hasil audit syariah sebelum ini. Jika masih terdapat insiden-insiden risiko syariah yang masih berlaku, maka pihak auditor perlu mencari kelemahan atau sebab berlaku insiden risiko syariah tersebut berlaku berulang kali. Salah satu aspek yang biasa diperkukuhkan ialah standard prosedur operasi untuk mengelakkan insiden risiko syariah daripada berlaku berulang kali²⁸⁰. Beliau mengulas lanjut bahawa hasil audit syariah ini akan dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit SPT untuk tindakan lanjut seperti mengarahkan tindakan susulan kepada pihak yang diaudit dan rujukan untuk audit syariah pada masa akan datang. Pada masa yang sama, Ismanizam Ismail turut mengakui bahawa terdapat kelemahan khususnya dari segi kepakaran auditor syariah. Kebiasaanya, auditor syariah mempunyai kepakaran dari audit konvensional tetapi tidak mempunyai kemahiran dalam pengetahuan pematuhan syariah²⁸¹.

Sementara itu, Mohd Ridwan Roslan mengulas lanjut bahawa SPT mempunyai dua peringkat yakni pertama, audit yang menjalankan audit secara menyeluruh termasuklah audit syariah bagi keseluruhan operasi kumpulan SPT. Kedua, audit yang dijalankan khusus mengenai sejauhmanakah standard prosedur operasi diikuti dalam operasi dan aktiviti SPT. Selain itu juga, beliau menyatakan bahawa SPT turut diaudit

²⁷⁹ Muhamad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful).

²⁸⁰ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Jabatan Syariah MAA Takaful Berhad).

²⁸¹ *Ibid.* Penjelasan lanjut dalam audit syariah dibincangkan dalam subtopik dalam 5.17: “Isu Keterdedahan Risiko Syariah Berkaitan Kelemahan Pengauditan Syariah”.

daripada aspek pematuhan syariah oleh Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM). Kesemua proses audit ini dilakukan bagi memastikan pematuhan syariah dalam seluruh operasi SPT dan mengelakkan kelemahan operasi SPT dikesan semasa audit syariah dijalankan oleh auditor daripada BNM kerana ini akan memberi implikasi negatif terhadap imej dan reputasi SPT tersebut²⁸².

Dapatan analisis data menunjukkan hanya sebanyak 4 petikan daripada 3 informan kajian yang menyatakan bahawa audit syariah digunakan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT²⁸³. Maklum balas ini menunjukkan audit syariah sangat kurang digunakan untuk menguruskan risiko syariah berbanding *review* syariah. Keadaan ini adalah disebabkan audit syariah ini masih di peringkat percubaan oleh kebanyakan SPT di Malaysia. Selain itu, SPT di Malaysia berhadapan dengan masalah kekurangan kepakaran untuk menjalankan audit syariah ini. Pada masa yang sama, terdapat isu kelemahan pengauditan syariah yang mendedahkan insiden risiko syariah dalam SPT²⁸⁴.

2.12 Kesimpulan Bab

Secara teoritikalnya, keterdedahan risiko syariah dalam kewangan Islam begitu kompleks yakni disebabkan pelbagai kelemahan meliputi kelemahan tadbir urus, perundangan, resolusi syariah, pertikaian terhadap resolusi syariah dan pelbagai lagi. Oleh hal yang demikian, pihak SPT perlu mengenal pasti dan bersiap sedia dengan sebarang keterdedahan risiko syariah yang berlaku dalam SPT masing-masing. Begitu juga dengan pengurusan risiko syariah dalam IKI, masih belum terdapat model pengurusan risiko syariah seperti mana model pengurusan risiko kredit, risiko pelaburan,

²⁸² Mohd Ridwan Roslan (Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

²⁸³ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui Proses Pengauditan Syariah. Lihat lampiran B9.

²⁸⁴ Penjelasan lanjut mengenai kelemahan proses audit syariah dijelaskan dalam subtopik dalam 5.17: “Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Pengauditan Syariah”.

risiko pengunderaitan dan lain-lain. Oleh sebab itu, pendekatan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah masih bergantung kepada tadbir urus syariah seperti peranan dan tanggungjawab JKS SPT, Bahagian Syariah SPT, kakitangan-kakitangan bahagian operasi, *review* syariah, audit syariah dan pelbagai lagi. Walau bagaimanapun, SPT mesti membangunkan struktur atau model pengurusan risiko syariah walaupun sedikit demi sedikit untuk memastikan sebarang keterdedahan risiko syariah boleh diuruskan dengan sebaiknya. Bab seterusnya akan menjelaskan mengenai pematuhan syariah dalam industri takaful pra dan pasca APKI 2013.

University of Malaya

BAB 3: PERUNDANGAN PEMATUHAN SYARIAH DALAM INDUSTRI TAKAFUL PRA DAN PASCA APKI 2013

3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan pematuhan syariah dalam industri takaful pra dan pasca APKI 2013. Semasa pra APKI 2013, industri takaful di Malaysia bergantung sepenuhnya kepada Akta Takaful 1984 dan resolusi syariah MPS BNM yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Kemudian diikuti penggazetan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM 2009). Pematuhan syariah dalam industri takaful pasca APKI 2013 berdasarkan APKI 2013 (APKI 2013) yang memansuhkan Akta Takaful 1984. Aspek perundangan merupakan elemen penting dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah khususnya dalam SPT. Ini berikutan kajian lepas menunjukkan keterdedahan risiko syariah dalam kewangan melibatkan kes pertikaian di mahkamah termasuklah denda dalam bentuk kewangan yang ditentukan oleh sistem perundangan sivil¹. Oleh yang demikian, penjelasan mengenai aspek perundangan begitu penting khususnya untuk melindungi dan menguruskan sebarang keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Huraian dalam bab ini tertumpukan kepada aspek pematuhan yang mengalami perubahan ketara selepas APKI 2013 ini digazetkan. Pasca APKI 2013, pematuhan syariah industri takaful masih lagi didasari oleh resolusi syariah MPS BNM. Oleh yang demikian, bab ini juga akan menjelaskan kaitan resolusi syariah dalam kewangan Islam dengan APKI 2013 yang telah mengukuhkan aspek pematuhan syariah dalam industri takaful. Bab ini turut menganalisis secara perbandingan perubahan pematuhan syariah semasa pra dan pasca APKI 2013.

¹ Lihat perbincangan kes-kes dalam perbankan Islam di Malaysia dan isu *shukūk* 2008 dalam bab 2 kajian ini.

3.2 Kewangan Islam dari Perspektif Perundangan di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah Negara yang unik berikutan mempunyai dua kerangka perundangan yakni undang-undang Inggeris atau dikenali sebagai *Common Law* dan undang-undang syariah. Undang-undang Inggeris diaplikasi dalam hampir semua situasi perundangan di mahkamah sivil di Malaysia kecuali melibatkan beberapa perkara berkaitan undang-undang syariah. Undang-undang syariah di Malaysia diperuntukan mengenai aspek perkahwinan dan perwarisan khusus bagi masyarakat Muslim di Malaysia. Bagaimanapun, aspek kewangan Islam mempunyai perbezaan kerana dikategorikan sebagai kewangan di bawah perlembagaan Malaysia². Ini bererti segala pertikaian mengenai kewangan Islam akan dibicarakan melalui mahkamah sivil.

Dengan kerjasama daripada pengawal selia yakni BNM dan badan perundangan, melalui Pelan Induk Sektor Kewangan Malaysia 2001-2010 menyediakan rangka tindakan bagi penubuhan sebuah mahkamah komersil Syariah dalam sistem kehakiman di Malaysia. Mahkamah komersil Syariah ditubuhkan bertujuan menangani isu undang-undang yang berkaitan dengan kewangan Islam. Disebabkan pembangunan pesat industri kewangan Islam di Malaysia, Jabatan Kehakiman telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu bahagian khas di bawah Mahkamah Sivil untuk mengendalikan kes berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Penubuhan mahkamah komersil ini khusus ini berdasarkan Arahan Amalan Bil. 1/2003 yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara pada ketika itu yakni Dato' Haidar Mohd Nor. Sejak tahun 2003, kes berkaitan kewangan Islam telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Bahagian Dagang

4. Mahkamah khusus ini yang dikenali sebagai Mahkamah Muamalat mula beroperasi pada Februari 2009 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur³.

² Zulkifli Hasan, *Shari'ah Governance in Islamic Banks* (Edinburgh Press: Edinburgh, 2012), 107.

³ Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain dan Adnan Yusof, "Penubuhan Dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat Di Malaysia: Isu Dan Cabaran," *Jurnal KANUN* 25, no. 1 (2013), 83-84.

Dalam konteks industri takaful di Malaysia, SPT di Malaysia memerlukan peruntukan perundangan yang komprehensif dan holistik bagi menyokong dan mengukuhkan rangka kerja perundangan industri takaful di Malaysia. Lakuna atau kelompongan dalam perundangan mendedahkan industri takaful kepada pertikaian. Contohnya, terdapat SPT yang enggan melaksanakan sesuatu praktis contoh penamaan dalam hibah bersyarat sekiranya tidak mempunyai peruntukan perundangan yang jelas mengenai praktis tersebut⁴. Sebarang pertikaian mengenai kewangan Islam termasuklah kontrak takaful dijalankan melalui perundangan sivil. Oleh sebab itu, peruntukan perundangan merupakan pendekatan utama yang diperlukan untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah khususnya berkaitan bidang kuasa tadbir urus syariah dan peruntukan berkaitan pematuhan terhadap resolusi syariah.

3.3 Pematuhan Syariah dalam Industri Takaful Pra dan Pasca APKI 2013

APKI 2013 telah digazetkan pada 22 Mac 2013 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2013. Akta ini mengandungi 18 bahagian, 291 peruntukan dan 16 jadual. APKI 2013 menunjukkan bahawa kerajaan telah menyahut pelbagai cadangan yang dilontarkan bagi memastikan tiada halangan atau kekangan perundangan bagi sistem muamalat secara Islam⁵. APKI 2013 adalah himpunan perundangan dan pengawalseliaan berkaitan institusi kewangan Islam seperti perbankan Islam, syarikat pengendali takaful (SPT), perbankan Islam antarabangsa, pengendali takaful antarabangsa, operator sistem pembayaran, pengeluar instrumen pembayaran kewangan Islam, broker takaful dan

⁴ Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz. "Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2, no.2 (2010), 67-100.

⁵ Pelbagai cadangan agar pindaan akta tertentu supaya tiada halangan menjalankan sistem muamalah Islam. Lihat, Abd. Jalil Borham, ed., *Sains Muamalah Islam di Malaysia*, ed. Ke-2 (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 188; Abdullah @ Alwi Haji Hassan (2008) turut mencadangkan agar Akta Takaful 1984 perlu dipinda dan diperlengkapkan lagi peruntutannya supaya lebih menepati keperluan pematuhan Syariah yang semakin berkembang pada masa kini. Lihat Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Akta Takaful 1984: Satu Analisa," dalam *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, eds. Asmak Ab Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 103-117.

penasihat kewangan Islam. APKI 2013 ini juga menyediakan perundangan dan pengawalseliaan terhadap sistem pembayaran dan pemerhatian kepada pasaran kewangan Islam dan pasaran pertukaran wang asing secara Islam.

Dengan adanya APKI 2013, maka Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 dimansuhkan dengan pengecualian tertentu⁶. Akta ini turut menggabungkan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 dan menggantikan kedua-dua perundangan tersebut bagi penambahbaikan sistem perundangan dan kecekapan industri kewangan Islam di Malaysia⁷. Objektif utama APKI 2013 ialah menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah melalui peranan BNM dengan memupuk keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan Islam, integriti, keteraturan fungsi pasaran wang Islam, pasaran pertukaran wang asing Islam, keselamatan, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran Islam. Aspek lain yang turut diberi perhatian ialah keadilan, kebertanggungjawaban dan pelakuan perniagaan institusi kewangan Islam yang professional. Dalam masa yang sama, BNM turut berusaha untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna perkhidmatan dan produk kewangan Islam melalui peruntukan APKI 2013⁸. APKI 2013 merupakan akta yang nyata dan jelas dirangka bermatlamatkan kestabilan kewangan Islam dan turut memastikan dalam pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam. Bab ini akan membandingkan perundangan semasa pra APKI 2013 dengan semasa pasca APKI 2013 serta mengenalpasti persamaan perbezaan dan penambahbaikan yang telah diperuntukan dalam APKI 2013.

⁶ Seksyen 282, 283, 284 dan 285 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (Akta 759).

⁷ Ruzian Markom, "Ulasan Perundangan: Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013," *KANUN* 25, no. 1 (2013), 153.

⁸ Seksyen 6 APKI 2013.

3.4 Takaful dan Perniagaan Takaful

APKI 2013 mendefinisikan takaful sebagai suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang perlu dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu⁹.

Akta Takaful 1984¹⁰ dan APKI 2013 juga mempunyai persamaan dalam mentafsirkan maksud “perniagaan takaful” melalui pendefinisan berdasarkan operasi SPT itu sendiri termasuklah jenis perniagaan takaful perpaduan keluarga atau takaful keluarga, takaful am, perniagaan takaful berkaitan ejen dan takaful semula. Bagaimanapun, APKI 2013 lebih memperincikan maksud perniagaan takaful dengan menambahbaik berkaitan pentadbiran, pengurusan dan operasi kumpulan wang takaful untuk peserta takafulnya yang menambahkan pendefinisan “perniagaan takaful” dengan elemen pelaburan, simpanan dan juga perniagaan takaful semula dan istilah mengenai menjalankan “perniagaan takaful” juga meliputi keseluruhan atau mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 5(4)(a) APKI 2013¹¹.

Jadual 3.1: Perbandingan Definisi Takaful Berdasarkan Akta Takaful 1984 dan APKI 2013

	Akta Takaful 1984	APKI 2013
Konsep saling membantu	“persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama”	“pertolongan secara bersama”
Kewujudan Tabungan dan Dana	Tiada dinyatakan tabungan atau dana.	“menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama”
Tujuan manfaat takaful	“bantuan kewangan kepada peserta” sahaja.	“Peserta dan benefisiari”
Situasi pembayaran takaful	“jika diperlukan”.	“pembayaran bantuan kewangan diperlukan

⁹ Seksyen 3 APKI 2013.

¹⁰ Pentafsiran berkaitan perniagaan takaful. Lihat seksyen 3 Akta Takaful 1984 (Akta 312).

¹¹ Pentafsiran berkaitan perniagaan takaful dalam APKI 2013. Lihat seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759) dan perincian lihat seksyen 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

Jadual 3.1, sambungan

		apabila berlaku kejadian yang telah dipersetujui”
--	--	---

Berdasarkan jadual 3.1 menunjukkan terdapat penambahan dalam pendefinisian takaful melalui APKI 2013 yang memperincikan berkaitan tabungan dalam kontrak takaful, tujuan manfaat takaful dan situasi pembayaran takaful.

Perbezaan pentakrifan “takaful” dan “perniagaan takaful” dalam Akta Takaful 1984 dan APKI 2013 tidak dilihat sebagai suatu yang bertentangan tetapi merupakan pendefinisian “takaful” yang terkini dalam APKI 2013 bertujuan menambahbaik daripada aspek istilah takaful dan perniagaan takaful itu sendiri bersesuaian agar dengan situasi sebenar industri takaful semasa di Malaysia.

3.5 Pematuhan Syariah, Tadbir Urus Syariah dan Pengauditan Syariah

Bahagian IV APKI 2013 ini menyatakan mengenai kehendak syariah dalam industri kewangan Islam secara keseluruhannya. Umumnya, industri takaful merupakan sebahagian daripada industri kewangan Islam. Oleh hal yang demikian, industri takaful tertakluk kepada kehendak syariah yang dinyatakan dalam bahagian IV APKI 2013. Bahagian IV APKI 2013 mengenai kehendak syariah ini dibahagikan kepada 3 penggal iaitu penggal 1 mengenai pematuhan syariah, penggal 2 mengenai tadbir urus syariah dan penggal 3 mengenai audit pematuhan syariah.

3.5.1 Pematuhan Syariah

Peruntukan perundangan APKI 2013 ini menggunakan istilah “institusi” yang merujuk kepada orang yang diberi kuasa atau pengendali sistem pembayaran yang ditetapkan yang juga merangkumi SPT¹². Berdasarkan seksyen 7(2) APKI 2013 pula, bidang kuasa

¹² Seksyen 27 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

MPS BNM masih kekal dan terpakai melalui bidang kuasa BNM sepertimana ABNM 2009. Tambahan lagi, APKI 2013 ini dilihat bertujuan menambahbaik dan mengukuhkan pematuhan SPT terhadap resolusi syariah yang diputuskan oleh MPS BNM¹³. Selanjutnya, seksyen 28(2) APKI 2013 secara jelas memberi maksud pematuhan terhadap resolusi dan keputusan yang dikeluarkan oleh MPS BNM sahaja dianggap mematuhi syariah¹⁴. Hal ini menunjukkan maksud yang jelas gambaran bahawa resolusi syariah dalam kewangan Islam oleh MPS BNM merupakan penanda aras dalam pematuhan syariah institusi kewangan Islam meliputi SPT. Selain itu, seksyen 28(4) APKI 2013 ini turut memberi kuasa kepada MPS melalui BNM untuk menilai pelan perancangan institusi kewangan Islam dalam menguruskan ketidakpatuhan syariah dalam perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi masing-masing¹⁵. Tindakan BNM memberi ruang dan peluang institusi kewangan Islam termasuk SPT menunjukkan galakan serta peluang yang diberikan BNM untuk menguruskan insiden syariah dengan menggalakkan SPT mempunyai bahagian syariah dalaman yang kukuh yang berdikari. Bahagian syariah dalaman SPT bukan sahaja perlu mengikut resolusi dan keputusan MPS BNM sahaja malahan perlu menjalankan penyelidikan mengenai isu dan permasalahan syariah yang timbul di institusi masing-masing.

Aspek pematuhan syariah dalam APKI 2013 merupakan suatu elemen yang baru dalam perundangan berkaitan kewangan Islam. Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai pandangan mengenai jangkaan implikasi terhadap aspek pematuhan syariah pasca APKI 2013. Rusni Hassan dan Safinar Salleh menjelaskan bahawa APKI 2013 memberi implikasi positif dan negatif dalam aspek pematuhan syariah. Berdasarkan

¹³ *Ibid.*, seksyen 7(2).

¹⁴ *Ibid.*, seksyen 28(2).

¹⁵ *Ibid.*, seksyen 28(4).

Seksyen 29(1) APKI 2013, pematuhan syariah dalam APKI 2013 hanya menerima keputusan dan resolusi syariah daripada MPS BNM sahaja yang diiktiraf sebagai patuh syariah dalam industri kewangan Islam di Malaysia¹⁶. Oleh yang demikian, Rusni Hassan dan Safinar Salleh berpendapat bahawa peruntukan ini telah menyekat kebebasan dan ruang berijtihad oleh Jawatankuasa Syariah (JKS) di peringkat SPT itu sendiri. Pada masa yang sama juga, peruntukkan bahawa hanya keputusan MPS BNM sahaja dianggap patuh sahaja akan menyebabkan standard dan kesaksamaan dalam praktis patuh syariah industri kewangan Islam sekaligus memudahkan masyarakat awam memahami dan menyakini industri kewangan Islam termasuk industri takaful¹⁷. Selain itu, dengan kebebasan menguruskan risiko syariah di peringkat dalaman memerlukan SPT mempunyai rangka kerja tadbir urus syariah dalaman yang baik bagi mengenal pasti dan menguruskan sebarang insiden risiko yang berlaku di SPT masing-masing. Kegagalan menguruskan risiko syariah ini jelas mendatangkan kesan buruk terhadap institusi kewangan Islam itu sendiri dengan pelbagai hukuman dan tindakan yang akan dikenakan berdasarkan APKI 2013¹⁸.

3.5.2 Tadbir Urus Syariah

Peruntukan berkaitan tadbir urus syariah dinyatakan dalam penggal 2 bahagian IV APKI 2013. Tadbir urus syariah dalam APKI 2013 mengkhususkan tadbir urus syariah melibatkan JKS di peringkat dalaman SPT. Tadbir urus syariah berkaitan JKS lebih jelas dalam APKI 2003 berbanding Akta Takaful 1984 dan ABNM 2009. Istilah JKS disebut secara langsung dalam penggal 2 bahagian IV iaitu berkaitan tadbir urus syariah bermula daripada seksyen 30 hingga seksyen 36 APKI 2013. Sebelum APKI 2013, aspek tadbir

¹⁶ *Ibid.*, seksyen 29(1).

¹⁷ Rusni Hassan dan Safinar Salleh, Pematuhan Syariah Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 Dan Cabaran Semasa Dalam Operasi Takaful (Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali Ke-9, 11th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2014, Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre, 4 November 2014), 4.

¹⁸ *Ibid.*

urus syariah khususnya dalam industri takaful hanya dijelaskan secara umum dalam Seksyen 53A(1) Akta Takaful 1984¹⁹. Seterusnya, perundangan berkaitan tadbir urus syariah ini ditambah baik lagi dengan ABNM 2009 melalui seksyen 54 yang menjelaskan penubuhan urus setia Majlis Penasihat Shariah namun masih tidak jelas dan kabur mengenai fungsi urus setia ini secara khusus²⁰. Setelah APKI 2013 diperkenalkan, aspek tadbir urus syariah dihuraikan dengan lebih khusus dan terperinci bermula dengan Seksyen 30 APKI 2013 yang mengarahkan pihak institusi kewangan Islam perlu memohon terus kepada BNM untuk menubuhkan JKS²¹. Ini turut bertujuan membolehkan BNM mendapatkan maklumat secara jelas dan terperinci mengenai setiap profil termasuklah latar belakang pendidikan, pengetahuan dan pengalaman ahli-ahli JKS dalam bidang kewangan Islam dan seterusnya memastikan pengawalseliaan yang baik dilakukan oleh ahli-ahli JKS yang dilantik oleh institusi kewangan Islam.

Selain itu, APKI 2013 turut memperincikan mengenai kriteria pemilihan ahli-ahli JKS yang berkeelayakkan. Akta ini telah menunjukkan standard yang jelas dalam pemilihan ahli-ahli JKS iaitu berdasarkan seksyen 31 APKI 2013²² dan perinciannya dalam seksyen 29(2)(a)(ii) APKI 2013²³. Pemilihan ini seterusnya perlu disahkan secara bertulis oleh BNM sepertimana peruntukan Seksyen 31 APKI 2013. Seksyen 31 APKI 2013 ini bertujuan agar setiap ahli yang dilantik untuk sebagai JKS dalam institusi kewangan Islam seperti SPT memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh BNM²⁴. Klausula perundangan berkaitan kriteria pemilihan ahli-ahli JKS untuk memastikan ahli-ahli JKS yang dilantik adalah kompeten yang mampu memastikan dan mengawalselia setiap produk dan perkhidmatan kewangan Islam adalah patuh syariah.

¹⁹ Seksyen 53A(1) Akta Takaful 1984 (Akta 312).

²⁰ seksyen 54 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701).

²¹ Seksyen 30 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

²² *Ibid.*, seksyen 31.

²³ *Ibid.*, seksyen 29(2)(a)(ii).

²⁴ *Ibid.*, Seksyen 31.

Selanjutnya, perincian berkaitan tadbir urus syariah mengenai kewajipan dan fungsi JKS sepertimana seksyen 32 APKI 2013 iaitu berdasarkan standard tugas dan fungsi yang ditetapkan oleh BNM²⁵. APKI 2013 ini juga bukan hanya memberi tanggungjawab tadbir urus kepada Jawatan Syariah semata-mata malah meliputi Lembaga Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan lain yang terlibat dalam institusi kewangan Islam sepertimana 29(2)(a)(i)²⁶. Lembaga Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan lain yang terlibat dalam institusi kewangan Islam merupakan sebagai sistem perlindungan dan sistem pertahanan pematuhan syariah dalam industri takaful²⁷. Namun, fungsi dan kewajipan lembaga pengarah dan pegawai kanan ini tidak dinyatakan terus dalam APKI 2013. Seterusnya, seksyen 33 dan seksyen 34 APKI 2013 ini mempunyai perbezaan ketara dengan peruntukan perundangan sebelum ini berkaitan industri takaful termasuklah Akta Takaful 1984 dan ABNM 2009. Seksyen 33 dan seksyen 34 APKI 2013 memperuntukan ahli-ahli JKS boleh berhenti atau dikeluarkan daripada ahli JKS atas sebab-sebab tertentu berdasarkan peruntukan perundangan²⁸. Peruntukan perundangan ini dilihat bertujuan untuk memastikan hanya ahli-ahli JKS yang benar-benar layak sahaja menjadi JKS dan terdapat situasi tertentu yang akan menyebabkan ahli-ahli JKS diberhentikan daripada jawatan tersebut. Ini menunjukkan komitmen BNM untuk memastikan kelayakkan ahli-ahli JKS supaya berpengetahuan luas dan mendalam serta sentiasa dikemaskini dengan pengetahuan dan pengalaman berkaitan isu semasa pematuhan syariah semasa untuk memastikan pematuhan syariah dalam institusi kewangan Islam semasa yang semakin kompleks²⁹.

²⁵ *Ibid.*, seksyen 32.

²⁶ *Ibid.*, seksyen 32.

²⁷ Ahcene Lahsasna, *Shari'ah Non-Compliant Risk Management and Legal Documentation in Islamic Finance* (Singapore: Wiley, 2014), 102.

²⁸ *Ibid.*, seksyen 33 dan seksyen 34.

²⁹ Surianom Miskom dan Muhammad Amrullah Nasrul, "Shariah Governance in Islamic Finance: The Effects of The Islamic Financial Services Act 2013" (Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge (WCIK 2013), Langkawi, Malaysia, 25-26 November 2013), 460.

JKS memerlukan maklumat yang mendalam mengenai setiap aktiviti, transaksi dan operasi yang dijalankan oleh SPT untuk mengawalseliaan dan memastikan setiap aktiviti yang dijalankan adalah patuh syariah. Oleh yang demikian, seksyen 35 APKI 2013 telah memperuntukan bahawa setiap institusi kewangan Islam perlu menyediakan maklumat yang berkaitan kepada JKS untuk membolehkan JKS menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka berkaitan pematuhan syariah³⁰. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas mengenai jenis dan sejauhmana data dan maklumat yang perlu diberikan kepada JKS. Namun, ini memberi maksud bahawa maklumat perlu diberikan secara mendalam dan telus selagimana ianya berkaitan dengan keperluan JKS bagi menjalankan tanggungjawab dalam pematuhan syariah. Ini sekaligus menunjukkan komitmen BNM untuk memastikan aspek pematuhan syariah dalam institusi kewangan Islam termasuklah SPT.

Segala maklumat yang berkaitan dengan operasi dan urusan SPT perlu diberikan secara telus termasuklah maklumat-maklumat yang dianggap sulit. Bagaimanapun, maklumat sulit tersebut tidak boleh diberitahu kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan³¹. Maklumat yang mencukupi dan telus berkaitan operasi dan urusan SPT ini penting agar setiap operasi dan urusan SPT boleh dinilai dan dipantau daripada aspek pematuhan syariah. Bagi memastikan kecekapan JKS dalam memantau pematuhan syariah, ahli-ahli JKS turut dilindungi oleh undang-undang tertentu iaitu JKS tidak boleh diambil tindakan oleh mana-mana institusi kewangan Islam selagimana menjalankan tanggungjawab secara betul dalam memastikan pematuhan syariah institusi kewangan Islam. Seksyen 36 APKI 2013 ini juga memperuntukan bahawa JKS akan diberi perlindungan agar mereka tidak menanggung sebarang tuntutan daripada pihak institusi kewangan Islam selagimana keputusan dan

³⁰ Seksyen 35 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

³¹ *Ibid.*, seksyen 36.

tindakan dilakukan dengan tujuan baik atau istilah “suci hati”³². Ini bagi memastikan JKS dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik dan telus serta menghilangkan kebimbangan mengenai tindakan perundangan terhadap yang mungkin dikenakan kepada mereka semasa menjalankan tanggungjawab berkaitan pematuhan syariah. Ini menunjukkan penekanan aspek kebebasan dan *independent* JKS dalam menjalankan tanggungjawab memantau berkaitan pematuhan syariah. IFSB pada 2009 telah menyatakan bahawa elemen kebebasan atau *independent* ini merupakan salah satu elemen penting dalam tadbir urus syariah³³. Rusni Hassan dan Safinar Salleh pula berpendapat bahawa JKS mempunyai keistimewaan dan pengecualian tertentu dalam pematuhan syariah dan tadbir urus syariah. Ini kerana tiada hukuman yang ditetapkan sekiranya JKS SPT gagal dalam aspek tadbir urus syariah dan hanya akan dikenakan hukuman sekiranya secara jelas melakukan ketidakpatuhan syariah. Ini bererti JKS tidak terdedah dengan sebarang tindakan sekiranya kegagalan dalam tadbir urus syariah sehinggalah BNM memutuskan satu bentuk hukuman yang jelas berkaitan kegagalan tadbir urus syariah tersebut³⁴. Ketiadaan peruntukan perundangan mengenai hukuman kepada JKS sekiranya berlaku kegagalan tadbir urus syariah menunjukkan masih lagi membuka ruang-ruang ijtihad atau interpretasi di kalangan JKS SPT contohnya dalam isu permasalahan syariah yang belum diputuskan oleh MPS BNM³⁵. Fasal peruntukan undang-undang mengenai tadbir urus syariah merupakan antara ciri-ciri utama yang diperkenalkan dalam APKI 2013 yang mengukuhkan bidang kuasa BNM sebagai

³² *Ibid.*

³³ IFSB, *Guiding Principle on Governance For Takaful (Islamic Insurance) Undertaking*. Kuala Lumpur: IFSB, 2009), 13; Bank Negara Malaysia, Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 15.

³⁴ Rusni Hassan dan Safinar Salleh, *Pematuhan Syariah Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 Dan Cabaran Semasa Dalam Operasi Takaful*, 5-6.

³⁵ Terdapat perbincangan berkaitan pematuhan syariah yang dibincangkan di peringkat dalaman SPT kerana ketiadaan resolusi dan keputusan syariah yang dikeluarkan oleh MPS BNM. Contohnya pembayaran insentif berjumlah tertentu bagi kontrak takaful keluarga yang tidak membuat sebarang tuntutan. Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis, 21 November 2014. Lihat juga, Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Bhd), dalam temubual dengan penulis, 4 December 2014.

pengawalselia utama dan peranan JKS di peringkat dalaman SPT. Objektif utama peruntukan mengenai tadbir urus syariah bagi mengukuhkan tadbir urus syariah dalam industri kewangan Islam termasuklah industri takaful di Malaysia.

Jadual 3.2: Perbandingan APKI 2013, ABNM 2009 dan Akta Takaful 1984 Berkaitan Tadbir Urus Syariah.

	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. (APKI 2013)	Akta Bank Negara Malaysia 2009. (ABNM 2009)	Akta Takaful 1984. (AT 1984)
Penubuhan MPS BNM	Sepertimana Akta Bank Negara Malaysia 2013 (seksyen 7(2) APKI 2013)	Seksyen 51 ABNM 2009	-
Tugas dan Peranan MPS BNM	Seksyen 29 APKI 2013	Seksyen 52 ABNM 2009	Seksyen 53A Akta Takaful 1984
Pelantikan Anggota MPS BNM	Sepertimana Akta Bank Negara Malaysia 2013 (seksyen 7(2) APKI 2013)	Seksyen 51 ABNM 2009	-
Pertikaian MPS BNM dan Jawatankuasa Syariah Dalaman	Sepertimana Akta Bank Negara Malaysia 2013 (seksyen 7(2) APKI 2013)	Seksyen 56, 57, 58 ABNM 2009	-
Penubuhan Jawatankuasa Syariah	Seksyen 30 APKI 2013	Menggunakan istilah urus setia Majlis Penasihat syariah (Seksyen 51 ABNM 2009)	Menggunakan istilah Badan Penasihat Syariah (seksyen 5(b) Akta Takaful 1984)
Pelantikan anggota jawatankuasa Syariah	Seksyen 31 APKI 2013	-	-
Kewajipan jawatankuasa Syariah dan anggotanya	Seksyen 32 APKI 2013	-	-
Pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Syariah	Seksyen 33 APKI 2013	-	-

Jadual 3.2, sambungan

	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. (APKI 2013)	Akta Bank Negara Malaysia 2009. (ABNM 2009)	Akta Takaful 1984. (AT 1984)
Notis pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Syariah	Seksyen 34 APKI 2013	-	-
Maklumat untuk diberikan kepada jawatankuasa Syariah	Seksyen 35 APKI 2013	-	-
Perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsiaan oleh Jawatankuasa Syariah	Seksyen 36 APKI 2013	-	-
Hukuman ke atas tidak mematuhi syariah	Seksyen 28(5) dan seksyen 29(6) APKI 2013	Seksyen 59(3) ABNM 2009	Seksyen 11(1)(a) Akta Takaful 1984
Pengurusan pematuhan syariah	Seksyen 28 APKI 2013	Seksyen 55 dan 59 ABNM 2009	-

Sumber: Akta Takaful 1984, Akta Bank Negara 2009, APKI 2013.

Berdasarkan jadual 3.2 menunjukkan perkara-perkara yang telah ditambahbaik dalam perundangan tadbir urus syariah industri takaful. Bermula daripada Akta Takaful 1984, hanya tiga perkara sahaja yang disentuh berkaitan tadbir urus syariah. Pertama, tugas dan peranan MPS BNM iaitu mengenai tugas umum mereka seperti menasihati institusi kewangan Islam berkaitan pematuhan syariah. Kedua, Akta Takaful 1984 hanya menyatakan secara ringkas mengenai keperluan menubuhkan JKS dalam SPT. Ketiga, perkara terakhir dalam Akta Takaful 1984 mengenai menyatakan SPT boleh dibatalkan lesen pendaftaran sekiranya terdapat unsur-unsur yang tidak patuh syariah. Tiga perkara yang dinyatakan dalam Akta Takaful 1984 mula kelihatan mempunyai banyak kelonggan apabila industri takaful masuk ke fasa III iaitu tahun

2001 dan ke atas dengan penubuhan lebih banyak SPT. Hal ini menyebabkan pihak pengawalseliaan iaitu BNM telah menambahbaik struktur perundangan berkaitan tadbir urus syariah melalui peruntukan ABNM 2009.

Pembentukan Akta Bank Negara Malaysia ini bertujuan memenuhi kekurangan Akta Takaful 1984 khususnya mengenai peranan dan tanggungjawab MPS BNM. ABNM 2009 ini juga telah memberi kredibiliti kepada MPS BNM sebagai pihak berautoriti dalam memutuskan resolusi atau keputusan pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam. Seterusnya, APKI 2013 pula telah digazetkan sekali gus mengubah landskap perundangan kewangan Islam di Malaysia. Kewujudan APKI 2013 telah memansuhkan Akta Takaful 1984 dan Akta Bank Islam 1983 dengan pengecualian tertentu sepertimana seksyen 282 dan 283 APKI 2013. Setelah ABNM 2009 mengukuhkan kredibiliti MPS BNM, APKI 2013 pula menumpukan pengukuhan peranan dan tanggungjawab JKS Dalaman SPT. Pelbagai perincian diperuntukan dalam APKI 2013 ini termasuklah pelantikan, kewajipan, pemberhentian, imuniti, pemberian maklumat dan lain-lain lagi mengenai JKS dalaman. Ini ditambah lagi dengan kebenaran BNM kepada institusi kewangan Islam bagi menguruskan situasi apabila berlakunya ketidakpatuhan syariah. Penambahbaikan perundangan tadbir urus syariah ini menunjukkan usaha dan komitmen yang tinggi daripada pihak pengawalselia iaitu BNM bagi memastikan pematuhan syariah secara holistik sama ada di peringkat makro industri kewangan Islam oleh MPS BNM dan di peringkat mikro institusi kewangan Islam termasuklah SPT melalui JKS dalaman.

3.5.3 Pengauditan Syariah

Bahagian IV penggal 3 pula menjelaskan berkaitan audit pematuhan syariah dalam institusi kewangan Islam termasuklah industri takaful. Seksyen 37(1) APKI 2013 menyatakan SPT yang merupakan pihak institusi yang perlu melantik mana-mana orang

yang diluluskan BNM untuk menjalankan audit pematuhan syariah³⁶. Seksyen 37(2) APKI 2013 pula menyatakan pihak yang dilantik oleh SPT perlu menjalankan fungsi dan tanggungjawab pengauditan pematuhan syariah dan perlu mengemukakan laporan audit pematuhan syariah tersebut kepada BNM³⁷. Seterusnya, seksyen 37(3) mengenai perbelanjaan dan kos-kos menjalankan pengauditan pematuhan syariah ini perlu ditanggung oleh SPT dalam konteks industri takaful³⁸. Manakala, seksyen 37(4) menyatakan bahawa mana-mana pihak yang dilantik menjalankan audit pematuhan syariah tidak boleh menanggung kemungkiran kewajipan kerahsiaan dengan pihak SPT berkenaan apa sahaja laporan yang dikemukakan kepada BNM mengenai audit pematuhan syariah³⁹. Ini kerana pihak yang menjalankan audit pematuhan syariah bertanggungjawab mengemukakan laporan audit pematuhan syariah kepada pihak SPT sepertimana seksyen 37(2) APKI 2013. Oleh itu, seksyen 37(4) APKI 2013 merupakan perlindungan kepada pihak yang menjalankan audit pematuhan syariah untuk melaporkan secara telus dan bebas mengenai audit pematuhan syariah kepada BNM. Seksyen 37 APKI 2013 ini membincangkan mengenai pelantikan orang oleh SPT untuk menjalankan audit pematuhan syariah. Secara umumnya, pelantikan pihak audit pematuhan syariah oleh SPT itu sendiri menimbulkan persoalan adakah pihak yang dilantik oleh SPT mempunyai kebebasan dan ketelusan dalam mengaudit pematuhan syariah dalam SPT itu sendiri. Walaubagaimanapun, seksyen 38 APKI 2013 iaitu mengenai pelantikan orang oleh BNM untuk menjalankan audit pematuhan syariah dilihat mengimbangi kuasa SPT untuk melantik pihak yang menjalankan audit pematuhan syariah.

³⁶ Seksyen 37(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

³⁷ *Ibid.*, seksyen 37(2).

³⁸ *Ibid.*, seksyen 37(3).

³⁹ *Ibid.*, seksyen 37(4).

Seksyen 38(1) APKI 2013 menyatakan BNM boleh melantik mana-mana pihak untuk menjalankan audit pematuhan syariah terhadap SPT tanpa mengabaikan seksyen 37 APKI 2013 dalam 3 situasi. Pertama, sekiranya SPT gagal untuk melantik mana-mana pihak menjalankan audit pematuhan syariah terhadap SPT tersebut. Kedua, BNM boleh melantik mana-mana pihak sebagai tambahan kepada pihak yang dilantik oleh SPT sepertimana seksyen 37(1) APKI 2013. Ketiga, BNM juga boleh melantik mana-mana pihak untuk menjalankan audit pematuhan syariah sekiranya BNM merasakan wajar pelantikkan pihak lain bagi memenuhi aspek pematuhan syariah SPT. Sepertimana seksyen 37(3) APKI 2013, saraan dan perbelanjaan terhadap pihak yang dilantik BNM tetap akan ditanggung oleh SPT⁴⁰. Seksyen 38(2) pula mengenai kewajipan dan fungsi pihak yang dilantik oleh BNM untuk menjalankan audit pematuhan syariah mesti melaporkan kepada BNM⁴¹. Pihak yang dilantik oleh BNM juga tidak menanggung bagi kemungkinan kerahsiaan kepada SPT mengenai apa-apa yang dilaporkan BNM sepertimana diperuntukan dalam seksyen 38(3) APKI 2013⁴². Rusni Hassan dan Safinar Salleh menjangkakan peruntukan APKI 2013 berkaitan pematuhan syariah ini akan menyebabkan tadbir urus syariah bertambah berkesan dan sekaligus menambahbaik SPT itu sendiri. Akan tetapi, Rusni Hassan dan Safinar Salleh menekankan bahawa modal insan yang menguruskan pengauditan itu sendiri perlu dipastikan mempunyai etika dan semangat untuk meningkat tadbir urus syariah dalam SPT tersebut⁴³. Kajian Rusni Hassan dan Safinar Salleh ini dilihat turut menekankan status ketelusan dan “*independent*” pihak yang menjalankan audit syariah dalam menambahkan tadbir urus syariah di SPT.

⁴⁰ *Ibid.*, Seksyen 38(1)(a)(b)(c).

⁴¹ *Ibid.*, Seksyen 38(2).

⁴² *Ibid.*, Seksyen 38(3).

⁴³ Rusni Hassan dan Safinar Salleh, Pematuhan Syariah Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 Dan Cabaran Semasa Dalam Operasi Takaful, 6.

Jadual 3.3: Perbandingan Akta Takaful 1984, Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan APKI 2013 berkaitan Pengauditan Syariah.

	Akta Takaful 1984	Akta Bank Negara Malaysia 2009	APKI 2013
Peruntukan mengeluarkan garis panduan, surat pekeliling dan notis bertulis mengenai industri takaful	Seksyen 69 AT 1984	Seksyen 59(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009.	Seksyen 29 APKI 2013.
Hukuman terhadap Kegagalan mematuhi garis panduan, surat pekeliling dan notis bertulis daripada BNM.	-	Seksyen 59(3) Akta Bank Negara Malaysia 2009.	Seksyen 29(6) APKI 2013 dan seksyen 28(3) APKI 2013.
Garis panduan, surat pekeliling dan notis bertulis berkaitan pengauditan syariah.	-	<i>Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (2010)</i> ⁴⁴	
Peruntukan berkaitan Pengauditan Syariah.	-	-	Seksyen 37 dan 38 APKI 2013

Pengauditan merupakan aspek baru yang diperkenalkan dalam APKI 2013 bertujuan mengukuhkan tadbir urus syariah dalam takaful. Ini bererti, pengauditan syariah merupakan salah satu pendekatan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam industri takaful⁴⁵.

3.6 Pengurusan Dana Dalam Industri Takaful

Peruntukan berkaitan kumpulan wang takaful dan kumpulan wang pemegang syer dinyatakan dalam penggal 6 bermula daripada seksyen 90, 91, 92, 93, 94, 95 dan 96 APKI 2013. Secara dasarnya, peruntukan berkaitan kumpulan wang takaful dan kumpulan wang pemegang syer telah dipraktis sebelum daripada APKI 2013 digazetkan.

⁴⁴ Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, 23-25.

⁴⁵ Perbincangan lanjut. Lihat Bab 2: Pengauditan Syariah; Lihat juga Bab 5: Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Pengauditan Syariah SPT.

Seksyen 90 APKI 2013 telah mewajibkan SPT untuk menubuhkan dan menyelenggara satu dan lebih kumpulan wang takaful dalam operasi perniagaan SPT⁴⁶. Selanjutnya, seksyen 91 APKI 2013 menyatakan agar kumpulan wang takaful diasingkan daripada kumpulan wang pemegang syer untuk berbeza dana-dana tersebut secara jelas⁴⁷. Pengasingan kumpulan wang takaful dan kumpulan wang pemegang syer boleh diperincikan sepertimana berikut:

3.6.1 Kumpulan Wang Pemegang Syer

Dana wang pemegang syer ini ditubuh daripada modal operasi SPT sama ada modal berbayar atau modal bergerak⁴⁸. Dana kumpulan wang pemegang syer ini sangat penting yang merupakan dana utama operasi SPT. Ini bagi memastikan kewujudan kecairan dana SPT bagi memenuhi sebarang keperluan dalam industri takaful termasuklah pengurusan kos operasi, tenaga kerja, pembangunan sistem dan juga kemungkinan perlu menyalurkan dana secara *al-qard* kepada dana risiko peserta sekiranya dana tersebut berhadapan masalah defisit. Oleh yang demikian, MPS BNM dalam mesyuarat ke-102 bertarih 22 Jun 2010 telah memutuskan bahawa pengawal selia iaitu BNM boleh mewajibkan keperluan modal dalam operasi takaful berdasarkan pertimbangan bahawa dasar atau polisi yang digubal oleh pengawal selia ialah untuk memelihara kemaslahatan atau kepentingan awam dalam industri takaful⁴⁹.

Dana wang pemegang syer ini juga boleh diperolehi daripada yuran pengurusan yang dan apa sahaja suntikan modal kepada kumpulan wang pemegang syer ini. Pengkongsian lebih daripada dana risiko peserta turut boleh menjadi sumber

⁴⁶ Seksyen 90 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

⁴⁷ *Ibid.*, seksyen 91.

⁴⁸ Tobias Frenz dan Younes Soulhi, *Takaful and Retakaful: Advances Principles and Practices*. Ed ke-2 (IBFIM Munich RE: Kuala Lumpur, 2010), 134.

⁴⁹ Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 - 2011) (Kuala Lumpur; Bank Negara Malaysia, 2011), 11.

kewangan kepada kumpulan wang pemegang syer tetapi bergantung kepada model kontrak takaful dan kelulusan daripada Badan Penasihat Syariah⁵⁰.

3.6.2 Kumpulan Wang Takaful

Kumpulan wang takaful berasaskan kepada kontrak kerjasama dan bantu-membantu yang mana semua para peserta akan bersetuju untuk mencarum sejumlah wang untuk membantu para peserta yang ditimpa musibah. Dana risiko peserta ini turut diasingkan berdasarkan jenis kontrak takaful antaranya takaful keluarga individu, takaful kumpulan, takaful berkaitan pelaburan, takaful kebakaran, takaful motor dan lain-lain. Berdasarkan seksyen 92(1)(a) APKI 2013, semua wang yang diterima untuk tujuan kumpulan wang takaful mesti dimasukkan sebagai kumpulan wang takaful dan perlu diuruskan oleh SPT⁵¹. Peruntukan jumlah caruman tertentu daripada para peserta bertujuan kumpulan wang takaful merupakan sumber utama dalam memastikan kecukupan dana risiko peserta dan dana pelaburan peserta. Oleh itu, peruntukan yang jelas mengenai kumpulan wang takaful perlu bagi memastikan kecukupan dana terutamanya dana risiko peserta. Seksyen 92(1) (b), (c) dan (d) menyatakan bahawa SPT perlu menguruskan dana kumpulan wang takaful dengan menyelenggara dan menggunakan dana kumpulan wang takaful mengikut keperluan liabiliti dan perbelanjaan yang diperlukan mengikut kontrak takaful tersebut⁵². Manakala, seksyen 92(2) dan (3) memberi kuasa kepada BNM untuk terlibat secara langsung menentukan pengurusan SPT berkaitan pengurusan wang kumpulan takaful⁵³ dan mengukuhkan fungsi kumpulan wang takaful yang bertujuan agar menjalankan liabiliti yang dipertanggungjawabkan dalam kontrak takaful. Ini dijangkakan untuk membantu atau memutuskan cadangan sekiranya berlaku sebarang

⁵⁰ Tobias Frenz dan Younes Soulhi, *Takaful and Retakaful: Advances Principles and Practices.*, 134.

⁵¹ Seksyen 92(1)(a) APKI 2013.

⁵² *Ibid.*, seksyen 92(1) (a),(b) dan (c).

⁵³ *Ibid.*, seksyen 92(2) dan (3).

masalah berkaitan kumpulan wang takaful. Secara keseluruhan seksyen 92 ini bertujuan memastikan SPT menguruskan dan memastikan kecukupan dana takaful bagi pihak para peserta takaful. Ini turut bertujuan melindungi kepentingan para peserta yang telah menyertai kontrak takaful ini⁵⁴. Kumpulan wang takaful ini juga dibahagikan kepada Dana Risiko Peserta dan Dana Pelaburan Peserta⁵⁵.

3.6.3 Dana Pelaburan Peserta

Dana pelaburan peserta merupakan sebahagian daripada kumpulan wang takaful. Dana pelaburan peserta ini diasingkan daripada dana risiko peserta untuk dilaburkan oleh SPT. Dana pelaburan peserta dimiliki secara mutlak oleh para peserta yang terlibat khususnya takaful berkaitan pelaburan. Dana pelaburan peserta dicarum bergantung kepada jumlah dan mod pembayaran kontrak takaful yang dipersetujui sama ada caruman tunggal ataupun caruman berkala antara secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan⁵⁶.

3.7 Pengeluaran Daripada Kumpulan Wang Takaful

Seksyen 94 APKI 2013 memperuntukan berkaitan pengeluaran kumpulan wang takaful⁵⁷. Peruntukan ini bertujuan mengawal pengeluaran kumpulan wang takaful ini termasuklah mematuhi apa-apa peraturan pengeluaran, memastikan pengeluaran kumpulan wang takaful tersebut tidak menjejaskan kecukupan dana untuk memenuhi kontrak takaful yang dipersetujui dan pengeluaran tersebut mestilah turut mengambilkira kepentingan para peserta termasuklah kemungkinan kerugian terjadi.

⁵⁴ Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia ke-10, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 19 Jun 2014), 14.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*, 134-135.

⁵⁷ *Ibid.*, seksyen 94.

Dengan erti kata yang lain, pengeluaran wang daripada kumpulan wang takaful sentiasa dikawalselia bagi melindungi kepentingan dan hak-hak para peserta takaful.

Keputusan MPS BNM dalam mesyuarat ke-102 bertarikh 22 Jun 2010 turut telah memutuskan bahawa pembayaran manfaat daripada dana risiko peserta iaitu sebahagian daripada kumpulan wang takaful boleh dibuat berdasarkan persetujuan pihak-pihak yang berkontrak dan tidak terhad kepada musibah sahaja⁵⁸. Ini turut menunjukkan pengeluaran daripada kumpulan wang takaful tidak hanya tertakluk kepada para peserta yang dilanda musibah semata-mata. Pengeluaran daripada kumpulan wang takaful dilakukan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak. Contohnya, terdapat keperluan pengeluaran kumpulan wang takaful apabila disebabkan pembayaran dalam kontrak takaful pendidikan apabila orang yang dilindungi dalam takaful pendidikan mendapat kecemerlangan dalam keputusan peperiksaan sepertimana produk takaful berikut; Takaful Intelek⁵⁹, Takafulink Education⁶⁰, Ikhlas Education Takaful Plus⁶¹, SmartEdu-i⁶² dan pelbagai lagi pelan takaful pendidikan yang ditawarkan oleh SPT di Malaysia.

Malahan, Etiqa Takaful Berhad juga telah menawarkan produk *Mabrur* yang merupakan pelan takaful simpanan. Produk *Mabrur* ini menawarkan pembayaran tunai sehingga 10 peratus bermula tahun ke-3 dan seterusnya pembayaran tunai tersebut

⁵⁸ Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 - 2011), 12

⁵⁹ Etiqa Takaful Berhad, "Intelek", laman sesawang *Etiqa Takaful*, dicapai 21 Jun 2015, <http://www.etiqa.com.my/English/Takaful/Products/Personal/Education/Documents/Intelek.pdf>.

⁶⁰ MAA Takaful Berhad, "Educationalink" laman sesawang *MAA Takaful Berhad*, dicapai 21 Jun 2015, <https://www.maatakal.com.my/pdf/MTED2%20Brochure.pdf>

⁶¹ Takaful Ikhlas Berhad, "Ikhlas Education Takaful Plus", laman sesawang *Takaful Ikhlas Berhad*, dicapai 21 Jun 2015, http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas_education_takaful_plus_pds.eng_jan2015.pdf

⁶² Prudential BSN Takaful Berhad, "SmartEdu-I", laman sesawang *Prudential BSN Takaful Berhad*, dicapai 21 Jun 2015, https://www.prubsn.com.my/PruBsn/media/download/familytakaful/scb_smartedui_en.pdf

dimasukkan terus ke akaun Tabung Haji peserta takaful⁶³. Selain itu, produk *Karisma* turut memberi pembayaran tunai 2 tahun sekali kepada para peserta⁶⁴. Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulaskan bahawa Etiqa Takaful telah mendapatkan kelulusan BNM sejak 2006 lagi. Namun, SPT baru berhadapan kesukaran mendapatkan kelulusan pembayaran tunai bagi produk takaful⁶⁵. Beliau juga berpendapat SPT perlu menginovasi produk takaful untuk menarik minat bakal para peserta menyertai kontrak takaful. Ini selarasnya dengan kehendak pasaran semasa. Selain itu, produk insurans konvensional sentiasa melakukan kajian, pembangunan dan inovasi bagi menarik minat bakal pelanggan dalam menguruskan risiko berkaitan nyawa, kesihatan, barangan dan perkhidmatan. Beliau turut berpandangan bahawa keutamaan yang perlu diberi perhatian oleh SPT ialah mengukuhkan industri takaful berbanding mencari kesalahan dan kekurangan produk takaful dalam aspek syariah semata-mata⁶⁶.

Selain itu, Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri berpandangan bahawa tiada apa-apa larangan untuk menawarkan pembayaran tunai dalam produk kewangan takaful termasuklah dalam resolusi syariah yang dikeluarkan oleh MPS BNM. Ini membuka ruang dan peluang untuk JKS Dalaman untuk mengemukakan keputusan syariah berkaitan isu ini⁶⁷. Beliau mengulas lagi bahawa peruntukan pengeluaran kumpulan wang takaful bertujuan memastikan kumpulan wang takaful mampu untuk memenuhi liabiliti takaful seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Selain itu juga,

⁶³Etiqa Takaful Berhad, "Mabrur" laman sesawang *Etiqa Takaful*, dicapai 21 Jun 2013. http://www.etiqa.com.my/English/Takaful/products/Personal/Saving/Documents/Mabrur_Leaflet-Eng.pdf.

⁶⁴*Ibid.*,

http://www.etiqa.com.my/English/Takaful/Products/Personal/Saving/Documents/Karisma_ENG.pdf.

⁶⁵ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidamat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis, 21 November 2014.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Bhd), dalam temubual dengan penulis, 4 December 2014.

peruntukan ini tidak menghalang pengeluaran kumpulan wang takaful selagimana bertepatan dengan kehendak kontrak takaful seperti yang dipersetujui⁶⁸.

3.8 Menangani Defisit Dalam Dana Risiko Peserta Takaful

Terdapat pelbagai isu yang dikemukakan mengenai kontrak *al-qard* untuk menangani masalah defisit dalam dana risiko peserta. Pertama, terdapat isu untuk menentukan sama ada generasi para peserta terdahulu atau generasi terkini yang perlu membayar hutang terhadap dana pemegang syer disebabkan kontrak *al-qard* tersebut⁶⁹. Kedua, isu yang timbul ialah terdapat kemungkinan peserta yang akan memberhentikan caruman kontrak takaful disebabkan ketiadaan surplus dalam dana risiko peserta yang digunakan membayar semula kontrak *al-qard* tersebut⁷⁰. Ketiga, selepas APKI 2013 digazetkan juga terdapat pandangan bahawa kewajipan dalam praktis kontrak *al-qard* dalam seksyen 95 APKI 2013 adalah bertentangan dengan maksud sebenar kontrak *al-qard* itu sendiri kerana kontrak *al-qard* sepatutnya dijalankan secara sukarela oleh pihak SPT itu sendiri tanpa sebarang bentuk paksaan. Rusni Hassan dan Safinar Salleh menimbulkan persoalan sama ada kewujudan kontrak *al-qard* ini menyebabkan hilangnya tanggungjawab para peserta takaful untuk saling-menolong dan bekerjasama serta hanya memindahkan tanggungjawab membantu menyediakan suntikan dana kepada dana risiko peserta kepada SPT semata-mata⁷¹.

Berdasarkan seksyen 95 APKI 2013 memperuntukan dengan jelas bahawa sekiranya berlaku kekurangan dana kumpulan wang takaful, kontrak *al-qard* atau sebarang bentuk sokongan daripada kumpulan wang pemegang syer kepada kumpulan

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Tobias Frenz dan Younes Soualhi, *Takaful and Retakaful: Advanced Principles and Practices*. (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010), 187-188.

⁷⁰ *Ibid.*, 188.

⁷¹ Rusni Hassan dan Safinar Salleh, Pematuhan Syariah Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 Dan Cabaran Semasa Dalam Operasi Takaful, 8.

wang takaful untuk perlu digunakan untuk memenuhi liabiliti dalam kontrak takaful sepertimana yang ditetapkan oleh BNM⁷². Berdasarkan keputusan MPS BNM pula pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003, mesyuarat ke-46 bertarikh 28 Oktober 2004 dan diikuti oleh mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006 yang menyatakan mekanisme yang boleh dilakukan sekiranya berlaku kekurangan aset dalam dana risiko peserta bagi memenuhi keperluan liabiliti dana tersebut⁷³. Ini menunjukkan kesinambungan bahawa seksyen 95 APKI 2013 telah dikodkan berdasarkan keputusan MPS BNM. Dengan erti kata lain, peruntukan perundangan mengenai kontrak *al-Qard* dan suntikan aset dari pemegang syer adalah berdasarkan keputusan ijtihad daripada kepakaran dalam kewangan Islam⁷⁴ dan kemudian dikodkan menjadi perundangan yang boleh dikuatkuasakan. Oleh yang demikian, praktis kontrak *al-qard* atau suntikan aset daripada dana pemegang syer kepada dana risiko peserta adalah mesti dilakukan walaupun apa pun isu dan pertikaian yang dikemukakan mengenai praktis ini.

3.9 Kepentingan Boleh Lindung Takaful

Dalam perenggan 3 jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 menyatakan mengenai kepentingan boleh lindung takaful. Bagaimanapun, perincian mengenai kepentingan boleh lindung takaful dalam APKI 2013 ini hanya tertumpu terhadap kontrak takaful keluarga sahaja. Tujuan aspek kepentingan boleh lindung takaful ini ialah untuk menjelaskan mengenai bagaimana situasi sekiranya para peserta takaful menyertai kontrak takaful untuk melindungi selain daripada dirinya atau dengan erti kata lain untuk melindungi individu pihak yang ketiga⁷⁵.

⁷² Seksyen 95 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

⁷³ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. ed ke-2, 82-83.

⁷⁴ Mohammad Azam Hussain, Rusni Hassan Dan Aznan Hassan, "Resolusi Syariah Oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang," *Kanun* 25, no. 2 (2013), 234.

⁷⁵ Perenggan 3(1) Jadual 8 Seksyen 140 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

Individu yang mempunyai kepentingan boleh lindung telah dinyatakan mengikut kategori tertentu sepertimana dalam perenggan 3(6) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 iaitu⁷⁶ suaminya atau isterinya atau anaknya; anak jagaannya di bawah umur dewasa pada masa orang itu membuat kontrak takaful itu; pekerjaanya; atau seseorang yang kepadanya dia bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya bagi saraan atau pendidikan pada masa dia membuat kontrak takaful itu. Kategori kepentingan boleh lindung adalah jelas mengenai suami atau isteri, anak, anak di bawah jagaan semasa kontrak takaful dibuat dan juga pekerja. Bagaimanapun, maksud “seseorang yang kepadanya dia bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya bagi saraan atau pendidikan pada masa dia membuat kontrak takaful itu” boleh merangkumi pelbagai pentaksiran dalam menentukan aspek kepentingan boleh lindung.

Mohamed Hadi Abdul Hamid bersetuju mengenai kategori kepentingan boleh lindungi turut meliputi hubungan seorang individu yang ingin mencarum dalam kontrak takaful bagi melindungi sekumpulan anak-anak yatim yang boleh diertikan sekumpulan anak-anak yatim tersebut di bawah sebahagian saraan daripada individu yang mencarum tersebut⁷⁷. Manakala, Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri pula mengulas bahawa kepentingan boleh lindung takaful mengenai penyertaan takaful yang melibatkan sekumpulan pihak-pihak tertentu contohnya terdapat individu yang ingin memberi bantuan dalam bentuk kontrak takaful kepada sekumpulan anak-anak yatim. Beliau berpendapat bahawa tidak terdapat peruntukan yang jelas membenarkan individu tersebut membuat kontrak takaful bagi melindungi sekumpulan anak-anak yatim dengan membuat kontrak takaful contohnya sekiranya ingin mendapatkan perlindungan melalui

⁷⁶ *Ibid.*, Perenggan 3(6).

⁷⁷ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidamat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis kali ke-2 di Etiqa Takaful Berhad, Bangsar, 12 Jun 2015. .

kontrak takaful⁷⁸. Secara dasarnya, APKI 2013 telah memberi maksud bahawa terdapat ruang lingkup perundangan yang membenarkan mana-mana individu untuk mencarum bagi mana-mana kumpulan individu yang kurang berkemampuan termasuklah anak-anak yatim. Namun begitu, pertimbangan yang sewajarnya masih lagi berdasarkan sejauhmana SPT boleh menerima risiko tersebut untuk mengimbangi antara tanggungjawab aspek pengurusan dana risiko peserta dan juga semangat tolong-menolong dan bekerjasama dalam kontrak takaful itu sendiri.

Hubungan kepentingan boleh lindung antara peserta dan orang yang dilindungi mestilah wujud semasa kontrak takaful dibuat⁷⁹. Ini bererti, kontrak takaful dianggap tidak sah sekiranya peserta dan orang yang dilindungi tidak mempunyai hubungan kepentingan boleh lindung semasa kontrak takaful dibentuk⁸⁰. Sekiranya didapati tidak terdapat hubungan kepentingan boleh lindung antara peserta dan orang yang dilindungi dalam kontrak takaful, pihak SPT perlu menamatkan kontrak takaful tersebut dan membayar semula sejumlah caruman yang telah dikenakan semasa kontrak takaful tersebut dibuat berdasarkan kehendak BNM⁸¹.

Kontrak takaful yang melibatkan hubungan kepentingan boleh lindung peserta dan orang yang dilindungi bermaksud peserta akan menerima pembayaran manfaat takaful termasuklah anuiti sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak takaful tersebut⁸². Kontrak yang melibatkan kepentingan boleh lindung memerlukan kebenaran daripada orang yang dilindungi khususnya kepada orang yang dilindungi yang telah mencapai umur

⁷⁸ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Bhd), dalam temubual dengan penulis, 4 December 2014.

⁷⁹ *Ibid.*, Perenggan 3(2) Jadual 8 Seksyen 140 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

⁸⁰ *Ibid.*, Perenggan 3(3).

⁸¹ *Ibid.*, Perenggan 3(5);Safinar Salleh, Uzaimah Ibrahim dan Mahdi Zahraa, "The Future of Takaful (Islamic Insurance) Business in Malaysia under the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013", *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 8, no. 15 (September 2014), 393-394.

⁸² *Ibid.*, Perenggan 3(7) Jadual 8 Seksyen 140.

dewasa⁸³. Orang yang dilindungi yang telah mencapai umur dewasa juga boleh membatalkan persetujuan untuk dilindungi dalam kontrak takaful dengan menyatakan pembatalan persetujuan secara bertulis kepada SPT. Pembatalan persetujuan orang yang dilindungi dalam kontrak takaful menyebabkan kontrak takaful tersebut menjadi tidak sah⁸⁴. Hubungan kepentingan boleh lindung boleh hilang sekiranya berlaku ketiadaan lagi hubungan tersebut⁸⁵ contohnya seorang pekerja tidak lagi mempunyai kepentingan boleh lindung dengan majikannya apabila pekerja tersebut meletak jawatan daripada berkerja dengan majikan tersebut. Bagaimanapun, terdapat pengecualian dalam melibatkan kes perceraian suami dan isteri. Hubungan kepentingan boleh lindung masih lagi dianggap kekal walaupun tidak ada lagi hubungan suami isteri tersebut akibat perceraian⁸⁶.

Peruntukan perenggan 3(12) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 menyatakan dalam situasi sijil takaful kumpulan, sijil takaful kumpulan masih dianggap sah dan tidak memerlukan semua peserta mempunyai kepentingan boleh lindung takaful bagi membuat kontak takaful kumpulan⁸⁷. Ini bererti sekiranya terdapat individu yang ingin mendapatkan kontrak takaful kumpulan, peruntukan perundangan ini boleh dianggap satu ruang yang membenarkan “hasrat baik” tetapi masih tertakluk kepada kelulusan BNM dan SPT untuk menilai dan menjalankan pengunderaitan terhadap “hasrat baik” individu tersebut. Para peserta yang menyertai kontrak takaful juga perlu mendedahkan apakah hubungan peserta dengan orang yang dilindungi kepada pihak SPT untuk membolehkan SPT menilai kepentingan boleh lindung yang wujud antara kedua-dua pihak⁸⁸. Pendedahan ini perlu dinyatakan dalam borang permohonan takaful di bahagian

⁸³ *Ibid.*, Perenggan 3(8).

⁸⁴ *Ibid.*, Perenggan 3(9).

⁸⁵ *Ibid.*, Perenggan 3(10).

⁸⁶ *Ibid.*, Perenggan 3(11).

⁸⁷ *Ibid.*, Perenggan 3(12).

⁸⁸ *Ibid.*, Perenggan 3(13).

“Hubungan Pemohon dengan Orang Yang Dicadangkan untuk Dilindungi” sama ada isteri, suami, anak, pekerja atau apa sahaja bentuk hubungan untuk dinilai oleh SPT mengenai aspek kepentingan boleh lindung⁸⁹. Kepentingan boleh lindung ialah perenggan 3 Jadual 8 APKI 2013 turut menyatakan bahawa tidak menjejaskan sijil takaful keluarga yang dikeluarkan sebelum tarikh ditetapkan atau erti kata lain bermaksud kepentingan boleh lindung tidak terpakai kepada kepada sijil takaful yang dikeluarkan sebelum APKI 2013 dikuatkuasakan⁹⁰. Peruntukan mengenai kepentingan boleh lindung ini menambahbaik struktur perundangan berkaitan takaful berbanding perundangan terdahulu iaitu Akta Takaful 1985 yang terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan tertentu⁹¹.

MPS BNM pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005, mesyuarat ke-76 bertarikh 9 Jun 2008 dan mesyuarat ke-118 bertarikh 29 November 2011 telah memutuskan bahawa kepentingan boleh lindung hendaklah wujud semasa kontrak takaful dimeterai dan ketika tuntutan manfaat takaful dibuat⁹². Berikut adalah hasil keputusan resolusi syariah berkaitan kepentingan boleh lindung yang dikodkan dalam jadual 8 APKI 2013:

Jadual 3.4: Perbandingan Resolusi Syariah dan APKI 2013 (BNM⁹³, APKI 2013)

	Resolusi Syariah Kewangan Islam 2010	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013)
Definisi Kepentingan Boleh Lindung Takaful Keluarga	Bagi takaful keluarga, kepentingan boleh lindung wujud apabila terdapat	Perenggan 3(6) Jadual 8 APKI 2013

⁸⁹ Lihat MAA Takaful, *Borang Permohonan Pelan Takaful Keluarga*, 2.

⁹⁰ Perenggan 3(14) Jadual 8 Seksyen 140 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

⁹¹ Akta Takaful 1984 mempunyai pelbagai kelemahan dan perlu dipinda bagi memenuhi keperluan industri takaful semasa. Lihat Abdullah @ Alwi Haji Hassan, “Akta Takaful 1984: Satu Analisa,” dalam *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, 114-117.; Thanasegaran, Haemala, “Growth of Islamic Insurance (Takaful) in Malaysia: A Model for the Region?,” *Singapore Journal of Legal Studies*, (Julai 2008), 143-164.

⁹² Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 – 2012)*, 6.

⁹³ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Ed ke-2, 92.

Jadual 3.4, sambungan

	Resolusi Syariah Kewangan Islam 2010	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013)
	hubungan yang jelas antara dua pihak yang melibatkan elemen kasih sayang, pergantungan secara emosi, dan jangkaan munasabah terhadap kerugian dari segi material dan psikologi. Dalam hal ini, seseorang individu dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung terhadap pasangannya, anaknya, pekerjaanya (bagi majikan) dan seseorang individu yang dia bergantung kepadanya dengan cara yang diharuskan Syarak ⁹⁴ ;	
Definisi Kepentingan Boleh Lindung Takaful Am	Dalam takaful am, seseorang itu dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung apabila dia mempunyai kepentingan undang-undang dan kewangan bagi sesuatu subjek; ⁹⁵	-
Keizinan Orang Yang Dilindungi	Peserta atau pemegang sijil hendaklah mendapatkan keizinan pihak ketiga yang mempunyai kepentingan boleh lindung semasa memeterai kontrak takaful yang melibatkan pihak ketiga tersebut, kecuali jika ianya melibatkan anak di bawah umur; ⁹⁶	Perenggan 3(8) Jadual 8
Kontrak Sah Selagi Mana Wujud Hubungan Kepentingan Boleh Lindung	Sebagai prinsip umum, kepentingan boleh lindung hendaklah wujud semasa kontrak dimeterai dan semasa kejadian atau tuntutan manfaat takaful dibuat. Kepentingan boleh lindung dikira tidak lagi wujud sekiranya	Perenggan 3(9) & (10)

⁹⁴ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Ed ke-2, 92

⁹⁵ *Ibid.*, 91

⁹⁶ *Ibid.*, 92.

Jadual 3.4, sambungan

	Resolusi Syariah Kewangan Islam 2010	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013)
	sesuatu hubungan dengan pihak ketiga terputus dalam tempoh sijil takaful berkuat kuasa. Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak ketiga meninggal dunia, peserta atau pemegang sijil tidak berhak menerima manfaat takaful sebagai benefisiari; ⁹⁷	
Pengecualian Bagi Kes Perceraian Suami dan Isteri	Walau bagaimanapun, sebagai satu pengecualian, sekiranya hubungan suami-isteri terputus akibat perceraian dalam tempoh sijil berkuat kuasa, kepentingan boleh lindung disifatkan sebagai masih berterusan dan peserta atau pemegang sijil dibenarkan untuk menerima manfaat takaful (sama ada sebagai benefisiari atau wasi) apabila berlaku kematian pihak yang dilindungi, kecuali jika pihak yang dilindungi itu menyatakan dengan jelas ketidakizinannya. ⁹⁸	Perenggan 3(11)
Pemilikan Manfaat Bagi Kontrak Takaful Terhadap Peserta atau Orang Yang Dilindungi	Di samping itu, sekiranya pihak yang dilindungi ditimpa keilatan kekal, manfaat keilatan (termasuklah perlindungan penyakit kritikal) akan diperoleh oleh pihak yang dilindungi. Sekiranya sijil takaful melibatkan pelan pelaburan atau simpanan, peserta atau pemegang sijil turut berhak ke atas nilai simpanan atau pelaburan pada tarikh matang sijil takaful tersebut; ⁹⁹	Perenggan 3(7), Dalam perenggan ini, dibuat atau membuat suatu kontrak takaful keluarga terhadap orang yang dilindungi itu ertinya menyertai dalam pembayaran manfaat takaful itu di atas kematian orang itu atau atas berlakunya apa-apa luar jangka yang bergantung kepada kematiannya atau hidupnya dan

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ *Ibid.*

Jadual 3.4, sambungan

	Resolusi Syariah Kewangan Islam 2010	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013)
		termasuklah pemberian suatu anuiti yang bermula daripada kematiannya atau pada suatu masa yang disebut dalam anuiti itu.

Berdasarkan jadual 3.4 menunjukkan bahawa peruntukan kepentingan boleh lindung dalam Perenggan 3 Jadual 8 APKI 2013 telah mengkodkan keputusan resolusi MPS BNM untuk dipraktiskan dalam industri takaful. Bagaimanapun, perenggan 3 Jadual 8 APKI 2013 ini hanya memperincikan kepentingan boleh lindung dalam takaful keluarga sahaja dan tiada peruntukan kepentingan boleh lindung dinyatakan dalam takaful am. Maffuza Salleh berpendapat ketiadaan elemen kepentingan boleh lindung dalam kontrak takaful am menyebabkan terdedah dengan elemen perjudian dan ketidakpastian (*gharar*)¹⁰⁰.

Mohamed Hadi Abdul Hamid pula berpendapat bahawa ketiadaan kepentingan boleh lindung dalam takaful am tidak memberi apa-apa kesan buruk terhadap industri takaful. Ini kerana SPT secara praktisnya hanya akan menerima risiko takaful am yang mempunyai kaitan tanggungan risiko dengan peserta takaful sahaja. Ini bermaksud SPT hanya membenarkan penyertaan takaful am yang mempunyai kepentingan boleh lindung sahaja dengan peserta takaful tersebut. Beliau juga menyatakan adalah sesuatu yang ganjil dan pelik sekiranya seseorang individu melindungi harta atau barangan yang bukan miliknya dan ini mendedahkan kepada risiko moral dan penipuan sekaligus menyebabkan SPT menolak penerimaan risiko tersebut dalam kontrak takaful am¹⁰¹.

¹⁰⁰ Maffuza Salleh, *Takaful Dari Prospek Syariah dan Perundangan Mengikut Amalan di Malaysia*, 166.

¹⁰¹ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidamat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis kali ke-2 di Etiqa Takaful Berhad, Bangsar, 12 Jun 2015. .

Kepentingan boleh lindung takaful diambil daripada konsep kepentingan boleh lindung insurans konvensional yang bertujuan untuk mengelakkan risiko moral berlaku dalam industri takaful. Ini turut diperkukuhkan lagi dengan resolusi MPS BNM yang memutuskan bahawa kepentingan boleh lindung hendaklah wujud semasa kontrak takaful dimeterai dan ketika tuntutan manfaat takaful dibuat¹⁰². Resolusi syariah ini seterusnya dikodkan dan perlu diterima sebagai suatu bentuk ijtihad yang diakui daripada syariah dan perundangan sivil melalui APKI 2013. Disebabkan tujuan kepentingan boleh lindung bertujuan melindungi kontrak takaful itu sendiri dan industri takaful secara amnya, aspek kepentingan boleh lindung ini perlu diterima sebagai sebahagian aspek pematuhan syariah dalam industri takaful. Oleh yang demikian, kontrak takaful yang tidak mempunyai kepentingan boleh lindung dikategorikan sebagai tidak sah daripada perundangan dan juga tidak mematuhi kriteria pematuhan syariah dalam industri takaful.

3.10 Kewajipan Pendedahan (*Utmost Good Faith*) Dalam Kontrak Takaful

Peruntukan mengenai kewajipan pendedahan diperuntukan dalam Jadual 9 APKI 2013 yang menyatakan secara keseluruhan berkenaan kewajipan pendedahan pra kontrak takaful, dan pernyataan bagi kontrak takaful dan remedi apabila terjadi salah nyata yang berhubungan dengan kontrak takaful¹⁰³. Peruntukan APKI 2013 ini juga secara terperinci mewajibkan 2 pihak berkontrak iaitu pihak pencadang atau pengguna dan SPT itu sendiri untuk melakukan kewajipan pendedahan dalam kontrak takaful bermula daripada proses permohonan, tuntutan manfaat takaful, setelah kontrak dibuat, mengubahsuai dan memperbaharui kontrak takaful¹⁰⁴. Ini bertujuan untuk mengelakkan

¹⁰²Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 – 2012)*, 6.

¹⁰³ Seksyen 141 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

¹⁰⁴ *Ibid.*, Perenggan 5(9) Jadual 9.

sebarang manipulasi terhadap kontrak takaful dan menyebabkan terjadinya risiko moral¹⁰⁵.

Kewajipan pendedahan pra-kontrak dibahagikan kepada 2 jenis iaitu kontrak takaful selain kontrak takaful pengguna dan kontrak takaful pengguna¹⁰⁶. Berkaitan kontrak takaful selain kontrak takaful pengguna pula, para pencadang mesti mendedahkan maklumat yang diketahui atau maklumat yang sepatutnya diketahui yang dijangkakan akan mempengaruhi dan memberi kesan kepada SPT untuk membuat keputusan sama ada menerima atau menolak risiko yang dipohon untuk dilindungi dalam kontrak takaful¹⁰⁷. Berkaitan kontrak takaful pengguna pula, bakal pengguna perlu mendedahkan dengan persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh SPT semasa permohonan menyertai kontrak takaful¹⁰⁸. Pengguna juga perlu mengambil tanggungjawab yang sewajarnya atau sebaik-baiknya untuk memastikan setiap persoalan yang ditanyakan dijawab dengan betul¹⁰⁹. Bagi pembaharuan kontrak takaful pengguna, SPT boleh meminta pengguna menjawab persoalan-persoalan tertentu yang dikemukakan oleh SPT atau memberi butiran maklumat kontrak takaful terdahulu untuk disahkan atau dibuat pembetulan sebelum memperbaharui kontrak takaful tersebut¹¹⁰. Peruntukan dalam APKI 2013 ini bertujuan untuk membantu dalam aspek ketelusan maklumat yang diberikan oleh para pencadang dan pengguna apabila menyertai kontrak takaful dan mengelakkan penipuan dan pemalsuan maklumat berkaitan untuk mengukuhkan aspek pengunderaitan dan penyelenggaraan dana kumpulan wang takaful yang menjadi tanggungjawab SPT.

¹⁰⁵ Rusni Hassan dan Safinar Salleh, Pematuhan Syariah Di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 Dan Cabaran Semasa Dalam Operasi Takaful, 9.

¹⁰⁶ Perenggan 2, Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

¹⁰⁷ *Ibid.*, Perenggan 4(1).

¹⁰⁸ *Ibid.*, Perenggan 5(1).

¹⁰⁹ *Ibid.*, Perenggan 5(2).

¹¹⁰ *Ibid.*, Perenggan 5(3).

Kewajipan pendedahan bukan sahaja tertakluk kepada para pencadang atau pengguna sahaja. Malahan, SPT turut bertanggungjawab dalam pendedahan kewajipan dalam kontrak takaful. SPT bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pencadang atau pengguna bahawa mereka wajib membuat pendedahan sebelum kontrak, setelah kontrak dibuat, diubahsuai atau diperbaharui untuk memastikan kesahan kontrak takaful tersebut¹¹¹. SPT juga perlu memastikan mana-mana wakil atau agen, perantara, adjuster atau mana-mana pihak yang mempunyai kaitan dengan mana-mana SPT agar tidak membuat, mengubahsuai atau memperbaharui kontrak takaful secara salah atau sebaliknya, membuat kenyataan atau apa-apa promosi yang mengelirukan, memperdayakan dan memalsukan sesuatu fakta berkaitan fakta kontrak takaful¹¹². Mana-mana pihak yang mendorong mana-mana pihak untuk menyertai kontrak takaful dengan cara yang salah jika disabitkan kesalahan, pihak tersebut boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau didenda tidak melebihi 10 juta ringgit atau kedua-duanya sekali¹¹³. Hukuman ini bertujuan untuk membendung sebarang tindakan melakukan kesalahan penipuan, pemalsuan, dan lain-lain cara promosi yang tidak sihat di kalangan SPT, wakil atau agen dan broker takaful bagi mendapatkan para peserta untuk menyertai kontrak takaful SPT masing-masing. Pendedahan kewajipan merupakan aspek penting dalam kontrak takaful. Ketiadaan pendedahan kewajipan ini turut mendedahkan kontrak takaful kepada risiko syariah contohnya apabila wakil atau agen dan broker takaful yang mempromosikan bentuk janji yang menarik sepertinya menjanjikan keuntungan 100% apabila mencarum dalam kontrak takaful sekaligus menyebabkan ketidakpatuhan syariah dalam aspek pemasaran produk takaful. Huraian awal menunjukkan bahawa pendedahan kewajipan dalam kontrak takaful perlu

¹¹¹ *Ibid.*, Perenggan 4(4) dan 5(7).

¹¹² *Ibid.*, Perenggan 11(1).

¹¹³ *Ibid.*, Seksyen 141 (2).

dikuatkuasakan berdasarkan APKI 2013 dan pendedahan kewajipan ini merupakan sebahagian daripada kriteria pematuhan syariah dalam industri takaful.

3.11 Pembayaran Manfaat Takaful

Pembayaran Manfaat Takaful dalam APKI 2013 hanya memperincikan manfaat takaful dalam sijil takaful keluarga dan sijil kemalangan diri sahaja tanpa menyentuh langsung mengenai pembayaran manfaat takaful dalam kontrak takaful am. Ini berikutan tiada terdapat sebarang masalah besar yang berlaku dalam tuntutan manfaat takaful am dan biasanya di selesai secara baik diluaran mahkamah antara peserta dan SPT terlibat¹¹⁴.

Aspek pembayaran manfaat takaful keluarga dan takaful kemalangan diri merupakan elemen yang diperincikan dalam APKI 2013. Manakala, Akta Takaful 1984 tidak memperuntukan mengenai pembayaran manfaat takaful. Menurut Abdul Hakim Johari, peruntukan APKI 2013 mengenai pembayaran manfaat takaful merupakan perbezaan ketara dengan Akta Takaful 1984. Sebelum APKI 2013 digazetkan, SPT membayar atas dasar menjaga reputasi SPT dan sekiranya SPT enggan membayar, tiada peruntukan perundangan yang jelas mengenai pembayaran manfaat takaful ini¹¹⁵. Perenggan 5 Jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 mengkhususkan mengenai manfaat takaful perlu dibayar tanpa sebarang potongan. Peruntukan ini menyatakan bahawa SPT tidak boleh memotong apa-apa bayaran daripada manfaat takaful yang perlu dibayar kepada pihak yang berhak kecuali mendapat keizinan daripada pihak tersebut¹¹⁶. Jika terdapat potongan yang dibuat oleh SPT terhadap manfaat takaful akan dianggap tidak sah selagimana tidak mendapat keizinan daripada pihak yang berhak ke atas manfaat takaful tersebut¹¹⁷. Larangan mengenai pemotongan apa-apa bayaran terhadap manfaat

¹¹⁴ Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Akta Takaful 1984: Satu Analisa," 131.

¹¹⁵ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, Bahagian *Review*, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2015.

¹¹⁶ Perenggan 5(1) Jadual 8 Seksyen 140 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759)

¹¹⁷ *Ibid.*, Perenggan 5(2).

takaful terpakai ke atas semua sijil takaful keluarga di Malaysia selepas peruntukan APKI 2013 digazetkan¹¹⁸. Sekiranya pihak yang berhak ke atas manfaat takaful berhadapan dengan mana-mana prosiding untuk menuntut hak manfaat takaful, maka, tidak boleh berlaku tolakan atau tuntutan balas disebabkan prosiding tersebut kecuali caj yang dikenakan ke atas sijil takaful keluarga tersebut sahaja¹¹⁹.

Mesyuarat MPS BNM ke-34 bertarikh 21 April 2003 telah memutuskan bahawa manfaat takaful boleh dihibahkan disebabkan tujuan takaful adalah untuk memberi perlindungan kepada para peserta takaful itu sendiri. Oleh yang demikian, manfaat takaful adalah hak mutlak peserta takaful. Oleh yang demikian, para peserta mempunyai kebebasan untuk menggunakan hak tersebut mengikut pilihan mereka selagimana penamaan tersebut tidak bercanggah dengan Syariah. Bagi menyatakan pemberian manfaat takaful secara hibah. Para peserta perlu menyatakan dengan jelas kontrak hibah dalam borang penamaan bagi membolehkan manfaat takaful diberi terus secara mutlak kepada pihak yang dikehendaki¹²⁰. Resolusi syariah ini menunjukkan bahawa kontrak hibah dalam pembayaran manfaat takaful dibenarkan sejak 21 April 2003¹²¹. Namun begitu, terdapat empat SPT yang tidak mempraktiskan hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful iaitu Hong Leong Tokio Marine Takaful, CIMB Aviva Takaful, Etiqa Takaful Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad kerana praktis kontrak hibah ini tidak dinyatakan dengan jelas oleh mana-mana perundangan bertulis di Malaysia¹²².

¹¹⁸ *Ibid.*, Perenggan 5(3).

¹¹⁹ *Ibid.*, Perenggan 5(4) Jadual 8 Seksyen 140.

¹²⁰ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, ed. ke-2, 85-86. Mohamed Hadi Abd Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013:Tinjauan Awal Kesannya Dalam Industri Takaful," *Kanun* 26, no. 2 (Disember 2014), 264: 254-267.

¹²¹ *Ibid.*, 85-87.

¹²² Mohamed Hadi Abd Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013:Tinjauan Awal Kesannya Dalam Industri Takaful," 264.

Malahan, Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd Naa'im semasa pra atau sebelum APKI 2013 turut bersetuju bahawa penyerahan manfaat takaful secara mutlak atau benefisiari hanya boleh dibuat oleh peserta bukan Muslim sahaja. Menurut Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd Naa'im lagi, semasa sebelum APKI 2013 digazetkan, peserta takaful Muslim hanya boleh membuat penamaan pihak yang dilantik sebagai pemegang amanah sahaja dan kemudiannya, pihak yang dilantik sebagai pemegang amanah tersebut perlu mengagihkan manfaat takaful tersebut kepada ahli waris yang berkelayakkan mengikut hukum faraid¹²³. Ini berikutan semasa Akta Takaful 1984 berkuatkuasa, tiada sebarang peruntukan yang jelas yang membolehkan penamaan dibuat secara benefisiari melalui hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful. Selanjutnya adalah huraian lanjut amalan pembayaran manfaat takaful selepas APKI 2013 digazetkan.

3.11.1 Penamaan Dalam Kontrak Takaful

Perenggan 2 Jadual 10 APKI 2013 menyatakan mengenai kuasa untuk membuat penamaan. Para peserta takaful yang mencapai umur 16 tahun dan ke atas mempunyai kuasa untuk membuat penamaan sama ada melantik individu atau pihak tertentu sebagai pemegang amanah atau sebagai benefisiari hibah bersyarat. Dalam amalan industri takaful di Malaysia, para peserta boleh membuat penamaan ini melalui cara bertulis kepada pihak SPT dengan menyatakan nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan pendaftaran negara atau nombor sijil kelahiran dan alamat pihak penama yang dicadangkan¹²⁴. SPT akan melampirkan borang penamaan bersama-sama borang permohonan pelan takaful¹²⁵ atau para peserta perlu mengisi borang penamaan secara

¹²³ Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd Naa'im, *Fundamentals of Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 501.

¹²⁴ *Ibid.*, Perenggan 2(1) Jadual 10 Seksyen 145.

¹²⁵ Takaful Malaysia, *Borang Cadangan Takaful Keluarga: Bahagian 9, Pelantikan Penama* (Kuala Lumpur: Takaful Malaysia Berhad, 2014), 8.

berasingan. Borang penamaan takaful memberi pilihan kepada para peserta untuk melantik individu-individu berkaitan sama ada sebagai pemegang amanah atau sebagai benefisiari atau kedua-dua sekali mengikut peratus pembahagian manfaat takaful mengikut yang dikehendaki oleh para peserta takaful¹²⁶. Tempoh masa penamaan penerima manfaat takaful ini boleh dibuat pada masa sijil takaful dikeluarkan atau pada selepas sijil takaful dikeluarkan dengan menyatakan secara bertulis kepada pihak SPT dengan mengemukakan sijil takaful tersebut¹²⁷. Seterusnya, borang penamaan tersebut mestilah bersaksikan oleh seorang yang sempurna akal yang telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas dan bukan merupakan pihak yang dinamakan dalam borang penamaan tersebut¹²⁸.

Dalam amalan SPT di Malaysia, peserta perlu mengisi borang penamaan yang meliputi nama, alamat, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau sijil kelahiran, jumlah peratus pembahagian jika penama melebihi daripada seorang, jenis penamaan sama ada pemegang amanah atau benefisiari hibah bersyarat mengikut peratus jumlah manfaat yang dikehendaki oleh peserta takaful. Borang penamaan tersebut seterusnya perlu disahkan oleh peserta takaful tersebut¹²⁹. Ini juga selaraskan dengan perenggan 4 Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 yang mewajibkan SPT mempamerkan dalam borang penamaan untuk para peserta memilih sama ada menyerahkan manfaat takaful sebagai pemegang amanah atau benefisiari dalam kontrak hibah bersyarat¹³⁰. Borang penamaan tersebut kemudiannya perlu dilampirkan bersama-sama sijil takaful keluarga sebagai rekod butir-

¹²⁶ MAA Takaful Berhad, *Borang Penamaan* (Kuala Lumpur: MAA Takaful Berhad, 2013), 1-2.

¹²⁷ Perenggan 2(2) Jadual 10 Seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759)

¹²⁸ *Ibid.*, Perenggan 2(3).

¹²⁹ MAA Takaful Berhad, *Borang Penamaan*, 1-2. Takaful Malaysia mempunyai praktis yang berbeza dalam borang penama iaitu peserta hanya boleh memilih satu jenis penamaan sahaja sama ada wasi atau hibah bagi keseluruhan manfaat takaful. Lihat Takaful Malaysia, *Borang Cadangan Takaful Keluarga: Bahagian 9, Pelantikan Penama* (Kuala Lumpur: Takaful Malaysia Berhad, 2014), 8.

¹³⁰ Perenggan 2(4)(a)(i) dan (ii) Jadual 10 Seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759)

butir penamaan yang dibuat oleh peserta takaful¹³¹. Selanjutnya, pihak SPT akan menyerahkan semula sijil takaful yang dilampirkan bukti penamaan yang dibuat dan ini menunjukkan bahawa penamaan tersebut berkuatkuasa pada tarikh pihak SPT menerima borang penamaan tersebut¹³². Para peserta takaful juga berhak memberi jumlah peratus bahagian bagi penama manfaat takaful jika penama melebihi daripada seorang. Sekiranya peserta tidak menyatakan peratus bahagian pemberian, maka SPT akan membahagikan jumlah peratus secara sama rata mengikut jumlah penama.¹³³

Jadual 3.5: Borang Penamaan dan Borang Hibah dalam Kontrak Takaful Pasca APKI 2013

Bil.	Senarai SPT	Jenis Borang	
		Borang Penamaan	Borang Hibah
1.	AIA PUBLIC Takaful Bhd	√	√
2.	AmMetLife Takaful Berhad	√	√
3.	Etiqa Takaful Berhad	√	√
4.	Great Eastern Takaful Berhad	√	√
5.	HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad	√	√
6.	Hong Leong MSIG Takaful Berhad	√	√
7.	MAA Takaful Berhad	√	√
8.	Prudential BSN Takaful Berhad	√	√
9.	Sun Life Malaysia Takaful Berhad	√	√
10.	Syarikat Takaful Malaysia Berhad	√	√
11.	Takaful Ikhlas Berhad	√	√

Pasca APKI 2013 menunjukkan bahawa kesemua 11 SPT di Malaysia telah memberi ruang pilihan kepada para peserta takaful untuk memilih sama ada pembayaran manfaat takaful secara pemegang amanah atau benefisiari dalam kontrak hibah bersyarat. Ini berikutan perenggan 2 (1) Jadual 10 Seksyen 142 APKI 2013 secara nyata memberi pilihan sama ada pembayaran manfaat takaful dilakukan sebagai pemegang amanah ataupun sebagai benefisiari dalam hibah bersyarat apabila berlaku kematian

¹³¹ *Ibid.*, Perenggan 2(4)(b).

¹³² *Ibid.*, Perenggan 2(4)(c).

¹³³ *Ibid.*, Perenggan 2(6).

peserta takaful tersebut. Ini juga berbeza semasa sebelum APKI 2013 digazetkan, terdapat 4 SPT yang masih tidak mempraktikkan pembayaran manfaat takaful secara hibah disebabkan tiada peruntukan perundangan yang jelas mengenai hibah dalam pembayaran manfaat takaful¹³⁴.

3.11.2 Kesan Penamaan Dalam Pembayaran Manfaat Takaful

Seseorang yang telah dilantik untuk menerima manfaat takaful sama ada dalam sebagai pemegang amanah atau benefisiari dalam hibah bersyarat hendaklah menerima pembayaran manfaat takaful tersebut¹³⁵. Pihak benefisiari yang menerima manfaat takaful secara hibah mestilah diberikan manfaat takaful tersebut secara mutlak dan manfaat takaful yang diterima tersebut bukan merupakan sebahagian daripada harta pusaka dan juga tidak boleh ditolak untuk pembayaran hutang¹³⁶. Namun terdapat pengecualian tertentu sekiranya sumbangan takaful tersebut bertujuan bagi membayar pemiutang. Dalam situasi sumbangan takaful untuk pembayaran hutang, pemiutang tersebut perlu dibayar sejumlah wang daripada manfaat takaful berdasarkan sumbangan takaful yang dibayar bagi membayar pemiutang tersebut¹³⁷. Peruntukan ini juga turut memperincikan apabila berlaku situasi yang mana wang manfaat takaful telah digunakan oleh penerima hibah yang tidak mengetahui hutang tersebut. Kemudian, terdapat pemiutang yang menuntut hutang tersebut. Maka, pemiutang perlu menerima jumlah manfaat takaful yang belum digunakan walaupun kurang daripada jumlah takaful yang dibayar¹³⁸. Dalam praktis industri takaful semasa, terdapat wakil jualan atau agen takaful yang menawarkan perlindungan takaful “*Mortgage Level Term Takaful*” bagi menggantikan produk kewangan “*Mortgage Reduce Term Takaful*”. Produk takaful

¹³⁴ Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz. “Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators”, 84.

¹³⁵ *Ibid.*, Perenggan 3(1) Jadual 10 Seksyen 145.

¹³⁶ *Ibid.*, Perenggan 3(2).

¹³⁷ *Ibid.*, Perenggan 3(3).

¹³⁸ *Ibid.*, Perenggan 3(4).

“*Mortgage Level Term Takaful*” bukanlah produk yang dibentuk oleh SPT itu sendiri. Tetapi, kebanyakan agen takaful yang berpengalaman akan mereka bentuk produk takaful bergantung kepada keperluan bakal para peserta. “*Mortgage Level Term Takaful*” akan direka bentuk melalui produk takaful berkaitan pelaburan yang disertai oleh para peserta takaful khusus bertujuan membayar hutang kewangan seperti pinjaman perumahan sekiranya berlaku kematian. Apabila berlaku kematian, penama yang menerima sama ada secara wasi atau hibah akan membayar hutang perumahan bergantung kepada jumlah baki hutang pinjaman perumahan tersebut¹³⁹.

Praktis “*Mortgage Level Term Takaful*” tidak mempunyai sebarang masalah dan bertujuan untuk melunaskan hutang selepas kematian peserta takaful tersebut. Ini selaras dengan peruntukan perenggan 3(3) dan 3(4) Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 mengutamakan pembayaran hutang para peserta terlebih dahulu apabila menerima pembayaran manfaat takaful.

3.11.3 Pembatalan Penamaan Dalam Pembayaran Manfaat Takaful


Secara asasnya, pembatalan penamaan dalam kontrak takaful terbatal disebabkan tiga perkara. Pertama, sekiranya berlaku kematian penama bagi penama yang secara individu atau kematian kesemua penama bagi penama yang lebih daripada seorang. Kedua, melalui notis pembatalan penamaan yang diserahkan oleh peserta takaful kepada SPT. Ketiga, apabila peserta membuat penamaan yang baru dan sekaligus menyebabkan penamaan yang sebelumnya terbatal¹⁴⁰. Ini bermaksud penamaan yang telah dibuat tidak boleh dibatalkan dengan apa sebab sekalipun termasuklah wasiat¹⁴¹. Sekiranya berlaku situasi di mana salah seorang penama yang layak menerima manfaat takaful terlebih

¹³⁹ Mohd Salleh Mohd Ali (Ketua Pengurus Agensi MAA Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis pada 4 Januari 2014.

¹⁴⁰ Perenggan 4(1) Jadual 10 Seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759)

¹⁴¹ *Ibid.*, Perenggan 4(2).

dahulu meninggal dunia sebelum daripada peserta takaful. Kemudian, peserta tersebut pula mati. Maka, bahagian penerima hibah yang meninggal lebih awal mati daripada peserta tersebut tidak boleh diserahkan kepada penerima hibah yang telah meninggal dunia tetapi perlu dimasukkan sebagai harta pusaka peserta takaful tersebut sekiranya peserta tersebut tidak membuat penamaan baru bagi menggantikan penerima hibah yang telah meninggal dunia¹⁴².



Rajah 3.1: Carta aliran pembayaran manfaat takaful dengan Penamaan dan Tanpa Penamaan (Hasil Analisis Kualitatif Kandungan Berdasarkan Peruntukan Pembayaran Manfaat Takaful dalam Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

¹⁴² *Ibid.*, Perenggan 4(3).

Rajah 3.1 menunjukkan gambaran proses pembayaran manfaat takaful sama ada melalui penamaan atau tanpa penamaan sepertimana dalam jadual 10 APKI 2013. Berikut adalah penjelasan pembayaran manfaat takaful dengan penamaan dan tanpa penamaan.

3.11.4 Pembayaran Manfaat Takaful Melalui Penamaan

Apabila penama mengetahui kematian peserta, penama tersebut perlu membuat tuntutan manfaat takaful daripada SPT dengan mengemukakan bukti kematian peserta tersebut. Seterusnya, SPT bertanggungjawab untuk membayar manfaat takaful kepada penama yang menuntut manfaat takaful berdasarkan bukti kematian peserta¹⁴³. Ini bererti pembayaran manfaat tidak dilakukan secara automatik oleh SPT walaupun SPT telah mengetahui kematian peserta takaful. Namun begitu, apabila sampai tempoh masa 60 hari SPT mengetahui status kematian peserta takaful tetapi penama masih belum menuntut manfaat takaful. SPT pula bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada penama tersebut berdasarkan alamat terakhir yang diketahui SPT untuk memaklumkan kepada penama untuk membuat tuntutan manfaat takaful disebabkan kematian peserta tersebut¹⁴⁴. Sekiranya penama masih lagi tidak menuntut walaupun SPT telah menghantar makluman mengenai pembayaran manfaat takaful. Setelah mencapai tempoh 12 bulan mengenai makluman pembayaran manfaat takaful tetapi masih tiada tuntutan dilakukan oleh penama tersebut. Terdapat dua cara untuk menyelesaikan pembayaran manfaat takaful ini tetapi bergantung sama ada penama tersebut adalah wasi atau penerima hibah. Pertama, sekiranya penama adalah wasi. SPT perlu bertindak dengan menganggap bahawa tiada penama yang dibuat seperti perenggan 8 Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 yang akan diperjelaskan di suptopik “pembayaran manfaat takaful jika tiada penamaan”¹⁴⁵. Kedua, sekiranya penama adalah penerima hibah, SPT

¹⁴³ *Ibid.*, Perenggan 5(1) Jadual 10 Seksyen 145.

¹⁴⁴ *Ibid.*, Perenggan 5(2).

¹⁴⁵ *Ibid.*, Perenggan 5(3)(a).

perlu bertindak dengan menyerahkan pembayaran manfaat takaful kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut seperti peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965¹⁴⁶.

3.11.5 Situasi Kematian Peserta Takaful dan Diikuti Kematian Penama sebelum Pembayaran Manfaat Takaful Dibuat

Selanjutnya, perenggan 5 Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 turut memperincikan mengenai situasi sekiranya peserta takaful mati terlebih dahulu kemudian diikuti oleh kematian penama yang layak menerima manfaat takaful tetapi pembayaran manfaat takaful tersebut masih belum dibuatkan. Situasi ini juga turut mengemukakan 2 cara yang bergantung sama ada penama sebagai wasi atau penama sebagai penerima hibah. Pertama, sekiranya penama adalah pemegang amanah, maka manfaat takaful tersebut merupakan harta faraid bagi peserta takaful tersebut yang perlu diagihkan kepada ahli-ahli waris¹⁴⁷. Kedua, sekiranya penama adalah penerima hibah. Manfaat takaful dianggap milik mutlak penerima hibah iaitu milik mutlak penerima hibah yang telah meninggal dunia dan manfaat takaful tersebut menjadi harta pusaka bagi penerima hibah tersebut¹⁴⁸.

3.11.6 Tanggungjawab Penama Yang Menerima Manfaat Takaful

SPT tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan terhadap manfaat takaful setelah membuat pembayaran manfaat tanpa mengambilkira sama ada penama tersebut adalah pemegang amanah wasi atau pentadbir harta, ataupun benefisiari hibah bersyarat¹⁴⁹. Selanjutnya, perenggan 6 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 menyatakan bahawa sekiranya penama tersebut merupakan pemegang amanah manfaat takaful tersebut. Pemegang amanah perlu membahagikan manfaat takaful yang diterima sama ada

¹⁴⁶ *Ibid.*, Perenggan 5(3)(b). Lihat juga Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (Akta 370).

¹⁴⁷ *Ibid.*, Perenggan 5(4)(a) Jadual 10 Seksyen 145.

¹⁴⁸ *Ibid.*, Perenggan 5(4)(b).

¹⁴⁹ *Ibid.*, Perenggan 6(1).

mengikut wasiat atau membahagikan manfaat takaful mengikut pembahagian faraid berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan¹⁵⁰.

3.11.7 Manfaat Pembayaran Takaful Yang Diserahkan Atau Disandarkan

Dalam situasi tertentu, manfaat takaful boleh dicagarkan atau diserahkan secara keseluruhan atau sebahagian kepada pihak tertentu. Misalannya, terdapat kes-kes tertentu yang mana majikan akan mencarum kontrak takaful bagi melindungi kepentingan majikan dan juga pekerja tersebut¹⁵¹. Sebahagian manfaat takaful tersebut telah dipersetujui untuk dicagarkan atau diserahkan manfaat takaful kepada majikan yang mencarum sumbangan dalam kontrak takaful. Sekiranya berlaku musibah kematian pekerja tersebut, majikan akan menerima sejumlah manfaat takaful dan selebihnya akan diserahkan kepada waris atau penamaan yang telah dipersetujui. Pembayaran manfaat takaful adalah contoh menyerahkan manfaat takaful kepada majikan bertujuan untuk membangunkan semula sumber manusia di samping menguruskan risiko kerugian akibat kehilangan kepakaran tenaga kerja yang telah mati tersebut¹⁵². Penyerahkan manfaat takaful ini juga boleh disebabkan oleh cagaran manfaat takaful untuk pembayaran hutang-hutang tertentu seperti yang telah dijelaskan dalam sub topik kesan penamaan.

Berdasarkan perenggan 7 (1) Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013, pihak yang diserahkan atau disandarkan manfaat takaful diutamakan terlebih dahulu sebelum manfaat takaful dibayar kepada penama-penama yang dinyatakan oleh peserta takaful. Ini bererti sekiranya terdapat cagaran manfaat takaful, SPT perlu membayar terlebih dahulu kepada pihak yang dicagarkan manfaat takaful tersebut dan seterusnya baki

¹⁵⁰ *Ibid.*, Perenggan 6(2).

¹⁵¹ Majikan dan pekerja mempunyai hubungan kepentingan boleh lindung. Lihat *Ibid.*, perenggan 3(6) jadual 8 seksyen 140.

¹⁵² Mohd Salleh Mohd Ali (Ketua Pengurus Agensi MAA Takaful Berhad).

manfaat takaful barulah dibayar kepada penama-penama takaful tersebut¹⁵³. Begitu juga dalam situasi yang mana lebih daripada satu pihak yang berhak di bawah cagaran atau penyerahan hak manfaat takaful. SPT perlu membayar pihak yang layak dicagar manfaat takaful berdasarkan keutamaan tarikh notis bertulis yang menyatakan mengenai cagaran dan diserahkan manfaat takaful. Ini bererti notis yang awal akan diserahkan terlebih dahulu dan diikuti oleh tarikh notis cagaran yang seterusnya. Setelah semua notis cagaran telah diserahkan kepada pihak yang berhak. Kemudian, barulah pembayaran manfaat takaful dibayar kepada penama-penama lain dalam kontrak takaful tersebut. Dalam perenggan ini, pihak yang dicagarkan atau diserahkan manfaat takaful diutamakan sebagai kelas pertama dalam pembayaran manfaat takaful¹⁵⁴.

3.11.8 Pembayaran Manfaat Takaful Jika Tiada Penamaan

Perenggan 7(1) Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 pula memperuntukan mengenai pembayaran manfaat takaful yang tiada dibuat sebarang penamaan. Apabila berlaku situasi peserta mati tanpa membuat sebarang penamaan untuk pembayaran manfaat takaful, SPT perlu terlebih dahulu membayar manfaat takaful kepada pihak yang dicagarkan atau diserahkan manfaat takaful sekiranya ada sebarang notis cagaran atau serahhakkan yang dinyatakan oleh peserta takaful¹⁵⁵. Kemudian, diikuti oleh pembayaran manfaat takaful kepada kepada wasi atau pentadbir harta pusaka yang sah peserta takaful tersebut. Ini bermaksud SPT perlu mendapatkan maklumat untuk mencari sekiranya terdapat mana-mana individu yang berkecualan untuk mentadbir harta pusaka peserta takaful yang telah meninggal dunia tersebut¹⁵⁶.

¹⁵³ Perenggan 7(1) Jadual 10 Seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759)

¹⁵⁴ *Ibid.*, Perenggan 7(2).

¹⁵⁵ Telah dijelaskan dalam *Ibid.*, Perenggan 7(2) Jadual 10 Seksyen 145.

¹⁵⁶ *Ibid.*, Perenggan 8(1).

Terdapat dua cara pembayaran manfaat takaful yang tiada sebarang penamaan dibuat oleh peserta takaful. Pertama, sekiranya SPT berpuas hati bahawa tidak terdapat mana-mana pihak yang berkecualan untuk mentadbir harta pusaka atau sebagai wasi yang sah bagi peserta tersebut. SPT boleh menyerahkan pembayaran manfaat takaful tersebut tanpa memerlukan perintah probet atau surat kuasa mentadbir atau suatu perintah pembahagian jika manfaat takaful tersebut tidak melebihi RM100,000 atau apa-apa amaun yang lebih besar sebagaimana ditentukan oleh BNM.¹⁵⁷

Kedua, sekiranya manfaat takaful melebihi RM100,000 atau apa-apa amaun yang lebih besar atau suatu amaun yang tidak lebih daripada RM100,000 atau apa-apa amaun yang lebih sebagaimana ditetapkan oleh BNM. SPT masih perlu membayar baki manfaat takaful kepada wasi atau pentadbir harta yang sah¹⁵⁸. Wasi atau pentadbir yang sah bagi manfaat takaful bukan sahaja hanya terdiri daripada individu tertentu tetapi Pentadbir harta pusaka yang diiktiraf termasuklah Pemegang Amanah Raya atau mana-mana syarikat pemegang amanah atau badan-badan tertentu yang diiktiraf.

Apabila pembayaran manfaat takaful telah dibayar berdasarkan peruntukan pembayaran manfaat takaful yang tiada penamaan kepada mana-mana pihak. SPT tidak lagi menanggung sebarang liabiliti walaupun terdapat apa-apa kekurangan atau kecacatan dalam perintah probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pembahagian atau lain-lain dokumen berkaitan. Tanggungjawab SPT untuk membuat pembayaran takaful dianggap telah selesai sekiranya pembayaran telah dibuat berdasarkan pembayaran manfaat takaful sekiranya tiada penamaan¹⁵⁹. Pihak yang menerima pembayaran mestilah mengeluarkan resit atau apa-apa dokumen yang dianggap sah

¹⁵⁷ *Ibid.*, Perenggan 8(2)(a).

¹⁵⁸ *Ibid.*, Perenggan 8(2)(b).

¹⁵⁹ *Ibid.*, Perenggan 8(6) Jadual 10 Seksyen 145.

untuk menyatakan bahawa pihak dirinya telah menerima pembayaran manfaat takaful daripada SPT¹⁶⁰.

3.11.9 Pembayaran Manfaat Takaful Kepada Orang Yang Tidak Kompeten Berkontrak

Takrifan mengenai orang yang tidak kompeten untuk berkontrak dalam perenggan 9 Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 ialah seseorang yang masih belum mencapai 18 tahun atau yang diperakui tidak sempurna akal atau kelemahan tubuh badan oleh pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah Akta Perubatan 1971¹⁶¹ bahawa tidak mampu mengurus dirinya sendirinya dan hal berkaitan hartanya. Individu ini juga tidak mempunyai sebarang Jawatankuasa yang dilantik bagi menguruskan harta pusaka¹⁶². Takrifan ini menyebabkan penama itu dianggap tidak kompeten untuk berkontrak. Dalam situasi di mana penama yang tidak kompeten berkontrak adalah penerima hibah, manfaat pembayaran takaful akan dibayar kepada ibu atau bapa penama yang tidak kompeten tersebut¹⁶³. Sekiranya penama yang tidak kompeten tidak mempunyai ibu atau bapa yang masih hidup. Maka, peruntukan berkaitan ini dibahagikan kepada 2 keadaan. Pertama, sekiranya jumlah manfaat takaful tersebut tidak melebihi RM50, 000. SPT boleh membayar kepada penuntut yang wajar setelah SPT berpuas hati mengenai kelayakkan penuntut untuk menerima manfaat takaful. Pembayaran manfaat takaful itu juga tertakluk kepada suatu aku janji pihak penerima manfaat takaful untuk menggunakan manfaat takaful tersebut bagi tujuan saraan dan faedah penama yang tidak kompeten berkontrak tersebut¹⁶⁴. Sekiranya manfaaat takaful tersebut melebihi RM50,000, SPT perlu menyerahkan manfaat takaful tersebut kepada Pemegang Amanah

¹⁶⁰ *Ibid.*, Perenggan 8(7).

¹⁶¹ Akta Perubatan 1971 (Akta 50).

¹⁶² *Ibid.*, Perenggan 9 Jadual 10 Seksyen 145.

¹⁶³ *Ibid.*, Perenggan 9(a).

¹⁶⁴ *Ibid.*, Perenggan 9(a)(i).

raya atau syarikat pemegang amanah yang dinamakan oleh peserta takaful tersebut¹⁶⁵. Kedua, sekiranya manfaat pembayaran takaful berjumlah RM100,000 atau kurang RM100,000 atau mana-mana jumlah yang ditetapkan oleh BNM. SPT perlu menyerahkan manfaat takaful tersebut kepada Pentadbir Harta Pusaka Amanah Raya Berhad atau mana-mana syarikat pemegang amanah yang dilantik oleh peserta takaful tersebut¹⁶⁶. Pihak pentadbir harta pusaka kemudiannya perlu mengagihkan kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid ataupun kepada mana-mana pihak seperti yang telah diwasiatkan oleh si mati.

3.11.10 Pembahagian Manfaat Takaful Dalam Perjalanan Pentadbiran

Seseorang yang menerima manfaat takaful berdasarkan pembayaran manfaat takaful tanpa penamaan merupakan penerima manfaat takaful sebagai pentadbir harta pusaka atau wasi sahaja dan bukanlah benefisiari hibah bersyarat. Oleh yang demikian, penerima manfaat takaful sebagai pentadbir harta pusaka atau wasi ini perlu menguruskan manfaat takaful ini dengan menunaikan berdasarkan wasiat peserta takaful tersebut dan pembahagian secara *faraid* kepada ahli waris yang berkeelayakkan. Jika ketiadaan apa-apa wasiat, manfaat harta tersebut perlu dibahagikan mengikut perundangan berkaitan pentadbiran, pembahagian dan pelupusan harta pusaka¹⁶⁷.

3.11.11 SPT Tidak Bertanggungjawab Untuk Memastikan Penggunaan Manfaat Takaful

Perenggan 11 Jadual 10 Seksyen 145 APKI 2013 ini turut menyatakan bahawa SPT tidak boleh terikat atau terlibat bagi memastikan bagaimana manfaat takaful yang telah dibayar kepada mana-mana pihak digunakan.¹⁶⁸ Ini bermaksud SPT tidak menanggung

¹⁶⁵ *Ibid.*, Perenggan 9(a)(ii).

¹⁶⁶ *Ibid.*, Perenggan 9(b).

¹⁶⁷ *Ibid.*, Perenggan 10.

¹⁶⁸ *Ibid.*, Perenggan 11.

sebarang implikasi mengenai penggunaan manfaat takaful yang telah dibayar kepada pihak terbabit. SPT juga tidak bertanggungjawab untuk terlibat dalam menguruskan manfaat takaful termasuklah dalam pembahagian harta pusaka oleh pentadbir harta pusaka dan juga pengagihan wasiat.

3.11.12 Ganti Rugi Sekiranya Berlaku Kelewatan dalam Pembayaran Manfaat Takaful

Apabila tuntutan manfaat takaful sijil takaful keluarga atau sijil kemalangan diri telah dibuat oleh penama yang dinyatakan peserta takaful. SPT mesti membayar kepada penama kurang daripada 60 hari daripada tarikh tuntutan dibuat. Sekiranya SPT gagal menjelaskan pembayaran manfaat takaful dalam tempoh 60 hari selepas tuntutan takaful dibuat. SPT perlu membayar ganti rugi minimum pada kadar pulangan pelaburan wang risiko peserta dan ditambah 1% atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM. Tambahan 1 % atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM ini adalah berdasarkan jumlah manfaat takaful selepas tamat tempoh 60 hari sehinggalah tarikh pembayaran dibuat. Pembayaran tambahan 1% atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM ini perlu dibayarkan menggunakan Kumpulan Wang Pemegang Saham.¹⁶⁹

Sekiranya tuntutan manfaat takaful melibatkan pembayaran kepada wasi atau pemegang amanah yang sah bagi pembayaran manfaat takaful yang tiada penamaan yang berjumlah melebihi RM100,000. SPT perlu membayar ganti rugi sekiranya tidak menjelaskan manfaat takaful tersebut selepas tamat tempoh 60 hari daripada tarikh wasi atau pentadbir harta mengemukakan perintah probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pembahagian sehingga tarikh pembayaran.¹⁷⁰ Jumlah pembayaran ganti rugi ini juga sepertimana gantirugi pembayaran manfaat takaful dengan penamaan iaitu pada

¹⁶⁹ *Ibid.*, Perenggan 12(1) Jadual 10 Seksyen 145.

¹⁷⁰ *Ibid.*, Perenggan 12(2).

kadar pulangan pelaburan wang risiko peserta dan ditambah 1 % atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM. Tambahan 1 % atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM ini adalah berdasarkan jumlah manfaat takaful selepas tamat tempoh 60 hari sehinggalah tarikh pembayaran dibuat. Pembayaran tambahan 1% atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM ini perlu dibayar menggunakan Kumpulan Wang Pemegang Saham.¹⁷¹

3.11.13 Keutamaan Berkaitan Pembayaran Manfaat Takaful

Perenggan 13 Jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 ini secara jelas mengukuhkan aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan berkaitan Jadual 10 APKI 2013 ini. Jadual 10 berkaitan pembayaran manfaat takaful ini bahawa jadual ini adalah terpakai dan berkuatkuasa pada dan selepas tarikh yang ditetapkan. Pemakaian dan penguatkuasa berkaitan jadual 10 APKI 2013 ini melibatkan kesemua sijil takaful di Malaysia tanpa mengira sama ada sijil takaful tersebut dikeluarkan sebelum, pada atau selepas APKI 2013 ini digazetkan. Tiada sebarang kandungan dalam mana-mana dalam sijil takaful boleh mengurangkan pemakaian dan penguatkuasa jadual 10 APKI 2013 ini.¹⁷²

Jadual 10 APKI 2013 ini juga mestilah memberi kesan dan berkuatkuasa penuh berkaitan pembayaran manfaat takaful. Mana-mana perundangan lain yang tidak selaras atau bertentangan jadual 10 APKI 2013 adalah tertolak dan tidak diterima termasuklah yang berhubungan dengan probet, pentadbiran, pembahagian atau pelupusan, harta pusaka si mati atau mana-mana amalan atau adat berkaitan pembayaran manfaat takaful¹⁷³. Dalam maksud yang lain, perenggan 13(2), jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 telah memperuntukan kedudukan yang kukuh dan tinggi terhadap perkara berkaitan

¹⁷¹ Seperti mana kadar ganti rugi minimum dalam *Ibid.*, Perenggan 12(1).

¹⁷² *Ibid.*, Perenggan 13(1) Jadual 10 Seksyen 145.

¹⁷³ *Ibid.*, Perenggan 13(2).

pembayaran manfaat takaful dan tidak boleh sama sekali dicabar oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Selanjutnya, contoh kelainan Jadual 10 APKI 2013 ini ialah dalam penamaan menggunakan hibah. Penamaan menggunakan hibah ini boleh dibuat tanpa mengira sama ada peserta tersebut Muslim atau bukan Muslim. Ini bererti para peserta bukan Muslim juga boleh membuat penamaan secara hibah dan ianya dilindungi berdasarkan peruntukan undang-undang dalam Jadual 10 APKI 2013.¹⁷⁴ Namun begitu, dalam penamaan sebagai pemegang amanah atau pentadbir harta. Penama-penama tersebut masih perlu membahagikan manfaat takaful tersebut berdasarkan perjalanan mengikut wasiat peserta takaful atau perundangan berkaitan pentadbiran harta pusaka peserta takaful yang telah meninggal dunia tersebut.¹⁷⁵

Praktis pembayaran manfaat takaful telah diputuskan melalui resolusi syariah dalam kewangan Islam oleh MPS BNM. Resolusi syariah mengenai pembayaran manfaat takaful ini kemudian telah digazetkan melalui peruntukan perundangan dalam Jadual 10 APKI 2013. Tujuan resolusi syariah ini dikeluarkan untuk tujuan masalah-masalah tertentu dalam pengagihan harta warisan daripada si mati. Malahan, hasil ijtihad MPS BNM memberi ruang pilihan penamaan sama ada sebagai pentadbir harta pusaka, pemegang amanah wasiat dan benefisiari hibah bersyarat. Ini memberi gambaran bahawa perundangan syariah memberi pilihan alternatif termasuklah dalam perundangan pengagihan harta warisan. Berdasarkan jadual 10 APKI 2013, semua SPT

¹⁷⁴ Tiada pengasingan dibuat mengenai pembayaran manfaat takaful secara hibah sama ada muslim atau bukan muslim. Lihat bahagian kesan penamaan *Ibid.*, perenggan 3(2) Jadual 10 Seksyen 145. Lihat juga ulasan Mohamed Hadi Abd Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013:Tinjauan Awal Kesannya Dalam Industri Takaful," 265.

¹⁷⁵ Perenggan 6(2) Jadual 10 Seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

tertakluk kepada perundangan secara terperinci yang membolehkan keseragaman dalam praktis pembayaran manfaat takaful semua SPT.

Mohamed Hadi Abd Hamid berpandangan walaupun pelbagai pertikaian praktis pengurusan manfaat takaful dalam APKI 2013. Namun begitu, objektif pengurusan manfaat takaful dalam APKI 2013 lebih baik dan jelas berbanding Akta Takaful 1984. Peruntukan perundangan mengenai penamaan manfaat takaful dalam APKI 2013 memberi pilihan dalam penamaan manfaat takaful melalui pemegang amanah wasiat, pentadbir harta faraid dan benefisiari hibah bersyarat. Misalnya dalam situasi tertentu, peserta takaful ini tidak lagi terlibat dalam kehidupan ahli waris contohnya tinggal bersama anak saudara, anak angkat dan mana-mana pihak lain yang bertanggungjawab melindungi dan menjaga kebajikan peserta takaful tersebut. Dalam konteks ini, kontrak hibah bersyarat memberi ruang pilihan kepada peserta takaful untuk menyerahkan sebahagian daripada manfaat takaful kepada mana-mana pihak yang mereka inginkan.¹⁷⁶ Malahan, peruntukan APKI 2013 ini tidak menghalang dan memberikan hak sepenuhnya kepada para peserta kontrak takaful untuk menamakan sesiapa sahaja untuk dinamakan sebagai penerima dan tidak memerlukan sebarang hubungan termasuklah kepentingan boleh lindung takaful.

Sedangkan dalam perundangan berkaitan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK 2013) menjelaskan bahawa praktis insurans konvensional bagi pemegang polisi bukan Muslim hanya membenarkan atau menghadkan penamaan sebagai pasangan suami atau isteri, anak-anak atau ibu bapa sekiranya tiada pasangan atau anak-anak yang berhak menerima wang polisi insurans atas dasar "*statutory trust*". Sekiranya penama-penama tersebut memenuhi syarat-syarat penamaan, penama tersebut akan menerima

¹⁷⁶ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis, 12 Jun 2015.

manfaat insurans konvensional secara mutlak sebagai benefisiari.¹⁷⁷ Manakala, pihak selain pasangan suami atau isteri, anak-anak atau ibu bapa sekiranya tiada pasangan atau anak-anak hanya berhak menerima manfaat insurans konvensional sebagai pemegang amanah sahaja¹⁷⁸ dan mesti mengagihkan manfaat insurans berdasarkan peruntukan perundangan pembahagian harta pusaka bukan Muslim seperti Akta pembahagian 1958.¹⁷⁹

Ini sekaligus menggambarkan aspek kebebasan menamakan mana-mana pihak sebagai benefisiari hibah bersyarat memberi nilai tambah produk takaful berbanding insurans konvensional seterusnya memberi persaingan kepada insurans konvensional dalam menawarkan produk kewangan berkaitan pengurusan risiko. Ini memberi peluang produk takaful untuk bersaing secara kompetitif dalam pasaran produk pengurusan risiko yang hanya sekitar 10.9 peratus sahaja penyertaan di Malaysia.¹⁸⁰ Mohamed Hadi Abd Hamid turut mengulas bahawa tiada isu hak ahli waris atau penerima pusaka dalam pembayaran kontrak hibah ini. Ini berikutan kebanyakan para peserta mempunyai harta dan aset yang lain lebih banyak melebihi jumlah hibah manfaat takaful tersebut. Menurut beliau, kesedaran menyertai kontrak takaful ini majoritinya di kalangan golongan berpendapatan sederhana dan tinggi yang mampu membayar komitmen pembayaran caruman takaful ini.¹⁸¹ Ini tidak sepatutnya ada isu mengenai hak ahli waris berkaitan pusaka dalam hibah pembayaran manfaat takaful kerana kebanyakan peserta takaful mempunyai harta pusaka yang mempunyai jumlah yang lebih besar berbanding jumlah

¹⁷⁷ Perenggan 5(1)(a)(b) and 6(1), Jadual 10, seksyen 130, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Lihat juga ulasan dalam Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anwar Zahid dan Ruziah Markom, "Effect of Nomination Under Life Insurance and Family Takaful," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 6, no. 1 (2014), 70-71.

¹⁷⁸ *Ibid.*

¹⁷⁹ Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)

¹⁸⁰ Gustina dan Nurdiana Irwani Abdullah, "Analysis of Demand for Family Takaful ad Life Insurance: A Comparative Study in Malaysia," *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 8, no. 4 (2012) 67-86.

¹⁸¹ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

manfaat takaful. Selanjutnya, objektif utama kontrak takaful bermatlamatkan *Maqāsid al-Sharīah*¹⁸² iaitu melindungi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang merupakan masalah asas bagi setiap individu. Secara dasarnya, penamaan dalam kontrak takaful telah mencapai matlamat untuk melindungi ahli waris dengan pilihan pembayaran manfaat takaful melalui kontrak penamaan secara pentadbir harta pusaka melalui *faraid*. Selain itu juga, peserta takaful yang telah meninggal dunia turut memindahkan hak dan manfaat harta-harta pusaka yang lain selain manfaat takaful kepada ahli waris mengikut hukum *faraid*. Oleh yang demikian, dengan pemodenan dan perubahan suasana masyarakat masa kini, kontrak takaful dalam konteks pencapaian *Maqāsid al-Sharīah* secara *tahsiniyyah* yakni bertujuan mencapai masalah yang lebih baik termasuk “menjaga kehormatan manusia”¹⁸³. “Menjaga kehormatan manusia” dalam konteks pembayaran manfaat takaful dengan memberi hak kepada para peserta takaful untuk memberi manfaat takaful kepada sesiapa yang dikehendaki oleh peserta takaful. Para peserta takaful melalui kontrak hibah bersyarat mempunyai hak menyerahkan manfaat takaful kepada mana-mana individu yang mereka inginkan melalui benefisiari hibah bersyarat pembayaran manfaat takaful setelah mempertimbangkan keutamaan kepada ahli waris yang merupakan masalah asas dalam takaful iaitu menjaga keturunan. Justeru, praktis pembayaran manfaat takaful dalam APKI 2013 sama ada secara pemegang amanah wasiat atau pentadbir harta faraid mahupun benefisiari hibah bersyarat telah memenuhi keperluan semasa kewangan masa kini dan juga telah memenuhi objektif pensyariaan hukum Islam atau *Maqāsid al-Sharīah* untuk mencapai masalah asas sehinggalah masalah *tahsiniyyat* yang bertujuan menjaga kehormatan


¹⁸² *Maqāsid al-Sharīah* ialah matlamat atau objektif dalam perundangan syariah. Perbincangan lanjutnya boleh merujuk Mohammad Hashim Kamali, “*Maqasid Al-Shari’ah: The Objectives of Islamic Law,*” *Islamic Studies* 38, no. 2 (1999), 193-208.

¹⁸³ Penjelasan lanjut lihat, Mahmood Zuhrī Ab Majid dan Paizah Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation, 2004), 187-189.

manusia¹⁸⁴. Peruntukan jelas mengenai pembayaran manfaat takaful dalam APKI 2013 menunjukkan APKI 2013 sebagai pendekatan dalam menguruskan keterdedahan syariah khususnya melibatkan isu kegagalan SPT memenuhi liabiliti kontrak takaful sekiranya melibatkan isu-isu pembayaran manfaat takaful.

3.12 Dapatan dan Kesimpulan Bab

Secara keseluruhannya, pematuhan syariah dalam industri takaful pasca APKI 2013 ini menjelaskan dua aspek penting iaitu pertama, pengukuhan pematuhan syariah dan kedua, mengangkat hasil keputusan resolusi syariah MPS dan dikodkan untuk dikuatkuasakan dalam perundangan sivil melalui peruntukan APKI 2013.



Rajah 3.2: Pengukuhan Pematuhan Syariah Pasca APKI 2013

Rajah 3.2 menunjukkan pengukuhan pematuhan syariah dalam industri takaful pasca APKI 2013 ini khususnya mengenai standard proses pematuhan syariah yang perlu diikuti oleh SPT yang beroperasi yang di Malaysia. Pertama, resolusi syariah MPS BNM diterima sebagai patuh syariah. Kedua, bahagian pematuhan syariah dalaman SPT bertanggungjawab untuk menguruskan risiko syariah yang berlaku di peringkat SPT¹⁸⁵.

¹⁸⁴ Ulasan lanjut Lihat Mohd. Faiz Mohamed Yusof, Joni Tamkin Borhan dan Nurhanani Romli, "Praktis Pembayaran Manfaat Takaful Di Malaysia: Implikasi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013", *Jurnal KANUN* 28, no. 2 (2016), 191-213; Mohd Faiz Mohamed Yusof, Joni Tamkin Borhan dan Nurhanani Romli, "Pendekatan Wasatiah dalam Praktis Pembayaran Manfaat Takaful di Malaysia." (Makalah, Seminar Antarabangsa Islam di Alam Melayu kali ke-V, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Pattani Thailand, 12-14 September 2015).

¹⁸⁵ Seksyen 28(3) APKI 2013. "(3) Jika suatu institusi menyedari bahawa ia menjalankan apa-apa perniagaan, hal ehwal dan aktiviti dengan cara yang tidak mematuhi Syariah atau nasihat jawatankuasa Shariahnya atau nasihat

Tadbir urus syariah pula menyatakan peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa JKS Dalaman SPT yang berkelayakkan untuk memantau aspek pematuhan syariah di peringkat SPT. Manakala, pengauditan syariah pula berperanan untuk menilai semula dan mengaudit pematuhan syariah dalam setiap operasi dan urusanniaga SPT.

Perundangan APKI 2013 juga telah mengangkat kedudukan hasil resolusi syariah MPS BNM untuk dikodkan menjadi perundangan yang sah dan dikuatkuasakan di Malaysia. Berikut adalah resolusi syariah dalam kewangan Islam yang telah dikodkan sebagai perundangan dalam APKI 2013.

Jadual 3.6: Resolusi Syariah yang dikodkan dalam APKI 2013

Perkara	Resolusi Syariah dalam Takaful	APKI 2013
Pengasingan Dana Dalam Industri Takaful	MPS pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006.	Seksyen 91
Menangani Defisit Dalam Dana Risiko Peserta Takaful	MPS pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003, mesyuarat ke-46 bertarikh 28 Oktober 2004 dan mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006.	Seksyen 95
Kepentingan Boleh Lindung Takaful	MPS pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005, mesyuarat ke-76 bertarikh 9 Jun 2008.	Perenggan 3(1) Jadual 8 Seksyen 140.
Kewajipan Pendedahan (<i>Utmost Good Faith</i>) Dalam Kontrak Takaful	MPS pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005 dan mesyuarat ke-122 bertarikh 27 Mac 2012.	Perenggan 2, Jadual 9
Penamaan Dalam Kontrak Takaful (Hibah)	MPS pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005 dan mesyuarat ke-34 bertarikh 21 April 2003.	Jadual 10 seksyen 145

atau keputusan Majlis Penasihat Syariah, institusi itu hendaklah—

- (a) dengan serta-merta memberitahu Bank dan jawatankuasa Shariahnya mengenai hakikat itu;
- (b) dengan serta-merta berhenti daripada menjalankan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti itu dan daripada mengambil apa-apa perniagaan, hal ehwal atau aktiviti lain yang serupa; dan
- (c) dalam tempoh tiga puluh hari setelah menyedari ketidakpatuhan atau apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, mengemukakan kepada Bank suatu rancangan mengenai pembetulan ketidakpatuhan itu.”

Jadual 3.6 menunjukkan resolusi syariah dalam industri takaful yang telah dikodkan dalam perundangan APKI 2013. Ini bererti pematuhan syariah dalam industri takaful telah diiktiraf dan boleh dikuatkuasa melalui perundangan sivil di Malaysia.

Kesimpulannya, pematuhan syariah dalam industri takaful pasca APKI 2013 telah mengalami perubahan yang ketara yang bertujuan untuk memastikan pematuhan syariah dalam setiap operasi dan urusan SPT di Malaysia. Pematuhan syariah dalam industri takaful merangkumi pematuhan dari segi perundangan hukum syariah dan turut diiktiraf dari segi perundangan sivil di Malaysia. Oleh hal yang demikian, ketidakpatuhan syariah dalam industri takaful bukan sahaja melibatkan pelanggaran terhadap perundangan syariah sahaja malahan boleh dikenakan hukuman disebabkan pelanggaran terhadap perundangan sivil yang boleh diputuskan mahkamah berdasarkan peruntukan APKI 2013¹⁸⁶. Bab ini mendapati bahawa APKI 2013 telah mengukuhkan bidang kuasa MPS BNM dan JKS untuk melakukan proses tadbir urus syariah. Dalam aspek operasi SPT, APKI 2013 telah mengkodkan keputusan resolusi syariah MPS BNM secara jelas untuk memastikan industri takaful mempunyai perlindungan perundangan dalam mempraktikkan keputusan resolusi syariah dalam praktis sebenar industri takaful.

¹⁸⁶ Seksyen 29(6) APKI 2013 dan seksyen 28(3) APKI 2013. “(6) Mana–mana orang yang gagal mematuhi apa–apa standard yang ditentukan di bawah subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima juta ringgit atau kedua–duanya.”

BAB 4: METODOLOGI PENYELIDIKAN KUALITATIF

4.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ilmiah, metodologi kajian adalah alat utama untuk menjawab dan mencapai objektif kajian. Kajian ini turut menggunakan metodologi kualitatif sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data kajian ini. Setelah pendekatan kualitatif dipilih. Kajian ini akan menjelaskan bagaimana paradigma pentaksiran data digunakan dalam konteks kajian ini. Terdapat tiga aspek penting yang akan dijelaskan dalam bab metodologi kajian kualitatif ini. Pertama, bab ini akan menjelaskan bagaimanakah prosuder dan proses pengumpulan data kajian kualitatif ini. Kedua, setelah data-data kajian dikumpulkan, kajian ini akan menjelaskan bagaimanakah proses menganalisis data-data kualitatif tersebut. Kemudian, bagaimanakah kajian kualitatif ini menangani isu kesahan dan kebolehpercayaan.

Suatu kajian dijalankan oleh pengkaji disebabkan mempunyai keinginan yang kuat untuk mengetahui secara mendalam secara sesuatu fakta, pengalaman, data-data tertentu, konsep, inferens, andaian dan pelbagai lagi. Namun, tiada pendefinisian yang tepat bagi menggambarkan maksud kajian itu sendiri¹. Bagaimanapun, kebanyakan para pengkaji mempunyai pandangan yang hampir sama iaitu kajian merupakan proses menyelidik, meneliti dan menyiasat dengan cara yang sistematik, berdasarkan data, kritikal, objektif, keinginan mengetahui secara saintifik atau menyelidik suatu

¹ Amaratunga, D. et al., "Quantative and Qualitative Research in Built Environment: Application of "Mixed" Research Approach," *Work Study* 50, no. 1 (2002), 17-31.

permasalahan yang spesifik bertujuan untuk mendapatkan jawapan dan penyelesaian terhadap permasalahan yang dikaji².

4.2 Metodologi Kualitatif Dalam Penyelidikan Kewangan Islam

Bahagian ini menjelaskan sejauh mana kesesuaian pendekatan kualitatif digunakan dalam penyelidikan bidang pengajian Islam, ekonomi dan kewangan Islam. Kajian ini melakukan penerokaan dan penelitian mendalam mengenai keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Bagi memahami keterdedahan risiko syariah dalam SPT, kajian ini mengumpulkan data dan teoritikal mengenai keterdedahan-keterdedahan risiko syariah yang telah dibincangkan kajian-kajian terdahulu. Namun, kajian-kajian lepas hanya menumpukan keterdedahan risiko syariah dalam operasi perbankan Islam. Bagi mengkaji secara mendalam mengenai keterdedahan risiko syariah dalam SPT. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang mengkaji realiti sebenar situasi keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia.

Dalam bidang pengajian Islam khususnya pendekatan kualitatif telah begitu lama digunakan oleh sarjana-sarjana Muslim terdahulu. Walaupun pendekatan kualitatif tidak disebut dengan istilah yang langsung berhubung metode kualitatif. Namun, penulisan dan karya sarjana Muslim terdahulu menunjukkan sarjana Muslim menggunakan pendekatan seumpama metode kualitatif yang sedia ada pada masa kini. Contohnya, sarjana sosiologi Muslim yang terkenal telah mengarang *Muqaddimah* dengan menggunakan metode pemerhatian mengenai tingkah laku, persekitaran dan situasi pada zaman tersebut³. Malahan, kajian Mahdi Zahraa telah mendapati sarjana-sarjana Muslim

² Sekaran, U. *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. Ed ke-4 (USA: John Wiley & Sons, Inc:), 5.

³Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibn Khaldun*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 176-177. Karya ini menunjukkan Ibn Khaldun menggunakan metode pemerhatian untuk menganalisis situasi masyarakat pada ketika itu.

menyelesai permasalahan semasa beradaskan pemerhatian dan kajian mereka terhadap terhadap realiti keadaan sosial masyarakat pada ketika itu⁴.

Walaupun sarjana Muslim dilihat turut menggunakan metode yang hampir sama dengan kualitatif terkini. Namun, pendekatan metodologi kualitatif khususnya dalam pengajian Islam perlu memenuhi kriteria tertentu. Pertama, metode kualitatif perlu mengutamakan pendekatan berdasarkan sumber *Al-Qur'an*, hadis dan metode *usul al-fiqh*. Kedua, memastikan metodologi kajian mempunyai kredibiliti dan tidak boleh dipertikaikan. Ketiga, metode kajian kontemporari tidak mempunyai elemen atau apa-apa unsur yang jelas bertentangan dengan etika dan perundangan syariah⁵. Hasan Bahrom dan Mohd Sufi Ismail turut menyokong bahawa metodologi *ijtihad* atau *istinbath* hukum oleh ulama terdahulu mempunyai persamaan dengan metodologi kualitatif yang digunakan oleh pengkaji semasa. Malahan, sarjana Muslim terdahulu sangat menekankan aspek kesahihan dalam sumber data melalui penelitian terhadap kemampuan mengingat atau hafalan dan sejauhmana sifat dan latarbelakang individu yang melaporkan sumber tersebut⁶. Kajian kualitatif ini turut digunakan untuk memahami fenomena sesuatu permasalahan secara mendalam sepertimana telah diaplikasi lebih awal oleh para ulama silam dalam bidang fiqah yang mempunyai pandangan berdasarkan keilmuan mereka dan diikuti oleh situasi dan pemahaman realiti masyarakat pada zaman mereka⁷. Muhammad Akram Khan turut mencadangkan kajian ekonomi Islam secara situasi sebenar untuk memahami keadaan ekonomi dalam negara Islam. Kajian dalam ekonomi Islam bukan sekadar dalam bentuk teoritikal semata-mata

⁴Mahdi Zahraa, "Unique Islamic Law Methodology and The Validity of Modern Legal and Social Science Research Methods For Islamic Research," *Arab Law Quarterly* 18, no. 3/4 (2003), 224-225.

⁵*Ibid.*, 225-226.

⁶Hasan Bahrom dan Mohd Sufi Ismail, "Adaptasi Kaedah Istimbath Hukum Dalam Analisis Penyelidikan Kualitatif" (3rd International Qualitative Research Convention 2005: Qualitative Research Experiences Across Discipline, Sofitel Palm Resort, Senai, Johor, 21-23 Ogos 2005), 11-12.

⁷Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 7-8.

malahan mesti mampu memahami permasalahan sebenar masyarakat Islam dan membentuk penyelesaian masalah tersebut berdasarkan pendekatan ekonomi Islam⁸. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengkaji realiti dan praktis sebenar mengenai keterdedahan–keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia.

4.3 Pengenalan Mengenai Kajian Kualitatif

Kajian kualitatif menggunakan pendekatan yang semulajadi atau *natural* untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Ini bermaksud kajian kualitatif bertujuan memahami keadaan sebenar fenomena dan konteks kajian tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar⁹. Pendekatan kualitatif berbeza dengan pendekatan kuantitatif kerana kajian kualitatif tidak menggunakan sebarang produser yang memberikan dapatan kajian berdasarkan statistik dan pengiraan¹⁰. Oleh yang demikian, pendekatan kualitatif dilihat lebih sesuai dalam memahami sesuatu fenomena dengan mendalam. Kemmis dan McTaggart berpendapat objektif utama kajian kualitatif ialah membantu manusia memulihkan dan melepaskan mereka daripada situasi yang tidak jelas, tidak adil, tidak rasional berkaitan struktur sosial yang menyekatkan pembangunan dan kemajuan individu serta masyarakat¹¹. Dalam konteks kajian ini, kajian kualitatif digunakan bagi memahami teori dan praktis berkaitan pengurusan risiko syariah dalam konteks industri takaful di Malaysia.

⁸ Muhammad Akram Khan, “Islamic Economics: The State of The Art,” dalam *Challenge of Islamic Economics*, ed. Muhammad Akram Khan. (Lahore: All Pakistan Islam Education, 1985), 69-70.

⁹ Patton, M. Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Ed ke-3. (Thousand Oaks, CA: Sage Publication Inc (2002), 39.

¹⁰ Strauss, A. dan Corbin, J., *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures And Techniques* (Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc., 1990),17.

¹¹ Kemmis, S. dan McTaggart, R. ‘Participatory Action Research’, dalam *Handbook of Qualitative Research*, ed. Denzin, N.K., dan Lincoln, Y. S., Ed ke-2 (Thousand Oaks, CA: Sage. 2000), 597.

4.4 Paradigma Pentafsiran Dalam Kualitatif

Paradigma¹² kajian merujuk kepada jangkauan mengenai pendekatan yang akan digunakan berkaitan kajian. Paradigma kajian yang dipilih oleh pengkaji akan mempengaruhi proses keseluruhan kajian seperti bagaimana kajian akan dijalankan, bagaimanakah hubungan kajian antara pengkaji dan responden dalam situasi kajian, bagaimana hasil kajian dianalisis dan bagaimanakah persembahan dapatan kajian¹³. Secara kesimpulannya, paradigma kajian akan digunakan sebagai panduan bagaimana kajian akan dijalankan.

Kajian kualitatif yang menggunakan paradig pentafsiran bertujuan memfokuskan kajian dalam hubungan sosial yang tertentu. Paradigma pentafsiran ini meliputi mekanisme dan proses dalam lingkungan sosial sesuatu kelompok tertentu sahaja. Oleh itu, paradig pentafsiran tidak menunjukkan situasi secara keseluruhannya tetapi hanya menumpukan kepada situasi kajian yang khusus. Walau bagaimanapun, kepentingan dapatan kajian dalam situasi yang khusus dapat membantu pembinaan perhubungan sosial di peringkat lebih besar. Oleh itu, dapatan kajian yang tidak konsisten dan berbeza bukanlah merupakan masalah tetapi suatu manfaat dalam konteks hubungan sosial berkaitan kajian¹⁴. Pengkaji menggunakan pendekatan paradigma pentafsiran ini bertujuan untuk mengetahui mengenai apa yang dilakukan oleh informan, bagaimana informan melakukannya, apa tujuan tingkah laku atau tindakan informan dan mengapa informan bertindak sedemikian. Pengkaji perlu mengetahui segala aspek

¹² Bermaksud contoh dan model yang jelas mengenai sesuatu. Lihat Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Ed ke-4. Dalam kajian ilmiah, paradig kajian merupakan model arah panduan sesuatu kajian yang menentukan bentuk dapatan akhir sesuatu kajian. Terdapat juga yang menggunakan istilah paradig kajian sebagai falsafah kajian. Lihat Easterby-Smith, M., Thorne, R. dan Lowe, A., *Management Research*. (London:Sage Publication, 2002), 27.

¹³ Denzin, N. dan Lincoln, Y., "Paradigm and Perspectives in Transition," dalam *The Landscape of Qualitative Research: Theories and Issues*, ed. Denzin, N. dan Lincoln, Y., Ed. Ke-2 (Thousand Oaks, CA; Sage Publication), 245-252.

¹⁴ Guba. E., dan Lincoln. Y., "Competing Paradigma in Qualitative Research," dalam *Handbook of Qualitative Research*, ed. Denzin. L, dan Lincoln, Y. (Thousand Oak, CA: Sage Publication, 1994), 109.

berkaitan kajian meliputi maksud tindakan, kepercayaan, pandangan dan perasaan responden dalam kajian yang dijalankan¹⁵. Umumnya, tidak terdapat makna yang jelas yang dipersetujui terhadap paradigma pentaksiran. Namun, apa yang perlu diberikan penekanan ialah bagaimana paradigma pentaksiran mampu memberi model atau contoh yang jelaskan dalam memandu reka bentuk kajian dan proses menjalankan kajian serta dapat mempersembahkan dapatan kajian yang bermanfaat. Matlamat utama menggunakan paradigma pentaksiran ini bertujuan untuk memahami dengan jelas pengalaman, pandangan atau apa sahaja berkaitan kajian yang disampaikan oleh informan serta pada masa yang sama meningkatkan maklumat mengenai permasalahan dan penyelesaian terhadap permasalahan kajian.

4.5 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data bermaksud proses pengumpulan data dan segala maklumat yang berkaitan dengan isu dan permasalahan kajian yang dikaji. Pengumpulan data-data merupakan satu proses yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan pengumpulan data-data dengan menggunakan kaedah-kaedah kajian tertentu untuk memperolehi data serta maklumat yang berkaitan dengan isu dan permasalahan yang dikaji. Data-data tersebut kebiasaannya mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan fakta dan persepsi yang telah dikumpulkan untuk dianalisis¹⁶. Metode ini digunakan bagi mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan penyelidikan untuk kajian ini. Kajian ini menggunakan dua kaedah yang utama iaitu menggunakan data primer iaitu kajian lapangan dan data sekunder. Dalam kajian ini, data primer yang diperolehi melalui metode temu bual dan metode observasi. Manakala, data sekunder pula diperolehi

¹⁵Bailey, C. A., *A Guide to Qualitative Field Research*. Ed ke-2. (United Kingdom: Sage Publication Ltd, 2007), 53-54.

¹⁶ Idris Awang, *Kaedah penyelidikan: Suatu Sorotan*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001) 75.

melalui metode analisis kandungan daripada laporan tahunan SPT, resolusi syariah dalam kewangan Islam, dokumen perundangan bertulis dan lain-lain rujukan¹⁷.

4.5.1 Mengendalikan Pengumpulan Data

Kebanyakan pengkaji yang menjalankan kajian lapangan mempunyai jangkakan awal bahawa terdapat kesukaran untuk menjalankan temu bual di lapangan kajian terutamanya mendapatkan kerjasama daripada informan kajian. Tidak dinafikan terdapat kesukaran mendapatkan kerjasama daripada informan. Namun begitu, perkara utama yang perlu diberi perhatian bagi menjalankan kajian lapangan ialah mendapatkan kesahihan dalam data yang diperolehi. Kesahihan data kajian bukan sekadar hanya informan membenarkan ditemu bual sahaja. Malahan, mendapatkan kesahihan data kajian memerlukan informan-kajian kajian bersifat terbuka dan bersedia memberi maklumat yang telus dan mendalam terhadap persoalan-persoalan semasa temu bual tanpa sebarang prejudis atau hanya memberi makluman yang terhad. Burgess berpendapat bahawa mendapatkan kebenaran merupakan proses yang sukar bergantung kepada situasi kajian. Oleh sebab itu, pengkaji perlu sentiasa berunding dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan kerjasama informan semasa mendapatkan data di lapangan. Pengkaji turut berhadapan masalah mendapatkan keyakinan informan untuk memberi makluman secara telus mengenai keterdedahan risiko syariah SPT khususnya sekitar 5 minit terawal sesi temu bual. Oleh yang demikian, pengkaji menyakinkan informan bahawa kajian ini bertujuan untuk kajian akademik sahaja. Dalam tempoh 5 ke 10 minit seterusnya, kebanyakan informan kelihatan lebih terbuka dan telus dalam mengemukakan pandangan mengenai keterdedahan risiko syariah SPT. Dalam sesetengah situasi, pengkaji mungkin perlu berhadapan dengan “individu halangan” atau

¹⁷ Creswell, J.W., *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Ed ke-3 (London: Sage Publication, 2013), 146.

gatekeepers. Namun, sekiranya pengkaji berjaya berunding dengan individu halangan dengan jayanya. Maka, ini memberi ruang-ruang kemudahan semasa proses kajian lapangan dijalankan. Pengkaji turut menjelaskan kepada informan mengenai latar belakang utama kajian yang mudah difahami contohnya siapakah anda sebagai pengkaji dan mengapakah anda sebagai pengkaji menjalankan kajian ini¹⁸. Menurut Johnson, mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian merupakan proses yang berterusan melalui runding dan runding semula yang diulang-ulang dalam setiap informan serta bukanlah satu perjanjian persetujuan secara mudah¹⁹. Proses ini merupakan kemahiran yang akan diperbaiki dari masa ke semasa apabila pengkaji telah menjalankan temu bual dengan informan di lapangan kajian yang sebenar.

Terdapat juga pandangan daripada Easterby-Smith et al menyatakan cadangan menggunakan surat untuk membina hubungan dengan organisasi tersebut. Easterby-Smith et al berpendapat surat rasmi ini bertujuan untuk kredibiliti, memohon bantuan untuk akan datang dan menyediakan peluang untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang kajian dijalankan²⁰. Dalam kajian ini, surat rasmi mengenai maklumat pengkaji dan tujuan kajian telah dikeluarkan melalui Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Peringkat Pertama, kajian telah menemubual Mohamed Hadi Abdul Hamid²¹ yang merupakan pegawai Syariah yang berkhidmat di Etiqa Takaful Berhad. Dengan kerjasama beliau, pengkaji mendapatkan beberapa cadangan informan lain yang untuk dijalankan temu bual berkaitan isu dan permasalahan kajian. Terdapat medium-medium perhubungan lain masa kini turut digunakan untuk mendapatkan kebenaran temu bual termasuklah emel dan laman sosial.

¹⁸ Burgess, R. G., "Sponsors, Gatekeepers, Members and Friend: Access in Educational Setting," dalam *Experiencing Field-Educational Settings*, ed. Shaffir, W. dan Stebbins, R. (New York: St. Martin's Press, 1991), 43-52

¹⁹ Johnson, J., *Doing Field Research* (London: Free Press, 1975), 176.

²⁰ Easterby-Smith et al., *Management Research*, 77.

²¹ Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis kali ke-2 di Etiqa Takaful Berhad, Bangsar, 12 Jun 2015.

Begitu juga, pengkaji mendapatkan bantuan dan kerjasama daripada Mohd Hafizal Elias iaitu Ketua Bahagian Syariah Great Eastern Takaful Berhad yang banyak membantu memberi rujukan informan-informan dalam kajian ini.

Kesimpulan, proses mendapatkan kebenaran untuk mendapatkan data kajian merupakan pengalaman yang hanya akan diperolehi semasa di lapangan kajian. Pengkaji perlu menggunakan segala usaha dan kebolehan yang berbeza bergantung kepada keperluan dalam kajian bagi mendapatkan kerjasama informan kajian.

4.5.2 Prosedur Temu bual

Semua informan yang ditemu bual telah membenarkan temu bual ini direkodkan dan pengkaji memilih untuk merekodkan temu bual. Rakaman temu bual dalam kajian ini menggunakan alat perakam suara model Sony ICD-UX543F/B. Tujuan rakaman temu bual bertujuan membolehkan rekod yang kekal dan membenarkan pengkaji menumpukan perhatian kepada temu bual tersebut. Ini sepertimana yang diulas oleh Bryman.

“...because the interviewer is supposed to be highly alert to what is being said-following up interesting point made, prompting and probing where necessary, drawing attention to any inconsistencies in the interviewee’s answer- it is best if he or she is not distracted by having to concentrate on getting down notes on what is said²²”.

Dengan menggunakan rakaman, pengkaji boleh menumpukan sepenuh perhatian semasa temu bual dan hanya membuat nota-nota penting semasa dan selepas temu bual untuk mendapatkan penjelasan pada sesetengah isi tertentu. Seluruh temu bual telah dirakam dan disalin semula dalam bentuk transkrip dalam bentuk fail *Microsoft Word*. Sebanyak 11 temu bual telah ditranskrip ke dalam fail *Microsoft word* untuk dilampirkan dalam program *Atlas.ti 7* untuk proses selanjutnya iaitu menganalisis data.

²² Bryman, Alan. *Social Research Methods*. Ed ke-3 (Oxford: Oxford University Press, 2008). 32.

Pengkaji hanya perlu mengenal pasti isi-isi penting dan kandungan utama temu bual. Secara dasarnya, kesemua data-data temu bual ditranskrip dalam bentuk fail *Microsoft Word* kecuali percakapan yang tidak memberikan sebarang maksud seperti ha, em, dan sebarang bentuk lafaz yang samar dan tidak jelas. Kemudian salinan transkrip akan dihantar semula kepada pihak yang ditemuduga untuk mengesahkan isi kandungan dan ketepatan isi temu bual. Kebanyakan pihak yang ditemu bual tidak memberikan respon balas disebabkan kekangan waktu dengan kesibukan tugas masing-masing. Pihak yang ditemu bual diberi tempoh dalam masa 2 minggu dan jika mereka tidak memberi sebarang maklum balas. Maka, pengkaji mengandaikan bahawa mereka bersetuju sepenuhnya dengan salinan transkrip yang diberikan.

Janesick turut mencadangkan menjalankan ujian silang kajian atau *cross-check* melalui kepelbagaian maklumat yang diperolehi untuk mengukuhkan kredibiliti data kualitatif yang diperolehi²³. Pengkaji perlu melakukan bahawa tindakan mendapatkan pengesahan daripada pihak yang ditemu bual berkaitan kandungan hasil temu bual akan mengukuhkan lagi kredibiliti data yang diperolehi untuk kajian ini. Dalam konteks ujian silang kajian, pengkaji menggunakan ujian silang kajian dalam slot temu bual seterusnya. Sebagai contoh, informan terdapat memaklumkan bahawa terdapat “keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan”. Maka, persoalan “keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan” akan diajukan pada informan seterusnya sebagai salah satu prosuder untuk ujian silang kajian.

4.5.3 Metode Temu bual Secara Mendalam

Metode temu bual merupakan kaedah yang memerlukan subjek dan penyelidik hadir sama semasa proses memperoleh dan mengumpul maklumat. Maklumat pengkaji

²³ Janesick, V.J., “The Dance of Qualitative Research Design,” dalam *Handbook of Qualitative Research*. eds Denzin, N.K dan Lincoln, Y.S (London: Sage Publications, 1994), 209-219.

diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada subjek atau informan²⁴. Pemilihan metode temu bual ini bertujuan mendapatkan data yang lebih lengkap dan tepat melalui komunikasi yang mendalam antara pengkaji dengan informan kajian. Menurut Cannell dan Kahn, metode temu bual lebih sesuai bagi mendapatkan data yang mendalam berbanding metode soal selidik²⁵. Melalui metode ini, maklumat yang berkaitan dapat diperolehi daripada pihak yang berautoriti dan bertanggungjawab dalam melakukan tugas tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan Kahn dan Cannell yang menekankan metode temu bual secara mendalam bertujuan mendapatkan jawapan terhadap persoalan dan objektif kajian²⁶. Metode temu bual secara mendalam dilakukan secara keadaan terbuka dan bebas berbanding secara tersusun dan formal bertujuan agar mendapatkan maklumat yang jelas daripada perspektif responden tanpa sebarang jangkaan awal daripada pengkaji²⁷. Dalam kajian ini, pengkaji akan menjalankan temu bual bersama pihak yang berkaitan iaitu pihak yang terlibat secara langsung dalam pematuhan syariah, operasi dan praktis sebenar dalam industri takaful yakni Pegawai Syariah SPT atau JKS SPT. Sampel informan untuk temu bual dikategorikan mengikut SPT masing-masing sepertimana berikut:

Jadual 4.1: Senarai Nama Informan-Informan Kajian dan Jawatan serta Bidang Tugas (Individu-individu yang telah ditemu bual dari 21 November 2014 hingga 3 Februari 2016)

Label	Nama Informan	Jawatan dan Bidang Tugas/ Pengalaman Berkhidmat di SPT lain.
Informan 1	Mohamed Hadi Abdul Hamid	Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad
Informan 2	Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri	Penolong Pengurus Jabatan Syariah, AIA Public Takaful Berhad/ Mantan Pegawai Bahagian Syariah Etiqa Takaful Berhad.

²⁴ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998) 237.

²⁵ Cannell, C. F., dan Kahn, R. L., "Interviewing", dalam *Handbook of Social Psychology*, ed ke-2, Jil. 2, ed. Lindzey, R. dan Azronson, E. (Reading, MA: Addison-Wesley, 1968), 554.

²⁶ Kahn, R. dan Cannell, C., *The Dynamics of Interviewing*, (New York: John Wiley, 1957), 149.

²⁷ Marshall, C. and Rossman, G. C., *Designing Qualitative Research*, Ed ke-2 (London: Sage Publication, 1995), 80.

Jadual 4.1, sambungan

Informan 3	Muhamad Faisal Ashari	Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
Informan 4	Mohd Hafizal Elias	Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad/ Mantan Pegawai Pematuhan Syariah Prudential BSN Takaful Berhad
Informan 5	Abdul Hakim Johari	Penolong Pengurus, Bahagian <i>Review</i> , Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad/ Mantan Pegawai <i>Review</i> Syariah Maybank Islamic Berhad.
Informan 6	Ismanizam Ismail	Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad/ Mantan Pegawai Bahagian Syariah ACR Retakaful Berhad.
Informan 7	Mohd Ridwan Roslan	Pegawai Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad/ Mantan Pegawai Syariah Permodalan Nasional Berhad.
Informan 8	Omar Mohamed	Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad
Informan 9	Ulanddy Uyob	Pemangku Ketua Bahagian Syariah, AmMetlife Takaful Berhad/ Mantan Pegawai Syariah dan Perundangan HSBC Amanah Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Hong Leong MCIS Takaful
Informan 10	Muhammad Ilyas Mohd Mydin	Ketua Bahagian Syariah Hong Leong MSIG Takaful/ Mantan Pegawai Bahagian Syariah ACR Retakaful Berhad.
Informan 11	Najihah Ali	Pegawai Bahagian <i>Review</i> Syariah Sunlife Takaful Malaysia/ Mantan Pegawai Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad)

4.5.4 Pemilihan Informan Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan untuk memahami dan mendalami mengenai keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Pendekatan pemilihan informan secara bertujuan dicadangkan oleh Patton bahawa pemilihan informan kajian boleh dilakukan melalui kepelbagaian latarbelakang, pengalaman dan bidang tugas untuk memahami fenomena kajian.²⁸ Bagaimanapun, kajian ini menumpukan kepada keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia.

²⁸ Patton, M. Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Ed ke-2 (Newbury Park, CA: Sage Publication, 1994), 179-180.

Oleh yang demikian, informan yang ditemu bual mestilah terdiri daripada individu yang bertanggungjawab dalam aspek pematuhan syariah SPT di Malaysia. Kajian ini juga mengaplikasi pendekatan *snowball* dalam pemilihan informan kajian yakni seorang informan memberi cadangan atau petunjuk informan yang seterusnya. Kajian ini di peringkat awal bermula dengan Pegawai Syariah SPT yang berkhidmat dalam Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah yang mencadangkan informan berikutnya untuk ditemu bual. Pegawai Syariah SPT-SPT di Malaysia turut mempunyai kepelbagaian peranan dan bidang tugas berkaitan pematuhan syariah seperti penyelidikan, urus setia, *review*, audit dan khidmat nasihat mengikut praktis dalaman SPT masing-masing²⁹.

Kajian ini turut menemu bual seorang informan daripada ahli JKS SPT disebabkan tidak mendapat akses maklumat daripada Pegawai Bahagian Syariah SPT. Walaupun informan tersebut adalah JKS SPT, namun informan tersebut begitu memahami apakah keterdedahan risiko syariah yang dihadapi oleh SPT tersebut dan bagaimana keterdedahan risiko syariah SPT diuruskan dalam SPT. Pengkaji juga berpuas hati dengan maklum balas daripada beliau yang memberikan maklumat secara telus dan mendalam sekali gus memenuhi kriteria informan dalam kajian ini. Selain itu, informan yang merupakan Jawatankuasa Syariah ini jelas diiktiraf dalam perundangan sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan dan memantau pematuhan syariah dalam industri takaful. Pemilihan seorang ahli Jawatankuasa Syariah ini juga memenuhi prosuder dan kriteria pemilihan informan kajian yakni informan adalah pihak yang mudah diakses dan dihubungi, mempunyai maklumat mendalam mengenai kajian,

²⁹ Rusni Hassan et al., "Survey on Implementation of Internal Shariah Compliance Function in Malaysian Islamic Banks and Takaful Companies", *Recent Advances in Management, Marketing and Finances: 7th WSEAS International Conference on Management, Marketing and Finances (MMF '13) Volume 4 of Business and economics series* (Cambridge: Wseas LLC, 2013) , 104-107.

mudah untuk membina hubungan baik antara pengkaji dan informan dan mempunyai kredibiliti dan kualiti hasil temu bual³⁰.

4.5.5 Jumlah Informan Kajian

Jumlah informan dalam kajian kualitatif tidak boleh terlalu besar atau terlalu sedikit dan dicadangkan jumlah yang berpatutan sahaja. Namun, tiada jawapan bagi persoalan jumlah responden yang “berpatutan” dalam kajian kualitatif yang menggunakan metode temu bual³¹. Patton mencadangkan jumlah yang baik iaitu berjumlah 10 responden. Jumlah itu boleh ditambah sebanyak 5 responden sekiranya terdapat penambahan data baru untuk menganalisis data kajian. Bagaimanapun, jumlah pemilihan responden turut bergantung kepada faktor-faktor lain seperti objektif kajian, persoalan berkaitan kajian, masa dan sumber kewangan kajian yang dijalankan³². Anggaran saiz sampel informan hendaklah berpandukan teori penepuan data iaitu pengumpulan data akan berhenti apabila sangat kurang data baru yang dihasilkan³³. Selain itu, sampel informan yang berlebihan dijangka akan mengganggu dapatan utama yang diperlukan dalam kajian disebabkan tumpuan dalam hujah berkaitan jumlah informan tertentu sahaja dan jumlah teks data kajian yang terlalu banyak³⁴.

Kajian ini menggunakan data temu bual sebanyak 11 informan berdasarkan justifikasi berikut; pertama, setiap informan ini mewakili 1 SPT yang beroperasi di Malaysia sebanyak 11 SPT. Kedua, hasil temu bual informan kajian menunjukkan data-data temu bual menghasilkan kod-kod baru yang bererti terdapatnya maklumat-

³⁰ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 70.

³¹ Bailey, *A Guide to Qualitative Field Research*, 64.

³² Patton, M. Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Ed ke-2 (Newbury Park, CA; Sage Publication, 1994), 182-183.

³³ Padgett, D. K., *Qualitative Research In Social Work Research*. Ed ke-2 (Thousand Oaks, CA: Sage Publication, 2008), 171-172.

³⁴ Mason, M. “Sample Size and Saturation in PhD Studies Using Qualitative Interviews”, *Forum Qualitative Social Research* 11, no. 3 (September 2010), 1-19.

maklumat baru berbanding temu bual sebelum pada informan ke-6, ke-7 dan ke-8. Manakala, data-data kajian hanya melibatkan kod-kod sama yang bererti hanya maklumat-maklumat berulang pada informan ke-9, ke-10 dan ke-11 yang menunjukkan bahawa data hasil temu bual mencapai tahap penepuan³⁵. Hanya maklumat-maklumat sama yang dikemukakan oleh informan dalam temu bual dijalankan dan ini menunjukkan bahawa jumlah informan temu bual telah mencukupi untuk kajian ini.

4.5.6 Temu bual Semi-Struktur

Umumnya, kajian ini menggunakan temu bual secara mendalam. Walau bagaimanapun, garis panduan asas semasa menemubual informan masih diperlukan untuk memastikan proses temu bual menjawab persoalan kajian dengan semaksimum mungkin untuk mencapai objektif kajian. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan pendekatan tembual secara semi-struktur. Taylor dan Bogdan menerangkan bahawa temu bual ialah metode kajian yang melibatkan interaksi antara pengkaji dan pihak yang ditemu bual dengan jangkaan hasil ialah untuk mendapatkan maklumat daripada pihak yang ditemu bual mengenai suatu fenomena atau situasi³⁶. Temu bual adalah perbualan dua pihak iaitu penemuduga dan responden bekerjasama untuk memberi pandangan kepada pengetahuan yang tidak akan keluar tanpa kedua-dua pihak ini. Melalui metode temu bual, informan menyatakan pandangan dan pengalaman yang menarik dan berbeza mengenai kajian. Seterusnya semasa proses analisis dilakukan, pandangan dan pengalaman informan yang direkodkan ini bertukar sebagai data kajian. Pengkaji akan mentafsir data temu bual tersebut agar menjadi dapatan kajian yang difahami dan diterima pakai oleh pihak-pihak tertentu yang berkaitan. Proses analisis data temu bual

³⁵ Lihat hasil temu bual dalam rajah 5.31 dan 5.32 dalam bab 5 kajian ini yang menunjukkan pelbagai kod-kod baru berdasarkan petikan hasil temu bual informan ke-6, ke-7 dan ke-8 dan jumlah tersebut berkurangan pada informan ke-9, ke-10 dan ke-11.

³⁶ Taylor, S. dan Bogdan, R., *Introduction to Qualitative Research Methods*. Ed ke-3 (New York: John Wiley and Sons, 1998), 98.

dianggap berjaya sekiranya mempunyai data yang mendalam dan mencukupi dalam bentuk data deskriptif³⁷.

Menurut Bailey³⁸, terdapat tiga bentuk kaedah temu bual yang boleh digunakan iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi-struktur dan temu bual tidak berstruktur. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi-struktur seperti Berg mencadangkan bahawa temu bual semi-struktur adalah sesuai kerana³⁹;

- i. Temu bual diperlukan untuk memahami pandangan pihak yang ditemu bual dan mempercayainya hasil temu bual tersebut.
- ii. Tujuan utama temu bual adalah untuk memahami kefahaman responden.
- iii. Situasi satu demi satu mengenai permasalahan kajian yang masih tidak jelas.
- iv. Subjek yang ditemu bual adalah sangat sulit dan nilai komersil yang sensitif.
- v. Pihak yang ditemu bual mungkin tidak mahu berterus-terang mengenai isu tersebut berbanding secara situasi satu dengan satu.

Kaedah temu bual semi struktur dipilih kerana mempunyai fleksibiliti yang membolehkan pengkaji mengubah suai soalan untuk memahami fenomena yang dikaji. Fleksibiliti dalam proses temu bual sangat diperlukan kerana proses temu bual melibatkan penceritaan oleh informan mengenai suatu pengalaman atau pengetahuan yang melibatkan informan tersebut. Kadangkala terdapat pernyataan yang tidak dijangka dan dalam bentuk yang tidak dijangka oleh informan kajian⁴⁰. Oleh sebab itu, proses temu bual perlu diubahsuai dan diselaraskan berdasarkan pernyataan atau data yang diperolehi semasa temu bual.

³⁷Hsiung, P. C., "Characteristics of Good Interview", laman sesawang *Lives and Legacies: A Guide to Qualitative Interviewing*, dicapai 2 Jun 2014, <http://www.utoronto.ca/~pchsiung/LAL/interviewing/characteristics>

³⁸ Bailey, *A Guide to Qualitative Field Research*, 95.

³⁹ Berg, B. L., *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*. Ed. ke-7 (Boston: Pearson International Edition, 2009), 107-108.

⁴⁰ Eyles, J. dan Eugenio Perry, E., "Life History As Method: An Italian-Canadian Family In An Industrial City." *The Canadian Geographer* 37, no. 2 (1993), 117: 104-109.

Temu bual yang baik ialah pengkaji mampu mewujudkan saling mempercayai terhadap responden kajian. Seterusnya, pengkaji perlu mempunyai kemahiran untuk menanyakan persoalan berkaitan kajian dan mempunyai kemahiran mendapatkan pernyataan atau data hasil temu bual dengan responden. Kemahiran pengkaji semasa proses temu bual membolehkan pengkaji menggalakkan informan bercakap lebih panjang seterusnya mendapatkan lebih banyak maklumat. Walau bagaimanapun, pandangan responden yang banyak tidak semestinya menggambarkan kajian kualitatif yang mempunyai data deskriptif yang terperinci. Kualiti maklum balas daripada responden juga penting dalam kajian kualitatif menggunakan metodologi temu bual⁴¹. Pemilihan metode temu bual semi-struktur hanya merupakan panduan untuk mengendalikan temu bual. Ini kerana sekiranya berlaku situasi tertentu yang menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat balas daripada informan. Maka, pengkaji perlu mengubahsuai bentuk soalan untuk memudahkan dan membantu informan supaya dapat mencapai objektif kajian ini.

4.5.7 Penilaian Dokumen

Salah satu metode pengumpulan data ialah melakukan tinjauan dokumentasi. Kepentingan melakukan rujukan terhadap dokumentasi ialah mendapatkan bukti-bukti tambahan dan sokongan daripada sumber-sumber yang lain. Dokumen membantu mengesahkan maklumat yang diperolehi semasa temu bual dengan responden. Seterusnya, dokumen turut menyediakan maklumat yang spesifik dan terperinci untuk menambah maklumat daripada sumber yang lain dan membuat kesimpulan daripada dokumen. Dalam situasi tertentu, penilaian dokumen membantu pengkaji mengesan sekiranya terdapat percanggahan dengan maklumat yang diperolehi semasa temu bual.

⁴¹ Hsiung, P. C., "Characteristics of Good Interview", laman sesawang *Lives and Legacies: A Guide to Qualitative Interviewing*, dicapai 2 Jun 2014, <http://www.utoronto.ca/~pchsiung/LAL/interviewing/characteristics>

Maklumat atau data melalui penilaian dokumen, temu bual dan pemerhatian perlu diperiksa kesahihan dan digunakan semasa proses menganalisis data⁴². Yin menjelaskan dokumen-dokumen yang perlu dikumpulkan dalam kajian kualitatif⁴³. Pertama ialah surat, memorandum dan kenyataan lain. Kedua ialah agenda, pengumuman, minit mesyuarat dan repot bertulis acara yang dijalankan. Ketiga ialah dokumen pentadbiran, proposal, laporan kemajuan dan rekod-rekod dalaman yang lain. Keempat ialah kajian rasmi atau penilaian berkaitan kajian. Kelima ialah keratan surat khabar dan artikel berkaitan yang dipaparkan dalam media massa dan surat khabar tempatan.

Seterusnya, penilaian dokumen turut dijalankan terhadap rekod simpanan. Antara contoh rekod simpanan yang perlu dilakukan penilaian dokumen ialah⁴⁴; pertama, rekod perkhidmatan seperti jumlah pelanggan yang menerima perkhidmatan untuk tempoh masa tertentu. Kedua, rekod organisasi seperti carta organisasi dan budget untuk tempoh masa tertentu. Ketiga, pelan dan carta berkaitan karakter geografi dan rekabentuk lapangan. Ketiga, senarai nama atau item lain yang berkaitan. Keempat, data kaji selidik seperti rekod bancian dan data-data lepas yang dikumpulkan mengenai lapangan kajian. Dalam konteks kajian industri takaful, rekod utama yang memaparkan seluruh data transaksi operasi SPT ialah laporan tahunan yang dikeluarkan SPT.

Bagaimanapun, kajian ini berhadapan dengan masalah mendapatkan penilaian berkaitan dokumen. Ini berikutan ketiadaan maklumat yang telus dalam pematuhan syariah SPT. Malahan laporan tahunan SPT adalah ringkas dengan menyatakan bahawa: *“All earning that had been realised from sources or by means prohibited by the shariah principles have been considered for disposal for charity courses...⁴⁵”* Ketidadaan

⁴² Marshall, C. and Rossman, G. C., *Designing Qualitative Research*, Ed ke-2 (London: Sage Publication, 1995), 86.

⁴³ Yin, *Case Study Research*, 85.

⁴⁴ *Ibid.*, 104.

⁴⁵ MAA Takaful Berhad, *Laporan Tahunan 2014* (Kuala Lumpur: MAA Takaful Berhad, 2014), 17.

mengenai profil risiko syariah dalam laporan kewangan tahunan atau dokumen yang boleh diakses umum turut dipersetujui oleh Sheila Ainon Yussof yang telah mencadangkan satu laporan audit syariah dikeluarkan secara terperinci yang merangkumi ruang lingkup keterdedahan risiko syariah, tindakan pembetulan terhadap risiko syariah tersebut dan juga aktiviti yang dijalankan SPT bukan sahaja aspek penyata kewangan malahan meliputi seluruh aktiviti dan operasi SPT⁴⁶.

Daripada hasil rujukan terhadap dokumentasi seperti laporan tahunan SPT dan kajian-kajian mengenai kecukupan dan ketelusan laporan pematuhan syariah IKI menunjukkan laporan tahunan SPT begitu ringkas dalam memaparkan proses memastikan pematuhan syariah dalam operasi dan aktiviti SPT. Oleh sebab itu, kajian ini sangat bergantung kepada maklum balas yang diberikan oleh informan-informan kajian. Ketiadaan laporan terperinci mengenai pematuhan syariah khususnya mengenai keterdedahan risiko syariah dan bagaimanakah tindakan SPT dalam turut memberi “jurang maklumat” yang memerlukan penjelasan lanjut dalam kajian ini.

Pada masa yang sama, kajian turut menggunakan metode penilaian dokumen contoh laporan tahunan SPT, dokumen perundangan seperti APKI 2013, Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Akta Takaful 1984. Begitu juga, kajian ini turut meneliti dokumen seperti sijil takaful, brosur-brosur pemasaran SPT dan dokumen-dokumen penamaan SPT.

4.5.8 Metode Pemerhatian

Metode observasi merupakan sumber lain dalam kajian kualitatif. Metode observasi atau kaedah pemerhatian ialah satu cara mengumpulkan data tanpa melibatkan komunikasi

⁴⁶ Sheila Ainon Yussof, Prospects Of A Sharīcah Audit Framework For Islamic Financial Institutions In Malaysia, *Islam and Civilisational Renewal* 4, no. 1 (Januari 2013), 98-99.

secara langsung dengan informan. Pemerhatian merupakan metode asas dan kritikal dalam kajian kualitatif. Pemerhatian digunakan untuk mengetahui hubungan interaksi yang kompleks dalam situasi yang biasa. Pemerhatian turut digunakan semasa temu bual dijalankan dengan mengambil bahasa badan, intonasi suara dan lain-lain yang mempengaruhi maklumat daripada responden⁴⁷.

Informan diperhatikan dalam persekitaran semulajadi atau aktiviti atau tingkah laku mereka direkodkan⁴⁸. Observasi secara formal termasuklah observasi mengenai mesyuarat, aktiviti sekitar, suasana gaya kerja dan lain-lain. Observasi yang kurang formal boleh dilakukan semasa lawatan ke lapangan kajian semasa mendapatkan maklumat kajian. Sebagai contohnya, suasana di tempat kerja boleh menunjukkan atau memberi indikator mengenai iklim dan kesukaran sesuatu organisasi⁴⁹. Metode pemerhatian dicatatkan sebagai “memo” dalam menganalisis data-data temu bual. Pemerhatian dibuatkan terhadap maklum balas oleh informan yang temu bual. Metode pemerhatian ini digunakan secara tidak formal oleh pengkaji. Metode pemerhatian digunakan untuk menilai sejauhmana informan-informan selesa dan sudi untuk bekerjasama memberi maklumat kepada informan. Sekiranya penilaian berdasarkan pemerhatian pengkaji menunjukkan informan kurang selesa dan tidak bersedia berkongsi maklumat, maka pengkaji perlu mengubah suai reka bentuk soalan agar informan dapat berkongsi data temu bual dengan situasi yang lebih terbuka dan telus. Namun, kajian ini tidak menggunakan metode pemerhatian secara metode utama kerana metode pemerhatian ini cenderung untuk menyebabkan bias dalam kajian. Bagaimanapun, metode pemerhatian membantu dalam memperolehi data secara lebih mendalam, terperinci dan telus.

⁴⁷ Marshall dan Rossman, *Designing Qualitative Research*, 79-80.

⁴⁸ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2005) 135.

⁴⁹ Yin, *Case Study Research*, 101.

4.5.9 Metode *Al-Istiqra'*

Sarjana Muslim turut memperkenalkan metode *al-istiqra'* yang mempunyai ciri-ciri hampir sama dalam kajian kualitatif dikenali *al-istiqra'*. Metode *al-istiqra'* merupakan metode turut digunakan dalam kajian ini. Metode ini melibatkan proses pemerhatian untuk mendalami hubungan antara dua atau lebih fenomena yang dikaji. Metode *al-istiqra'* meneliti semua fakta kajian untuk mendapatkan kesimpulan terhadap permasalahan yang dikaji. Al-Syatibi turut menggunakan metode *al-istiqra'* bagi membuktikan bahawa syariah yang diturunkan dalam bentuk hukum bertujuan untuk faedah dan kepentingan manusia⁵⁰. Al-Buti' turut mengukuhkan lagi pendekatan metode *al-istiqra'* ini dengan memperkenalkan konsep “sumber kajian” dan “dapatan kajian”. Al-Buti' turut menekankan bahawa semua “sumber kajian” perlu dinyatakan dengan jelas sumber asalnya serta rantaian “sumber kajian” tersebut. “Sumber kajian” perlu dijelaskan dari segi kualiti contohnya kelayakkan individu yang menyampaikan dan jumlah majoriti atau bilangan ramai dalam menyatakan “sumber kajian” dapat mengukuhkan sumber dan menghindarkan penyelewengan terhadap “sumber kajian”. Manakala, setiap “dapatan kajian” perlu dinyatakan dengan bukti yang jelas⁵¹. Sarjana Muslim sangat teliti terhadap kajian yang dijalankan dan memperkenalkan kriteria dalam menilai kesahihan kajian iaitu setiap sumber kajian perlu tepat melalui pemeriksaan mendalam dan setiap kenyataan perlu melalui bukti yang perlu disiasat dan diteliti⁵².

⁵⁰ Al-Shatibi, *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Sharī'ah*. 2: 3.

⁵¹ Al-Buti, M. Sa'id Ramadan, *Kubra Al-Yaqiniyat Al-Kawniyah Wujud Al-Khaliq Wa-Wazifat Al-Makhlūq : Ma`A Tamhid Baligh Al-Ahammiyah Fi Bayan Manhaj Al-Bahth Al-'Ilmi `An Al-Haqiqah `Inda `Ulama' Al-Muslimin Wa-Ghayrihim*. (Bayrut: Dar al-Fikr, 1974), 35-38.

⁵² *Ibid.*, 34.

4.5.10 Trigulasi Data

Trigulasi ialah kepelbagaian sumber data untuk menjelaskan sesuatu kajian. Michael berpendapat trigulasi data merupakan cara yang terbaik untuk meneliti satu perkara melalui pebagai aspek yang berbeza. Ini membolehkan kajian tersebut mendapatkan gambaran penuh sesuatu kajian mengenai apa yang berlaku. Trigulasi data termasuklah daripada temu bual dengan data-data dokumentasi atau data yang melibatkan dua metode kajian yang berbeza iaitu kajian kes secara kualitatif dengan data kualitatif daripada soal selidik⁵³.

Walau bagaimanapun, trigulasi data perlu digunakan dengan betul dan sesuai. Dalam keadaan tertentu, trigulasi data menunjukkan dapatan kajian yang tidak konsisten. Pengkaji perlu menilai semula kajian-kajian tersebut kerana terdapat perbezaan situasi yang berbeza seperti perbezaan responden, tempat kajian, jumlah responden menyebabkan dapatan kajian yang berbeza⁵⁴. Voss et al. turut menyokong bahawa pengkaji perlu memberi melihat tumpuan kepada pandangan dan maklumat mengenai situasi, acara dan proses-proses kajian. Beliau menambah lagi bahawa sekiranya pengkaji mendapati terdapat perbezaan dan pandangan yang tidak mencukupi. Maka, langkah penting seterusnya ialah mendapatkan sumber maklumat yang lain untuk mengesahkan maklumat tersebut⁵⁵. Ini bermaksud pendekatan dalam trigulasi data digunakan untuk menyokong dan mengesahkan dapatan kajian dalam kualitatif bagi mengukuhkan kredibiliti kajian.

Trigulasi data dalam kajian ini adalah jelas walaupun kajian hanya melibatkan 1 informan bagi 1 SPT. Ini berikutan kebanyakan informan-informan kajian mengetahui

⁵³ Michael D. Myers, *Qualitative Research Research in Bussiness & Management* (London: Sage Publication, 2009), 10.

⁵⁴ Bailey, *A Guide to Qualitative Field Research*, 76-77.

⁵⁵ Voss, C., Tskriktsis, N. dan Frohlich, M. "Case Research in Operations Management", *International Journal of Operation and Production Management* 22, no. 2 (2002), 195-219.


mengenai praktis pematuhan syariah di SPT mereka bertugas dan praktis di beberapa SPT yang lain. Ini berikutan terdapat 4 informan lain pernah berkhidmat sekurang-sekurang satu dan lebih SPT yang lain. Selain itu juga, informan-informan kajian turut berkongsi pandangan mengenai isu-isu pematuhan syariah dalam industri takaful melalui organisasi seperti “*Malaysian Takaful Association*” dan “*Association of Shariah Advisor in Islamic Finance Malaysia*” (ASAS) dari semasa ke semasa melalui perbincangan dalam muzakarah dan seminar kewangan Islam yang lain. Informan-informan kajian ini juga berkongsi dan membincangkan isu-isu dalam industri takaful melalui perbincangan tidak rasmi seperti kumpulan aplikasi “watsapps” yang terdiri daripada pegawai-pegawai Syariah dalam SPT di Malaysia. Dengan erti kata lain, kebanyakan informan-informan kajian sangat jelas mengenai praktis SPT di mana mereka bertugas dan turut mengetahui praktis yang dilakukan dalam SPT yang lain. Namun begitu, perbezaan praktis dalam SPT masih berlaku disebabkan perbezaan lesen operasi sama ada hanya keluarga atau komposit, jenis permohonan takaful yang diterima, pandangan dan interpretasi Jawatantakuasa Syariah SPT, pendekatan Pihak Pengurusan Kanan SPT yang turut mempengaruhi praktis operasi dan pematuhan syariah SPT.

4.6 Metode Analisis Data Kualitatif

Masalah utama dalam kajian kualitatif ialah keadaan data yang besar dan kompleks. Oleh itu, kajian kualitatif perlu mempunyai panduan untuk menghasilkan analisis yang betul. Analisis kajian kualitatif memerlukan penglibatan langsung pengkaji untuk menunjukkan kepentingan kajian dan mencapai objektif kajian. Proses menganalisis kualitatif melibatkan proses sepertimana dicadangkan oleh Miles dan Huberman⁵⁶. Proses menganalisis kualitatif ini tidak semestinya dijalankan secara urutan sahaja

⁵⁶ Miles, M.B. dan Huberman, *Qualitative Data Analysis* (London: Sage Publication, 1994), 49-78.

malah kadangkala perlu dijalankan secara serentak dan berulang-ulang. Di peringkat awal kajian, pengkaji turut akan berhadapan dengan kekaburan dalam menganalisis data kualitatif. Masalah ini memerlukan penelitian secara aktif oleh pengkaji. Setelah segala data kualitatif berjaya diteliti dan diterokai dengan sempurna oleh pengkaji, maka segala kepentingan dan objektif kajian yang ingin dicapai semakin jelas⁵⁷. Terdapat 3 peringkat yang digunakan untuk menganalisis data kualitatif iaitu pengkodan (*coding*), nota memo (*memoing*) dan penjelasan mendalam (*thick descriptions*). Berikut adalah gambaran mengenai proses menganalisis data kualitatif.



Rajah 4.1: Gambaran Proses Menganalisis Data Secara Kualitatif (Othman Talib, 2013⁵⁸)

⁵⁷Hsiung, P. C., "What is Qualitative Analysis", laman sesawang Lives and Legacies: A Guide to Qualitative Interviewing, dicapai 2 Jun 2014, <http://www.utoronto.ca/~pchsiung/LAL?analysis/introduction>.

⁵⁸ Othman Talib, *Atlas.ti: Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Illustrasi Langkah Demi Langkah* (Bandar Baru Bangi. MPWS Rich Resources, 2013), 101-109. Lihat juga, Othman Talib, *Asas*

Rajah 4.1 menunjukkan gambaran proses menganalisis data secara kualitatif. Terdapat tiga proses menganalisis data yang digunakan iaitu pengekodan terbuka, pengekodan baru, pengekodan bertema dan catatan memo. Berikut adalah penjelasan mengenai ketiga-tiga proses menganalisis data kualitatif.

4.6.1 Pengekodan

Pengekodan ialah proses mengatur dan menyusun data selepas proses pengumpulan data daripada temu bual. Pengekodan bertujuan untuk melabelkan, menyusun dan mengatur data mentah yang diperolehi. Seterusnya, pengekodan digunakan untuk menghubungkan antara data dan pentaksiran kepada data. Ini bererti pengekodan merupakan peringkat pertama dalam menganalisis data kualitatif daripada temu bual.

4.6.1.1 Pengekodan Terbuka

Umumnya, “pengekodan terbuka” ialah proses untuk mengasingkan data bertulis dalam teks yang banyak kepada data yang lebih terurus. Ini membolehkan data-data tersebut dikumpulkan bersama yang bersesuaian dan digunakan diperingkat analisis seterusnya⁵⁹. Pengekodan terbuka boleh mempunyai sekurang-kurangnya 10 kod atau sehingga 40-50 kod. Bagaimanapun, Bailey mengesyorkan agar tidak mewujudkan terlalu banyak kod kerana proses pengekodan boleh menyebabkan “pengekodan baru” seperti dalam rajah iaitu yang tidak dalam teori atau mungkin membuat kesilapan dalam pengekodan sekiranya terlalu banyak kod diwujudkan. Seterusnya, pengkaji perlu meneliti setiap baris dalam transkrip temu bual dan mengekod apa sahaja yang berpotensi digunakan dalam menganalisis data. Namun, semakin banyak mengekod dibuat dan diubah. Maka

Menganalisis Data Kualitatif (Seminar Analisis Data Kualitatif Menggunakan Atlas.ti, MPWS Training Centre Bandar Baru Bangi, Selangor, 14 Februari 2015).

⁵⁹ Hesse-Biber, S., dan Leavy, P., *The Practice of Qualitative Research*. Ed ke-2 (Thousand Oaks, CA: Sage, 2006), 311.

semakin banyak kod yang mungkin tidak digunakan apabila ke peringkat pengekodan kategori dan pengekodan bertema⁶⁰.

4.6.1.2 Pengekodan Kategori dan Bertema

Setelah data-data dikodkan menggunakan pengekodan terbuka. Data-data tersebut akan dikodkan lagi dengan pengekodan kategori. Pengekodan kategori adalah berdasarkan idea-idea, konsep, tindakan, hubungan, makna, dan lain-lain yang datang dalam data dan adalah berbeza daripada pengekodan terbuka. Pengekodan kategori digunakan untuk mengurangkan data dengan menggabungkan kod-kod awal kepada kategori yang lebih besar yang menggabungkan pelbagai kod-kod awal. Ini bertujuan meminda kod-kod awal yang agak literal atau makna tersurat sahaja kepada kod-kod yang mempunyai konsep tertentu⁶¹. Pendekatan pengekodan dalam kajian kualitatif tidak hanya tertakluk kepada pendekatan pengekodan sahaja tetapi mempunyai banyak kepelbagaian kepada kepada situasi kajian yang dijalankan⁶². Setelah pengekodan kategori, kod-kod kategori akan digabungkan mengikut tema dan idea-idea yang dibentuk berdasarkan data-data temu bual yang telah dikodkan. Pengekodan bertema ini bertujuan untuk membentuk gabungan tema bagi mewujudkan sebuah model, teori atau hubungan yang baru hasil daripada analisis kajian kualitatif yang dijalankan.

4.6.2 Catatan Memo

Catatan memo (*memoing*) ialah tindakan merekodkan nota atau catatan tertentu bagi menggambarkan tentang apa yang dikaji sama ada di lapangan, selepas pengekodan data atau analisis data bertujuan mendapatkan suatu pembelajaran berkaitan kajian. Catatan memo mengumpul idea-idea secara bertulis dengan merekodkan mengenai konsep

⁶⁰ Bailey, *A Guide to Qualitative Field Research*, 128-129.

⁶¹ Hesse-Biber, dan Leavy, *The Practice of Qualitative Research*, 310-312.

⁶² Untuk penjelasan berkaitan pendekatan pengekodkan mengikut situasi kajian. Lihat Saldana, J., *The Coding Manual for Qualitative Research*. Ed ke-2 (London: Sage, 2013), 2-40.

kajian dan hubungan yang berkaitan. Catatan memo cenderung berdasarkan tindak balas atau reflektif semasa dan selepas pengumpulan data. Catatan memo merupakan nota bagi penyelidik mengenai beberapa hipotesis berkaitan kategori dan hubungan antara kategori yang telah dikodkan. Oleh sebab itu, Clarke menyatakan catatan memo merupakan bentuk perbincangan dalaman diri sendiri atau pandangan pengkaji yang merupakan instrument kajian mengenai data-data yang diperolehi⁶³. Memo ini menambah kredibiliti dan kebolehpercayaan penyelidikan kualitatif dan menyediakan rekod menjelaskan maksud yang diperolehi daripada data mentah. Saldana memberi contoh pendekatan dalam catatan memo⁶⁴. Menurut Saldana, catatan memo bukanlah satu kaedah yang tetap dan rigid kerana sebenarnya tidak terdapat kaedah-kaedah tertentu yang mesti diikuti semasa proses catatan memo. Bagaimanapun, setiap memo perlu mengandungi satu idea dan perlu bertarikh dan dirujuk.

Memo berkembang sebagai hasil penyelidikan dan mungkin berbeza dengan ketara dalam gaya dan cara. Bagaimanapun, kelemahan manusia cenderung untuk melupakan idea-idea yang diperolehi semasa mengalami atau diperhatikan pada kadar yang agak cepat dalam pengumpulan data. Oleh itu, catatan memo semasa pengumpulan data atau pada bila-bila sahaja setelah mendapatkan idea tertentu sangat diperlukan⁶⁵. Kesimpulannya, catatan memo merupakan sebahagian daripada proses menganalisis data yang memerlukan persoalan, pernyataan hipotesis dan meneliti jawapan dalam data-data yang diperolehi.

⁶³Clarke, A. E, *Situational Analysis: Grounded Theory After Postmodern Turn* (Thousand Oaks, CA: Sage, 2005), 202.

⁶⁴ Saldana, *The Coding Manual for Qualitative Research*, 41-53.

⁶⁵ Bailey, *A Guide to Qualitative Field Research*, 133-134.

4.6.3 Penjelasan Mendalam

Penjelasan yang mendalam berkaitan kajian meliputi perincian mengenai situasi kajian, interaksi dalam kajian dan setiap sesuatu data semasa pengumpulan data dijalankan. Penjelasan ini perlu menjawab persoalan berbentuk apa, siapa, bagaimana, bila dan mengapa sesuatu berlaku. Secara mudahnya, penjelasan mendalam merangkumi setiap aspek terperinci dalam kajian. Walau bagaimanapun, tidak semua yang data yang diperolehi perlu dimasukkan secara keseluruhan sebagai penjelasan kerana keperluan data masih memerlukan penilaian analitikal daripada pengkaji. Dengan maksud yang lain, pihak yang meneliti hasil kajian kualitatif hanya perlu mengetahui apa yang bermanfaat mengenai kajian dan bukan data mentah daripada lapangan kajian⁶⁶. Umumnya, penjelasan mendalam ini sukar untuk dinilai sejauhmana penjelasan yang disampaikan memenuhi kriteria penjelasan mendalam. Namun, aspek penjelasan yang mendalam dianggap selesai sekiranya pembaca dapat menggambarkan dengan bagaimana situasi kajian dijalankan⁶⁷.

4.6.4 Induktif Dan Deduktif

Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan ini yakni induktif dan deduktif. Secara mudahnya, deduktif bermaksud pandangan daripada khusus kepada umum. Kajian deduktif digunakan untuk menguji hubungan tertentu yang telah mempunyai teori⁶⁸. Wilson pula menjelaskan bahawa pendekatan deduktif ialah membangunkan hipotesis berdasarkan teori yang sedia ada dan seterusnya merekabentuk suatu kajian penyelidikan untuk menguji hipotesis tersebut⁶⁹. Dalam erti

⁶⁶ Wolcott, H., *Transforming Qualitative Data: Description, Analysis and Interpretation* (Thousand Oaks, CA: Sage Publication, 1994), 12-14.

⁶⁷ Bailey, *A Guide to Qualitative Field Research*, 137-140.

⁶⁸ Gulati, P. M., *Research Management: Fundamental and Applied Research*, (New Delhi: Global India Publications, 2009), 42

⁶⁹ Wilson J., *Essentials of Business Research a Guide To Doing Your Research Project* (Thousand Oaks, CA: Sage Publication, 2010), 7.

kata lain, sekiranya pendekatan deduktif digunakan dalam kajian. Satu set hipotesis perlu diuji untuk menentukan sama ada hipotesis tersebut betul atau salah. Ini menunjukkan pendekatan deduktif menggunakan satu teori yang khusus dan kemudiannya diuji untuk mendapatkan dapatan kajian yang lebih umum.

Umumnya, pendekatan induktif adalah berlawanan dengan pendekatan induktif. Pendekatan induktif membalikkan proses yang dilakukan dalam pendekatan induktif⁷⁰. Pendekatan deduktif daripada khusus kepada umum manakala pendekatan induktif pula daripada umum kepada khusus. Dalam pendekatan induktif, tidak terdapat apa-apa hipotesis boleh digunakan di peringkat awal kajian dan pengkaji tidak menjangka sebarang kesimpulan sehinggalah kajian tersebut selesai.

Neuman berpendapat penyelidikan induktif bermula dengan pemerhatian terperinci dalam situasi yang umum dan kemudiannya bergerak ke arah mengubal pandangan yang lebih khusus⁷¹. Pendekatan induktif bermula dengan pemerhatian secara umum dan seterusnya teori digubal pada peringkat akhir kajian dan hasil daripada kajian yang dijalankan. Penyelidikan induktif melibatkan proses mendalam situasi kajian dan meneliti pembentuk penjelasan untuk membentuk kesimpulan apabila kajian selesai⁷². Dalam erti kata lain, tiada teori akan digunakan dalam kajian induktif pada permulaan penyelidikan dan pengkaji bebas dari segi mengubah hala tuju untuk kajian selepas proses penyelidikan telah bermula. Lodico et al, menjelaskan bahawa pendekatan induktif sering dirujuk sebagai proses daripada peringkat bawah ke atas yang mana pengkaji akan menggunakan metode pengumpulan data dan menganalisis data untuk menggambarkan permasalahan atau fenomena yang sedang dikaji. Seterusnya,

⁷⁰ Lancaster, G., *Research Methods in Management: A Concise Introduction to Research in Management and Business Consultancy* (USA: Routledge, 2005), 25.

⁷¹ Neuman, W. L., *Social Research Methods. Qualitative and Quantitative Approaches* (Boston: Pearson, Allyn and Bacon, 2006), 51.

⁷² Bennard, H. R., *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Approaches*. Ed ke-5 (Plymouth, UK: AitaMira Press, 2011), 7.

dapatan kajian akan digunakan menuju ke arah pembentukkan teori⁷³. Jadual 4.2 akan menunjukkan perbezaan antara pendekatan deduktif dan induktif.

Jadual 4.2: Perbezaan Utama antara Deduktif dan Induktif (Saunders et al., 2003⁷⁴)

Deduktif	Induktif
Prinsip saintifik	Memahami dan mendalami berkaitan sikap, peristiwa dan nilai-nilai berkaitan kemanusiaan.
Pergerakkan daripada data kepada teori	Mempunyai hubungan rapat dengan konteks kajian
Keperluan menjelaskan hubungan sebab anantara pembolehubah	-
Pengumpulan data Kuantitatif	Pengumpulan data secara Kualitatif
Pengawalan bagi memastikan kesahihan data	Pendekatan fleksibel untuk membolehkan perubahan dalam penekanan kajian dan pengkaji merupakan sebahagian daripada proses kajian.
Menggunakan operasional konsep untuk memastikan kesahihan definisi	Pengkaji merupakan sebahagian daripada proses kajian
Pendekatan struktur yang sangat baik	Pendekatan struktif yang fleksibel tetapi mendalam
Pengkaji bebas dan tidak berhubung dengan perkara yang dikaji.	Pengkaji merupakan sebahagian daripada proses kajian
Keperluan untuk memilih saiz sampel yang mencukupi untuk membina kesimpulan.	Kurang kebimbangan berkaitan pembentukkan kesimpulan.

Bagaimanapun, Mangan menjelaskan bahawa pembentukkan teori melibatkan proses berulang yang menggunakan kedua-dua pendekatan iaitu deduktif dan induktif⁷⁵. Beliau juga menjelaskan teori yang sedia ada bersifat tidak muktamad dan bertujuan untuk mengisikan jurang apa yang telah diketahui dengan apa yang boleh diketahui⁷⁶. Pengasingan antara pendekatan deduktif dan induktif tidak membantu malah seringkali menyebabkan kegagalan kepada para pengkaji yang keterlaluan dalam penggunaan mana-mana satu pendekatan sahaja.

⁷³Lodico, M. G., Spaulding, D. T., dan Voegtle, K. H., *Methods in Educational Research: From Theory to Practices* (San Francisco: John Wiley & Sons, 2010), 10.

⁷⁴ Saunders, M., Lewis, P. dan Tornhill, A. *Research Methods for Business Students*, Ed. ke-3 (England: Pearson Education Limited, 2003) 31.

⁷⁵ Mangan, J., Lalwani, C. dan Gardner, B, "Combining Quantitative and Qualitative Methodologies in Logistics Research," *International Journal of Physical Distribution and Logistic Management* 34, no. 7 (2004), 576:565-578.

⁷⁶ Parkhe, A. "Messy Research, Methodological Predisposition, and Theory Development in International Joint Venture," *Academy of Management Review* 18, no. 2 (1993), 227-268.

Metode kualitatif sangat bermanfaat untuk pendekatan induktif dan kajian penerokaan kerana ini akan menghala pengkaji kepada pembinaan hipotesis dan penjelasan berkaitan kajian. Kajian kualitatif bermula pada awal 1900an apabila para pengkaji kualitatif bertindak balas terhadap pendekatan dasar *positivist* dengan memberi pentafsiran yang dipercayai dan diakui kesahihan dalam penulisan kualitatif. Ini berdasarkan kepada kritikan pengkaji kualitatif yang berpendapat bahawa kajian *positivist* adalah agak asing dan pelik⁷⁷.

Terdapat beberapa kelebihan dalam menjalankan kajian kualitatif. Kajian kualitatif mempunyai nilai natural yang menyediakan pandangan sebenar kehidupan atau fenomena berkaitan kajian. Tambahan pula, data kualitatif dikumpulkan dalam tempoh masa yang berterusan menyebabkan ia sangat sesuai digunakan untuk mengkaji apa-apa permasalahan kajian. Kajian kualitatif menekankan pengalaman langsung manusia atau "*people's lived experience*" menyebabkan pendekatan ini sangat sesuai untuk memahami berkaitan manusia dalam satu-satu peristiwa, proses-proses dan struktur-struktur dalam kehidupan mereka. Selain itu, kajian kualitatif turut dicaadangkan sebagai strategi yang terbaik dalam kajian untuk menemui dan meneroka bidang-bidang yang baru⁷⁸.

Pengkaji kualitatif menjelaskan bahawa tidak sepatutnya beranggapan bahawa hanya kuantitatif sahaja yang mampu menentukan kesahihan dalam dapatan kajian. Ini bermaksud terdapat beberapa praktik dalam kajian kuantitatif seperti eksperimen, statistik rasmi dan data kaji selidik tidak sesuai dalam sains sosial⁷⁹. Tambahan pula, pendekatan yang rigid atau tegar dan terlalu berstruktur tidak sesuai untuk kajian

⁷⁷ Denzin, N. K. dan Lincoln, Y.S. "Introduction: Entering the Field of Qualitative Research" dalam *Handbook of Qualitative Research*, ed. Denzin, N. K. dan Lincoln, Y.S. (London: Sage Publication, 1994), 11-17.

⁷⁸ Amaratunga, D. et al., "Quantitative and Qualitative Research," 17-31.

⁷⁹ Silverman, D. *Interpreting Qualitative Data*. Ed ke-4 (London: Sage Publication, 2001), 2-3.

kualitatif⁸⁰. Berlaku keadaan kesukaran mengkaji proses sosial menggunakan metode kuantitatif. Oleh yang demikian, metode kualitatif digunakan kerana sangat sesuai dan mampu menyediakan data dan kefahaman secara terperinci. Kajian kualitatif turut mengadaptasi kepelbagaian metode yang menarik dan berkonsepkan kemanusiaan sepertimana penumpuan terhadap proses sosial⁸¹.

Pentafsiran asas dalam kajian kualitatif ialah melibatkan elemen-elemen berikut. Pertama, pengkaji sangat berminat untuk mengkaji bagaimana responden “berinteraksi” dengan suatu fenomena dan situasi. Kedua, proses “berinteraksi” merupakan perantaraan melalui pengkaji sebagai alat atau instrumen kajian. Ketiga, strategi kajian menggunakan induktif. Keempat, hasil kajian dalam bentuk deskriptif⁸².

4.6.5 Analisis Data Kualitatif Menggunakan Program *Atlas.ti* 7

Miles dan Huberman telah mencadangkan penggunaan program Komputer untuk menganalisis data kualitatif⁸³. Berikut adalah cadangan proses menggunakan program computer untuk menganalisis data kualitatif:

- i. Membuat catatan di lapangan.
- ii. Menulis transkrip catatan di lapangan.
- iii. Proses mengedit termasuklah membuat pembetulan, penambahan dan penilaian catatan di lapangan.
- iv. Pengekodan iaitu melampirkan kata kunci untuk membahagikan atau mengkhususkan teks transkrip untuk memudahkan analisis kajian.

⁸⁰ Mason, J. *Qualitative Researching*. Ed ke-2 (London: Sage Publication, 2004), 11-12.

⁸¹ Allan, G. “Qualitative Research,” dalam *Handbook for Research Student in Social Sciences*, ed. Allan, G. dan Skinner, C., Ed ke-1 (London: The Farmer Press, 1991), 177-189.

⁸² Meriam, S. B., dan Associates, *Qualitative Research in Practices: Examples for Discussion and Analysis*, Ed. 1 (New York: John Wiley & Sons, 2002), 6.


⁸³ Miles, M., dan Huberman, A. M., *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcesbook*. Ed ke-3. (Thousand Oaks, CA: Sage Publication, 1994) 44,

- v. Penyimpanan data iaitu menyimpan teks transkrip dalam simpanan data yang tersusun.
- vi. Carian dan carian semula maklumat: Perisian analisis data kualitatif meletakkan segmen data secara berkelompok dan tersusun. Ini juga bertujuan memudahkan pencarian data apabila diperlukan semasa proses menganalisis data.
- vii. Menghubungkan data: Perisian analisis data menunjukkan hubungan data secara bersegmen daripada teks kajian termasuklah secara kategori, berkelompok ataupun rangkaian maklumat.
- viii. Catatan Memo: dihasilkan dalam menganalisis data kualitatif. Catatan memo merupakan komentar secara refeltif atau bertindakbalas daripada data yang diperolehi serta kefahaman yang mendalam mengenai data.
- ix. Analisis kandungan meliputi jumlah kekerapan, kelompok dan lokasi tempat perkataan dan frasa dalam teks kajian.
- x. Persembahan data dengan meletakkan data terpilih atau data yang dikurangkan dalam format yang tersusun secara padat contohnya dalam bentuk matriks atau rangkaian data.
- xi. Melakar kesimpulan dan pengesahan. Perisian computer membantu untuk mentafsir data yang ditunjukkan dan menguji data tersebut.
- xii. Pembinaan teori: Perisian komputer turut digunakan untuk membangunkan teori yang sistematik, membina konsep yang jelas berkaitan dapatan kajian.
- xiii. Pemetaan grafik dibuat menggunakan perisian computer dengan membentuk rajah bagi menggambarkan dapatan dan teori kajian.
- xiv. Menyediakan laporan pertengah dan laporan akhir.

Perisian computer dalam kajian kualitatif dikenali dengan akronim *CAQDAS* iaitu *Computer Aided Qualitative Data Analysis* yang merupakan perisian computer yang digunakan untuk menganalisis data kualitatif. Antara contoh *CAQDAS* yang biasa

digunakan ialah *ATLAS.ti*, *MAXqda* dan *Nvivo*⁸⁴. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan perisian *Atlas.ti 7* yang dilihat lebih mesra pengguna dan mudah dipelajari menggunakan asas tunjur ajar. Tambahan pula, terdapat panduan yang mudah difahami dan dipraktikkan untuk menggunakan perisian *Atlas.ti*⁸⁵. Pengkaji juga telah menyertai kursus penggunaan aplikasi *Atlas.ti 7* bagi memahami penggunaan aplikasi berkomputer ini.

Setelah data-data kualitatif dilakar dengan gambar rajah secara grafik. Hasil gambaran grafik tersebut turut menunjukkan proses menganalisis data secara kualitatif melalui pendekatan induktif dan deduktif. Bagaimanapun, program berkomputer ini hanya bersifat alat bantuan untuk merangka data dan menganalisis kajian. Pengkaji masih perlu menggunakan penilaian secara analitikal untuk menganalisis berdasarkan metode kajian kualitatif yang telah diperjelaskan. Berikut adalah ringkasan memahami gambaran grafik dalam *Atlas.ti 7*:




Rajah 4.2: Kod dalam gambar rajah grafik *Atlas.ti 7*

Rajah 4.2 menunjukkan contoh gambaran kod (*code*) yakni kelihatan satu tanda berwarna “kuning” di sebelah kiri bagi membezakan antara dengan petikan (*quotation*) dan memo.


⁸⁴ Lewins, A. dan Silver, C., *Using Software in Qualitative Research: A Step-By-Step Guide* (Los Angeles: Sage Publication, 2007), 23-26

⁸⁵ Othman Talib, *ATLAS.ti: Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah* (Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources, 2013), 1-115.



Rajah 4.3: Petikan dalam gambar rajah grafik *Atlas.ti 7*

Rajah 4.3 menunjukkan gambaran petikan (*quotation*) yakni kelihatan satu tanda “seakan-akan cebisan kertas berwarna kuning” di sebelah kiri. Kemudiannya diikuti label [1:1] dan [2:1]. Nombor hadapan label menunjukkan data informan yang dipetik. Ini bermaksud [1:1] dipetik dari hasil temu bual informan 1 manakala [2:1] menunjukkan dipetik dari informan 2. Kedudukan label informan boleh dirujuk pada bab 5 rajah 5.1. Nombor belakang tidak menunjukkan makna yang penting tetapi hanya sekadar menunjukkan urutan petikan dalam dokumen utama hasil temu bual.



Rajah 4.4: Memo dalam gambar rajah grafik *Atlas.ti 7*

Rajah 4.4 menunjukkan gambaran memo yakni kelihatan satu tanda “seakan-akan buku nota berwarna merah yang terbuka” di sebelah kiri⁸⁶.

⁸⁶ Ulasan lanjut lihat 4.6.2 suptopik catatan memo.

4.7 Isu Kesahihan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kualitatif

Bagi mengukuhkan aspek kebolehpercayaan dan kesahihan kajian kualitatif, terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan untuk mewujudkan kebolehpercayaan dan kesahihan dalam kajian kualitatif.

Kajian ini menggunakan pendekatan Guba dan Lincoln bagi menunjukkan aspek kebolehpercayaan dan kesahihan yang berlainan daripada kajian kuantitatif. Guba dan Lincoln menggunakan istilah-istilah kredibiliti, dipindah milik, kepercayaan dan kepastian dalam kajian kualitatif⁸⁷. Kriteria kredibiliti, pindahan, kewibawaan dan kepastian dalam kajian kualitatif bertujuan mengukuhkan aspek kebolehpercayaan dan kesahihan di samping untuk menyeimbangkan isu bias yang mungkin berlaku dalam pengumpulan data mahupun semasa menganalisis data kajian kualitatif.

Jadual 4.3: Kesahihan dan Kebolehpercayaan dalam Kualitatif (Lincoln dan Guba, 1985⁸⁸ dan Krefting, 1991⁸⁹)

	Kriteria	Kuantitatif	Kualitatif
Kesahihan (<i>validity</i>)	Nilai Benar (<i>Truth Value</i>)	Kesahihan Dalaman	Kredibiliti (<i>credibility</i>)
	Kebolegunaan (<i>Applicability</i>)	Kesahihan Luaran	Pindah Milik (<i>transferability</i>)
Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>)	Konsisten (<i>Consistency</i>)	Kebolehpercayaan	Kepercayaan (<i>dependability</i>)
	Berkecuali (<i>Neutrality</i>)	Mempunyai Objektif	Kepastian (<i>Confirmability</i>)

Jadual 4.3 menunjukkan perbandingan perbezaan aspek kesahihan dan kebolehanpercayaan dalam kajian kualitatif. Berikut pula adalah penjelasan terperinci mengenai aspek kesahihan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif.

⁸⁷ Lincoln, Y. S. dan Guba, E., *Naturalistic Enquiry* (Beverly Hills: CA: Sage, 1985), 295-314.

⁸⁸ *Ibid.* Lincoln dan Guba (1985) telah memperkenalkan pendekatan kesahihan dan kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif kepada pendekatan yang lebih sesuai dalam kajian kualitatif. Kemudian diubahsuai kepada istilah yang lebih sesuai dengan situasi semasa.

⁸⁹ Krefting, L. "Rigor in Qualitative Research: The Assessment of Trustworthiness", *The American Journal of Occupational Therapy* 45, no. 3 (March 1991), 217: 214-222.

4.7.1 Kredibiliti (*Credibility*) dalam Kajian Kualitatif

Aspek kesahihan dalam kajian kualitatif dilihat berdasarkan nilai kebenaran dalam kajian. Walau bagaimanapun, Lincoln dan Guba telah memperkenalkan daripada nilai kebenaran kepada konsep kredibiliti dalam kajian kualitatif⁹⁰. Kredibiliti dalam kajian kualitatif dibina melalui penglibatan dalam lapangan kajian, observasi berterusan, trigulasi kajian dan lain-lain pandangan berkaitan kajian. Seterusnya, data-data yang diasingkan daripada analisis utama perlu dinilai kembali sekiranya terdapat data-data yang tertinggal dalam pembetukkan analisis. Selain itu, elemen kredibiliti yang tidak kurang penting juga ialah pemeriksaan transkrip temu bual dan laporan kajian kembali kepada responden kajian yang dikaji untuk mendapatkan persetujuan atau sebaliknya daripada responden yang ditemu bual⁹¹.

4.7.2 Pindahan situasi (*Transferability*) dalam Kajian Kualitatif

Pindahan situasi ialah hasil dapatan boleh digunakan atau diterima dalam konteks situasi yang lain. Huraian padat dan diperinci sepertimana dicadangkan oleh Lincoln dan Guba sebagai satu cara untuk menunjukkan pindahan situasi dalam kajian kualitatif⁹². Ini turut digunakan bagi menunjukkan kesahihan luaran suatu kajian kualitatif. Dengan menerangkan satu fenomena yang cukup terperinci dan padat, pengkaji lain turut boleh mula menilai sejauh mana kesimpulan yang dibuat boleh dipindah situasi untuk masa, situasi, individu yang ditetapkan⁹³. Kriteria pindahan situasi dalam kajian kualitatif perlu dipertanggungjawab kepada pengkaji atau pembaca seterusnya yang ingin memindahkan dapatan kajian tersebut kepada sampel atau populasi lain. Manakala,

⁹⁰ Lincoln dan Guba, *Naturalistic Enquiry*, 314.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² *Ibid.*, 321.

⁹³ Seale, C. "Quality Issues in Qualitative Inquiry", *Qualitative Social Work* 1, no 1 (2002), 104-105: 97-110.

pengkaji asal hanya bertanggungjawab untuk menghurai secara terperinci dan padat mengenai kajian kualitatif yang dijalankan⁹⁴.

Pendekatan lain untuk menunjukkan kriteria pindahan situasi dalam kajian kualitatif ialah pengkaji mesti menentukan data berkaitan kandungan temu bual, tingkah laku, fenomena atau situasi yang dikaji sama ada normal atau tidak normal. Strategi melalui persampelan tempoh masa kajian dan penilaian pengkaji lain bermanfaat dalam mengenalpasti sama ada data tersebut adalah biasa atau sebaliknya untuk menentukan kriteria pindahan situasi dalam kajian kualitatif⁹⁵. Oleh itu, Patton lebih menyokong kajian kualitatif dalam situasi yang spesifik dan khusus. Patton menjelaskan adalah sangat sukar untuk memastikan persamaan dapatan kajian kerana kesukaran untuk mendapatkan situasi yang sama antara satu kajian dengan kajian yang lain⁹⁶. Bagi menangani isu pindahan situasi, Schram berpendapat bahawa kajian kualitatif yang menjelaskan secara mendalam melibatkan situasi dan konteks kajian. Penjelasan yang mendalam membantu pengkaji-pengkaji kualitatif yang lain untuk memahami situasi kajian tersebut seterusnya membandingkan aspek persamaan atau perbezaan situasi kajian terdahulu dan situasi kajian yang sedang dijalankan⁹⁷. Ini akan membantu kajian kualitatif menghasilkan dapatan kajian yang lebih baik baik dalam situasi yang baru. Kesimpulannya, kriteria pindahan situasi bertujuan menunjukkan kesahihan luaran atau kebolegunaan kajian kualitatif terhadap situasi lain namun bergantung kepada situasi dan konteks kajian yang dijalankan.

⁹⁴ Krefting, "Rigor in Qualitative Research: The Assessment of Trustworthiness", 216.

⁹⁵ *Ibid.*, 221.

⁹⁶ Patton, *Qualitative Evaluation and Research Methods*, 489-491.

⁹⁷ Schram, T., *Conceptualizing Qualitative Inquiry: Mindwork For Fieldwork in Education and The Social Sciences* (Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall, 2003), 49.

4.7.3 Kepercayaan (*dependability*) dalam Kajian Kualitatif

Kriteria kepercayaan dalam kajian kualitatif penting untuk melihat konsistensi dalam kajian kualitatif. Ini berikutan kebanyakan kajian kualitatif dijalankan hanya mengikut keperluan kajian tersebut sahaja tanpa panduan berdasarkan kajian-kajian kualitatif yang telah dijalankan sebelum ini. Kriteria kepercayaan ini bertujuan memastikan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif⁹⁸.

Kriteria kepercayaan memerlukan pengkaji-pengkaji untuk menjelaskan proses semasa menjalankan kajian kualitatif dengan teliti dan terperinci. Penyataan yang jelas berkaitan proses kajian kualitatif membolehkan pengkaji kualitatif berikutnya boleh mengikut proses kajian yang dijalankan sebelumnya. Ini memastikan proses kajian yang betul akan diikuti atau ditambahbaik bagi memenuhi kriteria kebergantungan dalam kajian kualitatif. Para pengkaji dan pembaca seterusnya boleh mengetahui dengan jelas berkaitan proses kajian dan keberkesanan kajian tersebut. Perincian terhadap proses kajian meliputi perkara berikut; pertama, menjelaskan reka bentuk kajian dan pelaksanaan termasuklah apa yang dirancang dan diputuskan untuk dilakukan. Kedua, menjelaskan dengan terperinci proses pengumpulan data di lapangan. Ketiga menjelaskan keputusan penilaian kajian dan keberkesanan proses kajian yang dijalankan⁹⁹.

4.7.4 Kepastian (*Confirmability*) dalam Kajian Kualitatif

Pada peringkat awal, kajian kualitatif mementingkan aspek neutral daripada pengkaji untuk memastikan kebolehpercayaan terhadap kajian. Namun, Guba menekankan bahawa kriteria kepastian adalah lebih penting untuk membina kebolehpercayaan dalam

⁹⁸ Krefting, "Rigor in Qualitative Research: The Assessment of Trustworthiness", 221.

⁹⁹ Shenton, A. K., "Strategies For Ensuring Trustworthiness In Qualitative Research Projects," *Education for Information* 22 (2004),71: 63–75.

kajian kualitatif berbanding dengan aspek neutraliti daripada para pengkaji¹⁰⁰. Penyataan ini turut disokong oleh Patton yang menjelaskan bahawa setiap reka bentuk kajian digubal oleh pengkaji. Maka sikap bias terhadap sesuatu penyataan atau data adalah sangat sukar dielakkan¹⁰¹. Kriteria kepastian perlu dicapai melalui pengauditan dalam setiap proses kajian. Pengauditan pertama terutamanya dalam kajian akademik melibatkan penyelia atau ahli-ahli akademik lain yang banyak menjalankan kajian dalam bidang tajuk tertentu. Bagi memastikan aspek kepastian dalam kajian ini, pengkaji telah menghantar sebahagian hasil dapatan kajian ini untuk dinilai oleh moderator dan editor jurnal-jurnal berkaitan. Selain itu, sebahagian hasil dapatan kajian juga telah dibentang di seminar-seminar persidangan akademik untuk mendapatkan pandangan dan komentar daripada ahli akademik yang hadir dalam persidangan terbabit.

Lincoln dan Guba mengenal pasti enam kategori berkaitan penyataan atau data yang direkodkan sepanjang kajian yang perlu diaudit untuk memenuhi kriteria kepastian dalam kajian kualitatif sepertimana berikut: pertama, data asal atau data mentah seperti catatan di lapangan, rekod video dan rakaman suara. Kedua, pengurangan dan analisis data seperti ringkasan kategori dan hipotesis lapangan. Ketiga, penstrukturan semula data seperti pengkategorian mengikut tema, pentafsiran data dan kesimpulan awal kajian. Ketiga, catatan proses iaitu strategi kajian berkaitan. Keempat, bahan-bahan berkaitan kajian sama ada yang digunapakai dan dibuang seperti jurnal berkaitan bidang kajian. Keenam, instrumen untuk mendapatkan maklumat seperti borang ujian rintis soalan, format temu bual dan susunan jadual temu bual¹⁰². Data yang diaudit ini perlu dijelaskan secara terperinci langkah demi langkah semasa proses kajian sedang dijalankan. Ini bertujuan memastikan pembaca dan pengkaji-pengkaji pada masa akan

¹⁰⁰ Guba, E. G., "ERIC/ECTJ Annual Review Paper: Criteria for Assessing the Trustworthiness of Naturalistic Inquiries," *Educational Communication and Technology* 29, no. 2 (1981), 75-91.

¹⁰¹ Patton, *Qualitative Evaluation and Research Methods*, 678-681 .

¹⁰² Lincoln, dan Guba, *Naturalistic Enquiry*, 321.

datang dapat memahami sejauhmana kekuatan, kelemahan atau lain-lain maklumat berkaitan semasa proses kajian sedang dijalankan¹⁰³. Pembuktian melalui pengauditan setiap proses kajian ini jelas menunjukkan kriteria kepastian dalam kajian kualitatif sekaligus mewujudkan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif.

Kriteria kepastian turut boleh dicapai melalui trigulasi data. Trigulasi data daripada pelbagai sumber kajian lain sangat penting bertujuan mengurangkan kesan bias pengkaji terhadap sesuatu data kajian¹⁰⁴. Selain itu, trigulasi daripada pelbagai metode kajian, pelbagai sumber data dan pelbagai perspektif teori yang digunakan bermanfaat untuk menguji sejauhmana kekuatan kajian yang dijalankan¹⁰⁵. Guba turut mencadangkan sokongan dua atau lebih sumber untuk menyokong supaya dapat mengukuhkan pengumpulan, analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji¹⁰⁶.

Jadual 4.4: Strategi Pembinaan Kesahihan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif (Krefting, 1991¹⁰⁷, Shenton, 2004¹⁰⁸)

Strategi	Kriteria
Kredibiliti	Pengalaman dalam Lapangan Persampelan masa Penelitian jurnal berkaitan lapangan Trigulasi Pemeriksaan Ahli Lain Pemeriksaan Setara Memastikan Integriti Kajian Teknik Temu Duga Kesepaduan Struktur Rujukan Mencukupi
Pindahan Situasi	Penamaan Sampel Perbandingan Sampel Data dan Demografi Tempoh Masa Kajian Huraian Jelas dan Padat

¹⁰³ Shenton, "Strategies For Ensuring Trustworthiness In Qualitative Research Projects," 72.

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ Krefting, "Rigor in Qualitative Research: The Assessment of Trustworthiness", 221.

¹⁰⁶ Guba, E. G., "ERIC/ECTJ Annual Review Paper: Criteria for Assessing the Trustworthiness of Naturalistic Inquiries," 75-91

¹⁰⁷ Krefting, "Rigor in Qualitative Research: The Assessment of Trustworthiness", 217.

¹⁰⁸ Shenton, "Strategies For Ensuring Trustworthiness In Qualitative Research Projects," 71.

Jadual 4.4, sambungan

Strategi	Kriteria
Kebergantungan	Pengauditan yang Dipercayai Pengulangan Metodologi Kajian Huraian padat berkaitan Metodologi Pemeriksaan Setara Prosuder Pengkodan dan Pengkodan Semula
Kepastian	Audit Kepastian Trigulasi Penelitian Kajian

Jadual 4.4 merupakan ringkasan bagi pembinaan aspek kesahihan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. Jadual 4.4 ini turut dijadikan senarai semak pengkaji untuk membuktikan bahawa semua atau kebanyakan kriteria dalam pembinaan aspek kesahihan dan kebolehpercayaan telah dilakukan dalam kajian kualita

4.8 Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan dan perincian mengenai metodologi kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini jelas menunjukkan terdapat kekuatan aspek kualiti yang sangat diutamakan dalam kajian ini. Metodologi kualitatif mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam mengukuhkan kajian termasuklah dalam kriteria kebolehpercayaan dan kesahihan. Pengukuhan kriteria kesahihan dan kebolehpercayaan turut dipersetujui oleh sarjana Muslim yang berhujah bahawa setiap sumber kajian perlu diketahui sejauhmana ketepatan sumber tersebut dan setiap dapatan kajian perlu dijelaskan dan ditunjukkan menggunakan bukti yang kukuh¹⁰⁹. Selain itu, penjelasan di atas menunjukkan bahawa metodologi kualitatif mempunyai kemampuan dan kekuatan yang setanding dengan metodologi kuantitatif walaupun kedua-dua metodologi kajian ini mempunyai paradigma yang tersendiri¹¹⁰. Tambahan pula, metodologi kualitatif dilihat sentiasa berinovasi dan melakukan perubahan untuk menyesuaikan keadaan bagaimana untuk

¹⁰⁹ Al-Buti, M. Sa'id Ramadan, *Kubra Al-Yaqiniyyat Al-Kawniyyah*, 34.

¹¹⁰ Krefting, "Rigor in Qualitative Research: The Assessment of Trustworthiness", 217; Shenton, "Strategies For Ensuring Trustworthiness In Qualitative Research Projects," 71.

memahami setiap situasi kajian secara mendalam dan seterusnya menghasilkan dapatan yang bermanfaat dalam kajian yang dijalankan.

University of Malaya

BAB 5: DAPATAN KETERDEDAHAN RISIKO SYARIAH DAN PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO SYARIAH DALAM SPT

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian mengenai keterdedahan risiko syariah yang telah dikenal pasti daripada hasil temu bual 11 orang informan kajian daripada 11 SPT yang beroperasi di Malaysia¹. Kajian ini juga turut meneliti pendekatan yang digunakan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia.


5.2 Keterdedahan Risiko Syariah Merangkumi Seluruh Operasi SPT

Keterdedahan risiko syariah merupakan sebahagian daripada risiko operasi. Archer dan Haron berpandangan risiko syariah sebahagian daripada risiko operasi berikutan kemungkinan berlakunya risiko syariah berlaku apabila kakitangan dan sistem dalaman IKI gagal beroperasi dengan baik². Ini kerana risiko operasi berlaku turut disebabkan kegagalan kakitangan dan proses dalaman yang menyebabkan kerugian kewangan atau harta-benda³. Dengan erti kata yang lain, risiko syariah dan risiko operasi mempunyai persamaan. Kegagalan operasi SPT turut menyebabkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah dalam SPT tersebut. Rajah 5.1 menunjukkan gambaran hubungan risiko syariah dan risiko operasi.

¹ Lihat Bab 4, Jadual 4.1: Senarai Nama Informan-Informan Kajian dan Jawatan serta Bidang Tugas.

² Archer, S dan Haron, A. "Operational Risk Exposure of Islamic Banks" dalam *Islamic Finance: The Regulatory Challenge*, ed. Acher, S dan Abdel Karim, R. (Singapura: John Wiley & Sons, 2007), 124.

³ Basel Committee on Banking Supervision, *Principles for the Sound Management of Operational Risk* (Switzerland: BCBS, 2011), 5.



Rajah 5.1: Rajah Hubungan Risiko Operasi dan Risiko Syariah (Basel Committee on Banking Supervision, 2011⁴, Archer dan Haron, 2007⁵)

Oleh yang demikian, terdapat informan-informan kajian yang berpandangan bahawa keseluruhan operasi dalam SPT terdedah kepada risiko syariah. Mohamed Hadi Abdul Hamid berkata;

“Tapi lebih khusus *shariah risk* atau risiko syariah khusus kepada institusi kewangan Islam pula. Risiko ini melibatkan semua perkara daripada A hinggalah Z. Semua operasi *Islamic financial institution* tidak boleh lari daripada risiko syariah. Ini juga kita katakan risiko *legal*, kewangan dan lain-lain juga wujud risiko syariah⁶.”

Beliau berpendapat risiko syariah melibatkan semua perkara dalam operasi dan aktiviti SPT. Risiko syariah ini termasuklah dalam aspek perundangan, kewangan dan lain-lain berkaitan operasi SPT Sementara itu, Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri, berpandangan risiko syariah sentiasa terdedah untuk berlaku dalam operasi dan aktiviti SPT. Beliau menyatakan;

“Insiden risiko syariah sentiasa berlaku dalam mana-mana SPT contoh paling mudah satu bangunan *branch* terbakar. Kalau kita gagal membayar seperti yang kita setuju. Jadi insiden risiko syariah.

⁴ *Ibid.*

⁵ Archer, S dan Haron, A. “Operational Risk Exposure of Islamic Banks”, 124.

⁶ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2014.

Contoh lain contoh kontrak lambat dihantar kepada pelanggan disebabkan kadang-kadang kita *outsources*. Kita nak treat as *syariah risk* atau risiko lain. Jadi *internal approach* kita kena tengok macam mana kita nak betul masalah. Kita check siapa *client affected basically*. Dalam sistem jalan. Cuma fizikal sijil tidak dihantar. Ada tak yang *shariah* kena *step in* untuk *resolve problem*⁷.”

Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri berpendapat bahawa keterdedahan risiko syariah merupakan sebahagian daripada risiko operasi. Keterdedahan risiko operasi meliputi kebarangkalian kegagalan SPT untuk memenuhi keperluan liabiliti kontrak takaful. Beliau menyatakan bahawa sekiranya SPT telah bersetuju agar membenarkan syarikat A menyertai kontrak takaful am perlindungan kebakaran, kemudian syarikat A telah ditimpa musibah berlaku kebakaran. Sekiranya SPT tersebut gagal membayar tuntutan kontrak takaful kebakaran syarikat A, ini bererti SPT telah terdedah untuk berlakunya risiko syariah kerana telah memenuhi liabiliti perjanjian kontrak takaful tersebut. Ini berikutan sekiranya SPT tidak membayar bererti SPT tidak menjalankan amanah sebagai wakil dalam kontrak takaful. Begitu juga dalam situasi sekiranya SPT telah lambat menghantar sijil takaful. Ini turut menyebabkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah kerana SPT gagal memenuhi janji untuk menghantar sijil takaful dalam tempoh dipersetujui. Namun, Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri menjelaskan SPT perlu menilai dengan lebih mendalam sama ada memerlukan keterdedahan tersebut dikategorikan sebagai potensi atau insiden risiko syariah ataupun SPT hanya perlu menyelesaikan mana-mana aspek kekurangan yang masih belum dipenuhi dalam kontrak takaful tersebut. Beliau juga berkata; “Kalau dalam industri takaful. Dalam pengurusan AIA Public Takaful. Risiko Syariah tidak ditangani secara risiko syariah itu seperti *stand alone*.” Beliau menambah lagi; “...risiko syariah tidak *stand alone*. Dan kebanyakan *company* masih mengambil konsep yang sama⁸.” Ini bererti bahawa risiko

⁷ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 4 December 2014.

⁸ *Ibid*.

syariah bukan hanya melibatkan item-item yang haram sahaja seperti babi, arak dan riba. Malahan kegagalan SPT memenuhi liabiliti kontrak takaful turut menyebabkan keterdedahan risiko syariah.

Mohd Hafizal Elias turut mengemukakan bahawa keterdedahan risiko syariah melibatkan semua operasi SPT. Beliau berkata; “So, bila kita *review* ni. Kita akan *involve* semua *business-bussiness operation*. Macam-macam termasuklah *business, claim, certificate management*. Benda ini dia akan *involve* dalam *shariah review*⁹.” Kenyataan ini turut menunjukkan bahawa keterdedahan risiko syariah berlaku dalam semua bahagian operasi SPT termasuklah Bahagian Pembangunan Perniagaan, Bahagian Pengurusan Tuntutan Manfaat Takaful dan Bahagian Pengeluaran Sijil Polisi Takaful SPT. Proses *review* syariah yang turut dilakukan dalam semua bahagian operasi SPT tersebut menunjukkan terdapat keterdedahan risiko syariah dalam seluruh operasi SPT.

Selanjutnya, Ismanizam Ismail turut berpandangan bahawa keterdedahan risiko syariah secara dasarnya melibatkan keseluruhan operasi SPT. Beliau menyatakan; “..Banyak aktiviti, banyak *financial, business dealing*. Itu juga *risk*. Dekat situ ada *attach syariah risk*. Untuk *business* yang masuk pun ada *attach syariah risk*. So, bagi *operational*. Bagi aktiviti. Cara kita atasi melalui *SOP*, melalui *guidelines*¹⁰.”

Beliau menambah lagi;

“kalau tengok *shariah risk in takaful* ini banyak. Dia ada *shariah operational risk, syariah human risk, syariah product risk* pun ada, *shariah risk* dari segi *selling marketing* pun ada. Kalau *family* banyak berkaitan *operational syariah risk*. Kalau *general* banyak

⁹ Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 11 Jun 2015.

¹⁰ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 6 November 2015.

waktu kita terima *risk* itu. *Up front* dia. Sebab *risk* untuk *general*, *risk* untuk *family* lain-lain¹¹.”

Kenyataan beliau menggambarkan keseluruhan operasi SPT termasuklah risiko yang diterima, kakitangan, produk, pemasaran dan semua operasi SPT berhadapan dengan keterdedahan risiko syariah. Begitu juga, Muhammad Ilyas Mohd Mydin turut mengulas keterdedahan risiko syariah ini melibatkan semua operasi dan aktiviti dalam SPT. Beliau berkata; “*Shariah risk management* ini melibatkan semua perkara. Dia adalah *operation*. Lebih kepada *operation*. Semua lah *business* yang diterima. Apa yang dibuat. Apa yang dibayar, apa yang keluar. Apa yang di *invest*. Itu lah *shariah risk*¹².”

Kenyataan ini turut menggambarkan pengurusan risiko syariah dibuat secara menyeluruh merangkumi seluruh operasi SPT. Dengan erti kata lain, keterdedahan risiko syariah boleh berlaku dalam mana-mana bahagian operasi SPT.

Sementara itu, Najihah Ali mengemukakan pandangan bahawa semua operasi SPT terdedah kepada risiko syariah. Beliau berkata;

“Yang mana satu *shariah issue* (*shariah risk*), yang mana tak. Macam mana kita nak *separate* kan *operational* ke, syariah ke, *my definition* syariah itu besar segala *operation* ialah *shariah issue* (*shariah risk*). Tapi ada orang mendefinisikan, *operational is operational, syariah is syariah. Separated* benda itu. Sedang syariah tak boleh *separated*. Dia bukan something yang bersifat *secular*¹³.”


Kenyataan beliau menunjukkan bahawa semua bahagian operasi SPT terdedah untuk terjadi risiko syariah. Namun begitu, beliau tidak menafikan terdapat pihak-pihak

¹¹ *Ibid.*

¹² Muhammad Ilyas Mohd Mydin (Ketua Bahagian Syariah Hong Leong MSIG Takaful) dalam temu bual dengan penulis pada 19 Januari 2016.

¹³ Najihah Ali (Pegawai *Review* Syariah Sunlife Takaful Malaysia) dalam temu bual dengan penulis pada 3 Februari 2016.

tertentu yang mengatakan bahawa keterdedahan risiko syariah tidak melibatkan semua perkara dalam operasi SPT.




Rajah 5.2: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Dalam Seluruh Aktiviti Dan Operasi SPT Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁴)

Berdasarkan rajah 5.2 menunjukkan bahawa 7 informan telah mengulas dan menyatakan pandangan mereka bahawa keterdedahan risiko syariah melibatkan keseluruhan operasi SPT. Keterdedahan risiko syariah dalam operasi SPT turut dikenali sebagai Risiko Operasi Syariah¹⁵. Catatan memo rajah 5.3 menunjukkan pula

¹⁴ Rujuk Lampiran A1.1 dan A1.2: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Dalam Seluruh Aktiviti Dan Operasi SPT Mengikut Makluman Informan Kajian.

¹⁵ Achene Lahsasna, *Shari'ah Non Compliance Risk Management and Legal Documentation in Islamic Finance*, 22-23.

menunjukkan aspek-aspek keterdedahan risiko syariah dalam seluruh operasi dan aktiviti SPT.



Rajah 5.3: Catatan Memo Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Dalam Seluruh Aktiviti Dan Operasi SPT.

Catatan memo rajah 5.3 merupakan interpretasi daripada hasil temu bual informan-informan kajian. Informan kajian menyatakan bahawa keterdedahan risiko syariah meliputi seluruh operasi dan aktiviti SPT seperti kewangan, proses urusniaga antara wakil SPT dan peserta, kakitangan, pemasaran, penerimaan risiko, pembayaran manfaat takaful, pengurusan sijil takaful, pelaburan dan perundangan. Bagaimanapun, keterdedahan risiko syariah dalam seluruh operasi ini merupakan gambaran awal secara umum sahaja. Perincian mengenai keterdedahan risiko syariah SPT yang telah dikenal pasti dalam SPT dalam suptopik berikutnya.

Begitu juga dengan proses pengurusan keterdedahan risiko syariah melibatkan aspek operasi SPT ini bergantung kepada situasi masalah yang dihadapi. Secara keseluruhannya, tindakan yang diambil untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam aspek-aspek operasi dengan memastikan kegagalan operasi SPT tersebut ditambah baik dan diperbetulkan seperti mana yang sepatutnya mengikut sistem, proses dan kakitangan tersebut agar berfungsi sepertimana sepatutnya. Misalnya, sekiranya keterdedahan risiko syariah melibatkan SPT tidak memenuhi kontrak takaful, maka pihak SPT perlu segera memenuhi liabiliti kontrak tersebut dalam tempoh masa yang dipersetujui¹⁶. Manakala, keterdedahan risiko syariah melibatkan aspek operasi yang lain diuruskan bergantung kepada masalah yang dihadapi. Perbincangan lanjut mengenai keterdedahan risiko syariah yang lain di subtopik berikutnya.

5.3 Keterdedahan Risiko Syariah dalam Pelaburan SPT

Pelaburan SPT merupakan salah satu aspek yang terdedah kepada risiko syariah. Keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT seringkali diulas oleh informan-informan kajian yang telah ditemu bual. Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulaskan bahawa keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT pada kekerapan yang tinggi berikutan pemilihan portfolio pelaburan SPT mestilah berdasarkan portfolio pelaburan patuh syariah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Status patuh syariah sekuriti-sekuriti pelaburan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. SC akan mengeluarkan senarai patuh syariah yang terkini setiap enam bulan setiap tahun iaitu pada bulan Mei dan bulan November setiap tahun. Senarai sekuriti patuh syariah yang dikemas kini setiap 6 bulan sekali oleh SC menyebabkan terdapat status portfolio pelaburan SPT pada asalnya adalah patuh syariah tetapi kemudiannya berubah kepada

¹⁶ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Berhad).

status tidak patuh syariah apabila senarai patuh syariah terkini dikeluarkan oleh SC.

Mohamed Hadi Abdul Hamid mengatakan;

“...setiap 6 bulan ada *possible* untuk berlaku *SNCI (shariah non-compliant incident)*. Dan isunya ini dianggap *SNC* atau tidak, *khilaf* lah. Tapi, ini benda normal. Lainlah kalau kaunter tu memang dah siap haram lepas tu kita beli. Benda-benda melibatkan kaunter ini pun bersifat *grey area* atau kabur. Kita bukanlah senjaga tetapi menjadi mangsa keadaan dan benda berlaku setiap 6 bulan. Jadi apa yang kita boleh buat. 6 bulan boleh pegang sehingga kaunter saham tu naik. Kalau masih rugi kita boleh pegang sehinggalah naik. Kita kena tunggu naik (sehingga mencapai harga belian)¹⁷...”

Mohamed Hadi Abdul Hamid menjelaskan terdapat perbezaan pendapat antara SPT dalam menentukan sama ada sekuriti-sekuriti yang dinyah senarai daripada dianggap insiden risiko syariah atau tidak. Bagaimanapun, beliau berpandangan bahawa isu perubahan status sekuriti yang dinyah senarai ini bukanlah insiden risiko syariah. Keterdedahan risiko syariah melibatkan status pelaburan yang berubah kepada tidak patuh syariah disebabkan senarai sekuriti patuh syariah baru tidak perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa Syariah SPT (JKS SPT) mahupun BNM kerana ini bukanlah insiden risiko syariah dan hanya merupakan tugas seharian Bahagian Syariah SPT. Beliau menyebut:

“Contohnya setiap 6 bulan sekali, SC akan keluarkan *list* patuh syariah. So, ada saham kita yang dikeluarkan dari *list* itu. Tapi kita buat prosuder biasa seperti cara SC dan tiada isu masalah lagi. Jadi *insiden* ada tapi kita uruskan sebab itu dah jadi BAU (*business as usual*) bagi kita. Benda ni wat apa SC (Jawatankuasa Syariah) nak tahu. Sebab ini prosuder kerja macam biasa¹⁸.”

Istilah *B.A.U* atau *business as usual* bermaksud tugas dan tanggungjawab tersebut merupakan tugas seharian bagi Pegawai Syariah SPT¹⁹. Ini bererti kewujudan

¹⁷ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Bussiness as usual* merupakan situasi yang mana semua operasi urusaniaga SPT berjalan seperti biasa. Sekiranya terdapat kekurangan atau kelemahan, prosedur kerja biasa diteruskan. Petikan Penuh Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Dengan Urusniaga Seperti Biasa atau “Bussiness As Usual” Mengikut Makluman Informan. Lihat lampiran B1.

portfolio tidak patuh syariah tidak dianggap sebagai insiden risiko syariah dan juga bukan merupakan potensi risiko syariah yang perlu dilaporkan kepada BNM. Mohamed Hadi Abdul Hamid mengatakan “Situasi kat sini *SVC* itu tidaklah betul-betul terjadi²⁰”. Pegawai Syariah SPT bertanggungjawab untuk menjalankan prosuder seperti mana garis panduan yang dikeluarkan oleh SC berkaitan portfolio pelaburan yang berubah daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah.

MPS SC telah menggubal garis panduan terhadap isu sekuriti yang berubah daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah. Secara dasarnya, SPT dibenarkan untuk memegang mana-mana sekuriti-sekuriti yang dinyah senarai²¹ sehinggalah harga pasaran sekuriti dinyah senarai tersebut mencapai harga kos pelaburan²². Bagaimanapun, setelah harga pasaran sekuriti tidak patuh syariah tersebut telah mencapai kos pelaburan, SPT mesti melupuskan melalui penjualan sekuriti tidak patuh syariah tersebut dalam tempoh kurang daripada satu bulan. Sebarang keuntungan dalam bentuk dividen dan sebagai perlu dilupuskan kepada baitulmal atau badan kebajikan. Ini bererti SPT hanya boleh mengambil kos pelaburan sahaja. Manakala, hasil keuntungan selepas tarikh pengumuman daripada sekuriti berubah status kepada tidak patuh syariah perlu diasingkan dan diserahkan kepada baitulmal atau badan-badan kebajikan berdasarkan keputusan JKS SPT²³. Mohamed Hadi Abdul Hamid mengatakan keuntungan tidak patuh syariah tersebut digunakan untuk tujuan kebajikan misalnya membaik pulih longkang untuk kepentingan masyarakat umum²⁴.

²⁰ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

²¹ Sekuriti dinyah senarai bermaksud “Sekuriti patuh Syariah” yang kemudiannya bertukar status kepada “tidak patuh Syariah”. Lihat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti), 6.

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*, 7. Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Jawatankuasa Syariah SPT. Lihat lampiran B14.1, B14.2 dan B14.3.

²⁴ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri turut mengulaskan isu pelaburan yang mempunyai keterdedahan untuk berlakunya risiko syariah. Beliau turut menumpukan keterdedahan risiko syariah aspek pelaburan SPT boleh terjadi semasa perubahan senarai sekuriti patuh syariah yang dikeluarkan oleh SC dalam tempoh setiap enam bulan. Beliau menyatakan;

“...melibatkan saham di Bursa contohnya memang terdedah sebab saham 6 bulan sekali, status (patuh syariah) saham boleh bertukar ikut SC. Isu ini ikut *list* boleh bertukar. Contoh kalau IOI pernah jadi *shariah compliant*. Kemudian bertukar jadi *non compliant*. Katalah kita pernah *invest* masa kita beli *shariah compliant*. Bila *SC issue* baru, tiba-tiba bertukar status (kepada tidak patuh syariah). Kita berpegang kepada saham tersebut tidak patuh syariah lagi. Tapi SC ada bagi *guidelines*, bagaimana nak bertukar kalau harga semasa ialah bawah daripada harga pasaran. Kita masih boleh pegang. Semua itu kita akan ikut prosuder. Itu tak ada masalah. Cuma itu boleh jadi potensi untuk tak patuh syariah. *Always must be careful especially bab investment*²⁵.”

Berdasarkan kenyataan Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri menunjukkan perubahan status patuh syariah sekuriti adalah perkara yang berlaku dalam tempoh enam bulan sekali. Pihak SPT bertanggungjawab melupuskan sekuriti yang bertukar status tidak patuh syariah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah SC²⁶. Beliau turut menekankan bahawa isu pelaburan merupakan aspek yang perlu diberi lebih perhatian khususnya mengenai pematuhan syariah berikutan perubahan senarai sekuriti patuh syariah²⁷.

Selain itu, Penolong Pengurus, Bahagian *Review*, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad, Abdul Hakim Johari turut berpandangan aspek pelaburan dalam SPT merupakan salah satu aspek yang

²⁵ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015*, 6.

²⁶ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Berhad).

²⁷ *Ibid.*

keterdedahan untuk terjadinya risiko syariah²⁸. Beliau mengulas lanjut mengenai isu senarai sekuriti patuh syariah yang sentiasa berubah dan dikemaskini dalam tempoh enam bulan sekali. Abdul Hakim Johari menjelaskan pematuhan syariah pelaburan SPT Prudential BSN Takaful Berhad berdasarkan garis panduan SC yang membenarkan SPT memegang sekuriti-sekuriti yang telah dinyah senarai sehingga mencapai harga kos pelaburan²⁹. Namun, praktis Prudential BSN Takaful Berhad hanya membenarkan sekuriti yang telah berubah status kepada tidak patuh syariah diuruskan dalam tempoh dua tahun sahaja untuk menunggu harga sekuriti tersebut mencapai kos pelaburan. Sekiranya sekuriti berubah status tidak patuh syariah masih lagi tidak mencapai kos pelaburan setelah tempoh dua tahun. Pihak SPT Prudential BSN Takaful Berhad tetap akan menjual dan melupuskan sekuriti berubah status tidak patuh syariah itu.

Menurut Abdul Hakim Johari lagi, praktis seperti ini bukan merupakan sebahagian daripada garis panduan daripada SC. Ini kerana garis panduan SC membenarkan mana-mana sekuriti berubah status tidak patuh syariah untuk dipegang selama mana sekalipun sehingga mencapai harga pasaran kos pelaburan. Keputusan praktis melupuskan sekuriti berubah status tidak patuh syariah walaupun belum mencapai kos pelaburan dibuat di peringkat dalaman SPT Prudential BSN Takaful Berhad. Ini menggambarkan komitmen melalui praktis dalaman SPT Prudential BSN Takaful Berhad untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT. Selain itu, Abdul Hakim Johari mengulas sekuriti tidak patuh syariah disebabkan dinyah senaraikan setelah senarai terkini sekuriti patuh syariah dikeluarkan oleh SC tidak dilaporkan kepada BNM kecuali melibatkan sekuriti-sekuriti dinyah senarai yang

²⁸ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, Bahagian *Review*, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2015.

²⁹ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015*, 6.

mendapatkan keuntungan dan perlu diasing serta diurus mengikut pendekatan pendapatan tidak patuh syariah³⁰.

Seterusnya, Ismanizam Ismail berpandangan aspek pelaburan SPT mempunyai lebih keterdedahan untuk berlaku risiko syariah. Ini berikutan proses mengurus pelaburan dana-dana SPT melibatkan pelbagai kakitangan dan jumlah kewangan yang banyak. Jadi, terdapat kelemahan-kelemahan tertentu termasuklah dari segi pengalaman dan pengetahuan pengurus dana pelaburan berkaitan pematuhan syariah. Dalam masa yang sama, dana-dana pelaburan SPT juga terdedah kepada perubahan kriteria pematuhan syariah yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah SC³¹.

Ismanizam Ismail mengulas lanjut bahawa terdapat perubahan-perubahan penanda aras yang ditambah baik oleh SC menyebabkan banyak perubahan status patuh syariah sekuriti-sekuriti di Malaysia. Ini menyebabkan berlaku keteddedahan risiko syariah yang bukan disebabkan urusniaga atau aktiviti SPT itu sendiri. Tetapi disebabkan oleh faktor-faktor luaran yakni pihak SC sendiri kerana terdapat sekuriti-sekuriti patuh syariah yang telah diberubah status kepada tidak patuh syariah apabila penanda aras baru dikeluarkan³². Berdasarkan kenyataan beliau, hasil perbandingan penanda aras yang dikeluarkan MPS SC menunjukkan terdapat perubahan penanda aras dalam aktiviti atau perusahaan tertentu seperti jadual 5.1 berikut:

³⁰ *Ibid.*

³¹ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

³² *Ibid.*

Jadual 5.1: Perbandingan Penanda Aras Pra dan Pasca 28 Mac 2012 (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2008)³³, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2014)³⁴

Sebelum 28 Mac 2012		Selepas 28 Mac 2012	
Penanda Aras	Jenis Aktiviti/Perusahaan	Penanda Aras	Jenis Aktiviti/Perusahaan
Mesti Kurang daripada 5 %	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perbankan konvensional, 2. Insurans konvensional, 3. Perjudian, 4. Arak. 	Mesti Kurang daripada 5 %	<ol style="list-style-type: none"> 1. perbankan konvensional, 2. insurans konvensional, 3. perjudian, 4. arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya, 5. babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya, 6. hiburan yang tidak syariah, 7. tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya, 8. pendapatan faedah-faedah daripada akaun dan instrumen konvensional termasuklah pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara dan dividen-dividen daripada pelaburan tidak patuh Syariah, 9. dan aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.
Mesti Kurang daripada 10%	<ol style="list-style-type: none"> 1. Faedah simpanan tetap daripada bank konvensional, 2. tembakau 	Dimansuhkan	Dimansuhkan

³³ Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2008), 178-179.

³⁴ Suruhanjaya Sekuriti, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti), 3-4.

Jadual 5.1, sambungan

Sebelum 28 Mac 2012		Selepas 28 Mac 2012	
Penanda Aras	Jenis Aktiviti/Perusahaan	Penanda Aras	Jenis Aktiviti/Perusahaan
Mesti Kurang daripada 20%	1. Penerimaan sewa premis untuk aktiviti tidak patuh syariah seperti arak dan perjudian	Mesti Kurang daripada 20%	1. operasi hotel dan rumah peranginan, 2. jual beli saham, 3. pembrokeran saham, 4. sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah, 5. aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.
Mesti Kurang daripada 25%	1. Aktiviti pengoperasian hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham dan pembrokeran saham	Dimansuhkan	Dimansuhkan

Jadual 5.1 menunjukkan perbandingan penanda aras pra dan pasca 28 Mac 2012 yang memaparkan perubahan kriteria kepada penanda aras yang lebih rendah. Perubahan kriteria penanda aras adalah jelas berlaku khususnya dalam aktiviti bank konvensional dan tembakau yang berubah daripada penanda aras mesti kurang daripada 10 % kepada penanda mesti kurang daripada 5 %. Manakala, penanda aras 10 peratus telah dimansuhkan dalam penanda aras yang terkini pada 28 Mac 2012. Begitu juga, penanda aras mesti kurang daripada 25 % bagi aktiviti pengoperasian hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham dan pembrokeran saham telah diturunkan kepada penanda aras mesti kurang daripada 20 %. Penanda aras 25 % ini juga telah dimansuhkan dalam kriteria penanda aras yang terkini. Penanda-penanda aras ini telah diketatkan dengan penurunan kadar % dan pemansuhan penanda aras 10 % serta penanda aras 25%.

Bagaimanapun, Ismanizam Ismail mempunyai pandangan dan praktis yang berbeza dalam menguruskan isu pelaburan SPT. Beliau berpandangan bahawa sekuriti tidak patuh syariah disebabkan dinyah senarai daripada senarai sekuriti patuh syariah SC perlu dilaporkan secara rasmi kepada BNM sebagai insiden risiko syariah yang telah berlaku. Beliau mengatakan;

“So, ada yang *investment* ataupun *stock* yang sebelum ini patuh syariah. Masuk fasa kedua. Jadi *shariah non compliant* bukan sebab *business* tapi mungkin sebab lain. Jadi, yang ini kita *report* ke SC, *report* ke *board* dan ke Bank Negara. Ini dia punya *process flow* dia. Ini bukan lagi potensi. Ini dah *actual*. Sebab SC dah keluarkan. Dah *delist* atau dipanggil mengeluarkan. Dah keluar list daripada *shariah compliant* kepada *shariah non compliant*. Dia panggil *delisted*. Nyahsenaraikan³⁵.”

Kenyataan Ismanizam Ismail jelas berbeza dengan pandangan informan yang lain yang mempraktikkan sekuriti tidak patuh syariah disebabkan senarai baru dan masih dalam garis panduan SC tidak perlu dilaporkan kepada BNM sebagai potensi atau insiden sebenar risiko syariah.

Selanjutnya, Mohd Ridwan Roslan iaitu Pegawai Eksekutif Jabatan Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas Berhad turut menghuraikan potensi keterdedahan risiko syariah dalam aspek pelaburan dana-dana SPT. Beliau mengatakan

“*Investment* pun ada juga. Potensi *area* kaunter itu sendiri. Kaunter sendiri dia berubah halal kepada yang haram. Bulan ini kita tengok lah kalau ada yang nak berubah lagi. Jumaat akhir bulan ini. Memang kita hadapi masalah yang sama setiap setengah tahun. Bila SC keluarkan ini. Mesti ada kaunter-kaunter yang tak patuh syariah lah. Yang kita dah labur³⁶.”

Berdasarkan pengalaman Mohd Ridwan Roslan menguruskan risiko syariah dalam pelaburan SPT. Beliau menjelaskan sekuriti-sekuriti dinyah senarai yang berubah kepada status tidak patuh syariah dianggap bukan insiden sebenar risiko syariah selagi

³⁵ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

³⁶ Mohd Ridwan Roslan (Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 12 November 2015.

mana mengikut prosedur yang dikeluarkan SC. Ini berikutan sekuriti-sekuriti yang telah berubah kepada tidak patuh syariah bukan di dalam kawalan SPT itu sendiri tetapi bergantung kepada penyaringan pihak luaran iaitu SC. Beliau mengatakan lagi bahawa;

“Itu *potential shariah risk* bukan *incident shariah risk* sebab *beyond our control*. Sebab itu, *SC Shariah Committee* kata kalau kita ada hijau, kuning, merah. Merah ini paling teruk memang *confirm* haram lah. *Shariah Committee* letakkan hijau sebab bukan kita yang salah. Itu makna *delisted* lah. Masa kita ambil kaunter itu halal. Contoh *IOI* daripada halal bertukar jadi tak halal kan. *Parkson*, *Amway* dan lain-lain. Kita boleh pegang sampai *break even*, bila dah balik modal, baru kita *decide* untuk jual. Tak ada *time limit*. Pernah trainer *SC* datang bagi tahu dia kata sampai kiamat lah. Tak ada *time limit*. *Tapi as soon as possible* kalau *break-even* atau kalau agak-agak tak boleh. Kita jual lah. Walaupun kadang-kadang rugi sikit. Sebab selalunya yang tukar halal kepada haram ini biasanya rugi. Biasanya tak naik-naik dah. Sebab kita ada 25 kaunter yang kita jumpa biasanya tak untung-untung dah³⁷.”

Berdasarkan kenyataan ini, beliau menjelaskan sekuriti-sekuriti yang telah dinyah senarai turut dilupuskan walaupun belum mencapai kos pelaburan jika sekuriti dinyah senarai tersebut telah terlalu lama dipegang. Ini berikutan berdasarkan pengalaman mengurus sekuriti-sekuriti dinyah senarai ini sukar untuk mencapai kos pelaburan walaupun dalam tempoh yang agak lama.

Selanjutnya, Omar Mohamed mengulas isu syariah pelaburan SPT yang telah berlaku dalam SPT Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

“Kalau berkaitan *investment* boleh juga berlaku. Di sini pun pernah berlaku. Dalam syarikat lain saya rasa pernah berlaku. *Investment* ini contohnya yang mudah, yang saya rasa mudah berlaku. Bila duit kita, kita *invest* di dalam kaunter kat Bursa. *SC* sentiasa keluaran *list shariah compliant*. Kaunter yang syariah dan dia *updated* 6 bulan sekali, setahun 2 kali. *So*, kalau dia *updated* untuk bulan Mei dengan November. Kalau dia *updated* bulan Mei contohnya satu syarikat itu dah *non shariah compliant*. Kita *still* lagi letak duit kita dekat situ tanpa kita keluaran dan kita tak endah langsung. Ada syarat-syaratnya lah. berapa lama kita boleh letak, *break capital* dan sebagainya. Jadi, bila syariah *review* masuk dan nampak ini. Ini

³⁷ *Ibid.*

shariah non compliant keluar Mei tapi Oktober kita masih lagi letak kita punya duit dalam kaunter yang haram itu³⁸.”

Beliau mengulas bahawa insiden sebenar risiko syariah telah berlaku dalam pelaburan disebabkan pihak luaran yang menguruskan dana-dana pelaburan SPT tidak melupuskan pegangan sekuriti-sekuriti tidak patuh syariah walaupun telah melebihi harga kos pelaburan³⁹. Beliau menambah lagi;

“Itu isu duit mana-mana keuntungan daripada kaunter yang haram itu kena *purify*. Sampai macam itu. Bila berlaku *delisted*. Dia *potential* sebab apa bila dah tukar itu kita tak dianggap salah lagi. SC memberi tempoh masa tertentu untuk duit itu dikeluarkan. Sekiranya kita dah ada dapat *capital* daripada kaunter itu. Kena keluar serta-merta. Sekiranya belum untung walaupun kaunter itu *delisted*. Kita dibenarkan dalam tempoh tertentu untuk dapat balik *capital*. So, ini *potential*. *Potential* itu maknanya kalau tak ambil tindakan langsung dia biar saja, buat tak tahu. Boleh jadi *actual*. Di situ *potential*. Tapi biasanya bila *shariah review*. Bila dia tengok benda itu. Dah nampak isu syariah kat situ. Dia kira *potential*. Dia kira *potential event* dekat situ⁴⁰.”

Omar Mohamed juga mempunyai pandangan berbeza dengan informan yang lain. Beliau berpandangan sekuriti-sekuriti yang telah dinyah senaraikan kepada sekuriti tidak patuh syariah dikategorikan sebagai potensi risiko syariah. Bagaimanapun, beliau menjelaskan kuasa untuk menentukan sama ada isu tersebut potensi ataupun insiden sebenar risiko syariah adalah pihak JKS. Selagi mana isu tersebut belum diputuskan oleh JKS SPT, Bahagian Syariah SPT hanya boleh mengkategorikan keterdedahan risiko syariah tersebut sebagai potensi risiko syariah sahaja⁴¹. Beliau menyatakan;

“So, selalunya bila dah nampak *potential event* kalau kita tengok Bank Negara punya *guideline* itu kita dah kena report dekat Bank Negara melalui *ORION* dan perlu di bawa segera ke SC, *Shariah Committee* untuk diputuskan oleh *Shariah Committee*. Kita akan *elaborate* semua isu ini *for decision of SC*. SC kata ini memang betul ada isu syariah dekat situ. Kita kena *purify* atau *rectification*

³⁸ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

³⁹ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015*, 6-7.

⁴⁰ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

⁴¹ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Bahagian Syariah SPT. Lihat lampiran B5.

plan ke apa ke. Sekiranya itu dikira sebagai *actual*. Kita ikut lah *requirement* Bank Negara. Ok. Mengenai *potential* ini lagi. Kalau *on paper* semua yang berlaku hatta yang dah berlaku *non compliant* bagi kita. *Still* letak status *under potential* sebab apa. Sebab yang *shariah non-compliance* ini bukan *shariah division* berkuasa sebab kita orang tak boleh sahkan. Penasihat Syariah sahaja boleh sahkan. Jadi kalau rasmi *prosuder flow* nya semua yang kita jumpa ini kita kata *potential* sehinggalah disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebelum *decision* kita tak boleh kata. Tapi kalau dari sudut kes itu sendiri macam tadi. Macam tadi contoh dah berlaku. Memang yakin dah berlaku lah kan. Dari segi status kita tak boleh kata sah, *shariah non compliant*. Sebab kita tak ada kuasa untuk mengesahkan. Tapi kalau kita lihat dari sudut *nature case* itu. Kalau dah memang letak dalam kaunter yang haram itu memang *actual* lah. Bukan potensi lagi lah. Memang *actual* lah tengok dari kes itu sendiri tapi nak mengesahkan itu kena bawa Penasihat Syariah⁴².”

Menurut kenyataan Omar Mohamed, keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan dana-dana SPT ini berlaku apabila pihak luar yang dilantik menguruskan dana-dana pelaburan SPT tidak menyedari terdapat portfolio pelaburan SPT yang telah bertukar status daripada sekuriti patuh syariah kepada tidak patuh syariah. Berdasarkan prosuder pelupusan sekuriti berubah status patuh syariah kepada tidak patuh syariah, sekuriti tersebut perlu dilupuskan dalam tempoh sebulan setelah senarai sekuriti patuh syariah terkini dikeluarkan iaitu pada bulan Mei dan bulan November setiap tahun.

Namun, pihak pengurus dana pelaburan SPT Syarikat Takaful Malaysia Berhad gagal menyedari adanya sekuriti yang telah berubah status kepada tidak patuh syariah. Apabila proses *review* syariah dilakukan, didapati terdapat sekuriti-sekuriti tidak patuh syariah yang masih dipegang oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Beliau mengatakan “...Jadi, bila *shariah review* masuk dan nampak ini (sekuriti tidak patuh syariah masih ada). Ini *shariah non compliant* keluar Mei tapi Oktober kita masih lagi letak kita punya duit dalam kaunter yang haram itu (walaupun telah mencapai kos pelaburan)⁴³.”

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

Sekuriti-sekuriti yang berubah status kepada tidak patuh syariah dan melebihi kos pelaburan tetapi masih dipegang oleh SPT kemudiannya dibawa untuk pertimbangan JKS SPT⁴⁴. Hasil keputusan JKS SPT mendapati bahawa pegangan sekuriti tidak patuh syariah ini sebagai insiden sebenar risiko syariah dan perlu dilaporkan secara rasmi kepada BNM. Tindakan selanjutnya juga dilakukan berdasarkan persetujuan JKS SPT dan Lembaga Pengarah SPT. Beliau menyatakan “Itu isu duit mana-mana keuntungan daripada kaunter yang haram itu kena *purify*⁴⁵.” Ini bermaksud SPT telah menjalankan tindakan pembetulan dengan mengasingkan pendapatan tidak patuh syariah yang diperolehi daripada sekuriti yang berubah status kepada tidak patuh syariah tersebut dan didermakan kepada badan-badan kebajikan yang diperakui oleh JKS SPT⁴⁶.

Seterusnya, Ulanddy Uyob juga menjelaskan bahawa keterdedahan risiko syariah yang paling mudah berlaku adalah aspek pelaburan dana-dana SPT. Beliau yang turut berpengalaman berkhidmat di pelbagai SPT yang seperti Syarikat Takaful Malaysia Berhad, HSBC Amanah Takaful Berhad dan Hong Leong MCIS Takaful di bahagian pematuhan syariah dan perundangan turut menjelaskan terdapat dua situasi yang menyebabkan sekuriti tidak patuh syariah. Pertama, sekuriti tidak patuh syariah berlaku apabila terdapat sekuriti-sekuriti yang dinyah senarai daripada sekuriti patuh syariah setelah senarai sekuriti patuh syariah terkini daripada SC dikeluarkan pada enam bulan sekali iaitu pada bulan Mei dan November. Menurut Ulanddy Uyob lagi, situasi kedua kemungkinan berlaku sekuriti tidak patuh syariah ialah disebabkan kemungkinan berlaku sekuriti tidak patuh syariah dalam tempoh jangka masa enam bulan tersebut. Ini

⁴⁴ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Jawatankuasa Syariah SPT. Lihat lampiran B14.1, B14.2 dan B14.3.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Petikan Penuh Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Pelupusan Pendapatan Tidak Diiktiraf Kebajikan Mengikut Makluman Informan. Lihat lampiran B4.

kerana sekuriti-sekuriti ini sentiasa berubah yang masa yang singkat termasuk dalam tempoh sehari. Oleh yang demikian, dalam tempoh enam bulan sebelum senarai sekuriti patuh syariah baru dikeluarkan. Sekuriti-sekuriti mungkin telah berubah status tidak patuh syariah lebih awal lagi sebelum tempoh masa enam bulan senarai terkini dikeluarkan⁴⁷.

Menurut Ulanddy Uyob lagi, insiden risiko syariah dalam pelaburan belum pernah berlaku dalam AmMetlife Takaful Berhad. Ini berikutan pengurusan pelaburan di Ammetlife Takaful Berhad diuruskan oleh pihak luaran iaitu AmIslamic Bank⁴⁸. Oleh sebab itu, pemantauan berkaitan pematuh syariah dijalankan di peringkat luaran oleh pihak yang dilantik oleh AmMetlife Takaful Berhad. Begitu juga, sekiranya berlaku sebarang keterdedahan risiko syariah berkaitan pelaburan dana-dana SPT AmMetlife Takaful Berhad. Pengurusan pematuhan syariah dalam pelaburan SPT ini merupakan tanggungjawab pihak pengurusan dana pelaburan yang telah dilantik iaitu AmIslamic Bank⁴⁹.

Di samping itu juga, Muhammad Ilyas Mohd Mydin turut memberi pandangan potensi keterdedahan risiko syariah sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Namun, beliau bersetuju bahawa dalam tempoh semasa yang terkini, aspek pelaburan begitu keterdedahan untuk berlakunya risiko syariah. Beliau mengatakan; “Saya rasa yang kebelakangan ini yang kita orang *suggest* untuk buat bulanan ialah *investment* lah. *Investment* ini pun dia banyak naik turun, tukar-tukar, dia beli *stock*, dia jual *stock*. Jadi kita buat bulanan. Kita kena pastikan pemantauan kita itu betul⁵⁰.”

⁴⁷ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Bahagian Syariah, AmMetlife Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 22 Disember 2015.

⁴⁸ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Pihak Luaran yakni Pengurus Pelaburan. Lihat lampiran B8.

⁴⁹ *Ibid.*


⁵⁰ Muhammad Ilyas Mohd Mydin (Ketua Bahagian Syariah Hong Leong MSIG Takaful), dalam temu bual dengan penulis, 19 Januari 2016.

Informan yang terakhir iaitu Najihah Ali turut mengatakan bahawa pengurusan dana-dana pelaburan Sunlife Takaful Malaysia diuruskan oleh pihak luar yang dilantik oleh SPT tersebut. Oleh yang demikian, pemilihan dana-dana pelaburan SPT yang patuh syariah juga di bawah tanggungjawab pihak pengurusan dana pelaburan luaran yang dilantik oleh Sunlife Takaful Malaysia⁵¹. Beliau turut bersetuju keterdedahan risiko syariah terjadi semasa senarai sekuriti patuh syariah terkini dikeluarkan oleh SC. Namun, Najihah Ali mengulas sekiranya berlaku tidak patuh syariah semasa pemilihan sekuriti bukan menjadi tanggungan Jabatan Syariah Sunlife Takaful Malaysia.

Najihah Ali ini turut menyatakan perubahan status patuh syariah sekuriti yang telah dilaburkan oleh SPT dikategorikan sebagai insiden risiko syariah oleh JKS SPT Sunlife Takaful Malaysia. Pada masa yang sama, beliau tidak menafikan bahawa ada SPT-SPT lain di Malaysia yang tidak memutuskan situasi perubahan status sekuriti ini sebagai insiden mahupun potensi risiko syariah. Beliau berpandangan perbezaan pengkategorian status sekuriti dinyah senarai berlaku bergantung kepada justifikasi JKS SPT masing-masing⁵². Berikut adalah rajah 5.4 yang menunjukkan dapatan keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT berdasarkan hasil temu bual yang telah dijelaskan di atas.

⁵¹ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah Sunlife Takaful Malaysia). Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Pihak Luaran yakni Pengurus Pelaburan. Lihat lampiran B8.

⁵² Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Jawatankuasa Syariah SPT. Lihat lampiran B14.1, B14.2 dan B14.3.




Rajah 5.4: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Pelaburan Mengikut Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016⁵³)

Dapatan rajah 5.4 menunjukkan terdapat 10 informan yang mengulas mengenai keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan yang SPT disebabkan perubahan semasa

⁵³ Rujuk Lampiran A2.1, A2.2 dan A2.3: Sambungan Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Pelaburan Mengikut Petikan Temu bual Informan Kajian.


senarai terkini sekuriti patuh syariah dikeluarkan SC pada bulan Mei dan November setiap tahun. Terdapat satu insiden risiko syariah yang telah dinyatakan informan apabila Bahagian Syariah SPT mendapati terdapat sekuriti-sekuriti yang berubah kepada status tidak patuh syariah masih dipegang oleh SPT dan menyebabkan isu ini dibawa oleh penilaian JKS SPT. JKS SPT memutuskan isu sekuriti berubah status tidak patuh syariah yang melebihi garis panduan SC sebagai tidak patuh syariah dan tindakan pembetulan dilakukan termasuklah pengasingan dana tidak patuh syariah dan didermakan untuk tujuan kebajikan. Selain itu, ketiadaan standard yang jelas mengenai status kategori sekuriti berubah status kepada tidak patuh syariah yang masih belum melanggar garis panduan SC. Oleh yang demikian, terdapat 2 informan memaklum bahawa sekuriti yang berubah status kepada tidak patuh syariah disebabkan senarai terkini SC sebagai insiden risiko syariah. Manakala, terdapat 2 informan mengkategorikan sebagai potensi risiko syariah. Diikuti majoriti informan yang mengkategorikan sebagai urusan sepertimana biasa kerana masih belum melepasi garis panduan SC. Oleh yang demikian, catatan memo rajah 5.7 menunjukkan keterdedahan risiko syariah secara ringkasan.



Rajah 5.5: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah dalam Pelaburan SPT

Secara dasarnya, semua SPT terlibat dengan keterdedahan risiko syariah dalam aspek pelaburan berikutan SPT perlu melaburkan dana-dana pelaburan peserta khususnya melibatkan produk takaful keluarga berkaitan pelaburan dan pelaburan dana-dana takaful yang lain. Ini bermaksud semua SPT terdedah dengan situasi sekuriti-sekuriti pelaburan dinyah senarai daripada senarai sekuriti patuh syariah yang terkini. Begitu juga, SPT takaful am yang turut mempunyai pelaburan syarikat itu sendiri. Oleh yang demikian, keterdedahan risiko syariah disebabkan senarai terkini sekuriti patuh syariah SC boleh dianggap sebagai perkara lazim bagi semua SPT di Malaysia. Namun begitu, ketiadaan standard praktis yang jelas menyebabkan pengkategorian berbeza dalam isu status sekuriti berubah status disebabkan senarai baru. Terdapat SPT memilih sebagai insiden risiko syariah, potensi dan juga urusan biasa. Walaupun situasi perubahan sekuriti kepada tidak patuh syariah disebabkan senarai sekuriti baru adalah sama tetapi ketiga-tiga istilah ini memberi maksud yang berbeza terutama dari aspek imej. Malahan SPT yang mengkategorikan sebagai insiden risiko syariah melaporkan perubahan sekuriti yang berubah status kepada BNM manakala SPT lain tidak melakukan perkara yang sama. Justeru, perbezaan praktis ini walaupun dalam perkara mikro mendedahkan kepada isu reputasi syariah kepada semua SPT di Malaysia. SPT yang mengkategorikan sebagai insiden risiko syariah dilihat telus dan berhati-hati dalam menguruskan dana pelabur di samping berhadapan dengan reputasi imej berikutan terdapat “insiden” risiko syariah dalam pelaburan. Sedangkan SPT hanya mengkategorikan sekuriti dinyah senarai sebagai urusan biasa sedangkan tindakan ini boleh disalah anggap sebagai melindungi maklumat kewujudan sekuriti yang telah berubah status disebabkan senarai terkini SC. Tambahan lagi, SPT ini hanya melaporkan sebagai insiden risiko syariah apabila sekuriti telah benar-benar melanggar garis panduan SC. Oleh yang demikian, ketiadaan standard dalam pengkategorian sekuriti dinyah senarai turut menyebabkan keterdedahan risiko syariah

disebabkan insiden risiko syariah antara SPT mempunyai perbezaan maksud yang berbeza yang begitu ketara. Selanjutnya ialah pendekatan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT.



Rajah 5.6: Dapatan Pendekatan Menguruskan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Pelaburan Mengikut Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016)

Dalam aspek pendekatan pengurusan keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT seperti rajah 5.6, apabila berlaku situasi terdapat sekuriti-sekuriti dinyah senarai dari senarai sekuriti patuh syariah. SPT-SPT tersebut mempunyai praktis yang berbeza dalam berhadapan dengan situasi ini. Majoriti informan mengkategorikan

sekuriti yang dinyah senarai daripada status patuh syariah sebagai urus niaga harian atau “*business as usual*”⁵⁴ tanpa mengkategorikan sebagai potensi atau insiden risiko syariah selagi mana pengurusan sekuriti-sekuriti tersebut masih mengikut garis panduan SC⁵⁵. Manakala, terdapat 2 informan mengkategorikan sekuriti yang telah dinyah senarai daripada senarai patuh syariah sebagai potensi risiko syariah. Terdapat juga 2 informan menjelaskan bahawa sekuriti yang dinyah senarai daripada patuh syariah dikategorikan sebagai insiden risiko syariah. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan praktis SPT dalam mengklasifikasi situasi sekuriti sekuriti-sekuriti yang dinyah senarai dari senarai patuh syariah. Walau bagaimanapun, keputusan mengkategorikan sekuriti yang dinyah senarai masih tertakluk kepada JKS SPT dan belum terdapat garis panduan yang jelas dalam menentukan kedudukan status sekuriti yang berubah status kepada tidak patuh syariah oleh SC.

Proses menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT melibatkan pelbagai pihak. Pertama, pihak pengurus dana-dana pelaburan bertanggungjawab memastikan status sekuriti-sekuriti pelaburan SPT adalah patuh syariah. Oleh yang demikian, apabila terdapat senarai sekuriti baru dikeluarkan pada Mei dan November setiap tahun, pihak pengurus perlu mengambil perhatian dan bersedia dengan sebarang perubahan status sekuriti-sekuriti pelaburan SPT.

Selain itu, terdapat SPT yang melantik pihak pengurus pelaburan luaran SPT contohnya Abdul Hakim Johari menyatakan bahawa “Kita ada *outsources* pada *third party* “*eastspring investment*”. Dia orang pun ada *their own shariah advisor, IBFIM*. *IBFIM* pun ada keluarkan *every month*. Dia punya *report*. Cuma kita ada satu produk

⁵⁴ Urusan seperti biasa atau *business as usual* bermaksud urusan atau kerja dilakukan sepertimana biasa walaupun berhadapan dengan situasi yang sukar dan rumit. Lihat Cambridge Dictionary Online, “Business As Usual”, laman sesawang *Cambridge Dictionary Online*, dicapai pada 9 Mei 2014, <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/it-s-business-as-usual>

⁵⁵ Telah dijelaskan sebelum ini. Lihat juga Lihat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015*, 6.

investment. Takaful Disnaty Equity China. Itu memang kita *invest* dekat China. Macam mana dia nak buat sana. Kita *follow*⁵⁶.” Abdul Hakim Johari memaklumkan bahawa pematuhan syariah dalam pelaburan-pelaburan SPT khususnya melibatkan dana pelaburan asing dikendalikan oleh pihak pengurus pelaburan luaran yang dilantik SPT iaitu *Eastspring Investment* yang melantik IBFIM sebagai pengawal selia dalam pematuhan syariah dana-dana pelaburan yang diuruskan mereka. Begitu juga seperti Ulanddy Uyob berkata “Contohnya macam kami di *Ammet*, kami *outsource* kepada pihak Bank *AmIslamic*. *AmIslamic* akan tentukan. Kita orang hanya akan nilai dekat *result* dia orang saja⁵⁷.” yang memaklumkan bahawa pihak luaran yang dilantik SPT bertanggungjawab menguruskan pemilihan sekuriti-sekuriti pelaburan yang patuh syariah. Kenyataan Najihah Ali yang menyatakan SPT melantik pihak pengurus dana luaran untuk menguruskan pelaburan-pelaburan SPT seperti dinyatakan beliau”...*outsources* kepada *fund management* luar lah macam yang baru-baru ini kepada *Affin Huang Wei*. *CIMB principle* pun ada⁵⁸.” turut menunjukkan peranan pihak luaran dalam menguruskan dana-dana pelaburan SPT.

Berdasarkan hasil temu bual informan-informan kajian menunjukkan sebarang keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT dikenal pasti oleh pihak pertama iaitu pihak pengurus pelaburan SPT sama ada pihak dalaman atau luaran SPT⁵⁹. Namun, sebagai langkah kawalan risiko syariah dalam pelaburan SPT. Pihak pengurus pelaburan diwajibkan untuk menyatakan laporan prestasi dan status patuh syariah pelaburan SPT secara berkala untuk dipantau oleh Pihak Pengurusan SPT dan JKS SPT⁶⁰. Selain itu, proses *review* syariah turut dijalankan dalam aspek pelaburan SPT. Menurut Omar

⁵⁶ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, Bahagian *Review*, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad).

⁵⁷ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Bahagian Syariah, AmMetlife Takaful Berhad).

⁵⁸ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah Sunlife Takaful Malaysia).

⁵⁹ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Pihak Luaran yakni Pengurus Pelaburan. Lihat lampiran B8.

⁶⁰ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Bahagian Syariah, AmMetlife Takaful Berhad).

Mohamed, hasil dapatan *review* syariah yang dijalankan SPT⁶¹ mendapati terdapat sekuriti-sekuriti yang dinyah senarai masih lagi dipegang oleh SPT walaupun telah melebihi kos pelaburan dan melebihi tempoh satu bulan yang dibenarkan SC⁶².

Dapatan *review* syariah yang mendapati sekuriti-sekuriti dinyah senarai masih lagi dipegang SPT dibincangkan di peringkat JKS SPT untuk dibuat keputusan. Walaupun sekuriti-sekuriti yang dinyah senarai masih dipegang SPT tersebut jelas adalah insiden risiko syariah berdasarkan garis panduan SC⁶³. Tetapi, hanya JKS SPT yang berkuasa untuk memutuskan dan mengesahkan bahawa sekuriti-sekuriti dinyah senarai tersebut adalah insiden risiko syariah⁶⁴. Sekiranya terdapat keuntungan daripada sekuriti-sekuriti yang telah dinyah senarai daripada senarai patuh syariah, pengasingan pendapatan keuntungan tersebut dilakukan dan dikategorikan sebagai pendapatan tidak diiktiraf. Pendapatan tidak diiktiraf tersebut diasingkan dan kemudiannya didermakan kepada badan-badan kebajikan yang telah diperakui oleh JKS SPT. Tindakan pengasingan pendapatan tidak diiktiraf dan didermakan kepada badan-badan kebajikan merupakan tindakan pembetulan insiden risiko syariah di peringkat dalaman SPT seperti peruntukkan perundangan seksyen 28 (3) dan (4) APKI 2013⁶⁵. Berdasarkan penjelasan yang telah dinyatakan, terdapat keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT. Begitu juga dengan pendekatan pengurusan risiko syariah, pihak SPT sentiasa memantau dan menyelia status patuh syariah sekuriti-sekuriti pelaburan khususnya semasa senarai baru sekuriti patuh syariah dikeluarkan oleh SC⁶⁶.

⁶¹ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui *Review* Syariah. Lihat lampiran B10.1, B10.2, B10.3 dan B10.4.

⁶² Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

⁶³ Lihat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 27 November 2015*, 6.

⁶⁴ *Ibid.* Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Jawatankuasa Syariah SPT. Lihat lampiran B14.1, B14.2 dan B14.3.

⁶⁵ Seksyen 28 (3) dan (4) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759). Telah dijelaskan dalam Bab 3 subtopik “Pematuhan Syariah Pasca APKI 2013”.

⁶⁶ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Dengan Pengasingan Pendapatan Tidak Diiktiraf. Lihat Lampiran B4.

5.4 Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Risiko Takaful Am dan Takaful Keluarga SPT

Operasi SPT di Malaysia melibatkan dua kategori lesen perniagaan takaful iaitu takaful am dan takaful keluarga. Terdapat SPT yang menjalankan kedua-dua jenis lesen takaful iaitu takaful am dan takaful takaful keluarga yang juga dikenali sebagai takaful komposit. Selebihnya ialah SPT yang hanya mempunyai lesen takaful keluarga sahaja. Berikut ialah jadual 5.2 yang menunjukkan SPT dan jenis lesen perniagaan takaful.

Jadual 5.2: Senarai SPT di Malaysia (BNM, 2015⁶⁷)

Bil.	Nama SPT	Pemilikan	Jenis Lesen
1.	AIA Public Takaful Bhd	Asing	Keluarga
2.	AmMetLife Takaful Berhad	Tempatan	Keluarga
3.	Etiqa Takaful Berhad	Tempatan	Komposit ⁶⁸
4.	Great Eastern Takaful Berhad	Asing	Keluarga
5.	HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad	Tempatan	Komposit
6.	Hong Leong MSIG Takaful Berhad	Tempatan	Komposit
7.	MAA Takaful Berhad	Tempatan	Komposit
8.	Prudential BSN Takaful Berhad	Tempatan	Komposit
9.	Sun Life Malaysia Takaful Berhad	Tempatan	Komposit
10.	Syarikat Takaful Malaysia Berhad	Tempatan	Komposit
11.	Takaful Ikhlas Berhad	Tempatan	Komposit

Berdasarkan jadual 5.2 menunjukkan terdapat dua jenis kategori risiko yang perlu disaring patuh syariah oleh SPT sebelum diterima menyertai kontrak takaful. Pertama, risiko takaful am dan kedua, takaful keluarga. Dengan erti kata yang lain, kegagalan SPT menyaring atau kesilapan menerima risiko-risiko takaful am atau keluarga yang tidak patuh syariah mendedahkan operasi SPT kepada insiden risiko syariah⁶⁹. Secara umumnya, penerimaan risiko dalam takaful am dan keluarga adalah berasaskan kepada

⁶⁷ Bank Negara Malaysia. (2015, 7 January). List of Takaful Operator in Malaysia. Retrieved From *Bank Negara Malaysia* website: <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKFF&fund=0&cu=0>.

⁶⁸ Lesen komposit bermaksud SPT tersebut mempunyai dua lesen pengendali takaful iaitu lesen takaful am dan lesen takaful keluarga.

⁶⁹ Tobias Frenz dan Younes Soulhi, *Takaful & Retakaful: Advanced Principles and Practices*, 251-252.

konsep kerjasama dan tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan menolak bekerjasama dalam perkara-perkara kemudaratan dan keburukan seperti firman Allah SWT;

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Surah Al Maa'idah 5: 2

Terjemahan: ...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Kajian ini membahagikan keterdedahan risiko syariah dalam aspek penerimaan risiko kepada dua bahagian iaitu pertama, penerimaan risiko takaful am dan kedua, penerimaan risiko takaful keluarga.

5.4.1 Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Risiko Takaful Am

Takaful am ialah kontrak takaful yang menumpukan perlindungan kemusnahan atau kerugian harta-benda dan liabiliti tertentu dalam tempoh masa pendek. Kontrak takaful am menfokuskan melindungi harta-benda merangkumi risiko kenderaan bermotor, risiko kapal laut, kapal terbang dan barangan pengangkutan yang dibawa, dan juga perlindungan kepada risiko-risiko baru dan risiko di luar jangka atau kontigensi seperti risiko kemalangan individu, risiko liabiliti awam, risiko kemalangan pekerja dan risiko kejuruteraan⁷⁰.

Mohamed Hadi Abdul Hamid berpandangan situasi penerimaan risiko dalam takaful am adalah sukar dijangka yang menyebabkan aspek penerimaan risiko takaful

⁷⁰ Bank Negara Malaysia, General Takaful: A Conceptual Framework, laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai pada 8 Januari 2013, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/tkf/en/2005/booklet.en.pdf>

am terdedah untuk terjadi insiden risiko syariah. Beliau telah menyatakan beberapa contoh situasi misalnya perlindungan takaful terhadap rumah ibadat bukan Muslim dan kaitan dengannya seperti berikut:

“Sama ada terima atau tolak risiko contoh gereja kalau melibatkan *cover* gereja melibatkan takaful kebakaran. Maka ditolak dan tidak boleh sama sekali tetapi timbul masalah jika sesuatu hanya ada pemilikan contoh gereja memiliki kedai, rumah sewa yang ambil takaful untuk melindungi melalui takaful. Resolusi hanya dibuat secara *internal* melihat kepada lokasi shoplot, rumah sewa. Contohnya jika pemilikan tidak diketahui umum, maka kita terima. Tapi jika secara terang-terang orang ramai tahu itu milik gereja, maka kita tolak⁷¹.”

Mohamed Hadi Abdul Hamid menjelaskan secara umumnya tidak ada masalah untuk melindungi bangunan-bangunan hak milik rumah ibadat iaitu gereja tersebut kerana perlindungan takaful hanya melindungi harta iaitu bangunan serta lain-lain harta-benda berkaiatn dan bukannya melindungi aktiviti keagamaan Kristian tersebut. Kontrak takaful am yang melindungi gereja atau rumah ibadat bukan Muslim dalam situasi ini ialah produk takaful am perlindungan kebakaran. Produk takaful kebakaran kebiasaanya melindungi nilai bangunan termasuklah apa sahaja yang berkaitan bangunan tersebut seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful am tersebut. Takaful am berkaitan kebakaran melindungi daripada tiga jenis bencana iaitu kebakaran, kilat, letupan dan lain-lain sebab yang dinyatakan secara khusus dalam sijil takaful am⁷². Ini bererti takaful am berkaitan kebakaran hanya melindungi harta-benda iaitu bangunan tersebut dan bukannya aktiviti dalam bangunan tersebut.

Oleh yang demikian, keputusan JKS SPT pada situasi tersebut telah menerima permohonan seperti ini walaupun pemilikan tersebut daripada pihak gereja atau badan agama bukan Islam yang lain. Namun begitu, terdapat permohonan yang ditolak oleh

⁷¹ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

⁷² Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd Naa'im, *Fundamental of Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM), 169-171.

SPT ini sekiranya penerimaan risiko hak milik agama bukan Islam itu menimbulkan salah faham masyarakat Muslim atau telah diketahui umum oleh masyarakat Muslim⁷³ dan seterusnya menyebabkan risiko reputasi negatif⁷⁴ dan pandangan buruk masyarakat Muslim terhadap SPT yang patuh syariah.

Mohamed Hadi Abdul Hamid turut memberi contoh lain yang pernah dalam operasi SPT contohnya penerimaan risiko oleh SPT pameran berkaitan pameran hantu.

Beliau mengatakan;

“Contohnya isu lain mengenai isu di muzium purba di UKM. Ada mempuyai patung, barang purba, kain kuning, susuk. Pihak muzium UKM minta takaful *cover* peralatan jampi serapah dan lain-lain tu jadi sama ada nak terima atau tidak. *Shariah Committee* last-last setuju benarkan sebab tujuan untuk pendidikan dan pameran bukan untuk tujuan pemujaan dan sebagainya. Ini bukanlah kita *breach* syariah lagi cuma kalau kita tak buat betul. Ada perkara lain timbul. Ada yang pertikai⁷⁵.”

Kenyataan beliau juga menjelaskan terdapat permohonan perlindungan takaful am melibatkan aktiviti pameran hantu dan perkara mistik yang lain. Isu keterdedahan terhadap risiko syariah ini memerlukan perbincangan lanjut dalam mesyuarat JKS SPT. Keputusan JKS SPT menerima permohonan untuk melindungi tempat dan barangan berkaitan pameran ini dengan justifikasi bahawa pameran ini adalah bertujuan sebagai pendidikan dan bukannya perkara-perkara yang negatif. Seterusnya, Mohamed Hadi

⁷³ Pandangan masyarakat terhadap imej korporat institusi kewangan yang melibatkan isu patuh syariah dikenali sebagai keterdedahan risiko reputasi syariah. Lihat Achene Lahsasna, *Shari'ah Non Compliance Risk Management and Legal Documentation in Islamic Finance*, 23-24

⁷⁴ Reputasi negatif merupakan kesan negatif akibat daripada kesalahan mengurus oleh kakitangan, pihak pengurusan atau Bahagian Syariah IKI yang menyebabkan kehilangan kepercayaan oleh pelanggan atau bakal pelanggan. Dalam konteks industri baru seperti industri kewangan seperti industri takaful, reputasi negatif satu SPT boleh menyebabkan kesan dan imej buruk terhadap SPT yang lain. Imej negatif SPT atau IKI yang lain boleh memberi kesan negatif terhadap penguasaan pasaran, kecairan dan keuntungan IKI. Lihat Hennie Van Greuning dan Zamir Iqbal, *Risk Analysis for Islamic Bank* (Washington DC: The World Bank, 2008), 181-182

⁷⁵ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

Abdul Hamid menghuraikan terdapat permohonan perlindungan liabiliti awam melibatkan perkara-perkara berkaitan hiburan. Beliau mengatakan;

“Contoh lain melibatkan *Sunway Lagoon* memohon takaful. Melibatkan masalah rekreasi, ada bentuk hiburan, ada tujuan maksiat dan sebagai. Kita terima jugak sebab ambil tujuan baik saja untuk rekreasi, hiburan bersama keluarga. Contoh lain lagi berkaitan tahun melawat Malaysia. Kementerian Pelancongan melakukan program *Malaysia Truly Asia* Tahun melawat Malaysia 2014. Untuk melakukan perasmian di Nusajaya. Macam-macam bentuk hiburan, kebudayaan, menyanyi, Kementerian Pelancongan minta perlindungan “*Public Liability*” contohnya sekiranya ada kemalangan semasa program contoh ditimpa barangan, lampu atas kepala pengunjung. Sekira ada tuntutan daripada pengunjung. Etiqa boleh bayar. Tapi melibatkan aturcara ada kuda kepong, hiburan. Ada juga manfaat contohnya pertandingan memasak dan lain-lain. Perkara ada isu sama terima atau tidak. Kita putus untuk *cover*. Ada *Shariah Committee* menolak. Namun ada yang bersetuju. Namun diterima pandangan setuju kerana dipercayai tidak mendapat tumpuan masyarakat mengenai Etiqa *cover* untuk program. Kita lihat yang baik untuk ekonomi dan tidak tumpu pada perkara buruk-buruk⁷⁶.”

Contoh-contoh permohonan takaful am oleh Mohamed Hadi Abdul Hamid menunjukkan terdapat kepelbagaian permohonan risiko takaful am yang bukan sahaja memerlukan pengunderaitan daripada perspektif penilaian risiko itu sendiri malahan daripada perspektif syariah. Perlindungan takaful am berkaitan liabiliti awam ialah SPT bersetuju untuk memenuhi liabiliti kontrak takaful am tersebut termasuklah membayar sebarang ganti rugi kemalangan yang menyebabkan kecederaan atau kematian mana individu berkaitan, membayar ganti rugi terhadap kerosakkan dan kemusnahan harta benda serta membuat pembayaran kepada mana-mana tuntutan perundangan oleh mana-mana pihak yang mengalami kemalangan yang berkaitan dengan takaful am liabiliti awam tersebut⁷⁷.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd Naaim, *Fundamental of Takaful*, 327. Lihat juga contoh sijil takaful am libiliti awam, Etiqa Takaful Berhad, “Public Liability Takaful Certificate”, laman sesawang *Etiqa Takaful Berhad*, dicapai 3 Oktober 2015, <http://www.etiqa.com.my/English/Takaful/General/Downloads/Documents/TakafulCertificates/ETB-EN-Public-Liability-Takaful-Certificate.pdf>

Kegagalan SPT menyaring dan memastikan risiko-risiko yang diterima adalah patuh syariah kemungkinan menyebabkan pelanggaran terhadap pematuhan syariah dan memberi implikasi negatif terhadap SPT. Menurut Mohamed Hadi Abdul Hamid lagi, keterdedahan risiko syariah berkaitan penerima risiko takaful am SPT adalah disebabkan ketiadaan parameter penerimaan risiko takaful am daripada pengawalselia iaitu BNM. Beliau menyatakan pelbagai kajian-kajian telah dijalankan untuk mengeluarkan parameter penerimaan risiko tetapi masih gagal diputuskan untuk digunapakai sebagai garis panduan dalam industri takaful di Malaysia. Beliau mengatakan;

“Dan sampai sekarang di industri contoh Bank Negara ada bahagian research ISRA. Sampai sekarang diorang dah cuba *comeout* parameter untuk *shariah permissible risk*. Diorang *try to explore* satu *framework* kalau ikut istilah biasanya kalau kita keluarkan atau *issue* atau sebar kalau semua orang boleh pakai. Tapi gagal. Idea itu ada tapi tak selesai. *Paper* ada. *Research* ada. Tapi masih gagal untuk letakkan atau putuskan *framework*. Ok, kalau majlis kebudayaan macam mana nak melihat apa yang boleh contohnya penyanyi penyanyi apa yang boleh. Ke lelaki, *bunk face* atau M. Nasir boleh. Benda ni masih sukar dan renyah tidak mudah berkata halal haram⁷⁸.”

Menurut beliau lagi, kebanyakan SPT yang menggunakan penanda aras penyaringan patuh syariah SC sebagai panduan dalam memastikan risiko yang diterima adalah patuh syariah. Tetapi metodologi tersebut tidak sesuai digunakan dalam situasi tertentu contohnya permohonan perlindungan takaful terhadap bangunan BNM. Beliau menyebut bahawa;

“Satu lagi contohnya HQ Bank Negara. So, dia ambil takaful dengan kita. Tapi kalau ikut Suruhanjaya Sekuriti punya *screening* metodologi. Kalau secara umumnya sebuah bangunan nak ambik cover kebakaran. Ada *bussiness* Bank konvensional, insurans, *sport toto*, *magnum* tidak boleh. 5% saja, kita boleh *cover*. Tapi mengambilkira manfaat Bank Negara pada kita. Ataupun Bank Negara tu Bos jadi kita terima sebab kalau tak terima. Insurans yang

⁷⁸ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

ambil benda ini. Jadi langsung tak membantu industri takaful sendiri⁷⁹.”

Tambahan lagi Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulas, sekiranya SPT terlalu rigid atau memilih untuk menerima risiko. SPT akan berhadapan kesukaran untuk membangunkan industri kewangan Islam dan menyerahkan peluang tersebut kepada industri insurans konvensional.

Muhamad Faisal Ashaari pula menjelaskan pematuhan syariah dalam penerimaan risiko bagi aspek-aspek tidak jelas atau *grey area* ditentukan berdasarkan kes per kes oleh JKS SPT serta turut menggunakan pendekatan penanda aras SC sebagai salah satu garis panduan sama ada menolak atau menerima permohonan takaful bagi perkara-perkara tidak jelas. Beliau mengatakan;

“Kita ada *Shariah Committee*. SC ini ada kepakaran untuk selesaikan isu *grey area* ni. Malah, ada antara mereka pernah jadi SAC Bank Negara. Di HSBC ni, biasa *grey area* adalah apa yang boleh *discover*. Apa yang tak boleh *discover*. Biasanya pandangan SAC kita amik sebagai had saja. Contoh kalau SAC letakkan 20% haram boleh kalau *cover*. Kita biasanya kurang daripada itu. Jadi kalau dalam perkara ini. Kalau tanya kita. Kita ambil kurang daripada itu supaya jangan langgar. Kita kalau boleh mengambilkira tentang menjaga syariat Islam itu sendiri dari semua sudut supaya tak sewenang-wenang orang melanggar syariat itu. Perkara yang melibatkan *grey area* contohnya kita walaupun SAC meletakkan 20%, tapi kita kurang daripada tu supaya berhati-hati. Jangan langgar⁸⁰.”

Beliau menyatakan bahawa JKS SPT hanya menerima risiko permohonan takaful am yang menggunakan nilai penanda aras yang lebih rendah daripada yang ditetapkan MPS SC untuk memastikan SPT tidak melebihi atau melampau kadar yang dibenarkan dalam pematuhan syariah.

⁷⁹ *Ibid.*

⁸⁰ Muhamad Faisal Ashaari (Ahli Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia) dalam temu bual dengan penulis, 24 Jun 2015.

Selanjutnya, Ismanizam Ismail menjelaskan bahawa SPT turut terdedah untuk menerima permohonan risiko-risiko tidak patuh syariah. Ini melibatkan permohonan daripada aktiviti-aktiviti bercampur antara halal dan haram. Beliau mengulas terdapat keterdedahan risiko syariah dalam aspek penerimaan risiko perkara bercampur antara halal dan haram seperti penerimaan risiko perniagaan bercampur halal dan haram secara pukal. Pertamanya, terdapat syarikat yang menjalankan perniagaan bercampur halal dan haram yang memohon untuk menyertai kontrak takaful bagi melindungi barangan dan perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat bercampur tersebut. Di peringkat awal permohonan takaful, SPT biasanya akan menggunakan penanda aras sekuriti patuh syariah SC untuk menilai sama ada menerima atau menolak permohonan risiko yang bercampur antara halal dan haram⁸¹. Beliau menyatakan lagi;

“Shariah compliant ataupun syariah non compliant. Jadi, kita letak benchmark lah. Jadi untuk nak senang ini. Kita guna benchmark-benchmark yang telah establish lah. Macam Security Commission. Macam kita ada 33, kita ada 20, kita ada 5. Tengok pada industri. Ada industri yang mungkin lebih. Ada industri benchmark rendah (berdasarkan penanda aras SC)⁸².”

Sekiranya risiko bercampur tersebut di bawah atau kurang daripada kadar penanda aras patuh syariah yang ditetapkan oleh SC. SPT melalui JKSmasing-masing kebiasaannya akan memutuskan untuk menerima permohonan risiko perusahaan bercampur tersebut.

Situasi kedua, keterdedahan risiko syariah juga terjadi setelah permohonan takaful diterima. Ini berlaku sekiranya syarikat bercampur halal haram tersebut telah meningkat jumlah aktiviti atau perusahaan tidak patuh syariah setelah permohonan takaful mereka diterima. Untuk tempoh masa tahun semasa menyertai kontak takaful am tersebut, SPT akan melindungi seperti dinyatakan dalam polisi kontrak takaful yang telah dipersetujui. Bagaimanapun, sekiranya syarikat bercampur tersebut bercadang

⁸¹ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

⁸² *Ibid.*

membuat perbaharuan takaful am untuk berikutnya. SPT melalui JKS dan Bahagian Syariah SPT⁸³ perlu menjalankan penilaian semula terhadap aktiviti dan perusahaan syarikat bercampur halal dan haram tersebut. Ismanizam Ismail turut mengemukakan contoh risiko-risiko yang terdedah kepada elemen-elemen tidak patuh syariah. Beliau menyatakan;

“*Mix risk* ialah apabila kombinasi di antara halal dan haram. Apabila kombinasi antara *risk* yang halal dengan *risk* yang haram. Contohnya kita dapat *business* daripada syarikat *conglomerate* yang dia *combine*. So, ada pembinaan, ada perkapalan, ada *motorcar* dan sebagainya. Ada *portion* daripada itu macam contohnya kita panggil GIT. *Goods In Transit*. Ada syarikat yang menguruskan pengangkutan dan salah satu daripada projek yang dah dapat adalah bawa rokok. So, *goods in transit* lah. Bukan *company* itu. Tapi dia nak *cover* benda ini. *Goods in transit* maksudnya nak ambil dari *port* hantar ke kedai ke, *warehouse* ke, ke mana-mana lah. Itu *goods in transit*. Jadi, apa kita punya *stand* untuk yang macam ini. *The whole* ada macam-macam ini. Kemudian, ada *some portion*. Jadi, ini adalah contoh *mix risk*. *Risk-risk* yang bercampur antara halal dan haram⁸⁴.”

Contoh lain permohonan risiko yang terdedah kepada risiko syariah ialah melibatkan kes-kes risiko dirujuk atau kes-kes risiko yang jarang-jarang diterima dalam SPT misalnya risiko khusus berskala besar atau *Large Specialist Risk (LSR)*⁸⁵. Beliau menyatakan;

”Ada juga yang dinamakan sebagai *referred risk*. Yang mana ini *risk-risk* yang baru. Macam *LSR*, *Large Specialist Risk*. *LSR* ini benda untuk syarikat takaful memang *very rare* syarikat takaful yang *write* *LSR*. *LSR* ini *specialist* untuk normally syarikat insurans yang besar-besar buat. *AXA insurance* atau *Zurich insurance* yang mana dia *specialist*. *LSR risk* yang *large* yang mana ada sesetengah takaful sahaja boleh. Kebanyakan takaful di Malaysia dia punya kuota tak cukup nak tulis. So, ada yang *referred* dekat kita sama ada kita boleh terima atau tak boleh terima. Inilah contoh *referred risk*. Dia jarang bukannya *common*. Mungkin dalam 5 tahun sekali, 2

⁸³ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Bahagian Syariah SPT. Lihat lampiran B13.1, B13.2, B13.3, B13.4, B13.5 dan B13.6.

⁸⁴ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

⁸⁵ Risiko khusus berskala besar atau *Large Specialist Risk (LSR)* ialah risiko yang melebihi nilai RM 300 juta dalam satu kawasan. Lihat Marcel Omar Papp, *Becoming a LSR (Re)takaful operator (Internationalisation of Islamic Finance: Bridging Economies, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 18th - 20th September 2012)*.

tahun sekali kita dapat. Mungkin 1 atau 2 *LSR*. Itu bergantung kepada *SC* lah sama ada dia nak terima atau tak. Jadi sebelum ini ada kita terima, ada yang kita tak terima. Tengok pada *justisication*. Kenapa kita terima. Kenapa kita *reject*. Setiap penerimaan atau *reject* bagi *mix* dan *referred* kena ada *justification*⁸⁶.”

Ismanizam Ismail menghuraikan dua contoh risiko-risiko yang terdedah kepada risiko syariah. Pertama, risiko bercampur oleh perusahaan dan aktiviti yang halal dan haram dari perspektif syariah. Kedua, risiko-risiko yang terdedah kepada risiko syariah ialah risiko yang dirujuk iaitu risiko-risiko yang jarang didapati dalam operasi SPT seperti risiko khusus berskala besar. Ini menunjukkan dua bentuk keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful am.

Seterusnya, Mohd Ridwan Roslan turut menjelaskan bahawa terdapat keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan permohonan risiko termasuklah perkara-perkara yang jelas pengharamannya contoh urusniaga melibatkan perniagaan berkaitan babi. Beliau mengatakan;

“*General* sendiri kadang-kadang melibatkan terima tak patuh syariah. Ada permohonan melibatkan tak patuh syariah. Contoh untuk *general* ini misalnya restoren *Bak Kut Teh*. Bukan apa. Agen kita ramai. Jadi, untuk *liability* kadang-kadang *agent* ambil satu *row* sekali. Dia ambil saja semua permohonan. Tapi rupa-rupa nya dalam keadaan itu. Nak *cover liability* itu. Tiba-tiba ada restoren *Bak Kut Teh*. Tapi bila kita tapis semasa kita nak *underwrite*. Saya tengok ada pula restoren *Bak Kut Teh*. So, kita tak *cover*. Tapi asalnya *owner* orang lain. Tapi tiba-tiba lah dah bertukar *owner* ataupun ada pengguna lain. Orang buat *Bak Kut Teh*. Yang macam itu kita tolak lah. Yang jelas, memang jelaslah⁸⁷.”

Berdasarkan kenyataan Mohd Ridwan Roslan menunjukkan bahawa terdapat permohonan risiko termasuklah melibatkan perniagaan tidak patuh syariah seperti restoren yang menghadirkan makanan tidak halal iaitu babi. Situasi ini berlaku apabila agen SPT Takaful Ikhlas Berhad mendapat persetujuan pemilik kedai sederet sekaligus

⁸⁶ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

⁸⁷ Mohd Ridwan Roslan (Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas Berhad).

untuk melindungi kesemua sederet premis perniagaan mereka dalam perlindungan kontrak takaful am. Namun, setelah penelitian terhadap status perniagaan dan perusahaan premis perniagaan tersebut dan mendapati terdapat premis perniagaan yang menjalankan perniagaan tidak patuh syariah iaitu menjual makanan berkaitan babi. SPT kemudiannya menolak permohonan kedai yang menjual makanan berkaitan babi tersebut.

Bagaimanapun, Mohd Ridwan Roslan menjelaskan permohonan risiko yang jelas tidak patuh syariah melibatkan riba, perjudian, babi dan arak lebih mudah diuruskan dan ditolak serta-merta. Sebaliknya, SPT berhadapan dengan kesukaran untuk menentukan sama ada menolak atau menerima permohonan takaful am daripada syarikat yang menjalankan perniagaan bercampur halal dan haram. Beliau menyatakan;

“Yang susahnyalah kita kena *investigate* lagi ialah *mix business*. *Mix* ini contoh untuk *general* contoh dalam satu bangunan ada bar tapi dalam masa yang sama sebenarnya banyak *business* yang halal. Itu yang kita kena kira *percentage* pada *income business* itu sendiri. Terpaksa *check revenue*. *Marketing* kena buat kerja sikit lah. *Marketing* kena *check* dulu kemudian baru *underwriting* tengok. Lepas *underwriting* tengok. Dia akan tanya ustaz (syariah) macam mana ok ke tak. Begitu prosesnya maknanya *marketing* akan bawa *business* sampai *underwriting*. *Underwriting* tak *confirm* akan *refer to shariah*. *Shariah* kata *investigate* lagi. Berapa itu dan ini. *So*, *marketing* kena pergi balik kat klien itu kalau misalnya ok. Kita ambil lah *business* itu. Kena ada *detail* begitu. Kena *refer shariah* tapi tak semua lah. Yang *mix*. Kalau yang standard berkaitan masjid semua itu. Tak ada masalah lah. Tapi kalau jenis yang *mix* atau macam meragukan. Itu biasanya akan terus melalui syariah dulu⁸⁸.”

Situasi ini menunjukkan permohonan takaful am daripada risiko bercampur antara halal dan haram memerlukan penelitian lanjut daripada Bahagian Syariah SPT⁸⁹. Mohd Ridwan Roslan menyatakan contoh terdapat permohonan takaful am untuk melindungi sebuah bangunan daripada kebakaran dan lain-lain. Namun, terdapat sebahagian

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Bahagian Syariah SPT. Lihat lampiran B13.1, B13.2, B13.3, B13.4, B13.5 dan B13.6.

aktiviti dalam bangunan tersebut adalah tidak patuh syariah seperti perniagaan arak. Menurut Mohd Ridwan Roslan, pihak pemasaran⁹⁰ ataupun agen SPT yang menguruskan kes tersebut perlu mendapatkan maklumat lanjut daripada pihak pemohonan perlindungan takaful am tersebut dan memaklumkan maklumat berkaitan kepada Bahagian Syariah SPT. Salah satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan peratusan aktiviti tidak patuh syariah melalui dapatan jumlah pendapatan aktiviti tidak patuh syariah tersebut.

Ini menunjukkan bahawa sebarang penerimaan risiko yang melibatkan urusan niaga dan perniagaan bercampur halal dan haram perlu melalui penilaian Bahagian Syariah SPT dan kemudiannya dibincangkan dalam mesyuarat JKS SPT. Mohd Ridwan Roslan turut mengulas lanjut bahawa insiden sebenar risiko syariah pernah terjadi berkaitan penerimaan risiko tidak patuh syariah oleh SPT. Beliau berkata;

“Ada pernah jadi *human error*. Kita ter *cover* kenderaan *Guinness*. *So*, bila *renew* tak bagi. Tapi dia tanya kenapa dulu boleh. Sebab *human error*. Dulu dia main *key in* sahaja. Sebab data banyak. Dia tak tahu dia sedang *key in Guinness Anchor* itu. Dia *key in*. Bila *time* nak *renew*. Tengok ada *Guinness Anchor*. Ini kilang arak. Ada lah untuk *cover* 3 biji motor. Motor untuk penghantaran. *So*, yang mana ambil *income* itu. Mana-mana *income* kita ambil balik. Kita kena *cleaning*. Tak banyaklah dalam RM3000 lebih. Ini *actual* lah. Dan kena *report*. Yang mana kita *cover company* yang tak patuh syariah lah. Masa *renewal* baru perasan. Masa *renewal* baru perasan. Sebab yang ambil *coverage* ini *NAZA*. Dia ambil salah satu *business* nya untuk hantar *Guinness Anchor*. Itu pelik juga kenapa *NAZA* ambil juga kilang arak ini. *Detect* masa nak *renewal* itu⁹¹.”

Kenyataan daripada Mohd Ridwan Roslan menunjukkan terdapat insiden risiko syariah telah berlaku dalam SPT. Insiden sebenar risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am berlaku apabila menerima permohonan takaful am untuk melindungi kenderaan yang membawa arak daripada Syarikat Guinness Anchor Berhad. Seperti

⁹⁰ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui Peranan Kakitangan SPT. Lihat lampiran B15.1 dan B15.2.

⁹¹ *Ibid.*

diketahui umum, Syarikat Guinness Anchor Berhad merupakan syarikat pengeluar utama arak di Malaysia sejak tahun 1965⁹². Kesalahan menerima risiko tidak patuh syariah dalam SPT disebabkan kecuaiannya kakitangan yang menerima permohonan tanpa pemeriksaan lanjut⁹³. Ini disebabkan pada asasnya kenderaan tersebut dimiliki oleh syarikat kenderaan Naza Kia. Namun, syarikat Naza Kia telah menyewakan kenderaan tersebut kepada Syarikat Guinness Anchor untuk membawa arak kepada pembekal untuk mengedarkan arak tersebut kepada jualan runcit. Kesilapan menerima risiko tidak patuh syariah ini adalah disebabkan kebanyakan perlindungan am kenderaan komersil diterima dalam kuantiti yang banyak lantas menyebabkan kakitangan yang menerima permohonan perlindungan takaful tidak meneliti maklumat peniagaan dengan mencukupi. Setelah kakitangan yang menerima menyedari bahawa permohonan takaful am kenderaan komersil tersebut semasa permohonan tahun berikutnya, kakitangan berkaitan telah menolak permohonan takaful tersebut untuk memperbaharui kontrak takaful am berkenaan. Situasi penerimaan permohonan risiko yang tidak patuh syariah ini telah dikategorikan sebagai insiden risiko syariah. Pihak SPT seterusnya membuat pengasingan pendapatan sebanyak RM3000 dan mendermakan wang tersebut kepada pihak berkenaan seperti yang telah dipersetujui oleh JKS SPT dan Lembaga Pengarah SPT⁹⁴.

Omar Mohamed menghuraikan bahawa keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am adalah disebabkan oleh kesalahan manusia dan tiada

⁹² Guinness Anchor Berhad, "About Guinness Anchor Berhad (GAB)", laman sesawang *Guinness Anchor Berhad (GAB)*, dicapai 13 Oktober 2015, <http://www.gab.com.my/about-gab/>

⁹³ Lihat juga keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan.

⁹⁴ Petikan Penuh Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Kakitangan SPT mengikut Makluman Informan. Lihat lampiran B16.

kesedaran di kalangan pihak pemasaran⁹⁵ mengenai penerimaan risiko-risiko patuh syariah. Beliau berkata;

“Kita ada parameter untuk terima setiap risiko. Dipanggil *risk accepted* kan. Untuk terima setiap *business*. Kita ada parameter dalaman kita. Jadi parameter kita itu diketahui oleh semua *sales-sales*. Yang mana yang *clear cut*, dia orang akan ambil. Yang mana yang *clear* tak boleh kita akan *benchmark* semua itu. Maksudnya memang dia orang tak ambil. Kalau dia orang ambil itu memang kes besar lah. Yang mana yang *grey area* dia orang akan hantar ke *shariah*. Kita akan nilaikan. So, prosuder itu semua ada lah. Kalau kita kata kemungkinan berlaku itu *so* manusia punya factor lah. *Human factor* maksudnya dia sendiri tak dengar. Dia nak kejar *business*. Dia nak abaikan syariah. Itu di mana-mana pun boleh jadi berlaku lah⁹⁶.”

Berdasarkan kenyataan beliau menunjukkan bahawa parameter asas penerimaan risiko yang patuh syariah telah diketahui oleh setiap agen pemasaran SPT. Namun, kesalahan menerima risiko-risiko tidak patuh syariah dalam kontrak takaful am adalah disebabkan kegagalan agen pemasaran berkenaan mengenal pasti permohonan risiko-risiko tidak patuh syariah untuk takaful am bertujuan untuk meningkatkan jumlah transaksi kontrak takaful am bagi memperolehi kadar komisen agen pemasaran yang maksimum. Beliau mengatakan bahawa tiada kesedaran atau *awareness* terhadap pematuhan syariah merupakan sebahagian keterdedahan berlakunya risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT⁹⁷.

Tambahan lagi, Omar Mohamed mengulas insiden risiko syariah pernah terjadi dalam operasi Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Insiden risiko syariah ini berlaku apabila SPT telah menerima permohonan salah sebuah perbankan konvensional untuk melindungi liabiliti sebuah bangunan yang dimiliki oleh bank konvensional tersebut. Situasi ini merupakan insiden sebenar risiko syariah apabila Syarikat Takaful Malaysia

⁹⁵ Lihat juga keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Tiada Kesedaran syariah di kalangan kakitangan dan agen SPT.

⁹⁶ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

⁹⁷ Ulasan lanjut. Lihat keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan turut dibincangkan dalam kajian ini.

Berhad menerima permohonan takaful am bank konvensional tersebut. Kakitangan yang bertanggungjawab di Syarikat Takaful Malaysia Berhad kemudian menjalankan tindakan pengasingan pendapatan tidak patuh syariah dan didermakan kepada badan-badan kebajikan seperti yang diluluskan oleh JKS SPT dan Lembaga Pengarah SPT tersebut⁹⁸.

Selanjutnya, Najihah Ali yang pernah berkhidmat dengan SPT MAA Takaful Berhad memaklumkan bahawa terdapat isu keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am semasa di MAA Takaful Berhad. Najihah Ali yang juga mantan Pegawai Syariah MAA Takaful Berhad mengulas bahawa isu keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am seperti permohonan perlindungan pentas semasa aktiviti hiburan beserta perlindungan liabiliti awam. Namun, SPT telah menyaring dan memilih risiko melindungi liabiliti awam sahaja yang dilindungi melalui kontrak takaful am. Manakala, permohonan perlindungan pentas telah ditolak⁹⁹.

Najihah Ali mengulas lagi bahawa walaupun Sunlife Takaful Malaysia mempunyai lesen takaful am. Namun, SPT ini tidak mempunyai sebarang isu keterdedahan risiko syariah dalam takaful am. Ini berikutan produk takaful am di Sunlife Takaful Malaysia hanya merupakan produk kemalangan diri dan perlindungan kebakaran di rumah kediaman sahaja. Berdasarkan kenyataan Najihah Ali¹⁰⁰, Sunlife Takaful Malaysia hanya mempunyai dua kategori produk untuk takaful am iaitu perlindungan daripada kemalangan dan perlindungan daripada kebakaran untuk tempat kediaman. Produk kemalangan diri iaitu *Group Personal Accident* dan *Cuespacs PA*¹⁰¹.

⁹⁸ *Ibid.*


⁹⁹ Najihah Ali (Pegawai *Review* Syariah Sunlife Takaful Malaysia/ Mantan Pegawai Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ Sunlife Takaful Malaysia, "Takaful General Products", laman sesawang *Sunlife Takaful Malaysia*, dicapai pada 4 Mei 2015, <https://www.sunlifemalaysia.com/page.asp?id=general-takaful>

Manakala, produk perlindungan kebakaran pula iaitu *Fire Takaful* dan *Householders and House Owners*¹⁰². Ini bererti Sunlife Takaful Malaysia tidak mempunyai produk-produk yang pelbagai dalam takaful am seperti SPT yang mempunyai lesen pengendali takaful am.

Begitu juga Abdul Hakim Johari menjelaskan walaupun PruBSN Takaful Berhad mempunyai lesen pengendali takaful am. Namun, transaksi melibatkan takaful am adalah rendah. Beliau berkata “PruBSN *our main product* kita memang *family. General* kita sikit sangat. Kalau ikut *percentage* mungkin 2 percent from the total of all the business. So, main business daripada segi *famiy business*.” Ini menunjukkan operasi takaful am adalah rendah berbanding transaksi takaful keluarga. Beliau juga tidak mengulas mengenai isu keterdedahan risiko syariah dalam takaful am.




¹⁰² *Ibid.*

Rajah 5.7: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Am Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁰³)


Rajah 5.7 menunjukkan sebanyak 5 informan kajian mengulas keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am disebabkan permohonan takaful am daripada syarikat bercampur halal haram yang memerlukan penilaian lanjut dari Bahagian Syariah dan JKS SPT. Diikuti terdapat permohonan dari perniagaan yang tidak patuh syariah seperti menjual makanan haram yakni daging khinzir. Selain itu, terdapat 2 informan memaklum pernah terjadi insiden risiko syariah melibatkan perlindungan kenderaan membawa arak dan perlindungan bangunan bank konvensional. Kedua-dua insiden risiko syariah telah diputuskan oleh JKS SPT masing-masing dan dilakukan tindakan pembetulan yakni pengasingan pendapatan tidak diiktirafkan tersebut dan didermakan kepada badan-badan kebajikan yang diperakui oleh JKS SPT. Manakala, keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am disaring dan telah diputuskan sama ada diterima atau ditolak oleh JKS SPT masing-masing. Contoh permohonan yang diterima untuk perlindungan takaful am ialah perlindungan berkaitan rumah hantu, rumah ibadat bukan Muslim, perlindungan pesta tahun melawat Malaysia, perlindungan kebakaran bangunan BNM, perlindungan syarikat bercampur halal haram, permohonan perlindungan pukal risiko berskala besar dan perlindungan berkaitan urusanniaga item-item tidak patuh syariah seperti babi dan arak. Berikut ialah rajah 5.8 yakni catatan memo keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful am SPT.

¹⁰³ Lampiran A3.1, A3.2 dan A3.2: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Am Mengikut Petikan Temu bual Informan.



Rajah 5.8: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Am

Berdasarkan penjelasan rajah 5.8 mendapati bahawa keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am adalah disebabkan ketiadaan standard parameter yang jelas dalam menerima permohonan takaful am sama ada patuh syariah atau sebaliknya. Ketiadaan parameter yang jelas ini menyebabkan perbezaan praktis penerimaan risiko antara satu SPT dengan SPT yang lain. SPT begitu berhati-hati dalam menerima permohonan takaful am khususnya dalam risiko yang melibatkan imej dan reputasi SPT sebagai institusi patuh syariah. Selain itu, keterdedahan risiko syariah turut melibatkan permohonan takaful am yang jelas tidak patuh syariah misalnya melibatkan perniagaan arak dan babi. Selanjutnya mengenai pendekatan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful am SPT.



Rajah 5.9: Dapatan Pendekatan Menguruskan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Am Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016)

Dapatan rajah 5.9 mendapati majoriti yakni 4 informan memaklumkan bahawa SPT menggunakan penanda aras SC untuk menentukan sama ada menerima atau menolak permohonan takaful am tersebut. Bagaimanapun, 1 informan memaklumkan penanda aras SPT tidak sesuai digunakan kerana penerimaan risiko yang kompleks dan sukar diukur tetapi hanya ditentukan berdasarkan ijhtihad JKS tanpa bergantung kepada mana-mana penanda aras. Justeru, dapatan kajian dalam keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am menunjukkan terdapat kepelbagaian dan perbezaan keterdedahan risiko syariah bergantung kepada permohonan perlindungan risiko takaful

am yang diterima SPT. Kesimpulannya, pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful am bergantung kepada pendekatan dan keputusan JKS SPT masing-masing sama ada menggunakan garis panduan SC atau ijtihad JKS SPT seperti yang telah dijelaskan dalam huraian di atas. Selanjutnya mengenai keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful keluarga.

5.4.2 Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Risiko Takaful Keluarga

Takaful keluarga ialah kontrak takaful yang melindungi para peserta apabila ditimpa kemalangan, keilangan kekal, penyakit kritikal dan kematian¹⁰⁴. Mohamed Hadi Abdul Hamid mengatakan secara umumnya, SPT secara asasnya menerima permohonan takaful keluarga individu daripada sesiapa sahaja yang memohon tanpa mengira latar belakang pekerjaan, agama dan sebagainya. Namun, keterdedahan risiko syariah berlaku apabila SPT melindungi individu yang mempunyai imej yang tidak patuh syariah pada persepsi umum. Walaupun tiada halangan syariah yang jelas untuk menolak permohonan individu tersebut. Terdapat SPT menolak permohonan takaful keluarga individu yang bermasalah dari segi imej seperti penyanyi atau pelakon yang berimej tidak sopan keterlaluan pada pandangan masyarakat. Beliau berkata;

“Kalau melibatkan takaful individu kita terima siapa saja. Pelakon, penyanyi, siapa sahaja. Tapi ye lah. Kadang-kadang praktis antara syarikat takaful lain-lain. Ada yang mungkin tolak sebab ada masalah imej. Orang akan pertikaian kenapa syarikat takaful *cover* artis tak patuh syariah contoh kalau Siti dulu mungkin Nampak tak patuh tetapi sekarang lebih Islamik dari segi imej. Contoh macam penyanyi *Stacy* mintak syarikat takaful *cover*. Orang akan pertikaikan. Jadi ada isu reputasi kat situ. Dan orang *business* tak suka masalah reputasi ini¹⁰⁵.”

¹⁰⁴ Asmak Ab Rahman et al., “Kepentingan Takaful Sebagai Instrumen Simpanan dan Perlindungan,” dalam *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, eds. Asmak Ab Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 55.

¹⁰⁵ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulas penolakan permohonan takaful keluarga daripada individu seperti pelakon atau penyanyi yang mempunyai imej negatif bertujuan menjaga imej dan reputasi SPT sebagai institusi kewangan patuh syariah pada pandangan masyarakat di Malaysia.

Selain itu, keterdedahan risiko syariah juga berlaku dalam penerimaan risiko takaful keluarga secara berkumpulan. Takaful keluarga berkumpulan ialah sekumpulan individu yang dilindungi dalam satu sijil takaful keluarga sahaja¹⁰⁶. Bagaimanapun, sekumpulan individu tersebut perlu mempunyai hubungan kepentingan boleh lindung sebagaimana yang diperuntukkan dalam perundangan sivil¹⁰⁷ dan pematuhan syariah¹⁰⁸. Namun, sekiranya terdapat isu-isu tidak patuh syariah yang menyebabkan insiden sebenar risiko syariah seperti permohonan takaful berkumpulan syarikat tidak patuh syariah. SPT Etiqa Takaful Berhad akan mengambil pendekatan menolak permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat-syarikat tidak patuh syariah dan menyerahkan permohonan tersebut kepada Etiqa Insurance Berhad¹⁰⁹. Dengan erti kata yang lain, pendekatan untuk menguruskan keterdedahan risiko dengan menyalurkan permohonan-permohonan takaful yang tidak patuh syariah kepada insurans konvensional¹¹⁰.

Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri berpandangan dalam konteks takaful keluarga, SPT menerima permohonan takaful keluarga daripada mana-mana individu tanpa mengira sumber pendapatan dan pekerjaan termasuklah daripada sektor

¹⁰⁶ Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd Naaim, *Fundamental of Takaful*, 426-427.

¹⁰⁷ Perenggan 3(6) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013. Kategori kepentingan boleh lindung dalam takaful ialah suaminya atau isterinya atau anaknya; anak jagaannya di bawah umur dewasa pada masa orang itu membuat kontrak takaful itu; pekerjaanya; atau seseorang yang kepadanya dia bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya bagi saraan atau pendidikan pada masa dia membuat kontrak takaful itu.

¹⁰⁸ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, ed. ke-2, 91.

¹⁰⁹ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua, Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah Etiqa Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2014.

¹¹⁰ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah dengan Menyalurkan Kepada Insurans Konvensional. Lihat lampiran B11.

perusahaan tidak patuh syariah seperti perbankan konvensional dan pembuatan arak. Beliau menyatakan “AIA Takaful hanya ada *family business*. *Family* kurang terdedah kepada risiko syariah kerana *basically* kita *cover* diri seseorang itu saja. jadi tak kisah kerja apa sekalipun kilang arak, syarikat insurans, bank konvensional. Kita *cover* dia saja¹¹¹.” Beliau yang pernah berkhidmat di Bahagian Syariah Etiqa Takaful Berhad mengulas keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful keluarga adalah kurang berbanding penerimaan risiko dalam takaful am. Ini berikutan kontrak takaful keluarga hanya melindungi individu tersebut sahaja dan bukannya pekerjaan atau perniagaan yang dijalankan.

Sementara itu, Mohd Hafizal Elias turut mengulas bahawa takaful keluarga yang dipohon secara individu akan diterima untuk menyertai kontrak takaful walaupun pemohon tersebut bekerja dengan syarikat tidak patuh syariah seperti arak ataupun perjudian. Bagaimanapun, keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful keluarga berlaku apabila terdapat permohonan daripada syarikat tidak patuh syariah sama ada untuk individu utama atau secara berkumpulan di syarikat tidak patuh syariah. Beliau menjelaskan SPT telah menolak permohonan sebuah perbankan konvensional untuk melindungi Pengarah perbankan konvensional tersebut dalam takaful keluarga.

Mohd Hafizal Elias menyatakan bahawa sekiranya permohonan tersebut dibuat oleh syarikat tidak patuh syariah seperti perbankan konvensional. Bahagian Syariah SPT menolak permohonan takaful yang dibuat oleh syarikat tersebut sama ada bertujuan melindungi individu penting syarikat tidak patuh syariah seperti Pengarah ataupun bertujuan melindungi kakitangan syarikat tidak patuh syariah tersebut secara takaful keluarga berkumpulan. Bagaimanapun, sekiranya individu tersebut membuat

¹¹¹ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 4 Disember 2014.

permohonan secara peribadi tanpa melalui apa-apa syarikat tidak patuh syariah. Permohonan takaful tersebut diterima dari segi patuh syariah di SPT¹¹².

Ini menunjukkan SPT ini tidak mengambil kira atau menilai pendapatan atau pekerjaan seseorang dalam menyediakan perlindungan kontrak takaful. Kenyataan Mohd Hafizal Elias ini menunjukkan SPT turut berhadapan keterdedahan risiko syariah dalam permohonan risiko takaful keluarga yang dibuat oleh syarikat yang menjalankan aktiviti dan perusahaan tidak patuh syariah bagi melindungi kakitangan utama syarikat tersebut.

Abdul Hakim Johari mengulas mengenai penerimaan risiko bagi individu penting syarikat tidak patuh syariah;

“Ada jugak kalau macam *keyman* satu *company*. *Keyman* ini asalnya individu. *Normally*, kalau individu kita tak kan *question* sekalipun dia kerja *Carlbergs* ke apa ke. Kita tak akan *question*. Tapi kalau dia individu yang buat *mixture* atau *non halal*. Ataupun ada satu kes dia buat *director* filem. Tapi itu pun akhir saya rasa kita masih terima lagi. Tapi tak tahu sejauh mana indicator yang digunakan. Tapi *SC* akan tengok *case to case basis*. Mungkin dia pakai pandangan Ibn Taimiyyah atau Ibn Qaiyim yang kata *50 percent, 50 percent* boleh lagi ke. Tapi sejauhmana kuatnya pandangan itu kita tak tahu lah. Tapi itu dalil-dalil pandangan yang membolehkan¹¹³.”

Kenyataan Abdul Hakim Johari menunjukkan SPT lebih terbuka dalam penyaringan permohonan takaful keluarga yang melibatkan perniagaan bercampur contohnya pembuatan filem. Malahan dibenarkan sehingga melibatkan perniagaan bercampur sehingga 50 % antara halal dan haram. Abdul Hakim Johari mengulas lanjut keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful keluarga. Abdul Hakim Johari menjelaskan bahawa keterdedahan risiko syariah dalam takaful am adalah melibatkan permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat bercampur halal dan haram

¹¹² Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad).

¹¹³ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, *Review* dan Penyelidikan Syariah, Risiko dan Tadbir Urus Syariah Prudential BSN Takaful Berhad).

dan juga syarikat tidak patuh syariah. Beliau menjelaskan bahawa permohonan takaful berkumpulan seperti syarikat perjualan arak akan ditolak serta-merta oleh SPT berikutan telah jelas dari aspek tidak patuh syariah. Bagaimanapun, keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful keluarga juga berlaku dalam permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat-syarikat bercampur halal dan haram. Beliau memberikan satu contoh permohonan satu institusi perbankan yang bercampur transaksi patuh syariah dan tidak patuh syariah. Dapatan penilaian mendapati institusi perbankan tersebut menjalankan aktiviti patuh syariah sebanyak 70 % manakala aktiviti urusniaga tidak patuh syariah sebanyak 30%. Berdasarkan dapatan penilaian ini, JKS SPT bersetuju menerima permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada institusi perbankan tersebut untuk tempoh satu tahun dengan justikasi bahawa institusi perbankan tersebut menunjukkan usaha yang tinggi untuk mengubah transaksi perniagaan utama kepada urusniaga patuh syariah. Bagaimanapun, sekiranya institusi perbankan tersebut bercadang untuk memperbaharui takaful keluarga berkumpulan, JKS SPT perlu menyaring semula berdasarkan peratusan transaksi patuh syariah dan tidak patuh syariah institusi perbankan tersebut¹¹⁴.

Beliau mengulas lanjut dengan menyatakan bahawa SPT ini tidak menolak permohonan takaful keluarga individu walaupun melibatkan pekerjaan berimej negatif seperti GRO yang menyediakan perkhidmatan pelanggan bersosial atau mungkin terlibat dengan kegiatan pelacuran¹¹⁵. Namun, keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful keluarga adalah disebabkan permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat bercampur yang menjalankan perniagaan majoriti tidak patuh syariah.

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ Kerjaya GRO atau *Guest Relation Officer (GRO)* mempunyai banyak takrifan dan bidang tugas. Tidak dinafikan ada GRO yang mempunyai tugas tertulis yang neutral dan benar-benar bersifat pentadbiran. Bagaimanapun, terdapat aktiviti dan tugas GRO yang tidak dinyatakan secara formal dan aktiviti tidak sihat seperti aktiviti pelacuran. Lihat Berita Harian, "Langgan GRO Guna Cap Jari", laman sesawang Berita Harian 4 Jun 2010, dicapai pada 3 Disember 2014, <http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/42GROwargaasingditahandalamOpsNoda/Article/>.

Ini menyebabkan SPT perlu menolak permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat-syarikat bercampur tersebut¹¹⁶.

Selanjutnya, Ismanizam Ismail mempunyai pandangan yang berbeza dengan menjelaskan bahawa permohonan individu yang secara terang dan diketahui umum melibatkan diri sepenuh dalam aktiviti hiburan tidak patuh syariah ditolak dalam permohonan kontrak takaful keluarga secara individu oleh SPT MAA Takaful Berhad. Beliau mengulaskan bahawa terdapat keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko individu yang secara terang-terangan terlibat dalam aktiviti hiburan tidak patuh syariah akan menjejaskan reputasi syarikat takaful sebagai IKI yang patuh syariah. Beliau mengatakan bahawa;

“Siti Nurhaliza memohon takaful pernah sampai ke meja saya. Saya tengok kemudian saya panggil *staff* saya. Saya minta pandangan seorang-seorang apa sebab saya perlu terima permohonan ini. Tanya seorang-seorang. Saya tak puas hati. Saya panggil *marketing*. Beritahu saya kenapa saya perlu terima. Kalau dia orang boleh bagi jawapan yang munasabah. Kita boleh terima. Saya kata peranan saya adalah untuk pastikan *company* ini adalah *shariah compliant*. Jadi, itu tugas saya. Saya kena amanah lah. Atau pun kecuali kalau ada *angle* yang saya tak nampak. Tolong beritahu saya. Sebab reputasi adalah satu benda yang kita ambil masa untuk pulihkan. Kita susah untuk bina sesuatu dan ini boleh hilang sekelip mata sahaja untuk roboh. Kita mungkin untung seribu dua ribu. Tapi rugi kita macam mana. Takaful ini sangat mementingkan reputasi. Orang akan tengok reputasi. *Reputational risk* ini penting¹¹⁷.”

Berdasarkan kenyataan Ismanizam Ismail menunjukkan permohonan seorang penyanyi yang terkenal di Malaysia telah ditolak SPT dengan justifikasi bahawa penerimaan penyanyi tersebut sebagai peserta dalam kontrak takaful dijangka menjejaskan imej dan reputasi SPT sebagai IKI yang patuh syariah.

¹¹⁶ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, *Review dan Penyelidikan Syariah, Risiko dan Tadbir Urus Syariah Prudential BSN Takaful Berhad*).

¹¹⁷ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

Penekanan terhadap imej dan reputasi dalam menerima risiko khususnya berkaitan takaful berkumpulan turut diulas oleh Mohd Ridwan Roslan yang menjelaskan bahawa praktis penerimaan risiko daripada perspektif syariah sangat mementingkan aspek reputasi dan imej syariaikat sebagai IKI yang mematuhi syariah. Apa-apa elemen tidak patuh syariah yang mungkin mendedahkan kepada risiko reputasi syariah akan ditolak oleh SPT. Beliau menjelaskan terdapat keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful keluarga disebabkan bermasalah dari segi reputasi contohnya permohonan takaful daripada persatuan bukan Muslim dan aktiviti sukan yang berimej negatif seperti acara sukan gimnastik. Mohd Ridwan Roslan menyatakan bahawa SPT menolak permohonan melibatkan agama contohnya persatuan Agama Buddha dan atlet bagi sukan gimnastik dan renang yang memohon untuk perlindungan takaful. Penolakan ini disebabkan terdapat keterdedahan risiko syariah yang menyebabkan reputasi negatif terhadap SPT yang patuh syariah¹¹⁸.

Manakala Omar Mohamed pula berpendapat permohonan melibatkan perlindungan nyawa diterima oleh SPT selagimana bertujuan melindungi tubuh badan dan nyawa semata-mata bukannya perlindungan terhadap aktiviti dijalankan walaupun melibatkan persatuan agama bukan Muslim. Beliau mengatakan;

Kalau family katakan persatuan *church cover member* (keahlian) dia. Kita *cover member* persatuan church tadi atas dasar nyawa atas menjaga menjaga maslahat nyawa. Tapi kita tak pandang dia punya *church*, menjaga *maslahat* keluarga, nyawa bukan lah atas dasar *the nature of business*, tidak¹¹⁹.”

Kenyataan Omar Mohamed menunjukkan SPT menerima permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada persatuan agama bukan Muslim. Ini turut memaparkan perbezaan yang jelas keterdedahan risiko syariah antara satu SPT dengan satu SPT lain di Malaysia.

¹¹⁸ Mohd Ridwan Bin Roslan (Pegawai Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

¹¹⁹ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 26 November 2015.

Terdapat SPT seperti yang dinyatakan telah menolak permohonan melibatkan persatuan agama bukan Muslim sekaligus menunjukkan terdapat perbezaan keterdedahan risiko syariah antara satu SPT dengan SPT yang lain. Omar Mohamed juga mengulas bahawa SPT juga menerima permohonan pelakon yang terkenal untuk menyertai kontrak takaful. Beliau berkata “Pernah yang lain kalau Aoran Aziz dia minta *cover* nyawa dia tak ada masalah. Dia punya *life* untuk *cover*¹²⁰.” Ini menunjukkan kenyataan Omar Mohamed menerima permohonan takaful keluarga secara individu tanpa mengambil kira pekerjaan individu tersebut

Ulanddy Uyob turut mengulas mengenai penerimaan risiko takaful keluarga individu dan berkumpulan yang melibatkan pekerjaan dan syarikat tidak patuh syariah. Beliau berpendapat permohonan individu dan permohonan takaful keluarga secara berkumpulan perlu diberi penilaian yang berasingan. Dalam konteks permohonan takaful keluarga secara individu, beliau berpendapat SPT boleh menerima permohonan takaful keluarga individu tanpa mengambil kira sumber pendapatan atau pekerjaan permohonan dengan memberikan contoh SPT perlu menerima permohonan takaful keluarga daripada individu bekerja sebagai GRO yang difahami bersumber pendapatan yang tidak patuh syariah. Manakala, sekiranya permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat tidak patuh syariah seperti arak dan perjudian perlu ditolak serta-merta oleh SPT. Selanjutnya, permohonan takaful keluarga daripada syarikat bercampur pula bergantung kepada keputusan JKS SPT. Beliau menyatakan;

“Dia dari segi kata orang lebih kepada *reputational risk*. Macam ini, sebab kami ada satu *guidelines risk assessment. What to take. What not to take*. Jadi contoh klasik biasa kalau orang bagi contoh dalam takaful ini *GRO*. Dia bekerja sebagai *GRO*. Dia nak ambil takaful. Untuk diri dia. Boleh atau tidak. Jadi bagi sesetengah syarikat. Dia akan melihat kepada pekerjaan dia sebagai *GRO* tapi sesetengah syarikat. Saya tak *mention* syarikat mana. Dia melihat kepada dia nak ambil untuk siapa. Ataupun company dia kerja itu bayar ke.

¹²⁰ *Ibid.*

Bergantung kepada keadaan macam itu. Sekira saya, walaupun seorang *GRO* dia nak ambil untuk *personal accident* untuk diri dia. Dan dibayar dengan gaji yang dia dapat. Saya rasa tak ada masalah. Sebab dia bukan melibatkan pekerjaan dia pun. Dia nak ambil untuk *personal accident* dia. Tapi berlainan contohnya saya *quote* “*Genting*”. *Genting Casinno* dah terang-terang *casino*. 100% *income* dia adalah *casino*. *Generate from casino*. Dia nak ambil *policy group term takaful* untuk pekerja dia. Boleh terima ke tidak. Sebab kalau ikut kes ini lah. Memang kita tak boleh terima. Sebab dia bayar melalui *generate from casino* punya *income*. Nampak macam lebih kurang kan. *GRO, casino*. Kedua-duanya haram pada kita dari sudut Islam memang tak boleh. Tapi kenapa saya *allow GRO*. Tak *allow casino*. Sebab *GRO* ini. Dia ambil *personally* untuk dia dan dibayar guna guna duit gaji. Tapi gaji dia untuk adakah dia haram pada kita. Tak lah kan. Jadi kita. Kalau katalah orang *GRO* itu bagi sedekah. Adakah sedekah itu haram. Tak juga kan. *Compare* dengan *casino*. *Generate income* itu sendiri daripada benda yang haram. Bila dia bayar pula dengan duit itu sama lah juga. Ada berlaku. Itu yang saya kata *business accessment*. Satu, *business accessment* ini sebagai *guidance* lah. Kedua, *Shariah Committee* dan biasanya kita akan dapat *decision* dari situ¹²¹.”

Kenyataan Ulanddy Uyob turut menunjukkan SPT tidak mengambil kira latar belakang atau pekerjaan seseorang yang mengambil perlindungan takaful keluarga secara individu. Bagaimanapun, SPT akan menolak permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat-syarikat tidak patuh arak seperti syarikat arak contohnya Carlsbergs Malaysia¹²² dan syarikat perjudian seperti Genting Group¹²³.

Muhammad Ilyas Mohd Mydin menjelaskan keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko takaful keluarga adalah melibatkan permohonan takaful berkumpulan daripada syarikat-syarikat tidak patuh syariah. Beliau berkata;

“Sebab isu dia lebih kepada benda item. Maksudnya tak *cover-cover* benda-benda haram macam arak, babi ke. Ataupun tempat-tempat yang buat transaksi haram. Perjudian ke, perbankan konvensional punya *business* ke. Semua ini tak boleh *cover* lah. Kalau dia ambil

¹²¹ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Syariah, AmMetlife Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 22 Disember 2015.

¹²² Carlsberg Malaysia, “About Company” laman sesawang *Carlsberg Malaysia*, dicapai 7 Oktober 2014, http://www.carlsbergmalaysia.com.my/web/company/cm_carlsbergmsia.aspx. Carlsberg Malaysia menjalankan aktiviti utama pembuatan dan pengedaran arak sejak Disember 1969.

¹²³ Genting Group, “Profile Company”, laman sesawang *Genting Group*, dicapai pada 7 Oktober 2014, <http://www.gentingmalaysia.com/profile.htm>. Genting Group menjalankan perniagaan utama dalam bidang perjudian dan diketahui masyarakat umum di Malaysia.

group takaful tak boleh lah. Sebab kita bukan bagi perlindungan kepada syarikat itu punya pekerja. Kita bagi pada individu tak ada masalah¹²⁴.”

Kenyataan Muhammad Ilyas Mohd Mydin menunjukkan keterdedahan risiko syariah melibatkan permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat-syarikat tidak patuh syariah. Dalam takaful keluarga secara individu, SPT akan menerima permohonan takaful keluarga individu tanpa mengambil kira latar belakang dan pendapatan pemohon takaful tersebut¹²⁵. Menurut beliau lagi, SPT menerima permohonan takaful keluarga individu daripada mana-mana tanpa mengira latar belakang agama, pendapatan dan pekerjaan. Bagi situasi permohonan takaful keluarga secara berkumpulan, Bahagian Syariah SPT yang menilai menggunakan garis panduan penanda aras patuh syariah SC. Beliau mengatakan;

“Dia biasanya ada parameter *Securities Commission*. Berapa peratus kalau *mix* kita boleh terima. Jadi, dia orang akan *comply* dengan benda itu. Pastikan dia tidak melebihi parameter *mix activities* itu. Kalau dia melebihi tak boleh terima. Kalau kurang barulah *refer* kepada *Shariah department*. Kalau *shariah department* luluskan, dia orang akan *proceed*¹²⁶.”

Bahagian Syariah SPT akan mengusulkan isu permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat-syarikat bercampur halal haram yang melebihi penanda aras patuh syariah SC untuk dibincangkan oleh JKS SPT. Permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat bercampur halal haram akan diterima sekiranya dipersetujui oleh JKS SPT dan begitu juga sebaliknya.

Seterusnya, Najihah Ali turut menjelaskan pandangan yang sama dengan informan-informan yang lain. SPT akan menerima permohonan takaful keluarga daripada mana-mana individu tanpa mengambil kira pekerjaan, agama, aktiviti individu

¹²⁴ Muhammad Ilyas Mohd Mydin (Ketua Bahagian Syariah Hong Leong MSIG Takaful).


¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ *Ibid.*

tersebut dari segi pematuhan syariah. Namun, sekiranya permohonan tersebut melibatkan takaful keluarga berkumpulan. SPT Sunlife Takaful Malaysia akan menolak permohonan takaful keluarga secara berkumpulan melibatkan aktiviti utama tidak patuh syariah seperti judi, arak dan babi. Sunlife Takaful Malaysia turut terdedah kepada risiko syariah dengan permohonan takaful keluarga secara berkumpulan melibatkan permohonan restoren Cina yang menjual makanan menghidangkan daging babi yang memohon takaful keluarga berkumpulan untuk melindungi pekerja-pekerjanya¹²⁷. Najihah Ali turut menjelaskan bahawa resolusi syariah dalaman SPT sama ada membenarkan atau menolak permohonan takaful dari segi patuh syariah mungkin berubah dari semasa ke semasa. Ini seperti yang dinyatakan beliau, di peringkat awal. SPT Sunlife Takaful Malaysia menerima semua permohonan takaful keluarga termasuklah permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada perusahaan tidak patuh syariah seperti arak, babi mahupun institusi kewangan konvensional yang berasaskan riba. Namun begitu, keputusan tersebut telah berubah pada masa kini dengan menolak permohonan takaful berkumpulan daripada mana-mana syarikat tidak patuh syariah¹²⁸.

¹²⁷ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah Sunlife Takaful Malaysia).


¹²⁸ *Ibid.*



Rajah 5.10: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Keluarga Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹²⁹)

Rajah 5.10 menunjukkan hasil temu bual informan-informan kajian yang menunjukkan 10 informan telah mengulas mengenai keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful keluarga SPT. Berikut ialah rajah 5.11 yang menunjukkan catatan memo keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful keluarga.

¹²⁹ Rujuk Lampiran A4.1 dan A4.2: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Keluarga Mengikut Petikan Temu Bual Informan.



Rajah 5.11: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Keluarga

Dapatan rajah 5.11 menunjukkan hasil analisis data temu bual informan-informan kajian menunjukkan keterdedahan risiko syariah dalam takaful keluarga terbahagi kepada dua iaitu takaful keluarga individu dan takaful keluarga berkumpulan. Dalam keterdedahan risiko syariah berkaitan penerimaan risiko takaful individu, sebanyak 8 informan bersetuju bahawa SPT menerima permohonan takaful keluarga individu tanpa mengambilkira latar belakang pekerjaan, pendapatan dan agama. Manakala, terdapat 2 informan menolak permohonan takaful keluarga disebabkan faktor pekerjaan seperti penyanyi dan pemain sukan gimnastik. Permohonan takaful keluarga individu ini ditolak atas dasar memberikan reputasi negatif kepada SPT yang patuh

syariah¹³⁰. Keterdedahan risiko reputasi syariah dalam SPT bermaksud kemungkinan reputasi negatif oleh masyarakat umum disebabkan SPT menyokong atau bekerjasama dalam aktiviti tidak patuh syariah seperti aktiviti hiburan yang melalaikan dan aktiviti sukan yang mempamerkan aurat wanita seperti gimnastik¹³¹. Sekiranya berlaku insiden sebenar risiko reputasi syariah mungkin menyebabkan masyarakat yakni bakal peserta tidak mempercayai SPT untuk mengendali kontrak takaful yang patuh syariah. Para peserta takaful sedia ada juga mungkin menolak untuk berkongsi atau tolong-menolong dengan peserta takaful yang bermasalah dari segi aktiviti dan pekerjaan¹³². Para peserta takaful beranggapan bahawa mereka seolah-olah membantu para peserta tidak patuh syariah dalam perkara-perkara yang melanggar syariah seperti hiburan nyanyian dan sukan yang mempamerkan bentuk badan wanita. Ismanizam Ismail menjelaskan risiko reputasi syariah ini disebabkan kefahaman dan keyakinan masyarakat umum bahawa SPT ini beroperasi seperti masjid atau pejabat agama¹³³. Pandangan bahawa SPT beroperasi seperti masjid atau pejabat agama ini menyebabkan SPT perlu berhati-hati dalam menerima risiko agar tidak menimbulkan imej reputasi buruk terhadap SPT di pandangan umum masyarakat.

Keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful berkumpulan ialah permohonan takaful berkumpulan daripada syarikat dan perusahaan patuh syariah seperti perusahaan arak dan perjudian. Kesemua SPT secara dasarnya menolak permohonan perusahaan tidak patuh syariah. Bagaimanapun, terdapat perbezaan


¹³⁰ Reputasi negatif merupakan kesan negatif akibat daripada kesalahan mengurus oleh kakitangan, pihak pengurusan atau Bahagian Syariah IKI yang menyebabkan kehilangan kepercayaan oleh pelanggan atau bakal pelanggan. Dalam konteks industri baru seperti industri kewangan seperti industri takaful, reputasi negatif satu SPT boleh menyebabkan kesan dan imej buruk terhadap SPT yang lain. Imej negatif SPT atau IKI yang lain boleh memberi kesan negatif terhadap penguasaan pasaran, kecairan dan keuntungan IKI. Lihat Hennie Van Greuning dan Zamir Iqbal, *Risk Analysis for Islamic Bank*, 181-182.

¹³¹ Ashraf Md Hashim dan Muhammad Ali Jinnah, "The Parameter of Permissible Risk in Takaful", *ISRA Research Paper* 67 (2014), 14.

¹³² *Ibid.*, 15.

¹³³ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

interpretasi keterdedahan risiko syariah melibatkan permohonan takaful berkumpulan daripada organisasi agama bukan Muslim. Terdapat 1 informan memaklum bahawa SPT tersebut menolak permohonan takaful berkumpulan daripada organisasi agama bukan Muslim iaitu Persatuan Agama Buddha atas justifikasi melibatkan aktiviti agama¹³⁴. Akan tetapi, 1 informan turut memaklum bahawa SPT tersebut telah menerima permohonan daripada Persatuan Agama Muslim iaitu Persatuan Agama Kristian¹³⁵ dan ini menunjukkan terdapat perbezaan antara SPT dalam interpretasi mengenai keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful keluarga berkumpulan.



Rajah 5.12: Dapatan Pendekatan Menguruskan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Penerimaan Takaful Keluarga Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016)

¹³⁴ Mohd Ridwan Roslan (Pegawai Eksekutif Bahagian Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas Berhad).

¹³⁵ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

Rajah 5.12 menunjukkan pendekatan pengurusan risiko syariah dalam penerimaan takaful keluarga berkumpulan pula, secara dasarnya SPT akan menilai sejauh manakah aktiviti utama perusahaan syarikat yang memohon takaful keluarga berkumpulan tersebut. Sekiranya syarikat tersebut adalah jelas menjalankan aktiviti dan perniagaan patuh syariah, maka permohonan takaful berkumpulan tersebut diterima dalam aspek patuh syariah. Begitu juga sekiranya syarikat yang memohon takaful keluarga berkumpulan jelas menjalankan aktiviti dan perusahaaan perniagaan tidak patuh syariah, maka permohonan takaful keluarga berkumpulan syarikat tidak patuh syariah tersebut akan di tolak. Bagaimanapun, penilaian lanjut melalui penyelidikan syariah dan perbincangan selanjutnya akan dilakukan sekiranya permohonan takaful keluarga berkumpulan syarikat bercampur.

Kebanyakan SPT akan menggunakan penanda aras SC untuk menentukan sama ada syarikat berkumpulan tersebut patuh syariah atau sebaliknya. Perusahaan syarikat bercampur yang dibawah penanda aras akan diterima permohonan takaful keluarga berkumpulan manakala syarikat bercampur yang melebihi penanda aras SC akan ditolak. Namun, terdapat 1 informan memaklum keputusan sama ada permohonan syarikat tersebut diterima bergantung sepenuhnya kepada justifikasi dan hasil ijtihad JKS SPT tanpa terikat dengan mana-mana penanda aras kerana ini bukanlah berkaitan pelaburan tetapi melibatkan penerimaan risiko takaful keluarga berkumpulan. Hasil temu bual menunjukkan keputusan JKS SPT tersebut menilai bergantung sama ada syarikat bercampur tersebut menjalankan perusahaan patuh syariah tersebut majoriti atau melebihi 50 % daripada keseluruhan transaksi perniagaan atau tidak. Sekiranya perusahaan syarikat bercampur tersebut melebihi 50 %, permohonan takaful keluarga berkumpulan daripada syarikat bercampur tersebut diterima kerana syarikat tersebut dikategori mempunyai usaha ke arah menjadikan perniagaan patuh syariah. Manakala, sekiranya syarikat bercampur tersebut menjalankan perniagaan patuh syariah kurang

daripada 50 %, maka permohonan takaful keluarga berkumpulan syarikat bercampur tersebut ditolak dengan justifikasi bahawa majoriti perusahaan syarikat bercampur tersebut adalah tidak patuh syariah¹³⁶. Proses pengumpulan data mengenai perusahaan dan aktiviti syarikat bercampur tersebut dikumpulkan dan dikenal pasti oleh agen SPT yang menjalankan pemasaran dan mendapatkan permohonan takaful tersebut. Segala data dan maklumat yang telah dikumpulkan diserahkan kepada Bahagian Syariah SPT untuk dijalankan kajian lanjut dan dibentangkan kepada JKS SPT. JKS SPT merupakan pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk memutuskan sama ada menerima atau menolak permohonan takaful yang bercampur dan tidak jelas ini. Justeru, keputusan yang dibuat adalah berbeza bergantung hasil ijtihad, interpretasi dan keputusan JKS SPT masing-masing. Tiada sebarang garis panduan yang jelas dan tetap yang diputuskan oleh pengawal selia BNM dalam aspek penerimaan risiko takaful keluarga individu atau takaful keluarga berkumpulan ini.

5.5 Keterdedahan Risiko Syariah Berkaitan Kesilapan Kakitangan SPT

Kakitangan SPT merupakan sumber manusia utama yang diperlukan dalam pengurusan keterdedahan risiko syariah dalam SPT. Ini bererti sekiranya kakitangan SPT melakukan kesilapan atau kesalahan menjalankan tanggungjawab dan tugas masing-masing akan mendedahkan berlakunya insiden risiko syariah berlaku dalam SPT. Oleh sebab itu, kakitangan merupakan salah satu keterdedahan untuk berlakunya insiden risiko syariah¹³⁷. Berikut merupakan isu-isu keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan SPT.

¹³⁶ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, Bahagian *Review*, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad).

¹³⁷ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 403-404. Lihat juga, Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance Of Islamic Banks," 92. Perbincangan lanjut mengenai keterdedahan risiko syariah berkaitan kakitangan dalam Bab 2 kajian ini.

5.5.1 Tiada Ketelusan Maklumat daripada Kakitangan SPT

Keterdedahan risiko syariah turut disebabkan kurang ketelusan maklumat semasa proses membuat keputusan mengenai isu-isu syariah dalam SPT. Seksyen 35 APKI 2013 telah memperuntukkan bahawa setiap institusi kewangan Islam termasuklah SPT perlu menyediakan maklumat yang berkaitan kepada JKS untuk membolehkan JKS menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka berkaitan pematuhan syariah¹³⁸. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas mengenai jenis dan sejauhmana data dan maklumat yang perlu diberikan kepada JKS. Namun, ini memberi maksud bahawa maklumat perlu diberikan secara mendalam dan telus selagimana ianya berkaitan dengan keperluan JKS bagi menjalankan tanggungjawab dalam memastikan pematuhan syariah dalam operasi SPT. Muhamad Faisal Ashaari berpandangan terdapat isu keterdedahan risiko apabila berlaku ketidaktelusan kakitangan SPT dalam memberi maklumat kepada Bahagian Syariah dan JKS SPT. Beliau mengatakan;

“Kemudian, kadang-kadang mungkin mengabaikan prinsip syariat, mengabaikan prinsip agama dengan cara mungkin syarikat tak bagi maklumat penuh kepada *Shariah Committee* ataupun mungkin syarikat tak bagi maklumat penuh kepada *Shariah Officer*. Kalau jenis *Shariah Officer* yang *slow*, tak agresif. Dia mungkin tak dapat apa-apa maklumat yang penuh jadi bila *present* dalam *meeting Shariah Committee* tak dapat penuh la. Sebab kita memantau berdasarkan apa-apa yang diberikan kepada kita. Jadi, kita pun tak dapat lah nak tau sepenuhnya. Tapi macam mana pun, kita boleh bertanya-tanya apa semua yang kita nak tau. Tapi kadang-kadang, dan itu hanya satu kemungkinan la. Tapi nak ceritanya, itu *basic risiko* potensi jadi risiko syariah ini¹³⁹.”

Beliau menjelaskan terdapat kemungkinan SPT tidak menyatakan maklumat yang telus kepada Pegawai Syariah dan JKS SPT. Situasi ini bertambah buruk sekiranya Pegawai Syariah turut gagal mengumpul maklumat yang diperlukan semasa proses membuat

¹³⁸ Seksyen 35 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

¹³⁹ Muhamad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

keputusan berkaitan pematuhan syariah. Namun, beliau mengulas lanjut bahawa JKS SPT mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat sekiranya tidak berpuas hati terhadap maklumat-maklumat yang diberikan¹⁴⁰.


Muhammad Faisal Ashaari menjelaskan bahawa terdapat kakitangan yang tidak telus dalam memberi maklumat semasa penyaringan berkaitan pematuhan syariah. Tindakan kakitangan SPT yang tidak telus ini boleh menyebabkan kebarangkalian untuk terjadinya perkara-perkara tidak patuh syariah. Beliau menyatakan sekiranya maklumat yang tidak yang mencukupi menyebabkan JKS gagal membuat keputusan yang terbaik dalam resolusi syariah dalam SPT. Menurut beliau lagi, semua keputusan resolusi syariah SPT akan diterima oleh BNM dan isu tidak patuh syariah itu akan menjadi bertambah rumit sekiranya dikenal pasti di peringkat BNM. Beliau menyatakan "...kalau berlaku sebarang transaksi *breach syariah* dan sampai kepada Bank Negara itu lagi masalah sebenarnya¹⁴¹." Maklumat yang diterima untuk penilaian patuh syariah bergantung kepada kerjasama dan usaha daripada kakitangan SPT yang memaklumkan kepada Bahagian Syariah SPT untuk dibincangkan dalam mesyuarat JKS SPT. Oleh yang demikian, sebarang sekatan dan ketidaktelusan maklumat daripada kakitangan SPT mungkin menyebabkan kesalahan penilaian dan keputusan patuh syariah JKS SPT. Muhammad Ilyas Mohd Mydin turut memberi mengemukakan terdapat tindakan pihak pengurusan SPT yang tidak memberi maklumat secara telus kepada Bahagian Syariah SPT. Beliau berkata; "Cuma kadang-kadang *transparency* daripada pihak *management* itu perlu lebih lagi lah. Tapi ada kala mereka tak berapa *transparent* sebab tak nak *shariah department* tahu. Nanti kena *declare* lah, *cleansing* lah.¹⁴²" Menurut Muhammad Ilyas Mohd Mydin, terdapat situasi pihak pengurusan

¹⁴⁰ *Ibid.*

¹⁴¹ *Ibid.*

¹⁴² Muhammad Ilyas Mohd Mydin (Ketua Bahagian Syariah Hong Leong MSIG Takaful).

SPT sukar untuk memberi maklumat sepenuhnya kepada bahagian Syariah SPT. Ini berikutan pihak pengurusan SPT beranggapan bahawa prosuder pematuhan syariah adalah rumit dan terdedah untuk berlaku kerugian contohnya pengasingan pendapatan tidak patuh syariah sekiranya terjadi insiden sebenar risiko syariah.




Rajah 5.13: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Ketiadaan Ketelusan Maklumat Daripada Kakitangan Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁴³)

Dapatan rajah 5.13 menunjukkan 2 informan temu bual mengemukakan bahawa tiada ketelusan maklumat daripada kakitangan SPT menyebabkan isu keterdedahan risiko syariah. Maklumat yang tidak mencukupi menyebabkan JKS SPT tidak dapat membuat keputusan yang terbaik mengenai isu syariah yang dibincangkan sekaligus menyebabkan keterdedahan untuk berlaku insiden risiko syariah. Justeru, aspek ketelusan maklumat perlu diberi perhatian oleh kakitangan SPT


¹⁴³ Rujuk Lampiran A5: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Ketiadaan Ketelusan Maklumat Daripada Kakitangan Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian

terutamanya Pihak Pengurusan SPT bagi memastikan setiap resolusi dan keputusan syariah yang diputuskan adalah terbaik dalam konteks permasalahan isu syariah tersebut.



Rajah 5.14: Catatan Memo Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Ketiadaan Ketelusan Maklumat Daripada Kakitangan

Catatan memo rajah 5.14 menunjukkan ketiadaan ketelusan maklumat daripada kakitangan SPT disebabkan kebimbangan tidak mendapatkan kelulusan daripada aspek patuh syariah dan menyebabkan peluang mendapatkan keuntungan perniagaan terjejas. Bagaimanapun, maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan kesilapan JKS SPT semasa membuat keputusan syariah yang bakal menyebabkan implikasi negatif kewangan dan reputasi SPT yang lebih besar termasuklah yang diperuntukkan dalam seksyen 29 APKI yakni denda sehingga 25 juta atau penjara tidak melebihi 8 tahun atau kedua-dua sekali. Terdapat pendekatan yang diaplikasikan dalam mengatasi isu ketidak telusan di kalangan kakitangan SPT



Rajah 5.15: Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Ketiadaan Ketelusan Maklumat Daripada Kakitangan (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016)

Berdasarkan rajah 5.15, pendekatan yang digunakan bagi mengurus keterdedahan risiko syariah disebabkan ketidaktelusan maklumat daripada kakitangan melalui soal selidik mendalam dari JKS SPT sendiri. Selain itu, kebanyakan SPT mempunyai kumpulan penyelidik syariah yang menjalankan kajian khusus melalui pengumpulan data untuk diserahkan kepada JKS SPT sebelum keputusan syariah dibuat. Kakitangan terlibat turut perlu diingat dan diberikan latihan mengenai implikasi negatif yang lebih besar sekiranya gagal memberikan maklumat sepenuhnya untuk penilaian JKS SPT.

5.5.2 Kakitangan yang Berlatarbelakang Industri Kewangan Konvensional

Selanjutnya, Ismanizam Ismail berpandangan aspek kakitangan juga menyebabkan isu keterdedahan untuk berlaku risiko syariah dalam SPT. Beliau menyatakan isu latarbelakang kakitangan SPT menyebabkan keterdedahan risiko syariah berikutan kebanyakan kakitangan khususnya di bahagian operasi SPT merupakan kakitangan berlatarbelakang bidang kewangan konvensional seperti insurans konvensional dan pelaburan konvensional. Beliau berkata; "...kebanyakan orang-orang yang terlibat dalam industri ini. Baik *banking* ke, *investment* ke atau untuk *risk management* macam takaful sendiri adalah orang yang terdidik atau terlatih dalam sistem konvensional¹⁴⁴."

Ini menyebabkan kakitangan-kakitangan SPT di peringkat awal tidak mempunyai pengetahuan dalam aspek pematuhan syariah sehingga gagal mengenal pasti elemen-elemen yang menyebabkan berlakunya risiko syariah dalam industri takaful. Situasi ini menyebabkan kakitangan-kakitangan SPT turut merupakan salah satu aspek yang menyebabkan isu keterdedahan risiko syariah dalam SPT. Bagaimanapun, kakitangan ini kemudiannya telah diberi latihan dan pengetahuan dalam kewangan Islam. Proses pengurusan risiko syariah dalam SPT ini akan menghilangkan apa-apa elemen tidak patuh syariah dan digantikan dengan elemen-elemen yang diterima oleh perundangan syariah. Beliau mengatakan lagi;

"Dilatih kemudian nak *adapt* sistem kewangan Islam ataupun dalam konteks ini takaful lah. Jadi kebanyakan asas-asas itu diasaskan oleh asas-asas konvensional. Jadi, bila syariah masuk. Syariah *approved* mana-mana yang selari dengan syariah dan dalam masa yang sama. Kita buat *house keeping* lah. *House keeping* ini kita tengok apa-apa praktis yang mungkin tak sesuai ataupun mungkin ada yang lebih sesuai dengan syariah¹⁴⁵."

¹⁴⁴ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).


¹⁴⁵ *Ibid.*

Secara dasarnya, kepakaran-kepakaran dalam operasi kewangan konvensional sangat diperlukan dalam SPT seperti kepakaran pengunderaitan, pemasaran, pembangunan produk dan lain-lain berkaitan operasi kewangan sangat diperlukan oleh SPT. Namun, kepakaran-kepakaran kewangan konvensional perlu ditambah baik dengan menghilangkan aspek-aspek tidak patuh syariah seperti riba, perjudian, *gharar* yang elemen-elemen lain yang tidak patuh syariah¹⁴⁶ dengan diubahsuai melalui elemen-elemen yang patuh syariah. Oleh yang demikian, SPT dari semasa ke semasa perlu memberikan latihan dan pengetahuan pematuhan syariah yang sepatutnya bagi kakitangan yang menyertai SPT.

Omar Mohamed turut mengemukakan pandangan yang sama bahawa kakitangan yang berlatar belakang pengalaman bekerja di syarikat kewangan konvensional seperti insurans konvensional menyebabkan keterdedahan berlakunya risiko syariah dalam SPT¹⁴⁷. Omar Mohamed turut mengakui bahawa kebanyakan kakitangan yang bekerja di SPT mempunyai latar belakang bekerja daripada syarikat kewangan konvensional. Tambahan pula, ada di antara kakitangan ini merupakan individu bukan Muslim yang secara dasar tidak mempunyai apa-apa pengetahuan berkaitan pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam. Disebabkan latar belakang daripada industri kewangan konvensional dan ketiadaan pengetahuan mengenai pematuhan syariah menyebabkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah disebabkan kesilapan kakitangan-kakitangan ini.

¹⁴⁶ Antara unsur-unsur utama yang menyebabkan risiko syariah dalam kewangan Islam ialah riba, *gharar*, judi, *taghrir*, *ghalat* dan *ghubn*. Lihat perbincangan lanjut dalam kajian ini Bab 2 Suptopik “Unsur-Unsur Utama yang Menyebabkan Risiko Syariah”.


¹⁴⁷ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).



Rajah 5.16: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan Berlatarbelakang Pendidikan dan Pengalaman Kewangan Konvensional Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁴⁸)

Rajah 5.16 menunjukkan 2 informan memaklum bahawa bahawa keterdedahan risiko syariah dalam SPT adalah disebabkan kakitangan-kakitangan SPT yang menguruskan operasi SPT berlatar belakang pendidikan atau berpengalaman bekerja dalam industri kewangan konvensional. Berikut ialah catatan memo keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan berlatarbelakang kewangan konvensional.


¹⁴⁸ Rujuk Lampiran A18: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan Berlatarbelakang Kewangan Konvensional Mengikut Petikan Temu Bual Informan.



Rajah 5.17: Catatan Memo Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan Berlatarbelakang Pendidikan dan Pengalaman Kewangan Konvensional

Berdasarkan catatan memo rajah 5.17 bahawa kakitangan yang berpengalaman dan berpendidikan kewangan konvensional tidak mempunyai kesediaan dalam aspek pematuhan syariah. Contohnya kakitangan bahagian pengunderaitan menilai dari tahap risiko dan kebarangkalian tanggungan kerugian untuk menentukan penerimaan risiko dalam insurans am konvensional¹⁴⁹. Bagaimanapun, bahagian pengunderaitan dalam SPT perlu mempunyai pengetahuan asas mengenai apakah risiko yang boleh diterima sebagai patuh syariah dalam takaful am. Justeru, kakitangan berlatar belakang pendidikan dan pengalaman dalam kewangan konvensional terdedah untuk berlaku risiko syariah disebabkan kekurangan pengetahuan dalam pematuhan syariah.

¹⁴⁹ Lionel Macedo, "The Role of the Underwriter in Insurance", *Primer Series on Insurance* 8 (September 2009), 8-11.



Rajah 5.18: Dapatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan Berlatarbelakang Pendidikan dan Pengalaman Kewangan Konvensional

Rajah 5.18 menunjukkan pendekatan mengatasi keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan berlatarbelakang kewangan konvensional melalui latihan dari semasa ke semasa khususnya mengenai pematuhan syariah. Diikuti dengan standard prosuder operasi SPT yang dibangunkan di peringkat dalaman SPT dan. Dipantau secara berkala dari Bahagian Syariah SPT¹⁵⁰.

5.5.3 Imej dan Penampilan Kakitangan SPT

Imej dan penampilan merupakan sebahagian daripada aspek pematuhan syariah. Ini bererti sekiranya imej dan penampilan tidak menutup aurat bagi kakitangan SPT Muslim dan tidak berpakaian sopan bagi bukan Muslim akan mendedahkan SPT terhadap risiko

¹⁵⁰ Diulas dalam latihan kepada kakitangan di bahagian keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan tiada kesedaran syariah.

syariah. Risiko syariah ini disebabkan oleh persepsi dan pandangan masyarakat umum bahawa SPT tidak mematuhi syariah secara sepatutnya disebabkan penampilan dan imej kakitangan yang tidak mengikut syariah bagi kakitangan Muslim dan tidak sopan bagi kakitangan bukan Muslim.

Omar Mohamed pula mengulas keterdedahan risiko syariah dalam aspek kakitangan dari sudut yang berbeza iaitu aspek imej dan reputasi SPT sebagai sebuah IKI patuh syariah. Beliau berkata;


“Kemudian, kita detail sampai ke peringkat imej. Imej syariah kita lah. Kalau kita company melaksanakan *business* berasaskan syariah tetapi penampilan staff yang agak menganjurkan bertentangan dengan hukum itu terlalu jelas contohnya pakai skirt. Itu juga *shariah risk* dari segi imej pada kita *Islamic institution*. Kalau setakat tudung kita tak wajibkan lah. Sesetengah company wajib, sesetengah company tidak. Kalau STMB ini, kita yang Muslim wajib pakai tapi yang non Muslim itu tak ada lah kena tutup kepala itu. Tetapi yang pakai skirt itu memang kita larang lah. Itu risiko-risiko syariah¹⁵¹.”

Beliau mengulas keterdedahan risiko syariah berkaitan kakitangan termasuk melibatkan penampilan dan imej kakitangan SPT. Oleh sebab itu, Syarikat Takaful Malaysia Berhad mewajibkan kakitangan Muslim yang berkhidmat di Syarikat Takaful Malaysia Berhad menutup aurat sebagai salah satu elemen patuh syariah dalam operasi SPT. Begitu juga, kakitangan bukan Muslim perlu menunjukkan imej bersopan yang bersesuaian dengan imej SPT sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang patuh syariah di Malaysia. Ini menggambarkan kegagalan kakitangan SPT menunjukkan imej dan penampilan yang patuh syariah turut menyebabkan keterdedahan risiko syariah terhadap SPT.

Abdul Hakim Johari turut mengulaskan imej dan penampilan kakitangan turut menyebabkan risiko keterdedahan terhadap risiko syariah. Beliau mengulaskan bahawa

¹⁵¹ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

penampilan dan imej kakitangan turut mendedahkan SPT terhadap risiko syariah. Namun, beliau berpendapat isu penampilan dan imej tidak menyebabkan sebarang insiden risiko syariah. Ini berikutan operasi SPT melibatkan produk, kontrak, pelaburan dan elemen-elemen utama operasi SPT adalah patuh syariah. Tetapi, isu berkaitan penampilan dan imej kakitangan bukan Muslim adalah sukar kerana pakaian dan penampilan tersebut telah menjadikan budaya dan kebiasaan bagi kakitangan bukan Muslim. Bagaimanapun, Bahagian Syariah SPT turut berusaha untuk memastikan perubahan terhadap penampilan dan imej kakitangan namun perlu mengambil masa tempoh yang panjang untuk melakukan perubahan terhadap penampilan kakitangan bukan Muslim¹⁵².




Rajah 5.19: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Penampilan dan Imej Kakitangan SPT Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁵³)

¹⁵² Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, Bahagian *Review*, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad).

¹⁵³ Rujuk Lampiran A6: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Penampilan dan Imej Kakitangan SPT Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.


Dapatan kajian daripada rajah 5.19 menunjukkan 2 informan memaklum bahawa imej dan penampilan kakitangan mendedahkan kepada risiko syariah dalam SPT. Imej dan reputasi kakitangan mempengaruhi pandangan dan persepsi masyarakat umum terhadap operasi SPT.



Rajah 5.20: Catatan Memo Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Penampilan dan Imej Kakitangan SPT

Penampilan dan imej kakitangan yang tidak berpakaian sopan boleh memberi imej negatif terhadap reputasi SPT yang sebahagian daripada instusi kewangan yang patuh syariah. DeLorenzo mengulaskan bahawa keterdedahan risiko syariah turut disebabkan penolakan masyarakat bahawa sesuatu institusi kewangan Islam diiktiraf sebagai patuh syariah. Masyarakat umum masih beranggapan bahawa institusi kewangan tersebut tidak mencapai tahap patuh syariah yang maksimum menyebabkan penolakan terhadap status patuh syariah institusi kewangan Islam tersebut¹⁵⁴. Oleh yang demikian, imej dan penampilan kakitangan turut terdedah kepada risiko syariah apabila kakitangan menunjukkan penampilan dan pakaian negatif pada pandangan masyarakat.

¹⁵⁴DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 402. Ini merupakan penolakan masyarakat terhadap sesuatu fatwa atau keputusan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa contohnya BNM. Huraian lanjut lihat bab 2 subtopik "risiko fatwa"DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 402.



Rajah 5.21: Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Penampilan dan Imej Kakitangan SPT Mengikut Makluman Informan Kajian

Terdapat pendekatan berbeza digunakan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah disebabkan imej dan penampilan kakitangan. Omar Mohamed menjelaskan bahawa imej penampilan kakitangan penting untuk IKI yang patuh syariah. SPT mewajibkan semua kakitangan Muslim mengikut etika patuh syariah mengikut Islam iaitu kakitangan mesti menutup aurat dan bertudung bagi wanita. Manakala, bagi kakitangan wanita bukan Muslim etika berpakaian adalah sopan yakni tidak mengenakan pakaian yang menampilkan imej tidak sesuai seperti berskirt pendek¹⁵⁵. Abdul Hakim Johari pulan memaklumkan budaya agak berbeza di SPT beliau yakni budaya bukan Muslim mendominasi dan sukar untuk mengenakan etika berpakaian dalam jangka masa pendek. Namun, usaha dalam bentuk budi bicara dan tidak langsung sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa. Namun, dari aspek kontrak dan produk kewangan adalah patuh syariah dan tiada sebarang pertikaian. Malahan beliau menyatakan kakitangan bukan Muslim begitu menghormati keputusan syariah khususnya berkaitan operasi syarikat¹⁵⁶.

¹⁵⁵ Omar Mohamed (Ketua, Bahagian Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

¹⁵⁶ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, *Review* dan Penyelidikan Syariah, Risiko, Syariah dan Tadbir Urus. Prudential BSN Takaful Berhad).

5.5.4 Kesilapan Kakitangan Baru SPT

Keterdedahan risiko syariah turut disebabkan oleh kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh kakitangan yang baru berkhidmat dalam SPT. Ismanizam Ismail menjelaskan bahawa keterdedahan risiko disebabkan kakitangan baru SPT tidak melakukan proses mengikut standard prosuder operasi SPT yang betul. Beliau berkata;

“Sebab ada orang, ada sesetengah *staff* yang dia memang dah *master* sangat dah benda ini. Dia tak perlu *SOP*. Dia dah tahu apa nak buat. Lepas A, B, lepas B, C, D. Jadi dia tak dokumenkan benda itu *properly*. Orang ini bila dia masih lagi *staff* kat situ. *Everything* jadi *perfect* dan cantik lah. *Once* dia *transfer* pindah dan sebagainya. Masuk orang baru. Orang baru dia akan tengok *SOP*. Jadi, tengok *SOP* sebenarnya kat situ sebenarnya tak cukup. Orang tadi buat cukup sebab dia memang dah *experienced staff*. Jadi, bagi dia kerja. Dia dah tahu. Apa nak buat. Macam mana nak buat. *Handle* operasi semua. Tak perlu *SOP*. Jadi masuk yang baru, *staff* baru. Jadi, dia tengok-tengok *SOP*. Oh, kena buat macam ini. Macam ini. Sedangkan dalam itu *missing*. Jadi bila dia buat itu. Berlaku *SNC* dengan sebab dia tak faham ataupun *SOP* tak lengkap. *Staff* baru dan tak ada pengalaman. *SOP* tak menyatakan dia kena lalu *Shariah department*. Sedang untuk kes-kes tertentu atau macam ini dia kena *go through syariah*¹⁵⁷.”

Berdasarkan kenyataan di atas, beliau mengulas bahawa kakitangan baru SPT tidak melakukan prosuder standard operasi SPT. Ini berikutan standard prosuder operasi tidak didokumenkan oleh kakitangan lama yang telah berkhidmat di SPT. Contohnya, kakitangan SPT perlu merujuk permohonan risiko-risiko yang bercampur antara halal dan haram kepada Bahagian Syariah SPT. Bagaimanapun, standard prosuder operasi tidak menyatakan dengan jelas bahawa permohonan risiko-risiko bercampur halal dan haram perlu dirujuk kepada Bahagian Syariah SPT. Namun, kakitangan SPT yang telah lama berkhidmat sedia maklum bahawa sebarang permohonan yang tidak jelas status pematuhan syariah perlu dirujuk kepada Bahagian Syariah SPT. Oleh sebab ketiadaan standard operasi yang jelas contohnya mewajibkan permohonan risiko-risiko

¹⁵⁷ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

bercampur halal dan haram perlu dirujuk Bahagian Syariah SPT. Maka, kakitangan baru berkhidmat di SPT tidak merujuk permohonan risiko-risiko bercampur tersebut kepada Bahagian Syariah SPT. Ini menyebabkan terdapat risiko-risiko yang tidak patuh syariah diterima menyertai kontrak takaful sekaligus menyebabkan keterdedahan risiko syariah.

Ismanizam Ismail turut mengulas kakitangan baru khususnya di Bahagian Syariah SPT berhadapan masalah untuk menguruskan pematuhan syariah disebabkan kekurangan pengalaman. Ismanizam Ismail berpendapat bahawa kakitangan baru SPT yang baru selesai menamatkan pengajian sukar untuk menguruskan bantahan atau penolakan daripada pihak pengurusan, kakitangan dan agen-agen SPT khususnya berkaitan pematuhan syariah. Ini berikutan kebanyakan pihak pengurusan, kakitangan dan agen-agen SPT mempunyai kewibawaan dari segi kewangan dan pengalaman menyebabkan kakitangan-kakitangan baru SPT khususnya di Bahagian Syariah sukar menangani bantahan daripada mereka khususnya dalam aspek pematuhan syariah. Tentangan, cabaran dan kesukaran kakitangan baru ini seterusnya mendedahkan operasi dan aktiviti SPT terhadap risiko syariah berikutan kegagalan kakitangan Bahagian Syariah menyakinkan pihak pengurusan, kakitangan dan agen-agen SPT tersebut khususnya dalam aspek pematuhan syariah¹⁵⁸.

Omar Mohamed berpandangan kakitangan yang baru berkhidmat di SPT kebanyakan dari industri kewangan konvensional seperti insurans konvensional. Beliau berpandangan kewujudan kakitangan baru daripada insurans konvensional mendedahkan SPT untuk berlaku risiko syariah. Beliau mengatakan;

“Mungkin kadang-kadang berlaku *shariah risk* ini. *Staff tak aware* ataupun keluar masuk *staff* baru. Keluar masuk *staff* ini *especially from the conventional industry* sebab kebanyakan pun yang datang

¹⁵⁸ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

dekat sini pun yang *Chinese* misalnya. Jadi dia memang daripada *conventional sector*. Jadi benda lah menjadikan *risk*¹⁵⁹.”

Omar Mohamed menjelaskan untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan baru yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam industri kewangan Islam¹⁶⁰. Bahagian Syariah SPT akan menjalankan latihan kepada kakitangan baru dari semasa ke semasa. Beliau berkata;

“Kalau di situ kita akan sentiasa *ongoing training* lah. Bila ada datang *staff* baru. *We have to aware* lah. Bahagian *HR* kita akan *colloberate HR human resource* untuk kita *for a new staff*. *We have to give a training*. Maknanya *especially on the shariah site*. Bagi *training on the fundamental of shariah*. *Interm of takaful knowledge*. Itu lah *and* bila dah masuk dalam *department*. Kita akan bagi *training on the operational site*. *Underwriting* bagaimana. *Risk accepted from the shariah perspective*. Jadi dekat situ macam mana nak jaga *and also*, kita *put our* kita punya *shariah risk permissible guidelines*, kita letak dekat *portal and* untuk mereka baca. *Even* kalau mereka nak terima apa-apa *risk business even on the family* ke, *general* ke. Kalau ada yang *grey* ke, dia orang kena isi *form* itu untuk dapatkan *approval from shariah*¹⁶¹.”


Omar Mohamed menjelaskan latihan mengenai pematuhan syariah diberikan kepada kakitangan-kakitangan baru termasuklah melibatkan operasi-operasi dalam SPT. Selanjutnya, Bahagian Syariah SPT telah membuat standard prosuder operasi yang jelas seperti garis panduan risiko-risiko yang boleh diterima oleh SPT dalam portal maklumat SPT. Selain itu, standard prosuder operasi turut mewajibkan kakitangan berkaitan mengisi borang permohonan sekiranya permohonan risiko-risiko melibatkan perkara-perkara yang tidak jelas status halal dan haram¹⁶².

¹⁵⁹ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

¹⁶⁰ Isu ini juga telah diulas dalam bahagian keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan berlatar belakang pengalaman dalam kewangan konvensional.

¹⁶¹ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).


¹⁶² Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Standard Prosedur Operasi (SOP) SPT. Lihat lampiran B12.



Rajah 5.22: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan-Kakitangan Baru SPT Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁶³)


Rajah 5.22 menunjukkan 3 informan yang menyatakan keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan baru SPT. Catatan memo rajah 5.23 menunjukkan bahawa 3 bentuk keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan baru SPT.

¹⁶³ Rujuk Lampiran A7: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan-Kakitangan baru SPT Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.



Rajah 5.23: Catatan Memo Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan-kakitangan Baru SPT

Sebagaimana rajah 5.23 kakitangan baru terdedahan untuk menyebabkan risiko syariah berikutan kakitangan baru tidak mengikut standard prosuder operasi yang ditetapkan. Begitu juga, berlaku situasi tertentu yang mana standard prosuder operasi SPT tidak lengkap berikutan kakitangan lama telah mahir dan tidak melakukan kesalahan walaupun tanpa standard prosuder operasi yang lengkap. Oleh sebab itu, kakitangan baru lebih mudah melakukan kesalahan melibatkan patuh syariah. Di samping itu, kakitangan baru sukar menangani bantahan daripada kakitangan lama walaupun terdapat elemen-elemen tidak patuh syariah.



Rajah 5.24: Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan-kakitangan Baru SPT

Oleh sebab itu, rajah 5.24 menunjukkan SPT perlu mempunyai persediaan seperti latihan secara berkala untuk memastikan kakitangan-kakitangan baru di SPT kompeten untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka di SPT khususnya berkaitan pematuhan syariah¹⁶⁴. Standard prosuder operasi kakitangan perlu sentiasa dikemas kini bagi memastikan mengikut praktis SPT keperluan patuh syariah.

5.5.5 Kakitangan SPT Tiada Kesedaran Mengenai Kepentingan Pematuhan Syariah

Sementara itu, terdapat keterdedahan risiko syariah yang kurang dinyatakan daripada informan-informan kajian ialah keterdedahan risiko syariah disebabkan kurang kesedaran pematuhan syariah di kalangan kakitangan SPT. Ismanizam Ismail menghuraikan terdapat elemen tidak patuh syariah dalam tuntutan kakitangan bahagian

¹⁶⁴ Diulas dalam latihan kepada kakitangan di bahagian keterdedahan risiko syariah disebabkan kakitangan tiada kesedaran syariah.

pemasaran untuk menghargai pelanggan atau peserta takaful yang menyertai kontrak takaful dalam jumlah caruman yang tinggi. Beliau berkata;

“Ok, kita ambil contoh dalam *claim*. *Staff claim*. Ok. Dalam itu kita dah ada apa *list-list* yang kita terima. *List-list* yang kita tak boleh terima. Jadi, dalam *ICP* dipanggil *Internal Control Prosuder ICP*. Dalam itu kita dah letakkan semua kita punya *control-control* lah untuk berlakunya *SNC*. Sekali bila kita buat *review*. Ada *claim* perkara-perkara yang tak *approved* dalam *ICP*. Jadi, apa yang kita buat. Kita jadikan sebagai *finding* lah. Dan kita *advise finance* sama ada *reimburse* balik. Kita *callback* benda-benda itu walaupun kita dah bayar benda itu. Ada di kalangan *marketing* kita yang buat *entertainment claim*. *Spa* ataupun pergi *massage*. *Marketing entertain agent* yang dapat *business* dengan *spa* dan *massage*. Contoh orang *marketing* tapi dia gunakan *claim company*. *Company* punya *entertainment claim*. Jadi, bila dah sampai macam itu. Kita nampak ada benda itu. Dan kita minta dia *claim* balik lah. *Reimburse* balik duit yang kita bayar itu. Walau benda itu nampak remeh. Tapi kita tak nak *open the gate* lah. Kita buat macam itu. Sama seolah-olah kita gunakan *sadd zariah*. Bila kita buka benda ini sikit-sikit. Orang akan jadi *tend to abuse*. Jadi nak elakkan daripada jadi *reputational risk* segala macam. Jadi lebih baik kita tutup. Kalau nak *entertain*, *entertain* pergi makan dan sebagainya. Kalau *entertain* macam ini masalah pada kita. *Entertain* ini kita akan *dealing* dengan *agent*, dengan broker. Jadi bila kita dapat *business* itu. Mungkin kita makan dekat hotel. Mungkin pergi main golf. Apa-apa lah *marketing* tahu lah. Bagaimana cara nak *entertain* client itu kan. Jadi dalam proses nak *entertain* itu adalah benda-benda pelik ini. Tengok pada siapa lah. Sebab kita *agent* pun. Ada *Muslim*. Ada *non Muslim*. Ada Melayu, ada Cina, Ada India. Nama company kita pun *Malaysian*. Kita sendiri pun ada 10 ke 15 percent *non Muslim*. So kita memang Malaysia company¹⁶⁵.”

Ismanizam Ismail menjelaskan situasi yang mana terdapat kakitangan bahagian pemasaran SPT telah membuat tuntutan semula elaun hiburan setelah menggunakan elaun tersebut untuk menghargai pelanggan dan peserta takaful yang menyertai kontrak takaful dalam jumlah yang tinggi. Namun, setelah *review* syariah dilakukan terhadap semua tuntutan mendapati tuntutan tersebut melibatkan aktiviti tidak patuh syariah iaitu melibatkan aktiviti urut dan perkhidmatan spa yang tidak patuh syariah. Bahagian Syariah SPT dengan perakuan daripada JKS SPT seterusnya mengambil tindakan di

¹⁶⁵ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad)

peringkat dalaman dengan mengarahkan tuntutan kewangan yang telah diterima oleh kakitangan tersebut diserahkan kembali kepada bahagian kewangan SPT. Ini berikutan tuntutan berkaitan aktiviti urut dan perkhidmatan spa tidak patuh syariah tidak diiktirafkan oleh SPT tersebut. Maka, sebarang tuntutan kewangan mengenai aktiviti tersebut tidak dibenarkan sama sekali. Menurut Ismanizam Ismail lagi, tujuan menghalang tuntutan kewangan berkaitan perkara-perkara tidak patuh syariah merupakan salah satu kaedah untuk menghalang sebarang unsur-unsur tidak patuh syariah daripada berlaku dalam SPT walaupun melibatkan perkara-perkara yang dianggap kecil. Ini kerana, sekiranya perkara-perkara remeh dan kecil berlaku dalam operasi SPT tidak diambil tindakan tegas. Maka, kakitangan SPT akan beranggapan patuh syariah adalah perkara yang remeh dan membuka ruang untuk terjadi elemen-elemen tidak patuh syariah yang lebih besar. Beliau mengulas lanjut bahawa SPT tidak menghalang kakitangan untuk menghargai para peserta takaful tetapi mestilah aktiviti-aktiviti yang patuh syariah contoh bersukan bermain golf atau makan bersama di hotel-hotel berdasarkan cara yang mengikut syariah.

Beliau mengulas lanjut bahawa SPT mempunyai keterdedahan terhadap tuntutan kakitangan dalam perkara-perkara tidak patuh syariah berikutan SPT ini mempunyai kakitangan di kalangan pelbagai agama dan bangsa termasuklah Melayu Muslim, Cina dan India yang tiada kesedaran terhadap keperluan pematuhan syariah. Oleh yang demikian, aspek tuntutan kewangan daripada bahagian pemasaran perlu diberikan perhatian untuk mengelakkan berlaku insiden sebenar risiko syariah.

Omar Mohamed mengulas lagi bahawa keterdedahan risiko syariah juga boleh berlaku apabila tiada kesedaran mengenai pematuhan syariah di kalangan kakitangan SPT. Beliau berkata; “Kalau kita kata kemungkinan berlaku itu *so* manusia punya factor lah. *Human factor* maknanya dia sendiri tak dengar. Dia nak kejar *business*. Dia nak

abaikan syariah. Itu di mana-mana pun boleh jadi berlaku lah¹⁶⁶.” Omar Mohamed mengemukakan pandangan beliau bahawa terdapat kakitangan-kakitangan SPT yang tidak mempunyai kesedaran mengenai kepentingan pematuhan syariah. Beliau mengulas lanjut bahawa isu tiada kesedaran mengenai pematuhan syariah ini boleh terjadi dalam mana-mana SPT. Namun, beliau menjelaskan Bahagian Syariah SPT dari semasa ke semasa menjalankan pengawalan risiko syariah di peringkat permulaan penerimaan risiko lagi iaitu pihak intermediari termasuklah agen dan broker SPT. Beliau menyatakan;

“Tapi daripada sudut kita punya kawalan itu *insyaallah* kita ok. *So lines of defense* syariah telah ada di peringkat broker lagi. Kita dah terlibat untuk bagi *training* untuk broker lagi. Sebelum ini lagi, maknanya kita *step by step* dari *start on going training*. Itu memang sebenar itu satu tindakan yang boleh kita katakan sebagai satu kawalan yang terbaik kita boleh buat. Sebab kita bagi *training* pada broker dan juga *corporate agent*¹⁶⁷.”

Kenyataan di atas menunjukkan SPT sentiasa menjalankan latihan dari semasa ke semasa untuk memastikan proses pengurusan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT.

Mohd Ridwan Roslan mengemukakan bahawa terdapat keterdedahan risiko syariah disebabkan ketiadaan kesedaran mengenai pematuhan syariah dalam operasi SPT. Beliau mengulas berdasarkan maklumat daripada kakitangan yang pernah bertugas di salah satu SPT di Malaysia¹⁶⁸. Beliau berkata;

“Tak dinafikan kalau takaful lain ada *entertain agent*. Macam (satu contoh SPT). Sebab kita ramai bekas staff salah satu company dekat sini. Dekat SPT itu banyak *entertain agent* ini dekat *karaoke*. Dekat *bar*. Itu lah. *Hard rock cafe*. Tempat-tempat macam itu. Itu baru *entertain agent* belum bos. Kita ada *staff* company itu yang cerita, Sekarang dah jadi *branch manager* dah bila pindah Takaful Ikhlas.


¹⁶⁶ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

¹⁶⁷ *Ibid.*

¹⁶⁸ Nama SPT adalah sulit bagi menjaga reputasi dan imej SPT tersebut.

Ramai agen company itu rasa tak sesuai keluar. Sini *Alhamdulillah* senang *control* sebab banyak faham dengan Islam¹⁶⁹.”


Mohd Ridwan Roslan menjelaskan bahawa beliau mendapatkan maklumat daripada kakitangan yang pernah bertugas di SPT tersebut. Mantan kakitangan SPT tersebut memaklumkan terdapat budaya dan kebiasaan meraikan pelanggan yang mencarum dalam transaksi yang banyak dalam aktiviti tidak patuh syariah seperti nyanyian karaoke dan elemen-elemen berkaitan arak seperti bar dan kelab malam. Beliau juga memaklumkan kakitangan tersebut tidak selesa dengan budaya kerja di SPT tersebut dan bertukar ke SPT Takaful Ikhlas Berhad.



Rajah 5.25: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Tiada Kesedaran Kepentingan Pematuhan Syariah di Kalangan Kakitangan SPT Mengikut Maklumat Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁷⁰)


¹⁶⁹ Mohd Ridwan Roslan (Pegawai Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

¹⁷⁰ Rujuk Lampiran A8: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Tiada Kesedaran Kepentingan Pematuhan Syariah di Kalangan Kakitangan SPT Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.



Rajah 5.26: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Tiada Kesedaran Kepentingan Pematuhan Syariah di Kalangan Kakitangan SPT

Rajah 5.25 dan rajah 5.26 menunjukkan hasil analisis data temu bual informan kajian. Sebanyak 3 informan mengemukakan pandangan bahawa tiada kesedaran mengenai pematuhan syariah di kalangan kakitangan menyebabkan keterdedahan risiko syariah dalam SPT. Oleh sebab itu, usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran kepentingan syariah mesti dijalankan oleh SPT.



Rajah 5.27: Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Disebabkan Tiada Kesedaran Kepentingan Pematuhan Syariah di Kalangan Kakitangan SPT

Bagi menguruskan keterdedahan risiko dalam aspek kesalahan dan kesilapan kakitangan ialah melalui tindakan proaktif daripada Bahagian Syariah SPT itu sendiri seperti melalui soal selidik dan pemeriksaan dokumen¹⁷¹. Selain itu juga, aspek yang penting ialah melalui latihan secara berkala kepada kakitangan-kakitangan SPT. Kesedaran terhadap kepentingan pematuhan syariah bukan mengambil masa yang singkat tetapi merupakan proses yang berterusan. Kebanyakan kakitangan SPT beranggapan pengurusan risiko syariah adalah sesuatu yang remeh yang menyebabkan kerugian¹⁷² sedangkan hakikatnya pematuhan syariah bertujuan memastikan reputasi dan imej positif SPT dalam pasaran. Sekiranya SPT berhadapan dengan reputasi negatif dalam pematuhan syariah menyebabkan berlaku penolakan oleh bakal peserta atau pasaran takaful setempat¹⁷³. Kakitangan-kakitangan SPT perlu diberi latihan secara

¹⁷¹ Salah satu daripada alat pengenalan pastian risiko. Lihat American Institute of Certified Public Accountants and Canadian Institute of Chartered Accountants, *Managing Risk in the New Economy* (New York: AICPA, 2000), 9. Soal selidik dan pemeriksaan dokumen dilakukan oleh kebanyakan SPT. Lihat kenyataan informan-informan kajian iaitu Abdul Hakim Johari, Ismanizam Ismail, Mohd Ridwan Roslan, Ulanddy Uyob.

¹⁷² Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).

¹⁷³ Mohammad Hashim Kamali, *Shari'ah Law: An Introduction* (Oxford: OneWorld Publisher, 2008), 162-166.

berkala dalam aspek pematuhan syariah SPT. Latihan ini bukan sahaja aspek operasi sahaja malahan mendidik kakitangan SPT dengan mendalam bagi mewujudkan kerja seharian dan tugas di SPT merupakan sebahagian dalam bentuk ibadah kepada Allah S.W.T. Latihan kakitangan bukan Muslim juga mesti didedahkan terutama dalam pematuhan syariah dan aspek imej perniagaan Islam. Dengan erti kata yang lain, SPT dengan kerjasama pihak pengawal selia BNM perlu membangunkan silibus pengajian pematuhan syariah bagi kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dalam SPT untuk memastikan kefahaman dan seterusnya pematuhan syariah dalam seluruh operasi dan aktiviti SPT¹⁷⁴. SPT juga boleh mendapatkan perkhidmatan latihan kepada kakitangan melalui institusi latihan kewangan Islam seperti Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) turut menjalankan khusus tertentu untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan kewangan Islam. Contoh kursus yang dianjurkan IBFIM ialah *Philosophy and Fundamentals of Shariah for Islamic Finance, Application of Shariah in Islamic Finance, Ethics in Islamic Finance, Key Aspects of Takaful, Takaful Company Operations, Legal Aspect & Governance For Islamic Finance, Marketing for Takaful Company, Islamic Fund Management, Takaful Products, Quantitative Aspects of Takaful Operation* dan *Family and General Takaful Processes*¹⁷⁵.

Latihan kepada kakitangan sangat penting berikutan kakitangan merupakan pihak utama yang berperanan dalam menguruskan sebarang keterdedahan dalam risiko syariah. Mohd Ridwan Roslan mengulas peranan kakitangan bahagian pemasaran dan pengunderaitan dalam mendapatkan maklumat untuk penyaringan patuh syariah dalam permohonan takaful. Beliau mengatakan;

¹⁷⁴ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui Latihan Kepada Kakitangan SPT lihat lampiran B3.

¹⁷⁵ Pelbagai khusus latihan berkaitan kewangan Islam yang dianjurkan oleh IBFIM dari semasa ke semasa. Lihat, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), "Training Programs 2016" laman sesawang *IBFIM*, dicapai 5 Jun 2016, <http://www.ibfim.com/?t=tpd&p=cpd&c=training-programs-2016>

“...kita kena *investigate* lagi ialah *mix business*. *Mix* ini contoh untuk *general* contoh dalam satu bangunan ada bar tapi dalam masa yang sama sebenarnya banyak *business* yang halal. Itu yang kita kena kira *percentage* pada *income business* itu sendiri. Terpaksa *check revenue*. *Marketing* kena buat kerja sikit lah. *Marketing* kena *check* dulu kemudian baru *underwriting* tengok. Lepas *underwriting* tengok. Dia akan tanya ustaz (syariah) macam mana ok ke tak. Begitu prosesnya maknanya *marketing* akan bawa *business* sampai *underwriting*. *Underwriting* tak *confirm* akan *refer to shariah*. *Shariah* kata *investigate* lagi. Berapa itu dan ini. So, *marketing* kena pergi balik kat klien itu kalau misalnya ok. Kita ambil lah *business* itu. Kena ada *detail* begitu. Kena *refer shariah* tapi tak semua lah. Yang *mix*¹⁷⁶.”

Kenyataan di atas menunjukkan kakitangan SPT selain Bahagian Syariah SPT turut membantu bekerjasama mengumpul maklumat mengenai permohonan takaful khususnya melibatkan aktiviti yang bercampur halal haram. Ini bertujuan memastikan penerimaan permohonan takaful tersebut adalah mengikut keperluan patuh syariah dalam SPT¹⁷⁷. Mohd Daud Bakar turut menjelaskan bahawa proses menguruskan sebarang keterdedahan risiko syariah dalam IKI mestilah melibatkan semua kakitangan dalam IKI itu sendiri. Dengan erti kata yang lain, setiap kakitangan merupakan mata dan telinga kepada JKS. Malahan, beliau mencadangkan bahawa bagi memastikan setiap operasi dan aktiviti IKI adalah patuh syariah secara keseluruhan dengan menerapkan budaya kerja dan suasana patuh syariah secara total dalam IKI¹⁷⁸. Ini menunjukkan kakitangan SPT mempunyai peranan penting dalam menguruskan sebarang keterdedahan risiko syariah dalam SPT.

¹⁷⁶ Mohd Ridwan Bin Roslan (Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

¹⁷⁷ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui Peranan Kakitangan SPT. Lihat lampiran B15.1 dan B15.2.

¹⁷⁸ Mohd Daud Bakar, *Shariah Minds in Islamic Finance: An Inside Story of a Shariah Scholar* (Kuala Lumpur: Amanie Media, 2016), 38-39.

5.6 Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan dalam Brosur Pemasaran

Terdapat sebuah SPT di Pakistan telah berhadapan dengan kerugian setelah didenda kerana brosur pemasaran yang dianggap mengelirukan dan maklumat yang tidak jelas. The Securities and Exchange Commission of Pakistan (SECP) mengarahkan SPT Pak-Qatar Family Takaful dan Ketua Pengarah Operasinya untuk membayar masing-masing sebanyak 800 000 Pakistan Rupee dan 300 000 Pakistan Rupee kerana memaparkan brosur pemasaran yang mengelirukan dan tidak jelas kepada pasaran melalui salah satu agen korporatnya yakni BankIslami Pakistan¹⁷⁹. Dalam konteks SPT di Malaysia, Mohamed Hadi Abdul Hamid menghuraikan terdapat keterdedahan risiko syariah dalam brosur pemasaran produk takaful keluarga. Beliau menyatakan baawa brosur pemasaran produk takaful berhadapan dengan bahan-bahan tambahan termasuklah gambaran ilustrasi jumlah tunai yang diperolehi apabila mencapai tempoh masa matang sijil takaful tersebut. Bagaimanapun, Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulas isu penambahan dalam brosur pemasaran ini telah dikenal pasti semasa proses *review* syariah dilakukan. Setelah makluman dibuat kepada bahagian pemasaran mengenai arahan membuat pembetulan terhadap penambahan-penambahan yang silap dibuat dalam brosur pemasaran. Pengauditan syariah mendapati penambahan-penambahan makluman yang salah masih lagi terdapat dalam brosur pemasaran¹⁸⁰. Beliau menyatakan lagi “Dan *overall, shariah audit* ini banyak bantu kita¹⁸¹. Dan *shariah auditor* ada lebih *power* dan mereka lebih berani untuk *shariah non compliant issues*”

¹⁷⁹ The Express Tribune, “SECP fines Pak-Qatar Family Takaful For Deceptive Marketing, 2 March 2013”, laman sesawang *The Express Tribune*, dicapai pada 6 Julai 2013, <http://tribune.com.pk/story/514520/secp-fines-pak-qatar-family-takaful-for-deceptive-marketing/>

¹⁸⁰ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

¹⁸¹ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui *Review* Syariah. Lihat lampiran B10.1, B10.2, B10.3 dan B10.4. Namun terdapat kelemahan dalam proses pengauditan yang turut menyebabkan keterdedahan risiko syariah. Lihat “Suptopik 5.14 Keterdedahan Risiko Syariah Berkaitan Kelemahan Pengauditan Syariah”.

ini...¹⁸²” iaitu dalam isu penambahan maklumat salah dalam brosur pemasaran. Abdul Hakim Johari turut mengatakan bahawa terdapat kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam brosur pemasaran;

“Kadang-kadang dekat *branches* bank-bank yang buat bancatakaful. dia orang ada letak *pamphlet*. Kita orang akan *take out for sample*. Then, tengok macam katakan *mudarabah* ratio. 80, 20. Dia orang tulis 70, 30. Ataupun 80, 20, tapi *80 percent should go to the participant instead of takaful operator*. Then, dia buat *otherwise*. Itu pun jadi isu jugaklah. Kita akan *highlight* itu dalam *our shariah review report*. Then, *our reviewee is the branch and communication* lah. OK. *So brand and communication*. Dia akan bagi *response to the issues* yang kita *highlight*. Then, dia akan katalah dalam itu. kita akan *rectify this issue within next 3 months we will send up the communication to the respective bank*. So, dia akan bagitahu *staff* dia *take out* balik semua brosur-brosur yang salah. *Print out the new brochure*. So selepas tu. Ok. *The first stage*. kita *review*. Dia akan jawab kan. *So shariah review. Shariah Department*. Dia akan rekod lah. Kita akan *record reponse from the reviewee* tu. Then, kita akan *follow up*. Ok. *You* kata *you* nak buat dalam masa 3 bulan. After 3 months, kita akan *come back to you*. *So what the progress*. *You* dah hantar *communication*. *So you* baikilah. *So*, kalau dia tak buat apa-apa lagi. Then, kita kena mintak dia buatlah¹⁸³.”

Beliau menjelaskan kesalahan brosur pemasaran mendedahkan kepada risiko syariah. Oleh yang demikian, sebarang kesalahan brosur pemasaran yang telah dikenal pasti melalui *review* syariah perlu diperbetulkan untuk memastikan setiap maklumat dalam brosur pemasaran adalah seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak takaful.

Ulanddy Uyob turut mengulas kesalahan dalam brosur pemasaran yang mendedahkan untuk berlaku risiko syariah. Beliau berkata; “Antaranya *when they do the marketing collateral, brosure, pamphlet* kena lah gambar-gambar itu menutup aurat. Tak boleh yang pakai tak menutup aurat contohnya kalau budak pun kena yang bawah umur. Ini kalau budak yang umur 25 tahun. Tak boleh lah kan. Jadi antara yang

¹⁸² Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

¹⁸³ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, *Review* dan Penyelidikan Syariah, Risiko, Syariah dan Tadbir Urus. Prudential BSN Takaful Berhad).

itu¹⁸⁴. Beliau menjelaskan bahawa keterdedahan risiko syariah disebabkan terdapat kesalahan dalam brosur pemasaran contohnya gambar individu tidak menutup aurat dalam brosur pemasaran. Bahagian Pemasaran SPT perlu memastikan tiada elemen-elemen tidak patuh syariah dalam brosur pemasaran.

Najihah Ali turut mengulas isu kesalahan dalam brosur pemasaran produk takaful. Beliau menyatakan; “Bahagian yang brosur. Dari segi *picture. Technology* tapi bagi saya itu, *small matter. Risk* seperti ini kategori low¹⁸⁵.” Namun, beliau mengulas lanjutnya sekiranya melibatkan kesalahan brosur pemasaran yang besar seperti kesilapan meletakkan nama produk yang betul akan memberi implikasi yang besar terhadap pelaksanaan produk. Beliau menyatakan lagi;

“Dia punya proses, proses *printed*, Nampak macam tak ada kena-mengena dengan syariah kan. Tapi benda dekat situ kalau ada silap. Dia boleh jadi syariah isu. *Printed as a finding* contohnya *terminology* dah silap. Itu masih *small matter* lah. Lepas itu, dia punya nama produk pun ada yang salah. Produk lain tapi dia *print* produk yang lain. Mula-mula itu kecil-kecil tapi dia boleh jadi impak yang besar lah. Ada yang telemarketing kita yang faham. Faham lah. Tak ada masalah. Tapi yang tak faham itulah sebenarnya jadi isu¹⁸⁶.”

Kenyataan Najihah Ali menunjukkan terdapat kebarangkalian berlaku risiko syariah sekiranya terdapat kesalahan semasa mencetak brosur pemasaran produk takaful adalah dikategori sebagai risiko yang rendah sekiranya hanya melibatkan kesalahan istilah dan gambar sahaja. Namun, terdapat kesalahan major yang berlaku dalam brosur pemasaran produk takaful sehingga menyebabkan salah faham agem pemasaran takaful iaitu kakitangan telemarketing dalam konteks SPT Sunlife Takaful Malaysia. Contohnya, terdapat produk takaful dikenali sebagai *Ultimate Term Plan Takaful* yang mempunyai manfaat takaful minimum sebanyak RM 1 000 000. Namun, sekiranya

¹⁸⁴ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Bahagian Syariah, AmMetlife Takaful Berhad).

¹⁸⁵ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah, Sunlife Takaful Malaysia).

¹⁸⁶ *Ibid.*

terdapat salah cetakan dalam brosur pemasaran yang nama produk takaful yang berbeza iaitu *Sunlink Istismar* yang mempunyai pelbagai tahap dan jenis manfaat takaful yang mempunyai perbezaan jelas dengan produk *Ultimate Term Plan Takaful*. Ini menyebabkan berlaku kesilapan besar dalam memenuhi keperluan takaful para peserta takaful.


Jadual 5.3: Perbezaan Produk *Ultimate Term Plan Takaful* dan *Sunlink Istismar*. (Sunlife Takaful Malaysia, 2014¹⁸⁷).

<i>Ultimate Term Plan Takaful</i>	<i>Sunlink Istismar</i>
Pelan takaful utama yang menawarkan perlindungan yang tinggi.	Pelan caruman takaful berkaitan pelaburan yang menawarkan perlindungan takaful dan potensi pulangan pelaburan.
Jumlah manfaat takaful yang tinggi iaitu minimum sebanyak RM 1 000 000 bagi hilang upaya kekal dan kematian	Perlindungan yang komprehensif dan fleksibel bergantung kepada keperluan para peserta. Menawarkan manfaat-manfaat tambahan yang bersesuaian. Jumlah caruman adalah fleksibel bergantung kepada kemampuan para peserta.
Menawarkan perkhidmatan eksklusif tambahan seperti perkhidmatan perubatan bertaraf individu kenamaan, pilihan hospital beserta doktor pakar yang berkaitan.	Manfaat takaful berdasarkan manfaat kematian, hilang upaya kekal dan lain-lain manfaat tambahan yang dipilih untuk kontrak takaful keluarga.

Berdasarkan jadual 5.3 jelas menunjukkan terdapat perbezaan ketara antara produk *Ultimate Term Plan Takaful* dan *Sunlink Istismar*. Produk *Ultimate Term Plan Takaful* adalah produk takaful premium yang menawarkan perlindungan manfaat takaful minimum RM 1 000 000 manakala produk *Sunlink Istismar* adalah produk takaful berkaitan pelaburan yang menawarkan perlindungan mengikut keperluan dan kemampuan para peserta. Sekiranya berlaku salah cetakan bagi produk-produk ini jelas menyebabkan kesilapan besar dalam kontrak takaful yang diterima oleh para peserta takaful. Oleh yang demikian, Najihah Ali menyatakan kesalahan cetakan brosur pemasaran boleh memberi impak yang besar terutama sekiranya kakitangan pemasaran

¹⁸⁷ Sunlife Malaysia, "Family Takaful", laman sesawang *Sunlife Malaysia*, dicapai pada 6 oktober 2014, <https://www.sunlifemalaysia.com/page.asp?id=family-takaful>

gagal mengesan kesalahan cetakan yang telah berlaku dalam brosur produk pemasaran. Menurut Najihah Ali lagi, bagi mengatasi masalah kesalahan dalam brosur pemasaran, *review* syariah perlu dijalankan di peringkat awal sebelum pelaksanaan produk dalam pasaran bagi memastikan setiap elemen-elemen adalah patuh syariah termasuklah dalam aspek brosur pemasaran¹⁸⁸.




Rajah 5.28: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Dalam Brosur Pemasaran Mengikut Makluman Informan (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁸⁹)

Berdasarkan rajah 5.28 menunjukkan bahawa 3 informan mengulas kesilapan brosur pemasaran yang mendedahkan untuk berlaku risiko syariah dalam SPT. Oleh yang demikian, sebarang kesalahan atau kesilapan dalam brosur pemasaran produk-produk takaful perlu diberi perhatian dan pembetulan.


¹⁸⁸ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah, Sunlife Takaful Malaysia).

¹⁸⁹ Rujuk Lampiran A9: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Dalam Brosur Pemasaran Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.



Rajah 5.29: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Dalam Brosur Pemasaran

Rajah 5.29 catatan memo menunjukkan tiga sebab keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan brosur yakni penambahan maklumat tidak betul yang menyebabkan kekeliruan atau bertentangan dengan kontrak asal takaful. Kedua, brosur pemasaran mempunyai ilustrasi tidak patuh syariah seperti tidak menutup aurat. Manakala, yang ketiga disebabkan kesalahan cetakan khususnya nama produk yang meninggalkan implikasi besar kerana setiap produk dengan nama khusus mempunyai jumlah caruman takaful dan manfaat berbeza sekaligus mungkin menyebabkan salah faham kepada peserta takaful. Ini seterusnya mungkin menyebabkan *ghalat* iaitu kesilapan ialah salah tanggapan mengenai sesuatu perkara seperti mana contoh yang telah dijelaskan berdasarkan rajah 5.29.



Rajah 5.30: Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesilapan dalam Brosur Pemasaran

Proses mengenal pasti kesalahan dalam brosur pemasaran melalui *review* syariah yang dijalankan secara berkala sama bulanan, suku tahun dan setengah tahun bagi mengawal elemen-elemen tidak patuh syariah dalam operasi dan urusan SPT. Setelah dapatan *review* syariah mengenai kesalahan dalam brosur pemasaran, dapatan kesalahan brosur pemasaran akan diserahkan kepada pihak bertanggungjawab bagi memastikan kesalahan tersebut diperbaiki seperti yang telah dibincangkan sebelum ini¹⁹⁰.

5.7 Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Penggunaan Istilah

Dalam kontrak kewangan Islam khusus kontrak takaful, terdapat istilah-istilah yang perlu digunapakai bersesuaian dengan kontrak untuk membezakan takaful dengan insurans konvensional contohnya istilah “premium” yang digunakan dalam insurans digantikan dengan istilah “sumbangan” dalam kontrak takaful. Begitu juga, istilah

¹⁹⁰ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui *Review* Syariah. Lihat lampiran B10.1, B10.2, B10.3 dan B10.4.

faedah hasil keuntungan insurans pelaburan digantikan dengan istilah perkongsian untung bagi keuntungan pelaburan mudarabah bagi kontrak takaful. Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri mengulas bahawa terdapat isu keterdedahan risiko syariah sekiranya menggunakan istilah yang salah bagi kontrak takaful. Beliau mengatakan;

“And of course ada isu. Especially, ada yang claim yang kita amik. Atau cenduk daripada konvensional yang dah ada existing produk. Dan banyak benda orang anggap remeh. Contohnya, dari segi istilah polisi jadi certificate, premium jadi contribution. Kena letakkan kontrak akad jelas sama ada wakalah, mudarabah dan lain-lain. Sebab itu beza kita dengan konvensional¹⁹¹.”

Kenyataan ini menggambarkan kontrak takaful perlu menggunakan istilah-istilah yang betul dan sesuai bagi memastikan maksud kontrak adalah patuh syariah. Muhamad Faisal Ashaari juga mengulas bahawa terdapat penggunaan istilah-istilah yang salah dalam kontrak takaful. Kesalahan istilah ini berlaku apabila proses menterjemahkan kontrak daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris. Bagaimanapun, beliau berpandangan isu kesalahan penggunaan istilah ini hanya bersifat teknikal dan tidak melibatkan perkara-perkara fundamental dalam kontrak takaful. Bagaimanapun, penggunaan istilah yang betul dalam kontrak takaful perlu dipastikan bagi mengelakkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah. Beliau mengatakan; “Biasanya ada lah perkara yang kecil-kecil jadi. Misalnya, istilah-istilah yang digunakan tak sesuai, bila translate Bahasa Inggeris ke Melayu tak betul, istilah yang tidak standard tapi overall banyak benda-benda yang teknikal saja. Sebab teknikal ini tak lah kita kata terlalu heavy sangat. Tidaklah sampai melibatkan perkara-perkara yang fundamental¹⁹².”

¹⁹¹ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Berhad)

¹⁹² Muhamad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful Sdn Bhd).

Ulanddy Uyob turut mengemukakan bahawa terdapat keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan penggunaan istilah. Beliau berkata;

“Lepas itu dari segi *wording*. Kita tak guna perkataan *interest*, kita tak boleh guna *loan*. Itu antara nya. Itu yang paling mudah berlaku. Itu yang senang berlaku. Orang tak tahu. Contohnya *corporate communication*. Yang buat benda-benda itu. Dia orang mana tahu antara perkataan *loan* dengan *finance* kan. *For then*, pada saya pun. *Loan* dengan *finance* ini sama saja. Tapi disebabkan kita ada “*shariah dictionary*.” Apa benda, kita kena guna *financing*. Tak boleh guna *loan*. Lebih kurang macam itu lah. Tapi kalau saya ada *finding* yang itu mungkin kita boleh letakkan *under low*, penggunaan perkataan kita boleh ubah *from time to time*¹⁹³.”

Kenyataan Ulanddy Uyob turut menunjukkan terdapat keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan penggunaan istilah. Ini disebabkan kebanyakan kakitangan SPT tidak mengetahui terdapat perbezaan antara kontrak patuh syariah dengan tidak patuh syariah. Bagaimanapun, isu keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan penggunaan istilah hanya dikategori sebagai berimpak kecil sahaja. Malahan, istilah yang digunakan dalam kontrak patuh syariah seperti takaful boleh berubah dari semasa ke semasa.

Najihah Ali turut bersetuju penggunaan istilah yang salah hanya merupakan keterdedahan risiko syariah sahaja dan bukannya insiden sebenar risiko syariah. Beliau turut mengakui terdapat pihak yang mengiktiraf penggunaan istilah insurans konvensional dalam kontrak takaful. Ini kerana istilah seperti premium telah difahami oleh masyarakat sebagai jumlah yang perlu dibayar bagi menyertai kontrak insurans mahupun kontrak takaful. Jadi, penggunaan istilah seperti premium diterima sebagai kebiasaan dalam masyarakat setempat. Beliau menyatakan bahawa kesalahan istilah dalam kontrak takaful hanya risiko syariah yang berimpak rendah sahaja¹⁹⁴. Namun, penggunaan istilah yang betul membezakan kontrak takaful yang patuh syariah syariah

¹⁹³ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Bahagian Syariah Ammet Life Takaful Berhad).

¹⁹⁴ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah, Sunlife Takaful Malaysia).

daripada kontrak insurans konvensional yang telah diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Terdapat perbezaan jelas istilah yang digunakan dalam kontrak takaful dan insurans konvensional. Satu contoh produk yang setara diambil dalam perbandingan ini iaitu PERSONAL ACCIDENT (PA) Takaful FLEXI PA¹⁹⁵ dan ACCIDENT (PA) Flexi PA¹⁹⁶.

Jadual 5.4: Perbandingan Penggunaan Istilah Sijil Takaful dan Polisi Insurans (Etiqua Takaful Berhad dan Etiqa Insurance Berhad, 2014)¹⁹⁷.

	<i>ACCIDENT (PA) Takaful FLEXI PA</i>	<i>ACCIDENT (PA) Flexi PA</i>
1	<i>Takaful Certificate</i>	<i>Insurance Policy</i>
2	<i>Contribution</i>	<i>Premium</i>
3	<i>Participant</i>	<i>Policy Owner</i>
4	<i>Person Covered</i>	<i>Insured Person</i>

Berdasarkan jadual 5.4 menunjukkan perbezaan istilah antara kontrak takaful dan insurans. Misalnya dokumen mengenai pernyataan penyertaan kontrak takaful dinyatakan sebagai *Takaful Certificate* atau sijil takaful. Sebaliknya, dokumen yang menyatakan menyertai dalam kontrak insurans dikenali sebagai *Insurance Policy* atau polisi insurans. Contoh lain ialah sejumlah wang yang dibayar untuk menyertai kontrak takaful dikenali *contribution* atau sumbangan. Manakala, sejumlah yang dibayar untuk mendapatkan perlindungan insurans dikenali sebagai premium. Seterusnya, pihak yang membayar sumbangan dalam kontrak takaful dikenali sebagai participant atau peserta dan pihak yang membayar premium insurans pula dikenali *Policy Owner* atau pemilik polisi. Begitu juga, pihak yang mendapatkan perlindungan di bawah kontrak takaful dikenali sebagai *Person Covered* atau orang yang dilindungi. Manakala, pihak yang


¹⁹⁵ Etiqa Takaful, "ACCIDENT (PA) Takaful FLEXI PA", laman sesawang *Etiqa*, dicapai pada 16 Jun 2014,

<http://www.etiqa.com.my/English/Takaful/General/Downloads/Documents/TakafulCertificates/ETB-EN-Takaful-Flexi-PA.pdf>

¹⁹⁶ Etiqa Insurance, "ACCIDENT (PA) Flexi PA", laman sesawang *Etiqa*, dicapai pada 16 Jun 2014, <http://www.etiqa.com.my/English/Insurance/General/Downloads/Documents/PolicyContract/EIB-EN-Flexi-PA.pdf>

¹⁹⁷ *Ibid.*


dilindungi di bawah insurans pula dikenali *Person Insured* atau orang yang diinsuranskan. Contoh-contoh dalam dokumen sijil takaful dan polisi insurans ini menunjukkan beberapa perbezaan penggunaan istilah antara kontrak takaful dan insurans. Oleh sebab itu, kesilapan menggunakan istilah dalam kontrak takaful boleh mendedahkan kepada risiko syariah. Namun, informan-informan menyatakan impak kesalahan penggunaan istilah adalah rendah tetapi perlu diperbetulkan untuk membezakan kontrak takaful yang patuh syariah dengan kontrak insurans yang dikategorikan sebagai tidak patuh syariah.



Rajah 5.31: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Penggunaan Istilah Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016¹⁹⁸).


¹⁹⁸ Rujuk Lampiran A10: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Penggunaan Istilah Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.

Berdasarkan rajah 3.1 menunjukkan sebanyak 4 informan mengulas mengenai isu keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan penggunaan istilah kontrak takaful. Informan-informan kajian turut berpandangan kesalahan istilah adalah isu yang kecil tetapi perlu diperbaiki untuk membezakan produk takaful dengan produk insurans konvensional. Kesalahan-kesalahan dalam penggunaan istilah ini turut dikenal pasti semasa proses *review* syariah dijalankan secara berkala dalam operasi dan aktiviti SPT.



Rajah 5.32: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Dalam Brosur Pemasaran

Catatan memo rajah 5.32 menunjukkan keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan dalam brosur pemasaran SPT.melibatkan penggunaan istilah insurans konvensional, kesalahan penterjemahan istilah dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu dan sebaliknya serta penggunaan istilah yang menggambarkan elemen tidak patuh syariah seperti “*interest*” yang dikaitkan dengan riba.



Rajah 5.33: Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan dalam Brosur Pemasaran

Rajah 5.33 menunjukkan pendekatan dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan brosur pemasaran melalui *review* dan pengauditan syariah. Selanjutnya, satu garis panduan jelas mengenai istilah-istilah patuh syariah yang tepat perlu dikeluarkan oleh pengawalselia khususnya bagi industri takaful. Namun begitu, terdapat penggunaan istilah seperti “*policy*” dan “*premium*” adalah dibenarkan bagi produk takaful berikutan telah menjadi kebiasaan dan mudah difahami dalam masyarakat setempat.

5.8 Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Agen SPT

Keterdedahan risiko syariah juga melibatkan agen-agen SPT yang bertanggungjawab untuk mempromosikan pasaran untuk menyertai kontrak takaful. Ismanizam Ismail berpandangan agen SPT merupakan sebahagian daripada operasi SPT. Oleh itu, sebarang kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh agen-agen SPT turut memberikan keterdedahan risiko syariah dalam operasi SPT. Beliau berkata;

“Agent is a part of company juga lah. Cuma dia orang tak makan gaji, dia dapat commission. Jadi menguruskan agent ini juga cabaran. Ada juga shariah non compliant yang berlaku sebab practice of agent contohnya mis selling. Mis selling termasuk dalam

shariah non compliant NSC. Contohnya kita katakan ada investment. Agent kata ok. Investment link kita warranty bagi return 5 percent. Tengok record lepas. Itu mis selling. Dalam masa yang sama jadi syariah non compliant. Bukan masalah kita endorsed. Bukan itu, tak. Tapi dalam proses dia nak convince orang subscribe dengan dia untuk masuk takaful. Dia over promise. Lepas itu, jadi mis selling lah. Ok. Investment Link kata macam ini. Produk kita macam ini, macam ini. Sedangkan tidak sebenarnya¹⁹⁹.”

Antara kesalahan yang melibatkan agen-agen SPT ialah kesalahan semasa proses menyakinkan bakal para peserta menyertai kontrak takaful atau dikenali sebagai *misselling*. Contoh kesalahan semasa proses membuat bakal peserta menyertai kontrak takaful ialah terdapat agen yang menjanjikan pulangan secara tetap khususnya dalam produk takaful berkaitan pelaburan. Agen-agen SPT contohnya telah menjanjikan kepada bakal peserta takaful jaminan pulangan pelaburan sebanyak 5 % keuntungan daripada jumlah caruman takaful yang dibayar oleh para peserta takaful. Ini merupakan salah satu insiden sebenar risiko syariah dalam kontrak takaful. Jaminan terhadap jumlah pulangan pelaburan juga merupakan salah satu bentuk riba dalam kewangan²⁰⁰. Ini bermaksud sebarang jaminan keuntungan adalah dilarang dalam kontrak kewangan Islam. Beliau turut mengulas bagi menguruskan keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan agen-agen yang menjanjikan jumlah pulangan keuntungan pelaburan kepada bakal para peserta takaful. Beliau berkata;

“Sekarang ini cara untuk kita elak benda itu. Tak benarkan agent pakai dia punya illustration. Illustration must formal official daripada company. Kalau dia tulis pada customer. Dia kena ambil balik. Kita buat benda ini sebab ada complaint daripada customer. Ada yang guarantee investment printed lah. Ataupun dia janji benda yang company tak offer lah. Ataupun cash before covered²⁰¹.”

Oleh sebab itu, polisi di MAA Takaful Berhad telah melarangkan agen-agen SPT menggunakan ilustrasi pemasaran yang bukan rasmi daripada SPT itu sendiri. Beliau

¹⁹⁹ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Jabatan Syariah MAA Takaful Berhad).

²⁰⁰ Huraian lanjutnya lihat bab 2, “elemen-elemen yang menyebabkan risiko syariah”.

²⁰¹ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Jabatan Syariah MAA Takaful Berhad).

turut mengulas lanjut mengenai kesalahan agen-agen SPT contohnya ada terdapat agen SPT yang mengambil wang caruman takaful daripada para peserta tetapi tidak menyerahkan kepada SPT sebagai wang caruman untuk penyertaan takaful. Ismanizam Ismail menjelaskan bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh agen-agen SPT contohnya menjanjikan jaminan pulangan keuntungan kepada para peserta takaful dan tidak menyerahkan wang penyertaan takaful kepada SPT. Bahagian Syariah dan Bahagian Pematuhan MAA Takaful Berhad akan bekerjasama untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan kesalahan-kesalahan agen SPT²⁰². Omar Mohamed turut mengulas isu yang sama mengenai terdapat agen-agen SPT yang tidak menyerahkan wang penyertaan takaful kepada SPT. Beliau mengatakan;

“Ada contohnya kadang agent dah terima duit *contribution* dari *customer* dia tak bagi *company*. Ada yang salah laku daripada agen sendiri. Itu sebab agen pun kita ada bagi *ongoing* punya *training*. Kita kena dekat situ kena tekankan *on the* etika²⁰³.”

Oleh yang demikian, agen-agen SPT perlu mempunyai ciri-ciri intermediari yang baik bagi mengukuhkan kepercayaan peserta takaful dan seluruh pasaran yang berpotensi untuk menyertai kontrak takaful. Ciri-ciri yang baik dalam agen SPT seperti keadilan, kejujuran, boleh dipercayai, bertanggungjawab, tawakkal serta baik hati dan bertanggungjawab terhadap kebajikan para peserta dan bakal peserta takaful²⁰⁴.

Omar Mohamed turut mengulas mengenai isu keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan agen-agen SPT dalam melafazkan kontrak takaful. Beliau berkata;

“Dalam tindakan agen contohnya produk kita *shariah compliant*. Tapi bila agen pasarkan kepada *customer*. Agen bagi maklumat salah. Itu memang boleh merosakkan akad sekalipun contohnya macam ini. Contohnya, produk kita adalah produk berkaitan dengan

²⁰²*Ibid.*

²⁰³ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

²⁰⁴ Malaysian Takaful Association, *Buku Panduan Asas Takaful*. Ed ke-2 (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010), 123.

tabaruq. Kita tak ada kaitan langsung dengan jual beli. Agen yang jahil ini, dia akan kata aku jual. Aku jual produk ini pada engkau, klien kata aku pun beli. Dia guna akad jual beli pula. Padahal produk itu tak ada langsung jual beli²⁰⁵.”

Kenyataan ini menggambarkan terdapat agen SPT yang melakukan kesalahan dengan menyatakan lafaz akad jual beli semasa menjalankan tugas sebagai wakil SPT untuk mengajak peserta menyertai kontrak takaful. Agen-agen SPT tidak menyedari bahawa mereka telah menggunakan akad yang salah semasa menjadi wakil penyertaan para peserta dalam kontrak takaful dengan melafazkan akad jual beli dalam kontrak takaful. Selain itu, beliau turut menjelaskan terdapat isu yang boleh menyebabkan berlakunya risiko syariah disebabkan agen-agen SPT tidak memberi maklumat kontrak takaful dengan telus ataupun agen-agen SPT menyembunyikan fakta mengenai manfaat kontrak takaful sehingga menyebabkan kesilapan para peserta memilih kontrak takaful yang betul memenuhi keperluan pengurusan risiko mereka. Beliau mengatakan;

“...yang lain berkaitan dengan agen. Dia tipu. Ataupun dia sembunyikan fakta ataupun dia tak jelaskan fakta yang sebenar berkaitan *product benefit*. Jadi, klien boleh tertipu. Klien ambil produk ini dia sangkakan dapat *cover* semua tapi bila kemalangan *cover* sikit saja. Itu pun boleh berlaku. Tapi ini tidak melibatkan pembentukan produk tapi pelaksanaan produk itu²⁰⁶.”


Tindakan agen-agen SPT yang menyembunyikan fakta atau menyatakan fakta yang tidak benar untuk memujuk bakal peserta menyertai kontrak takaful turut dikenali sebagai *taghrīr*. *Taghrīr* merupakan aktiviti melibatkan apabila satu salah pihak iaitu agen SPT mempengaruhi pihak yang berkontrak lain iaitu bakal peserta takaful dengan fakta atau maklumat yang tidak benar bertujuan agar pihak tersebut (bakal peserta takaful) bersetuju untuk terlibat dalam kontrak tersebut²⁰⁷ iaitu kontrak takaful. Elemen *taghrīr* merupakan salah satu elemen tidak patuh syariah dalam kewangan Islam

²⁰⁵ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ Al-Khafif, *Ahkam al-Mu`amalāt al-Shar`īyah*, 356.

termasuklah kontrak takaful²⁰⁸. Agen-agen SPT perlu mendedahkan maklumat penting kepada bakal peserta meliputi maklumat-maklumat seperti nama SPT, maklumat penuh jenis perlindungan dan faedah, maklumat penuh caruman yang perlu dibayar oleh bakal peserta, sekatan dan pengecualian, sebarang syarat yang signifikan seperti waranti atau obligasi yang perlu dipatuhi oleh bakal peserta sekiranya gagal dipatuhi akan membolehkan SPT menolak liabiliti atau membatalkan perlindungan, tempoh perlindungan serta berkaitan peringatan kepada bakal peserta tentang mendedahkan semua maklumat penting kepada SPT dan kesannya bakal membuat pendedahan yang sepatutnya²⁰⁹. Berikut adalah contoh laporan kesalahan agen-agen yang menawarkan produk takaful dengan cara yang salah.




Rajah 5.34: Contoh laporan kesalahan agen-agen takaful dalam menawarkan produk takaful (Afyen Mat Rawi, 2014²¹⁰)

²⁰⁸ Hussin Salamon, “Perkembangan Pasaran Modal Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Negara,” *Jurnal Teknologi* 50 (Jun 2009), 9, 1–10. Huraian lanjut mengenai *taghrir* telah dijelaskan dalam kajian ini Bab 2 subtopik “Unsur-Unsur Utama yang Menyebabkan Risiko Syariah”.

²⁰⁹ Malaysian Takaful Association, *Buku Panduan Asas Takaful*, 129.

²¹⁰ Afyen Mat Rawi, “Kes Ejen Takaful Misselling & Missleading”, laman sesawang Rahsia Takaful, dicapai pada 3 Oktober 2015, <http://rahsiatakaful.com/kes-misselling-missleading-ejen-takaful/>. Afyen Mat Rawi adalah seorang perunding profesional bertauliah, *Islamic Financial Planner (IFP)*. Beliau juga memiliki LLB dan LLSh daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Rajah 5.34, sambungan

Rajah 5.34 menunjukkan salah satu laporan peserta takaful mengenai salah laku agen SPT. Agen SPT tersebut telah menawarkan produk takaful berkaitan pelaburan dengan manfaat tambahan perlindungan semasa menunaikan haji²¹¹ atau dikenali Takaful Berkaitan Haji. Agen SPT tersebut telah menyatakan maklumat yang salah bahawa peserta takaful haji akan didaftarkan untuk menunaikan haji secara automatik dan sertamerta sebaik sahaja peserta tersebut menyertai kontrak Takaful Berkaitan Haji. Sedangkan pendaftaran haji tersebut dibuat dalam jangka masa 3 tahun²¹² atau setelah wang hak milik peserta (setelah ditolak fee wakalah dan dana perkongsian peserta)

²¹¹ Manfaat tambahan produk takaful pelaburan berkaitan haji menawarkan manfaat tambahan seperti bayaran tambahan 100% daripada jumlah asal perlindungan sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan kematian orang yang dilindungi semasa di Mekah atau Madinah, bayaran RM3000 sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum mengerjakan mengerjakan haji dan lain-lain manfaat khusus berkaitan haji dan umrah.

Takaful Etiqa Berhad, Maburu-Etiqa, laman sesawang *Etiqa Takaful Berhad*, dicapai pada 6 Mac 2015, http://www.etiqa.com.my/Malay/Takaful/produk/Peribadi/Simpanan/Documents/Mabrur_Leaflet-BM.pdf

²¹² Ibid.

mencukupi nilai RM1300 seperti yang dinyatakan pihak Tabung Haji. Ini merupakan satu contoh kesalahan yang dilakukan oleh agen-agen SPT semasa memasar dan mempromosikan produk takaful dalam pasaran. Tindakan agen SPT yang memberi maklumat dan penjelasan yang salah kepada peserta takaful menyebabkan berlaku *ghalat wadhīh* ialah kesilapan yang berlaku secara jelas dan nyata²¹³ yang merupakan anara elemen-elemen yang menyebabkan insiden risiko syariah dalam kewangan Islam.

Ulanddy Uyob mengemukakan kesalahan agen-agen SPT yang menyebabkan keterdedahan berlakunya risiko syariah. Beliau mengatakan;

“Agent tak patuh *resolution* yang dikeluarkan untuk sesuatu isu syariah paling dekat contohnya akaun simpanan ataupun komisen agen untuk syarikat takaful. Kita syaratkan oleh *Shariah Committee* kita, Jawatankuasa Syariah buat keputusan perlu menggunakan akaun yang berteraskan akaun Islam. *Islamic Saving Account*. Mungkin agen dia masa mula-mula masuk dia tak tahu benda itu. Dia pakai konvensional punya akaun tapi setelah dia tahu. *They have to change to the Islamic Saving Account*. Kita bagi tempoh. *Islam is very flexible*. Kita tak adalah *on the spot*. *Today, on today you have change*. Tidak lah sampai begitu. Kita bagi masa 3 bulan. Tapi kadang-kadang mereka tak *aware* ataupun terlalu sibuk ataupun merasakan benda itu tidak penting ataupun kurang penting. Dia lupa lepas itu. Dah *breach* lah syariah. Bila resolusi syariah dikeluarkan. Resolusi syariah dikeluarkan oleh *Shariah Committee*. Kita tak cakap Bank Negara lagi ye. Kita cakap *Shariah Committee*. Bila tidak dipatuhi telah berlaku *non shariah compliance* ataupun tidak patuh syariah. Tidak perlu cerita Bank Negara *guidelines*. Itu terlalu tinggi. Itu dah *level* tinggi. Jadi kita bercerita yang bawah dulu. Di peringkat *Shariah Committee*. Syarikat takaful atau institusi-institusi takaful, resolusi mereka ini adalah satu *benchmark* ataupun satu *guidelines* untuk macam mana nak operasi sesebuah syarikat takaful itu. Sekiranya ini tidak dipatuhi. Telah dikira sebagai *shariah non compliance*²¹⁴.”

Keterdedahan risiko syariah ini disebabkan agen-agen SPT tidak mematuhi resolusi syariah yang telah diputuskan oleh JKS AmMetlife Takaful Berhad yang mewajibkan penggunaan akaun perbankan Islam untuk pembayaran komisen agen SPT. Ini bererti

²¹³ Mustafa Ahmad al-Zarqa', *al-Madkhal ila Nazariyat al-iltizam al-'ammah fi al-Fiqh al-Islami*, 1: 390.

²¹⁴ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Bahagian Syariah AmMetlife Takaful Berhad).

agen-agen SPT yang menggunakan akaun perbankan konvensional perlu bertukar kepada akaun perbankan Islam. Resolusi JKS SPT AmMetlife Takaful Berhad telah memberi tempoh tiga bulan untuk agen-agen SPT bertukar kepada akaun perbankan Islam. Bagaimanapun setelah tamat tempoh tiga bulan yang diberikan. Terdapat beberapa agen-agen SPT yang masih menggunakan akaun perbankan konvensional. Bahagian Syariah SPT AmMetlife Takaful Berhad telah membentangkan isu ini dalam mesyuarat JKS SPT JKS SPT AmMetlife Takaful Berhad memutuskan isu ini sebagai potensi risiko syariah. Agen-agen SPT diberikan tempoh masa tambahan untuk bertukar kepada akaun perbankan Islam bagi pembayaran komisen agen takaful. Beliau mengulas lagi:

“Telah berlaku di sini pernah berlaku. Dilaporkan di *ORION*. Cuma dari segi susulan tindakan itu tidak melibatkan Bank Negara lah masih *force under potential* sebab dia orang masih *certain-certain unit* sahaja lah. Sebab dia ada dua *actual* ataupun *potential*. Benda itu kita klasifikasikan sebagai *potential*. *Shariah Committee* kata *under potential*. Jadi tak ada isu sangat lah. *Reporting* tetap *reporting* melalui *ORION*²¹⁵.”

Keterdedahan risiko syariah disebabkan agen-agen SPT yang masih lagi menggunakan akaun perbankan konvensional ini telah dilaporkan kepada BNM dan dikategorikan sebagai potensi risiko syariah. Beliau menjelaskan keterdedahan risiko syariah seperti ini disebabkan agen-agen SPT tidak mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan pematuhan syariah. Beliau berkata;

“Kalau yang paling banyak kalau saya boleh *share* yang melibatkan urusan dengan orang luar ataupun *customer*, dengan *intermediary* perantara kita, *customer* ini kita punya pelanggan lah. Perantara, kita punya agen, broker, bank staff yang menguruskan produk kita atau mungkin wakil-wakil kita kadang-kadang yang tak cukup latihan. Nak kata tak cukup latihan ataupun *training* tidak juga semestinya itu sahaja sebabnya. Tapi kadang-kadang tak terlalu *aware* tentang benda syariah compliance ini. *The level of awareness*

²¹⁵ *Ibid.*

low at their end lah. Itu lah yang banyak berlaku lah. Sebab kita tak boleh nak terus nak pastikan semua orang faham, ikut syariah²¹⁶.”

Kenyataan ini menunjukkan berlaku kurang kesedaran mengenai pematuhan syariah dalam operasi SPT di kalangan agen-agen SPT. Bagaimanapun, SPT melalui Bahagian Syariah berusaha meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan syariah di kalangan agen-agen SPT dengan menjalankan latihan berkaitan syariah dari semasa ke semasa.

Beliau mengatakan;

“Sebab kalau dalam *company* macam kita dekat sini, kita boleh buat buat *training*. Tiga bulan sekali, empat bulan sekali *on syariah compliance* tapi dalam untuk agent atau untuk lain-lain. Mungkin dia orang dapat *training* setahun dua kali. Jadi dekat situ nak faham agak susah. Sebab manusia. Manusia ini pelbagai rupa kan. Ok. Potensi pertama kurang latihan kenapa faktor-faktor berlaku tak *syariah non compliance*. Yang pertama kurang pendedahan, kurang latihan dan kefahaman. Dari segi aplikasi, modul-modul latihan dalam syariah ini dia begitu *detail* dan tak semua orang tangkap. Boleh faham benda itu. Yang macam kita bercakap tentang *usul fiqh*. Orang tak pernah belajar tentang *usul fiqh* mungkin tak tahu. *Fiqh* itu, *usul* itu apa lagi lah tak tahu kan. *Fiqh* itu apa. Kalau *fiqh* harian mungkin dia orang tahu lah. Jadi nak belajar *basic* macam itu. Kadang-kadang orang tak tahu, orang tak dapat tangkap. Ini akan menyebabkan masalah, tapi bukan masalah sepenuhnya lah tapi *the learning process* itu *a bit slow*. Tapi dalam masa yang sama, *they have to compete in the market*²¹⁷.”

Dalam masa yang sama, agen-agen SPT juga berhadapan dengan masalah kefahaman modul dan latihan berkaitan pematuhan syariah. Namun, proses pembelajaran dan latihan agen-agen SPT merupakan proses pembelajaran yang berterusan berkaitan pematuhan syariah. Secara dasarnya, BNM telah mewajibkan semua bakal-bakal agen SPT untuk menduduki *Takaful Basic Exam (TBE)* untuk memperolehi lesen sebagai agen takaful.

Najihah Ali turut mengulas isu keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan agen. Dalam konteks Sunlife Takaful Malaysia, SPT ini tidak memasarkan

²¹⁶ *Ibid.*

²¹⁷ *Ibid.*

menggunakan perkhidmatan agen-agen SPT seperti SPT-SPT lain di Malaysia. Sunlife Takaful Malaysia menggunakan perkhidmatan telepemasaran di kalangan kakitangan dalaman Sunlife Takaful Malaysia sendiri dan turut melantik pihak-pihak tertentu seperti syarikat CALLMARKS merupakan sebuah syarikat yang memberikan perkhidmatan jualan melalui teknik tele pemasaran²¹⁸. Beliau menjelaskan terdapat kesalahan agen pemasaran dalam menawarkan produk takaful dalam pasaran terutamanya kesalahan yang dilakukan oleh kakitangan syarikat tele pemasaran luaran yang dilantik oleh Sunlife Takaful Malaysia iaitu CALLMARKS Solution²¹⁹. Ini kerana syarikat CALLMARKS Solution merupakan syarikat yang menawarkan perkhidmatan pemasaran melalui terus menghubungi terus kepada para pelanggan. Ini bererti kakitangan di syarikat CALLMARKS Solution telah membuat pemasaran kepada pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan melalui teknik menghubungi terus para pelanggan. Oleh yang demikian, apabila kakitangan CALLMARKS Solution ini ditugaskan untuk menawarkan produk takaful terus kepada para pelanggan. Maka, terdapat pelbagai salah faham dan kesilapan yang telah berlaku. Bagaimanapun, Sunlife Takaful Malaysia telah memberi latihan yang secukupnya untuk menambah baik dan mengatasi masalah kesalahan di kalangan kakitangan syarikat luaran CALLMARKS Solution yang dilantik oleh Sunlife Takaful Malaysia untuk mengatasi kesalahan-kesalahan pemasaran produk takaful. Kakitangan tele pemasaran ini juga telah diberikan skrip-skrip penting untuk menjelaskan produk takaful kepada bakal peserta melalui panggilan telefon.

²¹⁸ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah Sunlife Takaful Malaysia).

²¹⁹ Callmark Solution, "Inbound Telemarketing", laman sesawang *Callmark Solution*, dicapai pada 27 Februari 2016, <http://www.callmark.com.my/inbound-customer-service-outsourced-call-center/inbound-telemarketing/>

Najihah Ali turut mengemukakan terdapat keterdedahan risiko syariah disebabkan intermediari-intermediari SPT yang memasarkan produk takaful. Beliau mengatakan;

“Kita tak ada *agent* macam *company* lain. Tak ada. Jadi yang berlaku dekat sini semua yang telemarketing. Sebab kita tak jumpa *direct*. Lagi satu ini kes pula. Orang yang call. Telemarketer itu cakap kalau *claim* tak payah bawa yang original. Sepatutnya kena bawa *original*. Itu dah salah dah itu. Itu antara contoh lah. Itu *early stage* dah salah. Dia bukan *fraud*. Kalau *fraud* dengan sengaja. Yang itu kita tak kategorikan sebagai sesuatu yang sengaja. Mungkin dia *knowledge* kurang. Sebab telemarketing ini, kita rumuskan sebagai *knowledge* kurang sebab majoriti marketing adalah *external*. Jadi *possible* untuk benda itu berlaku adalah disebabkan *knowledge*. Kalau ada orang yang senior yang kita percaya dia sepatutnya tahu. Salah. Itu mungkin kita *check under fraud* kan. Untuk *mitigate* benda macam ini, kena *training*. Isu itu kita mesti tengok semula. Sebab benda material dah ada. Skrip dah ada. Tapi sekali lagi lah pelaksanaan, pelaksanaan itu di luar *control*, masalahnya²²⁰.”

Beliau menjelaskan bahawa terdapat situasi kakitangan bahagian pemasaran iaitu tele pemasaran atau *telemarketing* telah tersalah memberi maklumat kepada peserta takaful. Kakitangan telepemasaran telah memaklum kepada peserta tersebut bahawa peserta tidak perlu membawa sijil takaful asal semasa membuat tuntutan manfaat takaful. Sedangkan maklumat tersebut adalah salah dan peserta mesti membawa sijil takaful asal semasa membuat tuntutan pembayaran manfaat takaful. Namun, isu ini tidak dikategori sebagai insiden sebenar risiko syariah mahupun potensi risiko syariah. Isu diselesaikan secara dalaman berikutan kakitangan adalah tele pemasaran luaran yang dilantik SPT. Oleh yang demikian, SPT Sunlife Takaful Malaysia terus memberi latihan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kompetensi kakitangan tele pemasaran SPT²²¹. Walaupun isu kesalahan ini dilihat seperti isu risiko operasi tetapi Najihah Ali mempunyai pandangan tersendiri mengenai isu keterdedahan risiko syariah. Beliau

²²⁰ Najihah Ali (Pegawai Eksekutif Syariah *Review* Sunlife Malaysia Takaful).

²²¹ *Ibid.*

berpendapat bahawa setiap operasi dan aktiviti dalam SPT adalah berkaitan dengan pematuhan syariah. Oleh yang demikian, sebarang kegagalan ataupun kesilapan dalam operasi SPT turut meliputi keterdedahan untuk berlaku risiko syariah. Bagaimanapun, beliau juga berpandangan kaedah pemasaran melalui tele pemasaran adalah kurang terdedah kepada risiko syariah serta lebih mudah untuk diuruskan daripada berlaku insiden risiko syariah berbanding melibatkan agen takaful²²². Beliau menyatakan;

“Di sini Sunlife Takaful, kita telemarketing. Kalau tak ada isu itu. *Agent* kalau ada, mungkin banyak isu macam itu. Dari segi *marketing*, senang *control* daripada berlaku *shariah non compliance*. *Telemarketing* kita dah ada skrip²²³.”

Najihah Ali yang turut berpengalaman berkhidmat di MAA Takaful berhad berpandangan penggunaan agen-agen SPT untuk memasarkan produk takaful adalah lebih terdedah untuk berlaku insiden risiko syariah. Beliau turut menyatakan pandangan beliau mengenai keterdedahan risiko syariah disebabkan agen-agen SPT semasa berkhidmat di MAA Takaful Berhad. Beliau mengatakan;

“Contoh macam MAA, dia *agent*. MAA pernah pegang sebab saya dulu satu *department complaint*. Jadi tahu. Dia pernah pegang satu agent. Cina itu top ten nombor satu. Dia dah tak ada. Pada hal kes dia itu berlambak-lambak *complaint* tapi *CEO* masih nak dia pegang. Tak nak buang dia. Kalau ikutkan Bank Negara dah *terminated* dah agent ini. Tapi MAA sembunyi-sembunyi kan. MAA buat macam itu sebab nak jaga *agent* walaupun dia buat hal. Dalam masa yang sama dia buat hal. Masalah ditolak-tolak dengan *income*. *Income* kepada *company* lagi banyak. Jadi berlaku macam itu²²⁴.”

Beliau menyatakan pengalaman beliau dalam menguruskan pematuhan syariah.


Terdapat agen-agen SPT yang melakukan kesalahan sehingga mendapatkan maklum

²²² *Ibid.*

²²³ *Ibid.*

²²⁴ Najihah Ali (Pegawai Bahagian *Review* Syariah Sunlife Takaful Malaysia/ Mantan Pegawai Syariah MAA Takaful Berhad).


balas negatif daripada para pelanggan. Namun, SPT tersebut cuba membaiki kelemahan-kelemahan tersebut dari semasa ke semasa.



Rajah 5.35: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Agen-Agen SPT Mengikut Makluman Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016²²⁵)

²²⁵ Rujuk Lampiran A11.1 dan A11.2: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Agen Takaful Mengikut Petikan Temu Bual Informan.


Rajah 5.35 menunjukkan dapatan kajian bahawa sebanyak 4 informan mengulas kesalahan-kesalahan agen takaful SPT yang menyebabkan keterdedahan risiko syariah dalam SPT.



Rajah 5.36: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Agen-Agen SPT

Catatan memo rajah 5.36 menunjukkan pelbagai situasi kesalahan yang dilakukan agen SPT yang mendedahkan berlakunya risiko syariah dalam SPT. Antara kesalahan agen ialah semasa melakukan pemasaran perlindungan takaful. Agen SPT seringkali memberi maklumat yang salah mengenai produk menyebabkan salah faham para peserta takaful. Selain itu, terdapat agen SPT melakukan kesalahan yakni akad jual beli semasa membuat kontrak takaful kepada peserta. Begitu terdapat kesalahan etika agen

SPT iaitu tidak menyerahkan wang tunai yang diterima kepada SPT, tidak menggunakan akaun perbankan Islam, melakukan kesalahan perjanjian jaminan pulangan keuntungan pelaburan takaful. Kesalahan agen SPT berikutan dilakukan kerana tidak mempunyai pengetahuan berkaitan pematuhan syariah. Selain itu, terdapat kesalahan yang dilakukan oleh agen luaran yang dilantik yakni telepemasaran yang memberi maklumat salah akibat kelemahan pengetahuan mengenai produk takaful.



Rajah 5.37: Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kesalahan Agen SPT

Rajah 5.37 menunjukkan pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan agen takaful. SPT melakukan latihan kepada agen-agen SPT

secara berkala mengenai kesedaran kepentingan patuh syariah bagi SPT²²⁶. Terdapat silibus pembelajaran dan pembangunan kerjaya agen takaful yang diperkenalkan oleh *Malaysia Takaful Association (MTA)*. Aspek syariah turut ditekankan dalam silibus pembangunan kerjaya agen takaful termasuklah berkaitan konsep *Maqāṣid al-Sharīah*, asas perundangan syariah, asas perundangan syariah berdasarkan mazhab, asas *fiqh muamalāt*, asas pengurusan risiko Islam, kontrak takaful, etika dan standard praktis, perundangan berkaitan takaful, *faraid*, wasiat, hibah, dan perundangan berkaitan jualan serta pengurusan kewangan Islam²²⁷. MTA turut menetapkan syarat minimum sebanyak 30 jam pembelajaran berterusan bagi agen takaful keluarga dan minimum sebanyak 12 jam bagi agen takaful am²²⁸.

Secara dasarnya, semua agen-agen SPT telah diberikan pengetahuan asas mengenai urus niaga dan transaksi dalam kontrak takaful. Malahan, agen-agen SPT diwajibkan mengambil ujian *Takaful Basic Exam* untuk mendapatkan lesen sah sebagai agen SPT. Selain itu juga, pemantauan secara konsisten perlu dipastikan oleh SPT untuk memastikan agen-agen menjalankan tanggungjawab secara jujur dan amanah khususnya melibatkan penyerahan wang caruman kepada SPT dan hak-hak peserta mengikut kontrak takaful yang dipersetujui.

5.9 Keterdedahan Risiko Syariah Berkaitan Kesalahan Sistem

Karim Ginena telah menjelaskan bahawa kegagalan system boleh menyebabkan berlakunya insiden risiko syariah²²⁹. Mohd Hafizal Elias menyatakan bahawa operasi sistem turut terdedah untuk terjadi tidak patuh syariah dalam SPT. Menurut beliau lagi,

²²⁶ Petikan Penuh Informan Kajian mengenai Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Dengan Latihan Kepada Agen lihat lampiran B2.

²²⁷ Malaysia Takaful Association (MTA), *Guidelines on the Continuing Professional Development (CPD) Hours* (Kuala Lumpur: Malaysia Takaful Association, 2013), 6.

²²⁸ *Ibid.*, 5.

²²⁹ Karim Ginena, "Shari'ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks," 93. Lihat perbincangan faktor keterdedahan risiko syariah dalam kewangan Islam dalam bab 2 kajian ini.

insiden risiko syariah pernah berlaku dalam sistem operasi SPT. Jumlah caruman para peserta akan dimasukkan ke dalam sistem yang menguruskan dana-dan takaful. Semasa kontrak dipersetujui oleh peserta takaful, SPT akan menyatakan dengan jelas jumlah yuran atau fee wakalah yang dikenakan kepada para peserta takaful. Namun, terdapat masalah yang telah berlaku apabila sistem telah mengenakan caj wakalah yang lebih tinggi daripada jumlah yang sepatutnya. Kesalahan sistem yang telah mengenakan caj wakalah yang lebih tinggi daripada sepatutnya telah dikesan oleh Bahagian Perakaunan SPT. Beliau mengatakan;

“Setakat ini, kami telah *recognized* yang *non halal income*. Itulah yang paling besar pun. Terjadi disebabkan silap sistem. Peringkat awal kita bagi *detail* contohnya *benefit instruction*. Ok, kita akan bagitahu ini jumlah yang dia kena bayar untuk wakalah . Tapi masuk dalam sistem. Tiba-tiba dalam sistem caj wakalah bertukar jadi terlebih. So, apabila terlebih, *accounting department* akan *recognized* caj wakalah tadi terlebih lah. So, kita pun terpaksa tengok balik semua. Sebab ini, kita telah *recognized non halal income*. Dan jadi *financial impact*. Dan memang imej *reputational risk* kepada kita. Kenapa tiba-tiba kita boleh ambil lebih sedangkan dalam kontrak lain. Kadang-kadang benda-benda berlaku secara tidak sengaja pun. Kita dah *setup system*. Tiba-tiba ada *defect*. So benda-benda macam ni lah yang selalu berlaku dekat belakang ini²³⁰.”

Menurut Mohd Hafizal Elias lagi, pihak SPT telah membawa isu caj wakalah berlebihan dalam perbincangan JKS SPT dan Lembaga Pengarah SPT. Mereka kemudiannya bersetuju dan memutuskan kes ini insiden sebenar risiko syariah. Isu ini kemudiannya dijalankan tindakan-tindakan susulan seperti mengasingkan pendapatan dan mendermakan kepada pihak kebajikan yang diluluskan JKS SPT. Beliau menyatakan lagi;

“*Actual* kat sini baru sekali yang kita *recognized non halal income*. Dia isu dia macam ini lah. Isu dia contoh kita terlebih caj 10 sen. Bila berlaku, kita tengok berape *affected cases*. Then, kita kumpulkan *income* berkaitan tadi. Kita *present* dekat SC.

²³⁰ Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Bahagian Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad).

Kemudian, kita *dispose* dekat *charity. Settle*. Setakat ini isu terlebih caj ini sahajalah yang pernah berlaku. Apa yang kita buat *non halal income* ni. Senang .mudah je. SC kami putuskan nak bagi ikut Baitul Mal je. Diaorang yang bertanggungjawab nak *distribute*²³¹.”

Pendapatan tidak patuh syariah yang telah diasingkan akan diserahkan kepada Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan²³². Pendapatan tidak patuh syariah tersebut akan digunakan untuk perkara-perkara yang melibatkan untuk kepentingan umum seperti membina dan penyelenggara tandas, jalan raya, jambatan, diberikan kepada golongan miskin atau lain-lain yang berkaitan. Ini seperti yang diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 pada 23 – 25 Jun 2009²³³. Namun, kaedah pengurusan pendapatan tidak patuh syariah bukan hanya menyerahkan kepada baitulmal sahaja malahan terdapat pelbagai kaedah dan pendapatan menguruskan pendapatan tidak patuh syariah ini²³⁴.

Mohd Ridwan Roslan juga mengakui terdapat keterdedahan risiko syariah berkaitan sistem disebabkan kegagalan atau kesilapan sistem berkenaan. Beliau menyatakan;

“Tak nafi ada juga kes-kes yang kita hadapi tapi tak sengaja. Tapi kita *declare* lah. Terus-terang lah terambil duit orang. Duit *participant*. Terlebih ambil sebab sistem. Bila kita buat *investigate, human error*. Sebab bila orang dulu dia buat sistem ok. Lepas orang baru datang *copy and paste*. Asalnya *genuine system*. Bila orang baru datang bukan *genuine* asalnya kan. So, orang dulu buat *excel*. Datang orang baru dia *copy and paste*. Dia tak tahu. *Copy and paste* itu *effect* yang lain pula. So, benda itu *effect* dekat caj wakalah²³⁵.”

²³¹ *Ibid.*

²³² Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, “Wang Tak Patuh Syariah”, laman sesawang *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 9 Jun 2014, <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/wang-tak-patuh-syariah>.

²³³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain” laman sesawang *e-fatwa*, dicapai 9 Jun 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penyaluran-harta-tidak-patuh-syariah-ke-baitulmal-dan-institusi-islam-lain>

²³⁴ Lihat Perbincangan lanjut. Asyraf Wajdi Dusuki, Mohammad Mahbubi Ali dan Lokmanulhakim Hussain, “A Framework for Islamic Financial Institutions To Deal With Shariah Non Compliant Transactions”, *ISRA Research Paper* 42 (2012), 1-37.

²³⁵ Mohd Ridwan Bin Roslan (Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

Menurut Mohd Ridwan Roslan lagi, kegagalan ini disebabkan sistem yang asal telah digunakan menggunakan formula tertentu melalui program *Microsoft Excel* untuk pengiraan caj wakalah yang sepatutnya dikenakan kepada kontrak takaful. Namun, apabila kakitangan yang baru berkhidmat telah menyalin program berkenaan menyebabkan kesilapan dalam formula asal sistem pengiraan caj wakalah tersebut. Kesilapan pada sistem ini menyebabkan kesalahan iaitu caj wakalah secara berlebihan. Beliau turut menyatakan kegagalan sistem ini turut dikaitkan kesalahan kakitangan yang bertanggungjawab membuat pengiraan kadar caj wakalah berkenaan²³⁶. Bagaimanapun, beliau menjelaskan tindakan pemulihan insiden risiko syariah itu telah dilakukan. Pendapatan tidak patuh syariah telah diasingkan dan didermakan kepada pihak-pihak yang telah memohon mendapatkan bantuan daripada Takaful Ikhlas Berhad. Beliau mengatakan lagi;


“Tapi kita dah *disburse*. Dah serah diri dekat Bank Negara. Macam sekarang daripada tahun bila kita *detect* sampai sekarang ini. Sekarang kita dah *rectify* dah. Dan kita betulkan. Cuma yang sebelum-sebelum ini kita kena cari balik. Kita dah *surrender* dekat Bank Negara. Maknanya *Alhamdulillah*. Bila dah salah itu kita terus serah diri saja. Cakap kita salah tapi kita sediakan apa tindakan lah. *Charity* dan sebagainya. Biasanya *non halal income* kita buat tandas lah. Masjid kat tempat saya nak *repair* tandas. Ada sekolah kat tempat saya nak *renovate* tandas. Ada nak buat pondok wakaf, tempat rekreasi. Kita bagi sendiri. Sebab permohonan terlalu banyak. Kita tak buka pun. Tapi orang yang hantar. Kita bagi lah. Banyak sangat orang datang minta²³⁷.”

Kedua-dua informan ini memaklumkan bahawa keagalam sistem yang menyebabkan caj wakalah berlebihan ini diputuskan sebagai insiden sebenar risiko syariah oleh JKS SPT dan Lembaga Pengarah SPT masing-masing dan disertakan tindakan selanjutnya melaporkan secara rasmi kepada BNM berserta kemudiannya menjalankan tindakan-tindakan pemulihan.

²³⁶ Lihat juga Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kakitangan Baru.

²³⁷ Mohd Ridwan Bin Roslan (Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

Mohamed Hadi Abdul Hadi turut menyatakan isu caj wakalah berlebihan turut berlaku dalam SPT Etiqa Takaful Berhad. Namun, beliau menyatakan isu caj wakalah berlebihan bukan merupakan isu berkaitan risiko syariah. Mohamed Hadi Abdul Hamid berpandangan bahawa isu caj wakalah berlebihan daripada sepatutnya dalam kontrak takaful bukan merupakan isu risiko syariah tetapi merupakan isu berkaitan kewangan. Dalam masa yang sama, beliau turut mengakui bahawa tetapi perbezaan interpretasi antara satu SPT dengan SPT yang lain sama ada sesuatu isu tersebut adalah berkaitan syariah ataupun berkaitan operasi dan lain-lain²³⁸.




Rajah 5.38: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kegagalan Dalam Sistem Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016²³⁹)

²³⁸ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad)

²³⁹ Rujuk Lampiran A12: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kegagalan Sistem Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.


Berdasarkan dapatan rajah 5.38 mendapati sebanyak 3 informan mengulas isu keterdedahan risiko syariah disebabkan kesalahan sistem yang menyebabkan lebih caj dalam yuran wakalah kontrak takaful. Bagaimanapun, hanya 2 informan yang berpandangan isu kesalahan sistem yang menyebabkan lebih caj wakalah merupakan insiden sebenar risiko syariah. Manakala, 1 informan memaklum bahawa isu lebih caj wakalah disebabkan kesalahan sistem bukan merupakan insiden risiko syariah tetapi merupakan isu teknikal yang diuruskan di peringkat SPT sahaja.



Rajah 5.39: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kegagalan Sistem

Sepertimana rajah 5.39 catatan memo menunjukkan kegagalan sistem menyebabkan caj wakalah berbeza dikenakan kepada para peserta takaful disebabkan kesalahan pengiraan system tersebut. Terdapat juga situasi yang mana kakitangan telah melakukan kesalahan semasa melakukan pengiraan menggunakan sistem. Walaupun terdapat 1 informan memaklumkan kegagalan sistem adalah sebahagian risiko operasi SPT dan bukannya insiden risiko syariah. Namun, kegagalan sistem yakni mengenakan caj wakalah lebih boleh menyebabkan keterdedahan risiko syariah kerana melibatkan

elemen salah tanggapan atau *ghalaṭ* iaitu perbezaan caj wakalah dinyatakan dalam kontrak takaful dengan caj lebihan yang dikenakan. Oleh yang demikian, SPT perlu memberi perhatian terhadap kegagalan sistem ini yang menyebabkan lebihan caj wakalah.



Rajah 5.40: Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kegagalan Sistem

Rajah 5.40 menunjukkan ringkasan pendekatan pengurusan keterdedahan risiko syariah disebabkan kegagalan system. SPT mengambil tindakan mengembalikan caj-caj lebihan kepada dana yang betul. Namun begitu, terdapat masalah sekiranya lebihan caj melibatkan suatu tempoh yang panjang. Maka, pengiraan semula perlu dilakukan dan sebarang lebihan caj wakalah akan dikategorikan sebagai pendapatan tidak diiktiraf dan menjalani proses pengasingan dan didermakan kepada badan kebajikan yang dipersetujui JKS SPT²⁴⁰.

²⁴⁰Petikan Penuh Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Pelupusan Pendapatan Tidak Diiktiraf Kebajikan Mengikut Makluman Informan. Lihat lampiran B4.

5.10 Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Jawatankuasa Syariah SPT (JKS SPT)

Aspek kompetensi JKS merupakan elemen penting untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT. Namun, terdapat isu berkaitan kelemahan JKS. Mohd Daud Bakar menyatakan mengenai maklum balas pihak pengurusan IKI yang mendakwa terdapat ahli-ahli JKS yang tidak membuat persediaan awal sebelum mengikuti mesyuarat ahli JKS IKI termasuklah tidak meneliti kertas kerja, dokumen berkaitan mesyuarat malahan ada ahli JKS yang tidak mengetahui agenda mesyuarat pada hari tersebut. Tindakan ini dianggap seolah-olah tidak mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas tugas yang telah diberikan. Malahan, terdapat ini dilihat seolah-olah di bawah standard yang sepatutnya dimiliki oleh ahli-ahli JKS yang merupakan sarjana dalam bidang kewangan Islam²⁴¹.

Mohamed Hadi Abdul Hamid pula mengulas bahawa terdapat kelemahan dan kekurangan berkaitan JKS SPT yang menyebabkan keterdedahan untuk berlakunya risiko syariah dalam SPT. Beliau berkata;

“Ok. Yang paling nak *cover* dari jadinya risiko syariah. *Shariah internal* dalaman lah masuk sekali *Shariah Committee* ini. Secara umum *if* ada gred 10, kita bagi 3 atau 4. Kita masih terlalu banyak yang ketinggalan sebab masalah *Shariah Committee*, kalau 5 *Shariah Committee* ada sorang yang bercakap pun sudah begitu baik. Yang lain semuanya diam. *Shariah committee* yang pasif, kalau semua setuju. Pastu isu-isu syariah tidak diselesaikan sekiranya timbul kemudiannya. Sebab itu apabila terjadi isu, salah siapa sebenar adalah *Shariah Committee*. *Shariah Committee* begitu, macam mana *Shariah Officer*²⁴².”

Mohamed Hadi Abdul Hamid berpandangan bahawa terdapat kelemahan JKS SPT terutamanya apabila pandangan-pandangan JKS SPT diperlukan semasa

²⁴¹ Mohd Daud Bakar, *Shariah Minds in Islamic Finance: An Inside Story of a Shariah Scholar* (Kuala Lumpur: Amanie Media, 2016), 28.

²⁴² Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

membincangkan isu-isu syariah yang berlaku dalam operasi dan aktiviti SPT. Beliau mengulas kebanyakan JKS lebih bersikap pasif dan tidak memberi pandangan yang sepatutnya dalam proses membuat resolusi berkaitan isu-isu syariah di peringkat dalaman SPT. Ini menyebabkan keputusan-keputusan resolusi syariah tidak menyatakan rujukan dan hujah ilmiah yang mencukupi sehingga menimbulkan pelbagai pertikaian walaupun setelah resolusi-resolusi syariah dikeluarkan. Beliau berpandangan JKS SPT perlu memainkan peranan yang penting berikutan JKS SPT adalah badan utama dalam menentukan pematuhan syariah dalam aktiviti dan operasi SPT.

Berdasarkan APKI 2013 menunjukkan pihak pengawalselia iaitu BNM telah menunjukkan komitmen dan usaha yang tinggi untuk memastikan kompetensi JKS Institusi kewangan Islam termasuklah SPT. Ini berdasarkan Seksyen 30 APKI 2013 yang mengarahkan pihak institusi kewangan Islam perlu memohon terus kepada BNM untuk menubuhkan JKS²⁴³. Ini turut bertujuan membolehkan BNM mendapatkan maklumat secara jelas dan terperinci mengenai setiap profil termasuklah latar belakang pendidikan, pengetahuan dan pengalaman ahli-ahli JKS dalam bidang kewangan Islam dan seterusnya memastikan pengawalseliaan yang baik dilakukan oleh ahli-ahli JKS yang dilantik oleh institusi kewangan Islam.

Selain itu, APKI 2013 turut memperincikan mengenai kriteria pemilihan ahli-ahli JKS yang berkelayakkan. Akta ini telah menunjukkan standard yang jelas dalam pemilihan ahli-ahli JKS iaitu berdasarkan seksyen 31 APKI 2013²⁴⁴ dan perinciannya dalam seksyen 29(2)(a)(ii) APKI 2013²⁴⁵. Pemilihan ini seterusnya perlu disahkan secara bertulis oleh BNM sepertimana peruntukkan Seksyen 31 APKI 2013. Seksyen 31 APKI 2013 ini bertujuan agar setiap ahli yang dilantik untuk sebagai JKS dalam institusi

²⁴³ Seksyen 30 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).

²⁴⁴ *Ibid.*, seksyen 31.

²⁴⁵ *Ibid.*, seksyen 29(2)(a)(ii).

kewangan Islam seperti SPT memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh BNM²⁴⁶. Klausula perundangan berkaitan kriteria pemilihan ahli-ahli JKS untuk memastikan ahli-ahli JKS yang dilantik adalah kompeten yang mampu memastikan dan mengawalselia setiap produk dan perkhidmatan kewangan Islam adalah patuh syariah. Ini jelas menunjukkan usaha BNM melalui APKI 2013 untuk menambahbaik kompetensi JKS SPT. Namun, penilaian terhadap tahap kompetensi JKS SPT adalah subjektif bergantung kepada situasi SPT masing-masing.

Mohd Hafizal Elias turut mengemukakan pandangan bahawa terdapat JKS SPT yang mempunyai kelemahan tertentu. Beliau secara umumnya bersetuju bahawa JKS SPT mampu menjalankan tanggungjawab untuk mengesahkan atau memperakui status patuh syariah kontrak takaful SPT. Bagaimanapun, terdapat isu kelemahan JKS SPT yang gagal menyakinkan pihak pengurusan SPT yang menyebabkan terdapat pertikaian terhadap sesuatu keputusan syariah yang dikeluarkan oleh JKS SPT. Beliau mengatakan bahawa secara realitinya terdapat JKS SPT gagal menyakinkan pihak pengurusan SPT untuk mematuhi syariah dalam operasi dan aktiviti SPT. Beliau berpandangan JKS SPT bukan sahaja bertanggungjawab dan berperanan mengesahkan status patuh syariah dan membuat keputusan berkaitan isu-isu syariah sahaja malahan JKS SPT perlu memainkan peranan lebih baik termasuklah menyakinkan pihak pengurusan SPT terhadap mengenai praktis keputusan-keputusan resolusi syariah yang telah diputuskan²⁴⁷. Mohd Hafizal Elias yang juga merupakan mantan Pegawai Syariah PruBSN Takaful Berhad turut mengulas lanjut mengenai kelemahan JKS SPT. Beliau berkata;


“Sebab sebelum ni saya sendiri ada *experience*. SC tak tengok. Dia *sign* je. Tu yang biasa berlaku. Sebab tu dulu, kalau *chairman sign* dah cukup. Sekarang kalau *chairman sign* saja tak cukup. Kena semua *sign* atau paling kurang dua per tiga untuk *approved*. Pasal

²⁴⁶ *Ibid.*, Seksyen 31.

²⁴⁷ Mohd Hafizal Elias (Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, Great Eastern Takaful Berhad/ Mantan Pegawai Syariah PruBSN Takaful Berhad).

itu dia sibuk. Bukan dia tak tahu. Tak boleh kata. Tak pa lah. Sebab bagi setiap SC bila berkaitan syariah ni tak boleh, tak pa lah. Aku percaya sahaja. Kita sendiri perlu bertanggungjawab dan sekadar pengetahuan ikut syariah. Tak boleh sekadar bergantung kepada SC lain sahaja. Sebab sebagai seorang *scholar*. Diorang mesti ada prinsip kita sendiri. Untuk buat *decision*. Dia perlu ada *decision* tersendiri. Maksudnya mesti ada usaha sungguh-sungguh dan tak hanya bergantung kepada keputusan orang lain. Bergantung kepada keputusan orang lain memang tak patut berlaku²⁴⁸.”

Mohd Hafizal Elias turut mengemukakan pengalaman beliau berhadapan dengan ahli-ahli JKS yang bergantung kepada keputusan-keputusan JKS SPT yang lain sahaja. Menurut beliau, setiap ahli-ahli dalam JKS SPT perlu usaha dan komitmen tersendiri bagi memastikan pematuhan syariah dalam SPT. Ini berikutan secara umumnya, kesemua ahli-ahli JKS SPT yang dilantik merupakan sarjana dan mempunyai kepakaran untuk memastikan pematuhan syariah dalam operasi dan aktiviti. Namun, kelemahan ahli JKS yang bergantung terhadap keputusan ahli-ahli JKS yang lain adalah disebabkan kurangnya inisiatif daripada ahli JKS itu sahaja.




Rajah 5.41: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Jawatankuasa Syariah (JKS) Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016²⁴⁹)

²⁴⁸ *Ibid.*


²⁴⁹ Lampiran A13: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Jawatankuasa Syariah SPT Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.

Rajah 5.41 menunjukkan dapatan temu bual informan-informan kajian sebanyak 2 orang informan mengulas bahawa terdapat isu kelemahan JKS SPT yang terdedah untuk berlaku risiko syariah. 2 informan ini mengulas kelemahan JKS SPT berdasarkan pengalaman berurusan dengan JKS SPT dalam menguruskan aspek pematuhan syariah.



Rajah 5.42: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan JKS SPT

Catatan memo rajah 5.42 menunjukkan tiada informan memaklum sebarang insiden risiko syariah disebabkan kelemahan JKS SPT secara langsung. Isu kelemahan JKS SPT berkait rapat dengan kelemahan tadbir urus syariah SPT. Kesemua informan memaklum terdapat sebahagian ahli JKS SPT yang tidak kompeten dan memberi komitmen sepenuhnya dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ahli JKS SPT. Selanjut ringkasan pendekatan pengurusan keterdedahan risiko syariah disebabkan kegagalan sistem.



Rajah 5.43: Dapatan Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan JKS SPT

Rajah 5.43 menunjukkan pengawal selia telah memperuntukkan APKI 2013 untuk menambah baik aspek perundangan dalam pelantikan, kewajipan dan pemberhentian JKS²⁵⁰ yang bertujuan memastikan kompetensi JKS SPT dalam menguruskan sebarang keterdedahan terhadap risiko syariah. Namun begitu, usaha dan komitmen ahli-ahli JKS SPT itu sendiri merupakan aspek paling penting dalam mengukuhkan tadbir urus syariah SPT.

²⁵⁰ Seksyen 31, 32, 33, 34, 35, dan 36 APKI 2013. Huraian lanjut telah dibincangkan dalam bab 3 subtopik “Tadbir Urus Syariah Pasca APKI 2013”.

5.11 Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Pertikaian Produk Pelan Takaful Gadai Janji atau *Mortgage Reduce Term Takaful (MRTT)*

Pelan Takaful Gadai Janji²⁵¹ atau *Mortgage Reduce Term Takaful (MRTT)* merupakan produk takaful untuk pembiayaan perumahan bagi memastikan kesinambungan pembayaran pembiayaan perumahan sekiranya peminjam perumahan tersebut mengalami kehilangan upaya kekal atau kematian sebelum menyelesaikan keseluruhan pembiayaan perumahan tersebut²⁵². Ini bererti sekiranya peminjam pembiayaan perumahan hilang upaya kekal atau kematian sebelum menyelesaikan hutang perumahannya. Baki hutang pembiayaan perumahan tersebut akan dibayar oleh pihak SPT.

Isu keterdedahan risiko syariah adalah disebabkan terdapat pertikaian mengenai adakah MRTT ini dibenarkan melindungi pinjaman perumahan konvensional atau sebaliknya. Berdasarkan Keputusan MPS pada mesyuarat ke-54 bertarikh 27 Oktober 2005 telah memutuskan bahawa SPT boleh menawarkan perlindungan takaful ke atas aset pelanggan walaupun aset tersebut dibiayai secara konvensional dengan syarat perlindungan takaful tersebut dilakukan secara berasingan dan bukan bersifat pakej dengan pembiayaan perumahan konvensional tersebut²⁵³. Bagaimanapun, terdapat isu-isu keterdedahan syariah disebabkan pertikaian sama ada MRTT dibenarkan melindungi pembiayaan perumahan konvensional ataupun tidak dibenarkan sama sekali. Mohamed Hadi Abdul Hamid mengatakan pandangan beliau mengenai isu

²⁵¹ Istilah “Pelan Takaful Gadai Janji” merupakan istilah yang digunakan berdasarkan carian dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, “Pelan Takaful Gadai Janji”, laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai pada 17 Julai 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=gadai+janji++takaful>

²⁵² Naziree Md. Yusof, “Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan: Masalah dan Persoalan”, *Jurnal Kanun* (Jun 2011), 22-39.

²⁵³ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Ed ke-2, 69-70.

pertikaian perlindungan takaful MRTT bagi pembiayaan pinjaman konvensional.

Beliau mengatakan;

“Kalau MRTT, kalau kita *Financing Conventional*. Takaful nak bagi atau tidak. Benda itu menjadi perdebatan sehingga dibuat *symposium* masih tidak selesai. Tapi ini bergantung dari sudut mana. Contoh ada yang kata haram contoh PruBSN takaful. Syarikatnya kita tidak boleh ambil *cover financing* konvensional. Alasannya *taawanu ala birri wa takqwa*. Tapi sebenarnya. Dengan kita *cover loan*. Kita kata kita menolong takut rumah itu dilelong dan ahli keluarga si mati merempat. Masalah keluarga kita jaga tapi dalam masa yang sama duit itu bayar kepada konvensional kepada konvensional. Secara tidak langsung kita menolong bank konvensional supaya tidak rugi. Allah suruh perang riba tapi kita menolong bank pula supaya jaga *defaulted*. Macam Etiqa takde masalah ada etiqa konvensional. Tapi macam mana HSBC dia ada konvensional dan HSBC Amanah. HSBC takde insurance company Cuma ada takaful sahaja. Internal polisi HSBC semua polisi samada insurans atau konvensional semua mesti guna takaful. Takaful dipaksa untuk cover konvensional *loan*. Jadi kalau nak haram. Takaful tak boleh ambil. Habis konvensional *loan* nak ambil dengan siapa²⁵⁴.”

Mohamed Hadi Abdul Hamid menjelaskan isu pertikaian sama ada MRTT dibenarkan bagi pembiayaan perumahan konvensional dibenarkan atau tidak telah dibincangkan dalam pelbagai seminar dan sebagainya. Beliau mengulas lagi sekiranya terdapat permohonan pembiayaan perumahan konvensional memohon MRTT di Etiqa Takaful Berhad. Etiqa Takaful Berhad biasanya mengambil langkah yang selamat dan mudah dengan menyalurkan permohonan tersebut kepada Etiqa Insurance Berhad. Namun, menurut beliau lagi, SPT yang berhadapan masalah sehingga perlu mengambil perlindungan pembiayaan konvensional ialah SPT HSBC Takaful Amanah Berhad. Ini kerana kumpulan HSBC Bank Malaysia hanya mempunyai SPT yakni HSBC Takaful Amanah Berhad dan tidak mempunyai syarikat insurans konvensional. Selain itu, Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulas lagi terdapat pertembungan antara masalah dan kemudaratan perlindungan takaful MRTT bagi pembiayaan perumahan

²⁵⁴ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

konvensional. Dari segi masalah, perlindungan MRTT terhadap pembiayaan perumahan konvensional bertujuan untuk membantu memberi kebajikan kepada ahli-ahli waris agar boleh mendiami rumah tersebut walaupun setelah pembayar pinjaman hilang upaya kekal ataupun kematian. Dalam masa yang sama, terdapat pandangan yang menjelaskan perlindungan takaful terhadap produk pembiayaan perumahan konvensional seperti membantu perbankan konvensional dalam perkara tidak patuh syariah iaitu transaksi riba dalam pembiayaan perumahan konvensional.

Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri turut mengemukakan pandangan beliau mengenai isu pertikaian MRTT untuk melindungi pembiayaan perumahan konvensional. Beliau berkata;

“Begitu juga ada isu mengenai MRTT. Aset yang dibiayai konvensional *loan* boleh dicover. MRTT kita cover diri orang meminjam bila orang yang membuat pinjaman meninggal dunia. Contohnya. Pinjam bank konvensional harga hutang 100 ribu, ambil takaful dengan AIA. Bila meninggal. 70 ribu kita akan bayar kepada bank konvensional. Sebab itu resolusi syariah dalam industri rasanya. Prudential BSN tidak mengikut resolusi BNM terpakai untuk aset dan tidak terpakai. *First 2 years*, SC bagi kelonggaran untuk 2 tahun untuk terima walaupun daripada konvensional *loan*²⁵⁵.”

Kenyataan beliau menunjukkan AmMetlife Takaful Berhad menerima permohonan pembiayaan perumahan konvensional dalam MRTT. Beliau berpandangan MRTT bukan bermatlamat membantu perbankan konvensional tetapi mempunyai tujuan utama untuk melindungi harta-benda peminjam pembiayaan perumahan konvensional tersebut walaupun telah hilang upaya kekal atau kematian. Beliau juga berpandangan bahawa praktis PruBSN Takaful Berhad yang tidak membenarkan perlindungan MRTT bagi pembiayaan perumahan konvensional adalah bertentangan resolusi syariah BNM.

²⁵⁵ Mohamad Khairul Daim Ahmad Shamsuri (Penolong Pengurus Jabatan Syariah AIA Public Takaful Berhad).

Muhammad Faisal Ashaari juga berpandangan MRTT perlu dibenarkan untuk melindungi pembiayaan pinjaman perumahan konvensional. Beliau berkata;

“Kemudian, dalam isu lain misalnya MRTT. Kita ada perbezaan dengan syarikat lain. Kita terima daripada *loan* konvensional. Ok. Kita cuba meluaskan meluaskan kita punya *bussiness*. Supaya *bussiness* kita maju dan tak masuk kepada syarikat-syarikat lain. Sebab kalau kita terlalu rigid. *Bussiness* akan hilang. Kita cuba *balance* kan kedua-dua itu. Jadi, *overall* pertimbangan ini melibatkan pertimbangan *Maqasid*. Tapi kita mahu juga orang ambil pertimbang *maqasid* ini untuk semua boleh belaka. Tidak. Dan tak boleh juga, *Maqasid* itu sebabkan kita terlalu liberal. Tidak juga begitu. Jadi tujuan *maqasid* ini tujuannya untuk menjaga syariat²⁵⁶.”

Muhammad Faisal Ashaari menjelaskan praktis di HSBC Amanah Takaful Berhad membenarkan perlindungan MRTT²⁵⁷ untuk membiayai pembiayaan perumahan konvensional khususnya pembiayaan perumahan konvensional daripada HSBC Bank Malaysia Berhad. Beliau menjelaskan antara tujuan membenarkan perlindungan MRTT terhadap pembiayaan perumahan konvensional ialah memastikan peluang perlindungan pembiayaan perumahan konvensional daripada perbankan konvensional HSBC Bank Malaysia Berhad tidak berpindah keluar daripada kumpulan HSBC Bank Malaysia. MRTT atau *Takaful Reducing Term Cover (TRTC) for Home Financing* ini juga hanya boleh disertai oleh para pelanggan HSBC Home Financing yakni pembiayaan perumahan konvensional HSBC atau HSBC Home Financing-I yakni pembiayaan perumahan Islamik HSBC sahaja²⁵⁸. Ini sekaligus memberi lebih banyak peluang urusniaga dan jangkaan keuntungan yang lebih baik dalam kumpulan HSBC

²⁵⁶ Muhammad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²⁵⁷ MRTT dikenali sebagai Takaful Reducing Term Cover (TRTC) for Home Financing di HSBC Amanah Takaful Berhad. Lihat HSBC Amanah Takaful Berhad, “Takaful Reducing Term Cover (TRTC) for Home Financing”, laman sesawang *HSBC Amanah Takaful Berhad*, dicapai pada 17 Oktober 2015, <https://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/personal/amanah-protection/takaful-reducing-term-cover-for-home-financing>

²⁵⁸ MRTT dikenali sebagai Takaful Reducing Term Cover (TRTC) for Home Financing di HSBC Amanah Takaful Berhad. Lihat HSBC Amanah Takaful Berhad, “Takaful Reducing Term Cover (TRTC) for Home Financing”, laman sesawang *HSBC Amanah Takaful Berhad*, dicapai pada 17 Oktober 2015, <https://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/personal/amanah-protection/takaful-reducing-term-cover-for-home-financing>

Bank Malaysia. Sekiranya HSBC Amanah Takaful Berhad tidak menerima perlindungan pembiayaan perumahan konvensional daripada HSBC Bank Malaysia. Maka perlindungan pembiayaan perumahan konvensional tersebut mungkin terpaksa disalurkan kepada mana-mana syarikat insurans konvensional di luar kumpulan perniagaan HSBC Malaysia.

Abdul Hakim Johari mengulas lanjut mengenai isu pertikaian sama ada MRTT boleh digunakan melindungi pembiayaan konvensional atau tidak dibenarkan. Abdul Hakim Johari menjelaskan bahawa PruBSN Takaful Berhad merupakan satu-satunya SPT yang tidak membenarkan perlindungan MRTT terhadap pembiayaan perumahan konvensional. Beliau berkata;

“Contoh macam *coverage on MRTT*. SAC Bank Negara *allowed for the customer yang takeout conventional loan untuk take up takaful plan*. MRTT dibenarkan. Tapi SC berpandangan dia *stricted than SAC*. Dia tak nak *loan konvensional ni*. Memang kita tolak. *Ok, but from the business point of view*. Kalau keluaran *cease out the conventional business*. *It will impact out profit*. *Ok, you dah ada existing conventional business*. Katakan dah ada 10 ribu orang dah ambil. *Then, kalau you tak bagi*. Kita akan *lose out that 10 thousand customer*. *That 10 thousand customers ni dah bagi you berapa juta profit*. *Ok. So database katakan dekat bank-bank ini a lot of MRTT*. Dekat setiap bank ada berapa banyak. Kalau kita nak *cease out the business*. Macam mana *impact* dia. Bila keadaan macam ini. *SC dengan pendirian dia. Management dengan pendirian dia*. Tapi dua-dua ada *justification*. *SC dengan justification sendiri. Management pun ada justification*. Sebab dalam *IFSA sendiri kata whatever resolution from SAC Bank Negara is a shariah compliant. So they have their own justification*. Dia ada daripada *SAC sendiri. SC pun ada. SC justifikasi sebab dia kata benda itu macam dia kata benda itu tak boleh sebab you macam membantu conventional*²⁵⁹.”

Abdul Hakim Johari menjelaskan di peringkat awal isu perlindungan pembiayaan perumahan konvensional melalui MRTT berhadapan perbezaan pandangan antara pihak pengurusan SPT dan JKS SPT. Beliau menyatakan bahawa pihak pengurusan

²⁵⁹ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, Bahagian *Review*, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Berkaitan Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad).

SPT berpandangan bahawa praktis SPT perlu membenarkan perlindungan MRTT terhadap pembiayaan perumahan konvensional dan diterima sebagai patuh syariah sepertimana keputusan resolusi syariah MPS BNM yang membenarkan perlindungan pembiayaan perumahan konvensional melalui produk MRTT²⁶⁰. Bagaimanapun, JKS SPT pula mengeluarkan pandangan yang lebih ketat berbanding keputusan MPS BNM dengan menyatakan bahawa MRTT tidak dibenarkan melindungi pembiayaan perumahan konvensional kerana tindakan ini seperti membantu perbankan konvensional yang terlibat dengan transaksi riba yakni tidak patuh syariah. Namun di peringkat akhirnya, pihak pengurusan SPT akur dan menerima keputusan JKS SPT yang tidak membenarkan perlindungan pembiayaan perumahan konvensional.

Abdul Hakim Johari menjelaskan implikasi keputusan JKS SPT yang melarang MRTT melindungi pembiayaan perumahan konvensional telah menyebabkan SPT terpaksa menghentikan lebih daripada 10 000 para peserta takaful yang telah dilindungi melalui MRTT dan sekaligus menyebabkan kerugian yang dijangkakan mencecah jutaan ringgit.

Berdasarkan APKI 2013, semua institusi kewangan Islam termasuklah SPT yakni pengarah, ketua pegawai eksekutifnya, pegawai kanannya atau ahli-ahli Jawatankuasa Syariah perlu mematuhi standard-standard pematuhan syariah yang ditetapkan oleh BNM sepertimana seksyen 29(1) dan (2)²⁶¹. Ini sekaligus menunjukkan terdapat konflik perbezaan antara keputusan JKS SPT yang melarang perlindungan MRTT terhadap pembiayaan perumahan konvensional dan juga resolusi syariah MPS BNM yang membenarkan perlindungan MRTT bagi pembiayaan konvensional.

²⁶⁰ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Ed ke-2, 69-70.


²⁶¹ Subseksyen 29(1), (2), (5) APKI 2013.

Selanjutnya, Mohd Ridwan Roslan turut mengulas isu pertikaian perlindungan MRTT dalam pembiayaan perumahan konvensional. Beliau berkata;

“Mula-mula ada juga isu contoh macam *MRTT*. Mula-mula Takaful Ikhlas tak boleh. Tapi bila kita buka resolusi Bank Negara. Maka, *Shariah Committee* kata kalau macam itu. Kita ikut *MPS* supaya selari. Lepas itu, adalah *research* dan hujah-hujah. Sebenarnya dari segi masalah itu lebih besar lah. Untuk kebajikan ahli waris itu kita nak jaga bukan nak jaga si mati itu. Kita nak jaga waris si mati itu. Kita nak jaga ahli keluarga waris. Rasanya tak ada kepentingan lain²⁶².”

Mohd Ridwan Roslan menjelaskan praktis di Takaful Ikhlas Berhad menerima perlindungan pembiayaan perumahan konvensional melalui MRTT. Menurut beliau, di peringkat awal praktis di Takaful Ikhlas Berhad turut melarang perlindungan pembiayaan perumahan konvensional. Namun setelah resolusi syariah BNM membenarkan perlindungan MRTT bagi pembiayaan perumahan konvensional. JKS SPT bersetuju membenarkan perlindungan MRTT bagi pembiayaan perumahan konvensional bertujuan menyelaraskan praktis dalam industri takaful di Malaysia. Hasil perbincangan selanjutnya daripada Bahagian Syariah SPT turut mendapati perlindungan MRTT bagi pembiayaan perumahan konvensional adalah bermatlamat menjaga kemaslahatan dan kebajikan peserta dan ahli waris semata-mata


²⁶² Mohd Ridwan Roslan (Pegawai Eksekutif, Jabatan Pemuatan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).



Rajah 5.44: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Pertikaian Produk MRTT Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016²⁶³)

Berdasarkan rajah 5.44 menunjukkan 5 informan yang mengemukakan keterdedahan risiko syariah disebabkan pertikaian terhadap MRTT untuk melindungi pembiayaan perumahan konvensional.

²⁶³ Lampiran A15: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Pertikaian Produk Pelan Gadai Janji Takaful Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.




Rajah 5.45: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Pertikaian Produk MRTT Mengikut Makluman Informan Kajian.

Secara dasarnya, semua informan-informan kajian sedia maklum bahawa semua SPT menerima praktis MRTT untuk melindungi pembiayaan perumahan konvensional kecuali SPT PruBSN Takaful Berhad. Pertikaian MRTT bagi melindungi pembiayaan perumahan konvensional merupakan isu yang dibincangkan di peringkat SPT dan di peringkat BNM. Namun, terdapat pandangan di kalangan kepakaran-kepakaran syariah meliputi MPS BNM dan JKS SPT. Perbezaan pandangan golongan berkepakaran syariah ini mendedahkan untuk terjadinya risiko syariah yang menyebabkan kerugian SPT²⁶⁴. Tambahan lagi, pertikaian ini juga berlaku di peringkat JKS SPT dan MPS BNM. MPS BNM telah mengeluarkan resolusi syariah yang jelas membenarkan MRTT bagi melindungi pembiayaan perumahan konvensional²⁶⁵ lantas menyebabkan konflik percanggahan keputusan syariah antara JKS SPT dan MPS BNM. Percanggahan atau

²⁶⁴ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 402.

²⁶⁵ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Ed ke-2, 69-70.

pertentangan resolusi syariah antara dua badan pengawal selia ini mendedahkan untuk terjadi risiko syariah²⁶⁶. Sedangkan, seksyen 58 ABNM 2009 telah memperuntukkan dengan nyata sekiranya terdapat apa-apa pertentangan dengan keputusan MPS BNM. Resolusi dan keputusan MPS BNM akan diterima sebagai patuh syariah menurut undang-undang²⁶⁷. Ini diikuti Seksyen 29(1) APKI 2013 turut mengukuhkan segala keputusan MPS BNM yang diterima sebagai penanda aras dalam pematuhan syariah²⁶⁸. Dengan erti kata yang lain, hasil keputusan ijtihad resolusi syariah MPS BNM ini diperakui sah sama ada daripada aspek syariah dan juga perundangan sivil di Malaysia. Bagaimanapun, dalam konteks pertikaian sama ada MRTT boleh melindungi pembiayaan perumahan konvensional atau sebaliknya. Pihak SPT akur dengan keputusan JKS SPT yang tidak membenarkan MRTT untuk melindungi pembiayaan perumahan konvensional.



²⁶⁶ Percanggahan resolusi syariah antara MPS BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT menyamai isu percanggahan fatwa antara peringkat kebangsaan dan negeri-negeri yang memberi implikasi risiko syariah. Lihat Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail, Mohd Anuar Ramli, "Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal," *Jurnal Fiqh* 10 (2013), 37.

²⁶⁷ Seksyen 58 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701). Lihat juga ulasan Mohd Faiz Mohamed Yusof et al., "Tadbir Urus Syariah dalam Industri Takaful di Malaysia: Implikasi Pra dan Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013", *Sains Humanika* 5, no. 1 (2015), 77-85.

²⁶⁸ Seksyen 29(1) APKI 2013

Rajah 5.46: Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Pertikaian Produk MRTT

Terdapat perbezaan pandangan berkaitan penerimaan MRTT bagi pembiayaan konvensional. Walaupun JKS SPT telah membuat resolusi syariah di peringkat SPT masing-masing, namun pengawalselia yakni BNM perlu memutuskan standard patuh syariah dalam isu penerimaan MRTT bagi pembiayaan konvensional bagi mengelakkan pertikaian status patuh syariah bagi kontrak ini sepertimana yang telah berlaku dalam kontrak BBA dalam perbankan Islam. Rajah 5.46 menunjukkan peruntukkan perundangan turut memberi kuasa yang jelas agak semua JKS SPT akur kepada keputusan di peringkat MPS BNM khususnya dalam standard pematuhan syariah²⁶⁹.

5.12 Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Keperluan Terhadap Transaksi Segera

Transaksi permohonan takaful yang segera bermaksud JKS SPT dan Bahagian Syariah SPT perlu membuat keputusan yang segera terutamanya melibatkan kes-kes permohonan takaful marin yang melibatkan perlindungan pengangkutan barangan bercampur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah. Keputusan yang segera biasanya berhadapan dengan kekangan tertentu seperti maklumat dan ketelusan sejauhmana elemen-elemen tidak patuh syariah agak terhad dan tidak mencukupi. Maklumat dan ketelusan yang tidak mencukupi pula mendedahkan berlakunya kesalahan dalam membuat keputusan syariah²⁷⁰ mengenai permohonan-permohonan perlindungan takaful tersebut tersebut. Oleh yang demikian, transaksi permohonan takaful seperti takaful marin yang segera ini mendedahkan kepada risiko syariah

²⁶⁹ Seksyen 58 Akta Bank Negara Malaysia 2009; Seksyen 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

²⁷⁰ DeLorenzo, Shaykh Yusuf Talal, "Shari'ah Compliance Risk," 403-404.

disebabkan keputusan tersebut mungkin dilakukan dalam situasi segera di samping maklumat permohonan yang tidak mencukupi.

SPT turut terlibat dalam persaingan pasaran sama ada dengan SPT yang lain mahupun syarikat insurans konvensional. Oleh sebab itu, Pihak Pengurusan SPT dan Bahagian Syariah SPT perlu mendapatkan keputusan syariah yang cepat sekiranya melibatkan permohonan-permohonan perlindungan risiko contohnya perlindungan takaful am bagi kapal-kapal pengangkutan. Beliau berkata;

“Sebab banyak keputusan kena buat cepat. Contoh. Ada broker bagitahu. Ok. Ini ada business. *Cover* kapal, ko nak cover tak syarikat kapal. Kapal bawa apa? Adalah macam. Ok. Nanti nak Tanya syariah. Lepas tu, broker akan tanya company lain. Ni *Hong Leong* nak *business* tak. Ok. *Hong Leong* kata Ok. Jadi, hilanglah *business* untuk HSBC. Jadi keputusan tu kena cepat-cepat bagitau²⁷¹.”

Beliau menjelaskan apabila terdapat permohonan perlindungan takaful misalnya bagi kapal pengangkutan dan lain-lain berkaitan²⁷². Broker akan membuat tawaran untuk melindungi kapal pengangkutan tersebut kepada beberapa SPT dan juga syarikat insurans. Bagaimanapun, kebiasaannya SPT memerlukan pertimbangan dan maklumat mengenai jenis barangan atau perkhidmatan yang dibawa oleh kapal pengangkutan bagi penilaian daripada aspek pematuhan syariah. Namun, sekiranya SPT tersebut lambat membuat keputusan menerima penerimaan permohonan takaful. Broker atau perantaraan tersebut kebiasaannya akan menawarkan kepada mana-mana SPT atau syarikat insurans yang paling cepat bersetuju menerima permohonan kapal pengangkutan dan lain-lain yang berkaitan. Beliau menyatakan lagi;

²⁷¹ Muhammad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²⁷² Terdapat pelbagai produk perlindungan melibatkan pengangkutan import eksport di HSBC Amanah Takaful. Lihat HSBC Amanah Takaful Berhad, “Import Export Solution”, laman sesawang *HSBC Amanah Takaful Berhad*, dicapai 21 Oktober 2015, <https://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/commercial/amanah-trade-services-importing-exporting>

“Itulah masalah nya kadang-kadang kita *cover* benda yang tak patut *cover*. Sebab kalau ada peluang. Kita kena cepat untuk ambil *business* tu. Contoh lain, kata lah ada *business cover shipping*. Kita kena *check* pula. *Shipping* apa. Ok. Adalah banyak. Halal ada. Haram pun ada. Jadi kena tengok pulak haram tu banyak mana. Jadi dalam hal ini, *Pegawai syariah* kena main peranan bertul. Kalau tak boleh kena bertegas dengan bahagian *business* ni. Sebab *business* ni. Dia kalau boleh semua nak ambil. Sebab setiap peluang yang datang kalau lambat. Memang melepasi²⁷³.”

Muhammad Faisal Ashaari menjelaskan bahawa keputusan-keputusan yang perlu dikeluarkan segera untuk menerima atau menolak permohonan perlindungan takaful marin kapal pengangkutan menyebabkan berlaku kesilapan menerima permohonan risiko daripada kapal pengangkutan yang membawa barangan atau perkhimatan yang tidak patuh syariah sekaligus menyebabkan keterdedahan berlakunya risiko syariah.

Mohd Ridwan Roslan turut mengakui bahawa transaksi seperti takaful marin yang melindungi kapal-kapal pengangkutan dan barang yang dibawa. Beliau menyatakan;

“Dan ada berlaku kadang kena cepat contoh *business shipping*. Tapi *shipping* ini makan masa biasanya nak tahu bawa apa. Tapi dah jalan ini. Kalau daripada *Europe* nak datang sini sempat lagi. Tapi kalau Indonesia nak datang sini. Lagi cepat²⁷⁴”

Beliau menjelaskan terdapat transaksi takaful marin yang memerlukan pengesahan permohonan takaful secepat mungkin terutamanya dalam perjalanan-perjalanan tempoh masa yang pendek. Bagaimanapun, Takaful Ikhlas Berhad mempunyai pendekatan tersendiri bagi menguruskan permohonan takaful marin dengan segera.

Beliau berkata;

“Tapi apa yang kita buat biasanya kita buat *confirm letter*. *Confirm letter* itu polisi tak keluar lagi. Tapi sebenarnya kita dah *confirm* polisi akan keluar. Kita ambil masa *generate* lagi. Maksudnya kita *confirm business* itu dah ok lah. Dia *disclosure* sepenuhnya dan kita akan *cover* yang *disclose* saja. Nak tak *disclose* mungkin ada *liquor*

²⁷³ Muhammad Faisal Ashaari (Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful/ Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²⁷⁴ Mohd Ridwan Roslan (Pegawai Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

ke. So kita tak *cover* lah. Maksudnya *anything* berlaku ada *liquor* dalam kontak tak ada sebut pula *liquor* ini. Kita ambil *first accept* dulu. Tapi tengok juga banyak faktor biasanya susah nak lepas *special country* macam nak melalui *Somalia* contohnya sangkut dekat *underwriting* dah. *Special country* tak silap mungkin *guidelines* dari Bank Negara. So, *underwriting* tolak. Itu lah cabaran adalah tempoh masa sahaja la²⁷⁵.”

Takaful Ikhlas Berhad turut menyatakan keperluan kapal-kapal pengangkutan yang memohon takaful marin untuk mengistiharkan barangan yang dilindungi dalam pelan takaful marin itu. Pihak SPT seterusnya akan mengeluarkan surat pengesahan menerima permohonan perlindungan takaful marin tetapi pada masa yang sama mengecualikan perlindungan kepada barangan yang tidak patuh syariah misalnya arak. Mohd Ridwan Roslan mengulas lanjutnya kebanyakan permohonan melindungi kapal-kapal pengangkutan melalui takaful marin dibuat secara tahunan dan lambakan dalam pelbagai jenis barangan atau perkhidmatan. Beliau menyatakan;


“Lepas itu biasanya kalau agen *shipment* yang besar. Besarnya akan buat *annually*. Kita tak buat *single coverage*. Dia kan buat *annually coverage*. Bila jalan dah *cover*. Tapi dia akan senaraikan lah syariah dan tak syariah barang-barang *disclose* semua. Dalam *annually* itu memang *cover* lah. Dia secara lambakan lah. Ada yang tak syariah biasa kita *reject* saja. Ada melibatkan *business* pelbagai sekali harung. *Transportation*, kontena *cover* juga. *Construction*. Kita tengok juga contoh dekat Pulau Pinang kita pernah dapat. Sekarang susah sebab ada *competitor*. Dia tak bagi *lump sum* semua. Dia bagi sikit-sikit²⁷⁶.”

Dalam situasi permohonan takaful marin secara tahunan, SPT tidak berhadapan dengan kekangan masa dengan menilai dari segi pematuhan syariah. Bagaimanapun, SPT berhadapan dengan cabaran peluang urusan takaful marin yang patuh syariah akan terhad. Oleh sebab itu, SPT berhadapan dengan situasi persaingan dengan SPT yang lain untuk mendapatkan urusan yang patuh syariah.

²⁷⁵ *Ibid.*

²⁷⁶ *Ibid.*

Ismanizam Ismail turut mengakui terdapat permohonan takaful yang memerlukan keputusan syariah yang segera. Ismanizam Ismail menyatakan bahawa terdapat permohonan takaful yang memerlukan keputusan yang segera. Bagaimanapun, keputusan syariah tersebut masih tertakluk kepada TAT atau *Turn Around Times*. Istilah TAT bermaksud tugas tersebut perlu diselesaikan berdasarkan dalam tempoh masa yang diberikan²⁷⁷. Kebanyakan permohonan-permohonan takaful yang memerlukan keputusan segera boleh diputuskan oleh Bahagian Syariah SPT tanpa memerlukan campur tangan JKS SPT²⁷⁸.




Rajah 5.47: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Urusniaga Segera Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016²⁷⁹)

²⁷⁷ Business Dictionary, Istilah "Turn Around Times", laman sesawang *Business Dictionary. Com*, dicapai pada 29 Disember 2015, <http://www.businessdictionary.com/definition/turnaround-time.html>

²⁷⁸ Ismanizam Ismail (Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah MAA Takaful Berhad).


²⁷⁹ Lampiran A15: Sambungan Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Urusniaga yang Segera Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.

Dapatan rajah 5.47 menunjukkan sebanyak 3 informan mengulas mengenai isu urusniaga takaful yang segera. Berikut rajah 5.48 mengenai catatan memo keterdedahan risiko syariah disebabkan urusniaga segera.



Rajah 5.48: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Urusniaga Segera

Catatan memo rajah 5.48 menggambarkan urusniaga segera berlaku disebabkan kebimbangan peluang permohonan takaful tersebut diambil oleh SPT atau insurans konvensional yang lain. Oleh sebab itu, Bahagian Pembangunan Perniagaan SPT akan mendesak agar keputusan penyaringan syariah dikeluarkan dengan segera. Keputusan yang segera tanpa mengumpul maklumat yang secukupnya mendedahkan untuk berlaku kesilapan semasa penyaringan patuh syariah.



Rajah 5.49: Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Urusniaga Segera

Rajah 5.49 menunjukkan terdapat 2 informan memaklum bahawa terdapat terdapat pendekatan yang digunakan untuk meluluskan permohonan takaful yang segera contohnya membuat pengecualian hanya melindungi barangan dan perkhidmatan yang patuh syariah sahaja. Manakala, barangan dan perkhidmatan tidak patuh syariah akan dikecualikan daripada perlindungan takaful. Selain itu, SPT perlu menumpukan perlindungan takaful secara tahunan bagi mengelakkan kesalahan semasa penyaringan syariah. Bagaimanapun, isu urusniaga segera ini ditangani dengan baik berikutan kebanyakan SPT mempunyai prosuder TAT yang mempunyai tempoh masa yang mencukupi sebelum suatu keputusan penyaringan syariah dibuat.


5.13 Keterdedahan Risiko Syariah Dalam Aktiviti Latihan Kakitangan dan Agen SPT

Mohd Ridwan Roslan mengemukakan pandangan beliau bahawa SPT juga berhadapan isu keterdedahan risiko syariah antaranya elemen-elemen tidak patuh syariah dalam latihan kakitangan dan agen SPT. Beliau menyatakan”

“Lepas itu lain, *training*. Ada tak aktiviti *training* kita buat macam mana. Ada tak percampuran lelaki dan perempuan. Ya lah, percampuran boleh dalam aktiviti tapi duduk asing-asing ke bercampur. *Shariah value* itu penting lah bagi kita. Sebab kita tak *cover* empat sahaja *shariah governance framework* tapi kita jaga *awareness* sekali. Maknanya *value Islamic* itu kita nak sekali. Lepas itu, kita tanya lagi dalam *slide training* itu ada tak yang tak tutup aurat ke. Kadang-kadang kita *finding* ada. Contohnya dalam *slide* tunjuk ada orang lelaki pakai seluar pendek. Itu pun kita *consider* tak patuh syariah. Sampai tahap itu kita buat. Itu salah satu daripada *shariah montly review*²⁸⁰.”


Mohd Ridwan Roslan menghuraikan bahawa SPT turut keterdedahan kepada risiko-risiko syariah termasuklah dalam aspek-aspek yang kecil seperti material latihan yang mengandungi elemen tidak patuh syariah seperti tidak menutup aurat dan percampuran yang tidak patuh syariah antara lelaki dan perempuan dalam program latihan tersebut. Keterdedahan risiko syariah melibatkan aspek tidak patuh syariah seperti tidak menutup aurat dalam material latihan dan percampuran tidak syariah lelaki dan perempuan juga turut diberi perhatian bagi memastikan pengurusan risiko syariah dalam setiap operasi dan aktiviti SPT.

²⁸⁰ Mohd Ridwan Roslan (Pegawai Eksekutif, Jabatan Pemuahan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).



Rajah 5.50: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Latihan Kakitangan dan Agen SPT Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016²⁸¹)


Rajah 5.50 menunjukkan hanya 1 informan yang mengulas mengenai keterdedahan risiko syariah dalam aktiviti latihan SPT.



Rajah 5.51: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah dalam Aktiviti Latihan Kakitangan dan Agen SPT.

²⁸¹Rujuk Lampiran A16: Sambungan Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Latihan Kakitangan dan Agen SPT Mengikut Petikan Temu Bual Informan Kajian.

Catatan memo rajah 5.51 menggambarkan situasi keterdedahan risiko syariah dalam aktiviti latihan kakitangan dan agen SPT dalam dua isu. Pertama, apabila tingkah laku yang bertentangan dengan syariah seperti percampuran lelaki dan wanita secara keterlaluan. Kedua, melibatkan bahan material yang tidak patuh syariah seperti memaparkan aurat wanita atau lelaki. Makluman informan yang menjelaskan keterdedahan risiko dalam aktiviti latihan kakitangan dan agen SPT menunjukkan tahap patuh syariah yang tinggi oleh SPT ini dalam mematuhi syariah.



Rajah 5.52: Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah dalam Aktiviti Latihan Kakitangan dan Agen SPT

Rajah 5.52 ringkasan pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah melibatkan aktiviti latihan kakitangan dan agen SPT. Pemantauan dan menyeliaan dalam aktiviti latihan kakitangan dan agen SPT dilakukan oleh Bahagian Syariah SPT²⁸². Selain itu, *review* syariah dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan syariah termasuklah dalam aktiviti latihan kakitangan dan agen SPT²⁸³.

²⁸² Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Peranan Bahagian Syariah SPT. Lihat lampiran B13.1, B13.2, B13.3, B13.4, B13.5 dan B13.6.

²⁸³ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah Melalui *Review* Syariah. Lihat lampiran B10.1, B10.2, B10.3 dan B10.4.

5.14 Keterdedahan Risiko Syariah Berkaitan Kelemahan Pengauditan Syariah

Salah satu keterdedahan dalam risiko syariah ialah disebabkan kelemahan dalam proses pengauditan syariah. Bahagian IV penggal 3 seksyen 37 APKI 2013 memperuntukkan IKI termasuklah industri takaful diwajibkan melakukan pengauditan syariah dengan menyatakan yang merupakan pihak institusi perlu melantik mana-mana orang yang diluluskan BNM untuk menjalankan audit pematuhan syariah²⁸⁴. Kewajipan SPT menjalankan pengauditan bertujuan dapat mengukuhkan proses tadbir urus syariah dalam SPT. Namun begitu, dapatan hasil temu bual informan-informan menjalankan tanggungjawab pematuhan syariah di SPT mendapati terdapat kelemahan-kelemahan dalam menjalankan pengauditan syariah untuk memastikan pematuhan syariah secara holistik seluruh operasi dan aktiviti SPT.

Mohamed Hadi Abdul Hamid mengulas pandangan beliau mengenai kelemahan proses pengauditan syariah dalam SPT. Beliau berkata;

“Yang terbaru IFSA dah wajibkan audit syariah. Ok. Mengenai audit syariah ini. Kita boleh wajibkan audit syariah ini tapi masalahnya sekarang, even tanya auditor pun. Dia nak audit kita. Last-last kita yang kena ajar dia bagaimana nak buat audit syariah. Contoh kalau zakat. Zakat ada 8 asnaf untuk pembayaran. Anak yatim dia tanya termasuk asnaf berapa? Kalau pemberian kereta jenazah asnaf yang bagaimana? duit pendapatan haram boleh buat untuk apa? boleh bagi siapa? Dia terpaksa kaji dan belajar dan sebabkan auditor *struggle* untuk buat audit syariah. So, kita terpaksa bantu. Macam Etiqa, kita yang jalankan auditor daripada internal. Sebenarnya untuk audit syariah ini cara terlalu banyak dan luas. Contoh dalam pengurusan wang haram pun banyak caranya²⁸⁵.”

²⁸⁴ Seksyen 37(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

²⁸⁵ Mohamed Hadi Abdul Hamid (Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

Mohamed Hadi Abdul Hamid menggambarkan terdapat kelemahan sumber manusia dari segi kepakaran untuk menjalankan pengauditan syariah. Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan auditor syariah sedia ada hanya mempunyai kemahiran pengauditan konvensional. Tetapi, pihak auditor konvensional berhadapan masalah untuk menguasai kemahiran berkaitan pematuhan syariah contohnya berkaitan resolusi-resolusi syariah, kaedah pembayaran zakat dan pelupusan pendapatan tidak patuh syariah. Beliau menyatakan lagi;

“Pandangan saya, audit ini *first-first* sekali perlu ada *guidelines*. Kita ada sedikit sebanyak panduan Bank Negara. Tapi dari segi praktis sebenar masih tiada dan akan *diestablish* sikit-sikit dahulu. Auditor biasanya ada kemahiran audit konvensional. Tapi perlu ada pengalaman lain seperti *shariah screening process*, resolusi syariah dan lain-lain yang perlu tahu. Benda auditor syariah masih lagi dalam situasi *try and error* dan masing-masing masih belajar. Perundangan yang wajibkan syariah audit perlu ada. Sebabkan jika nak harapkan SC. Mereka memang tak kan check lagi. Kita kata patuh syariah. Bayar *claim* ke tidak. Kita juga mungkin tak sedar kita *cover* rumah ibadat tokong, gereja dan lain-lain. Kita tak tahu. Jadi ini lah kerja yang dilakukan syariah auditor dan syariah review. Dalam praktis biasa auditor internal di Etiqa selalunya bergantung pada hasil review. Ikut apa *shariah review* cakap dan cadang. Sebab auditor ni *zero* dan tak tahu apa pun. Contoh dari segi produk ke, bayar zakat ke. Mereka pun terpaksa belajar dari kita²⁸⁶.”

Berdasarkan kenyataan ini juga menunjukkan proses pengauditan syariah masih baru dalam industri takaful di Malaysia. Oleh sebab itu, proses pengauditan syariah di SPT-SPT yang beroperasi di Malaysia masih dalam tempoh masa percubaan untuk menambah baik proses pengauditan syariah pada masa hadapan. Bahagian Syariah SPT yang mempunyai kepakaran dalam aspek pematuhan syariah perlu memberi bantuan dan perkongsian kemahiran berkaitan pematuhan syariah dengan pihak auditor syariah yang mempunyai kemahiran dalam pengauditan konvensional bagi membantu proses pengauditan syariah. Selain itu, kelemahan proses pengauditan syariah menyebabkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah berikutan auditor syariah tidak bebas atau

²⁸⁶ *Ibid.*

“*independent*”. Pihak Auditor syariah bergantung kepada masih dapatan *review* syariah dalaman SPT dan memerlukan campurtangan kakitangan Bahagian Syariah SPT.

Abdul Hakim Johari turut bersetuju bahawa terdapat keterdedahan risiko syariah disebabkan tiadanya proses pengauditan syariah yang kompeten. Beliau berkata;

“Shariah audit pula. Syariah audit dia Cuma *highlight* isu. *Then*, dia minta *you* jawab. Syariah audit kita baru *appoint external shariah auditor*. Kami ada auditor, tapi tak lah sendiri. Kita *GWIA* ni *General Write Internal Audit Prudential*. Dia *cover* semua *Prudential* lah termasuk Hong Kong semua. So, dia ada dua tiga orang officer memang *handle audit on takaful*. Salah satu skop dia adalah bab syariah audit. Tapi, *they don't have the expertise*. *Then*, diaorang *appoint* lah *external party AFTAAS* untuk buat syariah audit dekat sini. *Finding* pun baru dapat dalam minggu ni. Itu lah maksudnya diaorang *collaborate* lah. So, lepas ni mungkin auditor kat sini sendiri lah yang buat. Sebab tahun ni diaorang *collaborate* dengan *external party*. Sejauhmana dia belajar kita tak tahu lah. Saya tak bantu pun. Tak lah. Kalau kita bantu maksudnya kita menyerah diri lah. Tengok sini. Tengok sini. Tapi itu lah. Dia akan tengok kita punya *review report*. Sebab itu, saya macam kurang bersetuju sikit lah. Sebab itu kita punya *finding*. Kalau *you* tengok. *You* macam *copy*. *You* macam dah dapat *point* lah. Nak cari kat mana. Syariah auditor kena pandai-pandai lah cari sendiri. Tapi, sebenarnya paling bagus untuk *collaborate*. Tapi kita tak nak audit dan *review function* ni dia bertindan. Kita *cover* ni. *You* pun nak *cover* benda yang sama, *you* buatlah benda lain. Kita dah *cover finance*. *You cover* lah *investment* ke. Apa ke. Kita tak nak *redone* benda yang sama kita *highlight scene*. Tak baguslah. Tapi bagus lah kalau dia nak tengok mana *area* yang *we had cover already*. Tak pa. tapi bukan ambil *the same issues then you* buat balik²⁸⁷.”

Abdul Hakim Johari mengulas kelemahan proses pengauditan syariah disebabkan ketiadaan kepakaran untuk melakukan proses pengauditan syariah. Pihak auditor syariah tidak menjalankan proses pengauditan syariah dengan baik. Kebanyakan dapatan pengauditan syariah hanya berdasarkan dapatan *review* syariah. Beliau mengulas lanjutnya sekiranya proses pengauditan syariah hanya mengambil dapatan

²⁸⁷ Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus, *Review* dan Penyelidikan Syariah, Risiko, Syariah dan Tadbir Urus, Prudential BSN Takaful Berhad).

review syariah. Maka, proses memastikan pematuhan syariah tidak dapat dilakukan secara holistik. Tambahan lagi, proses pengauditan syariah dilakukan buat pertama kali.

Beliau menyatakan lagi;

“Di PruBSN, ni baru *first time* namanya syariah auditlah. Sebelum ni adalah juga *check shariah part* ni. Tapi dia tak nama syariah audit. Kita tengok juga syariah ni. Lagipun masalah tak ada *expertise*. Dan nanti jadi kalau tak ada *expertise*. Buat jadi lawak sahaja. Macam contoh *finding* baru-baru ni. Contoh macam *qard*. Bagi orang yang melihat secara teori. Dia akan kata *qard* memerlukan 2 orang atau 2 pihak yang berkontrak. Tapi dalam takaful macam mana *you* nak mintak setiap *participant* 600 ribu berkontrak dengan *takaful operator*. *Takaful operator* kena *provide qard*. *Deficiency of tabarruq fund*. Tapi macam mana. Kalau *you* tengok pada teori semua kena adanya dokumen hutang. *Then, you* nak buat semua *participant* kena tandatangan. *That not practical*. *Then*, kena tengok *requirement of providing qard come from the regulatory*. *We have no option*. Kalau *tabarruq fund deficit* sahaja. *Takaful operator* kena *pump in* terus *money on the basis of qard*. Kalau *you* nak tunggu buat *letter*. *Then*, nak suruh semua orang tandatangan. Baru nak buat *qard* tu. Macam mana. Sebab dia akan *highlight*. Dia kata *who is representative tabarruq fund*. Kadang-kadang benda macam ni lah. *Ye lah*. Kita tak salah kan lah. Sebab *this is the part of learning process*. Tak ramai orang yang *expertise* ni. *Even* kalau *you* tengok dekat bank pun. Masih ada lagi *lack of expertise*. Apatah lagi takaful. Orang yang buat *shariah auditor* kat banking pun banyak lagi kekurangan. Apatah lagi takaful. Tak ada siapa yang pandai sangat²⁸⁸.”

Malahan, Abdul Hakim Johari berpendapat dapatan pengauditan syariah juga tidak relevan dengan praktis sebenar operasi SPT. Contohnya, terdapat dapatan hasil pengauditan yang mencadangkan agar sebelum kontrak *al-Qard* dilaksanakan. SPT perlu memaklumkan dan mendapatkan keizinan secara bertulis daripada semua para peserta. Namun, beliau berpendapat cadangan praktis seperti ini adalah tidak relevan kerana semua persetujuan untuk menguruskan dana di bawah tanggungjawab SPT seperti yang dipersetujui di awal kontrak. Tambahan lagi, peruntukan *al-Qard* dalam

²⁸⁸ *Ibid.*

operasi SPT apabila berlaku kekurangan dana risiko peserta telah dinyatakan secara jelas dalam Seksyen 95 APKI 2013²⁸⁹ dan resolusi syariah BNM²⁹⁰.

Mohd Ridwan Roslan turut mengulas mengenai keterdedahan risiko syariah disebabkan kelemahan pengauditan syariah. Beliau menyatakan bahawa pengauditan syariah merupakan kewajipan bagi semua institusi kewangan Islam. Namun, Mohd Ridwan Roslan menjelaskan penguditan syariah mempunyai kelemahan iaitu tidak individu berkepakaran untuk melakukan pengauditan syariah²⁹¹. Beliau mengatakan;

“Biasanya dia orang kadang-kadang tak ada *expertise* untuk buat audit. Biasanya *review* kita dia cari. Auditor memang ada masalah *expertise*. Saya perasan yang *auditor* yang memang ada masalah *expertise* dalam *shariah background*. Sebab itu audit ini bila tak relevan itu sebab kena *identify* skop dia. Dia kena beza *review* dengan audit. *So*, audit ini sebab ini betul-betul berlaku ini. Audit ini, dia *review* kerja kita. Contoh *shariah*, dia datang *shariah*. Dia *review* kerja kita. Panas juga kita. Patutnya dia bukan audit kerja kita. Dia audit mana-mana yang berkaitan yang tak patuh syariah. Barulah benda itu jadikan *finding*. Ini *finding* kerja kita. Tak boleh lah macam itu. Sebab itu tak *clear cut* macam itu.itu bila kita betulkan balik. *So* dia ada benda yang tertinggal skop dia²⁹².”

Mohd Ridwan Roslan mengulas bahawa pihak auditor syariah tidak mempunyai kepakaran untuk menjalankan pengauditan syariah. Oleh sebab itu, pihak auditor syariah mengambil langkah mudah dengan menjalankan audit berdasarkan hasil dapatan *review* syariah. Menurut beliau lagi, tindakan pihak auditor menjalankan pengauditan syariah berdasarkan hasil keputusan *review* syariah menyebabkan matlamat memastikan SPT patuh syariah dalam setiap operasi dan aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya. Malahan, tindakan mengaudit berdasarkan hasil *review* syariah menyebabkan proses pengauditan syariah secara menyeluruh dalam operasi dan aktiviti SPT tidak dapat dijalankan. Beliau

²⁸⁹ Seksyen 95 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

²⁹⁰ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. ed ke-2, 82-83.

²⁹¹ Mohd Ridwan Roslan (Pegawai Eksekutif, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad).

²⁹² *Ibid.*

mengatakan lagi bahawa proses pengauditan syariah adalah berbeza dengan proses *review* syariah. Beliau menyatakan;

“Audit ini kena ada objektif. Kena ada *checklist*. Lepas itu kena ada efektif. Beza dengan *shariah review*. *Shariah review* maknanya kita tengok syariah itu sendiri. *Requirement* ataupun kita tengok *respective key* dan juga *activities*. Itu kena bezakan *review* dengan audit. *Activities* ini maknanya audit tak boleh *review* kerja syariah. Itu yang berlaku. Auditor syariah tak boleh audit kerja kita. Akan jadi redone. *So*, baik dia buat kerja betul. *So* objektif itu tak sampai sekarang²⁹³.”

Bagaimanapun, pihak pengauditan syariah masih dalam proses pembelajaran untuk meningkatkan tahap kecekapan proses audit syariah dari semasa ke semasa. Beliau berkata;

“Masih lagi *learning process*. Auditor syariah pun masih tak *clear*. Mula-mula kita *cooperate* lah tapi bila dah ada *finding* itu kita *contest* lah. Kalau ada *finding* itu kita boleh *argue* balik kan. Dia bukan audit syariah. Dia macam audit kita pula²⁹⁴.”

Mohd Ridwan Roslan di peringkat permulaan, Bahagian Syariah SPT bekerjasama dalam menjalankan pengauditan syariah. Bagaimanapun, hasil dapatan pengauditan syariah turut mempertikaikan hasil kerja Bahagian Syariah SPT menyebabkan matlamat pengauditan syariah tidak dicapai secara keseluruhan. Proses pengauditan syariah gagal mengenal pasti kekurangan dalam pematuhan syariah SPT. Bahkan, hasil dapatan pengauditan syariah hanya mengaudit bidang kerja dan fungsi Bahagian Syariah SPT sahaja.

Omar Mohamed turut mengakui terdapat isu kelemahan dalam pengauditan syariah. Beliau berkata;

“Salah satu cara kita *manage shariah risk* ini juga dengan *shariah audit*. Syariah audit ini bawah audit lah tapi apa-apa dia akan *refer* kepada sebab ye lah. Di kalangan mereka tak ada *shariah expert* jadi mereka akan *refer* kepada *shariah division* untuk apa-apa mereka

²⁹³ *Ibid.*

²⁹⁴ *Ibid.*

punya *finding*. Kita *shariah* kita *handle on the shariah risk*. Tapi apa-apa kita akan *refer* kepada bahagian *compliance and risk division*. Bahagian *compliance and risk division* dia satu department dengan kita *so* dia punya proses, *system*. Kita akan ikut dengan *risk division*. *System* itu *risk* yang bangun tapi *to adapt shariah requirement* bahagian syariah lah. Kita *set up* dengan *risk*. Kita *collaborate* dengan *risk* untuk bangunan *shariah risk management system*²⁹⁵.”

Kenyataan Omar Mohamed menunjukkan terdapat kelemahan dalam proses pengauditan syariah iaitu ketiadaan kepakaran untuk mengaudit berkaitan pematuhan syariah. Oleh sebab itu, Bahagian Syariah SPT perlu mengambil bahagian membantu proses pengauditan syariah khususnya melibatkan perkara-perkara isu syariah. Manakala, hasil pengauditan syariah melibatkan perkara-perkara operasi akan diambil perhatian oleh bahagian operasi SPT.

Ulanddy Uyob turut menjelaskan bahawa pengauditan syariah belum dilakukan dengan sepenuhnya. Beliau berkata;

“*shariah audit* ini saya boleh cakap *shariah audit* ini sebenarnya boleh saya katakan belum 100% berjalan sebenarnya. Sebab tak ada orang yang betul-betul ada kapasiti untuk buat syariah dan audit. Sama ada orang itu ada banyak kat syariah. Atau banyak dekat audit. Yang tengah-tengah itu tak ramai. Dan boleh katakan *very minimum. Audit firm. PricewaterhouseCoopers* dan lain-lain. Kurang kepakaran. Kalau tak ada pun, mungkin dia orang *try to develop*. Tapi kalau nak kata *expert on that* itu kurang. Tapi dia orang *on developing* lah²⁹⁶.”

Ulanddy Uyob mempunyai pandangan yang sama bahawa proses pengauditan syariah mempunyai kelemahan disebabkan tiada kepakaran untuk menjalankan pengauditan syariah termasuklah firma-firma audit yang terkenal. Namun, beliau berpandangan bahawa firma-firma audit sedang membangun kepakaran-kepakaran audit syariah dari semasa ke semasa.


²⁹⁵ Omar Mohamed (Ketua Bahagian Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad).

²⁹⁶ Ulanddy Uyob (Pemangku Ketua Bahagian Syariah, AmMetlife Takaful Berhad).

Muhammad Ilyas Mohd Mydin secara jelas mengakui bahawa pengauditan syariah bergantung kepada hasil dapatan *review* syariah. Beliau berkata;

“Audit syariah dia bergantung kepada *shariah review* juga lah. Apa yang *shariah review* bagitahu dia orang akan percaya atas itu lah. Kepercayaan dia orang atas *shariah department* punya *information* lah. Dia orang tak tahu buat syariah audit sebab dia orang tak ada *background syariah*. *Shariah information* dia orang akan ambil daripada *shariah department* juga. Syariah audit kena juga. Kalau tak ada tak jalan lah kerja *shariah compliance* ini. Audit syariah lebih audit kepada *function* lah. Contoh dia nak tengok *finance* punya *function* jalan ke tak jalan. Kalau jalan orang-orang dia ini tahu syariah ke tak tahu. Kalau dia orang tak tahu macam mana dia orang *reference* kepada *shariah department*. So, dia orang audit lebih kepada *function*²⁹⁷. ”

Beliau menjelaskan bahawa pengauditan syariah mempunyai kelemahan disebabkan ketiadaan kepakaran syariah untuk melakukan audit syariah. Beliau berpandangan bahawa audit syariah ini berperanan untuk menjalankan audit sama ada Bahagian-Bahagian SPT seperti Bahagian Kewangan SPT melakukan fungsi dan tanggungjawab berdasarkan pematuhan syariah.



²⁹⁷ Muhammad Ilyas Mohd Mydin (Ketua Bahagian Syariah Hong Leong MSIG Takaful).


Rajah 5.53: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Proses Pengauditan Syariah Mengikut Makluman Informan Kajian (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016²⁹⁸)

Rajah 5.53 menunjukkan dapatan analisis data temu bual informan-informan kajian. Terdapat 7 informan kajian mengulas terdapat isu kelemahan pengauditan syariah yang mendedahkan berlaku risiko syariah. Kesemua informan memaklum bahawa kelemahan pengauditan syariah disebabkan ketiadaan kepakaran syariah dan audit yang mampu menjalankan proses pengauditan syariah secara kompeten. Sedangkan, proses pengauditan syariah merupakan salah satu daripada tadbir urus syariah dan sistem pertahan syariah daripada sebarang elemen tidak patuh SPT. Proses pengauditan syariah penting untuk memastikan jurang atau “gap” antara keputusan resolusi syariah dengan pelaksanaan dan implementasi produk kewangan Islam di pasaran dapat dipenuhi²⁹⁹. Selain itu, 4 informan mengulas bahawa terdapat kerjasama antara auditor syariah dan Bahagian Syariah SPT dan juga terdapat isu auditor syariah bergantung kepada dapatan hasil *review* syariah semata-mata semasa menjalankan pengauditan syariah. Ketiadaan pengasingan tugas yang jelas khususnya melibatkan proses pengauditan boleh mendedahkan kepada kesalahan dan kesilapan dalam pematuhan syariah sekaligus menyebabkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah³⁰⁰. Justeru, isu kelemahan dalam proses pengauditan syariah turut menyebabkan keterdedahan untuk berlaku risiko syariah dalam SPT.

²⁹⁸ Lampiran A17.1 dan A17.2: Petikan Penuh Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Pengauditan Syariah Mengikut Petikan Temu Bual Informan.


²⁹⁹ Zurina Shafii, Supiah Salleh dan Syahidawati Hj Shahwan, “Management of Shariah Non-Compliance Audit Risk in the Islamic Financial Institutions via the Development of Shariah Compliance Audit Framework and Shariah Audit Programme,” 8.

³⁰⁰ Karim Ginena, “Shari’ah Risk And Corporate Governance of Islamic Banks,” 99.



Rajah 5.54: Catatan Memo Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Proses Pengauditan Syariah

Catatan memo rajah 5.54 menunjukkan kelemahan pengauditan syariah melibatkan empat aspek penting iaitu pertama, auditor syariah tidak mempunyai pengetahuan syariah dan hanya bergantung kepada kepakaran audit konvensional. Oleh sebab itu, auditor tersebut memerlukan kerjasama Bahagian Syariah SPT yang mendedahkan kepada berlaku bias dalam dapatan audit syariah. Selain itu, kebanyakan situasi auditor syariah hanya bergantung kepada dapatan *review* syariah semata-mata yang menyebabkan skop pengauditan syariah tidak menyeluruh untuk menjalankan tadbir urus syariah SPT. Terdapat juga situasi yang mana auditor syariah hanya bergantung sepenuhnya kepada teori perundangan sahaja tanpa mengambil kira keperluan praktis SPT itu sendiri contoh dalam isu *Al-Qard*. Kelemahan dalam pengauditan syariah mendedahkan berlaku kegagalan dalam tadbir urus syariah termasuklah menyaring dan mengawalselia elemen-elemen tidak patuh syariah dalam SPT.



Rajah 5.55: Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Disebabkan Kelemahan Proses Pengauditan Syariah

Isu kelemahan pengauditan syariah dalam SPT merupakan isu yang dihadapi oleh semua IKI termasuklah SPT. Oleh yang demikian, isu kelemahan pengauditan syariah merupakan isu di peringkat makro industri kewangan Islam. Kelemahan proses pengauditan syariah ini disebabkan kekurangan kepakaran yang mahir dalam kedua-dua bidang yakni pengauditan dan pematuhan syariah³⁰¹. Selain itu, kelemahan proses pengauditan syariah turut disebabkan tiada sebarang rangka kerja atau panduan proses pengauditan syariah. Oleh sebab itu, SPT-SPT di Malaysia masih berusaha untuk merangka proses audit syariah dalaman untuk dipraktikkan oleh SPT masing-masing³⁰².

³⁰¹ Nawal Kasim, Shahul Hameed Mohamad Ibrahim, dan Maliah Sulaiman, "Shariah Auditing in Islamic Financial Institutions: Exploring the Gap Between the "Desired" and the "Actual." *Global Economy and Finance Journal* 2, no. 2 (2009), 127–137. Lihat

³⁰² Yazkhiruni Yahya And Nurmazilah Mahzan, "The Role of Internal Auditing In Ensuring Governance in Islamic Financial Institution (IFI)" (3rd International Conference On Business And Economic Research (3rd Icerb 2012) Proceeding, Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia, 12 - 13 March 2012), 1634-1661.

Sheila Ainon Yussof mencadangkan beberapa tindakan untuk mengukuhkan proses pengauditan syariah antara membangunkan program pembangunan sumber manusia dalam bidang pengauditan. Pihak pengawal selia BNM menyedia rangka kerja dan standard praktis pengauditan syariah di peringkat SPT masing-masing. Selain itu juga, Sheila Ainon Yussof turut mencadangkan BNM membangunkan kod amalan standard bagi auditor syariah untuk menyeragamkan praktis dalam proses pengauditan syariah³⁰³. Rajah 5.55 menunjukkan pendekatan dalam mengatasi kelemahan pengauditan syariah melalui proses latihan dan pendidikan mengenai kewangan Islam. Pihak auditor syariah juga menggunakan pendekatan “*try and error*” sebelum mencapai proses pengauditan syariah dalam terbaik. Selain itu, terdapat SPT meletakkan kriteria asas kepada auditor syariah yakni mesti mempunyai sijil asas kewangan Islam atau perundangan syariah. Selanjutnya, auditor syariah perlu membangunkan model yang jelas mengenai objektif audit syariah sekali gus membezakan dengan proses *review* syariah.

5.15 Kesimpulan Bab

Jadual 5.5: Dapatan Analisis Silang Data Jumlah petikan (*quotation*) Berdasarkan kod (keterdedahan risiko syariah) dan Primer Data (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014 - 3 Februari 2016)

Bil	Informan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	Jum
	Keterdedahan Risiko Syariah												
1	Kakitangan Berlatarbelakang Kewangan Konvensional	0	0	0	1	0	1	0	1	0	0	0	3
2	Kesilapan Kakitangan Baru	0	0	0	0	0	2	1	1	0	0	0	4
3	Aktiviti Latihan Kakitangan dan Agen SPT.	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1
4	Pelaburan SPT	1	1	0	1	2	1	1	1	1	1	1	11

³⁰³ Sheila Ainon Yussof, Prospects Of A Shari'ah Audit Framework For Islamic Financial Institutions In Malaysia, *Islam and Civilisational Renewal* 4, no. 1 (Januari 2013), 98-99.

Jadual 5.5, sambungan

Bil	Informan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	Ju
	Keterdedahan Risiko Syariah												
5	Penerimaan Risiko Takaful Am	2	0	2	0	0	2	3	6	0	1	2	18
6	Penerimaan Risiko Takaful Keluarga	1	1	0	1	2	1	1	2	1	3	1	14
7	Seluruh Operasi SPT	1	3	0	2	0	2	1	0	0	1	1	11
8	Kegagalan Sistem	1	0	0	3	0	0	1	0	0	0	0	5
9	Kelemahan Jawatankuasa Syariah SPT	1	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	3
10	Kelemahan Pengauditan Syariah	1	0	0	1	1	0	1	1	2	1	0	8
11	Kesalahan Agen Takaful	0	0	0	0	0	1	0	2	2	0	3	8
12	Kesalahan Penggunaan Istilah	0	1	1	0	0	0	0	0	1	0	1	4
13	Kesilapan Brosur Pemasaran	1	0	0	0	1	0	0	0	1	0	1	4
14	Pertikaian Produk MRTT	1	1	1	0	1	0	1	0	0	0	0	5
15	Urusniaga yang Segera	0	0	1	0	0	1	1	0	0	0	0	3
16	Penampilan dan Imej Kakitangan SPT	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	0	2
17	Tiada Kesedaran Syariah di kalangan Kakitangan SPT	0	0	0	0	0	1	1	1	0	0	0	3
18	Tiada Ketelusan Maklumat untuk Penyaringan Patuh Syariah	0	0	2	0	0	0	0	0	0	1	0	3
	Jumlah	10	7	7	11	8	12	13	16	8	8	10	110

Berdasarkan jadual 5.5, dapatan menunjukkan bahawa terdapat 18 kod yang merupakan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia yang dikenal pasti berdasarkan temu bual dengan informan. Jadual 5.5 menunjukkan keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful am paling banyak dinyatakan oleh informan kajian dengan 18 petikan. Kemudian diikuti oleh keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful keluarga sebanyak 14 petikan daripada hasil temu bual informan kajian. Sementara itu, keterdedahan risiko syariah dalam pelaburan SPT mempunyai 11 petikan daripada hasil temu bual informan-informan kajian. Informan-informan kajian turut memetik 11 petikan mengenai isu keterdedahan risiko syariah berlaku dalam seluruh operasi SPT.

Selanjutnya, keterdedahan risiko syariah melibatkan kakitangan SPT iaitu “kakitangan berlatarbelakang kewangan konvensional” sebanyak 3 petikan, kesilapan kakitangan baru sebanyak 4 petikan, penampilan dan imej kakitangan spt sebanyak 2 petikan, “tiada kesedaran syariah di kalangan kakitangan SPT” sebanyak 3 petikan dan begitu juga “tiada ketelusan maklumat untuk penyaringan patuh syariah” sebanyak 3 petikan menjadikan keterdedahan melibatkan kakitangan dinyatakan sebanyak 15 petikan. Seterusnya, keterdedahan risiko syariah melibatkan kesalahan agen SPT sebanyak 8 petikan. Sementara itu, kelemahan pengauditan syariah sebanyak 8 petikan. Kemudian, diikuti keterdedahan risiko syariah yang dinyatakan sebanyak 5 petikan ialah isu kesalahan berkaitan sistem. Manakala, keterdedahan risiko syariah yang lain-lain perkara dinyatakan dalam jumlah yang sedikit iaitu antara 4 hingga 1 petikan sahaja. Keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia dikodkan mengikut kategori tertentu³⁰⁴.

Pertama, keterdedahan risiko syariah SPT melibatkan berkaitan resolusi syariah dan ketiadaan standard jelas mengenai patuh syariah SPT³⁰⁵. Ini melibatkan aspek penerimaan risiko takaful am dan keluarga, tiada standard praktis patuh syariah MRTT bagi pembiayaan konvensional dan ketiadaan standard dalam menentukan status sekuriti yang dinyah senarai apabila senarai baru SC dikeluarkan. Kedua, keterdedahan risiko syariah aspek sumber manusia SPT yakni kakitangan dan agen. Aspek kakitangan melibatkan kakitangan berlatarbelakang kewangan konvensional, kesilapan kakitangan baru, penampilan dan imej kakitangan SPT, tiada kesedaran syariah di kalangan kakitangan SPT dan tiada ketelusan maklumat untuk penyaringan patuh syariah oleh kakitangan SPT. Manakala, kesalahan agen SPT turut mendedahkan untuk berlaku risiko syariah dalam SPT. Ketiga, keterdedahan risiko syariah SPT melibatkan aspek operasi seperti kesalahan penggunaan istilah, kesilapan brosur pemasaran, pertikaian

³⁰⁴ Rujuk Lampiran C2: Dapatan Keterdedahan Risiko Syariah SPT di Malaysia

³⁰⁵ Ini sepertimana dijelaskan sebagai risiko syariah melibatkan fatwa dalam suptopik faktor-faktor keterdedahan risiko syariah, bab 2 kajian ini.

produk MRTT bagi pembiayaan perumahan konvensional dan usaha yang segera yang menyebabkan keterdedahan risiko syariah SPT. Keempat, aspek tadbir urus syariah yang lemah menyebabkan keterdedahan untuk berlaku insiden risiko syariah. Selanjutnya, analisis pendekatan pengurusan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia. Ini bererti terdapat empat aspek utama merupakan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia.

Jadual 5.6: Dapatan Analisis Silang Data Jumlah petikan (*quotation*) Berdasarkan kod (Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah) dan Primer Data (Hasil Temu bual Informan-Informan Kajian, 21 November 2014-3 Februari 2016)

	Informan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	Jum
Bil	Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah												
1	Latihan Kepada Agen Takaful	0	0	0	0	0	3	0	3	0	1	0	7
2	Latihan Kepada Kakitangan	0	0	0	0	0	2	2	2	0	0	1	7
3	Pelupusan Pendapatan Tidak Patuh Syariah	1	0	1	1	0	0	2	0	0	0	1	6
4	Pendekatan Rundingan Informal	0	0	0	0	1	1	1	0	0	0	0	3
5	Pengauditan Syariah	0	0	1	0	0	2	1	0	0	0	0	4
6	Peranan Bahagian Pengurusan Risiko SPT	0	0	0	0	0	0	1	1	2	0	0	4
7	Peranan Bahagian Syariah SPT	0	0	2	0	2	9	6	6	1	0	4	30
8	Peranan Jawatankuasa Syariah	2	0	4	1	2	2	1	5	3	1	1	22
9	Peranan Kakitangan SPT	0	2	0	0	0	0	2	4	0	2	0	10
10	Peranan MPS BNM/Resolusi Syariah BNM	1	0	3	1	0	0	0	1	0	0	0	6

Jadual 5.6, sambungan

	Informan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	Jum
Bil	Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah												
11	Peranan Luaran seperti Pengurusan Dana, Broker, Pusat Penyelidikan.	0	0	1	1	0	0	0	2	1	0	0	5
12	<i>Review</i> Syariah	0	0	0	2	3	1	3	3	0	4	2	18
13	Salurkan Kepada Insurans Konvensional	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	2
14	Standard Prosuder Operasi (SOP) SPT	0	0	1	0	0	3	0	3	1	0	0	8
15	Urusniaga Seperti Biasa/Business As Usual	1	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	3
	Jumlah	6	3	13	6	9	23	19	31	8	8	9	135

Dapatan jadual 5.6 menunjukkan pendekatan pengurusan risiko syariah SPT-SPT di Malaysia sangat bergantung kepada Bahagian Syariah SPT dan JKS SPT dengan sebanyak 30 petikan dan 22 petikan. Kemudian diikuti proses *review* syariah yang banyak diaplikasikan untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT-SPT di Malaysia dengan sebanyak 18 petikan daripada informan kajian. Selanjutnya, pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT juga melalui peranan dan tugas kakitangan di SPT itu sendiri seperti yang dinyatakan oleh informan-informan kajian sebanyak 10 petikan.

Sementara itu, peranan Bahagian Pengurus Risiko SPT turut bekerjasama dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah iaitu sebanyak 4 petikan. Ini menggambarkan

peranan Bahagian Pengurusan Risiko SPT dalam menguruskan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia masih rendah berbanding dengan cadangan BNM bahawa kepakaran Pegawai Pengurusan Risiko sangat penting dalam proses menguruskan risiko syariah³⁰⁶ berikutan Pegawai Pengurusan Risiko merupakan pihak yang kompeten untuk menguruskan sebarang bentuk risiko termasuklah keterdedahan risiko syariah. Selain itu, penetapan standard prosuder operasi turut membantu SPT menguruskan keterdedahan-keterdedahan risiko syariah syariah dalam SPT seperti dinyatakan sebanyak 8 petikan³⁰⁷.

Selanjutnya, pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah SPT kurang bergantung peranan MPS BNM dengan dinyatakan dalam 6 petikan sahaja. Dengan erti kata yang lain, ini menunjukkan keterdedahan risiko syariah SPT cenderung diuruskan di peringkat dalaman SPT berbanding campur tangan daripada pengawal selia iaitu BNM. Praktis pengurusan risiko syariah secara dalaman SPT itu sendiri memenuhi peruntukkan perundangan yang menyatakan semua IKI perlu menguruskan sebarang risiko syariah atau pematuhan syariah di peringkat dalam institusi kewangan itu sendiri seperti seksyen 28 (3) dan (4) APKI 2013³⁰⁸. Pihak SPT turut memainkan peranan secara proaktif dengan menyediakan latihan berkala kepada kakitangan bahagian operasi SPT dan agen pemasaran SPT iaitu agen, intermediari dan broker SPT bagi memastikan pihak-pihak ini mengenal pasti sebarang keterdedahan risiko syariah sama ada untuk ditolak serta-merta terutamanya perkara yang jelas tidak patuh syariah atau membawa permohonan takaful yang tidak jelas dari perspektif patuh syariah kepada perhatian pihak Bahagian Syariah SPT dan JKS SPT untuk penilaian selanjutnya. Ini ditunjukkan

³⁰⁶ Sepertimana yang dicadangkan oleh BNM. Lihat Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, 25.

³⁰⁷ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Standard Prosedur Operasi (SOP) SPT. Lihat lampiran B12.

³⁰⁸ Seksyen 28 (3) dan (4) APKI 2013.

melalui pendekatan latihan kepada agen dan kakitangan SPT merupakan salah satu pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah khususnya melibatkan kegagalan sumber manusia dengan masing-masing sebanyak 7 petikan.

Seterusnya, dalam perkara-perkara melibatkan pengurusan risiko syariah. Bahagian Syariah SPT turut menggunakan pendekatan rundingan secara informal. Pendekatan rundingan secara informal bertujuan untuk menyelesaikan konflik antara keutamaan mendapatkan urusan besar yakni konflik peserta yang mempunyai caruman besar ataupun memastikan pematuhan syariah. Isu-isu begini berlaku melibatkan permohonan takaful daripada perusahaan dan syarikat bercampur atau isu pertikaian antara keputusan JKS SPT dan Pihak Pengurusan SPT³⁰⁹. Penolakan secara tegas oleh Bahagian Syariah SPT mungkin menyebabkan konflik berterusan yang mengganggu operasi SPT. Justeru, pendekatan rundingan perbincangan tidak formal perlu diaplikasikan oleh Bahagian Syariah SPT. Bagaimana, pendekatan ini jarang digunakan dan hanya dinyatakan oleh informan kajian sebanyak 3 petikan sahaja³¹⁰.

Ini diikuti pendekatan pengurusan keterdedahan risiko syariah yang lain seperti menjalankan operasi urus niaga seperti biasa untuk memastikan operasi SPT berjalan lancar bagi memenuhi liabiliti kontrak takaful yang dinyatakan 3 petikan. Begitu juga dalam situasi SPT yang mempunyai kerjasama retakaful atau subsidiari syarikat dengan insurans atau reinsurans konvensional. SPT-SPT menguruskan keterdedahan risiko syariah seperti permohonan risiko yang tidak jelas dalam aspek patuh syariah dengan menyerahkan urus niaga tersebut kepada syarikat insurans atau reinsurans berkaitan dengan dinyatakan sebanyak 2 petikan. Yang terakhir, pendekatan mengurus risiko

³⁰⁹ Telah dibincangkan dalam keterdedahan risiko syariah dalam perlindungan pelan takaful gadai janji bagi pembiayaan perumahan konvensional.

³¹⁰ Petikan Penuh Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah Melalui Pendekatan Informal atau Rundingan. Lihat lampiran B5.

syariah berkaitan mana-mana pendapatan tidak patuh syariah yang diperolehi daripada sebarang kes-kes insiden risiko syariah, akan dilakukan proses pengasingan dan didermakan kepada kerja atau badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh JKS SPT yang dinyatakan sebanyak 6 petikan oleh informan kajian. Pelupusan pendapatan tidak patuh syariah adalah praktis standard semua SPT di Malaysia sekiranya berlaku sebarang insiden risiko syariah yang melibatkan perolehan pendapatan tidak patuh syariah. Petikan yang majoriti menggambarkan pendekatan pengurusan keterdedahan risiko tersebut seringkali digunakan dalam SPT di Malaysia. Kajian ini turut menyimpulkan bahawa kebanyakan keterdedahan risiko syariah diuruskan melalui proses tadbir urus syariah seperti peranan JKS SPT, Bahagian Syariah, *review* syariah dan lain-lain³¹¹.

Kajian ini telah mengenal pasti 18 keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat 15 pendekatan yang digunakan untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah yang berlaku dalam SPT di Malaysia. Keterdedahan risiko syariah dan pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah dalam SPT ini dikenal pasti dan dijelaskan berdasarkan hasil temu bual 11 informan kajian. Namun begitu, keterdedahan risiko syariah dan pendekatan menguruskan risiko syariah yang telah dikenal pasti ini terhad kepada limitasi hasil maklum balas dan respon daripada informan-informan kajian. Keterdedahan risiko syariah dan bagaimana keterdedahan risiko syariah tersebut diuruskan dan ditangani ini juga berbeza antara satu SPT dengan SPT yang lain bergantung kepada interpretasi JKS SPT, Bahagian Syariah SPT dan lain-lain bahagian dalam SPT.

Bagi mengukuhkan aspek kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, pengkaji telah menemubual dua orang informan yang mempunyai kepakaran untuk

³¹¹ Lihat Lampiran C3: Gambar rajah Dapatan Pendekatan Pengurusan Risiko Syariah SPT di Malaysia.

menilai makluman-makluman informan. Secara umumnya, dapatan-dapatan informan dipersetujui oleh kedua-dua individu ini. Pertama, adalah aspek keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan takaful am dan keluarga. Berdasarkan temubual dengan Ustaz Muhammad Ali Jinnah yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful Berhad menyatakan setiap SPT di Malaysia terdedah kepada risiko syariah dalam aspek penerimaan risiko yang dipohon oleh bakal peserta. JKS SPT masing-masing bertanggungjawab untuk memutuskan manual penerimaan risiko yang patuh syariah untuk menentukan sama ada risiko tersebut diterima atau ditolak dalam aspek patuh syariah³¹². Menurut beliau lagi, terdapat perbezaan dalam keterdedahan risiko syariah dalam aspek penerimaan risiko syariah takaful bergantung kepada objektif dan profil SPT itu sendiri misalnya jenis lesen pengendali takaful sama ada komposit atau keluarga, syarikat tempatan atau antarabangsa, jumlah modal dan kemampuan dalam aspek pengunderaitan³¹³. Dalam temubual yang lain bersama Ustaz Burhanuddin Lukman yakni ahli Majlis Penasihat Syariah BNM menyatakan bahawa berhadapan dengan keterdedahan risiko syariah dalam penerimaan risiko sama ada takaful am mahupun takaful keluarga. Oleh yang demikian, JKS SPT masing-masing perlu mengeluarkan keputusan syariah terhadap status-status penerimaan risiko yang tidak jelas dari perspektif patuh syariah. Resolusi syariah melalui proses ijtihad JKS SPT perlu mendalam dan terperinci dengan pembuktian dan pendalilan secara jelas bagi mengukuhkan manual syariah tersebut di samping mengelakkan sebarang pertikaian selepas keputusan resolusi syariah tersebut diputuskan³¹⁴.

³¹² Muhammad Ali Jinnah (Pengerusi Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful Malaysia Berhad/ Penyelidik, Islamic Finance Research Academy (ISRA), dalam temu bual dengan penulis, 17 Mac 2017.

³¹³ *Ibid.*

³¹⁴ Burhanuddin Lukman (Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia/ Mantan Ahli Jawatankuasa Syariah PRUBSN Takaful Berhad/ Penyelidik, Islamic Finance Research Academy (ISRA), dalam temu bual dengan penulis, 20 April 2017.

Aspek kedua adalah keterdedahan risiko syariah disebabkan kelemahan proses pengauditan syariah. Muhammad Ali Jinnah menyatakan bahawa terdapat aspek positif dan negatif dalam proses pengauditan syariah SPT contohnya kelemahan auditor syariah yang masih bergantung sepenuhnya terhadap Jabatan Syariah Dalam SPT. Secara positifnya, auditor syariah boleh menjalankan proses pengauditan syariah dengan lebih baik dan dalam masa yang sama, boleh mempelajari aspek pematuhan syariah daripada kepakaran Jabatan Syariah Dalam SPT itu sendiri. Namun begitu, beliau turut berpandangan bahawa kebergantungan terhadap auditor syariah terhadap Jabatan Syariah Dalam SPT mendedahkan terhadap bias dan aspek kelemahan patuh syariah yang lain mungkin tidak diaudit dengan sempurna. Bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa pengauditan syariah adalah aspek tadbir urus syariah yang baru yang masih mempunyai banyak kelemahan dan perlu sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa³¹⁵. Begitu juga, Burhanuddin Lukman turut bersetuju bahawa terdapat kelemahan dalam pengauditan syariah khususnya dalam aspek kepakaran dan kompetensi auditor syariah. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan auditor syariah hanya mempunyai kepakaran dalam audit konvensional khususnya aspek perakaunan dan kewangan dan tidak mempunyai pengetahuan asas dalam aspek patuh syariah kewangan Islam. Justeru, auditor syariah memerlukan bantuan dan tunjuk ajar daripada Jabatan Syariah Dalam SPT³¹⁶.

Ketiga, keterdedahan risiko syariah yang disebabkan kelemahan ahli JKS SPT. Kedua-dua individu berkepakaran ini bersetuju bahawa terdapat isu kelemahan dan kompetensi ahli-ahli JKS SPT. Menurut Muhammad Ali Jinnah, ahli-ahli JKS SPT di Malaysia adalah sekitar 5-6 ahli bagi setiap 11 SPT di Malaysia. Beliau memaklumkan bahawa kebanyakan ahli-ahli JKS SPT merupakan pensyarah, ahli akademik atau

³¹⁵ Muhammad Ali Jinnah (Pengerusi Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful Malaysia Berhad).

³¹⁶ Burhanuddin Lukman (Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia).

penyelidik di institusi yang lain yang merupakan komitmen pertama mereka. Manakala, komitmen sebagai ahli JKS SPT adalah komitmen kedua menyebabkan terdapat segelintir kecil ahli JKS SPT berhadapan isu kelemahan seperti kegagalan persediaan dan kajian terperinci sebelum menghadiri mesyuarat JKS SPT. Selain itu, beliau memaklumkan bahawa terdapat masalah penguasaan bahasa Inggeris di kalangan sejumlah kecil ahli JKS SPT. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan ahli JKS SPT adalah individu berkepakaran syariah yang menggunakan Bahasa Arab dalam medium pengajian dan terdapat sejumlah kecil yang mempunyai masalah penguasaan Bahasa Inggeris khususnya untuk meneliti dokumen-dokumen SPT. Namun begitu, beliau menyatakan bahawa ahli JKS SPT yang berhadapan dengan penguasaan Bahasa Inggeris perlu meningkatkan kemampuan dan kompetensi masing-masing. Jika ahli-ahli JKS SPT tersebut gagal untuk menangani kelemahan khususnya aspek penguasaan Bahasa Inggeris maka SPT akan bertindak untuk tidak memperbaharui kontrak ahli JKS tersebut untuk sesi yang akan datang³¹⁷. Tindakan ini juga selaras dengan seksyen 31 APKI 2013 yang menjelaskan kriteria pemilihan ahli JKS SPT yang memerlukan tahap kompetensi yang tinggi. Seterusnya, Burhanuddin Lukman turut bersetuju terdapat kelemahan dalam aspek kompetensi ahli-ahli JKS SPT. Beliau menyatakan ahli-ahli JKS SPT secara dasarnya dipilih oleh SPT bergantung kepada keperluan SPT itu sendiri. Terdapat SPT yang cenderung memilih individu yang mempunyai reputasi dan imej baik di kalangan masyarakat contohnya individu utama dalam badan agama seperti Mufti, pendakwah atau penceramah terkenal, dekan institusi pengajian Islam atau individu alim ulama yang terkenal dalam masyarakat. Walaupun hanya segelintir kecil sahaja, tidak dinafikan individu-individu tertentu ini mempunyai komitmen besar yang lebih utama dan kadangkala menyebabkan kelemahan atau kekurangan komitmen dalam tadbir urus syariah sebagai ahli JKS SPT. Oleh yang demikian, ahli JKS SPT itu sendiri yang perlu

³¹⁷ Muhammad Ali Jinnah (Pengerusi Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful Malaysia Berhad).

menambahbaik kelemahan tersebut atau kemungkinan kontrak sebagai ahli JKS SPT tidak diperbaharui untuk tempoh seterusnya. Beliau turut memaklumkan bahawa SPT sepatutnya memilih calon-calon yang benar-benar kompeten sahaja untuk menjadi ahli JKS SPT berikutan ahli-ahli ini bertanggungjawab sepenuhnya dalam aspek pematuhan syariah SPT. Untuk memilih ahli JKS SPT, SPT kini telah menggunakan kaedah menemuduga individu tersebut sebelum dipilih menjadi ahli JKS SPT. Malahan, beliau turut mengemukakan bahawa kriteria pemilihan ahli-ahli JKS SPT telah digazetkan dalam APKI 2013 dan Rangkakerja Tadbir Urus Syariah (SGF) ini menunjukkan kesungguhan pengawalselia yakni BNM untuk memastikan hanya individu yang benar-benar layak sahaja dilantik menjadi ahli JKS SPT³¹⁸.

Keempat, isu keterdedahan risiko syariah berkaitan perbezaan keputusan resolusi syariah MPS BNM yang membenarkan perlindungan pembiayaan perumahan konvensional dilindungi oleh SPT. Manakala terdapat SPT yang tidak membenarkan perlindungan takaful bagi pembiayaan perumahan konvensional. Burhanuddin Lukman menyatakan bahawa dari aspek literal terdapat pertentangan fatwa antara keputusan MPS BNM dan JKS SPT tersebut. Namun begitu, pertentangan fatwa dalam konteks ini adalah dibenarkan sekiranya SPT mengenakan manual pematuhan syariah yang lebih ketat berbanding keputusan resolusi syariah MPS BNM. Muhammad Ali Jinnah pula menjelaskan bahawa perbezaan keputusan antara resolusi syariah SPT dengan JKS SPT dalam berkenaan perlindungan takaful dalam produk pembiayaan perumahan konvensional bukanlah pertentangan fatwa tetapi ianya merupakan satu kaedah pematuhan fatwa yang lebih ketat. Justeru, tidak ada isu pertentangan fatwa dalam aspek perlindungan takaful bagi pembiayaan perumahan konvensional. Beliau turut berpandangan bahawa sekiranya JKS SPT memutuskan manual syariah yang lebih ketat

³¹⁸ Burhanuddin Lukman (Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia).

berbanding resolusi syariah BNM SPT, ini menggambarkan komitmen tinggi SPT tersebut dalam memastikan pematuhan syariah³¹⁹.

Kelima, Muhammad Ali Jinnah turut mengakui bahawa terdapat insiden risiko syariah disebabkan oleh kesalahan pengurusan contoh lebih caj wakalah turut berlaku dalam operasi SPT di Malaysia. Walaubagaimanapun, beliau menyatakan kesalahan aspek pengurusan ini bukan disengajakan oleh pihak SPT. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan kesalahan dalam pengurusan disebabkan oleh kakitangan yang tidak cekap dan mempunyai pelbagai latarbelakang serta pengalaman dalam kewangan konvensional. Beliau turut menyatakan bahawa terdapat kakitangan yang cuba menyembunyikan fakta bagi mengelakkan penyaringan patuh syariah. Namun begitu, JKS SPT yang berpengalaman akan cuba sedaya-upaya untuk mendapatkan maklumat mendalam dalam setiap isu syariah yang dibincangkan³²⁰. Burhanuddin Lukman turut bersetuju bahawa terdapat kesalahan dalam pengurusan yang dilakukan oleh pihak kakitangan dan pengurusan SPT sehingga menyebabkan insiden risiko syariah. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa pihak pengurusan SPT perlu sedaya-upaya mengurangkan dan meminimumkan kesalahan yang menyebabkan insiden risiko syariah. Tambahan lagi, beliau menjelaskan bahawa aspek patuh syariah turut menjadi tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan lain yang terlibat dalam operasi SPT³²¹ sepertimana 29(2)(a)(i) APKI 2013³²² dan bukan hanya tanggungjawab JKS SPT semata-mata.

³¹⁹ Muhammad Ali Jinnah (Pengerusi Jawatankuasa Syariah HSBC Amanah Takaful Malaysia Berhad). Walaupun terdapat percanggahan maklumat antara informan Pegawai Syariah SPT dan individu berkepakaran yang menilai data informan. Pengkaji menerima percanggahan ini sebagai dua persepsi yang berbeza disebabkan peranan dan tanggungjawab yang berbeza yang memahami fenomena atau situasi sebenar keterdedahan risiko syariah dan pengurusan risiko syariah dalam SPT-SPT di Malaysia. Perbezaan persepsi antara JKS SPT, ahli MPS BNM dan Pegawai Syariah SPT dilihat sebagai jurang maklumat atau komunikasi antara badan-badan tadbir urus syariah dalam operasi SPT untuk kajian lanjut.

³²⁰ *Ibid.*

³²¹ Burhanuddin Lukman (Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia).

³²² Seksyen 29(2)(a)(i) APKI 2013 .

Secara kesimpulannya, kajian ini turut menyimpulkan bahawa informan-informan yang memaklum berkaitan isu-isu keterdedahan risiko syariah secara mendalam dan teliti dalam kajian ini menggambarkan bahawa terdapat usaha dan komitmen yang tinggi untuk memastikan pematuhan syariah dalam SPT tersebut. Ini berikutan kesemua isu-isu keterdedahan risiko syariah yang dihadapi oleh SPT- SPT tersebut telah berjaya diuruskan dengan pendekatan proses pengurusan syariah di peringkat dalaman SPT itu sendiri. Komitmen yang tinggi ini jelas membuktikan kesungguhan SPT dalam menguruskan sebarang isu berkaitan keterdedahan risiko syariah. Bab selanjutnya akan menjelaskan rumusan dan kesimpulan keseluruhan kajian ini.

BAB 6: KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

6.1 Pendahuluan

Kajian ini menganalisis mengenai keterdedahan–keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Berdasarkan hasil perbincangan bab-bab yang lepas, bab ini akan membuat kesimpulan dan mengemukakan implikasi dasar dengan menumpukan kepada persoalan kajian dan objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam bab satu kajian ini. Selain itu juga, kajian ini akan menjelaskan beberapa cadangan untuk kajian yang akan datang dan kesimpulan keseluruhan kajian ini. Berikut adalah rumusan kajian berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang telah dinyatakan pada bab satu kajian ini.

6.2 Rumusan

Pertama, pematuhan syariah merupakan elemen utama yang membezakan SPT dengan syarikat insurans konvensional. Matlamat utama penubuhan SPT adalah untuk memenuhi keperluan dan permintaan pasaran masyarakat Muslim yang memerlukan produk kewangan yang bebas daripada elemen-elemen tidak patuh syariah bagi melindungi risiko diri, keluarga, harta-benda, barang perniagaan dan lain-lain barang dan perkhidmatan sekiranya berhadapan kemalangan, kematian atau lain-lain musibah kerugian. Sebelum tahun 1984, hanya terdapat produk insurans konvensional untuk melindungi diri, keluarga harta-benda, barang perniagaan dan lain-lain. Bagaimanapun, produk insurans konvensional telah diputuskan sebagai tidak patuh syariah kerana mempunyai elemen riba, perjudian dan *gharar*. Penubuhan SPT untuk menawarkan produk pengurusan risiko dikenali sebagai takaful yang merupakan kontrak berasaskan kepada semangat kerjasama dan tolong-menolong. Walau bagaimanapun, pihak SPT perlu memastikan seluruh operasi SPT adalah patuh syariah dari semasa ke semasa. Keperluan terhadap pematuhan syariah bukan sahaja dalam produk dan kontrak semata-

mata malahan dalam operasi termasuklah pemasaran, pelaburan, pengunderaitan dan lain-lain. Disebabkan keperluan terhadap pematuhan syariah, maka SPT terdedah dengan risiko yang disebabkan ketidakpatuhan kepada keperluan syariah dikenali sebagai risiko syariah. Terdapat dua aspek yang menyebabkan keterdedahan risiko syariah. Pertama, terdapat riba, *gharar*, perjudian, *ghubn*, paksaan, *taghrīr*, *ghalaṭ* dan elemen-elemen lain yang diputuskan tidak patuh syariah oleh MPS BNM atau JKS SPT. Kedua, keterdedahan risiko syariah wujud apabila terdapat faktor-faktor keterdedahan risiko syariah seperti isu resolusi syariah, operasi, sistem, kakitangan, kelemahan tadbir urus syariah dan lain-lain.

Kedua, keterdedahan risiko syariah dalam SPT turut melibatkan aspek-aspek perundangan berkaitan operasi penting SPT seperti pengasingan dana takaful, menangani defisit dalam dana risiko peserta takaful, kepentingan boleh lindung, kewajipan pendedahan, pembayaran manfaat takaful, tanggungjawab dan bidang kuasa MPS BNM dan Jawatankuasa kuasa Syariah SPT. Sebelum APKI 2013 digazetkan pada 22 Mac 2013, industri takaful bergantung sepenuhnya kepada Akta Takaful 1984 bermula apabila Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) iaitu SPT pertama ditubuhkan. Setelah 25 tahun kemudian, ABNM 2009 pula telah digazetkan untuk memenuhi kelompongan perundangan kewangan Islam yang semakin berkembang pesat namun masih belum memenuhi kelompongan atau lakuna perundangan khususnya bagi SPT.

Setelah SPT mengalami perubahan yang pesat, terdapat banyak keputusan dan resolusi syariah terkini yang diputuskan di peringkat pengawalselia iaitu MPS BNM khususnya bagi isu-isu melibatkan operasi takaful seperti pengasingan dana takaful, menangani defisit dalam dana risiko peserta takaful, kepentingan boleh lindung, kewajipan pendedahan dan pembayaran manfaat takaful. Walaupun resolusi syariah telah memutuskan dengan jelas mengenai isu-isu keterdedahan risiko syariah berkaitan

aspek-aspek operasi tersebut, tetapi terdapat juga ruang-ruang kelompongan keputusan resolusi syariah tersebut dipertikaikan kerana tiada perundangan sivil yang jelas mengenai sejauhmana peruntukkan sah di sisi perundangan sivil. Kelompongan perundangan sivil berkaitan pematuhan resolusi syariah menyebabkan ada resolusi syariah tersebut tidak diimplementasikan oleh SPT-SPT tertentu¹ kerana kebimbangan terhadap pertikaian resolusi syariah tersebut. Tambahan lagi, terdapat isu-isu insiden risiko syariah yang telah berlaku di peringkat global contoh isu status patuh syariah kontrak *ṣukūk*² dan isu pertikaian *The Investment Dar (TID) Company K.S.C.C (Kuwait) Lawan Blom Development Bank (Blom) S.A.L (Lebanon)*³. Oleh sebab itu, pihak pengawalselia iaitu BNM telah mengeluarkan satu perundangan terkini dan mempunyai peruntukkan yang jelas untuk mengawal selia operasi semua institusi kewangan Islam termasuklah SPT iaitu APKI 2013. Hasil dapatan perbandingan semasa pra dan pasca APKI menunjukkan bahawa keterdedahan risiko syariah melibatkan aspek operasi-operasi utama SPT seperti pengasingan dana takaful, menangani defisit dalam dana risiko peserta takaful, kepentingan boleh lindung, kewajipan pendedahan, pembayaran manfaat takaful, tanggungjawab dan bidang kuasa MPS BNM dan JKS SPT serta tadbir urus syariah telah jelas. Ini bermaksud APKI 2013 telah menutup ruang-ruang kelompongan perundangan berkaitan SPT sekaligus menguruskan keterdedahan risiko syariah melalui perundangan sivil.

Ketiga, keterdedahan risiko syariah turut berlaku dalam praktis sebenar SPT di Malaysia. Keterdedahan risiko syariah melibatkan keseluruhan aktiviti dan operasi SPT

¹ Terdapat SPT-SPT yang tidak melaksanakan benefisiari hibah bersyarat bagi penamaan kontrak takaful walaupun resolusi syariah telah membenarkan pelaksanaan penamaan hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful. Lihat Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz. "Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators" *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2, no.2 (2010), 67-100.

² Wafica Ali Ghoul, "The Dilemma Facing Islamic Finance and Lessons Learned from the Global Financial Crisis", *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 60 (7), no. 1, (Jan-Mar 2011), 57-76. Huraian lanjut lihat bab 2 kajian ini.

³ *The Investment Dar Company KSCC v. Blom Developments Bank Sal* (2009) CH/2009/PTA/0455. Huraian lanjut lihat bab 2 kajian ini.

di Malaysia dalam pelbagai aspek seperti pelaburan, penerimaan risiko takaful am dan keluarga, kesalahan kakitangan dan agen SPT, kesalahan sistem maklumat dan pelbagai lagi. Hasil analisis data temu bual 11 informan yang terdiri Pegawai Bahagian Syariah dan JKS SPT menunjukkan sebanyak 18 keterdedahan-keterdedahan risiko dalam SPT di Malaysia yang telah dikodkan dengan menggunakan program *Atlas.ti 7*. Keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dilihat berbeza antara satu SPT dengan SPT yang lain. Malahan, keterdedahan risiko syariah juga sukar dijangka dan memerlukan proses pengenalan yang teliti dan mendalam untuk mengetahui dan memahami sebarang keterdedahan-keterdedahan terhadap risiko syariah dalam operasi SPT. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat aspek utama yang terdedah kepada risiko syariah yakni berkaitan resolusi syariah, operasi, sumber manusia dan kelemahan tadbir urus syariah.

Keempat, hasil analisis data 11 informan yang telah ditemu bual turut menunjukkan kebanyakan SPT tiada atau belum mempunyai model pengurusan risiko syariah yang komprehensif dan sempurna⁴. Hasil temubual informan-informan kajian mendapati 3 SPT iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Takaful Ikhlas Berhad dan AmMetlife Takaful Berhad mempunyai usaha membangunkan sistem pengurusan risiko syariah yang komprehensif dengan adanya kakitangan khusus menguruskan risiko syariah dan bekerjasama dengan kepakaran kakitangan Bahagian Pengurusan Risiko⁵. Manakala, SPT-SPT lain menguruskan keterdedahan risiko syariah melalui proses tadbir urus syariah seperti peranan Bahagian Syariah dan JKS SPT itu sendiri serta pendekatan-pendekatan lain⁶. Ini menunjukkan walaupun BNM memberikan tanggungjawab

⁴ Berdasarkan dapatan temubual menunjukkan integrasi dan peranan kakitangan pengurusan risiko masih rendah. Lihat Bab 5 “dapatan kajian.”

⁵ Sepertimana yang dicadangkan oleh BNM. Lihat Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, 25.

⁶ Lihat Jadual 5.6: Dapatan Analisis Silang Data Jumlah petikan (quotation) Berdasarkan kod (Pendekatan Pengurusan Keterdedahan Risiko Syariah) dan Primer Data (hasil temu bual informan-informan kajian).

pematuhan syariah kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai-Pegawai Kanan dan JKS SPT⁷ tetapi hanya Kakitangan khusus pematuhan syariah seperti Bahagian Syariah SPT dan JKS SPT yang menguruskan keterdedahan risiko syariah di peringkat dalaman SPT. Bagaimanapun, kakitangan bahagian seperti pengunderaitan, pemasaran, pelaburan turut membantu dalam mengenal pasti keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia. Namun, peranan kakitangan SPT ini perlu dipantau dan dikawal selia oleh Bahagian Syariah dan JKS SPT dari semasa ke semasa.

Kelima, pengurusan keterdedahan risiko syariah dalam operasi dan aktiviti SPT bukan sahaja memastikan SPT bebas daripada elemen riba, perjudian, *gharar* dan lain-lain elemen tidak patuh syariah yang diputuskan oleh MPS BNM dan JKS SPT. Malahan, pengurusan risiko syariah merangkumi matlamat untuk memastikan SPT memenuhi segala liabiliti dalam kontrak takaful yang telah dipersetujui antara SPT dan para peserta takaful. Dengan erti kata yang lain, keperluan patuh syariah SPT, bukanlah membuka ruang untuk pertikaian sama ada patuh syariah atau tidak patuh syariah tetapi, keperluan patuh syariah bertujuan memastikan kesemua liabiliti dalam kontrak takaful dapat dipenuhi dan diimplementasi sepenuhnya untuk kepentingan semua pihak yang berkontrak. Dalam masa yang sama, SPT perlu memastikan pematuhan syariah yang pada tahap yang terbaik dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, proses pengurusan risiko syariah bukan selesai dalam tempoh masa singkat malahan usaha penambah baik pengurusan risiko syariah merupakan proses berterusan dan berlangsung selagi mana SPT beroperasi. Situasi dan cabaran menguruskan keterdedahan risiko syariah turut berubah berubah mengikut suasana pasaran.

Keenam, terdapat insiden-insiden risiko syariah yang telah dikenal pasti berlaku dalam SPT-SPT di Malaysia contohnya lebih dalam caj wakalah dan penerimaan risiko

⁷ Lihat, Seksyen 29 (3) APKI 2013.

am yang tidak patuh syariah dan pelaburan sekuriti yang tidak patuh syariah. Namun begitu, pihak SPT-SPT di Malaysia melalui Bahagian Syariah, JKS SPT dan bahagian-bahagian lain SPT telah menjalankan langkah pemulihan atau pembedahan yang terbaik dengan memastikan pengurusan insiden risiko syariah yang telah berlaku. Secara teoritikalnya, insiden risiko syariah ini memberi implikasi negatif terhadap SPT tersebut. Bagaimanapun, dalam amalan sebenar industri takaful, usaha dan komitmen SPT untuk melakukan langkah pembedahan seperti mengasingkan pendapatan dan menyerahkan pendapatan tidak diiktiraf syariah tersebut kepada badan-badan kebajikan merupakan satu tindakan pembedahan yang terbaik. Justeru, implikasi dan persepsi negatif terhadap SPT yang berhadapan dengan insiden risiko syariah perlu diperbetulkan. Proses tindakan pembedahan dan pemulihan insiden risiko syariah menunjukkan ketelusan dan komitmen jitu SPT tersebut untuk memastikan seluruh operasi dan aktiviti SPT adalah patuh syariah bertepatan dengan kehendak para peserta, para pemegang saham dan reputasi industri kewangan Islam secara amnya.

Ketujuh, ketelusan dan maklumat mengenai keterdedahan risiko syariah dan pendekatan pengurusan keterdedahan risiko syariah kini bukan hanya untuk golongan Muslim malahan meliputi masyarakat termasuklah bukan Muslim. Ini berikutan pengurusan keterdedahan risiko syariah adalah bermatlamat pencapaian *Maqāṣid al-Sharīah* melindungi perkara-perkara asas seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda sehingga pencapaian kemaslahatan yang sempurna yakni *tahṣīniyyāt* seperti mempunyai hak kebebasan menyerahkan manfaat takaful kepada sesiapa yang dikehendaki melalui benefisiri hibah bersyarat⁸. Pengurusan risiko syariah merangkumi

⁸ Para peserta takaful sama ada Muslim atau bukan Muslim dibenarkan membuat penamaan pembayaran manfaat takaful kepada sesiapa sahaja melalui kontrak benefisiri hibah bersyarat. Manakala, kontrak insurans konvensional hanya membenarkan pembayaran manfaat takaful kepada *statutory trust* sahaja iaitu pasangan suami atau isteri, anak-anak atau ibu bapa sekiranya tiada pasangan atau anak-anak yang layak menerima wang polisi insurans tersebut. Perbincangan lanjut lihat, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Joni Tamkin Borhan dan Nurhanani Romli, "Pendekatan Wasatiyah dalam Praktis Pembayaran Manfaat

komitmen pihak SPT untuk memenuhi kontrak takaful sepenuhnya kerana setiap liabiliti dianggap sebagai amanah para peserta kepada SPT untuk dilaksanakan dan dipenuhi sebaiknya. Kegagalan pihak SPT memenuhi liabiliti kontrak takaful dianggap sebagai mungkir atau tidak menjalankan amanah sebagai wakil para peserta takaful. Justeru, pengurusan risiko syariah merupakan perlindungan terhadap kontrak takaful dan bukannya ruang atau kebarangkalian untuk dipertikai sama ada kontrak tersebut patuh syariah atau tidak patuh syariah.

6.3 Implikasi Dasar

Berdasarkan kepada penjelasan rumusan-rumusan di bahagian 6.1, bahagian ini akan mengemukakan beberapa impikasi dasar khusus yang bersesuaian dengan keterdedahan-keterdahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Berikut adalah impikasi dasar yang dikemukakan berdasarkan kepada rumusan yang telah dihuraikan di atas.

Pertama, keterdedahan risiko syariah dalam aspek penerimaan risiko takaful am dan takaful keluarga adalah berbeza antara satu SPT dengan SPT yang lain. Jika dilihat secara literal, situasi ini seakan-akan menyebabkan pertikaian dan perbezaan dalam industri takaful di Malaysia. Namun begitu, situasi ini bukan pertentangan pandangan syariah akan tetapi disebabkan kesemua SPT-SPT di Malaysia mempunyai profil dan visi syarikat yang pelbagai. Contohnya ada SPT yang dimiliki syarikat tempatan dan juga SPT berkongsi pemilikan dengan syarikat antarabangsa. Terdapat juga perbezaan dalam jenis lesen pengendali takaful sama ada komposit atau keluarga, jumlah modal, kekukuhan syarikat sama ada syarikat baru atau lama dan kecenderungan perniagaan yang berbeza. Justeru, keputusan resolusi syariah di peringkat MPS adalah lebih ringan dan mampu dipraktis oleh mana-mana SPT yang beroperasi di Malaysia. Selain itu, pihak

Takaful di Malaysia” (makalah, Seminar Antarabangsa Islam di Alam Melayu kali ke-V, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Pattani Thailand, 12-14 September 2015), 147-166.

MPS BNM sentiasa terbuka dengan sedia berbincang sekiranya SPT berhadapan masalah-masalah tertentu pada aspek pematuhan syariah. Bagaimanapun, BNM juga telah menggazetkan APKI 2013 sebagai perundangan pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam termasuklah industri takaful. Selain itu juga, terdapat standard-standard pematuhan syariah yang telah diputuskan oleh MPS BNM khususnya garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua SPT di Malaysia.

Kedua, peruntukkan perundangan AKPI 2013 baru digazetkan dalam tempoh lebih kurang 3 tahun sahaja. Suatu tempoh yang masih baru khususnya bagi mengimplementasikan sepenuhnya perundangan dalam praktis sebenar. Oleh sebab itu, terdapat peruntukkan perundangan dalam APKI 2013 masih dipertikaikan, samar dan tidak jelas dalam aspek pelaksanaan dalam pasaran. Justeru, BNM dan SPT perlu bekerjasama merangka kursus atau silibus pengajian untuk memberi pengetahuan pematuhan syariah dan dalam konteks perundangan terkini iaitu APKI 2013. Silibus pengajian pematuhan syariah dan perundangan APKI 2013 perlu diwajibkan kepada semua kakitangan SPT merangkumi kakitangan Syariah, pemasaran, pengunderaitan, pembangunan produk, pihak pengurusan SPT, agen dan broker SPT. Malahan silibus pengajian pematuhan syariah dan perundangan APKI 2013 ini boleh disyorkan dan digalakkan kepada semua peserta dan bakal peserta terutama peserta berkapasiti besar seperti syarikat, organisasi atau badan-badan tertentu untuk memahami aspek pematuhan syariah dan perundangan APKI 2013. Ini berikutan semua pihak-pihak yang berurusan dalam operasi SPT perlu memahami kontrak asas dalam kewangan Islam khususnya takaful. Langkah ini merupakan sebahagian daripada pendekatan menguruskan daripada berlakunya insiden-insiden risiko syariah. Langkah mewajibkan kos pengajian berkaitan pematuhan syariah dan perundangan APKI 2013 merupakan pendekatan dalam mengukuhkan proses pengurusan risiko syariah dalam SPT.

Ketiga, keterdedahan risiko syariah turut disebabkan persepsi masyarakat umum Muslim di Malaysia yang SPT begitu berhati-hati dan terpaksa menolak permohonan risiko yang mempunyai imej buruk pada pandangan masyarakat Muslim. Walaupun, risiko tersebut pada hakikat masih lagi dalam ruang lingkup *Maqāṣid al-Sharīah* itu sendiri yang melindungi nyawa, agama, akal, harta-benda dan keturunan. Tetapi, risiko tersebut terpaksa ditolak atas dasar menjaga reputasi dan akhirnya pihak pemohon tersebut terpaksa memohon perlindungan insurans konvensional yang jelas mempunyai elemen haram seperti riba, perjudian dan *gharar*. Kebanyakan masyarakat Muslim umumnya beranggapan bahawa IKI termasuklah SPT hanya merupakan institusi yang beroperasi seperti masjid atau jabatan agama Islam atau badan kebajikan Islam yang menguruskan hal ehwal orang Muslim semata-mata.

Sedangkan pematuhan syariah itu bersifat universal melindungi seluruh alam termasuklah Muslim, bukan Muslim, harta benda, alam sekitar sehingga makhluk seperti haiwan dan tumbuhan. Inilah yang merupakan objektif dalam pematuhan syariah. Oleh sebab itu, kerajaan, BNM atau SPT itu sendiri perlu memberi pengetahuan dan penjelasan lanjut melalui kempen penerangan dan penjelasan sebenar mengenai patuh syariah. Seperti kempen kefahaman Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) kepada masyarakat umum melalui media massa, kempen pemahaman konsep patuh syariah perlu dijelaskan kepada masyarakat umum Muslim dan bukan Muslim melalui media masa seperti televisyen, radio, akhbar-akhbar bercetak dan juga laman sosial yang begitu efektif dalam penyebaran maklumat dan penjelasan berkaitan. Ini merupakan salah satu pendekatan menguruskan risiko syariah yang melibatkan persepsi negatif daripada masyarakat umum mengenai IKI patuh syariah. Namun begitu, ini merupakan cabaran dan tanggungjawab besar dalam memberi kefahaman pematuhan syariah kepada masyarakat dan memerlukan suatu tempoh masa yang panjang.

Keempat, pemahaman masyarakat umum sama ada Muslim dan bukan Muslim mengenai konsep pematuhan syariah memberikan ruang dan peluang urus niaga kontrak takaful yang lebih besar. Walaubagaimanapun, proses pengurusan keterdedahan risiko syariah seringkali berhadapan konflik antara pematuhan syariah dan pengukuhan perniagaan. Dalam situasi ini, konsep pengharmonian perlu diaplikasikan yakni keseimbangan antara pematuhan syariah dan pengukuhan perniagaan. Ini kerana kedua-dua aspek ini saling memerlukan dalam industri takaful. Kebanyakan situasi memerlukan keutamaan pematuhan syariah kerana patuh syariah adalah elemen utama yang membezakan dengan operasi syarikat insurans konvensional. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa SPT juga berhadapan masalah yang tidak dapat dielakkan yang menyebabkan SPT perlu bertoleransi dalam aspek pematuhan syariah. Oleh yang demikian, kompetensi dan kebijaksanaan JKS SPT di peringkat SPT dan MPS BNM sangat diperlukan dalam proses ijtihad dalam memutuskan resolusi syariah yang berdasarkan kajian dan pembuktian yang jelas dan mendalam.

Kelima, BNM selaku pengawal selia perlu menjalankan pemantauan dalaman dan luaran secara berkala berkaitan pematuhan syariah dalam operasi SPT. BNM merupakan sebahagian daripada medium sistem penyaringan pematuhan syariah. Oleh yang demikian, BNM telah menggubal perundangan APKI 2013 untuk memastikan keseluruhan operasi SPT mengutamakan aspek pematuhan syariah. Di peringkat awal, pematuhan syariah hanya sekadar hukuman Seksyen 11(1) (a) Akta Takaful 1984 yakni BNM boleh membatalkan lesen perniagaan takaful tersebut. Kemudian, diikuti penggazetan seksyen 59(3) ABNM 2009 menyatakan mana-mana orang yang tidak mematuhi garis panduan BNM termasuklah berkaitan pematuhan syariah boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit. Terkini, seksyen 28(5) dan seksyen 29(6) APKI 2013 yang mengenakan hukuman tegas yakni apabila disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima

juta ringgit atau kedua-duanya. Hukuman yang semakin berat dan tegas ini menyebabkan setiap individu dalam SPT termasuklah Lembaga Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan lain sentiasa waspada dan menyedari kepentingan mengenai implementasi patuh syariah dalam seluruh operasi SPT.

Keenam, apa sahaja setiap keterdedahan risiko syariah yang berlaku dalam IKI termasuklah SPT mesti diuruskan secara komprehensif dan melalui proses pembetulan dan penambah baikkan. Tidak dinafikan pengurusan risiko syariah bergantung kepada maklumat-maklumat yang diperolehi dan kemudian melalui proses ijtihad oleh kepakaran dan sarjana kewangan Islam di Malaysia yang terdiri di kalangan MPS BNM dan ahli-ahli JKS SPT. Dalam proses pengurusan keterdedahan risiko syariah, terdapat kebarangkalian berlakunya kesalahan dan kesilapan yang dilakukan yang mana mungkin menyebabkan insiden risiko syariah. Tindakan yang paling penting adalah bagaimana proses menguruskan insiden risiko syariah agar kembali pada tahap patuh syariah. Pihak pengawal selia atau JKS SPT atau mana pihak berkaitan SPT tidak boleh sewenang-wenang mempertikaikan kontrak takaful lantas membatalkan segala kontrak dan perjanjian tersebut. Tindakan membatalkan segala kontrak dan perjanjian dilihat begitu mudah akan tetapi memberikan implikasi negatif yang besar kepada industri takaful khususnya dan industri kewangan Islam amnya. Tambahan lagi, Malaysia merupakan negara yang dijadikan rujukan dunia dalam menjalankan industri kewangan Islam. Justeru, segala tindakan IKI di Malaysia dalam menangani keterdedahan risiko syariah akan dijadikan panduan dan rujukan oleh pengamal industri kewangan Islam dari negara-negara lain. Oleh sebab itu, pengawal selia perlu bersedia berhadapan dengan segala kemungkinan keterdedahan risiko syariah dengan bantuan dan kerjasama kepakaran-kepakaran kewangan Islam untuk memastikan pengurusan risiko syariah yang terbaik bagi mengukuhkan daya tahan dan pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia.

Ketujuh, keterdedahan risiko syariah meliputi aspek perundangan, operasi, penerimaan risiko, pelaburan dan aspek-aspek teknikal dalam SPT. Oleh sebab itu, SPT memerlukan sumber modal insan yang menguasai bidang kepakaran iaitu berkaitan pematuhan syariah dan juga aspek perundangan, operasi, penerimaan risiko, pelaburan, pengauditan dan aspek-aspek teknikal dalam operasi SPT. Kerajaan Malaysia dengan kerjasama BNM serta institusi pengajian tinggi perlu menjalankan usaha sama bagi melahirkan modal-modal insan yang menguasai dua bidang kepakaran yakni menguasai aspek pelaburan, pengunderaitan, pengurusan risiko, pengauditan, perakaunan dan lain-lain aspek teknikal dalam institusi kewangan dan turut mempunyai pengetahuan yang mantap dalam pematuhan syariah dalam kewangan Islam. Dengan adanya sumber-sumber manusia berasaskan pengajian kewangan dan pengajian syariah membolehkan institusi kewangan Islam termasuklah SPT membangunkan operasi SPT bukan sahaja patuh syariah dari fizikal malahan mempunyai semangat untuk menjalankan aktiviti dan operasi SPT yang patuh syariah sebagai sebahagian bentuk ibadah kepada Allah S.W.T.

Kelapan, di peringkat awal penubuhan SPT di Malaysia, SPT dianggap sebagai pengganti atau alternatif kepada syarikat insurans konvensional untuk menawarkan produk patuh syariah iaitu takaful kepada pasaran masyarakat Muslim di Malaysia. Namun, setelah 32 tahun SPT di Malaysia dengan jumlah keseluruhan sebanyak 11 SPT yang beroperasi pada masa kini, SPT bukan lagi alternatif tetapi perlu berubah untuk menjadi pesaing kepada syarikat insurans konvensional. Peningkatan jumlah caruman takaful menunjukkan perkembangan industri takaful di Malaysia. Tambahan lagi, kebanyakan syarikat-syarikat perbankan konvensional dan insurans konvensional di peringkat global dan tempatan turut menceburi bidang takaful dengan penubuhan SPT seperti AIA Public Takaful Bhd, Great Eastern Takaful Berhad, HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad, Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad. Keadaan ini menunjukkan peluang urus niaga

yang besar dalam industri takaful. Oleh sebab itu, SPT perlu berusaha dengan terbaik untuk mengukuhkan perniagaan takaful sebagai produk pengurusan risiko patuh syariah.

Secara keseluruhannya, cadangan implikasi dasar yang telah dibincangkan bertujuan menganalisis keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dan pendekatan menguruskan keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia.

6.4 Cadangan Dan Saranan

Rumusan dan implikasi yang telah diperjelaskan dalam bahagian 6.2 adalah berdasarkan pengumpulan data teoritikal kajian-kajian terdahulu dan hasil temu bual informan-informan dalam kajian yang begitu bergantung dan terhad kepada sejauh mana budi bicara dan kesediaan informan berkongsi maklumat mengenai keterdedahan risiko syariah. Ini berikutan kebanyakan keterdedahan risiko syariah yang dihadapi oleh SPT dianggap begitu sulit dan rahsia syarikat kerana persepsi pasaran masih menganggap bahawa setiap keterdedahan risiko syariah adalah negatif. Sedangkan insiden risiko syariah yang diuruskan dengan langkah pemulihan dan pembetulan yang betul adalah tindakan pengurusan risiko syariah yang terbaik. Oleh itu, beberapa cadangan kajian yang boleh dilakukan untuk kajian akan datang.

1. Menjalankan kajian secara kuantitatif untuk mengkaji bagaimana proses pengenalan pastian, pengukuran dan kawalan keterdedahan risiko syariah dalam SPT.
2. Menjalankan kajian dalam aspek penerimaan risiko takaful am dan takaful keluarga daripada perspektif fiqah dan usul al-fiqh dan implikasi terhadap keterdedahan risiko syariah.

3. Menjalankan kajian perbandingan pengurusan risiko syariah antara SPT-SPT di Malaysia dengan SPT-SPT di negara lain seperti Indonesia, Brunei dan Negara-Negara Timur Tengah.

6.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian telah meneliti dan mendalami keterdedahan-keterdedahan risiko syariah dalam SPT di Malaysia. Kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat empat aspek utama keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia yakni isu resolusi syariah, sumber manusia, operasi dan kelemahan tadbir urus syariah. Bagaimanapun, keterdedahan risiko syariah SPT di Malaysia mampu diuruskan melalui pendekatan tadbir urus syariah di peringkat dalam SPT sahaja khususnya keterdedahan risiko syariah melibatkan operasi dan sumber manusia. Manakala, keterdedahan risiko syariah berkaitan isu resolusi syariah seperti ketiadaan standard syariah dan isu kelemahan tadbir urus syariah seperti kelemahan pengauditan syariah merupakan isu makro yang dihadapi oleh semua SPT. Keterdedahan risiko syariah melibatkan isu makro memerlukan usaha yang berterusan dan melalui proses penambah baik dalam jangka masa panjang. Misalnya, keterdedahan risiko syariah dalam SPT Malaysia berkaitan isu resolusi disebabkan oleh perbezaan pandangan JKS SPT yang menyebabkan perbezaan praktis dalam SPT-SPT di Malaysia⁹. Oleh hal yang demikian, perbezaan pandangan dan praktis SPT di Malaysia perlu diseragam melalui standard pematuhan syariah daripada pengawalselia yakni BNM untuk memastikan perbezaan praktis ini tidak memberikan implikasi yang lebih besar sehingga menyebabkan pertikaian kontrak dan produk takaful itu sendiri. Dalam situasi tertentu, perbezaan resolusi syariah antara satu SPT dengan SPT lain mungkin berlaku. Oleh yang demikian, setiap resolusi syariah yang diputuskan di peringkat dalaman JKS SPT perlu diperjelaskan secara terperinci untuk mengelakkan

⁹ Perbezaan resolusi syariah dalam kewangan Islam menyebabkan risiko syariah. Lihat Hennie van Greuning dan Zamir Iqbal, *Risk Analysis for Islamic Banks*, 181.

sebarang pertikaian pada masa akan datang sama ada oleh masyarakat awam mahupun individu-individu berkepakaran.

Justeru, keseragaman praktis pematuhan syariah melalui standard dan garis panduan daripada pengawal selia diperlukan terutamanya melibatkan aspek-aspek operasi penting SPT. Keseragaman praktis standard pematuhan syariah SPT bukan bertujuan menutup ruang-ruang ijtihad di kalangan kepakaran syariah dalam SPT tetapi bertujuan mencapai kemaslahatan yang lebih besar kepada SPT iaitu kemampuan menawarkan produk takaful yang lebih baik, memenuhi setiap liabiliti kontrak takaful dan meningkat kemampuan penawaran produk-produk takaful. Selain itu juga, peranan JKS SPT tidak terhad di peringkat SPT semata-mata malahan pandangan JKS SPT ini turut dipertimbangkan sebelum keputusan atau resolusi syariah di peringkat BNM dikeluarkan. Oleh yang demikian, perseragaman praktis pematuhan syariah SPT di Malaysia diperlukan bagi memastikan perkembangan dan daya tahan industri takaful di Malaysia untuk mendapatkan penguasaan pasaran dalam produk pengurusan risiko dengan kemampuan bersaing dengan syarikat insurans konvensional.

Sebagai rumusan akhir, kajian menunjukkan terdapat pelbagai keterdedahan risiko syariah dalam SPT-SPT di Malaysia. Pihak industri takaful khususnya SPT dan pengawal selia BNM perlu bekerjasama dalam membuat persediaan untuk berhadapan dengan sebarang keterdedahan-keterdedahan risiko syariah SPT-SPT di Malaysia bagi memajukan lagi industri takaful di negara ini. Pengurusan risiko syariah yang baik berupaya untuk membantu bagi memartabatkan Malaysia sebagai sebuah hub kewangan Islam terbaik di dunia.

RUJUKAN

Buku dan Bab dalam Buku (Melayu/ Inggeris/ Arab)

ʿAbd al-Wahhab Khallaf. *ʿIlm Uṣūl al-Fiqh*. Kahirah: Dār al-Hadith, 2003.

ʿAbd Karīm Zaydān. *al-Wajiz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muaʿassasah al-Risālah, 2011.

_____, *Al-Madkhāl Li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Matbaʿat al-ʿAni, 1969.

Aabo, T., Fraser, J.R.S. dan Simkins, B.J., “The Rise and Evolution of the Chief Risk Officer: Enterprise Risk Management at Hydro One,” Dalam *Enterprise Risk Management: Today’s Leading Research and Best Practices*, ed. Fraser, J dan Simkins, B.J., 171-178. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc., 2010.

Abu ʿAbdullah Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal Bin Hilal Bin Asad al-Syaybani, *Musnād Imam Ahmad Bin Hanbal*. t.tp: Muassasah al-Risalah, 2001.

Abu Daʿud Sulayman ibn al-Ash`ath. *Sunān Abī Daud*. Beirut: Maktabah Asriyah, t.t.

Abd. Jalil Borham. ed., *Sains Muamalah Islam di Malaysia*, ed. ke-2. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001.

Abdullah @ Alwi Haji Hassan. “Akta Takaful 1984: Satu Analisa,” Dalam *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, eds. Asmak Ab Rahman et al., 103-117. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.

Abdullah Haron dan Dawood Taylor. “Risk Management in Takaful” Dalam *Takaful Islamic Insurance: Concept and Regulatory Issues*, ed. Simon Archer, Rifaat Ahmed Abdel Karim dan Volker Nienhaus, 171-179. Singapura: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd, 2009.

Abdullah Yusuf Ali. *The Glorious Quran: Text, Translation and Commentary*. Leicester: The Islamic Foundation, 1975.

Abu Zuhrah, Muḥammad. *Uṣūl al-Fiqh*. Kahirah: Dar al-Fikr al-ʿArabi, t.th.

Achene Lahsasna. *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: Wiley Finance Series, 2014.

_____. *Introduction to Fatwa, Syariah Supervision & Governance in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: CERT Publication, 2010.

_____. *Maqasid Al-Shariah in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2013.

Ahmad Mahdzan Ayob. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Ed. ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Ahmad Shah Wali Allah ibn `Abd al-Rahim al-Dihlāwi. *Hujjāt Allah al-Bālighah*. Bayrut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyāh, 2001.

Al-Buti, M. Sa'id Ramadan. *Kubra Al-Yaqiniyat Al-Kawniyah Wujud Al-Khaliq Wa-Wazifat Al-Makhluk : Ma`A Tamhid Baligh Al-Ahammiyah Fi Bayan Manhāj Al-Bahth Al-`Ilmi `An Al-Haqiqah `Inda `Ulama' Al-Muslimin Wa-Ghayrihim*. Bayrut: Dar al-Fikr, 1974.

Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazzali. *al-Mustāsfa min `ilm al-uṣūl*. Bayrut: Dār Sadir, 2010.

Al-Khafīf, `Ali. *Ahkam al-Mu`amalāt al-Shar`iyah*. Kuwait: Dār al-Fikr al-`Arābi, 1985.

Al-Kāsānā, `Alā' al-Dīn Abū Bakr ibn Mas'ūd. *Badā'i' al-Sanā'i' fi Tartīb al-Sharā'i'*. Ed ke-2 Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi, 1998.

Allan, G. "Qualitative Research," Dalam *Handbook for Research Student in Social Sciences*, ed. Allan, G. dan Skinner, C., Ed ke-1, 177-189. London: The Farmer Press, 1991.

Al-Qaraḍhāwī, Yusuf. *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā' kama Tajriyyatu al-Maṣārif al-Islāmiyyah Dirāsatan fi Ḍū al-Nuṣūṣ wa al-Qawā'id al-Shar'iyyah*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 2001.

Al-Sarkhasi, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad. *al-Mabsūt*. Bayrut: Dār al-Ma`rifah, 1978.

Al-Sawi, Ahmad Ibn Muhammad. *Bulghat al-Sālik li Aqrab al-Masālik ila madhhab al-Imam Malik*. Kahirah: Mustafa al-Bābi al-Halabi, 1952.

Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa. *al-Muwāfaqāt fi Usūl al-Sharī'ah*. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, t.t.

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn `Abḍ al-Raḥmān ibn Abi Bakr. *al-Ashbāh wa-al-nazā'ir fi qawā'id wa-furū' fiqh al-Shāfi'iyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 1998.

Al-Syawkānī, Muhammad ibn `Ali ibn Muhammad. *Irshād al-fuhūl ila tahqīq `ilm al-usūl*. Bayrut: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyah, 1995.

Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. *al-Madkhal ila Nazariyat al-iltizam al-`ammah fi al-Fiqh al-Islāmi*. Dimashq: Dar al-Qalam, 1999.

American Institute of Certified Public Accountants and Canadian Institute of Chartered Accountants. *Managing Risk in the New Economy*. New York: AICPA, 2000.

Archer, S dan Haron, A. "Operational Risk Exposure of Islamic Banks" Dalam *Islamic Finance: The Regulatory Challenge*, ed. Acher, S dan Abdel Karim, R., 122-131. Singapura: John Wiley & Sons, 2007.

Asmak Ab Rahman et al. "Kepentingan Takaful Sebagai Instrumen Simpanan dan Perlindungan," Dalam *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, eds. Asmak Ab Rahman et al., 53-65. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.

Bailey, C. A. *A Guide to Qualitative Field Research*. Ed ke-2. United Kingdom: Sage Publication Ltd, 2007.

Bälz, K. "Shari'ah Risk? How Islamic Finance Has Transformed Islamic Contract Law", Dalam *Occasional Publications 9*, Islamic Legal Studies Program. Cambridge, MA, Harvard Law School, 2008.

Basel Committee on Banking Supervision (BCBS). *Enhancing Corporate Governance For Banking Organizations*. Switzerland: BCBS, 2006.

_____. *Principles for the Sound Management of Operational Risk*. Switzerland: BCBS, 2011.

Bennard, H. R. *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Approaches*. Ed ke-5. Plymouth, UK: AitaMira Press, 2011.

Berg, B. L. *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*. Ed. ke-7. Boston: Pearson International Edition, 2009.

Bryman, Alan. *Social Research Methods*. Ed ke-3. Oxford: Oxford University Press, 2008.

- Burgess, R. G. "Sponsors, Gatekeepers, Members and Friend: Access in Educational Setting," Dalam *Experiencing Field-Educational Settings*, ed. Shaffir, W. dan Stebbins, R., 43-52. New York: St. Martin's Press, 1991.
- Carnell, C. F., dan Kahn, R. L. "Interviewing", Dalam *Handbook of Social Psychology*, Ed ke-2, Jil. 2, ed. Lindzey, R. dan Azronson, E., 552-564. Reading, MA: Addison-Wesley, 1968.
- Clarke, A. E. *Situational Analysis: Grounded Theory After Postmodern Turn*. Thousand Oaks, CA: Sage, 2005.
- Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO). *Enterprise Risk Management –Integrated Framework-Executive Summary*. New Jersey: The Committee of Sponsoring of Sponsoring of the Treadway Commission, 2004.
- Creswell, J.W. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approach*. Ed ke-3. London: Sage Publication, 2013.
- Daud, R. *Underwriting Family Takaful Scheme*. ICMIF: ICMIF Takaful, September 2009
- Denzin, N. dan Lincoln, Y. "Paradigm and Perspectives in Transition," Dalam *The Landscape of Qualitative Research: Theories and Issues*, ed. Denzin, N. dan Lincoln, Y., Ed. ke-2, 245-252. Thousand Oaks, CA; Sage Publication.
- _____. "Introduction: Entering the Field of Qualitative Research" Dalam *Handbook of Qualitative Research*, ed. Denzin, N. K. dan Lincoln, Y.S., 11-17. London: Sage Publication, 1994.
- Easterby-Smith, M., Thorne, R. dan Lowe, A. *Management Research*. London: Sage Publication, 2002.
- Essen, Y. *Challenges Abound for the Takaful Industry*. London: Islamic Finance News Guide, 2010.
- Fatimah Saad et al. *Glosari Mualamat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009.
- Fraser, John. R.S. "How to Prepare a Risk Profile," Dalam *Enterprise Risk Management: Today's Leading Research and Best Practices*, ed. Fraser, J dan Simkins, B.J., 171-178. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc., 2010.

George E. Redja. *Risk Management and Insurance*. Ed. ke-10. USA: Pearson Education Inc, 2000.

Guba. E., dan Lincoln. Y. "Competing Paradigma in Qualitative Research," Dalam *Handbook of Qualitative Research*, ed. Denzin. L, dan Lincoln, Y., 108-113. Thousand Oak, CA: Sage Publication, 1994.

Gulati, P. M. *Research Management: Fundamental and Applied Research*. New Delhi: Global India Publications, 2009.

Hammad, Hamzah `Abd al-Karim Muhammad. *Al-Raqābah al-Syar'īyyah fī al-Masārif al-Islāmiyyah*. 'Amman: Darun Nafa'is, 2006

Hammad, N. *Contemporary Islamic Jurisprudence on Monetary and Banking Transactions*. Damascus: Dar Al-Qalam, 2007.

Hasnan Kasan. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

Hendon Redzuan et al. *Risiko dan Insurans*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia, 2005.

Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid. *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*. Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006.

Hennie van Greuning dan Zamir Iqbal. *Risk Analysis for Islamic Banks*. Washington DC: The World Bank, 2008.

Hesse-Biber, S., dan Leavy, P. *The Practice of Qualitative Research*. Ed ke-2. Thousand Oaks, CA: Sage, 2006.

Ibn Dawiyan, Ibrahim Ibn Muhammad. *Manār al-Sabīl Fi Sharh al-Dalīl*. al-Mansurah: Dār al-Yaqin, 2004.

Ibn Hajar al-Makki al-Haythami. *Al-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kaba'ir*. al-Qahīrah: Dār al-Hadith, 2002.

Ibn Khaldun. *Mukadimah Ibn Khaldun*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Ibn Manzūr. Muhammad ibn Mukarrām, *Lisān al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir, 1990.

Ibn Rushd, Abi Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad. *Bidāyat al-Mujtahid wa-Nihāyat al-Muqtasid*. Bayrut: Dar Ibn Hazm, 2006.

Ibn Taymiyah, Abi al-`Abbas Taqi al-Din Ahmad ibn `Abd al-Halim. *al-Fatawā al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Ma`rifah, 1988.

Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abi Muhammad `Abd Allah ibn Ahmad. *al-Mughnī*. Bayrut: Dar al-Fikr, 1983.

Idris Awang. *Kaedah penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001.

